

**PENDEKATAN PEMBANGUNAN INSAN MENURUT  
HASAN AL-BANNA (m. 1949) MENERUSI  
KITAB MAJMU'AH AL-RASAIL**

**ZAINUDIN BIN HASHIM**

**TESIS DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**PENDEKATAN PEMBANGUNAN INSAN MENURUT  
HASAN AL-BANNA (m. 1949) MENERUSI KITAB  
MAJMU'AH AL-RASAIL**

**ZAINUDIN BIN HASHIM**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : ZAINUDIN BIN HASHIM

No. Pendaftaran/Matrik : IHA 130002

Nama Ijazah : DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek / Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis ("Hasil Kerja ini")

PENDEKATAN PEMBANGUNAN INSAN MENURUT HASAN AL-BANNA (m.1949) MENERUSI KITAB  
MAJMU'AH AL-RASAIL

Bidang Penyelidikan : PEMBANGUNAN INSAN

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa :

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta ialah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, akstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh 13/3/2018

perbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan saks

Tarikh 13/3/2018

Nama :

YUSMINI BINTI MD. YUSOFF, PHD

PENSYARAH KANAN

JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI MALAYA

Jawatan :

# **PENDEKATAN PEMBANGUNAN INSAN MENURUT HASAN AL-BANNA (m. 1949) MENERUSI KITAB MAJMŪ’AH AL- RASĀIL**

## **ABSTRAK**

Objektif utama kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti serta menganalisis aspek pembangunan insan menurut ajaran Islam. Hal ini sejajar dengan misi kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. yang sememangnya didatangkan kepada umat manusia untuk mempraktik dan merealisasikan pembangunan insan, malah kelahiran baginda menjadi rahmat kepada seluruh alam. Usaha pembangunan insan tidak pernah terhenti dari dahulu hingga ke hari ini. Pembangunan insan menjadi sandaran kepada segenap para ilmuwan dan sarjana Islam dalam memperkenalkan pembangunan insan kepada manusia pada zaman masing-masing. Hal ini tidak terkecuali kepada salah seorang tokoh pembangunan insan abad ke sembilan belas iaitu Hasan al-Banna yang banyak menulis dan menyampaikan mesej pembangunan insan melalui karya penulisannya. Yang paling ketara ialah tulisan kitab beliau ‘Majmū’ah al-Rasāil’ yang termuat di dalamnya unsur dan aspek pembangunan insan yang menjadi sandaran pengkaji untuk dianalisis. Pada masa yang sama kajian turut dibuat mengenai pendekatan Hasan al-Banna dalam pembangunan insan berdasarkan beberapa wasāil tarbiyah seperti Niżam usrah, katibah, rehlah, muktamar, daurah, jawwālah, kasyyāfah dan lain-lain. Wasāil tarbiyah yang disebutkan itu secara langsung menyerahkan aspek dan unsur pembangunan insan yang diperkenalkan oleh Hasan al-Banna dalam karyanya itu, pembangunan insan itu juga merupakan intipati dalam membangun individu Muslim, rumah tangga (institusi kekeluargaan), umat dan masyarakat Islam serta pembentukan sebuah “Negara Islam” yang disebut dalam ‘Majmū’ah al-Rasāil’ sebagai antara aspek pembangunan insan yang berpotensi dalam meningkatkan kualiti pembangunan insan menurut acuan Islam. Maka kajian ini telah menggunakan sepuluh unsur pembangunan insan yang dikemukakan oleh ayat al-Quran, hadith Rasulullah s.a.w., pandangan Imam al-Ghazali, Ibn Qaiyim al-Jauziyyah dan Syeikh

Muhammad ‘Abduh, iaitu sihat tubuh badan, berakhhlak mulia, berilmu tinggi, berdikari, memiliki aqidah yang sahih, melaksanakan ibadah dengan betul, dapat mengawal diri, bijak mengurus waktu, berdisplin melakukan urusan dan mampu memberi manfaat kepada orang lain. Kajian ini merumuskan bahawa dalam penulisan Hasan al-Banna sememangnya banyak mengemukakan unsur pembangunan insan, sepuluh unsur pembangunan insan yang digariskan itu memang menjadi tumpuan utama beliau dalam penulisannya. Berkenaan metodologi kajian tesis ini, pengkaji mendapati bahawa kajian ini dilakukan dalam bentuk induktif dan deduktif juga berdasarkan kajian kepustakaan semaksimum mungkin bagi mendapatkan dapatan kajian.

# **PENDEKATAN PEMBANGUNAN INSAN MENURUT HASAN AL-BANNA (m. 1949) MENERUSI KITAB MAJMŪ’AH AL-RASĀIL**

## **ABSTRACT**

The main objective of this research is to analyse the aspect of human development according to Islam teachings. This is in line with the prophetic mission of Prophet Muhammad p.b.u.h. who was sent to mankind to practice and to realise human development. The birth of the Prophet himself was a blessing to the whole world. The effort in developing human capital has never ceased since then. Human development becomes the basis for scholars in introducing human development in their era. The glaring importance of human development did not miss the attention of a nineteenth century scholar of human development, Hasan al-Banna, who has delivered the message of human development through his numerous writings. The most prominent amongst his books is ‘Majmu’ah al-Rasail’, which contains the basic elements and aspects of human development that becomes the basis for scholars and researches to analyse. Research are conducted to analyse the approach taken by Hasan al-Banna in human development based on several approach of tarbiyah, namely *Nizam usrah*, *katibah*, *rehlah*, *muktamar*, *daurah*, *jawwalah*, *kassyafah*, etc. *Wasail tarbiyah* clearly highlights the elements and aspects of human development introduced by Hasan al-Banna. Human capital is the essence of developing a Muslim individual and society, family institution, and the development of an Islamic state, which was mentioned in ‘Majmu’ah al-Rasail’ as one of the aspects that has the potential to enhance the quality of human development through Islamic teachings and practice. This research employs ten elements of human development as presented in the Quran and Hadiths of Prophet Muhammad p.b.u.h., and according to the views of Imam al-Ghazali, Ibn Qaiyim al-Jauziyyah and Sheikh Muhammad ‘Abduh. These elements are possessing a healthy body, having high morality, high level of knowledge, true faith, self-control, and good time management, and being independent, able to carry out

religious obligations perfectly well, well-disciplined in carrying out duties and responsibilities, and able to benefit others. This research concludes that the writings of Hasan al-Banna do present many elements of human development and the ten elements outlined by him have been his main focus. The methodology used in this research is in the form of inductive and deductive, which was based on extensive library research.

## **PENGHARGAAN**

1. Terima kasih yang tidak terhingga kepada al-Fāḍil Dr. Fakhrul Adabi bin Abdul Kadir dan al-Fāḍilah Dr.Yusmini binti Md. Yusoff, kedua-duanya merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur merangkap penyelia dan pembimbing tesis. Sesungguhnya kedua-dua doktor telah banyak memberikan bimbingan, pengorbanan masa dan tenaga serta tunjuk ajar berkesan di samping teguran membina semata-mata untuk memastikan pencapaian terbaik dalam kajian dan kejayaan saya dalam menyediakan tesis ini. Jasa kedua-dua Pensyarah Kanan ini tidak akan lentur dalam kehidupan saya yang diabadikan sebagai bimbingan berguna sepanjang hidup. Saya akan jadikannya sebagai kenangan manis dalam meniti kejayaan dari masa ke semasa dan terima kasih juga kerana kedua-duanya sanggup melayan kerena saya semasa proses penyeliaan dijalankan yang hampir mencecah lima tahun. Hanya Allah SWT sahaja yang berhak menilai dan membalias jasa baik kedua-dua penyelia saya ini. Saya berdoa ke hadrat Allah SWT agar DIA memberikan kebahagiaan dan ketenangan buat kedua- dua Dr. Fakhrul Adabi dan Dr. Yusmini serta keluarga tercinta yang tabah menyelia puluhan malah ratusan tesis dari pelajar-pelajar lain. Terima kasih sekali lagi dan syabas.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua tenaga kerja di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, UM terutama buat Puan Soffi dan sebelum ini Puan Salbiah yang bertukar ke jabatan lain yang banyak membantu soal-soal teknikal serta Dr. Mohamed Yusof (Ketua Jabatan) yang

meniup semangat saya dalam meneruskan kajian tanpa jemu dalam usia yang sudahpun mencecah separuh abad yang saya sifatkan sebagai pemberi motivasi dan ide bernes bagi melengkapkan kajian yang dijalankan, tidak lupa juga kepada sahabatku Dr. Ariffin bin Mohamed yang banyak memberi tunjuk ajar selepas berjaya menamatkan tesis Ph.Dnya di jabatan yang sama lebih dahulu daripada saya, malah yang menjadi pendorong utama untuk mendaftar diri sebagai calon doktor falsafah pada 2013 walaupun tidak berjaya meraih sebarang anugerah biasiswa dan pinjaman atas sebab faktor usia.

3. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga kepada pihak Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pangajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Induk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak yang banyak menyediakan bahan-bahan kitab rujukan yang saya perlukan bagi melengkapkan kajian ini, begitu juga terima kasih kepada kakitangan Perpustakaan Awam Pusat Islam dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi sehingga kajian ini dapat disempurnakan.

4. Apapun juga tetap tidak dapat dilupakan buat selama-lamanya pesanan bonda tercinta satu ketika dahulu, al-marhumah Hajah Siti Eshah binti Hj. Abdul Malik yang meminta diri ini agar dapat meneruskan pengajian hingga ke peringkat tertinggi iaitu Ph.D dan dapat mencurahkan ilmu kepada anak bangsa, begitu juga harapan al-marhum ayahanda al-marhum Haji Hashim bin Abdul Jalil yang mahu melihat diri ini melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu agama. Semoga kedua-dua ayahanda dan bonda yang dijemput Ilahi dicucuri rahmat dan mendapat keampunan daripada Allah SWT. Tidak ketinggalan kepada seluruh

adik-beradikku terutama Kak Long Hajah Habibah, abang-abangku, Haji Zaharudin dan Naharudin serta seisi keluarga yang telah memberi sokongan padu dalam menjayakan projek penulisan tesis, tidak lupa juga ibu mertuaku Hajah Zaharah binti Abdullah serta ipar duaiku yang sentiasa memahami kesibukanku bila berada di kampung hingga terkadang-kadang tidak menyertai mereka dalam program yang dirancang.

5. Buat zaujahku tercinta (Hajah. Habsah@Hayati binti Shafie) dikaulah qurratu ‘aini, yang sentiasa bersama-sama memberikan motivasi, pandangan bernes serta sokongan padu dan tabah dalam menanggung pahit manis sepanjang kehidupan bersamamu. Sesungguhnya kehadiranmu banyak membantuku dalam mempraktikkan amal-amal Islami. Begitu juga dengan putera dan puteriku ..... Abdullah ‘Afifi, Sumaiyah Najihah serta orang baharu dalam keluargaku iaitu Norhani Nabilah binti Shuhaimi yang akan bergelar ibu sedikit masa lagi, kesabaran kalian dalam tempoh kajian ini dibuat amat dihargai dan memahami keadaan saya dan memberikan sokongan moral yang tinggi untuk saya menyiapkan tesis ini. Selama ini dalam tempoh menyiapkan tesis ini, banyak dugaan dan cabaran yang mendarang tanpa diduga, terutama ketika menghadapi ujian sakit hingga terlantar di rumah yang memaksa diri ini untuk tidak mampu mentelaah kitab, tesis dan sebagainya selama hampir empat bulan, namun jika diri ini tidak kuat, minda tidak fokus, hati yang lemah sudah pasti amat sukar untuk menghadapi cabaran ini. Oleh itu, saya berpegang kepada satu hadith Nabi s.a.w. yang bermaksud : “Sesungguhnya Allah suka kepada seseorang daripada

kamu jika dia bekerja (beramal) dilakukan dengan penuh ketekunan.” Hadith riwayat Abu Ya’la dan Tabrani sampai kepada Aishah r.a.

Saya berdoa kepada Allah SWT agar segala usaha saya dalam menyempurna dan menyiapkan tesis ini mendapat keredaan dan keberkatan di sisi-Nya dan dijadikan sebagai amal-amal soleh, juga adalah diharap agar tesis ini dapat memberi manfaat yang berguna kepada sesiapa yang membacanya, In sha Allah.

*Zainudin bin Hashim*

*Bandar Tasik Puteri, Rawang*

*Selangor.*

*08 Mac 2018*

*H/P : 0196271604 email : ustazzain@gmail.com*

## ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK .....	iii
ABSTRACT.....	v
PENGHARGAAN.....	vii
ISI KANDUNGAN.....	xi
SENARAI JADUAL.....	xvi
PANDUAN TRANSLITERASI .....	xvii
KEPENDEKAN.....	xviii
KEASLIAN.....	xix
MOTTO.....	xx
DEDIKASI.....	xxi

## BAB SATU : PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	3
1.3 Pernyataan Masalah.....	6
1.4 Objektif Kajian.....	13
1.5 Kepentingan Kajian.....	13
1.6 Skop Kajian.....	14
1.7 Kajian Literatur.....	15
1.8 Metodologi Kajian.....	24
1.9 Metod Pengumpulan Data.....	26
1.9.1 Kajian Kepustakaan.....	27
1.9.2 Data Primer.....	28
1.9.3 Data Sekunder.....	29
1.10 Metod Analisis Data.....	30
1.10.1 Metod Induktif.....	30
1.10.2 Metod Deduktif.....	31
1.10.3 Kaedah Analisis Kandungan.....	31

## **BAB DUA : FALSAFAH PEMBANGUNAN INSAN MENURUT ISLAM**

2.1 Pendahuluan.....	34
2.2. Pembangunan.....	34
2.3 Insan.....	39
2.4 Pembangunan Insan Menurut Perspektif Islam.....	45
2.4.1 Da'wah dan Hubungannya Dengan Pembangunan Insan.....	56
2.4.2 Pembangunan Insan Dalam Da'wah Penulisan.....	59
2.5 Landasan Teori Pembangunan Insan Menurut Perspektif Ulama'.....	66
2.5.1 Pandangan Ulama' Mengenai Pembangunan Insan.....	67
2.6 Tarbiyah dan Hubungannya Dengan Pembangunan Insan.....	70
2.7 Tarbiyah Dalam Sorotan Ilmu-ilmu Islam.....	73
2.7.1 Konsep dan Definisi Tarbiyah.....	74
2.7.2 Kesan, Peranan dan Kepentingan Tarbiyah Dalam Pembentukan Individu.....	79
2.7.3 Matlamat Tarbiyah.....	86
2.7.4 Cabang-cabang Tarbiyah.....	96
2.7.5 Ciri-ciri Tarbiyah Yang Perlu Disampaikan.....	100
2.7.6 Uslub dan Wasilah Tarbiyah.....	110
2.7.7 Program Pengembangan Tarbiyah Islam.....	117
2.7.8 Asas Kepada Dasar Tarbiyah Dalam Islam.....	120
2.7.9 Natijah dan Kesimpulan Konsep Tarbiyah.....	123
2.7.10 Kesimpulan.....	128

## **BAB TIGA : PEMIKIRAN PEMBANGUNAN INSAN HASAN AL-BANNA DALAM KITAB MAJMŪ'AH AL-RASĀIL**

3.1 Pendahuluan.....	131
3.2 Latar Belakang Sistem Politik Mesir Pada Awal Abad Ke-20.....	133
3.3 Latar Belakang Sejarah Hidup dan Pendidikan Hasan al-Banna.....	137
3.4 Latar Belakang Keluarga Hasan al-Banna.....	140
3.5 Latar Belakang Kerjaya Hasan al-Banna.....	142
3.6 Hasan al-Banna dan Gerakan al-Ikhwan	

al-Muslimun.....	143
3.6.1    Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn.... Sebagai Pelaksana Etika Pembangunan Insan Menerusi Majmū’ah al-Rasāil.....	151
3.6.2    Pandangan Sarjana Islam Mengenai Hasan al-Banna.....	153
3.6.3    Pandangan Murid-muridnya Mengenai Ketokohnanya.....	156
3.6.4    Kesyahidan Hasan al-Banna.....	169
3.7    Pembangunan Insan Dalam Pembentukan Individu, Rumah Tangga, Masyarakat (umat) Dan Negara Menurut Hasan al-Banna.....	174
3.7.1    Faktor Kehancuran Negara-negara Arab Mendorong Hasan al-Banna Lakukan Pengislahan.....	176
3.7.2    Parlimen Pusat Pembangunan Insan Menurut Hasan al-Banna.....	179
3.7.3    Media Massa Medium Membangun Insan.....	183
3.7.4    Pembangunan Insan Dalam Pembentukan Individu.....	185
3.7.5    Pembangunan Insan Dalam Pembentukan Rumah Tangga Muslim.....	202
3.7.6    Pembangunan Insan Dalam Pembentukan Masyarakat (umat).....	215
3.7.7    Pembangunan Insan Dalam Pembentukan Negara.....	234
3.7.7.1    Daulah.....	241
3.7.7.2    Negara Dalam Rangkaian Sunnah dan Sirah Nabawiyyah.....	244
3.7.7.3    Khilāfah.....	246
3.7.7.4    Nizām al-Hukm (Sistem Pemerintahan).....	249
3.8    Kitab Majmū’ah al-Rasāil.....	261
3.9    Unsur-unsur Pembangunan Insan Dalam Kitab Majmū’ah al-Rasāil.....	267
3.9.1    Aspek Aqidah.....	269
3.9.2    Ibadah.....	284
3.9.3    Memelihara Tubuh Badan.....	292
3.9.4    Sentiasa Memelihara Diri Dengan Akhlaq Terpuji.....	299
3.9.5    Berusaha Menggarap Ilmu.....	313
3.9.6    Mampu Berdikari.....	322
3.9.7    Mampu Mengawal Diri dan Berusaha.....	328
3.9.8    Bijak Dalam Mengurus Waktu.....	336

3.9.9	Memiliki Disiplin Yang Tinggi Dalam Melaksanakan Urusan.....	341
3.9.10	Boleh Menyumbang Bakti Untuk Masyarakat.....	345
3.10.	Kesimpulan.....	351
<b>BAB EMPAT : PENDEKATAN WASĀIL TARBIYAH HASAN AL-BANNA DALAM PEMBANGUNAN INSAN</b>		
4.1	Pendahuluan.....	353
4.2	Pendekatan Niżām Usrah Dalam Pembangunan Insan.....	356
4.2.1	Pandangan Ilmuwan Islam Mengenai Niżām Usrah.....	359
4.2.2	Niżām Usrah.....	362
4.2.2.1	Ta’rif Usrah.....	363
4.2.2.2	Ta’rif Dari Sudut Konsep Dalam Jamā’ah.....	364
4.2.3	Naqib Usrah.....	371
4.2.4	Program Pengisian Usrah.....	376
4.2.5	Definisi Program Pengisian Usrah.....	377
4.2.6	Syarat dan Adab Usrah.....	387
4.2.7	Wasilah Usrah.....	397
4.3	Niżām Katībah.....	402
4.3.1	Konsep Katībah.....	405
4.3.2	Matlamat Niżām Katībah.....	407
4.3.3	Rukun, Syarat dan Adab Niżām Katībah.....	411
4.4	Rehlah / Jawwalah.....	420
4.5	Al-Mu’askar / Al-Mukhayyam.....	425
4.5.1	Kedudukan al-Mu’askar Dalam Tarbiyah al-Ikhwān al-Muslimūn.....	427
4.5.2	Matlamat al-Mu’askar.....	428
4.6	Ad-Daurah.....	432
4.7	Al-Mu’tamar.....	434
4.7.1	Kepentingan Mu’tamar.....	440
4.7.2	Jadual Pembangunan Insan Dalam Aspek Tarbiyah.....	441
4.7.3	Kesimpulan.....	443

## **BAB LIMA : KESIMPULAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan.....	444
5.2	Kesimpulan.....	445

5.2.1	Pembangunan Insan Berdasarkan Perspektif Islam.....	445
5.22	Unsur-unsur Pembangunan Insan Yang Terdapat Dalam Kitab Majmū'ah al-Rasā'il Hasan al-Banna .....	447
5.3	Rumusan.....	449
5.4	Saranan dan Cadangan.....	452
5.4.1	Pengkaji Yang akan Datang.....	453
5.4.2	Penulis buku.....	453
5.4.3	Pendakwah / Penceramah.....	453
5.4.4	Motivator.....	454
	<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	455

## **SENARAI JADUAL**

3.1.1 : Landasan Teori.....	132
4.2.2.3 : Parti atau Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan Yang Anjurkan Usrah.....	366
4.7.2 : Pembangunan Insan Dalam Aspek Tarbiah.....	441

## PANDUAN TRANSLITERASI

### Konsonan

Arab	Roman	Arab	Roman	Arab	Roman
ا ، ا'	a , a'	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh, sy	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	ه	h
خ	kh	ظ	ẓ	و	w
د	d	ع	‘	ي	y
ذ	Dh	غ	gh	ة	h,t
ر	r	ف	f		

### Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
--	A	قَاتَ	Qanata
--	I	سَلِيمٌ	Salima
--	U	جُعلٌ	ju'ilā

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا ، ئ	A	كُبَرَى، بَابٍ	bāb, kubrā
ي	I	وَكِيلٌ	Wakīl
و	U	سُورَةً	Sūrah

### Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
و--	aw	قَوْل	qawl
ي--	ay	خَيْر	khayr
و--	uww	قَوَّة	quwwah
ي--	iy, ī	عَربِي	‘arabiyy/ī

## **KEPENDEKAN / GLOSARI**

- ‘Abd : Abdul
- ABIM : Angkatan Belia Islam Malaysia
- Bil : Bilangan
- Dr. : Doktor
- Hal : Halaman
- HALUAN: Pertubuhan Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia
- Ibid : (Latin : *bidem*) pada tempat, kitab, fasal atau halaman
- IM : Al-Ikhwān al-Muslimūn
- IKRAM : Pertubuhan Ikram Malaysia
- ISMA : Ikatan Muslimin Malaysia
- Jld : Jilid
- No : Nombor
- Op. cit : (Latin : *loco citato*) pada tempat, halaman, tarikh dan masa yang sama
- PAS : Parti Islam SeMalaysia
- Prof. : Profesor
- r.a. : Rađiallāhu ‘anhu/anha
- s.a.w. : ṢalLlahu ‘Alaih wa Sallam
- Sdn. Bhd : Sendirian Berhad
- SWT. : Subḥānahu wa Ta’āla
- Terj. : Terjemahan
- t.t. : tanpa tahun/tarikh

*“Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”*

Zainudin Bin Hashim

IHA 130002

2018

## **MOTTO**

“Sesungguhnya kemuliaan (keagungan) Islam akan terhakis satu demi satu jika masih terdapat dalam agama Islam ini individu yang tidak mengenali urusan agamanya sendiri, maka Allah timpakan ke atasnya cara beramal yang serupa dengan amalan jahiliah.”

.....dengan itu benarlah firman Allah SWT yang berbunyi :

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعِزَّةَ فَلَلَّهُ الْعِزَّةُ جَمِيعًا<sup>١</sup> إِلَيْهِ يَصْعُدُ الْكَلْمُ  
الْطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الْصَّالِحُ يَرْفَعُهُ<sup>٢</sup>

Surah Fātir : 35 : 10

*Maksudnya :*

“Sesiapa yang mahukan kemuliaan (maka hendaklah ia berusaha mencarinya dengan jalan mematuhi perintah Allah), kerana bagi Allah jualah segala kemuliaan. kepada Allahlah terangkat segala perkataan yang baik (yang menegaskan iman dan Tauhid, untuk dimasukkan ke dalam kira-kira balasan), dan amal yang soleh pula diangkatnya naik (sebagai amal yang makbul - yang memberi kemuliaan kepada yang melakukannya).”

*Dedikasi.....*

*Kepada kedua ibu bapaku al-marhum Hashim bin Abdul Jalil dan al-marhumah Siti Eshah binti Haji Abdul Malik yang menjadi inspirasi kepadaku semasa hayat mereka dan menjadi sumber inspirasi buatku untuk terus menadah dan mentelaah kitab bagi meneruskan pengajian di peringkat doktor falsafah pada usia separuh abad, namun Islam sama sekali tidak pernah membataskan usia sebagai penghalang untuk terus menggali ilmu selagi hayat di kandung badan dan selagi jantung berdenyut serta masih belum digelar jenazah.*

*Kepada isteriku Hajah Habsah @ Hayati binti Shafie serta anak-anak Abdullah Afifi dan Sumaiyah Najihah serta ahli baharu dalam keluargaku Norhani Nabilah binti Shuhaimi yang cukup sabar ketika tesis ini di peringkat awal penyediannya hingga ke peringkat terakhir pada waktu yang agak panjang, namun berkat kesabaran kalian tesis ini berjaya dihasilkan, mudah-mudahan ia menjadi sebahagian bahan rujukan berguna buat tatapan individu dan masyarakat yang cintakan aspek untuk membangun diri dengan elemen pembangunan insan menurut acuan Islam, mudah-mudahan ia juga menjadi sebab ramai individu berusaha untuk membangun diri dan berubah dengan Islam yang menjadikan keselamatan dunia dan akhirat sesuai dengan namanya Islam iaitu penyelamat.*

University of Malaya

## BAB SATU : PENDAHULUAN

### 1.1. PENDAHULUAN

Keberadaan manusia di muka bumi adalah untuk menjadi khalifah Allah SWT<sup>1</sup> dengan melakukan segenap titah perintah-Nya dan meninggalkan segenap larangan-Nya. Dalam erti kata lain, Allah SWT mahukan dari hamba-hambaNya agar wujud aspek pembinaan insan dengan segala bentuk kebaikan yang berlangsung di muka bumi ini yang juga menjadi matlamat turunnya agama Islam melalui para Anbiya' bermula dari Nabi Adam a.s. hingga kepada Nabi Muhammad s.a.w. iaitu Islam yang menjadi agama pegangan ummah hingga ke hari ini yang membawa ribuan maksud<sup>2</sup>.

---

<sup>1</sup> Inspirasi dari ayat 30 surah al-Baqarah.

<sup>2</sup> Islam adalah agama yang menjadi pegangan manusia sejak dahulu lagi. Ia membawa maksud himpunan tanggungjawab seorang insan terhadap Allah, manusia dan dirinya sendiri. Islam juga diertikan sebagai pegangan aqidah, yang juga bererti ketaatan, penyerahan diri insan terhadap Allah yang terdedah kepada pahala dan dosa. - Muhammad Yusuf Musa, Dr – *Al-Islām Wa Ḥajat al-Insāniyah ilaih*, (Kuwait : Maktabah al-Falāḥ, 1978), 115.

Sementara 'Abd al-Ghani Syamah, Dr. dalam bukunya : *Al-Islām kamā Yanbaghi 'An Na'rifahu*, (Mesir : Maktabah Wahbah, 1983), 17. Beliau menegaskan, bahawa Islam adalah penyerahan diri insan dengan melakukan segenap titah perintah Allah dan meninggalkan segenap larangan dan tegahan-Nya bagi mencapai maksud Islam iaitu selamat dan aman dalam kehidupan dunia dan akhirat.

Justeru, Islam menganjur sesuatu arahan positif daripada Allah adalah untuk menyelamatkan bangsa manusia daripada terjerumus dalam neraka serta disiksa dengan siksaan yang tidak dapat digambar oleh akal fikiran insan yang waras cara berfikirnya. Dengan demikian, apabila seseorang individu muslim/muslimah beramal dengan Islam, melalui pegangan aqidah yang benar, melakukan ibadat menepati piawaian islam, berilmu dan berharta, maka dia akan mengecapi kebahagiaan hidup dalam dirinya dan ketika berada bersama jamaah. Mahmoud Syaltut, Syeikh : *Mīn Tawjīḥāt al-Islām*, (Meşir, Dār al-Syurūq, 1987), 572.

Menurut 'Abd al-Karim Zaydan, Dr. dalam bukunya : *Usūl al-Dakwāh*, menjelaskan terdapat 6 takrif atau definisi besar mengenai Islam, yang terpilih ialah definisi Islam seperti dalam hadis kedua dalam kitab Hadith 40 Imām an-Nawawi iaitu lontaran soalan malaikat Jibril terhadap Rasulullah s.a.w. mengenai Islam, Iman, Ihsan dan tanda-tanda kiamat, Islam menurut 'Abd al-Karim didefinisikan sebagai ketundukan, penyerahan diri hamba terhadap Allah SWT, beliau juga mendefinisikan Islam dengan 3 soalan penting iaitu; dari mana kita datang?, kenapa kita datang ke muka bumi ini? Dan ke mana pula kita akan dikembalikan?. (Beirut - Muassasat al-Risālah, 1987), 9 -15.

Sa'id Hawwa, Syeikh dalam bukunya : *Al-Islām*, (Qāherah, Maktabah Wahbah, 1987) 1 : 6-11, beliau menegaskan bahawa Islam adalah solat lima waktu sehari semalam berdasarkan sebuah hadis Nabi s.a.w. riwayat Talhāh bin Ubaidillah, Islam juga adalah rukun Islam yang lima berdasarkan hadis riwayat Imām al-Bukhārī mengenai rukun-rukun Islam, kesimpulannya beliau menegaskan bahawa Islam ditakrifkan sebagai aqidah yang tersimpul dalam dua kalimah syahadah, ia juga adalah ibadat yang terangkum dalam amalan solat, zakat, puasa dan haji (rukun Islam), malah Islam menjangkau lebih daripada takrifan berkenaan meliputi manhaj hidup manusia, politik, ekonomi, ketenteraan, aspek akhlak, kemasyarakatan, pembelajaran dan lain-lain.

Sesungguhnya para Anbiya' hingga kepada Nabi Muhammad s.a.w. tidak terkecuali menjalankan titah perintah Allah SWT untuk membangun insan melalui aspek peribadatan seperti yang terkandung menerusi ayat :

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّغْوَةَ  
فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الظَّلَمَةُ فَسِيرُوا فِي  
الْأَرْضِ فَانْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَنْقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ﴿١٦﴾

Al-Nahl : 16 : 36

Maksudnya : "Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat itu seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulNya."

Jelas ayat di atas menunjukkan bahawa para Anbiya' telah melakukan proses membangun Insan dengan menyeru mereka untuk hanya mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan aqidah yang benar serta penyembahan hanya kepada-Nya.

Sehubungan itu Allah SWT telah menjelaskan dalam ayat 56 surah ad-Dhāriyāt

وَمَا حَلَقْتُ الْجِنَّ وَالإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ ﴿٥٦﴾

Surah ad-Dhāriyāt : 51 : 56

Terjemahan : "Sesungguhnya aku tidak menjadikan jin dan manusia melainkan hanya untuk beribadat kepada-Ku."

Manusia diperintahkan Allah untuk membangun diri dengan beribadat iaitu tunduk dan patuh kepada arahan-Nya dalam erti kata lain ia adalah aspek pembangunan insan yang semakin hari semakin terpinggir dalam kehidupan umat Islam hari ini dan jauh daripada maksud Islam yang sebenar.

Sesungguhnya para ulama' di semua peringkat zaman dan tempat, telah membahaskan aspek pembangunan insan menerusi medium dakwah<sup>3</sup>, kerana ia adalah tugas utama para Anbiya' sama ada ia berupa ceramah, forum agama, khutbah dan lain-lain.

## 1.2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini membahaskan pendekatan Hasan al-Banna dalam aspek pembangunan insan menerusi kitab Majmū'ah al-Rasā'il yang sarat dengan pengisian pembangunan insan dalam semua risalah yang dikemukakan yang menjadi keutamaan beliau untuk dikenangkan kepada masyarakat Islam khususnya di Mesir yang ketika itu mengalami kejutan budaya, ia adalah kerana terikut-ikut dengan cara hidup Barat yang menyelubungi negara yang pernah dijajah Fir'aun yang jauh menyimpang dari kebenaran agama, maka apa yang pernah berlaku pada era pemerintahan Fir'aun seperti mahu dihidupkan kembali, inilah yang membimbangkan para ulama' tidak terkecuali Hasan al-Banna.

Mesir yang pernah dibuka oleh sahabat Rasulullah iaitu 'Amru bin al-'Aṣ pada Disember 639M pada era pemerintahan Saidina 'Umar bin al-Khattab<sup>4</sup>

---

<sup>3</sup> Dakwah bererti memberi penerangan dan menyampaikan, juga dimaksudkan dengan memindahkan petunjuk Allah kepada manusia sejagat seperti yang terakam dalam ayat :

قُلْ هَنِّيَ سَبِيلٌ أَدْعُوكُمْ إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ

وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ



Yūshūf : 12 : 108

Maksudnya : "Katakanlah (Wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata, dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari Segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekuatkan Allah dengan sesuatu yang lain." Muhammad Amin Hasan (Tesis Sarjana), Khoṣāī ḥ-Dakwah al-Islamiah, (Jordan : Maktabah al-Manār, 1983), 15.

<sup>4</sup> Al-Suyūṭī, Jalal al-Din 1967. *Ḥuṣn al-Muḥādarah fi Tārīkh Miṣr wa al-Qāherah*, (Qāherah : Maktabah al-Ḥalabī, 1967), 1 : 106 .

menjadikan Islam sebagai teras pentadbiran negara yang kekal hingga bertukar kepada sistem kerajaan beraja. Namun keadaan semakin berubah apabila Mesir diurus tadbir oleh para pemimpin selepas itu menjadikan sekularisme sebagai teras dalam pemerintahan negara.

Menurut Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, negara-negara Islam terutama di Afrika Utara seperti Mesir dan lain-lain dijangkiti virus fahaman Sekularisme<sup>5</sup> atas nama tamadun moden bertujuan untuk merosakkan pemikiran rakyat yang sanggup memisahkan antara agama dengan pentadbiran negara<sup>6</sup>.

Fenomena itu telah menyebabkan berlakunya kemerosotan dan kemunduran peradaban pemikiran dan cara hidup Islam hingga membawa Mesir kepada sebuah negara yang mementingkan keduniaan dalam segenap aspek kehidupan, namun apa yang mendukacitakan ialah para pemerintah selepas era pemerintahan sahabat dan tabi'in itu terdiri daripada individu yang sanggup menggadai prinsip agama seperti yang pernah sejarah catatkan, iaitu pemerintahan Raja Faruq, Jeneral Najib dan Presiden Jamal ‘Abd Naser yang menjadi petualang kepada penjajah, mereka dianggap punca rakyat Mesir terumbang-ambing jauh daripada kebenaran yang dituntut Allah SWT<sup>7</sup>, suasana itu amat tidak disenangi oleh ramai individu terutama yang amat mencintai agamanya iaitu Islam, maka Allah SWT menzahirkan Hasan al-Banna tampil untuk menyatakan kesediaan dan pendekatannya yang ideal untuk membawa umat agar berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar walaupun mendapat tentangan hebat dari golongan Sekularisme, namun ia tetap

<sup>5</sup> Sekularisme juga derti sebagai fahaman ‘tiada agama’ atau ‘cenderung kepada kehidupan dunia’ yang tiada kaitan langsung dengan kehidupan akhirat, atau dengan kata lain aliran fahaman yang tiada kaitan dengan agama, iaitu agama dipisahkan daripada kehidupan dunia. - Yusuf al-Qaradawi, Dr : *Al-Islām wa al-‘Ilmāniyyah Wajhan li Wajhin* (Qāherah : Dār al-Šohwah, 1987), hal. 48.

<sup>6</sup> Dr. ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud : *Rukn al-‘Amal aw Manhaj al-İslāḥ al-Islāmi li al-Fard wa al-Mujtama*’ (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamīyyah, 1994), hal. 186-187.

<sup>7</sup> Mahmud ‘Abd al-Halim : *Al-Ikhwān al-Muslimūn - Aḥdāth Ṣona’at al-Tārīkh* (Qāherah : Dār al-Da’wah, 2004), hal. 536

dilakukan dengan penuh cermat dan berhemah, sudah menjadi sifat Islam menerima pelbagai sanggahan yang menunjukkan kebenarannya amat ditakuti kerana kononnya akan menghilangkan pengaruh isme-isme yang dianuti oleh manusia.

Apa yang hendak diketengahkan oleh Hasan al-Banna dalam kitab Majmū'ah al-Rasā'il yang merupakan himpunan risalah-risalahnya dalam pelbagai dimensi dan pendekatan, yang kebanyakannya bersifat tarbiyah, dakwah dan membangun insan dengan Islam. Kitab Majmū'ah al-Rasā'il dipersembahkan dengan pengukuhan naṣ al-Quran, hadith serta Sirah Nabawiyyah untuk membawa insan kepada satu hala tuju hidup yang jelas dengan ajaran Islam yang sempurna dan benar.

Hasan al-Banna sedar semua apa yang diketengahkan tidak akan sampai kepada mencapai cita-cita dengan Islam, melainkan dengan adanya individu-individu yang mendukung segenap pemikiran yang diinspirasikannya dengan keberadaan sebuah jamaah yang mempraktikkan apa yang dilontarkannya, ia tidak lain usaha beliau yang bersungguh hingga terbentuknya Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn yang boleh disifatkan sebagai golongan pengamal (al-'Amilīn) atau pelaksana kepada apa yang dicita-citakannya.

Keberadaan al-Ikhwān al-Muslimūn adalah bertujuan untuk melaksana apa yang ditegaskan oleh Hasan al-Banna dalam Majmū'ah al-Rasā'il. Kitab ini menampilkan manhaj serta pendekatan pembangunan insan terbaik dalam membangun insan yang dilihat pada zamannya tidak lagi mengamalkan Islam secara praktikal akibat dilanda bala penjajahan yang amat kritikal.

Hasan al-Banna dalam kitabnya itu amat teliti usaha membentuk dan membangun insan seperti yang dijelaskan dalam Risālah Ila al-Syabāb, di mana akan lahir individu, keluarga (rumah tangga), masyarakat atau umat serta negara yang

bersifat Islam secara syumul, namun usaha yang dijalankan itu berhadapan dengan pelbagai anasir negatif untuk menyekat serta menghalang pergerakan segenap anggota al-Ikhwān al-Muslimūn daripada mengamalkan Islam.

### **1.3. PERNYATAAN MASALAH (SENARIO KAJIAN)**

Mesir yang pernah dilanda penjajahan British (Inggeris) menghadapi masalah<sup>8</sup> yang sama yang dialami oleh negara-negara lain di bawah pentadbiran British. Ia bertindak untuk menjadikan rakyat Mesir yang satu ketika dahulu berada dalam situasi yang mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Namun dengan kemasukan British di bumi bertuah ini, segala kebaikan, kemuliaan dan amalan dengan Islam semakin kendur dan pudar.

Namun aspek dakwah tetap terus berlangsung. Pelbagai usaha untuk memulihkan situasi di mana rakyat Mesir hanyut dengan kebendaan dunia hasil penjajahan British dilakukan. Ia bermula dengan kesedaran para alim ulama' seperti Jamāl al-Dīn al-Afghānī, Syeikh Muhammad 'Abduh dan Syeikh Muhammad Rasyid Redha.

Sesungguhnya usaha dakwah mereka tersebut sentiasa mendapatkekangan dan halangan dari pihak British yang merancang untuk mengekang dakwah tersebut, di

---

<sup>8</sup> Masalah boleh didefinisikan sebagai usaha untuk mencari idea dan langkah-langkah alternatif bagi mengatasi halangan yang ada bagi mencapai sesuatu matlamat. Ia merupakan satu proses mental yang kompleks dan rumit, yang juga melibatkan tindakan fizikal. Menyelesaikan masalah dengan berkesan adalah penting dalam kehidupan. Penyelesaian yang berkesan dapat meningkatkan keyakinan diri dan lebih bertanggungjawab serta bersedia untuk menghadapi cabaran hidup masa kini dan masa akan datang. Secara umumnya, proses penyelesaian masalah merangkumi enam langkah utama iaitu :

- 1- Menganalisis masalah dan mendefinisikannya,
- 2- Mengumpul maklumat yang berkaitan dengan masalah,
- 3- Mengenal pasti alternatif penyelesaian,
- 4- Menilai dan menentukan pilihan tindakan,
- 5- Mengambil tindakan, dan
- 6- Menilai keberkesanannya tindakan dan risiko.. - Mumtazah Othman dan Husna Sulaiman, Dr – *Penyelesaian Masalah : Teknik & Aplikasi*, (Serdang, Penerbitan Universiti Putra Malaysia (UPM), 2008), hal. 2.

samping tidak mendapat sambutan daripada masyarakat setempat, atau dengan kata lain dakwah yang tidak bersifat kolektif. Walaupun usaha yang mereka laksanakan mendapat tentangan, namun ia tidak terhenti di situ, kerana terdapat individu selepas mereka yang akan meneruskan tugas yang mencabar itu.

Masyarakat Mesir khususnya pada waktu itu sudah menyimpang jauh dari berpegang dengan ajaran Islam sebenar, aspek hidup kebaratan menjadi cara hidup mereka, dengan kata lain unsur pembangunan insan sudah tidak ada lagi dalam kehidupan mereka sebagai bangsa Arab yang dekat dengan al-Quran, malah memahami intipati hadith Nabi s.a.w., ia akibat dari bergelumang dengan dosa dan maksiat yang amat disanggah oleh Islam, mereka perlu dibangunkan semula, walaupun sudah ada usaha untuk untuk tujuan itu, namun ia perlu dipergiatkan dari masa ke semasa.

Tugas tersebut disambung oleh Hasan al-Banna yang lebih fokus dalam bidang dakwah . Beliau sedar jika usaha dakwah tidak diteruskan dan dirintis dengan baik, maka kegagalan demi kegagalan akan terus menghimpit rakyat dan masyarakat Mesir yang sepatutnya berpotensi besar menjadi umat Islam yang kuat kerana adanya sebuah institusi pengajian Islam tinggi seperti Universiti al-Azhar di bumi bertuah itu tidak dapat dimanfaatkan.

Beliau tiada pilihan lain, melainkan melakukan tugasan dakwah secara kolektif dengan menubuhkan sebuah jamaah umat Islam yang benar-benar cintakan Islam serta mendahulukan Allah dan Rasul-Nya dalam segenap tindakan mereka yang dikenali sebagai Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn pada 1928.

Usaha dakwah bukan satu usaha yang mudah untuk membangun insan yang telah bergelumang puluhan tahun dengan aspek dunia menjadi sandaran hidup hasil

penjajahan British yang sememangnya mahu memisahkan Islam dalam kehidupan umat Islam terutama rakyat Mesir secara terancang, teliti dan komprehensif.

Hasan al-Banna melakukan pelbagai usaha bagi menyedarkan rakyat dan masyarakat Mesir khususnya untuk kembali semula ke pangkuan Islam secara menyeluruh, walaupun beliau tahu usahanya akan mendapat tentangan, bukan sahaja yang datang daripada pembesar British, tetapi juga daripada anak-anak didiknya dalam kalangan pemerintah yang sanggup menggadai prinsip-prinsip agama Islam.

Beliau juga sedar bahawa kegagalan dalam berdakwah disebabkan tidak dilaksanakan secara kolektif seperti yang pernah berlaku sebelumnya yang menimpa Syeikh Jamal al-Din al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh. Dengan itu beliau mewujudkan sebuah jamaah, di mana individu-individu yang berada di dalamnya dipastikan untuk diberi kefahaman Islam yang syumul, kerana bukan semua dalam kalangan anggota-anggotanya merupakan lepasan-lepasan agama yang mantap.

Hasan al-Banna memulakan strategi dengan menulis pelbagai bentuk risalah bertujuan untuk mentarbiyah individu-individu yang menyokong al-Ikhwān al-Muslimūn, juga memberi fokus terhadap rakyat termasuk para pemerintah agar kembali kepada ajaran Islam sebenar. Justeru, risalah-risalah yang disediakan oleh beliau ada yang bersifat tarbiyah khusus buat anggota-anggota al-Ikhwān al-Muslimūn, tarbiyah yang ditujukan buat pemerintah di Mesir dan di dunia Islam agar dapat membangun dengan ajaran Islam.

Bagi memastikan agar risalah-risalah agama yang bermanfaat itu tidak berlalu atas angin sahaja, maka usaha menghimpun dilakukan agar menjadi sebuah kitab manual buat rujukan anggota dan umat Islam lain, usaha menghimpunnya berjaya dilakukan dan diberi judul '*Majmū'ah al-Rasā'il*' (himpunan risalah-risalah

Imam Hasan al-Banna), walau bagaimanapun pengkaji masih tidak berupaya menemui individu yang telah berjaya menghimpunkan semua risalah-risalah tersebut hingga menjadi sebuah kitab yang amat bermanfaat buat umat Islam seluruhnya, ia bukan han fokus kepada masyarakat Mesir semata-mata, malah kepada semua warga Muslim walau di manapun mereka berada.

Dengan adanya manual ini, anggota al-Ikhwān al-Muslimūn terarah kepada satu hala tuju dakwah yang lebih sistematik dengan wasilah tarbiyah terkini yang mampu mendidik setiap anggotanya menghayati Islam dalam segenap dimensi ajarannya, sepatutnya dengan terkumpulnya kitab Majmū'ah al-Rasā'il moga ia menjadi satu kebanggaan buat umat Islam di kala mereka hilang pedoman, namun ia dipandang serong oleh British dan anak-anak didiknya. Bagi membendung pengaruh al-Ikhwān al-Muslimūn terus menular dan bergerak ke dalam sanubari setiap rakyat Mesir, al-Ikhwān al-Muslimūn dituding sebagai sebuah gerakan bawah tanah, sekali gus ia diharamkan.

Perlu untuk disebut di sini, bahawa individu dalam kalangan al-Ikhwān al-Muslimūn yang mendapat tarbiyah secara langsung daripada pengasasnya sendiri iaitu Hasan al-Banna, sama ada dengan mengikuti ceramah atau pidatonya di markaz-markaz atau membaca kitab Majmū'ah al-Rasā'il yang sarat dengan pendekatan dakwah yang menjurus kepada pembangunan insan, mereka adalah kumpulan manusia yang baik perilakunya, bersopan santun, berakhlik tinggi lagi mulia, sentiasa mematuhi arahan ketua selagi tidak menyalahi tuntutan Syariat Islam, gerakan ini semakin diterima oleh masyarakat dari masa ke semasa yang akhirnya menggerunkan pihak berkuasa Mesir.

Setelah risalah-risalah Hasan al-Banna dihimpunkan, maka anggota al-Ikhwān al-Muslimūn semakin yakin dengan peranan, tugas dan tanggungjawab mereka untuk

membangun diri sendiri dan masyarakat untuk berpegang teguh dengan Islam yang syumul.

Namun yang menjadi permasalahan ialah mereka dituduh dan diperlakukan dengan pelbagai tindakan biadap hingga hilang keperimanusiaan oleh tali barut-tali barut British yang tertanam dalam benak dan sanubari mereka benci kepada Islam. Mereka inilah yang menjadi talian hayat British untuk menghalang kemaraan Islam.

Kekentalan berpegang kepada ajaran Islam yang syumul dalam kalangan anggota-anggota al-Ikhwān al-Muslimūn, sebahagian besarnya merujuk kepada pendekatan Hasan al-Banna melalui kitab Majmū'ah al-Rasā'il, kerana kaedah, manhaj serta pendekatannya dalam membangun insan terangkum secara mudah dan menepati piawaian Islam sebenar, bagi yang tidak merujuknya secara berdisiplin dan berhemah, apatah lagi belum serta tidak merujuk dan membacanya, mereka telah menghukum bahawa Majmū'ah al-Rasā'il adalah satu pendekatan yang menjurus kepada ‘keganasan’ seperti istilah kotentorari yang diguna pakai oleh pihak tertentu yang sememangnya anti kepada Islam.

Namun ia adalah satu telahan meleset yang sengaja digembar-gemburkan oleh British, justeru kajian tentang pendekatan Hasan al-Banna dalam Majmū'ah al-Rasā'il bukanlah satu usaha mudah kerana ia perlu dilakukan dengan cermat, namun usaha memperjelaskan unsur-unsur pembangunan insan di dalamnya perlu dilakukan agar akan lahir insan-insan yang cemerlang berpegang dengan Islam, seperti anggota-anggota al-Ikhwān al-Muslimūn terus mendepani pada era Islam yang diberi gambaran yang negatif.

Antara beberapa contoh kenyataan Hasan al-Banna dalam risalah-risalah yang termuat dalam kitab *Majmū'ah al-Rasā'il* seperti dalam Risalah Ila al-Syabab beliau menyebut :

“Wahai Pemuda, kita akan berjuang dalam mencapai tujuan merealisasikan impian fikrah kita iaitu menjelaskan kepada masyarakat mengenai Islam dengan jelas tanpa sebarang penambahan atau pengurangan, kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan agar mereka diberi kefahaman tersebut, maka dengannya kita semua akan hidup dan mati dalam keadaan mulia, kerana slogan tetap kita ialah Allah matlamat kita, Rasul pemimpin kita, al-Quran perlembagaan kita, jihad adalah cara kita dan mati pada jalan Allah adalah cita-cita tertinggi kita.”<sup>9</sup>

Dalam kesempatan yang lain, beliau menyebut :

“Wahai Pemuda, sesungguhnya manhaj al-Ikhwān al-Muslimūn tertumpu kepada beberapa aspek yang diberi keutamaan, iaitu kita mahu agar seorang individu itu mempunyai pemikiran yang jelas mengenai Islam, memiliki aqidah yang jitu dan padu, akhlak dan perasaan yang positif, terutama dalam tindakannya sebagai seorang individu yang benar-benar komited dengan Islam. Kita juga mahu setiap dari kita mempunyai sebuah rumah tangga yang Islamik, di mana seorang isteri menjadi pembantu suami dalam merealisasikan impian Islam, begitu juga dengan masyarakat yang sentiasa mengamalkan akhlak terpuji hasil dari aqidah yang selamat dari sebarang penyelewengan, jika kesemua itu benar-benar tercapai dalam pembentukannya, maka akan lahir sebuah pemerintah yang akan memimpin masyarakat untuk ke masjid, membimbing mereka dengan petunjuk Islam sepertimana yang ditunjuk oleh Rasulullah s.a.w. terhadap para sahabatnya. Pada masa yang sama menolak cara berpolitik Barat yang menyimpang jauh dari kebenaran Islam.”<sup>10</sup>

Dalam Risalah al-Mu'tamar al-Khomis , beliau menegaskan;

“Wahai saudara-saudaraku sekalian, aku amat berharap kamu semua agar tidak terlalu banyak bercakap tanpa bekerja untuk Islam, justeru kita

---

<sup>9</sup> Hasan al-Banna : *Majmū'ah al-Rasā'il*, hal. 84, menerusi Risālah Ilā al-Syabāb.

<sup>10</sup> Ibid \_\_\_\_\_ hal. 85.

amat meyakini bahawa segenap undang-undang Islam dan pengajarannya mencakup segenap aspek kehidupan manusia dunia dan akhirat, adalah salah jika terdapat dalam kalangan umat Islam yang hanya menyangka bahawa Islam hanya memberi perhatian pada aspek ibadat dan kerohanian sahaja tanpa yang lain, mereka adalah golongan yang salah dalam memahami Islam, kerana Islam itu adalah aqidah, ibadat, sebuah agama yang benar, ia juga adalah sebuah negara, Islam juga menitik beratkan persoalan rohani dan amalan, ia adalah al-Quran dan jihad pada jalan Allah kerana semua itu termaktub dalam kitab al-Quran dan menyifatkannya sebagai antara intipati ajaran Islam.<sup>11</sup>,

Menerusi Risālah Niżām al-Hukm, beliau menyebut;

“Wahai saudara-saudaraku, Islam telah memfardukan pembentukan sebuah pemerintahan yang disifatkannya sebagai tiang kepada institusi kemasyarakatan seperti yang telah ditunjukkan oleh Sirah Nabi, kerana tanpanya masyarakat akan berhadapan dengan keadaan hiruk pikuk, kerana Islam tidak membiarkan sesebuah jamaah bergerak tanpa kepimpinan, kerana Rasulullah ada menyebut bahawa jika kamu bertiga, maka pilihlah salah seorang daripada kamu menjadi ketua, Imam al-Ghazali juga ada tegaskan, ketahuilah bahawa Syariat itu adalah tiang, pemerintah itu adalah penjaganya, apa sahaja yang tidak bertiang, maka akan hancurlah ia dan apa sahaja yang tidak mempunyai penjaga maka akan loputlah ia, begitulah juga sebuah negara tidak akan terbentuk jika tidak mengamalkan Islam, ia akan hancur jika berpolitik dengan cara yang tidak diajarkan oleh Islam, maka dengan dakwah sahaja ia mampu menjaganya.<sup>12</sup>,

Sementara dalam Risālah al-Usrah (Usrah), Hasan al-Banna menyebut;

“Sesungguhnya Islam amat menitik-beratkan pembentukan sebuah keluarga dalam kalangan pengikutnya dengan akhlak yang mulia, tinggi lagi terpuji, malah mengikat sesama mereka hubungan persaudaraan yang cukup dinamik, melonjakkan mereka dari keadaan yang banyak berteori kepada keadaan bertindak dan beramal secara praktikal,

---

<sup>11</sup> Ibid hal 153.

<sup>12</sup> Ibid hal 211.

agar dengannya akan jadi batu-bata dalam membina Islam melalui ta’āruf, tafāhūm dan takāful yang dijelmakan dalam program pengisian usrah.<sup>13,,</sup>

Apabila diamat-amati contoh kenyataan Hasan al-Banna di atas, boleh disimpulkan bahawa di dalamnya terdapat unsur yang bersifat pembangunan insan seperti memiliki cara berfikir yang tajam, pembentukan akhlak dan jati diri dengan kefahaman Islam yang betul, mengadakan pengisian usrah yang menekankan aspek tarbiyah dan kesemua itu tidak akan dapat dijayakan jika tidak ada sebuah pemerintahan atau negara yang menjadi pelindung kepada apa yang diimpikan.

#### **1.4. OBJEKTIF KAJIAN**

- 1- Meneliti falsafah Pembangunan Insan menurut perspektif Islam.
- 2- Menganalisis pemikiran pembangunan Hasan al-Banna dalam *Majmū’ah al-Rasāil*.
- 3- Menganalisis pendekatan wasilah tarbiyah Hasan al-Banna mengenai pembangunan insan dalam *Majmū’ah al-Rasāil*.

#### **1.5. KEPENTINGAN KAJIAN**

Gerakan Islam al-Ikhwān al-Muslimūn adalah sebuah jamaah Islam yang berusaha mendaulatkan Islam dalam segenap aspek kehidupan muslim, merangkumi Islam dalam kehidupan individu, rumah tangga, masyarakat dan negara. Perkara ini dinyatakan sendiri oleh pengasasnya Hasan al-Banna dalam Risālah Ila al-Syabāb secara terang dan jelas.

Justeru, kajian ini akan dapat memberi sumbangan yang bermanfaat kepada pelbagai pihak terutama kumpulan bijaksana yang terlibat dalam pelbagai bidang dalam membangunkan insan khususnya umat Islam dalam negara tercinta ini iaitu

---

<sup>13</sup> Ibid \_\_\_\_\_ hal 286.

Malaysia yang semakin terdedah kepada unsur-unsur negatif seperti minat kepada program realiti bersifat hendonisme yang boleh menjerumuskan mereka kepada satu suasana yang tidak diinginkan.

Kajian ini juga penting untuk dilaksanakan bagi mengetahui bagaimana program pembangunan insan seperti yang dilakar oleh Hasan al-Banna dapat direalisasikan secara padu dan jitu, terutama umat Islam di Malaysia ini agar mampu meningkatkan sumbangan kepada kesejahteraan yang dilihat dari sudut pembangunan akidah, syariat, akhlak, intelektual, fizikal, sosial dan ekonomi.

Kajian ini pula dibuat adalah untuk melihat bagaimana pelaksanaan pelbagai program pembangunan insan di Malaysia dapat dilakukan bersetujuan dengan pendekatan dakwah mengikut perspektif ajaran Islam seperti yang dicanangkan oleh Hasan al-Banna menerusi kitabnya yang tersohor itu.

### **1.6. SKOP KAJIAN**

Kajian ini memfokuskan pendekatan, manhaj dan metodologi Hasan al-Banna dalam pembangunan insan menerusi unsur-unsur yang terdapat dalam Rukun Amal yang sepuluh, ia dicerahkan melalui penjelasan dalam hadith-hadith baginda Rasulullah s.a.w. serta karya para sarjana Islam sebelumnya, sepuluh unsur tersebut adalah seperti berikut<sup>14</sup> :

- i. Insan yang sihat tubuh badan
- ii. Insan yang berakhlik mulia
- iii. Insan yang berilmu tinggi
- iv. Insan yang berdikari
- v. Insan yang memiliki akidah yang sohib
- vi. Insan yang melaksanakan ibadah menurut piawaian Islam

---

<sup>14</sup> Hasan al-Banna : *Majmū'ah al-Rasā'il* (Qāherah : Dār al-Syihāb, t.t.), hal. 271.

- vii. Insan yang dapat mengawal dan menguasai diri
- viii. Insan yang bijak menurus waktu
- ix. Insan yang berdisiplin melaksanakan urusan
- x. Insan yang menyumbang bakti.

Unsur-unsur tersebut diyakini telah melonjakkan para anggota al-Ikhwān al-Muslimūn sebagai insan-insan yang cemerlang dalam segenap tindakan bersifat positif yang mereka lakukan, walaupun ia pahit untuk diterima bagi sesetengah individu dalam kalangan pemerintah dan tali barut penjajah.

Sesungguhnya mereka adalah anak-anak didik Hasan al-Banna yang berjaya dibangunkan dengan unsur-unsur tersebut di atas, memandangkan beliau adalah pemikir Islam di peringkat global, beliau mempunyai pandangan luas tentang Islam, namun kajian yang dijalankan ini hanya menumpukan fokus kepada unsur-unsur pembangunan insan yang termuat dalam salah satu risalah yang ada dalam Majmū'ah al-Rasāil.

### **1.7. KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU**

Pengkaji mendatangkan beberapa kajian terdahulu mengenai batang tubuh Hasan al-Banna dalam pelbagai dimensi, namun pengkaji mendapati masih belum mendapati kajian ilmiah mahupun penulisan bahan bacaan khusus mengenai Hasan al-Banna yang menjurus kepada perbincangan beliau mengenai pembangunan insan, justeru ia menguatkan tekad pengkaji untuk membuat penyelidikan secara langsung pembangunan insan berpaksikan pemikiran Hasan al-Banna yang terkandung dalam kitab Majmu'ah al-Rasail. Mudah-mudahan ia menjadi sumbangan kepada segenap individu dalam negara ini tanpa mengira kedudukan dan jawatan yang disandang.

Pengkaji bahagikan kajian terdahulu kepada dua aspek, iaitu kajian akademik dan bahan tulisan para sarjana tersohor dalam dan luar negara serta pandangan mereka.

Kajian peringkat Doktor falsafah hasil perbahasan yang dilakukan oleh Abdur Razzaq<sup>15</sup> lebih membahaskan kepada aspek pandangan Hasan al-Banna (Mesir) dan Mohammad Natsir (Indonesia) mengenai aspek pemikiran politik. Ia berkisar tentang peringkat pendidikan, keluarga dan persekitaran. Selanjutnya pengkaji menukilkan perbandingan pemikiran aspek politik tokoh-tokoh berkenaan khususnya di Mesir dan Indonesia. Kajian mendalam dilakukan terhadap politik Indonesia yang menjadi fokus tesis ini dengan membariskan beberapa senarai parti-parti politik yang wujud di Indonesia, kajian juga dilakukan oleh pengkaji mengenai pengaruh pemikiran Hasan al-Banna dan Mohammad Natsir terhadap perkembangan politik Islam di Indonesia.

Tesis peringkat doktor falsafah oleh Noor Chozin Sufri berjudul ; “Hasan al-Banna – Tokoh Dakwah di Mesir<sup>16</sup>.” Tesis ini lebih menjurus perbahasan mengenai biografi Hasan al-Banna dengan latar belakang pendidikan, keluarga, persekitaran serta penglibatan Hasan al-Banna dalam kancang dakwah seusai tamat belajar di Dār al-‘Ulūm, Universiti Qāherah dengan memulakan siri dakwah peringkat permulaan di madrasah. Kajian juga menyentuh aspek dakwah Imam Hasan melalui ‘Dakwah Bī al-Ḥāl’, Dakwah Bī al-Lisān’ dan sebagainya yang menjadi sandaran keutuhan dakwahnya terhadap masyarakat di Mesir.

---

<sup>15</sup> Razzaq, Abdur : *Pengaruh pemikiran Hasan al-Banna dan Mohammad Natsir terhadap politik Islam di Indonesia : Kajian perbandingan*. Local LC Call No.: BP42 A2 UMP 2009 Raz Publication: 2009. Dissertation Note : Thesis (Ph.D) -- Jabatan Akidah dan Pemikiran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009

<sup>16</sup> Noor Chozin Sufri berjudul : *Hasan al-Banna – Tokoh Dakwah di Mesir* tesis Ph.D dikemukakan bagi memenuhi syarat Program Pasca Sarjana, Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah (Jakarta) 1999, yang diselia oleh Prof. Dr. H. Moh. Ardani dan Dr. A. Wahid Mu’thi.

Ahmed Rabi' 'Abd el-Hameed Khalfullah dalam tesis M.A. dengan judul : *Al-Fikr al-Tarbawi wa Taṭbiqātuhu Laḍā Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimīn*<sup>17</sup> yang membahaskan mengenai pendekatan Gerakan Ikhwān Muslimūn dari sudut pentarbiyah yang dikaitkan dengan pendekatan Hasan al-Banna yang sesuai direalisasikan dalam masyarakat, bukan sahaja dalam kalangan orang Arab di Mesir, malah di seluruh pelusuk dunia. Kajian dimulakan dengan menyebut kedudukan negara Mesir sebelum penubuhan Ikhwān Muslimūn, keadaan politik dan sosio ekonomi yang menjadi tulang belakang kepada permasalahan yang dihadapi oleh rakyat yang tidak dikaitkan dengan hukum Islam.

Justeru, kajian ini memberi tumpuan kepada lahirnya seorang insan bernama Hasan al-Banna yang berusaha mengeluarkan rakyat dari cengkaman sistem politik dan ekonomi yang tidak selari dengan ajaran Islam, maka dilakukan satu pendekatan tarbiyah dan tanẓīm yang membabitkan pengembelangan tenaga banyak pihak bagi menjayakannya.

Hussein bin Muhammad bin Ali Jaber dalam kajian peringkat Sarjana di Fakulti as-Sunnah al-Musyarrafah, Universiti Islam al-Madinah, Arab Saudi dengan judul : *Al-Torīq Ilā Jamā'ah al-Muslimīn*<sup>18</sup>, dalam kajian ini, pengkaji telah membahaskan mengenai kepentingan beberapa gerakan jamaah Islam, antara yang paling menonjol ialah al-Ikhwān al-Muslimūn yang diasas dan dipelopori oleh Hasan al-Banna dalam erti kata lain bahawa beliau adalah seorang tokoh yang hebat kerana berjaya menampilkan satu jamaah umat Islam yang disifatkannya sebagai menyeluruh mencakupi elemen politik, kemasyarakatan, tarbiyah, ekonomi, pembelajaran dan lain-lain.

<sup>17</sup> Ahmed Rabi' 'Abd el-Hameed Khalfullah : *Al-Fikr al-Tarbawi wa Taṭbiqātuhu Laḍā Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimīn* Kajian peringkat Sarjana di Fakulti Pendidikan, Universiti al-Āzhar, 1984, dengan pangkat kepujian kelas atas, terbitan Maktabah Wahbah, Qāherah.

<sup>18</sup> Hussein bin Muhammad bin Ali Jaber : *Al-Torīq Ilā Jamā'ah al-Muslimīn* (Mānṣoūrah, Dar al-Wafa', Mesir 1987,. Tidak lama selepas itu, penulis telah menghembuskan nafasnya yang terakhir pulang ke pangkuhan Robb al-Jalil.

Sarjana Islam tersohor dunia iaitu Yusuf al-Qaradawī, Dr. dalam buku berjudul : *Mudhakkirāt al-Qaradawi* – yang telah dialih bahasa dalam versi Indonesia dengan judul : Aku dan al-Ikhwān al-Muslīmūn terjemahan Qurratul Eain Fatah Yasin<sup>19</sup>, mendedahkan pengalaman manis Yusuf al-Qaradawi, ketika bersama al-Ikhwān al-Muslīmūn sebelum dibuang negara ke Qatar sejak 1962 hingga ke hari ini. Ia tidak lebih daripada catatan khas beliau yang juga saksi terhadap apa yang berlaku ke atas Imam Hasan al-Banna yang akhirnya ditembak mati.

Al-Qarādawī dalam tulisannya yang lain<sup>20</sup>, menjelaskan pentingnya dakwah secara kolektif lebih-lebih lagi dalam bentuk berjamaah yang menjadi tonggak kekuatan Amar Makrūf Nahī Munkar melalui kesefahaman Gerakan Islam dunia, terutama yang pernah disuarakan oleh al-marhum Imam Hasan al-Banna melalui gerak kerja yang sistematik hingga melahirkan saf-saf ‘tentera Allah’ yang sanggup berkorban apa sahaja demi keutuhan dan kebaikan Islam dalam segenap aspeknya. Iaitu mereka yang terlatih melalui tarbiyah yang membawaikan kesanggupan untuk memikul tanggungjawab berdakwah dan jihad di jalan Allah SWT.

Anwar al-Jundi, Dr. (Mesir) menulis buku mengenai Hasan al-Banna berjudul : *Hasan al-Banna : Al-Dā'iyah al-Imām wa al-Mujaddid al-Syahid*<sup>21</sup> yang telah dialihbahasa ke dalam bahasa Indonesia dengan judul : *Biografi Hasan al-Banna – Imam dan Mujaddid yang menuai mati syahid*. Beliau menekankan dalam bukunya itu latar belakang Hasan al-Banna yang menghadapi zaman murung kerana penolakan pihak berkuasa terhadap Islam, maka Imam Hasan telah berusaha dan berupaya menghadapi kemelut hingga tersungkur akhirnya sebagai seorang syahid. Penulis juga menghimpunkan pandangan sarjana Islam dari pelbagai latar belakang kerjaya, rata-

<sup>19</sup> Yusuf al-Qaradawi : *Mudhakkirat al-Qaradawi* (Kuala Lumpur : Mutiara Seleka Sdn. Bhd, 2012).

<sup>20</sup> \_\_\_\_\_ : *Al-Ikhwān al-Muslīmūn – 70 ‘Ām Fi’ al-Dakwah wa al-Tarbiyah wa al-Jihād* (Mesir : Maktabah Wahbah, 1999M/1420H).

<sup>21</sup> Anwar al-Jundi : *Hasan al-Banna : Al-Dā'iyah al-Imām wa al-Mujaddid al-Syahid* (Beirut : Dār al-Qalam, 2000).

rata berpuas hati dengan keperibadian Imam Hasan, fokus juga tertumpu kepada perbahasan mengenai himpunan kertas-kertas kerja dan rencana agama yang sempat dihasilkan oleh Imam Hasan semasa hayatnya dengan olahan yang boleh menarik minat ramai pembaca bersimpati dengan al-marhum.

Abu al-Hasan ‘Ali an-Nadwi<sup>22</sup> Syeikh, yang sempat menziarahi Mesir pada era 50-an dan mengikuti perkembangan gerakan Islam di sana, menegaskan bahawa Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn yang diasaskan oleh Hasan al-Banna memikul tanggungjawab penting dalam merealisasikan Islam setelah kejatuhan Khilāfah ‘Uthmāniyyah di Turki.

Sesungguhnya ia bukan satu usaha mudah untuk dicapai kejayaannya, hingga Hasan al-Banna menjadi korban konspirasi golongan yang anti Islam, apapun beliau telah syahid di jalan Allah yang dijanjikan syurga yang tidak boleh dibeli dengan wang ringgit, segenap langkah yang dilaluinya menjadi inspirasi dan panduan kepada ummah untuk terus menentukan hala tuju sebagai sebuah gerakan yang diterima Allah SWT.

Dr. Muhammad Abdul Qodir Abu Faris, dalam bukunya : *Fiqh Politik Hasan al-Banna*<sup>23</sup> lebih menjurus kepada persoalan pandangan Imam Hasan mengenai aspek politik merangkumi aspek penjajahan yang melanda negara umat Islam, perbahasan lebih tertumpu kepada soal politik dalam Islam menurut Imam Hasan serta yang berkaitan dengannya terutama dalam pemilihan ketua kerajaan dengan ciri-ciri khalifah yang telah ditetapkan Allah dalam al-Quran. Juga penekanan dibuat dalam aspek mafhum golongan kebangsaan yang tidak selari dengan piawaian Siyasah Syar’iyyah dalam Islam.

<sup>22</sup> Abu al-Hasan ‘Ali an-Nadwi: *Al-Imam al-Syahīd al-Syeikh Hasan al-Banna*, terbitan al-Majma’ al-Islami al-‘Ilmi, Nadwah al-‘Ulama’ (-Lucknow, India, 1998).

<sup>23</sup> Muhammad Abdul Qodir Abu Faris : *Fiqh Politik Hasan al-Banna* (Kuala Lumpur : Mutiara Ilmu Seleka Sdn. Bhd, 2011).

Beliau juga menulis buku berjudul : “*Manhaj al-Taghyīr ‘Inda al-Syahīdāin Hasan al-Banna wa Saiyid Quṭb*”<sup>24</sup>, buku ini membincarakan mengenai konsep ‘Taghyīr/perubahan’ manusia menurut dua tokoh iaitu Imam Hasan al-Banna dan Saiyid Quṭb dalam rangka melakukan perubahan dengan melakukan ‘Amar Makrūf Nahi Munkar’ terutama dalam membetulkan pemerintah yang semakin menyimpang jauh daripada kebenaran Islam. Ini kerana akibat daripada tidak melakukan perubahan akan merencatkan manusia untuk menjadi sebaik-baik ummah.

Mahmoud ‘Assaf<sup>25</sup>Dr, mendedahkan dalam bukunya mengenai pengalamannya semasa bersama dengan Imam Hasan al-Banna yang lebih kepada satu catatan dan memoir, ini termasuk individu-invidu yang berada di sekelilingnya seperti Mustafa as-Siba’ie, Dr Anwar al-Jundi, Syeikh Saiyid Sabiq dan ramai lagi. Keberadaan Mahmoud, bersama Imam Hasan telah banyak mengajarnya erti perjuangan yang ikhlas untuk menegakkan kalimah Allah di atas muka bumi ini. Ia juga mengajar betapa dalam memperjuangkan agama Allah memerlukan kesabaran yang cukup tinggi kerana berhadapan dengan pelbagai tribulasi.

Jaber Rizq dalam bukunya : “*Al-Imām al-Syahīd Hasan al-Banna bi Aqlām Talāmīdhatīhi wa Mu’āṣirīhi*<sup>26</sup>”, tumpuan penulisan lebih kepada menghimpun pandangan beberapa individu yang pernah menjadi pelajarnya mahupun yang seangkatan dengannya. Kebanyakan mereka telah menabur pujian yang banyak dengan menyifatkannya sebagai seorang mursyid, da’ie yang berjaya, ahli fiqh yang mantap, seorang genius yang amat memahami waqi’ keadaan persekitaran, politik negara,

<sup>24</sup> Muhammad Abdul Qodir Abu Faris : *Manhaj al-Taghyīr ‘Inda al-Syahīdāin Hasan al-Banna wa Saiyid Quṭb* (Amman : Dār ‘Āmmar, 1418H/1997).

<sup>25</sup> Mahmoud ‘Assaf, Dr : *Ma’a al-Imām al-Syahīd Hasan al-Banna* (Qāherah : Maktabah ‘Ain Syams, 1983) .

<sup>26</sup> Jaber Rizq : *Al-Imām al-Syahīd Hasan al-Banna bi Aqlām Talāmīdhatīhi wa Mu’āṣirīhi* (Manṣoūrah – Mesir - Dār al-Wafā’, 1986).

kecenderungan masyarakat dan hala tuju hidup insan yang semakin jauh daripada ikatan agama mereka sendiri.

Abbās as-Sīsī salah seorang murid Imām Hasan al-Banna<sup>27</sup> paling kanan, menyifatkan Imām Hasan al-Banna sebagai seorang murabbi agung dengan memiliki ciri-ciri sebagai seorang da’ie yang terbilang dengan pendekatan sederhana yang dapat diterima oleh segenap lapisan individu masyarakat walau dihimpit dengan isme-isme ciptaan manusia melalui penjajahan, namun beliau masih mampu meneruskan agenda dakwah sebagai medium utama menarik masyarakat untuk menerima Islam. Sementara dalam bukunya yang lain berjudul ‘*Biografi Dakwah Hasan al-Banna*<sup>28</sup> beliau menyebut bahawa Hasan al-Banna yang lahir dari seorang ayahanda yang berpegang kuat kepada Islam, telah turun kepadanya cinta yang amat mendalam terhadap agamanya sendiri. Susur galur keluarganya itulah sedikit sebanyak telah mempengaruhi Imam Hasan al-Banna untuk terus peka dan prihatin terhadap permasalahan masyarakat yang terpinggir dalam negara sendiri sama ada dalam bidang sosio-ekonomi, politik, pendidikan dan sebagainya akibat daripada penjajahan Inggeris yang masih diteruskan oleh para pemerintah yang amat berbangga dengan sistem kehakiman, undang-undang yang jauh daripada keadilan yang memang sedia ada dalam Sistem Pemerintahan Islam yang telah dibuktikan oleh Rasulullah s.a.w.

Ziyad Ahmad Salamah dalam buku tulisannya<sup>29</sup> : *Al-Syeikh Hasan al-Banna – Sirrah Fikriyyah*, selain menceritakan aspek kelahiran, pendidikan dan kekeluargaan, penulis mendedahkan peranan dan pengaruh Jamaludiin al-Afghani, Syeikh Muhammad ‘Abduh serta Muhammad Rasyid Redha memberi kesan dalam jiwa

<sup>27</sup> Abbas as-Sisi : *Hasan al-Banna – Mawāqif fī al-Dakwah wa al-Tarbiyah* (Mesir : Dār at-Tawzī’, 2001). Data Pengkatalogan di Dār al-Kutub al-Miṣrīyyāh 82/4082

<sup>28</sup> Abbas as-Sisi : *Al-Imam Hasan al-Banna* - Terjemahan oleh Nandang Burhanuddin & Dedi Hariadi. Jakarta terbitan Harakatuna Publishing, 2006.

<sup>29</sup> Ziyad Ahmad Salamah : *Al-Syeikh Hasan al-Banna – Sirrah Fikriyyah* (Omān - Dār āl-Biyārāq, 2001).

sanubari Hasan al-Banna untuk meneruskan agenda dakwah mereka di persada tanah air Mesir dan di peringkat antarabangsa hingga tertubuhnya Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn, huraiyan juga tertumpu kepada kepekaan Imam Hasan terhadap perjalanan politik Mesir yang disifatkannya sebagai tidak menurut acuan Islam sebenar hingga menyatakan aspek pemerintahan sememangnya ada dalam al-Quran.

Bagi pandangan Dr. Rafat as-Saiyid<sup>30</sup>, beliau melontarkan persoalan, mengapa, bagaimana dan bila Imam Hasan memulakan langkah dalam berdakwah. Dengan mengambil kira aspek pendidikan yang disediakan oleh ayahandanya memberi kesan positif tumbuh dan lahirnya seorang yang akan menggoncangkan dunia dengan memimpin manusia ke jalan Islam.

Muhammad Mohsen dalam bukunya “*Man Qatala Hasan al-Banna?*”<sup>31</sup>, lebih menekankan mengenai pertembungan hak yang dibawa oleh Imam Hasan al-Banna dan batil yang ditunggangi para pemerintah yang tetap melaksanakan undang-undang manusia yang mengundang pelbagai keadaan yang kurang menyenangkan banyak pihak, terutama para Sarjana Islam yang berada di Institusi al-Azhār.

Fathi Yakan Dr., dalam buku tulisannya<sup>32</sup> ada menyebut, mengenai ciri-ciri khusus mengenai Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn yang diasaskan oleh Imam Hasan al-Banna, di samping hubungannya dengan beberapa Gerakan Islam dunia seperti al-Ikhwān al-Muslimūn Sudan pimpinan Dr. Hasan at-Turābī, Madrasah al-Ustaz Rasyed al-Ghanusyi di Tunisia, dan beberapa gerakan yang lain yang muncul seperti di Syria, Iraq, Lubnan, Jordan, Palestin dan Yaman. Penekanan Fathi juga

<sup>30</sup> Rafat as-Saiyid, Dr : *Hasan al-Banna – Muassis Harakah al-Ikhwān al-Muslimīn. Maṭā. Kaifa wa Limādhā?*, (Qāherah, Maktabah Matbuly, 1977). Data pengkatalogan Dār al-Kutub al-Miṣriyyāh 3500/86/1058

<sup>31</sup> Mohammad Mohsen : *Man Qatala Hasan al-Banna?* (Qāherah : Dār as-Syurūq, 1987).

<sup>32</sup> Fathi Yakan, Dr : *Manhajah al-Syahīd Hasan al-Banna wā Madāris al-Ikhwān al-Muslimīn* (Beirut - Muassasah ar-Risālah, 1998).

tentang Yaman mengenai aspek rahsia keberadaan al-Ikhwān al-Muslimūn di persada dunia Islam adalah sesuatu yang amat unik.

Wan Jaffree Wan Sulaiman<sup>33</sup>, lebih kepada penceritaan mengenai situasi Mesir pada zaman kelahiran Imam Hasan al-Bānnā dengan berlakunya gerakan pembebasan dalam kalangan beberapa kumpulan seperti al-Hizb al-Watani pimpinan Mustafa Kamal, Farid Wajdi dan Abdel Aziz Jawish dengan Hizb al-Ummah yang menjadi senario corak pemerintahan pada waktu itu.

Ahmad Kilan; Ahmad Kilani Mohamed; Yahaya Jusoh ada menyebut, pembangunan modal insan menurut al-Quran adalah pembangunan yang melihat insan sebagai ‘watak’ terpenting dalam sesebuah pembangunan. Pembangunannya bersifat bersepadu dan menyeluruh meliputi pembangunan jasmani dan rohani, dunia dan akhirat. Pembangunannya juga bukan sahaja menekankan aspek pembangunan insan daripada sudut latihan kemahiran, kepakaran, profesional, dan penguasaan maklumat seperti yang ditekankan dalam konsep pembangunan insan di negara-negara barat, tetapi melangkaui hal ini dengan menekankan pembentukan insan mulia, iaitu insan yang berilmu dan sejahtera jiwa, yang menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai petunjuk kehidupan, memiliki pegangan agama yang kuat, intim hubungannya dengan Allah S.W.T dan baik hubungannya sesama manusia.

Justeru, buku ini mengupas tentang pembangunan modal insan dalam pelbagai aspek kehidupan sebagai panduan. Kandungannya sarat dengan panduan daripada wahyu al-Quran, diperkuatkan dengan huraian hadis, dan pandangan daripada para sarjana Islam yang berwibawa. Kupasan buku ini menyentuh

---

<sup>33</sup> Wan Jaffree Wan Sulaiman – *Detik-detik hidupku....Hasan al-Banna*, (Kuala Lumpur - Pustaka Salam, 1990). Tanpa ISBN.

pembangunan insan meliputi aspek pemikiran, ilmu pengetahuan, kepercayaan, kejiwaan, akhlak, sifat kepimpinan, dan amalan Qiam al-Lail.

Buku ini sesuai sebagai bacaan umum masyarakat dan sebagai panduan kepada pertubuhan dakwah, pertubuhan remaja dan belia, dan juga penggerak masyarakat yang memfokuskan agenda ke arah membina generasi muslim yang memiliki kualiti peribadi unggul, bertakwa dan berwawasan<sup>34</sup>.

Pati Anak Aleng ada menyebut mengenai pembangunan modal insan dalam bukunya berjudul : *Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan*, banyak membincangkan tentang pentingnya pembangunan modal insan melalui transformasi pendidikan. Penerbitan buku ini bertujuan membantu para pembaca memahami dengan lebih jelas lagi matlamat sebenar transformasi pendidikan yang dilaksanakan sekarang. Adalah diharapkan transformasi pendidikan ini akan dapat memperkasakan sistem pendidikan negara dan menghasilkan pembangunan modal insan yang dapat menangani keperluan era globalisasi dan k-ekonomi di Malaysia hari ini<sup>35</sup>.

## 1.8. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian<sup>36</sup> merupakan kaedah yang pengkaji gunakan dalam melakukan keseluruhan kajian ini, sama ada untuk mengumpul data dan juga untuk

---

<sup>34</sup> Ahmad Kilan; Ahmad Kilani Mohamed : *Pembangunan Modal Insan Menurut Perspektif Al-Quran* (Kuala Lumpur : UTM Press, 2014).

<sup>35</sup> Pati Anak Aleng : *Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan* (Kuala Lumpur : PTS Akademia, 2016).

<sup>36</sup>Kajian atau sesuatu penyelidikan disebut dalam bahasa Arab dengan perkataan al-Bahath (البحث) iaitu satu tindakan tersusun bagi menghimpun dan menganalisis bahan-bahan bersifat data dalam sesuatu tujuan atau matlamat kajian yang dijalankan, dengan kata lain, pengkaji melakukan analisis sama ada bahan rujukan itu maklumat berbentuk dokumentasi, buku, soal selidik, temu bual atau observasi. Setelah kesemuanya itu diperolehi, maka pengkaji dapat menentukan hasil dapatan kajian bagi menyempurnakan tesis dengan baik. – Raja’ Mahmud Abu ‘Allam, Dr. : *Kitābah al-Bahth al-‘Ilmi* (Qāherah : Dār al-Nasyr Li al-Jāmi’āt, 2007), 5.

menganalisis data<sup>37</sup>. Metodologi kajian ini menjadi panduan utama bagi pengkaji ketika cuba menjawab permasalahan kajian, seterusnya untuk mencapai kesemua objektif kajian dalam penyelidikan ini<sup>38</sup>, panduan metodologi kajian ini sangat signifikan bagi pengkaji supaya sepanjang percubaan kajian ilmiah ini, pengkaji tidak tersasar dan terkeluar daripada objektif kajian, pada masa yang sama untuk memastikan pengkaji sentiasa konsisten melakukan kajian ini secara akademik dan saintifik<sup>39</sup>. Aspek-aspek berikut akan diuraikan bagi menjelaskan secara keseluruhan bagaimana proses kajian ini dijalankan.

Kitab Majmū'ah al-Rasā'il ditulis dalam bahasa Arab, sepanjang menggunakanya sebagai bahan kajian utama, pengkaji menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu terutama pengambilan kenyataan Hasan al-Banna dalam menguatkan sesuatu perbahasan terpilih, penterjemahan yang pengkaji lakukan mendapat pengesahan daripada lima pihak ahli akademik tanah air, mereka terdiri daripada

---

Al-Bahath atau kajian juga merupakan aktiviti pengkaji secara praktikal dalam analisis yang dijalankan dengan menghimpun data-data yang benar dan tepat, hasil dapatannya itu menjadi matlamat kajian, sama ada ia berbentuk tanggapan peribadi, teori mahupun praktikal dengan kajian ilmiah. – ‘Abd al-Wahhab Ibrahim Abu Sulaiman Prof. Dr., “*Kitābat al-Bahath al-Ilmī wa Maṣodir al-Dirāsāt al-Qurāniyyah wa al-Sunnah al-Nabawiyyah wa al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah*”, (Jeddah, KSA : Dār as-Syūq, 1995), 25.

Kajian atau penyelidikan dalam apa jua bentuk dan bidangnya mensyaratkan kepada pengkaji agar sentiasa komited dengan disiplin keilmuan dengan prinsip-prinsipnya yang jelas, dasar-dasarnya yang umum yang mesti dipelihara oleh pengkaji untuk sampai kepada hasil dapatan kajian yang diharapkan. – Ismail Salim ‘Abd al-‘Al, Dr. “*Al-Bahath al-‘Ilmī – Tobi’ātuhu wa Khoṣāisuhu wa Uṣūluhu wa Maṣodiruhu*”, (Qāherah : Maktabah az-Zahrā’, 1992), 10.

Dalam disiplin ilmu-ilmu Islam, analisis atau kajian ada hubung kait dengan Maqāṣid atau matlamat, ia berdasarkan hadis Sohih riwayat Imam al-Bukhāri sampai kepada Saidina ‘Umar bin al-Khattab, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda : إنما الأعمال بالنيات، وإنما لكل امرئ ما نوى "الخ" : Sesungguhnya amalan itu bergantung pada niatnya, dan setiap seseorang itu apa yang diniatkannya.” Ini menunjukkan bahawa dalam menjalankan sesuatu kajian, niat adalah tersangat penting, justeru menjalankan analisis adalah satu usaha yang jitu dan praktikal, jauh dari sebarang imiginasi (andaian) akal manusia (pengkaji) yang berada pada alam yang nyata (waqi'). Jika sesuatu usaha atau tindakan pengkaji yang tidak berada pada realiti kehidupan Islam sebenar atau tidak membekas sesuatu manfaat atau faedah pada diri muslim, sama ada untuk kebaikan dunia atau akhiratnya, maka kajian yang dijalankan itu adalah sia-sia, tidak mendapat pahala, malah bertanggungjawab terhadap apa yang telah dilakukan dalam kajiannya itu. – Muhammad bin Somel al-Silmi, Dr. *Manhaj Kitābah al-Tārīkh al-Islāmī wa Tadrīsihi*, (Manṣoūrah : Dār al-Wafā', 1988), 23.

<sup>37</sup> Othman Mohamed, *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*, (Serdang ; Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2001), 26.

<sup>38</sup> Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*, (Bangi : Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajaran Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 40.

<sup>39</sup> *Ibid*, 17.

Penolong Profesor Dr. Zakaria Omar, Jabatan Bahasa Al-Quran, Pusat Bahasa & Pembangunan Akademik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Dr. Mohd. Sukki Othman, Pensyarah Kanan Bahasa Arab & I'jaz al-Quran, Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Ahamad Asmadi Sakat, Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Hasrina Mustafa, Timbalan Dekan, Institut Pengajian Pasca Siswazah, Universiti Sains Malaysia, Kuala Lumpur dan Dr. Mohd. Zaki Abd. Rahman, Ketua Jabatan Bahasa Arab & Timur Tengah, Fakulti Bahasa & Linguistik, Universti Malaya.

Dalam kajian ini, terdapat tiga kaedah utama yang digunakan bagi mengumpul data dan maklumat iaitu kaedah penyelidikan perpustakaan, kaedah untuk mendapatkan data dan kaedah analisis data.

### **1.9. METOD PENGUMPULAN DATA**

Metod pengumpulan data adalah usaha yang dibuat oleh pengkaji untuk mengumpulkan data<sup>40</sup> yang berkaitan dengan kajian, dari sumber-sumber yang diakui. Metodologi kajian merupakan kaedah yang pengkaji gunakan dalam melakukan keseluruhan kajian ini, sama ada untuk mengumpul data<sup>41</sup> dan juga untuk menganalisis data. Metodologi kajian ini menjadi panduan utama bagi pengkaji ketika cuba menjawab permasalahan kajian, seterusnya untuk mencapai kesemua objektif kajian

---

<sup>40</sup> Menurut Bhasah Abu Bakar; data merupakan fakta, maklumat atau angka yang membolehkan kita membuat ringkasan tentang sesuatu (perkara yang menjadi bahan kajian). Oleh itu, data perlu disusun mengikut satu organisasi yang tertentu agar ia dapat memberikan satu gambaran khas tentang perkara berkenaan. Data yang tidak tersusun tidak akan memberi apa-apa makna hanya setakat maklumat yang terpisah-pisah antara satu dengan yang lain. Data mempengaruhi jenis statistik yang akan digunakan. Data parametrik atau data metrik boleh digunakan untuk sesuatu ujian tertentu sahaja dan begitu juga dengan data yang bukan parametrik. Contohnya data parametrik boleh digunakan dengan ujian Anova atau ujian-t dan data bukan parametrik boleh digunakan dengan ujian Khi kuasa dua, ia boleh dikategorikan kepada primary dan data sekunder. *Kaedah Analisis Data Penyelidikan Ilmiah* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2007), hal. 16.

<sup>41</sup> Othman Mohamed : *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan* (Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2001), hal 26.

dalam penyelidikan ini<sup>42</sup>, panduan metodologi kajian ini sangat signifikan bagi pengkaji supaya sepanjang percubaan kajian ilmiah ini pengkaji tidak tersasar daripada objektif kajian, pada masa yang sama untuk memastikan pengkaji sentiasa konsisten melakukan kajian ini secara akademik dan saintifik<sup>43</sup>.

Data ialah apa jua maklumat dalam apa jua bentuk yang dihimpun dengan tujuan untuk dianalisis<sup>44</sup>, sama ada dalam bentuk angka (kuantitatif) ataupun dalam bentuk huraihan (kualitatif). Ringkasnya data boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang boleh diproses untuk menghasilkan maklumat, oleh itu data mungkin boleh dianggap sebagai sebarang fakta asas<sup>45</sup>. Data sebagai maklumat yang penting untuk mengambil tindakan dan keputusan selanjutnya. Setelah itu data tersebut akan dianalisis dan ditafsirkan yang berkaitan langsung dengan tujuan penyelidikan. Pengumpulan data yang pengkaji buat dengan mendapatkannya dari beberapa sumber. Sumber data boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu; data yang diperolehi dari sumber primer dan sekunder. Dan metod pengumpulan data ini lebih kepada bentuk kajian perpustakaan.

### **1.9.1. KAJIAN KEPUSTAKAAN**

Kajian kepustakaan<sup>46</sup> ialah kajian yang dilakukan oleh pengkaji untuk mendapatkan himpunan data dan fakta ilmiah di beberapa buah perpustakaan dengan

---

<sup>42</sup> Ahmad Sunawari Long : *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam* (Bangi : Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajaran Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), hal. 40.

<sup>43</sup> Ibid \_\_\_\_ 17.

<sup>44</sup> Idris Awang : *Penyelidikan Ilmiyah Amalan Dalam Pengajaran Islam*. (Shah Alam : Ainil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), hal.67.

<sup>45</sup> Aziz Deraman : *Pengenalan Pemprosesan Data* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 1991), hal. 1.

<sup>46</sup> Kajian perpustakaan amat penting dalam sejarah perkembangan ilmu dalam Islam dan mempunyai pengaruh dan kesan mendalam terhadap golongan ilmuan, ini kerana ia mempunyai matlamat seperti berikut :

- a- Kewujudan dan penubuhan perpustakaan bertujuan untuk menggalak golongan pelajar untuk mentelaah pelajaran sama ada secara peribadi ataupun dengan kumpulan pelajar lain . Kewujudannya juga adalah untuk menambahkan lagi minat dan kecenderungan pelajar bagi mengisi masa dengan pembacaan bahan-bahan ilmiah terutama kepada mahasiswa-mahasiswi di peringkat universiti.
- b- Selain itu, matlamat penubuhan perpustakaan juga adalah untuk meningkatkan kemampuan golongan terpelajar dalam usaha untuk menggarap maklumat dalam melakukan kajian dan penyelidikan berdasarkan bahan-bahan rujukan yang tersedia di perpustakaan.

tujuan untuk mendapatkan maklumat dalam bentuk dokumen. Maklumat tersebut diperolehi melalui buku-buku (kitab-kitab), majalah, bulletin, jurnal dan ensklopedia. Antara perpustakaan yang pengkaji jadikan sandaran untuk mendapat data, fakta dan maklumat adalah seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Perpustakaan Tun Seri Lanang (UKM) di samping perpustakaan peribadi pengkaji. Tetapi yang paling penting kajian perpustakaan bagi mendapatkan kefahaman tentang subjek kajian di samping itu dapat membuat semakan di antara satu bahan dengan bahan yang lain.

### 1.9.2. DATA PRIMER

Data primer<sup>47</sup> adalah sumber data utama dalam kajian ini, ia merupakan bahan bertulis atau dokumen-dokumen yang telah dihasilkan oleh Imam Hasan al-Banna terutama kitab ‘Majmū’ah al-Rasāil’ . Oleh yang demikian, analisis terhadap bahan-bahan tersebut merupakan proses utama dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, sumber-sumber bertulis atau dokumen lain yang ada kaitan dengan kajian serta ia boleh membantu pengkaji mendapatkan maklumat untuk membuat analisis, maka ia

---

c- Perpustakaan menyediakan banyak bahan untuk dirujuk selain institusi ilmu terpenting melalui satu mekanisme sistem data dan maklumat yang memudahkan penyelidik menemukan bahan yang diperlukan dalam penyelidikannya.

d- Sejarah telah membuktikan betapa perpustakaan telah menyumbang dengan berkesan apabila wujud di situ segenap ilmu dan maklumat melalui hasil karya para sarjana Islam dan Barat bagi memudahkan kajian dijalankan dalam kepelbagaiannya ilmu dan pendekatan. Kewujudannya juga telah menyingkap tabir minat dan kecenderungan khususnya kepada mereka yang dapat memanfaatkan sepenuhnya bahan-bahan rujukan di perpustakaan.

Kewujudan dan keberadaannya dalam sesuatu institusi pengajian di seluruh dunia telah banyak membantu melancarkan sesuatu penyelidikan dan kajian ilmiah. Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, Dr. – “*Lamhāt fī al-Maktabāh wa al-Bahath wa al-Maṣodir*” (Beirūt : Muassasat al-Risālah, 1983), 33-34.

<sup>47</sup> Kebiasaannya setiap kajian perlu merujuk kepada bahan-bahan ilmiah, dalam bahasa Arab seringkali disebut مصادر atau kata jama’ مرجع dengan kata jama’ مصدر. Namun kedua-dua istilah mempunyai perbezaan yang ketara, Maṣdar didefinisikan sebagai rujukan ‘Primer’ yang menjadi rujukan utama dengan segala kesyumulan yang tidak perlu kepada bahan lain, seperti kitab Ṣohih Imām al-Bukhāri dan Muslim. Sementara Marja’ pula ialah sumber rujukan ‘Sekunder’ iaitu bahan kedua yang diambil daripada yang asasi urning kitab oleh Mūḥammad bin ‘Elaīn as-Ṣiddīqī, mensyarahkan kitab رياض الصالحين من كلام سيد المرسلين oleh Imam an-Nawawi. - Yusuf bīn ‘Abd ar-Rahmān al-Mar’āslī, Dr. : *Maṣodir al-Dirāsāt al-Islamiyyāh wa Niżām al-Maktabāh wa al-Ma'lūmat*, (Lubnan : Dār al-Basyār al-Islāmiah, 2006) 1 : 7 Tanpa ISBN.

turut digunakan oleh pengkaji bagi mencapai objektif kajian ini, akan tetapi data-data berkenaan akan dijadikan sumber data sekunder.

Memandangkan kajian ini berkisar tentang pendekatan Hasan al-Banna berkenaan unsur-unsur pembangunan insan dalam tulisan kitab *Majmū’ah al-Rasāil*, maka sepanjang kajian ini dijalankan kitab berkenaan dipilih menjadi sumber primer bagi mendapatkan data-data dalam kajian ini.

Bagi mengenal pasti unsur ‘Pembangunan Insan’ yang terdapat dalam sesebuah karya penulisan seseorang, maka bertitik tolak dari kefahaman ilmu pengetahuan mendalam yang terdapat pada si penulis, berdasarkan ilmu pengetahuan tersebutlah si penulis akan mengguna pakai dan mengolah ilmunya sebaik mungkin bagi membolehkannya mencorak dan menghasilkan karyanya yang menyumbang ke arah ‘Pembangunan Insan’<sup>48</sup>.

### **1.9.3. DATA SEKUNDER**

Kajian melalui data sekunder penting diaplikasikan dalam kajian ini supaya pengkaji mendapat maklumat yang tepat dan sahih, pengetahuan dan kefahaman yang mendalam berkenaan permasalahan yang menjadi fokus kajian cuba diselesaikan. Data sekunder yang diperolehi melalui kajian perpustakaan melibatkan perkara analisis kandungan. Di mana analisisi kandungan ini melibatkan pencarian bahan-bahan sekunder seperti kajian ke atas buku, jurnal, keratan akhbar, artikel, kertas kerja seminar, tesis, isi kandungan majalah dan teks-teks ucapan yang disampaikan oleh seseorang. Selain daripada itu, al-Quran dan al-Hadith juga diklasifikasikan sebagai sumber utama dalam kajian ini. Dengan kata lain, perpustakaan merupakan medan utama dalam usaha mengumpul maklumat-maklumat secara dokumentasi.

---

<sup>48</sup> Shahnon Ahmad : *Sastera ; Pengalaman, Ilmu, Imiginasi dan kitarannya*. (Kuala Lumpur – Dewan Bahasa & Pustaka, 1994), 108.

## **1.10. METOD ANALISIS DATA**

Setelah pengkaji menjelaskan kaedah pengumpulan data-data untuk kajian ini, pengkaji perlu menjelaskan bagaimana kaedah yang digunakan untuk menganalisis data-data tersebut supaya objektif kajian ini tercapai iaitu menganalisis data yang lengkap tanpa perobahan. Menurut Othman Lebar, proses analisis data merupakan proses mengatur, menstruktur dan menginterpretasikan data yang telah dikumpulkan<sup>49</sup>. Dalam menganalisis data, pengkaji juga menggunakan metod induktif dan deduktif.

### **1.10.1. METOD INDUKTIF**

Metod induktif merupakan satu cara menganalisis data melalui pola pemikiran bagi mencari bukti dari perkara yang bersifat khusus untuk diterjemahkan kepada dalil yang umum. Pengkaji menganalisis dengan cara menghalusi setiap fakta dan seterusnya membuat kesimpulan secara global<sup>50</sup>. Pendekatan induktif, pengkaji pecahkan masalah kajian kepada masalah kecil dan ditangani satu persatu mengikut susunan yang sewajarnya. Data dikumpul secara terus menerus sehingga masalah kecil terjelas satu persatu dan pada akhirnya masalah kajian itu akan terjelas keseluruhan<sup>51</sup>.

Metod ini pengkaji gunakan pada semua bab dalam kajian ini. Penggunaan metod ini dapat dilakukan dalam menghuraikan latar belakang kajian mengenai pembangunan insan yang terdapat dalam kitab Majmū'ah al-Rasā'il.

---

<sup>49</sup> Othman Lebar, Penyelidikan Kualitatif : *Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, (Tanjong Malim : Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007), 152.

<sup>50</sup> Mohammad Majid Konting : *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Jakarta : Dewan Bahasa & Pustaka, 1990), hal. 257.

<sup>51</sup> Idris Awang (2009), op. cit hal 3.

### **1.10.2. METOD DEDUKTIF**

Metod deduktif ialah suatu cara menganalisis data dan melakukan penulisan berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian yang berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus<sup>52</sup>. Pengkaji akan mengambil atau mengumpul data dan maklumat yang umum, setelah itu penganalisaan dibuat atas maklumat tersebut sehingga memperoleh fakta yang lengkap dan diyakini kesahihannya<sup>53</sup>.

Metod ini digunakan secara meluas ketika pengkaji menganalisis data dalam persoalan yang menjadi objektif kajian ini. Metod ini juga digunakan dalam setiap bab kajian, ini dapat dilihat dalamuraian pembangunan insan dalam Majmu'ah al-Rasail dengan pelbagai fakta yang diperolehi melalui perpustakaan.

### **1.10.3. KAEADAH ANALISIS KANDUNGAN**

Proses analisis kandungan dilaksanakan dengan cara membuat pembacaan secara menyeluruh terhadap kitab ‘Majmū’ah al-Rasāīl’ karya Hasan al-Banna yang dikaji, ketika proses pembacaan teks berjalan, pengkaji berusaha mengesan dan menentukan unsur-unsur pembangunan insan yang terdapat dalam karya beliau itu. Proses pengesan ini akan berpandukan sepuluh kategori unsur pembangunan insan yang dikutip dari hadith-hadith Rasulullah s.a.w., karya Imam al-Ghazali, Ibn Qaiyim al-Jauziyyah dan Syeikh Muhammad Abduh yang hidup sebelum kelahiran Hasan al-Banna sebagai landasan teori yang kelihatan sebagai kesinambungan dalam melebarkan aspek pembangunan insan dalam kalangan manusia, ini kerana manusia-manusia yang ada pada zaman mereka sentiasa menjadi perhatian untuk dibangunkan lantaran ketidak-utuhan mereka berpegang dengan ajaran Islam sebenar, unsur-unsur pembangunan itu adalah seperti berikut :

---

<sup>52</sup> Mohammad Majid Konting. Op.cit, hal 258.

<sup>53</sup> Imam Barnadib : *Erti dan Metod Sejarah Penyelidikan* (Jakarta : Yayasan Penerbitan FIP – KIP, 1982), hal. 52

- i- Ibadat
- ii- Aqidah<sup>54</sup>
- iii- Akhlak<sup>55</sup>
- iv- Kekuatan ilmu (ketajaman cara berfikir)<sup>56</sup>
- v- Bermanfaat kepada orang lain<sup>57</sup>
- vi- Tersusun dalam segenap urusan (Sistematik)<sup>58</sup>
- vii- Memelihara waktu<sup>59</sup>
- viii- Mampu berusaha (mampu berdikari)<sup>60</sup>
- ix- Memelihara tubuh badan<sup>61</sup>
- x- Mampu berusaha (mampu mengawal dan menguasai diri)<sup>62</sup>

Sesungguhnya sepuluh unsur pembangunan insan di atas, diceduk daripada hadith-hadith Nabi s.a.w. dan idea yang diutarakan oleh Imam al-Ghazali, Ibn Qaiyim al-Jauziyyah dan Syeikh Muhammad ‘Abduh. Pendekatan mereka terbukti berjaya memberi sumbangan yang amat besar dalam usaha pembangunan umat Islam. Ia menjadi sandaran yang dikutip oleh Hasan al-Banna. Jelas Bukti tersebut boleh dilihat melalui kejayaan Hasan al-Banna melahirkan sebuah Gerakan Islam al-Ikhwan al-Muslimun<sup>63</sup>. Gerakan Islam ini lahir daripada kesedaran beliau, untuk memperbaiki keadaan umat Islam yang lemah dari berbagai-bagi segi, sama ada akhlak, ekonomi,

<sup>54</sup> Berdasarkan hadith sohib riwayat Imam Muslim dalam kitab al-Īmān

<sup>55</sup> Maktabah Syamilah & Saltanera, Ensiklopedi Hadits Kitab 9 Imam, Lidwa Pustaka, 2010 -2011, Takhrij Hadis : Sunan Tirmidzi, Kitab Bab Zuhud, 2251

<sup>56</sup> Al-Imam Abu Hamid bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali : *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Beirut : Dār al-Qalam, t.t.), 1 : 81, juga terdapat menerusi karya Ibn Qaiyim al-Jauziyyah : *Madārik al-Sālikīn* (Qāherah : Dār al-Hadīth, t.t.), 2: 485

<sup>57</sup> Ibid\_\_\_\_2 : 219

<sup>58</sup> Ibid\_\_\_\_4 : 372

<sup>59</sup> Op. cit\_\_\_\_Ibn Qaiyim, 3 : 132

<sup>60</sup> Muhammad ‘Abduh : *Al-‘Amāl al-Kāmilah li al-Imām al-Syeikh Muhammad ‘Abduh* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 2006), 2 : 39

<sup>61</sup> Ibid\_\_\_\_3 : 315

<sup>62</sup> Ibid\_\_\_\_3 : 435

<sup>63</sup> Mohammad Amien Rais : *The Muslim Brotherhood in Egypt : Its Rise, Demise and Resurgence* (tesis Ph. D, The University of Chicago, Chicago, Illinois, 1981), hal. 28.

politik dan sebagainya<sup>64</sup>. Malah sumbangan Gerakan al-Ikhwan al-Muslimun diterima dan memberi kesan baik terhadap masyarakat Muslim<sup>65</sup>, daripada gerakan Islam al-Ikhwan al-Muslimun ini juga, telah lahir ramai tokoh-tokoh besar Islam seperti Sayyid Qutb, Sayyid Sabiq, Muhammad al-Ghazali, Yusuf al-Qaradawi dan lain-lain<sup>66</sup>.

Kesimpulan dari analisis kandungan yang pengkaji jalankan, kitab Majmū'ah al-Rasā'il yang terkandung di dalamnya enam belas bab yang setiap satu mengandungi unsur pembangunan insan yang pelbagai mampu untuk membangun manusiawi menjadi insan yang mempunyai ikatan kental terhadap Allah SWT selaku Pencipta, ketika proses kajian ini dijalankan, pengkaji tidak mampu untuk menghuraikan kesemua unsur-unsur pembangunan insan dalam bab-bab berkenaan, akan tetapi hanya memilih unsur-unsur tersebut yang terdapat dalam Rukun ‘Amal yang merupakan salah satu komponen dalam Risālah at-‘Talīm. Pengkaji optimis dengan pendedahan sepuluh unsur pembangunan yang menjadi teras pemikiran Hasan al-Banna untuk membangun individu, rumahtangga, masyarakat dan negara boleh diimplementasikan di Malaysia sebagai elemen baharu dalam menjana harapan pemimpin yang pernah mewar-warkan konsep Pembangunan Modal Insan menerusi konsep Islam Hadhari, Masayarakat Madani dan konsep Wasatiyyahnya yang dinamik, semua pendekatan itu menjurus kepada membangun insan seutuhnya.

---

<sup>64</sup> Pauzi Hj. Awang : *Hasan al-Banna : Satu Pengenalan Ringkas,*” dalam Tokoh-tokoh Pemikir Islam, ed. Mohamad Kamil Hj. Abdul Majid (Ampang : Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd, 2010), hal. 210.

<sup>65</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin : *Pengantar Dakwah Islamiyah* (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1997), hal. 164.

<sup>66</sup> Shamsul Azhar Bin Yahya : *Gerakan al-Ikhwan al-Musimin dan Pembinaan Peradaban Mesir Modern*, disertasi Ijazah Sarjana Sastera, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2007), hal 44, 116 & 127.

## **BAB DUA : FALSAFAH PEMBANGUNAN INSAN MENURUT ISLAM**

### **2.1. PENDAHULUAN**

Dalam bab dua ini, perbincangan menjurus kepada unsur-unsur falsafah pembangunan insan menurut perspektif Islam serta perbincangan mengenainya yang terdapat dalam penulisan karya Hasan al-Banna. Huraian tentang pembangunan insan dalam bab dua ini berpaksikan perspektif yang ditonjolkan Islam seperti yang pernah ditonjolkan oleh para sarjana Islam berdasarkan inspirasi ilmu dan maklumat yang dipusakakan oleh baginda Rasulullah s.a.w. kepada umatnya sampai hari kiamat. Justeru rujukan sekunder digunakan bagi membuktikan makna yang tersirat mengenai pembangunan insan dalam kitab Majmū’ah al-Rasāil yang diperkuuhkan lagi dengan penjelasan mengenai konsep dakwah dan yang berkaitan dengannya serta konsep definisi tarbiyah meliputi kesan, peranan, kepentingan, matlamat, uslub serta natijah tarbiyah yang mempunyai kaitan secara langsung dengan aspek pembangunan insan yang dibincangkan.

### **2.2. PEMBANGUNAN**

Perkataan ‘pembangunan’ dalam bahasa Melayu diambil dari perkataan dasarnya iaitu ‘bangun’, yang juga bermaksud bangkit, menurut Kamus Dewan ialah, perihal membangun, proses mencapai kemajuan, perkembangan atau kegiatan memaju atau membangunkan<sup>1</sup>. Ia juga bermaksud berkembang,

---

<sup>1</sup> *Kamus Dewan Edisi Ketiga* : (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 1997), hal. 103, entri bangun. ISBN 983-62-4456-5

bertambah maju, berdaya saing dalam sesebuah negara atau membangunkan sesuatu<sup>2</sup>. Dalam bahasa Arab, pembangunan disebut dengan perkataan ‘Tanmiyah’ yang boleh diertikan sebagai bertambah, menjadi banyak, berkembang atau membangun pesat sesuatu usaha yang dilakukan<sup>3</sup>. Ia juga disebut sebagai ‘Haḍārah’, iaitu memajukan generasi muslim yang bersedia untuk dibangun dengan pelbagai lapangan hidup dan bidang-bidang pembangunan kemanusiaan, kemasyarakatan, pemikiran dan keilmuan, di samping memelihara pemikiran orang lain untuk sampai kepada kesedaran bangsa manusia ke arah yang terbaik<sup>4</sup>.

Menurut Fathi Yakan, pembangunan insan berpaksikan acuan dan neraca Islam terdapat beberapa pandangan yang antara satu sama lain tidak sepakat; ini kerana ada pandangan yang menyatakan bahawa pembangunan insan bukan dari tuntutan siasah bagi sesebuah negara. Ada yang berpandangan bahawa ia juga bukanlah dengan pendekatan menghapuskan kebatilan walaupun tidak mengemukakan kebenaran, ia juga tidak bertembung dengan keyakinan ilmu yang menjadi teras kepada sesuatu kemajuan.

Akan tetapi pembangunan insan adalah bersalahan dengan prinsip pegangan masyarakat jahiliyyah yang terpesong akidahnya daripada kebenaran wahyu Ilahi. Malah pembangunan insan menurut Islam ialah mengemukakan cara berfikir Islam dengan segenap prinsip kebenaran bagi mencapai ketundukan

<sup>2</sup> Kamus Pelajar Bahasa Malaysia – cet. Ke-9 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka – Kementerian Pendidikan Malaysia,1993), hal 45, entri bangun.

<sup>3</sup> Kamus ‘Al-Munjid Fi al-Lughah’ (Beirut, Dar al-Masyriq 1984), hal 840. Entri Nāmā Yānmū.

<sup>4</sup> Ahmed Mohammed Gamal, Prof. : Muḥādarāt fi al-Thaqāfah al-Islamiyyah (Beirūt : Dār al-Kitāb al-‘Arabī 1983), hal 387.

dan peribadatan insan itu sendiri terhadap Allah SWT selaku Pencipta alam ini dalam segenap kehidupan mereka yang khusus dan umum. Dalam erti kata lain, bahawa pembangunan insan itu memimpin insan sama ada secara individu atau masyarakat seluruhnya untuk menerima pakai peraturan yang telah ditetapkan Allah SWT<sup>5</sup>.

Sa'id Hawwa pula berpendapat, ḥaḍārah yang boleh dimaksudkan dengan pembangunan itu boleh diertikan dengan perkataan 'Al-Madaniyyah' dan 'Al-Thaqāfah' yang disimpulkan sebagai alat untuk sampai kepada pembangunan insan dari sudut ilmu dan kebendaan<sup>6</sup>.

Danial Zainal Abidin ada menukilkan beberapa pandangan mengenai perubahan dan pembangunan insan berdasarkan kenyataan A.M. Lothrop Stoddard dalam bukunya "The New World of Islam" terbitan di London pada 1932, Lamartine di dalam bukunya "Historie de la Turquie" yang diterbitkan di Paris pada 1854 dan Syeikh Abu al-Hasan Ali an-Nadwi dalam bukunya "Kerugian Dunia Kerana Kemunduran Umat Islam" terbitan Pustaka Bina Ilmu, Indonesia pada 1951, bersepakat menegaskan bahawa perubahan yang berlaku terhadap para sahabat yang merupakan insan-insan yang wujud dan hidup di samping Muhammad s.a.w., telah menerima satu 'Anjakan Paradigma' apabila mereka menerima aspek pembangunan insan yang dibawa oleh baginda dengan bertauhidkan Allah dengan tidak menyembah selain-Nya yang disifatkan mereka

---

<sup>5</sup> Fathi Yakan, Dr. : *Al-Syabab wa al-Taghyir* (Beirut : Muassasat al-Risālah, 1987), hal. 27-28.

<sup>6</sup> Sa'id Hawwa : *Munṭolaqāt Islamiyyah li Haḍārah 'Ālamiyah Jadīdah* (Qāherah : Dār as-Salām, 1984), hal. 49.

sebagai satu gerakan revolusi besar kerana Nabi Muhammad berjaya membangun manusia<sup>7</sup>.

Dalam proses mencapai kemajuan dan perkembangan Islam, ia mesti ditampilkan dalam wajah yang dinamik, produktif dan penganutnya pula yakin dan percaya kepada diri sendiri. Umat Islam tidak boleh mengambil jalan mudah atau meremehkan masalah. Tetapi tidak pula memandang segala perkara itu mustahil untuk dilaksanakan<sup>8</sup>.

Justeru, Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. adalah untuk melakukan proses pembangunan insan dengan segala bentuk kemajuan, perkembangan yang produktif untuk menuju kepada satu keadaan yang lebih baik dari sebelumnya, baginda berjaya melakukannya menerusi dua pendekatan utama :

- 1- Mensucikan manusia dari sebarang bentuk kesyirikan dengan penyembahan berhala, membangun mereka dari sikap jahiliyyah kepada Islam yang menganjur agar insan berilmu (dalam segenap disiplin ilmu), membangun mereka menuju tahap manusiawi yang hakiki sebagai hamba Allah SWT.
- 2- Membangun manusia dengan menyelamatkan mereka dalam kegelapan hidup selain Islam menerusi ‘Tamadunnya’ yang mendidik insan agar memiliki prinsip yang jelas dengan Islam meliputi akhlak, ekonomi, politik, sistem hidup

---

<sup>7</sup> Danial Zainal Abidin, Dr. : *Minda Muslim Super*, (Kuala Lumpur : PTS Millennia Sdn. Bhd. 2008), hal. 261 – 262. ISBN 978- 983-3603-19-0.

<sup>8</sup> Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid, Prof. Madya ‘Membina Umat Berkualiti’ rencana dalam Jurnal Al-Manar, Edisi Bulan Jun 1997), Akademi Pengajian Islam, hal. 74 KDN PP 9795/5/97

yang menghubungkan manusia dengan Allah dan sesama manusia berpaksikan acuan agama Allah yang termeterai dalam ayat 103 surah Āli ‘Imran yang bermaksud : “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam)<sup>9</sup>”.

Maksud terjemahan ayat di atas menjelaskan agar orang-orang Islam diperintahkan untuk berpegang teguh kepada agama Allah, tanpa melakukan sesuatu tindakan yang menjurus kepada perpecahan<sup>10</sup>.

Yusuf al-Qaradāwī menjelaskan, bahawa pembangunan itu diertikan sebagai kebangkitan atau dalam bahasa Arab disebut ‘الصحوة/Al-Ṣohwah’ yang pada asalnya bermaksud kekuatan kesedaran yang ada pada diri insan, yang mengintegrasikan elemen hati, perasaan dan akal. Justeru, seseorang individu itu sebenarnya tidak mati, tetapi selalu tidur di siang hari hingga tidak mengambil peduli keadaan sekeliling yang dia sedang berada di dalamnya, maka tabiat Islam sebagai agama fitrah berperanan membangkitkannya agar boleh bangun untuk bergerak seiring dengan perkembangan semasa, kerana insan yang bernama muslim tidak akan terjerumus dalam kesesatan, maka Islam juga berperanan membangun insan dalam aspek pembangunan akal, ilmu, akhlak, peradaban dan segenap pendekatan positif yang dianjurkan Islam bagi mencapai matlamat pembangunan insan yang menjadi keutamaan penciptaan manusia<sup>11</sup>.

---

<sup>9</sup> Muhammad al-Bahi, Dr. : *Al-Qurān wa al-Mujtama'* (Qāherah : Maktabah Wahbah 1986), hal. 59-60.

<sup>10</sup> Muhammad al-Ahmadi Abu al-Nur, Dr. : *Al-Muntakhab Fi Tafsīr al-Qurān al-Karīm* (Qāherah : Wizārah al-Awqāf, 1985), hal. 87.

<sup>11</sup> Yusuf al-Qaradawi, Syeikh Prof. Dr. : *Al-Ṣohwah al-Islamiyyah wa Humūm al-Waṭan al-‘Arabi wa al-Islāmi* (Qāherah : Dār as-Ṣohwah, 1988), hal. 11-13.

Apa yang dapat difahami dan disimpulkan bahawa maksud pembangunan ialah membangunkan akal, minda, mengambil peduli persekitaran, pada masa yang sama tidak terlibat dalam penyembahan selain Allah, jalan menuju kebenaran dengan meninggalkan kegelapan juga dikira sebagai satu usaha untuk membangun diri insan itu sendiri.

### 2.3 INSAN

Sementara ‘Insan’ adalah daripada perkataan Arab yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai manusia. Dalam al-Quran, insan adalah antara makhluk ciptaan Allah SWT yang diciptakan dari air mani yang hina. Dalam kalangan makhluk Allah, insanlah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah untuk menerima amanah keagamaan seperti yang ditegaskan-Nya :

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيَتْ أَنْ

تَحْمِلُنَّهَا وَأَشْفَقَنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَنُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Al-Ahzab : 33:72

Terjemahannya: “Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

Dalam kitab Tafsir al-Jalalain ada menyebut, yang dimaksudkan melaksanakan amanah itu ialah amanah dalam melakukan solat dan segenap

jenis ibadat yang lain, di mana ia akan diganjari pahala bagi yang melakukannya dan disiksa bagi yang meninggalkannya<sup>12</sup>.

Al-Quran juga mengiktiraf insan sebagai khalifah yang menjalankan tugas-tugas (amanah) yang dilaksanakan oleh para Anbiya', perkara ini ditegaskan Allah :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Al-Baqarah : 2:30

Terjemahannya: "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi."

Menurut Ibn al-Jawzi, yang dimaksudkan khalifah dalam ayat di atas ialah individu yang dipilih Allah untuk melaksanakan hukum syariat-Nya di muka bumi dalam kalangan manusia serta mengajar mereka untuk bertauhidkan hanya kepada Allah SWT<sup>13</sup>.

Justeru, insan adalah sasaran, khususnya individu-individu dalam masyarakat umat Islam adalah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan amanah keagamaan, berdasarkan penggarapan ilmu dan maklumat, sekali gus mempersiap dan membangunkan jati diri ke arah tugas menyelamatkan manusia sejagat melalui dakwah yang pernah diteladankan oleh baginda Rasulullah s.a.w. Ini kerana di peringkat awal perkembangan Islam, para sahabat yang majoriti terdiri daripada pelajar-pelajar yang terdedah kepada sistem pembelajaran secara formal dalam majlis-majlis ilmu anjuran Rasulullah, hingga ke satu peringkat

<sup>12</sup> Imām Jalāl al-Dīn Muhammad bin Ahmad al-Muhaṭṭa & Jalāl al-Dīn ‘Abd Rahman al-Šuyuṭī : *Tafsīr al-Jalalain* (Penang : Maktabah Dār al-Ma’ārif, t.t.), 2 : 113.

<sup>13</sup> Imām Abū al-Faṛj Jamāl al-Dīn bin Ali bin Muhammād al-Jawzī (Ibn al-Jawzi) : *Zād al-Masīr* (Beirut : Al-Maktab Al-Islāmī, 1984), 1 : 60.

bagaimana mereka membangun dan mempersiapkan diri hingga menjadi lidah penyambung risalah Islam hingga ke luar dari Semenanjung Tanah Arab, ada yang menjadi pendakwah, duta Rasulullah dan sebagainya, pokoknya mereka menjadi generasi yang dapat dimanfaatkan ilmu dari diri mereka sendiri.

Sementara perkataan insan itu pula diberi dimensi kepada dua keadaan, sama ada menjadi golongan yang bersyukur, ataupun sebaliknya menjadi golongan penentang, ia berpaksikan kepada inspirasi dari ayat 3 surah al-*Insān*. Golongan insan yang bersyukur adalah mereka yang menjadikan segenap titah perintah Allah sebagai panduan dan pedoman hidup yang melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan oleh Allah seperti dalam ayat 72 surah al-*Aḥzāb* di atas. Adapun golongan penentang ini sentiasa tersungkur kepada tuntutan hawa nafsu, bersifat kikir walaupun terhadap diri sendiri, cenderung kepada kejahatan<sup>14</sup>, malah apabila tidak berada dalam majlis-majlis ilmu, akan menyebabkannya terjerumus pada perkara-perkara yang ditegah agama.

Namun, insan yang dikehendaki Islam adalah yang memiliki sifat dan ciri positif berpaksikan kepada ketegasan baginda s.a.w. dalam beberapa hadithnya mengenai insan, antaranya :

- سنن الترمذى ٢٢٥١ : حَدَّثَنَا أَبُو كُرْبَى حَدَّثَنَا زَيْدُ بْنُ حُبَابٍ عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ صَالِحٍ عَنْ عَمْرُو بْنِ قَيْسٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بُشْرٍ أَعْرَابِيًّا قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ خَيْرُ النَّاسِ قَالَ مَنْ طَالَ عُمْرُهُ وَحَسْنَ عَمْلُهُ .

Sunan Tirmidzi 2251: Telah menceritakan kepada kami Abu Kuraib telah menceritakan kepada kami Zaid bin Hubab dari Mu'awiyah bin Shalih dari 'Amru bin Qais dari 'Abdullah bin Busr, seorang badui bertanya: Wahai Rasulullah, siapa orang terbaik itu? Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa Salam

<sup>14</sup> Muhammad al-Bahi, Dr. : *Nahwa al-Qurān* ( Qāherah : Maktabah Wahbah 1986), hal. 49-50.

menjawab: "Orang yang panjang umurnya dan baik amalnya<sup>15</sup>. Hadīth sohib riwayat Imām Aḥmad dan at-Tirmidzi daripada Abdullah bin Busr.

2- قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : خَيْرُ النَّاسِ أَخْسَنُهُ حُلُقًا .

رواه الطبراني عن ابن عمر رضي الله عنهما (حديث صحيح)

Terjemahannya: "Sebaik-baik manusia adalah yang paling baik akhlaknya." Hadīth sohib riwayat at-Tabarāni daripada Ibnu Umar r.a.

3- قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ .

رواه القضايعي عن جابر (حديث حسن)

Terjemahannya: "Sebaik-baik manusia adalah orang yang bermanfaat untuk orang lain." Hadith riwayat al-Qodā'ie daripada Jābir<sup>16</sup>.

Kesimpulannya dari maksud Hadith Nabi s.a.w. seperti di atas, insan yang dimaksudkan itu adalah individu yang memiliki kefahaman hingga mampu melonjakkan dirinya menjadi hamba Allah SWT yang baik, beremosi positif, berakhhlak mulia, bermanfaat untuk diri, orang-ramai, agama dan negara, justeru bagi mencapai maksud itu, maka insan itu mestilah belajar ilmu-ilmu agama yang menjadi pendinding buat dirinya dan orang lain.

Maka jelaskah dari apa yang dibahaskan di atas mengenai maksud pembangunan insan ialah membangun insan dengan akhlak yang mulia, terutama akhlak terhadap Allah, Rasul, kedua ibu bapa, sesama manusia malah terhadap haiwan, rajin beribadat kepada Allah SWT hingga mampu meraih kedudukan manusia terbaik seperti yang difirmankan Allah :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايْتُ عَنِ  
الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

<sup>15</sup> Maktabah Syamilah & Sultanera, Ensiklopedi Hadits Kitab 9 Imam, Lidwa Pustaka, 2010 - 2011, Takhrij Hadis : Sunan Tirmidzi, Kitab Bab Zuhud, 2251

<sup>16</sup> Al-Allāmah Al-Munāwi : *Fa'id al-Qodīr Syarh al-Jāmi' as-Soghīr*, (Beirūt : Dār al-Ma'rīfah 1972), 3 : 480-481.

Terjemahannya: “Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat Segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).”

Ayat di atas menjelaskan bahawa umat Islam adalah sebaik-baik umat manusia yang mampu memberi manfaat kepada umat manusia sejagat, hingga mampu menjadikan mereka untuk memeluk agama Islam<sup>17</sup>.

Dan intipati kepada proses pembangunan ialah perubahan, perkembangan ke arah pembangunan insan telah dijelaskan oleh al-Quran :

إِنَّ أَرِيدُ إِلَّا آلِيًّا صَلَحَ مَا أَسْتَطَعْتُ وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ

Hūd : 11:88

Terjemahannya: “Nabi Syuaib berkata : Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku; dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah, kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepadaNyalah aku kembali.”

Sa’id Hawwa menegaskan mengenai maksud ayat di atas ialah bahawa aku (Nabi Syu'aib) hanya mahu untuk melakukan pemberian dengan peringatan dan nasihatku kepada kamu dengan melakukan Amar Ma'ruf Nahi Munkar sekadar kemampuan yang ada padaku berlandaskan petunjuk dan pertolongan dari Allah SWT<sup>18</sup>.

Menurut Al-Attas, insan yang baik adalah manusia yang insaf akan tanggungjawab dirinya kepada Tuhan Yang Hak, iaitu manusia yang

<sup>17</sup> Muhammad ‘Ali al-Šobūnī : *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr* (Beirut : Dār al-Qurān al-Karīm, 1396H), 1 : 308.

<sup>18</sup> Sa’id Hawwa : *Al-Asās fī al-Tafsīr* (Qāherah : Dār al-Salām, 1985), 5 : 2592.

memahami serta menyelenggarakan penunaian keadilan terhadap dirinya dan diri-diri lain dalam masyarakatnya; manusia yang dalam serba-serbi tingkah-lakunya sentiasa mengasuh dirinya menuju ke arah kesempurnaan sebagai insan adabi (yang bertamadun)<sup>19</sup>.

Dalam konteks agama Islam, insan yang benar-benar unggul adalah insan yang memiliki keperibadian yang terpuji iaitu insan yang sempurna dari segi hubungannya dengan Pencipta (Vertikal) dan hubungannya dengan insan dan makhluk-Nya yang lain termasuklah alam sekitar (horizontal). Oleh itu, ciri-ciri untuk membangunkan sahsiah seseorang insan itu dibahagikan kepada Vertikal (Habl min Allah) dan Horizontol (Habl min an-Nas)<sup>20</sup>.

Muhammad Quṭb dalam bukunya memulakan dengan lontaran persoalan mengenai insan, siapakah sebenarnya yang disebut sebagai insan? Apakah visi dan misinya? Apakah peranan insan dalam kehidupan ini? Apakah keupayaan atau kekuatannya untuk mencapai pembangunan dalam dirinya? Insan adalah makhluk yang mempunyai kedudukan istimewa hingga dipertanggungjawabkan Allah sebagai khalifah-Nya di muka bumi ini. Insan bukan haiwan yang boleh bercakap seperti yang didakwa oleh Charles Darwin yang berasal dari monyet. Akan tetapi adalah makhluk berpotensi besar dalam menjalankan tugasannya penting di muka bumi ini untuk membangun manusia

---

<sup>19</sup> Pembangunan Insan baik : *Pengurusan Skema Martabat Ilmu Dalam Islam*, Ahmad Bazli Shafie dalam buku *Modal Insan Dan Pembangunan Masa Kini* – Penyunting : Asyraf Hj. Abdul Rahman et al., (Kuala Terengganu : Fakulti Pengurusan & Ekonomi, Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia (KUSTEM - 2006), hal. 39.

<sup>20</sup> Ibid \_\_\_\_\_ dalam tajuk Memperkasa Modal Insan : Beberapa Pendekatan Strategi, hal. 13-14

seluruhnya dengan ilmu yang digarap dan amalan yang dilaksanakan bagi meraih status umat yang terbaik<sup>21</sup>.

Dengan mengamati kepada setiap penjelasan di atas, boleh dibuat kesimpulan bahawa pembangunan merupakan satu proses perubahan, kebangkitan, perkembangan dari satu tahap kepada satu tahap yang lain, atau dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain, di mana perubahan hanya boleh berlaku dalam bentuk pencapaian menuju perkara yang baik sahaja, dan segenap panduan kepada pembangunan sebenar adalah datangnya dari Allah SWT. Selain itu, usaha pembangunan perlu dilaksana secara konsisten, komprehensif, bukan sekadar retorik, atau perkembangan dan peningkatan dari sudut saiz luaran atau fizikal, angka atau bentuk fizikal semata-mata, tetapi pembangunan turut melibatkan dimensi bukan fizikal, seperti aspek pemikiran, kerohanian dan lain-lain. Justeru, pembangunan merupakan satu usaha yang dilakukan oleh insan, untuk berubah kepada satu keadaan yang lebih baik dan juga mengekalkan sesuatu keadaan yang baik.

#### **2.4. Pembangunan Insan Menurut Perspektif Islam**

Islam amat mengambil berat keberadaan insan di muka bumi ini, setelah Nabi Adam a.s. dikeluarkan dari syurga dan diarah turun ke bumi (dunia) untuk menjadi khalifah dengan mengurus tadbir bumi dengan segenap kehendak Allah SWT yang berpaksikan kebenaran Islam yang bermula dengan Nabi Adam a.s. hingga kepada Nabi Muhammad s.a.w. Sesungguhnya pertembungan antara hak dan batil telah menjadi resam kehidupan manusiawi di bumi/dunia ini, ia

---

<sup>21</sup> Muhammad Qutb : *Dirāsāt fi al-Nafs al-Insāniyyah* (Qāherah : Dār as-Syurūq, 1987), hal. 13.

bermula dengan peristiwa keengganan Iblis untuk sujud kepada Adam atas perintah Allah SWT, begitu juga pertembungan antara Habil dan Qabil hingga membawa kepada pertumpahan darah dan kematian. Memang hakikat insan cenderung kepada kejahatan sepertimana yang difirmankan Allah :

وَنَفْسٌ وَمَا سَوَّهَا ﴿١﴾ فَأَهْمَمَهَا لُجُورَهَا وَتَقْوِنَهَا ﴿٢﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ  
رَكَّهَا ﴿٣﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا ﴿٤﴾

Asy-Syams : 91:7-10

Terjemahannya : “Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); (7), Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan dan yang membawanya kepada bertaqwa; (8) Sesungguhnya berjayaalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebaikan) (9), Dan sesungguhnya rugilah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).” (10)

Ayat di atas menggambarkan mengenai kaedah teori kejiwaan manusia, iaitu memperlengkapkan ayat-ayat tentang tabiat manusia yang bercampur-campur antara cenderung kepada kebaikan dan kejahatan yang menjadi lumrah ke atas mereka<sup>22</sup>.

Tetapi ia bukan bermakna insan itu tidak boleh dibangun dengan unsur-unsur kebaikan, pembangunan, kebangkitan, kemajuan, perkembangan dan sebagainya.

Insan seperti yang telah dijelaskan mempunyai potensi untuk dibangun. Insan walaupun sentiasa dibelenggu dengan pelbagai masalah akibat dari pengaruh persekitaran, tetapi yang penting mampu untuk dibangunkan untuk

<sup>22</sup> Sa'id Hawwa : *Al-Asās fī al-Tafsīr* (Qāherah : Dār al-Salām, 1985), 11 : 6548.

mencipta sejarahnya tersendiri bagi menggapai masa depan yang gemilang melalui penggarapan ilmu, berusaha untuk berdaya saing, berakhhlak mulia dalam segenap keadaan dengan tuntutan agama<sup>23</sup>.

Apabila umat Islam seluruhnya kembali mengguna-pakai manhaj Islam seperti al-Quran, as-Sunnah dan Sirah Nabawiyah dalam segenap kegiatan kehidupan, maka tidak mustahil insan-insan yang berada di sekeliling akan dapat dibangun dengan jayanya, mampu mengelakkan mereka daripada terjebak dalam kemaksiatan, seperti kejayaan Negara Islam pertama di kota Madinah, undang-undang Allah yang termeterai dalam agama Islam dapat dilaksanakan dengan jayanya, kerana al-Quran telah membongkar persoalan itu apabila mengajak insan seluruhnya di peringkat Mekkah lagi agar menjauhi perbuatan yang boleh jatuh pada zina, seperti yang ditegaskan Allah<sup>24</sup> :

وَلَا تَقْرُبُوا الْرِّجَالَ إِنَّهُ كَانَ فَحْشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا

Al-Israa : 17:32

Terjemahannya: “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”

Menurut Saiyid Qutb, sesungguhnya ayat larangan mendekati zina seperti di atas adalah perbuatan terkutuk dan disifatkan sebagai tindakan melampau, kerana zina merupakan ikutan syahwat dan hawa nafsu serakah yang jahat, mendekatinya tidak akan terjamin kebaikan pada keturunan pelaku, justeru

<sup>23</sup> Malek Bennabi (terjemahan Dr. ‘Abd as-Şobūr Syahīn) : *Syurūṭ al-Nahḍah* (Damsyīq : Dār al-Fikr, 1985), hal. 75.

<sup>24</sup> Ayat tentang larangan berzina ini, malah seluruh surah al-Israa telah diturunkan di Mekkah sebelum penghijrahannya baginda s.a.w. ke Madinah. Saiyīd Qutb : *Fi Zilāl al-Qurān* (Mesir : Dār as-Syurūq, 1982), 4 : 2208. Tanpa ISBN

Islam telah memperkenalkan pelbagai wasilah untuk mempertemukan jodoh kedua-dua lelaki dan perempuan, seboleh-bolehnya dengan mahar yang paling rendah nilainya bagi menyelamatkan harga diri umat Islam, yang paling penting untuk melindungi jamaah Islam dari terjerumus ke lembah kehinaan<sup>25</sup>.

Walaupun larangan masih di peringkat Mekkah, Islam yang masih belum menyerlah dengan kewujudan sebuah Negara Islam, namun larangan daripada terjebak pada jenayah zina telah diwartakan, dan ia telah diimplementasikan di Madinah setelah terbentuknya Negara Islam pertama. Ini kerana Islam yang menjadi sandaran kepada Negara Islam itu diangkat sebagai satu sistem yang lengkap dan praktikal<sup>26</sup>.

Dalam hal ini ummat Islam harus sepakat, bahawa setiap dari diri kita mahu untuk dibangunkan, malah buat generasi yang sedang berkembang dan membangun di hadapan kita dan seterusnya generasi akan datang dalam kalangan umat Islam. Kita diamanahkan oleh Allah SWT agar mengajak insan-insan seluruhnya kepada apa yang telah Allah SWT anugerahkan kepada kita, iaitu hidayah dan agama yang benar. Namun hal ini akan lebih bermanfaat dan membawa hasil jika kita mempunyai pemahaman dan pemikiran yang benar terhadap Islam.

Kita mesti menghayati ajaran Islam yang syumul, sebagaimana Islam yang difahami dengan sebaik-baiknya oleh umat ini dalam kalangan para sahabat dan orang yang mengikuti jalan mereka dengan tulus ikhlas, semata-mata demi mengharapkan keređaan Allah SWT. Pemahaman yang benar terhadap Islam

---

<sup>25</sup> Saiyid Qutb : *Fi Zilāl al-Qurān* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 1982), 4 : 2224.

<sup>26</sup> Ahmad Faez : *Dustūr al-Usrah fi Zilāl al-Qurān* (Beirût : Muassasat ar-Risālah, Cetakan ke-5 1985), hal. 274 -275.

merupakan syarat utama untuk kejayaan da'wah Islam. Pemahaman yang benar juga adalah asas bagi meraih kejayaan sesuatu usaha yang dilakukan<sup>27</sup>.

Generasi hari ini tidak akan mampu dibangunkan tanpa merujuk kepada kehebatan sejarah generasi silam terutama kalangan para Sahabat Nabi , Tabi'in dan seterusnya selepas mereka yang meletakkan Islam sebagai manhaj hidup untuk berjaya, malah mereka adalah golongan pengamal tegar segenap ajaran Islam.

Tanpa Islam, insan walau bagaimana hebat sekalipun tidak akan muncul di dunia dan tidak akan terbentuk insan yang hebat. Ini kerana Islam adalah jantung yang bertindak sebagai cara hidup dalam kehidupan insan. Disebabkan Islam, dunia berubah dan kerana Islam dunia disinari dengan cahaya Ilahi. Kehebatan umat Islam (yang berjaya dibangunkan) terserlah dan bersinar di seluruh dunia. Ini disebabkan oleh ajaran Islam yang diamalkan dan dijadikan cara hidup sempurna dalam kehidupan mereka. Islam bukan sahaja memenuhi fitrah manusia, bahkan Islam juga penuh dengan sifat kesempurnaan.

Ajarannya yang komprehensif sentiasa hadir dalam semua kegiatan termasuk sewaktu insan tidur, makan dan minum, ke tandas, bermain, bermesyuarat, bercinta, berhibur, dan banyak lagi seperti yang ditegaskan Allah menerusi ayat 3 dari surah al-Māidah yang bermaksud : “Pada hari ini, Aku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan Aku reda Islam itu menjadi agama bagimu<sup>28</sup>”.

---

<sup>27</sup> Yusuf al-Qaradawi, Prof. Dr. : “*Sanggahan Salah Tafsiran Islam*” terj. ‘Abdul Rahman Rukaini (Kuala Lumpur terbitan Synergymate Sdn. Bhd. 2004), hal. 5.

<sup>28</sup> Muhammad Akhmal Hakim : *8 Kecerdasan Membentuk Muslim Superior*. (Kuala Lumpur : Terbitan PTS Millennia Sdn. Bhd. Cetakan Pertama 2014), hal. 1-3.

Menurut Syeikh Muhammad Rasyid Redha, ayat di atas memperlihatkan tiga berita gembira iaitu Allah menyempurnakan segenap ajaran agama Islam, menyempurnakan nikmat dan Dia merestui Islam sebagai agama terakhir umat Islam, yang dimaksudkan kesempurnaan ajaran Islam ialah hukum-hakam berkenaan halal dan haram yang belum disempurnakan seluruhnya sebelum itu, kesempurnaan nikmat pula ialah pelaksanaan haji yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w bersama para Sahabat tidak disertai mana-mana golongan musyrik dan munafiq dan Allah menyempurnakan Islam dengan memilih agama ini khusus buat umat Islam setelah baginda s.a.w menetap di Mekkah untuk mengerjakan ibadat haji selama 81 hari kemudian Allah mewafatkan baginda<sup>29</sup>.

Mahmud Fathi Abdul Samad menegaskan, bahawa konsep hidup dalam Islam yang menjadi pemangkin pembangunan insan terbentuk kepada 10 perkara berikut :

- i- Maksud hidup bagi seorang muslim ialah untuk mengabdi kepada Allah SWT, tidak kepada manusia, tidak kepada kebendaan atau sesuatu selain Allah.
- ii- Guna hidup ialah untuk menggunakan akal yang dituntut oleh wahyu dalam memuaskan keperluan jasmani dan rohani.
- iii- Erti hidup ialah menerima kenyataan dunia, menikmati apa yang dapat diberikannya, namun tidak boleh berlebih-lebihan kerana demikian itu akan merosakkan kehidupan itu sendiri.
- iv- Tujuan hidup adalah Akhirat, di mana setiap amal perbuatan yang dilakukan di dunia ini akan diminta pertanggungjawaban.

---

<sup>29</sup> Muhammad Rasyid Redha : *Tafsīr al-Manār* (Qāherah : Al-Haiah al-Miṣriyyah al-‘Āmah Li al-Kitāb, 1972), 3 : 128.

- v- Salah satu perkara yang perlu dipenuhi oleh manusia di atas muka bumi ini adalah untuk meneruskan kehidupan mereka dengan mendapatkan rezeki. Rezeki ialah suatu yang dapat diambil manfaatnya oleh setiap makhluk yang hidup seperti makanan, minuman dan lain-lain. Allah SWT menjadikan dunia ini yang terdiri daripada langit, bumi, bukit, gunung, sungai, paya, laut dan semua kehidupan di dalamnya sebagai punca rezeki kepada hamba-Nya.
- vi- Manusia perlu berusaha untuk mendapat rezeki itu dengan kebijaksanaan melalui akal yang diberikan kepada mereka.
- vii- Allah menjelaskan bahawa di atas muka bumi ini terdapatnya rezeki daripada-Nya untuk hamba-Nya. Oleh itu manusia perlu berusaha untuk mendapatkan rezeki itu.
- viii- Ada orang yang mudah untuk mendapatkannya dan ada orang yang susah untuk mendapatkannya.
- ix- Sesungguhnya mereka yang mudah untuk mendapat rezeki adalah kerana manusia yang menghambakan dirinya kepada Allah SWT dalam segenap kehidupannya dengan seikhlas-ikhlas pengabdian.
- x- Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah r.a. yang bermaksud : “Allah SWT berfirman kepada Malaikat yang diserahkan dengan urusan rezeki anak Adam. Hamba mana pun yang kamu dapati yang cita-citanya hanya satu (iaitu semata-mata untuk Akhirat), jaminlah rezekinya di langit dan di bumi. Dan hamba yang dapat mencari rezekinya dengan jujur kerana berhati-hati mencari keadilan, berilah dia rezeki yang baik dan mudahkan baginya. Dan jika ia melampaui batas kepada selain itu, biarkanlah dia sendiri mengusahakan apa

yang dikehendakinya. Kemudian dia tidak akan mencapai lebih daripada apa yang telah Aku tetapkan untuknya<sup>30</sup>.”

Saif al-Islam ‘Ali Maṭar<sup>31</sup> menegaskan, bahawa konsep keberadaan insan untuk merubah institusi masyarakat adalah di antara topik yang merangkumi kebanyakan kajian dan analisis perkembangan kemasyarakatan yang membabitkan batang tubuh insan dalam segenap kegiatan hariannya, iaitu dalam kehidupan serta hubungannya dalam masyarakat yang bertujuan untuk merubah nilai dan budaya yang tidak selari dengan perkembangan zaman.

Ini kerana proses merubah atau membangun insan adalah sunnah dalam kehidupan, yang mengiringi perkembangan institusi kemasyarakatan secara moden tanpa menyanggah konsep nilai, budaya, prinsip dan pemikiran menurut perkembangan semasa dan Islam. Justeru konsep merubah dan membangun insan sudah menjadi satu fenomena penting dalam kehidupan bermasyarakat.

‘Abd al-Halim ‘Uwais dalam tulisannya menegaskan, bahawa Islam adalah agama yang serba sempurna kerana bersumberkan dari Yang Maha Sempurna yang amat sesuai dengan hakikat kewujudan insan yang dibekalkan dengan akal fikiran dan naluri yang jernih. Justeru insan amat perlu membuat satu perubahan diri untuk membangun dirinya ke arah kesempurnaan dengan membebas dan menanggalkan segenap hubungan dengan tekanan falsafah hidup serta pemikiran yang tiada kaitan langsung dengan Islam yang tidak mampu

---

<sup>30</sup> Mahmud Fathi Abdul Samad : *Muslim Profesional*. (Kuala Lumpur - Penerbitan Ilham Baru, 2010), hal. 8-9.

<sup>31</sup> Saīf al-Islām Ali Maṭar, Dr : *Al-Taghayyur al-Ijtimā’ie* (Mansoūrah-Mesir : Dār al-Wafā’, 1986), hal. 8-9.

untuk membangun manusia. Justeru cara terbaik adalah dengan mencontohi generasi para sahabat Rasulullah s.a.w. yang membentengi mereka dengan Islam, malah membangun bersama Islam. Ini kerana segala tindakan untuk maju yang tidak disandarkan kepada Islam adalah sesuatu kegagalan<sup>32</sup>.

Muhammad al-Bahi ada mengemukakan pandangannya mengenai pembangunan insan, beliau menyebut bahawa seruan al-Quran agar insan melakukan perubahan seterusnya membangun diri mereka ke arah yang lebih baik adalah menjadi keutamaan dan kewajipan seseorang insan terutama yang bernama muslim, justeru Allah SWT menegaskan :

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Al-Ra'ad : 13:11

Terjemahannya: “Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.”

Sesungguhnya Allah SWT merupakan Pelindung kamu, Dia melindungi kamu dari sebarang mara bahaya, setiap individu dalam kalangan manusia mempunyai malaikat yang menjalankan tugas atas perintah Allah secara bergilir-gilir, mereka mengawal manusia dari segenap penjuru, sama ada di hadapan, belakang, kiri dan kanan, Allah tidak akan mengubah keadaan atau sikap manusia dari kuat kepada lemah, atau dari kesusahan kepada kesenangan, melainkan mereka sendiri yang bertekad untuk mengubah buat diri mereka

---

<sup>32</sup> ‘Abd al-Halim ‘Uwais, Dr : *Al-Islām Kamā Yanbaghī An Nu’mīn bihi* (Qāherah : Dār as-Sohwah, 1985), hal. 12.

sendiri, jika Allah mahu untuk memudarangkan mereka, tiada seorang pelindungpun yang mampu menghalang tindakan-Nya begitulah sebaliknya<sup>33</sup>.

Ini kerana melakukan proses perubahan kepada pembangunan insan itu adalah suatu kemestian yang wajib dilakukan dalam institusi masyarakat umat Islam, kerana Islam adalah agama yang sentiasa menyeru penganutnya melakukan perubahan dan pembangunan, jika tidak mereka terbelenggu dengan unsur-unsur masyarakat yang mementingkan kebendaan dan umpama masyarakat Jahiliyyah<sup>34</sup>.

Fathi Yakan selanjutnya menjelaskan bahawa ramai daripada kalangan manusia menjadi muslim disebabkan faktor kedua ibu bapa mereka memang muslim sejak dilahirkan, tetapi pada hakikatnya mereka tidak memahami dengan sebenar kenapa mereka menjadi warga muslim tetapi tidak mengamal dan mengerti tuntutan ajaran agama Islam yang syumul. Lantaran itulah kita dapat melihat mereka berada di satu pihak manakala Islam berada di pihak yang lain, dalam erti kata lain, mereka muslim baka atau warisan, bukan sebagai muslim yang benar-benar komited kepada ajaran agama Islam. Justeru satu mekanisme untuk melonjakkan mereka melakukan pembangunan dalam diri mereka ialah melalui kemestian membangun dari sudut akidah, ibadat, akhlaq, sistem berkeluarga, mengawal diri dan meyakini bahawa masa depan adalah di tangan Islam<sup>35</sup>.

---

<sup>33</sup> Muhammad al-Ahmadi Abu al-Nur, Dr : *Al-Muntakhab Fi Tafsīr al-Qurān al-Karīm* (Qāherah : Wizārah al-Awqāf, 1985), hal. 355.

<sup>34</sup> Muhammad al-Bahi, Dr : *Al-Qurān wa al-Mujtama'* (Qāherah : Maktabah Wahbah 1986), hal 9.

<sup>35</sup> Fathi Yakan, Dr : *Mādhā Ya'ni Intimāie li al-Islām* (Beirūt : Muassasah ar-Risālah, 1986), hal muqaddimah.

Auni Haji Abdullah menegaskan, bahawa manusia diberikan kebebasan untuk membuat pilihan dalam pengurusan (hidup) di dunia dan dipertanggungjawabkan di atas segala tindakan. Mereka boleh memilih untuk membina keperibadian sehingga menjadi insan yang mulia ataupun mencemarkan diri sehingga menjatuhkan martabat diri hingga menjadi lebih hina dan rendah dari haiwan. Dengan kata lain, mereka boleh memilih untuk mencapai kesejahteraan (al-falah) atau keporakperandaan (al-fasad) di dunia dan di akhirat. Pencapaian tersebut bergantung kepada tahap keupayaan menguasai diri semasa menguruskan diri sendiri, menguruskan orang lain dan memenuhi tanggungjawab menguruskan dunia sama ada selari dengan kereğaan Ilahi ataupun sebaliknya. Justeru untuk melahirkan individu yang mantap, kukuh dan tuntas dalam persiapan memenuhi tanggungjawab untuk menguruskan dunia ini, maka tidak memadai dengan kelengkapan diri daripada segi profesionalisme, penguasaan ilmu, sains dan teknologi, tetapi yang lebih penting penguasaan dalam aspek agama. Pembentukan peribadi insan seutuhnya amat memerlukan pembentukan (pembangunan) rohani yang kukuh di dalam kalbu. Pembentukan kerohanian inilah yang melambangkan jati diri seseorang kerana ia mencerminkan kekuatan hakiki diri individu. Kekuatan ini menjadi benteng dalaman yang mengawasi tindak-tanduk lahiriah yang lazimnya mudah tunduk dengan kemahuan nafsu dan rapuh apabila berdepan dengan godaan-godaan duniawi semasa menguruskan berbagai-bagai urusan hidup harian<sup>36</sup>.

---

<sup>36</sup> Auni Haji Abdullah : *Teras Utama Sistem Pengurusan Islam* – (Kuala Lumpur : Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd, 2010), hal. 45-47.

Justeru melalui kajian ini, aspek, falsafah dan konsep pembangunan insan berdasarkan perspektif Islam membawa maksud, usaha pembangunan yang dilakukan oleh manusia terhadap diri manusia itu sendiri secara menyeluruh, sama ada dari segi fizikal, spiritual, mental dan lain-lain, iaitu untuk berubah kepada satu keadaan yang baik, dan untuk mengekalkan satu keadaan yang baik juga. Usaha tersebut mesti dilaksanakan mengikut panduan yang ditunjukkan dalam ajaran Islam dan tidak boleh menyimpang daripada ajaran Islam itu sendiri.

#### **2.4.1 Da’wah Dan Hubungannya Dengan Pembangunan Insan**

Hasan al-Banna memulakan langkah pembangunan insan melalui seruan da’wah yang dijalankan pada peringkat awal yang tidak terpisah dengan elemen tarbiyah yang menjurus kepada pembangunan insan, pengkaji berpendapat perlu diberi sedikit pencerahan mengenai hubungan da’wah, tarbiyah dan pembangunan insan agar ia dilihat mempunyai kaitan secara langsung antara satu sama lain. Iaitu penjelasan da’wah dari sudut konsep hingga terbangunnya pembangunan insan dengan tarbiyah, Hasan al-Banna telah merintis jalan da’wah ini yang cukup berliku menerusi penulisan-penulisan yang mantap menepati kaedah yang bersesuaian, di mana penulisan adalah salah satu cabang da’wah yang berkesan bagi membangun insan.

Da’wah ialah usaha perpindahan paradigma umat manusia kepada suatu tahap yang sesuai dengan tabiat semula jadi manusia ciptaan Allah SWT. Ertinya perpindahan berasaskan kesedaran daripada kekufuran kepada keislaman,

kejahatan kepada kebaikan, kesesatan kepada hidayah, negatif kepada positif dan dari perkara-perkara keburukan kepada kebaikan. Da'wah juga ialah usaha mengubah situasi kepada situasi yang lebih baik dan sempurna. Da'wah bukan sekadar usaha peningkatan pemahaman keagamaan, tingkah laku dan pandangan hidup sahaja, tetapi juga menuju sasaran yang lebih luas. Apatah lagi pada masa ini, da'wah harus lebih berperanan menuju kepada pelaksanaan ajaran Islam secara holistik dalam pelbagai aspek kehidupan<sup>37</sup>.

A.Hasjmy menegaskan, da'wah ialah suatu kurikulum dan penerangan yang lengkap, juga suatu kegiatan ajakan, baik dalam bentuk lisan, tulisan, mahupun tingkah laku yang dilakukan secara sedar dan terencana dalam usaha untuk mempengaruhi orang lain<sup>38</sup>.

Proses ini bertujuan untuk menimbulkan suatu pengertian, kesedaran dan sikap penghayatan dalam diri insan terhadap ajaran Islam sebagai mesej yang disampaikan tanpa wujud sebarang unsur paksaan. Secara umumnya, da'wah merangkumi beberapa rangkaian berikut :

- i. Da'wah mengandungi usaha, aktiviti atau kegiatan manusia; yang dilakukan oleh penda'wah, supaya diterima oleh sasaran da'wah.
- ii. Da'wah mengandungi pengajaran, iaitu isi penyampaian mesej da'wah.
- iii. Da'wah dilaksana berpandukan manhaj dan uslub yang dirancang.
- iv. Da'wah disalurkan melalui media tertentu<sup>39</sup>.

---

<sup>37</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, Prof. Dr. et al. : *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya, 2006), hal. 39

<sup>38</sup> A. Hasjmy : *Dustur Da'wah Menurut al-Quran* (Jakarta : PT Bulan Bintang, 1994), hal. 19.

<sup>39</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Ab. Aziz Mohd Zin, hal 39-40.

Menurut Ali Jarisyah, da'wah adalah satu amanah Allah SWT yang diperintahkan ke atas Rasulullah s.a.w. untuk menjalankannya sampailah kepada kita sebagai 'khalifah' sepertimana yang ditegaskan Allah dalam al-Quran :

قُلْ هَذِهِ سَبِيلٌ أَدْعُوكُمْ إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Surah Yusuf : 12 : 108

Maksudnya : "Katakanlah (Wahai Muhammad): "Inilah jalanku, Aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. dan Aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala 'itiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah Aku dari golongan yang memperseketukan Allah dengan sesuatu yang lain."

Dalam kitab Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir, disebutkan bahawa Allah menegaskan kepada Rasul-Nya agar memberitahu golongan jin dan manusia bahawa dia (Muhammad) datang dengan membawa jalan (yang benar), iaitu da'wah seruan kepada menyatakan kesaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allah yang tiada sekutu bagi-Nya, iaitu jalan da'wah dengan hujah yang yakin, baginya dan seluruh individu yang menuruti jejak jalannya<sup>40</sup>.

Da'wah mempunyai tiga peringkat yang mesti dilalui oleh segenap penda'wah berdasarkan apa yang pernah dilalui oleh Rasulullah s.a.w., iaitu peringkat yang membabitkan penyebaran dan penyampaian, peringkat tarbiyah dan pembentukan serta peringkat menghadapi ujian dan kemantapan berda'wah<sup>41</sup>.

<sup>40</sup> Muhammad 'Ali al-Šobūni : *Mukhtasar Tafsīr Ibn Kathir*, 2 : 285.

<sup>41</sup> Ali Jarisyah, Dr. : *Manāhij al-Da'wah wa Asālibuhā* (Mansoūrah – Mesir, Dār al-Wafā', 1986), hal. 21-22.

Walaupun da'wah pada peringkat di zaman Rasulullah s.a.w. dilaksanakan sendiri oleh baginda, namun selepas kewafatan baginda, tugas da'wah terpikul di atas pundak para Khulafā' Rāsyidūn, kemudian ia diteruskan oleh individu-individu yang mukallaf dalam kalangan umat Islam seluruhnya. Ia merangkumi lelaki dan wanita, tua dan muda, golongan ilmuan dan sebagainya yang juga merangkumi da'wah secara peribadi ataupun berkumpulan dalam kalangan sasaran<sup>42</sup>.

Dari apa yang dilestarikan di atas menurut para ilmuan Islam, da'wah adalah satu kewajipan yang mempunyai pendekatan, tatacara, peraturan yang mesti dilalui oleh setiap penda'wah dengan menjadikan Rasulullah s.a.w. sebagai teladan dalam menyebar-luaskan aspek da'wah dengan tujuan untuk mengajak manusia umumnya yang menjadi golongan sasaran ke arah satu hala tuju hidup yang lebih baik daripada sebelumnya.

#### **2.4.2 Pembangunan Insan Dalam Da'wah Penulisan**

Pembangunan Insan adalah menjadi kemestian kepada setiap muslim untuk melakukan satu perubahan ke atas dirinya ke arah yang lebih baik seperti yang disaran oleh Allah SWT menerusi ayat 11 surah ar-Ra'ad yang bermaksud : “Sesungguhnya Allah sama sekali tiidak akan merubah keadaan sesuatu golongan, hingga mereka sendiri yang mahu melakukan perubahan (untuk diri mereka sendiri).” Sepertimana kemestian mereka menggarap ilmu pengetahuan yang disaran oleh Islam. Namun usaha ke arah mencapai matlamat pembangunan

---

<sup>42</sup> 'Abd al-Karim Zaidan, Dr. : *Usūl al-Da'wah* (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 1987), hal. 309

insan itu menjadi agenda berterusan yang boleh dicapai dalam pelbagai bentuk kaedah, sama ada melalui program motivasi, khutbah, ceramah, forum dan penulisan.

Kajian ini lebih memfokuskan aspek penulisan yang dikenal pasti salah satu daripada kaedah yang boleh membangun insan terutama hasil tulisan Hasan al-Banna melalui kitabnya *Majmū'ah al-Rasā'il* yang sarat dengan unsur pembangunan insan.

Mus Chairil Samani berpendapat, bahawa dengan penulisan, seorang penulis dapat menyatakan keinginannya untuk memberitahu, mendidik, membujuk dan menghiburkan khalayak pembaca. Pada masa yang sama, dengan penulisan ia dapat menghubungkan (ideaa-ideaa) penulis dengan karyanya kepada pembaca<sup>43</sup>. Keempat-empat faktor di atas dikenal pasti amat penting bagi merealisasi matlamat pembangunan insan setelah pembaca menilai segenap maklumat yang terkandung dalam isi kandungan yang disampaikan oleh penulis, kerana setiap faktor berkenaan mampu untuk menjadikan golongan pembaca bertekad untuk berubah ke arah keadaan yang lebih baik lagi.

Menulis (Penulisan) ialah satu proses merakam atau menghasilkan bahan yang berbentuk idea, pendapat, pengalaman, perasaan, maklumat dalam bentuk tulisan untuk berhubung dengan orang lain atau dengan diri sendiri yang dianggap sangat mustahak, ia juga alat bagi penglahiran perasaan, fikiran dan idea ke dalam bentuk grafik. Sesebuah penulisan, seorang penulis itu selalunya

---

<sup>43</sup> Mus Chairil Samani, *Penulisan Rencana Berkesan*. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka,1997), hal 4-5.

bertujuan untuk menyampaikan atau menghubungkan sesuatu mesej, rayuan, maklumat atau idea kepada seseorang. Dengan kata lain, tiap-tiap kegiatan penulisan itu berlaku dalam satu situasi, iaitu yang melibatkan interaksi antara penulis, subjek dan pembacanya<sup>44</sup>.

Bahan bacaan yang menepati piawaian pembacaan hingga boleh memberi kesan positif kepada golongan pembaca adalah melalui pendekatan pandangan yang baik berunsur membangun manusiaawi, Mohd. Sidin Ahmad Ishak berpendapat, penulisan yang berkesan selain daripada mengutamakan bahasa pengucapan yang betul, ia juga mengutamakan perkara-perkara lain termasuk struktur yang berkesan. Penulis yang baik mampu berfikir tentang idea-idea yang ingin dituliskan, menyusun ideaa-ideaa itu dan menyampaikannya kepada pembaca dengan butiran-butiran yang minimum. Oleh itu ternyata betapa pentingnya bagi penulis untuk memiliki kecekapan komunikasi dari segi kebolehan menguasai idea yang bernas, kebolehan memilih bentuk-bentuk pengucapan yang sesuai, kebolehan memilih kaedah-kaedah menyusun pengucapan dan kebolehan mempersempahkan pengucapan tersebut. Pilihan-pilihan yang tepat perlu dibuat daripada pelbagai alternatif supaya pembaca dapat mengalami kesan-kesan yang diharapkan daripada pengucapan dan penulisan yang dihasilkan<sup>45</sup>.

---

<sup>44</sup> Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, *Penguasaan Kemahiran Menulis* (Kuala Lumpur : Penerbit Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 1997), hal. 1 & 11.

<sup>45</sup> Mohd. Sidin Ahmad Ishak : *Ketramplian Menulis* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 1992), hal.ix.

Penulisan juga termasuk dalam himpunan media massa cetak yang dianggap penting dalam dakwah dan pembangunan insan, Ab. Aziz Mohd Zin et al. menyatakan bahawa melalui tulisan, usaha menyampaikan mesej Islam dapat dihasilkan dan disebarluaskan kepada khalayak bagi menyalurkan kefahaman dakwah kepada pembaca. Dengan itu, pembaca akan mendapat maklumat berhubung Islam, seterusnya dapat memberikan kefahaman yang jelas terhadap sesuatu isu yang dibincangkan. Di Malaysia, kebanyakannya tulisan bermesejkan dakwah dapat diperoleh dalam bentuk buku, majalah, buletin, risalah dan sebagainya. Penulisan dakwah di Malaysia juga menampilkan pelbagai gaya dan retorik pembujukan yang mampu menambat hati dan mempengaruhi emosi pembaca. Metod penulisan dakwah di Malaysia juga berlaku dalam dua bentuk, iaitu penulisan dakwah secara ilmiah dan penulisan dakwah secara kreatif<sup>46</sup>.

Sesungguhnya penulisan merupakan salah satu kaedah dalam berdakwah, ia telah disepakati oleh segenap sarjana Islam dari dahulu hingga ke hari ini, antara mereka yang menyatakan bahawa penulisan itu sebagai alat untuk berdakwah sekali gus membawa manusia ke arah pembangunan insan ialah Muhammad Abu Zuhrah, beliau menyatakan, bahawa uslub (pendekatan/cara) berdakwah mutakhir ini terlalu banyak, antaranya ialah dengan menggunakan media massa, begitu juga dengan penulisan melalui alat-alat yang boleh diterbitkan seperti bahan-bahan penulisan antaranya buku, majalah, akhbar dan

---

<sup>46</sup> Penulisan dakwah secara ilmiah tertumpu kepada kaedah penulisan dakwah berdasarkan metodologi kajian tertentu yang dilakukan oleh pengkaji atau ahli akademik yang sememangnya pakar dalam bidang dakwah seperti yang diterbitkan oleh *Penerbit Universiti Malaya* dan sebagainya. Manakala penulisan dakwah secara kreatif boleh didapati melalui majalah seperti *Al-Islam, Muslimah* dan lain-lain. Ab Aziz Mohd Zin, Dr. et al. : *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2006), hal 103-104.

lain-lain, ini termasuk siaran televisyen, radio dan sebagainya. Memang tidak dinafikan bahawa buku atau bahan-bahan tulisan yang lain yang menulis mengenai Islam dan prinsip-prinsipnya termasuk persoalan akidah amat berkesan kepada pembaca, lebih-lebih lagi golongan intelektual, begitu juga penulisan mengenai hukum-hakam agama, persoalan kemasyarakatan serta hubungan antara manusia, keadilan Islam dan sebagainya. Dengan bahan penulisan seperti itu, dunia mengetahui akan kebenaran dan keindahan Islam walaupun pada tajuk-tajuk yang kecil, namun ia memberi impak besar seruan kepada Islam<sup>47</sup>.

Penulisan bukan hanya dikenali ramai pada era moden atau zaman Sains dan Teknologi yang serba canggih, malah ia telah dikenali dan diguna pakai sejak zaman keemasan awal dengan terutusnya baginda Nabi Muhammad s.a.w. sebagai nabi dan rasul terakhir, demikian menurut Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib (Profesor Hadith Wa ‘Ulūmu – Fakulti Syari’ah, Universiti Damsyiq) menegaskan, bahawa penulisan telah tersebar di zaman keemasan Islam pimpinan Rasulullah s.a.w. dengan begitu meluas sekali termasuk di zaman jahiliah, buktinya apabila al-Quran sendiri menganjurkan aspek pembelajaran merangkumi bacaan, tulisan dan ejaan melalui ayat pertama yang diturunkan dalam al-Quran iaitu konsep ‘Iqra’, maka lahirlah selepas itu mereka yang bergelar guru, penulis dan pembaca. Sedangkan wahyu al-Quran itu sendiri amat memerlukan kepada golongan para penulis, begitu juga dalam urusan rasmi ‘Negara Islam Pertama’ pimpinan baginda s.a.w. di Madinah, malah sabit dalam sejarah bahawa Rasulullah s.a.w. memiliki 40 penulis wahyu dan penulis

---

<sup>47</sup> Muhammad Abu Zuhrah, Syeikh Imam : *Al-Da’wah fi al-Islām* (Qāherah : Dār al-Fikr al-Islāmi, t.t) hal. 134.

beberapa disiplin ilmu lain seperti periyawatan hadith, muamalat, bab hutang, bab sedekah, penulis surat rasmi dalam pelbagai bahasa dunia (untuk diserahkan kepada pembesar-pembesar negara ketika itu). Aspek penulisan semakin berkembang pesat dengan tersebarnya para Sahabat Nabi yang mengembara ke beberapa pelusuk dunia bertujuan untuk menyebarkan Islam. Keberadaan para sahabat di situ telah memperbanyakkan aspek pembelajaran di masjid-masjid hingga Islam diterima dengan baik oleh masyarakat dunia ketika itu melalui penulisan-penulisan dalam bentuk risalah-risalah kecil yang diagihkan kepada umum<sup>48</sup>.

Yusuf al-Qarāđāwi berpendapat, bahawa salah satu wasilah berkesan dalam menyampaikan siri dakwah kepada umum selain masjid, media massa cetak dan elektronik, akhbar yang bersifat harian, mingguan dan bulanan, teater dan profileman berorientasikan pendidikan Islam dan juga buku dalam apa jua pendekatannya, sama ada bidang sains, puisi, kesenian, peradaban, buku akademik dan bukan akademik merupakan wasilah penting bagi menyalurkan maklumat berguna<sup>49</sup>.

Maka jelas dari apa yang diketengahkan beberapa pandangan sarjana mengenai penulisan, dapat disimpulkan bahawa sesebuah hasil penulisan mampu untuk membentuk dan membangun manusia, sama ada pembentukan ke arah membangunkan insan, atau pun ke arah menjahanamkan insan. Justeru usaha

---

<sup>48</sup> Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, Dr. : *Lamḥāt fī al-Maktabah wa al-Bahath wa al-Maṣodir* (Beirūt : Muassasat ar-Risālah 1983), hal. 31-32.

<sup>49</sup> Yusuf al-Qaradawi, Prof. Dr. : *Al-Khoṣois al-‘Āmah li al-Islām* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1986), hal. 30-31.

melalui penulisan yang benar-benar mampu ke arah membangunkan insan perlu dipergiat dan diperbanyakkan dari masa ke semasa, agar matlamat untuk membangunkan manusia tercapai seperti yang dikehendaki Allah melalui firman-Nya di dalam al-Quran.

Umum mengetahui bahawa Hasan al-Banna adalah tokoh perubahan dan pembangunan insan yang efektif pada abad ke sembilan belas, terutama bagi mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan keagamaan dalam segenap dimensiya.

Dalam penulisan, beliau telah mengemukakan pandangan mengenai unsur-unsur pembangunan insan dengan menggariskan sepuluh unsur pembangunan insan, iaitu aqidah yang jitu (sejahtera), ibadat yang betul, memelihara tubuh badan, memiliki akhlak terpuji, berusaha menggarap ilmu, mampu berdikari, mampu mengawal dan memelihara diri, bijak mengurus waktu, memiliki disiplin yang tinggi dalam menjalankan tugas dan boleh menyumbang bakti untuk masyarakat, oleh yang demikian setiap individu khususnya muslim yang komited dengan agamanya dan yang menjalani proses pembangunan insan perlu memiliki kesemua unsur pembangunan tersebut<sup>50</sup>.

Sebenarnya apa yang diketengahkan oleh Hasan al-Banna merupakan kesinambungan dari idea yang pernah dicetuskan menerusi hadīth-hadīth baginda Rasulullah s.a.w. dan para ilmuan Islam sebelumnya yang juga melihat unsur pembangunan insan teramat penting dalam menjana manusia-manusia yang

---

<sup>50</sup> Hasan al-Banna : *Majmū'ah al-Rasā'il* (Qāherah : Dār al-Syihāb, t.t), hal. 271

bergelumang dengan noda dan dosa akibat penjajahan yang melanda dunia Islam dan projek untuk memesongkan umat Islam dari agama Islam.

Pada masa yang sama Hasan al-Banna juga terkesan dengan pendekatan ilmu tasauf yang disifatkan sebagai satu pendekatan ilmu tarbiyah dan pendidikan jiwa naluri manusia, terutama ketika beliau berada di peringkat pengajian di Madrasah al-Rasyād al-Islamiah yang diketuai oleh Syeikh Muhammad Zahran yang mengajarnya kitab ‘Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn’ karya agung Imām al-Ghazālī. Beliau menyifatkan kitab tersebut adalah inspirasi kepada aspek pembangunan insan kerana pengisian isi kandungannya menepati piawaian untuk membangunangkan insan dengan aspek keagamaan yang mencakupi segenap keperluan yang diperlukan bagi tujuan tersebut<sup>51</sup>.

## 2.5. Landasan Teori Pembangunan Insan Menurut Perspektif Ulama’

Sesungguhnya dalam memperkenalkan pendekatan untuk membangun insan, Hasan al-Banna bukan hanya mengenengahkan pandangan beliau semata-mata dalam soal membangun insan tanpa merujuk kepada kedua-dua sumber utama iaitu al-Quran dan hadīth (sunnah) Rasulullah s.a.w., akan tetapi pada masa yang sama merujuk kepada pandangan para ulama’ sebelumnya sebagai sandaran landasan teori, pengkaji hanya mengambil tiga pandangan ulama’ yang hidup pada zaman yang berbeza untuk membuktikan bahawa usaha membangun insan tetap berlaku hingga mereka berjaya melakukannya mewakili zaman masing-masing. Tiga tokoh ulama’ yang dimaksudkan ialah Imām al-Ghazālī,

---

<sup>51</sup> Hasan al-Banna : *Mudhakkirāt al-Da’wah wa al-Dā’iyah* (Qāherah : Dār al-Syihāb, t.t.), hal.27

Ibn Qaiyim al-Jawziyyah dan Syeikh Muhammad ‘Abduh, kesemua mereka hidup sebelum Hasan al-Banna, boleh dikatakan bahawa Hasan al-Banna menyempurnakan tugasannya membangun insan dan mengemas kini apa yang telah menjadi warisan kepadanya.

### 2.5.1 Pandangan Ulama’ Mengenai Pembangunan Insan

Pembangunan insan bagi pandangan Imām al-Ghazālī bermula dengan rangkaian muhasabah diri agar sentiasa melakukan pesanan kepada kebenaran hingga mampu mengangkat kedudukan jiwa dan perasaan meraih ketenangan sejati di dunia dan juga akhirat. Kerana jiwa yang sebenar-benarnya tenang bagi seorang hamba bagaikan seorang peniaga yang berkongsi modal untuk merasai keuntungan dan mengelak dari mengalami kerugian. Jika benar-benar untung maka dia akan bersyukur kepada Allah SWT dan jika sebaliknya Allah menjadi Penjamin dalam perniagaan yang diuruskannya. Begitulah modal bagi seorang hamba yang menjaga agamanya dengan pelaksanaan segenap kefarduan untungnya diraih dalam amalan-amalan sunat dan faḍilat, sementara yang menyebabkan rugi apabila terlibat dalam melakukan maksiat, maka perniagaannya mengalami kemerosotan nilai dan kerugian. Maka kejayaan, keberuntungan dalam perniagaan diperolehi dalam melakukan penambah-baikan dengan unsur-unsur pembangunan dengan bersyukur kepada Allah<sup>52</sup>. Kerana syukur itu terpahat pada nikmat yang menjadi peraturan alam ini. Antara syukur atas nikmat yang dianugerahkan Allah adalah pengurniaan ilmu pengetahuan, kebaikan akhlak dan budi pekerti, di mana jelmaan kebaikan dari Allah amat

---

<sup>52</sup> Imam al-Ghazali : *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Beirut : Dār al-Qalam, t.t.), 4 : 372.

membekas dalam sanubari diri<sup>53</sup>. Yang paling penting syukur kepada Allah SWT kerana telah mencipta manusia dalam bentuk yang tersangat indah dan Dia pula mahukan agar hamba-Nya meluruskan diri dengan berusaha melakukan yang terbaik untuk kebaikan diri sendiri<sup>54</sup>.

Sementara Ibn Qaiyim al-Jawziyyah pula berpendapat, dalam usaha seseorang itu mencapai kesempurnaan diri, ia perlu melihat bahawa Allah SWT adalah Tuhannya yang sebenar yang tahu bahawa hamba-Nya serba tidak sempurna, pada masa yang sama ia perlu mengetahui kedudukan diri dengan merasakan keagungan Rububiyyah (ketuhanan) Allah dan merasakan bahawa Allah sahaja yang memiliki segala kesempurnaan dan kemuliaan.

Manusia perlu sedar bahawa segala nikmat adalah kurniaan daripada-Nya, sementara niqmah itu pula sebagai keadilan daripada-Nya juga. Justeru, manusia perlu tahu bahawa ia memang jahil tentang dirinya sendiri, akan tetapi dengan Rububiyyah Allah manusia mengenali Penciptanya. Dengan kurniaan Allah serta rahmat-Nya, Dia menjernihkan jiwa manusia hingga boleh mencapai tingkatan ketenangan abadi, tanpanya manusia tidak akan diberi petunjuk dan mengecapi kebaikan malah boleh menyumbang kepada ketidak-berhasilan untuk memiliki nur hikmah, sentiasa berprasangka buruk dan tidak mampu untuk menyisihkan nikmat dari sebarang fitnah<sup>55</sup>.

---

<sup>53</sup> Ibid\_\_\_\_\_4 : 96

<sup>54</sup> Ibid\_\_\_\_\_3 : 49.

<sup>55</sup> Ibn Qaiyim al-Jawziyyah : *Madārik al-Sālikīn* (Qāherah : Dār al-Hadīth, 1984), 1 : 190-191.

Jelas pencapaian unsur pembangunan insan menurut Ibn Qaiyim ialah dengan melihat pada diri sendiri untuk sampai kepada kesempurnaan, sekali gus meraih petunjuk Allah SWT.

Adapun bagi Muhammad ‘Abduh beliau berpendapat, apa yang sepatutnya diberi keutamaan dalam menjadikan iktibar (pengajaran) menurut kacamata Islam mengenai dakwah para Anbiya’ yang menyeru umat manusia kepada kebenaran ialah dengan melihat sesuatu keajaiban dan perkara-perkara yang menyalahi adat menjadi lurus, iaitu dengan meletakkan sebuah gagasan kebenaran bagi meluruskan jiwa raga manusia di atas jalan Islam, di samping melakukan pemberian (Iṣlāḥ) dalam aspek kehidupan serta persiapan kematian, kerana ia telah menjadi sunnatullah (peraturan yang dibuat oleh Allah) terhadap umat terdahulu, sekarang dan akan datang melalui sejarah yang telah dilakarkan dalam kehidupan, perkara ini telah disebut oleh Allah menerusi firman-Nya :

قَدْ حَلَّتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنُنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ

عَيْنَةُ الْمُكَذِّبِينَ

Āli ‘Imrān : 3 : 137

Terjemahan : “Sesungguhnya telah berlaku sebelum kamu (contoh kejadian-kejadian berdasarkan) peraturan-peraturan Allah yang tetap; oleh itu mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana akibat orang-orang yang mendustakan (Rasul-rasul).”

Beliau menambah, bahawa jelas dalam ayat di atas Allah menetapkan peraturan-Nya ke atas segenap makhluk-Nya merangkumi manusia dan apa yang ada dalam alam ini, ia adalah peraturan yang tetap seiring dengan keperluan mereka.

Justeru bagi menyelamatkan manusia dari terus hanyut dengan keduniaan, Islam datang membetulkan keadaan bagi memperbaiki aspek pembangunan insan dengan menghapuskan konsep ibadat yang tidak sejajar dengannya, iaitu menolak penyembahan berhala yang disifatkan sebagai kemuncak jahiliyyah. Maka Islam juga datang dengan membawa pendekatan alternatif bagi meningkatkan prestasi manusia dalam peradaban, kepercayaan, pertuturan, budaya dan lain-lain agar dilihat lebih bertamadun dan lebih baik daripada kepercayaan dan amalan jahiliyyah<sup>56</sup>.

## 2.6. Kaitan Tarbiyah Dengan Pembangunan Insan

Dalam perbahasan mengenai pembangunan insan yang dikemukakan oleh Hasan al-Banna dalam karya agungnya *Majmū'ah al-Rasā'il*, di mana dalam bab dua ini, pengkaji ada membuktikan dalam kitab berkenaan mengenai aspek pembangunan insan melalui pembentukan individu Muslim, rumah tangga (institusi keluarga), masyarakat (umat) dan Negara Islam (sistem pemerintahan), sementara dalam bab tiga pula penekanan terhadap sepuluh unsur pembangunan insan yang dilihat oleh Hasan al-Banna sebagai pemangkin kejayaan usaha ke arah pembangunan insan secara kolektif, inilah matlamat sebenar yang didambakan oleh Hasan al-Banna untuk melahirkan perkaderan yang mampu menjulang obor-obor Islam terutama dalam kalangan belia Islam khususnya dan umat Islam amnya, sama seperti apa yang pernah ditunjukkan dalam Sirah Nabawiyyah di mana majoriti individu yang bersama dengan baginda Rasulullah s.a.w. dalam suasana getir yang dihadapi olehnya adalah golongan belia

---

<sup>56</sup> Muhammad 'Abduh, Syeikh : *Al-'Amāl al-Kāmilah* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 2006), 3 : 305.

(syabāb)<sup>57</sup> dalam misi mempertahan Islam dari cengkaman musuh yang sentiasa mencari ruang dan kesempatan untuk melemahkan saf barisan kaum Muslimin.

Perbahasan ini tertumpu kepada pendekatan pembangunan insan dalam kitab Majmū'ah al-Rasā'il, pengkaji cuba membuktikan bahawa aspek tarbiyah mempunyai hubungan rapat dengan unsur pembangunan insan.

Dalam menyatakan aspek tarbiyah ini, Hasan al-Banna ada mengungkapkan kenyataan dalam misi tarbiyahnya yang disampaikan kepada anggota-anggota al-Ikhwān al-Muslimūn menerusi Risālah al-Ta'ālīm, di mana beliau menegaskan, bahawa:

“Mesejku ini disampaikan kepada para pejuang Islam yang terdiri daripada anggota al-Ikhwān al-Muslimūn, yang benar-benar beriman dengan ketinggian dan kemuliaan dakwah (menyeru manusia untuk berpegang kepada Islam) melalui pegangan yang kental terhadap fikrah yang terbentuk dari hasil tarbiyah, apa yang diharap dari mereka ini agar sentiasa menyatakan pendirian yang jelas untuk hidup dan mati dengan tarbiyah dan dakwah yang diyakini kebenarannya. Sesungguhnya aku hanya tujukan ungkapanku ini kepada mereka yang telah bersamaku yang sama-sama sanggup melalui proses tarbiyah sebagai pemangkin kejayaan misi dakwah, ia bukan sahaja sebagai satu informasi yang perlu dipelihara, malah perlu dilaksana dengan jayanya, sementara mereka yang bukan dari kelompok kita, ia

---

<sup>57</sup> Sejarah telah membuktikan bahawa para sahabat yang berada di samping baginda untuk menyebar-luaskan Islam adalah terdiri daripada para pemuda, Abu Bakr as-Siddiq ketika Nabi berusia empat puluh, beliau ketika itu mencecah usia 37, Umar bin al-Khattab berusia 26 tahun pada hari Nabi dilantik menjadi Rasul, beliau memeluk Islam ketika berusia 31 tahun, Uthman bin ‘Affan ketika memeluk Islam berusia 35 tahun dan Ali bin Abi Talib berusia 12 tahun seperti yang diriwayatkan menurut qaul yang Arjah (tepat dan sohib). – Muhammad as-Saiyid al-Wakīl, Dr. : *Al-Qiyādah wa al-Jundiyah Fi al-Islām* (Manṣoūrah : Dār al-Wafā’ li al-Ṭibā’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1986), 2 : 23.

hanya menjadi satu siri pengajian yang perlu diketahui.<sup>58,,</sup>

Dalam kesempatan yang lain, Hasan al-Banna ada menyatakan :

“Sesungguhnya Islam amat menekankan pembentukan usrah-usrah dalam kalangan komuniti umat Islam, di dalamnya ada program tarbiyah yang bertujuan untuk memacu mereka mempunyai nilai-nilai integeriti yang tinggi sekali gus memperkasa hubungan sesama mereka, di samping mengangkat kedudukan persaudaraan mereka dari tahap teori kepada praktikal secara jitu dan padu, moga dengan usaha ini akan dapat menjadi batu bata yang ampuh dalam sesebuah bangunan Islam.”<sup>59,,</sup>

Menerusi pencerahan yang dibuat oleh Hasan al-Banna di atas mengenai kepentingan tarbiyah yang menjana kepada sebuah kejayaan dalam dakwah, ia telah terbukti bahawa anggota-anggota al-Ikhwan al-Muslimun merupakan golongan pengamal tegar kepada setiap apa yang telah digariskan oleh Hasan al-Banna terutamanya yang terkandung dalam kitab *Majmū’ah al-Rasāil*.

Dalam bab ini juga, pengkaji cuba untuk menyerlahkan pendekatan Hasan al-Banna dan membuktikannya secara jelas maksud tarbiyah dengan memberi penekanan terhadap beberapa faktor pendekatan yang mempunyai kaitan secara langsung dengan pembangunan insan yang disebut oleh Hasan al-Banna dalam aspek tarbiyah menerusi beberapa sumber sekunder yang turut berkait rapat dengan da’wah, pengkaji akan membahaskan terlebih dahulu aspek tarbiyah dalam pelbagai dimensi meliputi definisi, konsep, kesan, tujuan

---

<sup>58</sup> Hasan al-Banna : *Majmū’ah al-Rasāil* (Qāherah : Dār al-Syihāb, t.t), hal. 267.

<sup>59</sup> Ibid. hal 286.

(matlamat), cabang-cabang, ciri-ciri khusus, uslub, dasar, program, sumber dan natijah tarbiyah yang melahirkan individu manusia yang terbangun dengan aspek nilai, ia menjadi sandaran kepada inspirasi tarbiyah yang diketengahkan oleh Hasan al-Banna, selaku murabbi beliau bertanggungjawab untuk melihat individu-individu muslim khususnya anggota al-Ikhwān al-Muslimūn dibangunkan dengan tarbiyah agar mereka boleh menjadi masyarakat dan umat yang terbaik seperti yang ditegaskan Allah dalam al-Quran, iaitu umat yang sanggup memikul tanggungjawab untuk merealisasikan tugas ‘Amar Ma’ruf dan Nahi Munkar’, semua itu tidak akan dapat dijayakan melainkan setelah melalui proses tarbiyah yang sistematik, terancang dan teratur.

## **2.7. Tarbiyah Dalam Sorotan Ilmu Islam**

Konsep tarbiyah sebenarnya diceduk dari kitab suci al-Quran, pengajaran dari hadīth-hadīth Rasulullah s.a.w. serta perjalanan hidup secara praktikal yang ditunjukkan oleh para sahabat baginda dan golongan tabi’in, ia termasuk perjalanan hidup para salaf al-Šoliḥ yang mujaddid dalam kalangan para imam mujtahid sepanjang sejarah tamadun manusia. Ia juga menjadi inspirasi kepada para ‘Āmilin yang berbai’ah untuk mengamalkan segenap prinsip ajaran Islam dengan memelihara rukun-rukunnya seperti ikhlas, sanggup berkorban, berjihad, konsisten (istiqāmah), ketaataan yang tidak berbelah bahagi, kepercayaan yang jitu terhadap kepimpinan, di samping memperkasa hubungan persaudaraan seagama, mereka inilah yang telah membuat janji setia terhadap Allah, ada yang sedang menunggu giliran untuk mati kerananya, mereka tidak

sekali-kali menukar janji atau memungkirinya, kerana ia adalah kemuncak daripada peradaban Islam yang berpaksikan akhlak dan syariat Islam.

Contoh praktikal yang dapat dilihat ialah tarbiyah melalui individu-individu muslim bertepatan dengan manhaj Islam, dengannya mampu untuk sampai kepada pembentukan individu, rumah tangga, masyarakat (umat) dan sebuah Negara Islam yang bersedia untuk merealisasikan pelaksanaan segenap undang-undang yang diturunkan Allah dalam kitab suci-Nya al-Quran al-Karim.

### **2.7.1. Konsep Dan Definisi Tarbiyah**

Tarbiyah didefinisi sebagai membentuk sesuatu secara berperingkat hingga sampai kepada kesempurnaan. Maka yang terlibat dalam tarbiyah yang disebut sebagai murabbi adalah individu yang bertanggungjawab untuk memelihara insan di bawah seliaannya menjadi seorang insan yang beradab dan bertamadun<sup>60</sup>.

Tarbiyah telah didefinisikan oleh para ulama' terdahulu antara lain Imam al-Baidawi menyebut, ia adalah penyampaian sesuatu perkara menuju sebuah kesempurnaan sedikit demi sedikit. Sementara al-Nahlāwī menyebut, bahawa tarbiyah membentuk sesuatu secara berperingkat hingga sampai kepada kesempurnaan. Adapun tarbiyah bagi pandangan ulama' kontemporari antara mereka Saiyid Qutb menyebut, ia adalah satu usaha pembangunan insan secara subjektif meliputi jasad, akal, perasaan, akhlak dan sifat kemanusaaan itu sendiri, ia bertujuan agar insan yang terbangun itu memiliki jati diri yang berkesan

---

<sup>60</sup> Mahmoud Muhammad Muhammed 'Imarah, Dr : *Tarbiyah al-Awlād fī Zil al-Islām* (Qāherah : Dār al-Turāth al-'Arabi, 1984), hal. 12.

terhadap masyarakatnya. Miqdad Yaljan berpendapat, bahawa tarbiyah adalah satu usaha pembentukan dan pembangunan insan muslim menjadi sempurna meliputi kesihatan, akal, pegangan agama, roh, akhlak yang terpancar dari cahaya prinsip serta nilai ajaran Islam yang menjadikan fokus aspek tarbiyah. Rayyan pula berpendapat, bahawa tarbiyah adalah proses menyediakan insan dalam segenap keperluan yang ada pada dirinya dalam bentuk yang konprehensif, ia sejajar dengan tuntutan aqidah Islam, syariat dan nilainya, bertujuan agar lahir insan yang terarah dengan petunjuk Islam yang akhirnya mampu untuk mengurus tadbir alam ini dengan manhaj Allah SWT<sup>61</sup>.

Bagi ‘Abid Taufiq al-Hashimi beliau berpandangan, tarbiyah merupakan himpunan segenap usaha ke arah sebuah kesempurnaan yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat menerusi proses pemindahan maklumat bagi meneruskan jangka hayat sebagai insan. Iaitu satu kehidupan yang dapat menyesuaikan seseorang individu insan dengan persekitaran bertujuan meningkatkan individu itu dalam aspek jati diri meliputi nilai pembangunan insan agar tidak menjadi insan yang ikut-ikutan tanpa ilmu<sup>62</sup>.

Al-Qādī ketika menukikan definisi tarbiyah menyebut pandangan Imam al-Ghazali, iaitu tarbiyah umpama perbuatan seorang petani yang mencabut segenap duri serta mengeluarkan tumbuhan liar dan memasukkan benih terbaik bagi menyempurnakan hasil tanamannya. Sementara Ibn Sina berpendapat,

<sup>61</sup> Muhammad Hashim Rayyan, Ahmad Muhammad Balqis & Prof. Yahya Salim al-Aqtash : *Al-Isyrāf al-Tarbawi Fī Majāl al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Ammān : Dār al-Masīrah Li al-Nasr wa al-Tawzī’ wa al-Tibā’ah, 2010), hal. 25.

<sup>62</sup> ‘Ābid Taufiq al-Hāshimi, Prof. Dr. : *Toroiq Tadrīs Mahārāt al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Beirut : Muassasah al-Risālah, 2006), halwa al-Tiba’ah), hal. . 9.

bahawa tarbiyah menyempurnakan satu zat (insan) ke arah sebuah kesempurnaan sepermula penciptaan asalnya sebagai manusia<sup>63</sup>.

Sāti' al-Ḥaṣarī (1881-1986) pernah menyebut, bahawa tarbiyah adalah usaha ke arah membentuk individu agar menjadi seorang yang kuat tubuh badannya, mulia budi pekertinya, lurus cara berfikirnya, cinta kepada tanah airnya, bangga dengan asal keturunannya, tahu segenap tanggungjawabnya dan seorang yang sentiasa berbekal dengan maklumat serta ilmu yang diperlukan dalam kehidupannya yang berliku<sup>64</sup>.

Menurut Ahmad 'Abd al-'Aziz Abu Samak, tarbiyah menurut bahasa Arab diertikan sebagai tumbuh, memperbaiki dan membentuk. Adapun menurut istilah ilmu tarbiyah moden, ia dideafinisikan sebagai setiap apa yang mempengaruhi dan memberi kesan kepada pembentukan individu merangkumi tubuh badan, pemikiran, akhlak sejak dilahirkan hingga meninggal dunia<sup>65</sup>.

Bagi pandangan Ahmad 'Abd al-Ghofūr 'Aṭṭār, tarbiyah adalah mendidik perasaan, akal, sanubari, iaitu mempersiapkan individu manusia dengan pendekatan tarbiyah yang khusus melalui penyampaian ilmu berguna yang solih, menghidupkan potensi bakat yang ada padanya, membela perasaan agar ada rasa jati diri untuk diperaktikkan dalam masyarakat sekeliling, pada masa

<sup>63</sup> Ahmad 'Arafāt al-Qādī, Dr : *Al-Fikr al-Tarbawi 'Inda al-Mutakallimīn al-Muslimīn wa Dauruhu fi Binā' al-Fard wa al-Mujtamā'* (Qāherah : Al-Haiyah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb, 1996), hal. 85.

<sup>64</sup> Muhammad Hasan al-'Umāyirah, Dr : *Uṣūl al-Tarbiyah al-Tarīkhīyyah wa al-Ijtīmā'iyyah wa al-Nafsiyyah wa al-Falsafīyyah* (Ammān : Dār-Masīrah li al-Nasyar wa al-Tawzī' wa al-Tibā'ah, 2008), hal. 16.

<sup>65</sup> Ahmad 'Abd al-Aziz Abu Samak : *Al-Tarbiyah al-Tarwīhiyyah Fī al-Islām* (Ammān : Dār al-Nafāis, 2008), hal. 28.

yang sama memelihara diri dengan segenap hukum syariat Allah agar terpelihara dari sebarang penyelewengan yang akan memusnahkan akhiratnya<sup>66</sup>.

Muṣṭafa Ismail Musa berpendapat, bahawa tarbiyah adalah satu pendekatan pembentukan insan Muslim untuk mencapai kesempurnaan dalam segenap aspek merangkumi akhlak, kehendak serta innovasi diri berpaksikan prinsip-prinsip serta sistem nilai yang dibawa oleh Islam, di samping uslub dan proses tarbiyah yang diperjelaskan, bertujuan agar menjadi individu Muslim yang solih, bermanfaat buat agama, diri, tanah air, masyarakat malah seluruh manusia di muka bumi<sup>67</sup>.

Bagi Ahmad Rajab al-Asmar ada pandangannya yang tersendiri, beliau mendefinisikan tarbiyah sebagai satu produk yang dihasilkan oleh kumpulan masyarakat, bertujuan untuk menuai hasil generasi baharu, bagi menyerlahkan perkembangan serta pertumbuhan ketokohan dan kemampuan yang ada pada mereka bagi mencapai matlamat paling maksima semampu mungkin dalam ruang lingkup manhaj, pemikiran serta bidang ilmu khusus yang menjadi uruf dalam masyarakat itu sendiri<sup>68</sup>.

Bagi Anwar al-Jundi pula, beliau menegaskan bahawa bagi penyelidik Muslim semampu mungkin dapat membezakan secara jelas antara tarbiyah, ta’līm (pengajaran) dan thaqāfah (ilmu), ini kerana dalam pembelajaran di Barat,

---

<sup>66</sup> Ahmad ‘Abd al-Ghofūr ‘Atṭār : *Al-Tarbiyah* (Jeddah : Kementerian Penerangan Arab Saudi, 1992), hal. 90.

<sup>67</sup> Muṣṭafa Ismail Musa, Dr : *Tadrīs al-Tarbiyah al-Islamiyyah li al-Mubtadiīn* (UAE : Dār al-Kitāb al-Jāmi’ie, 2004), hal. 18.

<sup>68</sup> Ahmad Rajab al-Asmar, Dr : *Falsafah al-Tarbiyah Fi al-Islām – Intimāan wa Irtiqāan* (Ammān : Dār al-Furqān, 1997), hal. 46.

persoalan yang diketengahkan di atas dicampur-adukkan hingga para tenaga pengajar sendiri tidak dapat membezakan antara tarbiyah dan ta’līm. Justeru dalam kefahaman tarbiyah menurut konsep Islam ialah mempersiap serta menyediakan tarbiyah khusus dalam aspek rohani, jiwa dan akal individu Muslim agar segenap mekanisme yang tersedia itu melayakkannya untuk mengajar dan mendidik berdasarkan sasaran untuk mencapai maksud pembentukan dan pembangunan individu yang ditarbiyah hingga sampai kepada individu yang ditarbiyah itu menjadi wasilah menyampaikan mesej Islam yang agung, iaitu mesej yang bermatlamatkan kejayaan dunia dan ukhrawi<sup>69</sup>.

Kesimpulan yang dapat pengkaji rumuskan daripada definisi yang telah diutarakan oleh para sarjana Islam mengenai konsep tarbiyah, sebenarnya menepati pandangan Hasan al-Banna dalam membangun insan dengan pendekatan sistem pembelajaran yang padu dalam proses tarbiyah kerana ia adalah satu seni ilmu yang fokus terhadap satu batang tubuh insan dengan bekalan ilmu dan maklumat sejajar dengan seni teknik pendidikan semasa. Tarbiyah merupakan alat perhubungan sesebuah bangsa bagi menjalani proses kehidupan hari ini dan esok. Tanpanya ia akan mengakibatkan satu kegagalan total yang terus merencatkan perkembangan seseorang individu yang patut dibangun untuk berjaya. Justeru tarbiyah seperti dalam petunjuk di atas memperbaiki dan membentuk individu menjadi kuat tubuh badannya, perasaan, roh, jiwa, akal, kesihatan, pegangan agama, akhlak dan jati diri menuju kesempurnaan, sesungguhnya krisis yang berlaku di Barat apabila mereka tidak

---

<sup>69</sup> Anwar al-Jundi : *Al-Tarbiyah wa Binā’ al-Ajyāl Fi Ḏaw al-Islām* (Beirut : Dār al-Kitāb al-Lubnāni, 1982), hal. 153.

dapat membezakan antara tarbiyah (didik) dan ta'lim (ajar), pendekatan tersebut tidak berjaya membangunkan manusia berbeza dengan tarbiyah yang diperkenalkan oleh Islam.

### **2.7.2. Kesan, Peranan Dan Kepentingan Tarbiyah Dalam Pembentukan Individu**

Hasan al-Banna mempunyai pandangan mengenai persoalan tarbiyah seperti terungkap di atas, yang mahukan agar usaha pembangunan insan tercapai dengan jayanya, bertitik tolak dari apa yang tersirat dan terbuku dalam sanubari Hasan al-Banna itu, pengkaji berpandangan jika masyarakat dan umat Islam mahu melihat Islam terus dilihat sebagai satu agama yang agung dalam segenap bentuknya, maka mereka perlu belajar daripada manhaj Nabi Muhammad s.a.w. yang merupakan ‘Murabbi’ mithali, mereka perlu mengambil dan menceduk ilmu yang diperturunkan, berakhhlak dan berperangai dengan akhlak baginda, kerana ia merupakan inspirasi ke arah kesempurnaan dan kecemerlangan, jika ini dapat dilakukan maka usaha ke arah perubahan akan dapat dijayakan, pada ketika masyarakat umat Islam berhadapan dengan pelbagai aspek kelemahan diri kerana jauh berpegang dengan ajaran yang telah disampaikan oleh baginda Rasulullah s.a.w. yang sememangnya datang untuk menyelamatkan keadaan umat, malah menyelamatkan persada alam sejagat dari pelbagai bentuk kemusnahan, inilah Islam yang sifatnya sebagai penyelamat, jika diri, nafsu, pemikiran, masyarakat mahu bersama Islam, pasti ia akan terselamat dari kemusnahan yang membawa kepada penyelewengan.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membahaskan aspek kesan dan peranan tarbiyah dalam membentuk akhlak individu yang menjadi fokus dalam perbincangan ini bagi membuktikan bahawa aspek tarbiyah mampu membangun insan dengan berkesan dengan unsur-unsur pembangunan seperti yang termaktub dalam kitab Majmū'ah al-Raṣail.

Tiada seorangpun dalam kalangan individu masyarakat yang bertelagah antara satu sama lain untuk mengatakan bahawa tarbiyah merupakan subjek penting yang mempunyai kesan yang luar biasa dalam membangun insan, ia adalah sandaran kepada segala bentuk kemajuan dan pembaikan, subjek yang diketahui umum itu mampu melakukan perubahan dan tamadun, merangkap jalan yang boleh menyampaikan individu kepada mendidik dan melentur jiwa, merangsang minda agar memiliki cara berfikir yang berkualiti dan membangun umat.

Justeru, manhaj tarbiyah berpaksikan Islam adalah satu-satunya yang telah terbukti membangun generasi umat, iaitu generasi umat yang tiada tolok banding kerana kekentalan berpegang kepada prinsip hingga mampu mempertahan akhlak dan aspek kemanusiaan sehingga tersebar di seantero dunia hidayah dan kebaikan Islam. Sesungguhnya tarbiyah Islam mempunyai peranan penting dalam merealisasikan pelaksanaan segenap sistem Islam, walau apapun alasan yang diberi, sesuatu generasi itu tidak akan berjaya jika ia tidak disokong oleh generasi berikut untuk melaksanakannya, terutama dalam aspek aqidah, jelas menunjukkan rahsia tarbiyah Islam terawal yang dirintis oleh baginda

Rasulullah s.a.w. adalah aqidah sebelum turun hukum-hakam Allah yang berkaitan dengan perundangan Syariat Islam<sup>70</sup>.

Apapun dalam suasana kebangkitan Islam atau sesuatu kemenangan dalam sesebuah peperangan generasi terawal, memerlukan generasi yang cukup tarbiyah dalam segenap serba-serbi, terutama atas dasar prinsip yang ditetapkan oleh Allah SWT yang dijelaskan dalam kitab suci-Nya al-Quran al-Karim dan disokong dengan padu oleh Rasulullah s.a.w., ia menjadi sumber rujukan yang dipelajari oleh generasi pada masa itu, ia terbukti dengan kenyataan seorang sahabat Rasulullah s.a.w iaitu Rab'ie bin 'Amir yang secara spontan menjawab persoalan yang dilontarkan kepadanya pemimpin Parsi ketika itu, Rustum yang bertanyakan, apakah tujuan kedatangan mereka di bumi Parsi?. Dengan penuh yakin Rab'ie menjawab; Sesungguhnya Allah membangkitkan kami (umat Islam) adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan manusia seluruhnya dari menyembah manusia kepada mengabdi dan menyembah Allah SWT, dari kesempitan dunia kepada keluasan dunia dan akhirat, dari kezaliman agama-agama di dunia kepada keadilan Islam.

Sejarah juga telah membuktikan bahawa kemenangan yang diraih dan pembentukan sebuah Negara Islam tidak akan tercapai tanpa generasi yang ditarbiyah atas prinsip Islam yang menjadi tulang belakang kejayaan itu. Tamadun manusia juga terserah dengan generasi yang terbangun dengan tarbiyah Islam, ini jelas terbukti dengan pendekatan tarbiyah di Mesir di tangan

---

<sup>70</sup> Muṣṭafa al-Taḥḥān : *Al-Tarbiyah wa Dauruhā Fi Tasykīl al-Sulūk* (Mansoūrah : Dār al-Wafā', 2009), hal. 15.

insan Rabbani iaitu Hasan al-Banna, di benua India di tangan Abu al-'Alaa al-Maududi dan di Turki di tangan individu agung, Necmettin Erbakan yang masing-masing melakukan yang terbaik dalam aspek tarbiyah hingga melahirkan generasi individu Muslim yang perkasa dengan agama dan jati diri<sup>71</sup>.

Sesungguhnya pengalaman manusia sejak dikenali sebahagian daripada komuniti sesebuah masyarakat, jamaah dan keluarga, terikat dengan peraturan institusi kemasyarakatan, sosio budaya dan ekonomi, sebenarnya tidak juga terasing dalam mencipta sejarah tersendiri melalui persekitaran dan amalan politik yang merupakan peraturan hidup yang kesemuanya terkait dengan aspek tarbiyah serta unsur-unsur yang membawa kepada keutuhan kemanusiaan itu sendiri.

Ini kerana tarbiyah menerusi matlamatnya yang asasi adalah untuk membangun individu-individu hingga memiliki akhlak, budi pekerti serta perangai yang baik dengan proses pentarbiyan yang padu dan jitu sehingga mereka merasakan segala anugerah Allah dalam bentuk bakat dan jati diri yang ada menjadi neraca pertimbangan antara baik dan buruk dalam masyarakat, agar sentiasa dapat memelihara diri sebagai insan yang ada hubungan dengan Maha Pencipta.

Inilah yang dilakukan oleh generasi silam bagaimana mereka amat menitik-beratkan penyediaan generasi yang solih agar setiap daripada anak-anak mereka menjadi sandaran kekuatan buat kaum (kabilah) mereka masing-masing

---

<sup>71</sup> Ibid hal 16-17.

dengan segala anugerah bakat, akhlak, jati diri, tubuh badan, kekuatan minda serta pemikiran dihalakan khusus buat umat dan masyarakat ke arah kesempurnaan dalam bermasyarakat<sup>72</sup>.

Bertolak dari apa yang dilontarkan di atas, tarbiyah tidak akan menjadi sempurna melainkan seseorang individu itu bergaul dengan komuniti masyarakat dengan menerima segenap budaya dan pegangan masyarakat itu sendiri. Namun apa yang penting, individu itu tidak akan terkesan dengan nilai-nilai negatif yang terbit daripada masyarakatnya, kerana tarbiyah yang diperolehi sebelum ini telah meletakkannya sebagai individu yang memiliki segala kekuatan hingga mampu menangkis unsur-unsur negatif. Inilah peranan dan kesan tarbiyah hingga melonjakkan individu manusia itu berkembang dan meningkat potensi diri terutama aspek akhlak yang merupakan senjata penting untuk meneruskan hidup yang bermatlamat di tengah-tengah masyarakatnya<sup>73</sup>.

Dalam ilmu tarbiyah, terdapat beberapa unsur yang dikaitkan dengan kesan terhadap masyarakat, unsur kaum, kedudukan dalam kaum tersebut, kehidupan berekonomi, bermasyarakat dan beragama adalah unsur yang dikenal pasti faktor pembantu kepada kejayaan sesebuah masyarakat<sup>74</sup>.

Justeru, tarbiyah merupakan satu kepentingan yang diperlukan oleh manusia, ia bagaikan tumbuh-tumbuhan atau tanam-tanaman yang saling memerlukan cahaya, udara yang segar dan tanah yang lembab bagi mengekalkan

<sup>72</sup> Ahmad ‘Abd al-Ghofūr ‘Aṭṭār : *Al-Tarbiyah* (Jeddah : Kementerian Penerangan, 1992), hal. 248.

<sup>73</sup> Ibid\_\_\_\_hal. 250.

<sup>74</sup> Muhammad Hasan al-‘Umayirah, Dr : *Uṣūl al-Tarbiyah – Al-Tarikhīyyah wal al-ijtimā’iyyah wa al-Nafsiyyah wa al-Falsafīyyah* (Ammān : Dār al-Masīrah, 2008), hal. 130.

kelangsungan hidupnya yang berkualiti. Begitulah juga dengan kehidupan manusia yang saling memerlukan tarbiyah dengan segala bentuk wasilah, pendekatan, uslub serta manhajnya, kalau tidak kerana dengan peranan ulama' melakukan tarbiyah, maka masyarakat akan menjadi jahil seperti binatang ternakan, maka tarbiyahlah yang mengeluarkan mereka dari kemunduran dan sikap buas kepada kehidupan bertamadun, atau dengan lain perkataan, manusia tidak akan melahirkan manusia semata-mata, tetapi melahirkan manusia yang bertamadun dengan tarbiyah<sup>75</sup>.

Secara tabi'ienya, Allah SWT menganugerahkan kepada manusia alat terpenting kepadanya yang dinamakan sebagai ‘akal’, alat inilah yang membezakan antaranya dengan makhluk haiwan yang tidak berakal, dengan akal manusia dapat menyimpan segenap memori dalam ingatannya, dengan akal juga membuat manusia bangkit untuk menambah nilai ilmu yang menjadi perantaraan untuk mengenali Maha Pencipta. Generasi silam telah memainkan peranan yang baik dalam meneruskan agenda tarbiyah dengan diperturunkan kepada generasi selepas mereka, agar masing-masing bangun dengan memperbaiki kefahaman terhadap agama, memperbaiki persepsi mengenai kehidupan ini yang tidak bernoktah, dengan tarbiyah yang mempunyai kesan, peranan dan kepentingannya yang jitu, membuatkan manusia untuk maju dalam segenap aktiviti harian dan berusaha untuk mengekalkan bangsa manusia yang baik di persada bumi ini, terutama ketika bersama masyarakat di sekelilingnya yang secara fitrah menjadi sasarannya untuk ditarbiyah. Ini kerana masyarakat tidak akan bangkit untuk

---

<sup>75</sup> Syabal Badran, Dr & Ahmad Faruq Mahfuz, Dr : *Usus al-Tarbiyah* (Qāherah : Dar al-Ma’rifah al-Jami’iyah, 1993), hal. 39.

maju dan bertamadun melainkan usaha-usaha tarbiyah menjadi agenda keutamaan dalam kalangan mereka, maka murobbi yang praktikal dan berkesan tampil memainkan peranan dengan wasilah serta uslub tarbiyah yang mampu menyempurnakan kedudukan masyarakat untuk jadi lebih baik<sup>76</sup>.

Jelas dari apa yang diketengahkan di atas dalam bahagian ini, pengkaji begitu yakin bahawa tarbiyah alat yang tersangat penting menjadikan seseorang itu yang berada dalam kepompong dungu beralih kepada seorang yang mantap dari sudut kefahaman melalui penggarapan ilmu dalam program tarbiyah yang disampaikan, inilah yang disebut oleh Hasan al-Banna dalam unsur pembangunan insan sebagai ketajaman cara berfikir, aqidah yang sohih, pelaksanaan bentuk ibadat yang menepati piawaian ajaran Islam, memiliki akhlak yang baik, yang kesemua itu amat diperlukan dalam program pengisian bertujuan agar lahir insan-insan yang bersedia untuk berkhidmat untuk kebaikan agama, tanah air dan masyarakat, jika ia dapat dipraktik dan direalisasikan dengan sungguh-sungguh, alangkah hebatnya individu-individu Muslim menjadi cermin kepada umat lain, ia bukan sahaja menjadi role model yang positif, tetapi memberi peluang kepada umat lain untuk berfikir menerima Islam sebagai agama terakhir mereka, inilah yang telah ditonjolkan oleh mereka yang terdahulu dalam lipatan sejarah tamadun manusia hingga menguasai dunia dengan tarbiyah melalui ajaran Islam yang komprehensif, iaitu sejarah yang tidak dapat dinafikan oleh mana-mana pihak melainkan mereka yang ada dalam diri masing-masing sifat dendam kesumat terhadap Islam dan umatnya.

---

<sup>76</sup> Sa'id Ismail 'Ali, Prof. Dr. : *Uṣūl al-Tarbiyah al-'Āmah* (Ammān : Dār al-Masīrah, 2007), hal. 33-36.

### **2.7.3. Matlamat Tarbiyah**

Pengkaji bersikap penuh yakin, bahawa tarbiyah adalah satu kaedah dan pendekatan yang paling berkesan untuk melahirkan insan berpotensi dalam dunia realiti yang serba mencabar. Justeru tarbiyah yang sistematis menggabungkan persekitaran yang khusus dengan himpunan aktiviti yang dirancang mesti menjadi keutamaan untuk melihat lebih ramai lagi individu Muslim khususnya tampil dengan ideaa-ideaan bernas hasil penggarapan dalam program-program tarbiyah.

Sesungguhnya tarbiyah yang bermatlamatkan pembangunan insan perlu disemai, dibajai dan disiram dengan penuh cermat agar menghasilkan objektif berikut :

- i- untuk meningkatkan keimanan, pengetahuan dan penglibatan terhadap Islam melalui kehidupan yang terarah.
- ii- untuk membentuk keperibadian Islam.
- iii- untuk membentuk kemahiran yang diperlukan bagi melakukan kerja-kerja Islam.
- iv- untuk menyediakan peluang-peluang menambah pengalaman dalam penglibatan bersama masyarakat.

v- untuk membentuk pemahaman jitu, membangun perkembangan jati diri, memperkasa persaudaraan Islam sesama individu Muslim<sup>77</sup>.

Matlamat tarbiyah rabbaniyyah berpaksikan ayat-ayat al-Quran yang difahami masyarakat umum adalah pembentukan manusia bagi mencapai maksud tujuan ia diciptakan Allah SWT iaitu pengabdian diri hanya kepada-Nya, inilah matlamat Maha Pencipta yang menjadikan manusia bukan untuk tujuan lain, melainkan menghalakan wajahnya untuk tunduk secara mutlak kepada Penciptanya, untuk sampai kepada matlamat tersebut bukanlah satu perkara yang mudah untuk dicapai, ia memerlukan teknik serta cara pembangunan insan itu sendiri secara khusus melalui program tarbiyah agar memiliki kehendak yang kuat untuk bangun melawan segala tuntutan hawa nafsu yang menjurus kepada kemusnahan hidup, matlamat yang perlu dicapai oleh insan Muslim itu untuk berjaya ialah pembangunan diri dengan ilmu, pembangunan insan muslim yang sempurna dari sudut keperibadian dan jati diri agar menjadi sebahagian dari umat Islam yang merupakan sebaik-baik umat yang dikeluarkan buat umat manusia sejagat dan pembangunan tamadun insan yang Islamik<sup>78</sup>.

Menurut Dr. Muhammad al-Mukhtār, para ulama' Islam tidak menggariskan hanya satu sahaja matlamat dalam ilmu tarbiyah, malah terdapat pelbagai pendekatan untuk menyatakan bahawa tarbiyah mempunyai banyak matlamat, antara yang boleh diketengahkan di sini mengenai matlamat dari tarbiyah itu ialah usaha ke arah satu kesatuan umat, kewajiban Muslim terhadap

---

<sup>77</sup> Hisham Altalib : *Panduan Latihan Bagi Petugas Islam* (Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1992), hal. 330.

<sup>78</sup> Miqdad Yaljan, Dr : *Ahdāf al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Ghoyatuhā* (Riyādh KSA : Jāmi'ah al-Imām Muhammad bin Sa'ūd al-Islamiyyah, 1986), hal. 38-40.

diri dan masyarakat dan mengenali secara mendalam hubungan dengan al-Quran sebagai sumber tarbiyah dan pembangunan insan, kesemua usaha yang disebutkan itu kadang-kadang tidak mampu direalisasikan menerusi program pembelajaran di sekolah-sekolah atau di masjid-masjid, kebiasaannya ia tercapai dalam satu program khusus dengan program susulan yang dinamakan tarbiyah<sup>79</sup>, usaha yang jitu dalam tarbiyah itulah yang mampu menjadikan individu Muslim sebahagian daripada umat yang boleh bekerja untuk kebaikan Islam<sup>80</sup>.

Sesuatu matlamat yang dirangka khususnya dalam tarbiyah adalah bertujuan untuk menuju sebuah pembangunan, matlamat itu juga tidak terpisah dari wasilah untuk menyampaikannya kepada sebuah kejayaan, maka matlamat dan wasilah adalah rangkaian dalam tarbiyah, sebagai contoh mentarbiyah kanak-kanak perlu ada misi, visi, matlamat dan wasilah yang sesuai dengan peringkat umur golongan tersebut seperti menuruti keperluan, kecenderungan, kemampuan serta kesediaan mereka untuk menerima tarbiyah, maka wasilahnya mesti menepati sasaran, sekali gus ia akan membantu penerusan matlamat yang dirangka. Tarbiyah yang sistematik dengan matlamat yang jelas tersangat penting dalam pembangunan individu dan masyarakat<sup>81</sup>.

Menurut Dr. Mājed ‘Arsān al-Kīlānī, matlamat tarbiyah terbahagi kepada dua bahagian, pertama matlamat yang bersasaran dan matlamat yang

<sup>79</sup> Hasan al-Banna mengkhususkan pengisian tarbiyah seperti dalam program usrah, katibah, rehlah, mu’askar, daurah dan lain-lain seperti yang terangkum dalam kitab Majmū’ah al-Rasā'il.

<sup>80</sup> Muhammad al-Mukhtār, Dr : *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah Baina al-Qadīm wa al-Hadīth* (Isesco, 1993), hal. 35

<sup>81</sup> Fawziah al-Haj ‘Ali al-Badrī, Dr : *Al-Tarbiyah Baina al-Asolah wa al-Mu’āṣirah – Mafāhiḥuha-Ahdāfuha-Falsafatuha* (Amman : Dār al-Thaqāfah li al-Nasyar wa al-Tibā’ah, 2009), hal. 39.

berwasilah. Matlamat yang bersasaran ialah tarbiyah yang merangkumi usaha untuk menjayakan pembangunan individu, masyarakat dan global. Sementara matlamat berwasilah pula merangkumi segenap wasilah (cara) serta alatan-alatan yang efektif bagi merealisasikan matlamat berwasilah itu. Kedua-duanya saling sempurna menyempurnakan antara satu sama lain, Matlamat bersasaran tidak akan menempa kejayaan tanpa wasilah begitulah sebaliknya matlamat berwasilah juga akan gagal jika individu tidak dapat dibangun lantaran ketidaaan wasilah yang mantap yang mampu menariknya ke arah pembangunan dan kejayaan<sup>82</sup>.

Apa yang jelas, matlamat tarbiyah terhadap individu ialah melakukan sesuatu perubahan pada dirinya meliputi cara berfikir (minda), keperibadiannya hingga menjadi insan Muslim yang memiliki wawasan dengan persoalan akhirat. Sementara matlamat tarbiyah masyarakat pula bererti melindungi mereka dengan membangun sifat-sifat terpuji hingga dapat menghubungkan diri dengan anggota masyarakat sekeliling supaya akan tercetus satu perubahan dalam pembangunan insan, adapun matlamat tarbiyah terhadap bidang kerjaya bererti mendidik manusia agar mampu membangun diri dalam mencapai hidup dengan kerjaya yang mampu menjadikannya insan yang dihormati dalam masyarakat<sup>83</sup>.

Bagi Dr. Muhammad Hashim Rayyan, tarbiyah mempunyai dua matlamat, iaitu umum dan khusus, matlamat umum terkandung dalam aspek tarbiyah bermula dari alam persekolahan lagi, ia terdiri daripada perkara berikut :

---

<sup>82</sup> Mājed ‘Arsān al-Kīlāni, Dr : *Ahdāf al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Beirut : Muassasah Rayyān, 1998), hal. 11

<sup>83</sup> ‘Ābed Taufiq al-Hāshimi, Prof. Dr. : *Torāiq Tadrīs Mahārat al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Beirut : Muassasah al-Risālah, 2006), hal. 14.

- i- Matlamat asas dalam ilmu tarbiyah ialah penyediaan individu insan yang solih, ummat yang solihah dan negara yang solih seperti yang ditekankan dalam ajaran Islam.
- ii- Penekanan terhadap jati diri seorang individu serta keperluan yang berkesan buatnya bagi mencapai matlamat pembangunan dalam segenap peringkat umur yang dilalui meliputi aspek jasmani, minda, psikologi, kemasyarakatan dan akhlak.
- iii- Menitik-berat keperluan masyarakat dalam tarbiyah dengan menyedia segenap keperluan sesuai dengan tuntutan mereka sehingga masing-masing mampu memberi kerjasama terhadap individu yang menjadi tumpuan untuk dibangun.
- iv- Memastikan kelengkapan keilmuan setara dengan keperluan sasaran, agar mereka sentiasa merasakan mempunyai hubungan intim dengan segenap perkembangan ilmu yang berfaedah untuk mereka dan masyarakat, ia adalah jalan bagi memudahkan segenap urusan dalam kehidupan di samping berusaha untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul, bertujuan untuk menjamin keamanan sejagat dalam masyarakat dan umat.
- v- Membangun jati diri individu pelajar dalam bentuk yang syumul dan seimbang bertepatan dengan keperibadian sebagai Muslim hakiki.
- vi- Memberi penekanan jitu terhadap aspek aqidah bertujuan untuk memelihara individu dari terjebak pada penyelewengan aqidah seperti khurafat, bid'ah dan tasyuh.

- vii- Memperkasa individu pelajar dengan al-Quran al-Karim dalam aspek pembacaan, penghafalan serta ilmu tajwid.
- viii- Menghubungkan individu pelajar dengan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r.a. dalam memahami segenap ajaran Rasulullah menerusi hadith dan Sirah baginda.
- ix- Menyemai tanggungjawab wala' terhadap Allah, Rasul dan jamaah Islam serta menanam semangat untuk bangkit berjihad bagi membela nasib umat Islam serta membebaskan tanah air yang dirampas oleh musuh Islam, pada masa yang sama menyebar-luaskan aspek dakwah.
- x- Menyemai gambaran indah terhadap pelaksanaan amal ibadat sama ada dilakukan dalam bentuk peribadi atau berjemaah.
- xi- Memperkasa daya kefahaman individu pelajar dalam menggarap ilmu-ilmu Islam yang diperlukan merangkumi aspek rohani, ekonomi, kemasyarakatan, politik dan lain-lain.
- xii- Membekal individu pelajar dengan aspek nilai yang positif dan seimbang agar menjadi insan yang memiliki akhlak terpuji yang menjadi amalan rutin harian hidupnya.
- xiii- Menghalakan sasaran hidup yang jelas dalam diri individu pelajar dalam konteks kerjaya, fokus serta tekun dalam kerjaya yang diceburi, percaya pada diri sendiri bersedia membantu orang lain tanpa diminta dan mampu memproduk hasil yang cemerlang setelah mengasah mindanya dengan segenap kepakaran dalam berfikir.

- xiv- Melatih individu pelajar agar bersedia untuk berdebat dengan buah-buah fikiran yang membina secara ilmiah dan sanggup mendengar pendapat orang lain dengan sikap terbuka.
- xv- Membiasakan individu pelajar untuk sentiasa memelihara alam sekitar ia meliputi pantai, taman permainan, taman bunga, sungai, jalan raya, pengangkutan awam dan perpustakaan<sup>84</sup>.

Sementara matlamat khusus tarbiyah pula adalah seperti berikut :

- i- Menghubungkan diri individu pelajar dan bukan pelajar terhadap Allah yang menjadi asas pegangan dalam aspek aqidah, ia merangkumi rukun-rukun iman yang enam, mentaati Allah secara mutlak dalam segenap larangan dan arahan-Nya, mendahulukan kasih terhadap-Nya melebihi yang lain, mengikhlaskan niat dalam melaksanakan segenap tuntutan lima rukun Islam yang terdiri daripada dua kalimah syahadah, solat, puasa zakat dan haji dengan merasakan ia satu pengabdian yang dilakukan hanya untuk Allah selaku Pencipta.
- ii- Memperkasa hubungan individu dengan Nabi Muhammad s.a.w. serta para sahabatnya, ia dilakukan melalui penghayatan Sirah baginda dan para sahabat secara praktikal, terutama yang membabitkan kehidupan serta akhak mulia Rasulullah dan para sahabat, lebih-lebih lagi para Khulafa' Rasyidun yang empat yang sanggup berkorban apa sahaja demi kepentingan Islam.

---

<sup>84</sup> Muhammad Hashim Rayyan, Dr. Ahmad Muhammad Balqis, Dr & Yahya Salim al-Aqtash, Prof : *Al-Isyrāf al-Tarbawi fī Majāl al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Ammān : Dār al-Masīrah, 2010), hal. 35-36.

- iii- Mengeratkan hubungan individu dengan ahli keluarga terdekat, sanak saudara serta jiran tetangganya melalui satu bentuk muamalah berkesan dengan memberi kefahaman peri penting menunaikan tanggungjawab dan memelihara hak-hak mereka.
- iv- Mengeratkan hubungan individu dengan anggota masyarakat sekeliling, dengan memelihara kesatuan dan perpaduan yang diasaskan atas dasar aqidah tauhid hingga setiap tindakan lahir dari peradaban Islam yang luhur yang menjurus kepada hubungan ikatan Ukhluwwah Islamiyyah.
- v- Mentarbiyah individu untuk sentiasa mengutamakan penjagaan alam sekeliling dengan memelihara adab-adab di jalanan, mengasihi binatang-binatang yang mesra alam sebagai tanda mensyukuri nikmat Allah SWT.
- vi- Memperjelaskan kepada individu peri penting merasakan keagungan dan kemuliaan Islam dengan berpegang teguh kepada segenap hukum-hakamnya sebagai tanda ketaatan mutlak kepada Allah SWT.
- vii- Mencontohi perilaku baginda Rasullah s.a.w. dalam menjalin hubungan baik terhadap ahli keluarganya, kaum kerabat, para sahabat dan jiran tetangganya.
- viii- Menjelaskan kepentingan dakwah kepada individu serta pendekatannya dengan memahami konsep hikmah dan mauizah yang baik dalam dakwah<sup>85</sup>.

Dr. Muhammad Hasan al-‘Umayirah ketika menukilkan kenyataan Imam al-Ghazali menyebut, bahawa matlamat tarbiyah adalah mendekatkan seorang hamba kepada Allah SWT, buktinya ketika Islam mengarahkan seseorang individu menuntut ilmu supaya memperbaiki tingkah laku melalui

---

<sup>85</sup> Ibid hal. 38-40.

akhlak yang terpuji, seorang murabbi perlu mengingatkan anak didiknya supaya memahami konsep dan matlamat sebenar ketika menuntut ilmu iaitu mendekatkan diri hanya kepada Allah SWT, dalam erti kata mentarbiyah individu agar lahir dalam dirinya perasaan cinta yang tinggi terhadap Allah untuk segera menemui-Nya, serta memiliki perasaan cemas terhadap kepanasan api neraka dan siksaan di dalamnya<sup>86</sup>.

Bagi Dr. Ahmad Ali al-Fanīsh, beliau berpendapat bahawa bagi memastikan kelangsungan matlamat tarbiyah terus berjalan dengan lancar, terdapat beberapa perkara yang perlu dipelihara :

- i- Keuniversalan tarbiyah, iaitu matlamat semestinya terangkum dalam pelbagai sumber.
- ii- Menepati realiti semasa dengan mengambil kira tuntutan masyarakat untuk bangkit berdaya saing dalam kepelbagaiannya lapangan yang diceburi.
- iii- Memelihara kejelasan matlamat agar senada antara perancang dan pelaksana tarbiyah.
- iv- Memelihara kemampuan dari sudut pendekatan, peralatan dan lain-lain yang berkaitan agar usaha untuk mencapai matlamat yang dirancang dapat dijayakan dengan baik.
- v- Mengkalkan kesempurnaan untuk mencapai matlamat umum dan khusus dalam tarbiyah<sup>87</sup>.

---

<sup>86</sup> Muhammad Hasan al-‘Umāyirah, Dr : *Uṣūl al-Tarbiyah al-Tarīkhīyyah wa al-Ijtīmā’iyyah wa al-Nafsiyyah wa al-Falsafiyah* (Ammān : Dār al-Masīrah, 2008), hal. 152.

<sup>87</sup> Ahmad Ali al-Fanīsh, Dr : *Uṣūl al-Tarbiyah* (Libya : Al-Dār al-‘Arabiyyah li al-Kitāb, 1982), hal. 198.

Dari apa yang diketengahkan oleh para sarjana Islam berhubung aspek matlamat tarbiyah, pengkaji amat yakin bahawa dalam melaksana program tarbiyah dalam apa jua bentuk dan pendekatannya, matlamat asasi adalah untuk menzahirkan insan yang beragama dalam segenap persediaan zahir dan batin, rohani dan jasmani, paling utama insan yang ada hubungan yang amat kental dan mantap terhadap Allah SWT, agar menjadi mulia di sisi Allah dan mampu menjadi ‘role model’ kepada segenap bangsa manusia di muka bumi ini, kerana kejayaan seseorang insan menjadi mulia sebagai seorang pemimpin, ahli politik, ketua negara, ketua keluarga, suami, ayah dan jiran yang cemerlang adalah melalui pengisian tarbiyah yang digarap dalam sesuatu program khusus seperti usrah dan lain-lain.

Insan inilah menjadi inspirasi kelangsungan tarbiyah dalam membangun insan lain dalam kepelbagaian kedudukan, pangkat dan jawatan, yang berdiri sama tinggi duduk sama rendah tanpa membezakan darjah antara satu dengan yang lain kecuali mereka yang bertaqwa kepada Allah, tanpa memisahkan kehidupan dunia dengan akhirat yang menjadi destinasi terakhir umat manusia. Justeru, tarbiyah umum dan khusus yang dimaksudkan itu adalah untuk memandu manusia meraih tempat selesa di akhirat di sisi Rasulullah s.a.w. yang memiliki kuasa memberi syafaat kepada sesiapa yang menuruti pendekatan tarbiyah yang membawa kepada keinsafan hakiki. Sesungguhnya kejayaan tersebut dicapai melalui matlamat untuk membangun insan dengan aspek agama yang diturunkan Allah ke atas Nabi Muhammad s.a.w.

#### **2.7.4. Cabang-Cabang Tarbiyah**

Keunikan tarbiyah menurut kacamata Islam, bukan sahaja ia bersumberkan kebenaran wahyu al-Quran dan Sunnah atau hadith-hadith Rasulullah s.a.w. yang menunjukkan jalan kebenaran tanpa sebarang keraguan, akan tetapi memberi pelbagai pendekatan termasuk cabang-cabangnya yang juga dikira alat penyebab kepada perubahan dalaman seseorang insan yang dibangun dengan tarbiyah Islam.

Dalam membahaskan aspek cabang tarbiyah, pengkaji mendatangkan pandangan para sarjana Islam sebagai sumber sekunder bagi membuktikan cabang tarbiyah adalah antara aspek yang diberi penekanan untuk sampai kepada kesempurnaan hidup individu yang telah berjaya melalui proses tarbiyah meliputi persediaan hati, minda dan perasaan untuk dibangun, kerana kesemua itu merupakan alat penting yang tidak terpisah antara satu sama lain bagi memastikan ada perubahan yang berlaku pada individu yang ditarbiyah.

Sesungguhnya cabang-cabang tarbiyah yang menjadi fokus perbahasan para sarjana Islam khususnya bukanlah terbit secara langsung dari bibir atau minda mereka, akan tetapi ia bersumberkan wahyu Ilahi dalam al-Quran dan disempurnakan pencerahannya oleh hadīth-hadīth baginda Rasulullah s.a.w., ia bagi membuktikan betapa kedua-dua sumber berkenaan adalah tegar dengan aspek kebenaran. Pelbagai cabang pendekatan yang dijelmakan oleh mereka berpaksikan pengamatan masing-masing melalui kedua-dua sumber tersebut, apabila dicantumkan kesemua pandangan mereka, akan terserahkan cabang-

cabang tarbiyah yang menjadi fokus perbincangan dalam kajian ini. Inilah juga sebenarnya pandangan yang ada dalam kotak minda Hasan al-Banna yang boleh difahami melalui karya agungnya *Majmū’ah al-Rasā'il*.

Individu yang ditarbiyah memerlukan dua persediaan, iaitu persediaan yang dikongsi sama dengan orang lain dalam aspek membangun jasmani, minda dan perasaan dan persediaan yang khusus baginya sahaja dalam membangun rohani melalui perasaan kebebasan dalam diri yang tidak sama dari seorang individu dengan individu yang lain<sup>88</sup>.

Antara cabang tarbiyah yang diberi penekanan khusus untuk dibangun ialah jasmani atau disebut badan manusia. Ini kerana Islam amat menitik-beratkan aspek kesihatan badan dan menegah mana-mana pihak dari mendedahkan badannya dari berlaku kerosakan. Penjagaan jasmani termasuk dalam intipati ajaran Islam, justeru Islam melarang mana-mana individu mendedahkan dirinya pada kerosakan dan kebinasaan, malah mengharamkan mereka dari terjebak dalam kancang yang memudaratkan jasmani mereka dengan perkara yang dilarang keras pengambilannya seperti dadah, arak dan sebagainya, penjagaan badan atau jasmani dalam aspek tarbiyah bertujuan agar ia menjadi sihat dan kuat yang akan membantu seseorang individu itu mudah melakukan ketaatan kepada Allah SWT dalam apa jua bentuk perintah-Nya<sup>89</sup>. Ia adalah salah satu dari sepuluh unsur pembangunan insan yang diberi penekanan oleh Hasan al-Banna iaitu memiliki kekuatan tubuh badan.

---

<sup>88</sup> Murtaḍā Muṭṭahiri : *Al-Tarbiyah wa al-Ta’līm Fī al-Islām* (Beirūt : Dār al-Hādi, 2000), hal. 170.

<sup>89</sup> Ibid hal. 171.

Menurut ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan, cabang tarbiyah yang perlu diberi perhatian serius terhadap individu dan melaziminya adalah aspek aqidah, akhlak, jiwa, keilmuan, kemasyarakatan, jasmani dan rohani. Kesemua yang disebutkan itu adalah asas paling kukuh dalam membangun insan yang seimbang dalam segenap aspek kehidupan hingga mampu menunaikan hak dan tanggungjawab pada diri dan orang lain dalam bentuk yang paling sempurna, hingga layak dilabelkan sebagai ‘Muslim Hakiki’ yang bagaikan batu-bata bagi sebuah bangunan yang kental dengan pelaksanaan ajaran Islam bagi mencapai kemuliaan yang dijanjikan, pada masa yang sama merupakan mata rantai kepada sebuah Negara Islam yang tersedia di dalamnya usaha menjayakan tamadun dan memperbaiki kedudukannya di mata dunia, inilah peranan yang mesti dimainkan oleh segenap mereka yang disebut ketua, sama ada ia bergelar ibu, ayah, guru, pendidik dan sebagainya, kesemua mereka perlu peka pada persoalan tarbiyah kerana masing-masing akan disoal Allah pada hari akhirat jika mengabaikan tanggungjawab dalam tarbiyah<sup>90</sup>.

Bagi Muhammad Qutb, manhaj Islam yang perlu diberi perhatian dan penekanan dalam membangun individu Muslim ialah penekanan secara serius terhadap aspek ibadat yang meliputi tarbiyah rohani, akal dan jasmani. Kerana ia melahirkan perasaan rasa takut dan mengharap sebagai seorang hamba Allah, di samping penekanan tarbiyah mengenai perasaan cinta dan benci kerana Allah, hidup dalam kehidupan realiti serta alam hissi dan maknawi, ia akan

---

<sup>90</sup> ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan : Tarbiyah *al-Awlād Fi al-Islām* (Qāherah : Dār al-Salām, 1983), 2 : 691.

menzahirkan individu yang berkualiti dalam tindakan, perancangan yang teliti dan pengamalan yang selaras dengan tuntutan syariah<sup>91</sup>.

Justeru cabang tarbiyah yang efektif dalam membangun insan Muslim yang solih menurut Akram Ḥiyā’ al-Umari, ialah memperkenalkan kepadanya perasaan cinta yang mendalam terhadap Allah dan Rasul-Nya, kerana cara begini dia akan dikasihi pula oleh manusia sekeliling, malah sebaliknya jika dia tidak meletakkan rasa cinta sebenar terhadap Allah dan Rasul, maka dia akan terjerumus pada kancang kategori manusia yang kafir, munafiq, pengamal maksiat tegar yang akhirnya dibenci Allah dan orang ramai, maka hidupnya penuh dengan sikap kepura-puraan, tidak ikhlas dalam melakukan apa sahaja tindakan, zahirnya dilihat baik tetapi hakikat sebenar adalah sebaliknya. Maka untuk meraih pencapaian sebagai seorang hamba Allah yang amat mencintai Allah serta mengharapkan reda-Nya adalah tidak lain dengan jalan menghidupkan hatinya dengan berzikir, belajar mensyukuri segenap nikmat-Nya, membaca al-Quran serta mentadaburnya dengan baik, melakukan bentuk ibadat yang sempurna dan beramal solih yang menjadi penyebab untuk raih faktor kekuatan bagi meningkatkan prestasi iman, iaitu sentiasa bersegera untuk bertaubat jika diri rasa terpesong dari kebenaran, sabar dalam menerima ujian Allah dan sentiasa fokus melakukan segenap bentuk kebaikan<sup>92</sup>.

Pengkaji berpendapat, semua pandangan yang diketengahkan oleh para sarjana dan ilmuan Islam di atas adalah untuk memelihara lima perkara yang

<sup>91</sup> Muhammad Qutb : *Manhaj al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 2004), hal 617.

<sup>92</sup> Akram Ḥiyā’ al-‘Umari, Dr : *Al-Tarbiyah al-Rūhīyyah wa la-Ijtima’iyyah Fi al-Islām* (Riyādh : Markaz al-Dirāsāt wa al-‘Ilām, 1997), hal. 51.

wajib dipelihara, ia dikenali sebagai ‘Al-Dorūriyāt al-Khams’ iaitu memelihara agama, akal, harta, diri, kehormatan dan keturunan. Dengan memelihara kelima-lima aspek berkenaan, pengkaji yakin bahawa akan lahir satu produk Islam terbaik yang ada pada individu Muslim, apabila setiap muslim berjaya menguasai aspek tarbiyah dan menjayakannya, maka untuk melihat sebuah masyarakat yang diimpikan oleh al-Quran sebagai sebaik-baik umat akan tercapai. Apabila ia menjadi kenyataan dalam kehidupan ini, masyarakat seluruhnya yang menghuni alam ini akan teruja, cenderung, berjinak dan bersedia untuk menjadi insan muslim kerana kebaikan yang ada di dalamnya. Moga aspek tarbiyah yang bersifat komprehensif dan sejagat itu menjadi pilihan ramai manusia walau di mana mereka berada, lantaran Islam dilihat sebagai yang terbaik untuk menjadi alternatif.

#### **2.7.5. Ciri-Ciri Tarbiyah Yang Perlu Disampaikan**

Keistimewaan yang ada dalam konsep tarbiyah berpaksikan kebenaran Islam, memang amat ketara berbanding dengan tarbiyah yang direka cipta oleh masyarakat Barat yang hanya mementingkan aspek luaran tanpa memberi penekanan terhadap aspek pembangunan minda, rohani dan jasmani secara tuntas, justeru dalam bahagian ini, pengkaji mendatangkan pendapat ilmuan dan sarjana Islam yang memperlihatkan ketidak-samaan pendekatan tarbiyah yang dicetuskan oleh mereka dengan apa yang dijelmakan oleh tarbiyah Islam ibarat langit dengan bumi.

Ciri-ciri tarbiyah Islam yang terdapat dalam falsafah pendidikan Islam begitu unik kerana terdapat di dalamnya matlamat yang jelas untuk membangun manusia, mempunyai uslub yang sesuai dengan peringkat golongan sasaran, wasilah tarbiyah dan pendekatan yang mudah digarap oleh mereka. Tetapi apa yang lebih penting ia bersifat Islamik yang mempunyai matlamat untuk membawa manusia menuju jalan akhirat dengan selamat.

Muṣṭafa Ismail Mūsa mengutarakan pandangannya dengan menyebut, bahawa ciri-ciri tarbiyah dalam Islam tersangat unik, istimewa dan mengatasi yang lain dalam perkara berikut :

i-      Bersifat Rabbani

Kerana ia bersumberkan wahyu al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. di mana umum mengetahui bahawa tiada sesuatupun di dalam keduanya unsur batil, ia bermatlamat untuk memproduk insan solih yang menitik beratkan persoalan ibadat terhadap Maha Pencipta. Hasil dari proses tarbiyah yang dijalankan menjadikan insan berkenaan mempunyai persepsi positif terhadap aspek ketuhanan Allah SWT, tidak mudah tunduk kepada keadaan yang meruncing, memiliki jati diri serta tahap pemikiran yang unggul dan sentiasa meletakkan keredaan Allah sebagai matlamat utama dalam kehidupan.

ii-      Bersifat Universal

Tarbiyah Islam tidak hanya fokus terhadap golongan kanak-kanak seperti yang berlaku dalam aspek tersebut hari ini, tetapi ia juga memberi fokus yang sama terhadap golongan remaja, kurang upaya, dewasa dan warga emas dengan tahap

pendekatan yang sesuai dengan golongan masing-masing, semuanya untuk mencari keredaan Allah.

iii- Bersifat Sempurna

Tarbiyah berpaksikan ajaran Islam tidak menyisihkan kehidupan individu dan masyarakat, ia saling lengkap melengkapi antara satu sama lain yang berkongsi emosi dan perasaan.

iv- Tarbiyah berasaskan realiti

Tarbiyah Islam menitik beratkan persoalan insan yang merupakan antara makhluk Allah di muka ini, justeru sebagai makhluk amat memerlukan bantuan masyarakat sekeliling bagi meneruskan kehidupan seperti biasa.

v- Tarbiyah misi kemanusiaan

Iaitu aspek tarbiyah yang fokus mengenai isu manusia dan segala permasalahan yang dihadapinya serta mencari penyelesaian bagi mengatasinya. Sesungguhnya manusia adalah makhluk yang berpotensi melonjakkan aspek akhlak dalam diri tidak pada yang lain. Keunggulan yang ada dalam tarbiyah Islam adalah untuk menjana prinsip persamaan sesama manusia dan kebebasan tanpa perasaan lebih atau kurang dari yang lain dalam kalangan mereka.

vi- Tarbiyah ke arah aspek positif

Tarbiyah ini adalah untuk memastikan perubahan dalam realiti hidup manusia, iaitu bertindak dengan melakukan aktiviti untuk mengislah bumi ini dengan Islam, mengimarahkannya dalam erti kata menurut segenap peraturan, undang-undang yang ditetapkan Allah buat bumi yang dipijak ini dengan rasa penuh tanggungjawab ia adalah perintah yang tidak boleh diabaikan.

vii- Tarbiyah budi pekerti

Tarbiyah menurut kacamata Islam tidak hanya dengan kata-kata sahaja, akan tetapi menunjuk jalan dengan merangsang individu untuk beramal secara praktikal, kerana kesempurnaan seseorang individu itu bergantung kepada sejauhmana dia merealisasikan segenap ilmu yang diperolehi dalam satu-satu program tarbiyah yang disertainya, kerana dengan beramal membawa kesan yang amat baik pada seseorang individu itu dalam kehidupan harianya, pada masa yang sama menjauhkan segenap tindakan yang keji<sup>93</sup>.

Bagi Ahmad Rajab al-Asmar mempunyai pandangan yang sama seperti di atas, cuma terdapat sedikit penambahan dalam perkara yang membabitkan ciri-ciri tarbiyah yang diperlukan ke atas individu Muslim. Beliau bersamaan dalam menyebut tarbiyah rabbani, tarbiyah yang bersifat universal dan sempurna, berasaskan realiti, tarbiyah kemanusiaan, dalam aspek positif dan budi pekerti. Namun beliau menambah dengan beberapa ciri tarbiah lain;

i- Tarbiyah bersifat konsisten

Ia menjurus kepada pendekatan yang tidak ada noktah, ia berterusan selagi terdapat individu yang perlu untuk ditarbiyah, terutama yang membabitkan persoalan ketuhanan Allah selaku Maha Pencipta alam ini.

ii- Tarbiyah akhlak

Ia merupakan program utama ajaran Islam yang disyariatkan Allah, ia adalah sebahagian daripada nilai kemanusiaan yang tidak boleh terpisah dalam hidup ummah.

---

<sup>93</sup> Muṣṭafa Ismail Musa, Dr : *Tadris al-Tarbiyah al-Islamiyyah li al-Mubtadiin* (UAE : Dar al-Kitab al-Jami'ie, 2004), hal. 20-24.

iii- Tarbiyah bermatlamat

Ia adalah tarbiyah dengan matlamat khusus dan umum yang jelas tanpa perlu kepada ijтиhad untuk menentukan kesahihannya.

iv- Tarbiyah bersifat komprehensif

Ia meliputi semua golongan masyarakat tanpa terbatas kepada genre, umur, etnik, kedudukan dan keturunan, kerana umat Islam adalah sama di sisi Allah SWT melainkan yang paling bertaqwa.

v- Tarbiyah seimbang

Ia dimaksudkan dengan keseimbangan pada asas serta intipati pengisian bertujuan untuk mencapai pembangunan setiap individu yang ditarbiyah.

vi- Tarbiyah secara praktikal

Dalam tarbiyah ini fokus tertumpu kepada nilai terhadap amalan yang dilaksanakan individu setelah menggarap ilmu dan maklumat dalam program tarbiyah. Sejauhmana dia mampu melakukan amalan-amalan wajib di samping amalan-amalan sunat yang boleh mendekatkan diri seseorang itu kepada Allah SWT.

vii- Tarbiyah kesama-rataan

Ia dimaksudkan bahawa setiap individu sama ada lelaki maupun perempuan adalah sama dituntut untuk beramal tanpa terjebak dalam penyelewengan, mereka adalah sama dalam meraih pahala pada perkara-perkara yang baik dan sama dalam menanggung dosa pada perkara-perkara yang membabitkan dosa. Ia bertujuan agar mereka tidak terjerumus dalam kebinasaan yang ditegah Allah SWT.

viii- Tarbiyah sifatnya yang berterusan

Islam mengajar umatnya bahawa menyampaikan tarbiyah itu bermula dari dalam buaian hingga ke liang lahad, ia membuktikan bahawa menggarap ilmu dalam proses tarbiyah diri tidak terbatas pada masa, selagi roh di kandung badan selagi itulah individu muslim dituntut untuk belajar, bertujuan agar lahir seorang yang bijak hingga mampu menangani permasalahan yang terdapat pada diri dan masyarakat.

ix- Tarbiyah dengan sikap keterbukaan

Ia bermaksud seseorang individu itu boleh menerima tarbiyah dengan ilmu dari seorang murabbi atau mursyid muslim, pada masa yang sama tidak terhalang untuk menimba ilmu dari mereka yang non-muslim.

x- Tarbiyah dengan memelihara dasar agama

Ia bermaksud agar setiap dasar ajaran Islam mesti dipelihara, namun dalam perkara cabang ia dibenarkan berlaku proses transformasi yang tidak menjejaskan kesucian Islam, bertujuan untuk meningkatkan daya saing dalam aspek pemikiran individu yang dibekalkan dengan akal dalam perkara dunia ni yang membawa kepada kebaikan<sup>94</sup>.

Sementara ‘Abd al-Rahmān Nahlāwī berpendapat, bahawa ciri-ciri khusus yang terdapat dalam tarbiyah antara lain;

i- Dasar ajaran Islam tetap dan tidak berubah

Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui bahawa jiwa dan hati manusia sentiasa berbolak-balik serta cenderung kepada kejahatan terlebih dahulu

---

<sup>94</sup> Ahmad Rajab al-Asmār, Dr : *Falsafah al-Tarbiyah Fī al-Islām – Intimāan wa Irtiqāan* (Ammān : Dār al-Furqān, 1997), hal. 52-55.

kemudian beralih kepada kebaikan, namun disediakan baginya untuk menerima himpunan prinsip, manhaj serta uslub tarbiyah yang digali dari Syariat Allah yang kekal abadi tanpa menerima sebarang pindaan dan perubahan, sejak insan itu dilahirkan hingga tempoh untuk menemui Allah bermula dari alam Barzakh hingga ke alam akhirat. Ia memperlihatkan betapa tarbiyah Islam tetap utuh dari rukun-rukunnya hingga ke akar umbi walaupun menghadapi pelbagai gelombang dan badai, inilah keistimewaan yang ada pada sifat dan ciri tarbiyah yang tercatat dalam sejarah tamadun manusia.

ii- Tarbiyah yang menepati fitrah manusia

Fitrah manusia yang sukaan kebaikan dan berusaha melonjakkan diri untuk berjaya menurut piawaian ajaran Islam. Jika fitrah manusia diberi tarbiyah yang baik, kecenderungannya akan menjurus kepada kebaikan dan jika sebaliknya terperosok dalam kancah yang dibenci oleh Maha Pencipta. Fitrah yang baik lantaran diisi dengan pengisian dan pendekatan yang memandunya kepada kebaikan seperti melazimi pembacaan al-Quran dan aspek ajaran Islam yang lain sekali gus akan membangun akal yang sentiasa terarah kepada kebaikan<sup>95</sup>.

Menurut ‘Abed Taufiq al-Hashimi, sesungguhnya ciri-ciri yang terdapat dalam tarbiyah Islam itu begitu unik kerana ia menepati kelangsungan pemikiran manusia, di samping ia berpaksikan dengan tiga ciri yang tidak ada pada masyarakat lain;

i- Tarbiyah yang diceduk dari sumber wahyu

ii- Tarbiyah yang suci dari sudut konsep dan makna

---

<sup>95</sup> ‘Abd al-Rahmān Nahlāwī : *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa al-Musykilāt al-Mu’āṣirah* (Beirūt : Al-Maktab al-Islāmi, 1988), hal. 84-85.

Wahyu al-Quran, Sunnah dan Sirah Nabi Muhammad s.a.w. menjadi rujukan utama dan diadun dalam pelbagai bentuk dan corak yang menjana insan solih.

iii- Tarbiyah yang suci dari sudut pendekatan

Tarbiyah Islam mengenengahkan persediaan ilmu yang mantap, komprehensif dan universal kepada individu yang ditarbiyah, ia mempunyai perancangan yang padu pada peringkat penyampaian, pendekatan dan bimbingan yang sejajar dengan konsep tarbiyah yang ditagih serta memberi penekanan padu pada peringkat pelaksanaan<sup>96</sup>.

Sa'id Ismail Ali pula berpandangan mengenai ciri-ciri tarbiyah, beliau berpendapat bahawa ia perlu merenung sejenak kepada konsep tarbiyah itu sendiri sedalam-dalamnya dengan memahaminya dengan baik, kemudian baharu menyusun strategi dalam menentukan ciri-cirinya, dengan cara ini tarbiyah akan menjadi lebih matang dan berkesan, maka ciri-ciri tarbiyah yang disifatkan mampu melakukan perubahan pada diri individu yang ditarbiyah;

i- Bersifat kemanusiaan sejagat

Kerana tarbiyah diambil kira penyampaiannya sejurus seorang bayi dilahirkan dengan mengazan dan mengiqamatkan di kedua-dua telinga kanan dan kiri bayi tersebut. Sifat tarbiyah itu telah berperanan sejak insan lahir ke dunia, ini bermakna kalu si bayi diberi tarbiyah, maka sewajarnyalah insan yang berada di peringkat selepas itu yang dikenali sebagai kanak-kanak, remaja, desa dan orang tua juga turut diberi penekanan tarbiyah menurut tahap intelektual dan umur

---

<sup>96</sup> 'Abed Taufiq al-Hashimi, Prof. Dr : *Torāiq Tadrīs Mahārāt al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 2006), hal. 85.

masing-masing. Inilah yang dikatakan tarbiyah yang meraikan kemanusiaan sejagat.

ii- Tarbiyah yang bersifat individu dan perkumpulan

Dalam sistem ajaran Islam, tarbiyah tidak hanya memfokuskan terhadap individu sahaja dengan mengenepikan kumpulan manusia yang lain. Malah ia jalan serentak bagi memastikan kelangsungan tarbiyah diterima baik di semua peringkat.

iii- Melakukan perubahan secara berterusan

Tarbiyah dalam Islam bermatlamat untuk melakukan perubahan pada diri seseorang individu yang ditarbiyah, dari seorang yang kurang berakhhlak baik kepada seorang yang berperilaku positif dengan menyedarkannya adalah sebahagian daripada anggota masyarakat, yang masing-masing mencari kebahagiaan hidup, ia tidak akan berlaku jika terdapat individu yang masih belum dipulih dengan tarbiyah.

iv- Intergerasi antara ilmu dan budi pekerti

Tarbiyah dalam Islam tidak pernah sekali memisahkan antara ilmu yang disifatkan sebagai jambatan untuk menjana akhlak dalam diri seseorang individu, kejayaan seseorang individu itu bergantung kepada sejauhmana penggarapan ilmu yang dilakukan yang menjurus kepada akhlak dan budi pekerti yang mulia.

v- Tarbiyah terkesan dengan masa dan tempat

Tidak seorangpun yang dapat menafikan bahawa masa dan tempat mempunyai kesan dan peranan dalam aspek tarbiyah, kerana kedua-duanya mengiringi

kehidupan manusia sejak dilahirkan hingga ke liang lahad. Justeru tarbiyah perlu meraikan perkara tersebut dan disesuaikan dengan realiti hidup pada hari ini<sup>97</sup>.

Sementara bagi Muhammad Munir Morsi, bukan sahaja tarbiyah dalam Islam menitik beratkan persoalan manusia, alam dan kehidupan, namun terdapat beberapa faktor lain yang dikira berkait dengan asas dasar kepada tarbiyah Islam, iaitu tarbiyah yang bersifat sempurna dan komprehensif, tarbiyah yang seimbang, tarbiyah yang menjurus kepada pembangunan akhlak yang praktikal, tarbiyah yang menitik berat terhadap individu dan masyarakat, tarbiyah yang menyentuh jiwa manusia, tarbiyah yang menyentuh fitrah manusia, tarbiyah yang menjurus kepada segenap perkara yang baik, tarbiyah yang berterusan, tarbiyah yang sentiasa memelihara amalan tajdid dan tarbiyah yang berperingkat<sup>98</sup>.

Pengkaji begitu optimis dari apa yang dipersembahkan oleh para ilmuan Islam berkaitan dengan ciri-ciri khusus tarbiyah menurut kacamata Islam, ia benar-benar memperlihatkan bahawa Islam dengan pendekatan ajarannya yang anjal dan unik, mampu memproduk generasi individu muslim yang tampil di alam maya ini yang bersifat rabbani, berintegriti, berilmu, berbudi pekerti mulia, sentiasa mahu lakukan perubahan diri, minda, jiwa, rohani, membabitkan diri dan masyarakat ke arah merealisasikan pencapaian terunggul, ini kerana tarbiyah juga merupakan medium untuk memperkasa hubungan sesama insan tanpa ada perasaan bahawa diri lebih baik dari orang lain, dengan meletakkan akhlak

---

<sup>97</sup> Sa'id Ismail 'Ali, Prof. Dr. : *Uṣūl al-Tarbiyah al-Āmah* (Amman : Dar al-Masirah, 2007), hal. 19-24.

<sup>98</sup> Muhammad Munir Morsi, Dr. : *Uṣūl al-Tarbiyah* (Qāherah : 'Ālam al-Kitab, 2001), hal. 120-123.

sebagai tunjang dalam menjalani proses kehidupan bermasyarakat, ia juga memperlihatkan betapa indahnya tarbiyah yang menjadi cerminan kepada diri sendiri dan orang lain hingga mencairkan mereka yang melihat dan terpikat untuk menjadi sebahagian daripada mereka. Inilah juga amalan generasi terawal yang menjadi duta kepada Rasulullah s.a.w. untuk mempromosi Islam dalam bentuknya yang syumul kepada dunia yang akhirnya dapat menundukkan Rom dan Parsi hingga Islam diterima sebagai agama yang membawa rahmat ke seluruh alam.

#### **2.7.6. Uslub Dan Wasilah Tarbiyah**

Antara keistimewaan Islam dalam aspek tarbiyah, terdapat satu pendekatan yang dikenali sebagai uslub (gaya) dalam menyampaikan tarbiyah itu sendiri. Ia amat sinonim dengan persembahan bentuk tarbiyah yang mampu menjadikan seseorang insan itu tunduk pada arahan wahyu Ilahi dan terus menunjukkan kecenderungan untuk beramal dengan segenap ajaran Islam lantaran pendekatan uslub yang berkesan dalam mentarbiyah diri untuk terus kekal bersama Islam. Inilah juga kejayaan siri kejayaan yang diraih oleh generasi terawal yang menerima kesan dari sang murabbi yang memahami aspek psikologi insan yang ditarbiyah.

Satu contoh yang praktikal mengenai pendekatan uslub tarbiyah yang mencairkan seseorang itu pernah diceritakan oleh al-Mursyid al-‘Am ketiga Gerakan al-Ikhwān al-Muslimīn, Syeikh ‘Umar al-Tilmāsānī<sup>99</sup> yang

---

<sup>99</sup> Syeikh ‘Abd Allah al-‘Uqail : “Mursyidu al-Ikhwan al-Muslimin”, laman sesawang *ikhwanwiki*, dicapai 22 April 2016, [ikhwanwiki.com/php?title=%D8%A5%D9%85%D8%B1%20%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%85%D9%88%D9%86](http://ikhwanwiki.com/php?title=%D8%A5%D9%85%D8%B1%20%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%85%D9%88%D9%86), ia merupakan sebuah karya buku yang dinukilkannya ke laman sesawang di atas. Nama penuh beliau

menceritakan dalam karyanya ‘Mudhakkirāt Lā Dhikrayāt’ bahawa beliau terkesan uslab tarbiyah di mana kali pertama didatangi dua anggota al-Ikhwān al-Muslimūn ke rumahnya, yang beliau masih ingat, kedua-dua mereka terdiri daripada ‘Izzat Muhammad Ḥasan dan Muḥammad ‘Abd al-‘Āl, pada masa itu ‘Umar seperti remaja lain sedang sibuk mengurus kehidupan dunia, pendekatan kedua-dua mereka itu dalam mengajak kepada Islam dengan menggunakan uslab yang benar-benar meninggalkan kesan dengan nada suara yang sungguh sopan yang sukar ditemui dalam kalangan masyarakat Mesir ketika itu untuk bersama jamaah Islam, hingga menyebabkan ‘Umar tertarik untuk menyertai al-Ikhwān al-Muslimūn yang bagi pandangannya ia satu keputusan yang tepat untuk bersama-sama dengan individu-individu yang mendapat tarbiyah secara langsung dari murabbi Ḥasan al-Banna<sup>100</sup>.

Menurut Muḥammad Ḥasan al-‘Umāyirah, para murabbi menggunakan pelbagai uslab dan pendekatan bagi melaksanakan aspek tarbiyah terhadap orang-orang di bawah program tarbiyahnya, ia tidak sama antara satu tempat dengan tempat yang lain dan juga tidak sama antara satu masa dahulu dengan masa sekarang. Ini kerana sesuatu tamadun itu akan sentiasa berkembang maju kerana cara berfikir masyarakat semakin matang dan meningkat, tapi apa yang

---

adalah ‘Umar bin ‘Abd al-Fattah bin ‘Abd al-Qadir Mustafa al-Tilmasani, lahir pada 4 November 1904 di al-Darb al-Ahmar, Qaherah. Berkahwin pada usia muda ketika mencecah 18 tahun yang masih lagi menuntut di sekolah menengah atas dan dikurniakan 4 orang anak, dua perempuan dan dua lelaki. Mendapat ijazah undang-undang di Universiti Qaherah, setelah menyertai al-Ikhwan al-Muslimun beliau dipenjara selama 17 tahun dari 1954 hingga 1971. Setelah keluar dari penjara kira-kira dua tahun lepas itu, al-Mursyid al-‘Am kedua, Hasan al-Hudaibi meninggal dunia, pada November 1973 beliau dilantik menjadi al-Mursyid al-‘Am ketiga hingga meninggal dunia pada 1986.

<sup>100</sup> ‘Umar al-Tilmasānī : *Mudhakkirāt Lā Dhikrayāt*’ (Qāherah : Dār al-‘Itiṣom, 1985), hal. 32.

jelas antara uslub tarbiyah yang dikenal pasti meninggalkan kesan mendalam dalam jiwa dan sanubari individu;

i- Halaqah ilmu

Ia disifatkan antara uslub terbaik dalam mentarbiyah seseorang individu, kerana ia membabitkan pengawasan murabbi secara langsung, individu yang sukar faham ketika proses tarbiyah sedang berlangsung, dia boleh bertanya agar permasalahan yang dihadapinya dapat diselesaikan.

ii- Teknik membaca

Ia juga adalah uslub dengan murabbi memantau bacaan individu, mana-mana kesalahan yang ditemuinya ditegur untuk tujuan kebaikan jangka panjang.

iii- Dengan cara diadakan debat

Debat secara ilmiah untuk mencari titik noktah positif adalah uslub menarik yang perlu diketengahkan kerana ia mampu untuk meningkatkan cara berfikir yang matang dengan melatih seseorang itu mendatangkan hujah dan bukti.

iv- Tarbiyah cara mengeja dengan baik

Cara ini dianggap sebagai antara uslub yang baik kerana membabitkan interaksi secara langsung antara murabbi dengan individu yang ditarbiyah, ia juga mendekatkan hubungan antara keduanya.

v- Cara induktif

Iaitu murabbi melontarkan sesuatu persoalan agar dapat dirungkai oleh individu di bawah program tarbiyahnya<sup>101</sup>.

Sementara bagi Muḥammad Muṇīr Morsi, beliau berpendapat bahawa manhaj Islam dalam tarbiyah terdapat pelbagai pendekatan berbeza, namun kepelbagaiannya saling melengkapi antara satu sama lain bagi mencapai matlamat yang telah digariskan, antaranya;

i- Melalui contoh teladan yang baik

Ini kerana contoh teladan yang baik amat penting dalam aspek tarbiyah individu bertujuan untuk melahirkan insan yang mempunyai asas hidup yang sejahtera, ia dimulakan sejak insan itu dilahirkan ke dunia ini, hingga ke peringkat kanak-kanak, remaja, dewasa dan alam tua. Kanak-kanak akan terpengaruh dengan persekitaran, dia akan belajar dan terkesan, sekiranya baik maka baiklah dia ataupun sebaliknya, contoh teladan yang baik menjadi keutamaan dalam uslub tarbiyah, oleh itu Islam sentiasa menyeru agar penganutnya menitik-beratkan ikutan terhadap teladan Rasulullah s.a.w. yang jelas adalah terbaik sepanjang sejarah tamadun manusia.

ii- Penggunaan uslub ‘Targhib dan Tarhib’

Iaitu pendekatan tarbiyah dengan menggunakan uslub dosa dan pahala yang menjadi perkara biasa dalam kalangan umat Islam walau di mana pun mereka berada. Ia memang digunakan pakai bagi memberi galakan dengan amalan yang

---

<sup>101</sup> Muḥammad Hasan al-‘Umāyirah, Dr : *Uṣūl al-Tarbiyah al-Tarīkhiyyah wa al-Ijtimā’iyyah wa al-Nafsiyyah wa al-Falsafiyah* (Ammān : Dār al-Masīrah, 20080, hal. 140-142).

baik atau sebaliknya menyatakan azab neraka bagi mereka yang meninggalkan kebaikan.

iii- Penggunaan uslub nasihat dan bimbingan

Uslub ini juga tidak asing dalam aspek tarbiyah Islam, ia diguna pakai sejak zaman silam yang banyak meninggalkan kesan dalam diri dan saubari individu.

iv- Uslub dialog dan debat

Ia juga uslub yang diperakui Islam kerana mengasah bakat minda untuk memfungsikan daya berfikir yang matang dalam menyelesaikan satu-satu isu yang timbul, ia mampu menjadikan individu pada tahap ini bertindak cermat dalam menyusun perkataan dan akan mengeluarkannya setelah yakin apa yang difikirkannya tepat, padat dan betul.

v- Uslub epistemologi

Uslub ini dikira antara cara lama yang masih digunakan dalam tarbiyah, namun ilmu dan makrifat yang digarap perlu kepada penilaian untuk tindakan secara praktikal, dengan cara itu ia dapat membantu individu untuk memfungsikan segenap ilmu untuk terus beramal, bukan terus menerus berada pada tahap teori semata-mata.

vi- Uslub hafalan

Antara peranan yang dimainkan oleh murabbi dalam tarbiyah ialah sentiasa menggalakkan individu untuk menghafal apa yang disampaikan, sama ada dari

ayat-ayat suci al-Quran, hadith-hadith Rasulullah s.a.w., Sirah Nabawiyah dan lain-lain yang dikira penting untuk jadi hujah dalam berdialog dan berdebat.

vii- Uslub menerang/syarah

Uslub ini juga penting, kerana sesuatu ilmu dan maklumat tidak akan tercapai temui matlamat dan kejayaan melainkan dengan ada pencerahan dan penerangan yang jelas, maka sesuatu informasi dan ilmu dapat digarap dengan baik<sup>102</sup>.

Muhammad Qutb pula ada pandangannya dalam isu yang dibahaskan, iaitu uslab atau wasilah terbaik dalam mengenengahkan tarbiyah ialah melalui qudwah (teladan), nasihat yang bernas, dengan penceritaan kisah teladan yang baik, azab yang akan dirasakan oleh mereka yang buat jahat semasa di dunia, dengan menerangkan adat budaya yang sejajar dengan Islam, memanfaatkan masa terluang dengan perkara yang berfaedah, uslab menggunakan kepakaran dan bakat yang ada serta tarbiyah dengan uslab menerangkan peristiwa-peristiwa dalam Islam dan yang tertimpa ke atas umat Islam<sup>103</sup>.

Adapun bagi Rifqi Zahir pula, beliau melihat uslab yang boleh dijadikan sandaran dalam menjayakan tarbiyah antara lain dengan melakukan pendekatan murabbi secara langsung tanpa perantaraan orang ketiga, begitu juga aspek ibadat dikira uslab terbaik dalam menjana insan cemerlang, dengan melakukan pengembalaan untuk melihat kebesaran ciptaan Allah sepanjang perjalanan, termasuk penglibatan dalam perlakuan seni (yang patuh Syariah) kerana Islam tetap memperakui bahawa bidang ini juga ada peranan bagi

---

<sup>102</sup> Muḥammad Munīr Morsī, Dr : *Uṣūl al-Tarbiyah* (Qāherah : ‘Ālam al-Kutub, 2001), hal. 133-139.

<sup>103</sup> Muḥammad Qutb : *Manhaj al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 2004), hal. 618.

menimba hikmah yang tersirat yang diguna pakai dalam manhaj tarbiyah Islam dan murabbi memupuk individu dengan akhlak terpuji<sup>104</sup>.

Setelah diberi pencerahan oleh para ilmuan Islam dalam memperkatakan mengenai uslub tarbiyah ini, pengkaji amat optimis bahawa Islam tidak ketandusan idea dalam mengenengahkan pelbagai uslub yang dapat disifatkan sebagai yang tebaik dalam menjana pembangunan insan, kerana wahyu Ilahi, hadīth-hadīth serta Sirah Nabi mendasari kajian yang dibuat, justeru akan ada lagi ideaa-ideaa membangun dalam usaha menjayakan pembangunan insan dengan cemerlang.

Pengkaji ingin menukilkan pandangan mantan Mufti Palestin berhubung uslub tarbiyah melalui teladan yang ditampilkan secara praktikal oleh pengasas Gerakan al-Ikhwan al-Muslimin, Hasan al-Banna, di mana beliau merupakan seorang individu muslim yang berjaya menampilkkan teladan yang solih dengan penuh kejujuran, beliau seorang yang genius, berjiwa mulia, berakh�ak tinggi yang terpacu daripada al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad s.a.w., memiliki pelbagai disiplin ilmu yang menjadi alat untuk membimbing manusia ke arah kebaikan, kuat keazaman untuk mendaulatkan Islam sebagai cara hidup dalam segenap aspek kehidupan, pengasas kepada sebuah jamaah Islam yang mantap dari sudut matlamat dan hala tuju, semua itu berpaksikan kepada manhaj

---

<sup>104</sup> Rifqī Zāhir, Dr : *Falsafah al-Tarbiyah Fi al-Islām* (Qāherah : Dār al-Māṭbū’āt al-Dauliyah, 1981), hal. 82-83.

Rasulullah yang lurus, maka tidak hairan jika beliau telah mencontohkan yang terbaik buat ahli-ahlinya dan umat Islam umumnya di semua peringkat<sup>105</sup>.

### 2.7.7. Program Pengembangan Tarbiyah Islam

Dalam ajaran Islam, sesuatu usaha untuk membangun insan tidak hanya terhenti pada satu tahap atau peringkat tanpa ada program susulan dan lanjutan, oleh itu, program susulan yang diperakui Islam adalah apa yang tersurat dalam bait-bait suci al-Qurān al-Karīm, hadīth-hadīth dan Sirah Nabawiyah s.a.w., ia sekali gus merangkap sumber tarbiyah yang diyakini kesahihannya. Semua bahan suci tersebut memuatkan sumber pembangunan insan yang jitu dan padu, sumber yang telah melonjakkan kecemerlangan prestasi kefahaman figur besar yang terdiri daripada para sahabat, tabi'in serta para salaf al-Solih ke mercu persada alam ini yang menguasai hampir sebahagian muka bumi dengan membawa obor-obor serta panji-panji Islam, ia tidak lain adalah hasil tarbiyah dengan pelbagai disiplinnya termasuk uslub, pendekatan, wasilah serta matlamat yang jelas hingga mampu memproduk insan-insan yang ada hubungan mantap dengan Allah, Rasul dan alam sekitar.

Nama-nama besar seperti Imām Zaid bin ‘Ali Zain al-‘Ābidīn, Imām Abu ‘Abd Allah Jaa’far al-Ṣodiq bin Muḥammad al-Bāqir, Imām Abu Ḥanifah al-Nu’mān bin Thābit, Imām Mālik bin Anas, Imām Muḥammad bin Idrīs al-Syāfie, Imām Ahmad bin Hanbal, Imām Ibn Hazm al-Andalusī dan Imām Taqi al-Dīn Ibn Taimiyyah adalah antara mereka yang berjaya melalui proses tarbiyah hingga

---

<sup>105</sup> Amin al-Husaini, Syeikh (mantan Mufti besar Palestin), “*Hasan al-Banna Qudwah Ṣoliḥah li al-Āmilīn*,” dalam *Al-Masyru’ al-Islahi li al-Imam Hasan al-Banna – Tasaulat li Qarn Jadid*, ed. Al-Mustasyar Toreq al-Basyari (Qaherah : Dar al-‘Ilam al-‘Arabi, 2007), hal. 509.

mengecapi nikmat ilmu yang menjadikan mereka insan-insan yang mahir dalam pelbagai bentuk disiplin ilmu-ilmu Islam<sup>106</sup>.

Dengan ilmu yang mantap di dada, mereka menggunakan sepenuhnya untuk membimbing manusia terutama masyarakat walaupun sebahagian besar daripada mereka menghadapi karenah pemerintah yang gemar menyanggah kebaikan yang mereka ketengahkan kepada ummah, namun apa yang penting tindakan positif mereka itu menyediakan satu mekanisme dalam salah satu unsur pembangunan insan seperti yang disebut oleh Hasan al-Banna sebagai muslim yang bermanfaat untuk orang lain.

Program pengembangan tarbiyah Islam adalah disiplin ilmu tarbiyah yang disandarkan kepada al-Quran yang mempunyai ribuan maklumat mengenai tarbiyah yang membawa manusia kepada hala tuju perubahan dalam diri.

Justeru, al-Quran menurut Muṣṭafā Rajab adalah sumber pengembangan diri manusia, sama ada bersifat individu ataupun perkumpulan manusia merangkumi aspek kemasyarakatan, kejiwaan dan akhlak yang saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Di mana dengan pendekatan tarbiyah al-Quran, seseorang individu itu mampu meninggalkan segenap perlakuan yang hodoh kepada yang lebih baik, kerana ia adalah tarbiyah yang bersumberkan wahyu Ilahi, ia tidak sama dengan konsep dan aspek tarbiyah yang direka-cipta oleh manusia.

Tarbiyah dari wahyu Ilahi al-Quran bersifat tepat, tegas dan berhemah tanpa memalitkan kecenderungan manusia yang sememangnya bersifat untuk

---

<sup>106</sup> Imam Muhammad Abu Zuhrah : *Tarikh al-Madhāhib al-Islamiyyah Fi al-Siyasah wa al-'Aqoid wa Tārīkh al-Madhāhib al-Fiqhiyyah* (Qāherah : Dār al-Fikr al'Arabi, t.t.), hal. 263.

tidak melihat manusia akan berubah dari masa ke semasa, kerana Allah tidak berhajat sesuatu dan berkepentingan seperti manusia, ia amat berbeza sekali dengan pendekatan yang dibuat oleh manusia yang mana pendekatan yang dibuat bersandarkan kepentingan masing-masing. Tarbiyah yang berasaskan wahyu al-Quran juga bersifat lengkap lagi sempurna, ia tidak berhajat kepada disiplin ilmu-ilmu lain untuk membantu memberi pencerahan, kerana ia ada kekuatan tersendiri kerana ia ungkapan Allah SWT, tidak terdapat dalam al-Quran sifatnya yang tidak menyeluruh dari pelbagai aspek yang diperlukan oleh manusia sejagat pada setiap tempat dan waktu, tidak terbatas pada masa<sup>107</sup>.

Bagi Muḥammad al-Mukhtār, sesungguhnya al-Quran, Sunnah dan Sirah Nabawiyyah adalah sumber pengembangan individu dari sudut cara berfikir, cara hidup, muamalah sesama manusia semuanya menjurus kepada tujuan tersebut, dalam al-Quran sarat dengan program pembangunan, kerana ayat-ayat al-Quran itu sendiri merupakan motivasi dan inspirasi ke arah kebaikan. Begitulah juga sifat Sunnah baginda dan Sirah Nabawiyyah yang setiap satu mempunyai peranan tersendiri dalam membangun insan yang sudah menjadi kenyataan yang tercatat dalam sejarah tamadun manusia<sup>108</sup>.

Sebagai Muslim, pengkaji dengan penuh yakin bahawa ketiga-tiga sumber yang telah disebutkan berperanan besar dalam membangun insan, maka tidak hairan apabila Allah mahukan dalam kalangan hamba-hambaNya menjadi sebaik-sebaik umat yang dikeluarkan buat umat manusia sejagat dengan misi

---

<sup>107</sup> Muṣṭafā Rajab, Dr : *Fī Hawiyyah al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Manhajiyatuha* (Dasūq (Mesir) : Dār al-‘Ilm wa al-Īmān li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 2009), hal. 41-44.

<sup>108</sup> Muhammad al-Mukhtār Walad Abbah, Dr : *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah Bainā al-Qadīm wa al-Hadīth* (Isesco, 1993), hal. 72.

yang jelas iaitu menjadi khalifah Allah yang mempunyai tanggungjawab yang serius terhadap kemakmuran bumi ini.

### **2.7.8. Asas Kepada Dasar Tarbiyah Dalam Islam**

Sesungguhnya fokus utama dalam tarbiyah ialah pandangan Islam terhadap kejadian manusia, alam, hidup dan mati manusia. Ini bermakna Islam bukan sahaja mengajar umat manusia untuk melihat apa yang sedang berlaku dalam kehidupan duniawi, akan tetapi mengingatkan mereka supaya tidak lupa membuat persiapan untuk alam kematian dan akhirat, hidup dan mati adalah perkara serius yang dititik-beratkan oleh Islam, agar manusia benar-benar mengecapi kebahagiaan di dunia ini dan di akhirat sana dengan melakukan amalan terbaik hasil dari penggarapan ilmu melalui tarbiyah secara formal, justeru apabila individu muslim diberi penekanan dengan konsep yang betul tentang misi kemanusiaan di muka bumi ini, mengenai alam semesta, kehidupan, kematian di dunia dan akhirat, maka akan tercetus kesedaran yang tinggi untuk menjadi insan yang baik, kerana ianya merupakan dorongan yang terdapat dalam tarbiyah berpaksikan al-Quran, sunnah atau hadīth-hadīth dan Sirah Nabawiyah yang tidak ada dalam tarbiyah yang diperkenalkan oleh Barat. Inilah antara keistimewaan yang terdapat dalam ajaran Islam yang mesti dibanggakan oleh kita semua, kerana dengannya kedudukan kita semakin hampir di sisi Allah SWT yang sentiasa memandang kita dengan pandangan rahmat.

Apa yang penting untuk dilaksanakan oleh muslim dalam aspek misi kemanusiaan ini, iaitu perhatian menjurus tentang hubungannya dengan Tuhan

sebagai hubungan pengabdian diri kepada-Nya, hubungannya dengan alam ini sebagai hubungan yang mempermudahkannya untuk bertindak positif, hubungannya dengan sesama manusia sebagai hubungan berasaskan keadilan, hubungannya dengan kehidupan sebagai hubungan yang dipenuhi dengan ujian dan hubungannya dengan alam akhirat sebagai hubungan yang penuh tanggungjawab dan balasan yang tersedia menantinya<sup>109</sup>.

Menurut al-Sya'rawi, manusia perlu melihat pada diri sendiri bahawa hidupnya di dunia ini hanyalah singkat dan sementara sahaja, walaupun manusia itu mengecapi kesenangan hidup dengan pelbagai nikmat yang baik-baik tanpa sebarang kekangan dan halangan, namun manusia itu tetap akan menghadapi dilema dengan dua sebab, pertama kerana takut akan kematian yang datang tanpa sebarang notis serta menghilangkan segala keseronokan yang pernah dikecapi dan kedua akan hilang semua yang dihimpun semasa hidup di dunia yang terdiri daripada harta, anak pinak dan sebagainya. Maka yang terbaik bagi manusia untuk difikirkan, adalah mencari sebuah kehidupan yang mampu mengamankannya dari terasa sempit dengan kehilangan apa yang disayanginya. Pada masa yang sama melihat kepada tiga perkara, mengapa dia diciptakan Allah di muka bumi ini, apakah visi dan misi dalam alam kehidupan ini dan di manakah dia akan dikembalikan selepas ini<sup>110</sup>.

Bagi ‘Abed Taufiq al-Hashimi, sesungguhnya Islam memandang penting berkaitan perbincangan mengenai manusia, kehidupan dan alam yang

---

<sup>109</sup> Mājed Arsān al-Kīlānī, Prof. Dr. : *Falsafah al-Tarbiyah al-Islamiyyah – Dirāsah Muqāranah bi al-Falsafāt al-Tarbawiyah al-Mu’āṣirah* (Ammān : Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nasyar, 2009), hal. 99.

<sup>110</sup> Mutawalli al-Sya’rāwī, Syeīkh : *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Qāherah : Maktabah al-Turāth al-Islāmī, 1984), hal. 5.

merupakan perkara yang terdapat dalam aspek tarbiyah. Manusia yang terangkum padanya roh, akal, jiwa, hati dan jasad yang kesemua dituntut Allah untuk ditarbiyah dengan sebaik-baiknya. Kehidupan pula menjadi medan ujian bagi manusia, siapakah lebih baik amalannya di sisi Allah SWT, kehidupan yang bukan hanya tertumpu di alam dunia ini sahaja, malah melibatkan kehidupan yang kekal abadi sama ada dalam syurga atau neraka, semuanya bergantung kepada apa yang telah dilakukan oleh manusia untuk dipersembahkan di hadapan Allah di mahkamah-Nya yang bernama Mahsyar. Sementara yang berkaitan dengan alam pula, ia meliputi semua benda dan perkara selain Allah SWT, Islam menggalakkan manusia untuk melihat apa yang ada di alam ini dari bahan-bahan ciptaan Allah bertujuan untuk mendekatkan diri hanya kepada-Nya<sup>111</sup>.

Sesungguhnya pendekatan atas pokok tarbiyah dalam ajaran Islam adalah manusia itu sendiri yang menjadi fokus penting, ia bukan bahan eksperimen untuk dikaji bagi mendapatkan hasil kajian, akan tetapi manusia adalah makhluk Allah yang diamanahkan Allah untuk menjalankan perintah agama-Nya di muka bumi sebagai khalifah.

Pengkaji berpandangan bahawa manusialah makhluk yang paling tepat sebagai pilihan Allah untuk menggunakan bumi atau alam ini sebagai tempat untuk meraih sebanyak mungkin pahala dengan melaksanakan segenap titah perintah Allah dengan memahami konsep kehidupan ini yang bersifat sementara dengan pelaksanaan amal ibadat yang difardukan ke atas mereka, bertujuan

---

<sup>111</sup> ‘Abed Taufiq al-Hāshimī, Prof. Dr. : *Torāiq Tadrīs Mahārāt al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 2006), hal. 99-100.

meraih tempat di sisi Allah di akhirat, lebih-lebih lagi untuk dimasukkan ke dalam syurga-Nya.

Ia membuktikan bahawa Islam tidak hanya mentarbiyah muslim untuk fokus terhadap alam dunia semata-mata, tetapi pada masa yang sama mentarbiyah muslim untuk menggandakan persiapan bekalan bagi menghadapi alam akhirat dan kiamat. Inilah yang telah menjadikan setiap muslim yang beraliran agama tidak memisahkan antara kehidupan dunia dan akhirat, kerana dunia adalah tempat bercucuk tanam dan akhirat adalah tempat untuk meraih hasilnya.

#### **2.7.9. Natijah Dan Kesimpulan Daripada Konsep Tarbiyah**

Sesungguhnya dalam setiap penyelidikan atau kajian yang dilakukan ke atas individu terutama dalam aspek tarbiyah, terdapat padanya satu natijah untuk mengetahui sejauhmana pendekatan yang dibuat benar-benar berkesan atau terdapat sedikit kekurangan dan perubahan, ia bertujuan agar natijah yang telah diambil itu dapat dibuat penambah baikan untuk penyelidikan seterusnya, apabila situasi ini berlaku maka di akhir penyelidikan akan tercetus satu natijah yang lebih baik dan berkesan yang boleh dijadikan rujukan kepada kajian berikutnya untuk saling sempurna lagi menyempurnakan, inilah yang telah dilakukan oleh segenap pengkaji dalam kajian sesebuah disiplin ilmu. Natijah yang dicapai itu pula menjadi sandaran kepada pengkaji berikut dan akan terus menjadikannya sebagai bahan rujukan penting dalam kajian yang dibuat.

Sudah menjadi kebiasaan dalam sesebuah kajian atau penyelidikan ilmiah, di akhir kajian itu akan muncul dua perkara utama, iaitu natijah (keputusan kajian) dan resolusi, di mana natijah merupakan hasil dari kesungguhan kajian yang dibuat oleh pengkaji atau penyelidik, dengan membuktikan penemuan-penemuan baharu yang akhirnya membawa perubahan satu resolusi bagi merealisasikan natijah.

Menurut Miqdad Yaljan, dari apa yang dibahaskan mengenai konsep tarbiyah ke atas individu insan, fokus utama adalah untuk menzahirkan aspek akhlak Islam dalam pembangunan individu, keluarga dan masyarakat dan memajukan mereka dengan kehebatan tamadun Islam, hasil dari tarbiyah yang dijalankan ia membawa beberapa natijah seperti berikut :

- i- Penyemaian akhlak Islam tersangat penting dalam diri individu bagi melahirkan generasi yang memiliki nilai maruah dan harga diri yang cukup tinggi di semua peringkat umat Islam. Di mana natijah lahirnya individu Muslim yang mantap tidak akan tercapai melainkan dengan ketetapan pendidikan akhlak yang mesti diterap dalam sistem pendidikan pada usia awal persekolahan.
- ii- Perlu memberi penekanan tarbiyah berunsur pendidikan agama menerusi media massa seperti surat khabar, televisyen, radio, filem dan yang berkaitan. Kerana semua media berkenaan masuk ke dalam rumah-rumah, sekolah dan universiti, media-media berkenaan mempunyai kesan yang cukup mendalam dalam membangun insan.
- iii- Pendidikan dengan pendekatan tarbiyah adalah sebaik-baik rawatan bagi pencegahan virus-virus penyakit kronik masyarakat, ia juga dikenal pasti

sebagai alat yang mampu untuk mencegah penyelewengan pegangan beragama dan pertikaman lidah yang tidak berkesudahan yang sering berlaku dalam masyarakat umat Islam.

iv- Natijah yang telah dibuat dalam tarbiyah menunjukkan bahawa pentingnya memelihara kelangsungan misi kemanusiaan di alam maya ini dari terjerumus pada kancah yang meruntuhkan nilai-nilai tamadun manusia itu sendiri, melalui penjagaan roh dan jasad manusia dengan peraturan hidup yang terdapat dalam undang-undang syariat Islam yang merupakan ketetapan Ilahi yang kekal abadi.

v- Dengan pembelajaran tarbiyah, ia bermaksud bahawa perlu mencapai tahap keharmonian, kedamaian dan keamanan dalam kehidupan manusia yang amat memerlukannya, ia bermula dengan memberi penekanan terhadap penyucian jiwa dari sifat terkeji di samping membangun roh agar hidup dengan amalan Islam, inilah cara bagaimana individu, keluarga dan masyarakat dapat dibangun melalui tarbiyah yang dijalankan, usaha ini akan meletakkan umat Islam jauh lebih baik dibandingkan dengan umat-umat manusia yang lain<sup>112</sup>.

Selanjutnya beliau menegaskan, bahawa resolusi terpenting dalam menjayakan misi pembangunan insan adalah seperti berikut;

i- Memperkasa institusi keluarga, kerana ia merupakan tapak pertama dalam merealisasikan tarbiyah menurut pandangan ramai murabbi, malah mereka menyifatkan bahawa institusi ini adalah sekolah pertama dalam membentuk babit-babit akhlak sebelum anak-anak beralih tempat ke taska, tadika dan

---

<sup>112</sup> Miqdad Yaljan, Dr : *Daur al-Tarbiyah al-Akhlaqiyah al-Islamiyyah fi Binā' al-Fard wa al-Mujtama' wa al-Hadārah al-Insāniyyah* (Riyādh : Dār 'Ālam al-Kutub, 1996), 121 – 124.

sebagainya. Inilah juga pesanan para pengusaha taman bimbingan kanak-kanak berdasarkan pengalaman yang mereka lalui sepanjang penglibatan dalam bidang ini.

ii- Setelah institusi keluarga sebagai tapak permulaan untuk menanam benih akhlak, maka tempat kedua untuk meneruskan projek dan agenda tarbiyah adalah sekolah, ia adalah pandangan umum banyak pihak secara teori dan praktikal, ibu bapa perlulah memilih sekolah yang terbaik bagi meraih hasil yang baik juga buat anak-anak mereka dalam aspek tarbiyah. Iaitu sekolah institusi yang menitik-beratkan pendidikan rohani yang melahirkan anak-anak yang sanggup berkorban demi kebaikan keluarga, masyarakat dan negara dan menyisihkan diri dari sifat keegoaan, permusuhan, hasad dengki sesama manusia.

iii- Adalah diharap agar para individu yang terlibat dalam institusi penerangan yang memegang tanggungjawab menjaga media massa dapat memikirkan sesuatu yang terbaik dari sudut penyiaran terutama stesen televisen, radio, akhbar dan seumpamanya agar dapat memberikan penerangan yang bersifat mendidik minda masyarakat dalam perkara yang membimbing ke jalan membangun insan yang mempunyai hubungan dengan Allah, agama, dunia dan akhirat.

iv- Membentuk masyarakat secara menyeluruh dengan tarbiyah agar setiap individu di dalamnya menjadi insan yang bermanfaat untuk orang lain, ini kerana jika baik masyarakat, maka baiklah setiap individu di dalamnya atau sebaliknya,

di samping membentuk sebuah persekitaran yang baik juga lagi solih, ia bertepatan dengan firman Allah :

وَالْبَلْدُ الْطَّيِّبُ تَخْرُجُ نَبَاتُهُ وَإِذْنٌ رَّبِّهِ وَالَّذِي حَبَثَ لَا تَخْرُجُ إِلَّا نِكَدًا

Al-'Araf : 7 : 58

Terjemahan : “Dan negeri yang baik (tanahnya), tanaman-tanamannya tumbuh (subur) dengan izin Allah; dan negeri yang tidak baik (tanahnya) tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan bantut.”

Justeru, bagi memastikan kelangsungan kebaikan sesebuah masyarakat, maka setiap individu dalam masyarakat perlu melakukan perkara berikut;

- i- Setiap individu menjadi penasihat yang jujur dan amanah kepada individu lain dalam masyarakat dengan semampu mungkin kudrat yang ada, ketika melihat sesuatu yang tidak baik ditimpakan ke atas masyarakat, maka perlulah memberikan nasihat agar tidak berlaku sesuatu yang buruk.
- ii- Setiap individu dalam masyarakat perlu megelakkan diri dari bersifat ego yang mementingkan diri sendiri yang akibatnya ditanggung oleh masyarakat dalam tempoh yang panjang.
- iii- Setiap individu mesti merasakan anak-anak orang lain umpama anak-anak sendiri, ia bertujuan agar tidak sanggup melihat sesuatu yang buruk menimpa mereka kerana mereka bagaikan anak mereka juga.
- iv- Setiap individu mesti merasakan bahawa bertanggungjawab di hadapan Allah dalam membangun masyarakat dan negara yang beriman hanya kepada-Nya. Pada masa yang sama menaburkan khidmat bakti untuk meringankan

bebanan masyarakat dan membimbing mereka ke arah kebaikan yang dituntut dalam Islam<sup>113</sup>.

### 2.7.10 Kesimpulan

Dari paparan mengenai tarbiyah yang ditegaskan oleh para sarjana Islam, pengkaji optimis, bahawa sumber rujukan utama membahaskan isu tarbiyah itu adalah kitab suci al-Quran, hadith-hadith berserta Sirah Nabawiyah, ia merangkumi Sirah para sahabat Rasulullah s.a.w. yang merupakan sandaran rujukan yang sohih, tepat dan berkarisma, kerana tidak ada rujukan lain yang setanding dengannya.

Inilah kelebihan yang terdapat pada rujukan yang bersumberkan wahyu Ilahi serta kenyataan baginda Rasulullah s.a.w. di samping latar belakang riwayat hidup seorang insan yang sempurna dipelihara Allah SWT. Justeru, perbahasan mengenai tarbiyah yang diceduk dari sumber-sumber berkenaan adalah sah dan jauh dari sebarang keraguan.

Tarbiyah yang berpaksikan manhaj Islam mampu membangun insan menjadi sempurna, kerana ia melakukan satu proses perubahan dengan meyakinkan bahawa masih terdapat masa hadapan bila berpegang dengan ajaran Islam, inilah yang telah berlangsung dalam sejarah tamadun manusia apabila umat Islam menyinari alam ini dengan pendekatan yang boleh diterima oleh mana-mana bangsa manusia di dunia seperti yang berlaku di benua Eropah apabila Islam menakluk dan memerintah Sepanyol (Andalusia) dengan segenap tamadun yang meyakinkan, malah Sepanyol mampu memproduk sarjana Islam

---

<sup>113</sup> Ibid hal 126 – 128.

yang hebat seperti Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr bin Farh al-Anṣāri al-Khazraji al-Andalūsi al-Qurthubi, seorang ahli tafsir dari Cordova<sup>114</sup>, Abu Muhammad Ali Ibn Hazm (w.455/1063), Abu Bakr Muhammad Ibn Yahya al-Saigh atau lebih terkenal sebagai Ibn Bajjah, beliau dilahirkan di Saragossa pada tahun 1082 Masihi (M). Abu Walid Muhammad Ibnu Ahmad lahir di Cordova pada tahun 1126 atau dikenali sebagai Ibn Rusyd<sup>115</sup> dan lain-lain.

Tadika, sekolah mahupun universiti apabila tidak menyediakan satu sistem pendidikan (tarbiyah) yang relevan, sistematik dan anjal, maka institusi pendidikan ini tidak mampu berperanan untuk melahirkan insan-insan yang berkualiti dari sudut hubungan dengan Maha Pencipta, maka yang menjadi mangsa adalah golongan remaja yang tidak dapat menceduk apa-apa ilmu yang wajib dipelajari, kesannya hingga tidak bertindak dan beramal dengan amal-amal yang solih, akhlak yang terpuji, maka sistem sedemikian telah gagal berfungsi menjadi agen perubahan yang diharapkan.

Namun dari apa yang diutarakan mengenai aspek di atas, pengkaji penuh optimis bahawa dari apa yang dipersembahkan terdapat kesinambungan dengan apa yang dicetuskan oleh Hasan al-Banna dalam persoalan tarbiyah, iaitu melahirkan insan-insan yang terbangun dengan aqidah yang sejahtera, ibadat yang menepati piawaian ajaran Islam, mempunyai ketajaman cara berfikir, akhlak yang terpuji, kesihatan yang memberangsangkan, manfaat buat orang

---

<sup>114</sup> Kolej Universiti Islam Selangor, al-Qurtubi, laman sesawang, biografi imam al-Qurthubi, dicapai 2012/07/, <http://imamal-qurtubi.blogspot.my/2012/07/biografi-imam-al-qurthubi-ulama-besar.html>

<sup>115</sup> Amin al-Khalidy, Ilmuwan Islam, [http://ilmuankhalidy.blogspot.my/2008\\_05\\_11\\_archive.html](http://ilmuankhalidy.blogspot.my/2008_05_11_archive.html)

lain, menepati dan menjaga waktu, menjadikan diri mampu untuk berusaha ke arah yang lebih baik. Jika ciri-ciri ini ada pada individu muslim, maka tidak hairanlah umat Islam akan menjadi teladan yang diikuti dan role model yang mampu mengubah dunia dengan segenap kebaikan.

## **BAB TIGA : PEMIKIRAN PEMBANGUNAN INSAN HASAN AL-BANNA**

### **DALAM MAJMŪ'AH AL-RASĀIL**

#### **3.1. Pendahuluan**

Dalam bab tiga ini, pengkaji akan memasukkan biografi Hasan al-Banna merangkumi latar belakang keluarga, pendidikan dan kerjaya serta yang berkaitan dengan kehidupannya sebagai pembuktian bahawa beliau merupakan individu yang memiliki keupayaan untuk melakukan satu usaha pembaikan (Islāḥ), bukan sahaja di peringkat tempat tumpah darahnya, malah di peringkat global di samping mengemukakan kesyahidan beliau dalam menyampaikan misi dakwah kepada umat.

Dalam bab ini juga pengkaji akan buktikan pendekatan pemikiran Hasan al-Banna mengenai unsur-unsur pembangunan insan yang termuat dalam kitab Majmū'ah al-Rasāil yang menjadi keutamaan dalam kajian ini, di mana setiap tajuk yang terdapat di dalam risalah-risalah yang termuat di dalamnya mengandungi unsur-unsur pembangunan insan, tetapi fokus hanya tertumpu kepada sepuluh unsur pembangunan insan yang terdapat dalam rukun ‘amal yang merupakan aspek pembangunan insan yang dibahaskan. Sepuluh unsur pembangunan insan itu secara jelas berteraskan kepada hadīth-hadīth Rasulullah s.a.w., pandangan ulama’ silam yang terdahulu daripada Hasan al-Banna seperti Imam al-Ghazali, Ibn Qaiyim al-Jawziyyah dan Syeikh Muhammad ‘Abduh sebagai landasan teori kepada sepuluh unsur pembangunan insan yang dijelmakan oleh Hasan a-Banna.

Ini menunjukkan bahawa Hasan al-Banna tidak bersendirian dalam mengenangkan unsur-unsur pembangunan insan, akan tetapi beliau memberikan pencerahan menurut kesesuaian pada zamannya. Unsur-unsur pembangunan insan yang diperkenalkan itu bertindak lebih sistematik untuk membangun insan ke arah kehidupan yang lebih baik, ia dilakukan dalam bentuk yang lebih kolektif dengan penubuhan sebuah jamaah yang dikenali sebagai al-Ikhwān al-Muslimūn berbanding dengan para ulama' sebelumnya, di mana jamaah berkenaan bertindak sebagai pelaksana kepada segenap agenda yang dirancang.

Kajian ini juga memaparkan landasan teori yang dijadikan pembuktian bahawa Hasan al-Banna merupakan penerus kepada agenda pambangunan insan yang pernah dicetuskan oleh para sarjana sebelumnya seperti tertera dalam jadual di bawah.

### 3.1.1. Jadual Landasan Teori

LANDASAN TEORI	MODUL	PEMBANGUNAN INSAN HASAN AL-BANNA
1. Ibadat 2. Aqidah <sup>1</sup> 3. Akhlak <sup>2</sup> 4. Kekuatan ilmu (ketajaman cara berfikir) <sup>3</sup> 5. Bermanfaat kepada orang lain <sup>4</sup>	1- Al-Quran dan Hadith - Hadith Rasulullah s.a.w. 2- Al-Imam al-Ghazali 3- Ibn Qaiyim	1- Insan yang sihat tubuh badan 2- Insan yang berakhlak mulia 3- Insan yang berilmu tinggi 4- Insan yang berdikari

<sup>1</sup> Berdasarkan hadith sohibh riwayat Imam Muslim dalam kitab al-Iman

<sup>2</sup> Maktabah Syamilah & Saltanera, Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam, Lidwa Pustaka, 2010 - 2011, Takhrij Hadis : Sunan Tirmidzi, Kitab Bab Zuhud, 2251

<sup>3</sup> Al-Imam Abu Hamid bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali : *Ihya' Ulum al-Din* (Beirut : Dar al-Qalam, t.t.), 1 : 81, juga terdapat menerusi karya Ibn Qaiyim al-Jauziyyah : *Madarik al-Salikin* (Qaherah : Dar al-Hadith, t.t.), 2: 485

<sup>4</sup> Ibid \_\_\_\_\_ 2 : 219

<p>6. Tersusun dalam segenap urusan (Sistematik)<sup>5</sup></p> <p>7. Memelihara waktu<sup>6</sup></p> <p>8. Mampu berusaha (mampu berdikari)<sup>7</sup></p> <p>9. Memelihara tubuh badan<sup>8</sup></p> <p>10. Mampu berusaha (mampu mengawal dan menguasai diri)<sup>9</sup></p>	<p>al-Jauziyyah 4- Syeikh Muhammad Abduh</p>	<p>5- Insan yang memiliki akidah yang sohih</p> <p>6- Insan yang melaksanakan ibadah menurut piawaian Islam</p> <p>7- Insan yang dapat mengawal dan menguasai diri</p> <p>8- Insan yang bijak menurus waktu</p> <p>9- Insan yang berdisiplin melaksanakan urusan</p> <p>10- Insan yang menyumbang bakti kepada masyarakat<sup>10</sup></p>
---	--	--

### 3.2. Latar Belakang Sistem Politik Mesir Pada Awal Abad Ke-20

Perlu dijelaskan bahawa kemerosotan dan kemunduran peradaban Islam merupakan perkara yang banyak diperkatakan dan ia menyumbang kepada kehancuran pembangunan sesebuah masyarakat, bukan sahaja oleh para pemikir moden, malah ulama'-ulama' terdahulu. Kemerosotan umat Islam ini menjadi semakin parah di sekitar abad ke-18. Gelombang ini bukan sahaja melanda bangsa Turki yang memerintah Khilāfah ‘Uthmāniyyah, malah meliputi seluruh Dunia Islam. Umat Islam di peringkat global telah mengalami kebekuan

<sup>5</sup> Ibid\_\_\_\_4 : 372

<sup>6</sup> Op. cit\_\_\_\_Ibn Qaiyim, 3 : 132

<sup>7</sup> Muhammad ‘Abduh : *Al-‘Amāl al-Kāmilah li al-Imām al-Syeikh Muhammad ‘Abduh* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 2006), 2 : 39

<sup>8</sup> Ibid\_\_\_\_3 : 315

<sup>9</sup> Ibid\_\_\_\_3 : 435

<sup>10</sup> Hasan al-Banna : *Majmū’ah al-Rasā'il* (Qāherah : Dār al-Syihāb, t.t.), hal. 271

pemikiran dan kerohanian. Kemunduran ini bermula dengan rentetan sejarah jatuhnya kota Baghdad di tangan tentera Mongol pada tahun 1258M.

Beberapa pandangan diberikan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang membawa kepada kemunduran dan kejatuhan umat Islam seluruh dunia. Antara perkara yang sering ditimbulkan ialah fahaman dan amalan umat Islam yang jauh terpesong daripada kebenaran al-Quran dan as-Sunnah. Menyedari hakikat itu, para ulama<sup>11</sup> berusaha mengerah fikiran dan tenaga untuk mengembalikan umat Islam kepada ajaran Islam yang luhur<sup>12</sup>.

Nama-nama seperti Ibn Taimiyah, al-Ghazālī, Muhammad Ibn ‘Abd al-Wahhāb dan Saiyid Muhammad Ibn ‘Alī al-Sanūsi muncul untuk menyedarkan umat Islam yang terlena dibuai kealpaan. Di samping itu, pada

---

<sup>11</sup> Para ulama' yang dimaksudkan ialah mereka yang menguasai segenap disiplin ilmu seperti ilmu al-Quran dan tafsir, ilmu hadith, sejarah, falsafah, fiqh dan usul serta yang lain-lain. Bahkan mereka benar-benar menggarap ilmu-ilmu tersebut di atas kesedaran dan tanggungjawab mereka terhadap Allah SWT dan agama-Nya yang tercinta, justeru, segala usaha mereka yang murni ini tidak harus dilupakan, apatah lagi dipandang remeh. Namun menurut Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah (728H/1327M) – Ulama' pada zaman awal keagungan Islam dikenali sebagai (ahl al-Din wa al-'Ilm) iaitu ahli agama dan ilmu seperti yang ditegaskan dalam kitabnya “*Al-Furqan Baina Auliya' al-Rahman wa Awliya' al-Syaitan*”, (Iskandariah : Maktabah ‘Abd al-'Aziz as-Salafiah -1981), hal 34. Ini bermakna pada zaman Nabi s.a.w. dan para sahabat, perkataan ulama' tidak popular dalam kalangan umat Islam. Individu yang terlibat dalam bidang keagamaan disebut sebagai golongan agama dan ilmu iaitu mereka yang dirujuk mengenai fatwa dan hukum yang juga dipanggil al-Qurra' atau “Sahabat al-Qurra'” dengan perkembangan masa, kemudian baharulah popular istilah ‘ulama' dalam masyarakat selepas itu. Sementara Ahmad Muhammad Jamal dalam bukunya : *Muḥādarāt fi al-Thaqāfah al-Islamiah* menegaskan, bahawa ulama' adalah penyeru kepada kebenaran dan pembawa kebaikan, mereka adalah pewaris para nabi, mereka adalah individu-individu yang bekerja untuk Islam, menyanggah kebatilan dan penindasan dengan kebenaran ilmu-ilmu mereka dengan berani menyampaikan nasihat walaupun terpaksa berdepan dengan mati syahid, kerana ia satu amanah yang mesti dijalankan. (Beirut : Dar al-Kitab al-'Arabi, 1983), hal. 248.

<sup>12</sup> Sesungguhnya permasalahan umat Islam tidak hanya berlaku di bumi Mesir, malah Malaysia juga tidak terkecuali menjadi sasaran pihak musuh dari dahulu hingga ke hari ini seperti British yang pernah menjajah Malaysia, kesan dari penjajahan itu maka British telah meninggalkan sistem pemerintahan yang memisahkan agama dari pentadbiran negara dan juga dalam kehidupan harian umat Islam, justeru umat Islam di Malaysia juga perlu kepada usaha membangun diri mereka dengan unsur pembangunan insan ke arah kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan.

penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, tampil beberapa orang reformis (mujaddid) terkemuka Islam mengembalikan peradaban Islam untuk dihayati semula. Nama-nama seperti Saiyid Jamāl al-Dīn al-Afghānī, Muhammad ‘Abduh dan Saiyid Rāshīd Rādā telah muncul dengan peranan masing-masing bagi menyedarkan umat Islam untuk kembali ke landasan yang sebenar.

Pada awal abad ke-20 pula, muncul seorang reformis haraki yang terkenal dengan gagasan dan pendekatan praktikal, iaitu Hasan al-Banna. Kemuncak gagasan dan pendekatan al-Banna khususnya bermula dalam tahun 1948 dan seterusnya merupakan tahap terpenting penglibatan gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn (IM) pimpinannya dalam politik Mesir. Pada tahun ini jugalah bermulanya perkembangan politik yang dianggap penting dalam mencorak sejarah Mesir kini<sup>13</sup>.

Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 (Masehi), Mesir berada dalam keadaan yang amat menyedihkan, penuh dengan penyelewengan dan gejala negatif yang lain. Fenomena ini bukan sahaja menimpa Mesir, malah dialami negara-negara umat Islam yang lain. Kejadian ini bermula daripada jatuhnya empayar ‘Uthmaniyyah di Turki pada tahun 1924. Seorang pemikir Islam yang terkenal, Abu Hasan al-Nadawi menyifatkan keadaan negara-negara umat Islam secara menyeluruh ketika itu sebagai berada dalam kebingungan, tidak mampu melaksanakan ajaran agama sebaik mungkin, ekoran terikat dengan adat tempatan, kerosakan jentera kerajaan dan sistem pendidikan, yang

---

<sup>13</sup> Abu Sufian Ab. Ghani : “*Pembinaan Peradaban Ummah – Pemikiran dan Pendekatan Hasan al-Banna*” (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya – cet. Pertama 2004), hal. xi-xii. ISBN 983-100-219-9

dipengaruhi hawa nafsu yang terpesong jauh daripada ajaran dan aqidah Islamiah. Negara-negara umat Islam juga dibelenggu dengan pemikiran ‘jahiliyyah’<sup>14</sup> yang tidak mampu ditangani oleh keimanan yang cuma tinggal sedikit. Ini diburukkan lagi dengan fahaman perkauman sempit yang dibuat dengan pesona peradaban yang diperkenalkan oleh Barat. Ideologi yang diperkenal kemudian dicanangkan sebagai suatu yang mampu untuk mencapai kemajuan yang bertaraf antarabangsa<sup>15</sup>.

Dengan itu kebanyakan umat Islam terpesona dengan pencapaian Barat dan mengagung-agungkan mereka tanpa mempedulikan lagi nilai-nilai Islam yang suci dan akhirnya terpaksa menyerah diri kepada penguasaan penjajah. Kesan daripada pengaruh modenisasi yang dibawa oleh Imperialis Barat ini jelas telah membawa rakyat tempatan (Mesir) ke arah kecelaruan. Serangan-serangan Barat dalam bentuk ideologi cukup berkesan untuk menghancurkan perpaduan sesama umat Islam<sup>16</sup>. Justeru, Mesir perlu kepada tokoh terbilang seperti yang

<sup>14</sup> Perkataan ‘jahiliyyah’ bukan berlawanan dengan cerdik atau bijaksana, akan tetapi ia sesuatu perbuatan, tindakan atau amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam, seperti kepercayaan yang bertentangan dengan rukun-rukun iman, ia disandarkan kepada kata-kata Saidina ‘Umar Ibn al-Khattab yang dinukil oleh Ibn al-Qaiyyim al-Jauziyyah dalam bukunya *al-Fawāid* yang bermaksud : “Sesungguhnya kemuliaan Islam itu akan terhakis satu demi satu jika masih terdapat dalam kalangan orang Islam yang tidak mengetahui (sebaik-baiknya) apa itu jahiliyyah. Bagi Ahmad Amin ‘Abd al-Ghaffar ada menegaskan lebih terperinci mengenainya menerusi bukunya yang berjudul : *Al-Jahiliyah Qodīman wa Hadīthan* (Kuwait : Syārikah al-Sya’ab Li al-Nasyr, 1401H), hal Mukaddimah. Sementara Muhammad Qutb berpendapat, yang dimaksudkan jahiliyyah ialah semua perkara yang tidak menjurus untuk beriman kepada Allah yang benar, iaitu berpaksikan kepada pegangan yang menyimpang jauh daripada Islam, tidak mengabdikan diri kepada Allah dalam segenap tindakan, perbuatan dan amalan termasuk tidak berhukum dengan peraturan dan undang-undang Allah SWT, seolah-olah manusia tiada ikatan dengan Tuhannya, atau tiada hubungan dengan alam sekeliling, malah lebih teruk dari itu manusia tiada ikatan dengan saudara-saudaranya, hidup tanpa nilai akhlak dan gambaran Islam sebenar, inilah yang dikatakan jahiliyyah moden, berbeza dengan jahiliyyah kuno, mereka percaya dan yakin kepada Allah tetapi tidak mahu tunduk untuk sembah kepada-Nya. : *Jahiliyah al-Qarn al-‘Isyriñ* (Qāherah, Dār as-Syurūq, 1988), hal. 42-43.

<sup>15</sup> Abu al-Hasan Ali al-Nadwi : *Mādhā Khosira al-‘Ālam bi Inhiṭāt al-Muslimīn* (Qāherah : Maktabah al-Īmān, 2012), hal. 33.

<sup>16</sup> Op. cit \_\_\_\_ Muhammad Qutb, hal. 1-3

pernah dilahirkan sejarah sebelum itu seperti Syeikh Muhammad ‘Abduh, Rashid Riḍā dan lain-lain untuk membawa dan memimpin rakyatnya untuk berpegang kepada ajaran Islam sebenar.

### 3.3. Latar Belakang Sejarah Hidup Dan Pendidikan Hasan Al-Banna

Hasan al-Banna telah dilahirkan di kampung al-Mahmūdiyyah (sesetengah pendapat mengatakan di kampung Syamsyirah) dalam daerah Fūh di wilayah Kafr as-Syeīkh (ada yang mengatakan dalam wilayah al-Buhāirah), pada 17 Oktober 1906M bersamaan bulan Sya’bān tahun 1323H<sup>17</sup>. Ia terletak kira-kira 90 kilometer dari bandar Qāherah. Ayahnya Syeikh Ahmad bin ‘Abd ar-Rāhmān bin Muhammad al-Banna al-Sā’ātī (nisbah kepada pemilik kedai jam terkenal di kampungnya). Pada masa yang sama ayahnya seorang ilmuan Islam yang pernah mendapat pendidikan formal di Universiti al-Azhar pada era Syeikh Muhammad ‘Abduh yang menjadi Syeikh al-Azhar ketika itu, ayahnya mahir dalam ilmu fiqh dan hadīth dengan mendapat gelaran tokoh/pakar ilmu hadīth pada awal abad ke-20 masehi kerana beliau menyusun kitab Musnad<sup>18</sup> al-Imam Ahmad bin Hanbal mengenai ilmu Fiqh atau hadīth-hadīth hukum yang dinamakan dengan *Al-Fath*

---

<sup>17</sup> Dr. Fathi Yakan : *Manhajiah al-Syahīd Hasan al-Banna wa Madāris al-Ikhwān al-Muslimīn* (Beirūt : Muassasat al-Risālah – 1998), hal. 12.

<sup>18</sup> Sesetengah pendapat ilmuan Islam menegaskan, bahawa perkataan *Musnad* adalah satu disiplin ilmu yang mensabitkan pandangan para fuqaha' dalam satu-satu masalah fiqh. Adapun pada istilah ‘ilmu hadīth, ialah individu yang meriwayatkan hadīth daripada beberapa jalan periyawatan seperti *Musnad al-Syāfi’iē*, *Ahmad* dan lain-lain. Begitu juga seperti riwayat Imām Zaid yang meriwayatkan daripada bapanya, dari datuknya dan ke atas. Al-Imām Zaid bin ‘Ali bin al-Hussain Ibn ‘Ali bin Abi Talib : *Musnad Imām Zaid*) (Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah – 1981), hal. 17. Pada entri ‘Sanada’ kemudian menjadi *Musnad* dan kata jama’nya *Masānid*, At-Toher Ahmad ar-Rāwī (Mantan Mufti Republik Arab Libya) dalam kitabnya : *Tartīb al-Qomūs al-Muḥīṭ ‘ala Toriqah al-Miṣbāh al-Munīr wa Asās al-Balāghah*, menyebut bahawa *musnad* bermaksud apa-apa hadīth yang disandarkan kepada perawinya seperti *Musnad as-Syāfi’iē*. (Qāherah : ‘Isa al-Bābiy al-Halabi Wa Syurakāhu. t.t), 2:627.

*al-Rabbānī fī Tartīb Musnad al-Imām Ahmad al-Syaibānī* yang terdiri daripada 24 jilid dan beberapa kitabnya yang lain.

Hasan al-Banna dilingkungi dalam persekitaran keluarga yang beramal dengan Islam, cinta kepada ajaran agama yang cukup mendalam dengan berkat kegigihan ayahnya sebagai seorang ulama' yang amat menjaga adab-adab Islam seperti yang terkandung dalam al-Quran dan ajaran Sunnah Rasulullah s.a.w. hingga menjadi seorang ilmuan terbilang<sup>19</sup>. Kerana kecenderungannya yang amat mendalam dengan Islam, ayahnya telah mengasuhnya pada usia kecil untuk cinta kepada Islam dalam segenap pendekatan dan ajarannya bukan sahaja secara teori, malah secara praktikal melalui aspek akhlak terpuji, nilai-nilai Islam yang syumul, aqidah yang benar dari sumbernya yang asal iaitu al-Qurān dan ḥadīth baginda s.a.w.<sup>20</sup>.

Pada usia 8 tahun, Hasan al-Banna telah belajar untuk menghafal al-Quran selain pengajian formal di sekolah yang dibimbing oleh para huffaz kampungnya, kehebatannya dalam menghafal al-Quran pada usia demikian telah disedari oleh salah seorang gurunya bernama Syeikh Muhammad Zahran dan meminta agar ayahnya memasukkannya ke sekolah yang lebih formal di peringkat rendah<sup>21</sup>.

Walau bagaimanapun sebelum Hasan menjakkan kaki untuk belajar di sekolah, ayahnya yang juga seorang ulama' telah menurunkan beberapa ilmu

<sup>19</sup> Op. cit \_\_\_\_ Fathi Yakan, hal 12.

<sup>20</sup> Dr. Anwar al-Jundi : *Hasan al-Banna Al-Da'iyyah al-Imam wa al-Mujaddid al-Syahid* (Damsyiq – Dar al-Qalam, 2000), hal. 19.

<sup>21</sup> Ziyad Ahmad Salamah : *Syeikh Hasan al-Banna – Sirrah Fikriyyah* (Amman, Jordan - Dar al-Biyaraq, 2001), hal. 11.

agama kepadanya seperti fiqh dan ḥadīth serta ilmu-ilmu yang lain dengan didikan yang penuh disiplin, tambahan pula Hasan memiliki kecerdasan akal dan semangat juang yang tinggi untuk bersaing, pada masa yang sama ayahnya memiliki perpustakaan sendiri yang menjadi teman kepada Hasan untuk merujuk. Minatnya yang mendalam kepada aspek pembacaan menjadikannya lebih matang dalam segenap disiplin ilmu yang digarap. Kegemaran membaca kitab-kitab ilmiah dan akademik di perpustakaan milik ayahnya itu, telah diceritakan sendiri oleh adiknya bernama ‘Abd ar-Rahman al-Banna yang menyebut, bahawa abangnya (Hasan) amat suka membaca, justeru ilmunya cukup mendalam mengenai sesuatu isu, sama ada agama ataupun semasa, di samping beliau sering menemani ayahnya dalam majlis-majlis penyampaian ilmu (Majlis Ta’līm), ceramah atau debat yang disertai oleh ramai tokoh ilmuan Islam ketika itu. Berkat kegemarannya untuk membaca, beliau mampu mengupas persoalan politik, bercakap mengenai sistem Komunisme, Kapitalisme, Zionisme dan lain-lain. Beliau juga menguasai ilmu fiqh 4 mazhab dan sentiasa mengajak manusia untuk berpadu dalam soal-soal agama<sup>22</sup>.

Kematangannya dalam menimba pelbagai ilmu agama dan akademik, menjadikannya sentiasa mendapat tempat pertama di dalam kelas hingga seluruh gurunya sayang terhadapnya dan mendoakannya agar satu hari nanti menjadi manusia yang berguna, sejak kecil lagi anak kecil ini (Hasan) menjaga adab-adab Islam secara praktikal seperti yang diasuh oleh ayahnya, di sekolah tempatnya belajar telah ditubuhkan sebuah persatuan yang diberi nama *Muḥārabāt al-*

---

<sup>22</sup> Drs. H.S. Noor Chozin Sufri : *Hasan Al-Banna Tokoh Dakwah Di Mesir* (Tesis Doktor Falsafah dalam Program Pasca sarjana Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta 1999), hal 26-28.

*Munkarāt* (Menyanggah perkara-perkara Mungkar) yang diasaskan oleh ayahnya sendiri. Beliau menganggotai persatuan ini dan mengetuainya pada usia yang muda (di sinilah beliau mengasah bakat dalam memimpin sebuah organisasi)<sup>23</sup>.

Pada usianya mencecah 14 tahun, Hasan al-Banna memasuki Sekolah Perguruan Pertama di Damanhur<sup>24</sup> pada tahun 1920 setelah selesai menghafal al-Quran dan rajin berpuasa sunat, beliau menghabiskan pengajiannya di situ selama tiga tahun, beliau banyak menghafal bait-bait syair dan puisi yang menjadi sukanan pelajaran dalam subjek bahasa Arab, beliau sempat menghafal kitab-kitab bahasa dan nahu seperti : Mulḥah al-I'rāb karangan al-Ḥarīrī, al-Alfiah Ibn Mālik, kitab al-Yāqūtiyyah Fī al-Muṣṭalah al-Jawharah dalam ilmu tauḥīd, al-Rahbiyyah dalam ilmu Farāiq, kitab ilmu Mantiq, Matn al-Qodūrī kitab Fiqh Imām Abu Ḥanīfah, Matn al-Ghoyah Wa at-Taqrīb kitab Fiqh Imām as-Syāfi'īe, Manzūmah kitab Fiqh Imām Mālik dan menghafal kitab al-Qirāāt susunan Imām al-Syātibī, dan banyak membaca mengenai falsafah dari buku-buku tulisan Imām al-Ghazālī<sup>25</sup>.

### 3.4. Latar Belakang Keluarga Hasan Al-Banna

Hasan al-Banna lahir dari keluarga yang amat menyanjung tinggi ajaran Islam dalam segenap disiplin ilmu, ia membuktikan bahawa Hasan mendapat tunjuk ajar dan role model positif daripada ahli keluarganya terutama ayahnya

<sup>23</sup> Jaber Rizq : *Al-Imām Hasan al-Banna bi Aqlām Talāmīdhatihi wa Mu'āṣirīhi* (Mansoūrah – Mesir, Dār al-Wafā', 1990), hal. 7-8.

<sup>24</sup> Damanhur merupakan satu bandar yang menjadi ibu negeri bagi wilayah al-Buhairah, nama lama bagi bandar ini dalam bahasa Yunani ialah Hormopolis Barfa, adapun pada pemerintahan pertengahan Qibti ia telah ditukar kepada Tamanhur dan akhirnya ditukar kepada namanya sekarang, iaitu Damanhur. Ia merupakan bandar pesat dalam aspek perdagangan dan pembuatan kapas. *Al-Munjid* : (Beirūt : Dār al-Masyriq, 1984), hal. 288 pada entri : Damanhur.

<sup>25</sup> Op. Cit \_\_\_\_Ziyad Ahmad Salamah, hal. 11-12.

yang sangat membekas dalam sanubarinya hingga melonjakkannya menjadi seorang individu muslim yang hebat.

Beliau adalah anak sulung daripada tujuh beradik, mereka terdiri daripada ‘Abd al-Bāsiṭ, Muhammad, Ahmad ‘Abd al-Rahman, Ahmad Jamal al-Din, Fāṭimah, Fawziyah dan Faridah dari perkahwinan ayahnya dengan isteri lain. Ibunya seorang suri rumah tangga dan sekali-sekala bertani, datang dari keluarga sederhana yang cintakan agama. Hasan bertunang pada malam 27 Ramaḍān 1351H/1932M dengan seorang gadis bernama Laṭīfah binti Haji Hussain as-Şūli dan melangsungkan pernikahan pada 10 Zulhijjah tahun yang sama, dan isterinya meninggal dunia pada 1970, perkahwinannya adalah atas nasihat ibu Hasan kerana melihat Laṭīfah adalah dari keluarga yang baik-baik<sup>26</sup>.

Hasil perkongsian hidup Hasan dengan Laṭīfah, beliau dikurniakan enam orang cahaya mata, lima perempuan dan seorang lelaki, mereka terdiri daripada Sana'a, Wafa' (Diploma Kesenian Wanita), Raja' (Sarjana Muda Kejuteraan), Hājir (Ph.D dalam bidang perubatan kanak-kanak dan menjawat jawatan pensyarah di Fakulti Perubatan al-Azhar) dan Istisyhad<sup>27</sup> (Ph.D dalam ekonomi Universiti al-Azhar), anak perempuan yang bongsu itu dinamakan Istisyhād oleh Laṭīfah kerana beliau dilahirkan pada hari Hasan mati syahid. Sementara anak lelaki tunggalnya ialah Ahmad Saif al-Islam yang berjiwa kental seperti ayahnya. Beliau berkelulusan dalam bidang ilmu perubatan dari sebuah

---

<sup>26</sup> Ibid hal. 8

<sup>27</sup> Nama Istisyhad diberikan kerana bermaksud mati syahid, sempena kematian Hasan al-Banna, sebelum itu ayah Hasan al-Banna mahu memberi nama cucunya itu dengan Dima' yang bermaksud darah, setelah bermesyuarat mereka bersepakat memberi nama Istisyhad. Muhammad Lili Nur Aulia : *Persembahan Cinta Isteri Hasan Al-Banna*. (Kuala Lumpur : Alam Raya Enterprise, 2010), hal. 80.

kolej perubatan. Beliau pernah ditahan daripada memegang apa-apa jawatan dan dihukum penjara selama dua puluh lima tahun pada era pemerintahan Presiden Jamāl ‘Abd al-Nāṣir<sup>28</sup>.

### **3.5. Latar Belakang Kerjaya Hasan Al-Banna**

Setelah meraih keputusan memberangsangkan di Sekolah Perguruan Damanhur dan layak untuk menjawat jawatan sebagai seorang guru, pada masa yang sama mendapat tawaran belajar di peringkat tinggi di Fakulti Dār al-‘Ulūm, Universiti Qāherah. Hasan al-Banna berada dalam dilema untuk memilih dua perkara yang kedua-duanya dianggap baik iaitu antara mengajar dan belajar. Akhirnya beliau cenderung untuk menyambung pelajaran di Dār al-‘Ulūm walaupun usianya pada masa itu tidak mengizinkannya untuk berbuat demikian. Beliau terpaksa mengikuti peperiksaan kelayakan yang memang sukar bagi pelajar yang lemah, namun dengan berkat kesungguhannya sebelum ini, beliau berjaya menghafal al-Alfiah Ibn Mālik seperti yang dikehendaki oleh pemeriksa, beliau tidak menghadapi masalah kerana telah menghafalnya ketika berada di peringkat sekolah rendah lagi<sup>29</sup>.

Ketika di Qāherah, beliau menetap bersama rakan-rakannya di kawasan Saidatina Zainab, yang akhirnya menjadi tempat tinggal seluruh ahli keluarga termasuk ibu dan ayahnya. Setelah empat tahun mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda yang merupakan kumpulan pertama yang berjaya, Hasan diminta untuk ditemuduga oleh pihak university dan pada masa yang sama

<sup>28</sup> Wan Jaffree bin Wan Sulaiman : Detik-Detik Hidupku.....Hasan al-Banna (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1980), hal.39.

<sup>29</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Ziyad, hal. 13

diarah bagi mengetahui kedudukannya untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara, sama ada dihantar ke United Kingdom ataupun Perancis. Kedua-dua negara tersebut dianggapnya sebagai penjajah dan belajar di sana bermaksud untuk belajar bagaimana cara untuk menjajah pihak lain, walaupun baginya tidak salah, namun akhirnya beliau memilih untuk menjadi seorang guru, Hasan al-Banna telah diserap sebagai guru di Sekolah Rendah Ismailiyah untuk murid-murid tahun enam dengan kadar bayaran gaji sebanyak 150 pound Mesir sebulan, beliau mula bertugas di Ismailiyah pada hari Isnin 15 Rabi'ul Awwal 1346H bersamaan 19 September 1927M, beliau berkhidmat sebagai guru selama 19 tahun dan akhirnya meletakkan jawatan sebagai guru pada tahun 1946M/1366H kerana mahu memberi tumpuan kepada penerbitan akhbar rasmi Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn<sup>30</sup>.

### **3.6. Hasan Al-Banna Dan Gerakan Al-Ikhwan Al-Muslimun (IM)**

Minat yang mendalam untuk meneruskan perjuangan Islam melalui dakwah, adalah menjadi keutamaan dan cita-cita Hasan al-Banna sejak menjejakkan kaki di Fakulti Dār al-‘Ulūm lagi setelah memperdalam ilmu-ilmu Syari’ah Islam dan Uṣūl al-Din, ia disebabkan kerana kebanyakan warga Mesir ketika itu tidak lagi berpegang teguh kepada ajaran Islam sebenar ketika itu.

Setelah meletakkan jawatan sebagai guru, di bandar itulah (Ismailiyah), beliau menumpukan kegiatan bersifat jamaah, pengalaman ahli

---

<sup>30</sup> Ibid \_\_\_\_ Ziyad, hal. 14-16.

jamaah yang pernah dikumpulkan sekian lama menjadikan gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn sebuah gerakan yang amat berpengaruh<sup>31</sup>.

Pada bulan Zulqaedah 1347H bersamaan Mac 1928M, Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn telah ditubuhkan di rumah pengasasnya iaitu Hasan al-Banna di Ismā'īliyyah<sup>32</sup>, setelah berbincang dengan enam orang<sup>33</sup> yang pernah didekati oleh beliau dalam pertemuan sebelum ini dan akhirnya bersetuju untuk mendampingi dan mengikutinya dalam arena dakwah, kesemua tujuh individu berbai'ah<sup>34</sup> untuk hidup sebagai saudara yang bekerja untuk Islam dan berjuang pada jalannya<sup>35</sup>.

---

<sup>31</sup> Riduan Mohamad Nor & Zainudin Hashim : *Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Moden* (Kuala Lumpur : Jundi Resources, 2010), 1 : 104.

<sup>32</sup> Isma'iliyyah adalah sebuah bandar di Mesir yang diambil sempena nama al-Khudaiwi Isma'il, iaitu Pusat Pengurusan Terusan berhampiran Suez dan pengkalan minyak yang amat terkenal. Op. cit al-Munjid, pada entri Isma'il, hal. 45.

<sup>33</sup> Mereka terdiri daripada Hafiz 'Abd al-Hamid, Ahmad al-Hasari, Fuad Ibrahim, 'Abd al-Rahman Hasb Allah, Ismai'l Iz dan Zaki al-Maghribi, mereka adalah antara perintis awal yang terkesan dengan ajakan, pendekatan, ceramah serta motivasi yang disampaikan oleh Imam Hasan al-Banna, setelah mendengar segala isi penyampaian, mereka memperlihatkan kesungguhan untuk menyahut ajakan (dakwah), mereka berjanji untuk menjadi manusia baik setelah mengharungi kehidupan hitam sebelum ini, mereka berbai'ah, kemudian bertanya, apakah nama yang sepatutnya diberikan kepada mereka setelah berbuat demikian, timbul pendapat yang mengatakan, mereka namakan sahaja kumpulan mereka dengan al-Ikhwan al-Muslimun (saudara-saudara Muslim). – Imam Hasan al-Banna : *Mudhakkirāt al-Da'wah wa al-Dā'iyyah* (Qāherah : Dār al-Siyhāb, t.t.) hal.76

<sup>34</sup> **Bai'ah** menurut hukum Islam adalah sebuah ikatan taat setia yang berlangsung antara individu muslim dengan seorang khalifah atau ketua (dalam sesbuah gerakan atau organisasi berpaksikan Islam), iaitu untuk mengurus tadbir masalah ummah dan memelihara kepentingan masyarakat umat Islam dengan berjanji untuk melaksanakan undang-undang Allah, sementara bagi pihak individu yang telah berbai'ah, tanggungjawab mereka adalah memberi taat setia yang tidak berbelah bahagi untuk sentiasa mendengar dan taat kepada ketua. Ia berlandaskan kepada apa yang pernah berlaku pada zaman baginda Rasulullah s.a.w. bila mana terdapat seorang yang memeluk Islam, dia berjanji akan memberikan sepenuhnya taat setia kepada rasulullah dengan mendengar dan mentaati segenap arahannya (yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam). – Muhammad Sa'id Ramaḍān al-Būti, Dr. : *'Ala Ṭorīq al-'Awrah ila al-Islām* (Beirût : Muassasat al-Risālah, 1985), hal. 49.

<sup>35</sup> Hussain bin Muhammad bin 'Ali Jaber : *Al-Ṭorīq ila Jamā'at al-Muslimīn* (Manṣourah/Mesir : Dār al-Wafā', 1987), hal. 315. Kitab ini pada asalnya adalah sebuah tesis Sarjana dengan pangkat kepujian kelas pertama di Jabatan Sunnah dari Universiti Islam al-Madinah al-Munawwarah yang diselia oleh Prof. Dr. Mahmud Ahmad Mīrah, selang tidak berapa lama selepas terbitnya tesis ini dalam bentuk buku ilmiah, penulis meninggal dunia.

Sesungguhnya Hasan al-Banna telah memulakan dakwahnya di kedai-kedai kopi, setelah melihat keruntuhan akhlak warga Mesir pada zamannya begitu parah sekali, hidup cara Barat seolah-olah menjadi satu kemestian buat mereka, beliau sedar ceramah dan khutbah di masjid-masjid sahaja tidak memadai untuk menyekat arus kemungkaran yang deras menular ketika itu. Bermula dengan menghimpunkan tenaga-tenaga mahasiswa yang seangkatan dengannya di Fakulti Dār al-‘Ulūm dengan menujuhkan sebuah persatuan, mereka terlibat menjalankan aktiviti dakwah di kedai-kedai kopi, walaupun pendekatan dan cara mereka dikecam hebat ramai ulama’ pada waktu itu, namun akhirnya ramai orang awam yang mula sedar mahu kembali ke pangkal jalan, mereka menganggap ia sebagai satu usaha murni yang menempa kejayaan. Apa yang menarik, dakwah sedemikian semakin merebak di bandar-bandar besar lain dan kampung-kampung dengan mendapat sambutan hangat daripada orang awam, beliau yang mengetuai persatuan mahasiswa itu menjalankan tugasannya dakwah bermodalkan al-Quran dan hadīth-hadīth yang dihafalnya, setiap pelanggan yang berkunjung di kedai-kedai kopi berkesempatan mendengar nasihat dan ceramahnya agar tidak membuang masa dengan perkara yang sia-sia. Beliau dalam rangka usaha dakwahnya itu telah mendapat dua keuntungan, pertama beliau dapat membina keyakinan diri sendiri dan kedua dapat mengkaji sifat, tabiat dan pemikiran orang awam<sup>36</sup>.

Dengan tertubuhnya gerakan al-Ikhwān al-Muslimīn secara padu dan tersusun memang amat dinanti-nanti oleh segenap individu muslim yang cintakan agamanya. Kerana ia mencerminkan sebuah organisasi dakwah yang

---

<sup>36</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Wan Jafree, hal. 49.

sistematik, ini kerana Islam amat menitik-beratkan persoalan dakwah<sup>37</sup> dan amat memerlukannya bagi mangajak manusia seluruhnya untuk menerima kebenaran Islam. Keberadaan al-Ikhwān al-Muslimūn dalam masyarakat Mesir khususnya amat ketara dan juga ummah seluruhnya, setelah ummah ini ditimpa musibah dengan jatuhnya ‘Negara Islam ‘Uthmāniyyah’ pada 1924 di Turki, ummah ini bagaikan tidak ada lagi sebuah negara. Maka satu alternatif kepada wujudnya negara tersebut adalah dengan menujuhkan sebuah jamaah pada peringkat awal berorientasikan Islam terlebih dahulu, ia tidak lain adalah dengan penubuhan Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn<sup>38</sup>.

Menurut Yusuf al-Qaradawi, gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn mempunyai ciri-ciri keistimewaan sebagai sebuah gerakan Islam yang dinantikan abad ini, iaitu melihat Islam sebagai agama yang syumul, menyeru ummah untuk berpadu dan bersatu tanpa berpecah-belah hingga menjadi lemah melalui pendekatan usul 20 dan menitik berat persoalan pembangunan menyeluruh terhadap minda, roh dan persaudaraan sesama anggota jamaah. Ia benar-benar berhasil hingga jamaah mampu membangun cara berfikir, perasaan,

<sup>37</sup> Perkataan dakwah amat banyak disebut dalam al-Quran dengan makna yang pelbagai, dari sudut bahasa ia diertikan dengan menyampaikan dan menjelaskan sesuatu perkara, juga memindahkan petunjuk Allah kepada manusia berdasarkan ayat : “Katakanlah (Wahai Muhammad): “Inilah jalanku, Aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada ugama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. ”terjemahan ayat 108 surah Yusuf (12). Yang menjalankan dakwah dipanggil da’ie, sementara yang diseru dipanggil mad’u. dari sudut istilah agama pula, dakwah diertikan sebagai seruan kepada Allah agar beriman kepada-Nya, sepertimana yang diajar oleh para Anbiya’, iaitu menerima Islam dalam mengucap dua kalimah syahadat, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadān, mengerjakan haji, beriman kepada enam rukun Iman. Ia juga diertikan dengan seruan untuk menegakkan hukum Tuhan di muka bumi ini yang diturunkan ke atas nabi-Nya yang terakhir, Muhammad s.a.w. – Muhammad Amin Hasan : *Khosais al-Da’wah al-Islamiyah* (Amman : Maktabah al-Manar, 1983) hal. 15-16. Ia merupakan tesis Sarjana di Fakulti Syari’ah Islamiyyah, Universiti Islam Jordan, ia diselia oleh Prof. Dr. ‘Ali al-Khauli dan Dr. Diya’ Akram al-‘Umari.

<sup>38</sup> Yusuf al-Qaradawi, Dr. : *Al-Ikhwān al-Muslimūn 70 ‘Aāman fi al-Da’wah wa al-Tarbiyah wa al-Jihād* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1999), hal. 12-13.

meningkatkan usaha, tarbiyah, jihad melalui pembangunan ekonomi dan khidmat masyarakat<sup>39</sup>.

Maka boleh disifatkan bahawa gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn adalah Dakwah Salafiyyah (berpegang kepada al-Quran, as-Sunnah, Ijmā' dan Qiyās), Tāreqat Sunniyyah (berpegang kepada sunnah-sunnah Rasulullah s.a.w.), Ḥaqīqat Ṣūfiyyah (tasauf-menitik berat persoalan hati dan hubungan dengan Allah), Badan Politik (tidak menyisihkan politik dalam dakwah), Kumpulan Riyāḍah (menitik berat sukan yang boleh menguatkan tubuh badan), Ikatan Keilmuan (menggarap dan menyampaikan ilmu), Syarikat Ekonomi (Islam saran agar aspek ekonomi diambil kira dalam perjuangan Islam) dan Aspek Kemasyarakatan (dengan mencari jalan mengadakan penawar hati sebagai alternatif kepada masyarakat untuk kembali kepada Allah). Sehubungan itu, Hasan al-Banna menegaskan, bahawa matlamat sebenar penubuhan dan keberadaan al-Ikhwān al-Muslimūn di persada tanah air tercinta adalah untuk memastikan pembangunan generasi baru dalam kalangan orang beriman yang didedahkan dengan ajaran-ajaran Islam tulen terbangun dengan jayanya, sanggup bekerja menurut acuan agama Islam<sup>40</sup>.

Walau bagaimanapun setiap anggotanya ditarbiyah untuk memahami empat peringkat dakwah yang mesti dilalui ketika bersama al-Ikhwān al-Muslimūn :

---

<sup>39</sup> Ibid\_\_\_\_Al-Qaradawi, hal.362.

<sup>40</sup> Op. cit \_\_\_\_Jaber Rizq, hal 15-16.

- i- Peringkat Dakwah : iaitu berusaha meramaikan penolong di jalan dakwah, dalam erti kata setiap anggota perlu bercakap tentang Islam di hadapan khalayak ramai untuk menarik mereka kepada Islam.
- ii- Peringkat Tribulasi : Bagi pendakwah dan pengikut, tribulasi mempunyai pelbagai cara yang berbeza, ada yang disiksa, diusir dan dibuang daerah, dipenjara, diboikot, diserang dan sebagainya.
- iii- Peringkat Kesabaran : Setiap anggota yang menghadapi tribulasi dengan kekerasan pihak lain adalah disaran agar sentiasa cekal dan bersabar.
- iv- Peringkat Kemenangan : Ia berhasil setelah setiap anggota melalui tribulasi dengan penuh sabar di mana kemenangan itu tercapai dalam menyampaikan risalah Islam<sup>41</sup>.

Sesungguhnya Hasan al-Banna telah menghabiskan seluruh hidupnya untuk Islam secara praktikal melalui jamaah yang diasaskannya itu dan benar-benar mempraktikkan apa yang dikatakannya sehingga menemui Allah SWT. Justeru, gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn yang diasaskannya pada 1928 adalah sebuah gerakan Islam perintis dalam mengembalikan semula Khilāfah Islāmiyyah yang hilang pada tahun 1924, di mana cawangan gerakan ini telah bercambah ke negara-negara Arab dan juga Afrika. Gerakan fenomena dunia Islam ini juga walaupun tidak menonjolkan diri dalam ‘Revolusi 2011’, namun pasti menyumbang kepada kebangkitan rakyat Mesir, seterusnya berjangkit ke Yaman, Jordan, Algeria dan Libya<sup>42</sup>.

---

<sup>41</sup> Muhammad ‘Abd al-Qader Abu Faris, Dr. : *Manhaj al-Taghyir ‘Inda al-Syahidain Hasan al-Banna wa Saiyid Qutb* (Ammān – Dār ‘Ammār, 1418H/1998M), hal. 36.

<sup>42</sup> Riduan Mohamad Nor, “Al-Ikhwānul Muslimin : Semalam Dan Hari ini,” *Majalah Memperingati Asy-Syahid Hasan Al-Banna - Edisi Khas Revolusi Mesir 2011*, (Kuala Lumpur – Jundi Resources, Cetakan Pertama, 2011), hal. 70.

Potret perjuangan al-Ikhwān al-Muslimūn begitu berwarna-warni semenjak tahun 20-an. Di sepanjang denai sejarahnya menyampaikan risalah dakwah dan persaingan kuasa, al-Ikhwān al-Muslimūn telah diterajui oleh beberapa orang al-Mursyid al-‘Ām bagi membimbing pengikut berdasarkan manhajnya yang asli sebagaimana yang digagaskan Hasan al-Banna. Bermula dengan Hasan al-Banna sendiri, diikuti dengan Syeikh Hasan al-Huḍaibi (1951 sehingga 1973), beliau seorang yang pada asalnya tidak dikenali dalam kalangan pengikut Ikhwan, tetapi telah berbai’ah dengan Hasan al-Banna (menjadi pemimpin dalam tempoh yang cukup getir), seterusnya ‘Umar a-Tilmīsānī (1973 sehingga 1986) yang akhirnya turut mendekam dalam penjara militer dengan tempoh yang agak panjang. Beliau telah mengalami penyiksaan dan sentiasa tabah dengan anggota-anggota yang lain. Bahtera al-Ikhwān al-Muslimūn seterusnya diterajui oleh Muhammad Ḥāmeed Abu al-Naṣr (1986 sehingga 1996), berlanjutan pula kepada Syeikh Muṣṭafā Māsyhūr (1996 sehingga 2002), seterusnya amanah besar ini terpikul di atas bahu Maamoūn Huḍaibī (2002 sehingga 2004), terpikul pula amanah kepimpinan di bahu Mehđī ‘Ākef (2004 sehingga 2010) dan kini Dr. Muhammad Badi<sup>43</sup>.

Al-Ikhwān al-Muslimūn juga telah melahirkan ribuan manusia yang menjadi pemimpin masyarakat di seluruh dunia dan menyebarkan fikrah perjuangannya. Tokoh-tokoh yang telah dimunculkan oleh al-Ikhwān al-Muslimūn ialah seperti asy-Syahīd Sayyid Quṭb (Mesir), Syeikh Sayyid Sābiq (Mesir), asy-Syahīd ‘Abd al-Qāder ‘Awdaḥ, Ḥameedah Quṭb, Aminah Qutb (Mesir), Rasheed Ghanoūsi (Tunisia), asy-Syahīd ‘Abd Allah ‘Azzām (Palestin –

---

<sup>43</sup> Ibid \_\_\_\_\_ Riduan, hal. 70-71.

namun menemui kesyahidan dalam perjuangan di Afghanistan), Syeikh Sa'īd Ḥawwā (Syria – meninggal dunia di Jordan, lima tahun dipenjara dan disiksa di Syria), Dr. Fathī Yakan (Lubnan – merupakan penulis haraki yang prolifik), Dr. Yusuf al-Qaraḍāwī (kini menetap di Qatar), Syeikh Ahmad Yasin (pengasas HAMAS dan ikonologis bagi perjuangan menentang rejim Zionis Israel), Dato' Seri Tuan Guru Haji ‘Abd al-Hadi Awang (Malaysia), Syeikh Dr. ‘Abd al-Majid al-Zindānī (Yaman), Syeikh Muhammad Maḥmūd Ṣawwāf (Iraq), Syeikh Munīr Ghāṭbān (Syria), Dr. Kamāl Halabāwī (Mesir – menetap di London), Puan Zainab al-Ghazālī al-Jubaili (Mesir – mantan Ketua Muslimat Mesir), Dr. ‘Abd al-Karīm Zaidān (Iraq – menetap di Yaman) dan ribuan tokoh-tokoh sang pencerah<sup>44</sup>.

Pada tahun 1934 sahaja, al-Ikhwān al-Muslimūn telah berjaya membuka lebih daripada 50 cawangan di seluruh Mesir. Serentak dengan cawangan yang semakin bertambah, Ikhwan juga menubuhkan masjid-masjid, kilang, pusat khidmat masyarakat serta sekolah-sekolah yang sekali gus merupakan pusat pentarbiyan kepada anggota-anggota Ikhwan sendiri. Selepas tahun 1938, Ikhwan mula mempertegaskan citra politiknya kepada masyarakat dan pemerintah Mesir, apatah lagi dengan pengaruhnya yang semakin berkembang kerana tegar memperjuangkan isu-isu rakyat yang dipertegaskan dengan Syari'at, juga kerana ketegasan Ikhwan dalam isu Palestin. Sehingga akhir Perang Dunia Kedua, Ikhwan telah mempunyai setengah juta pendokong tegar dan tiga juta penyokong yang bersimpati. Cawangan-cawangannya mula membesar melampaui sempadan negara Mesir seperti di Jordan, Syria, Sudan,

---

<sup>44</sup> Ibid \_\_\_\_ Riduan, hal.71.

Iraq, Palestin, Lubnan, Afrika Utara dan pengaruhnya turut menjadi model kepada gerakan Islam lain seperti Jamaat-e-Islami di *subcontinent*, Hizbul Muslimin di Tanah Melayu, MASYUMI di Indonesia dan sebagainya<sup>45</sup>.

Sesungguhnya Hasan al-Banna telah terbukti berjaya memberikan sumbangan besar dalam usaha atau projek dan agenda ‘Pembangunan Insan’ atau pembangunan umat Islam sejagat. Bukti tersebut boleh dilihat melalui kejayaan beliau melahirkan sebuah gerakan Islam iaitu al-Ikhwān al-Muslimūn yang merupakan pengamal kepada segenap tarbiyah yang dihasilkan olehnya<sup>46</sup>. Gerakan Islam ini lahir daripada inisiatif beliau, untuk memperbaiki keadaan umat Islam yang lemah dari berbagai-bagai sudut, sama ada aspek akhlak, ekonomi, politik dan sebagainya<sup>47</sup>. Malah sumbangan gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn diterima dan meninggalkan kesan baik lagi positif terhadap masyarakat umat Islam<sup>48</sup>, daripada gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn ini juga, telah lahir ramai tokoh besar Islam seperti Saiyid Quṭb, Sayyid Sābiq, Muhammad al-Ghazāli, Yusuf al-Qaradāwi dan lain-lain<sup>49</sup>.

### **3.6.1 Gerakan Al-Ikhwan Al-Muslimun: Pelaksana Etika Pembangunan Insan Menerusi Kitab Majmu’at Al-Rasail**

Keberadaan Gerakan al-Ikhwan al-Muslimun di bumi Mesir lebih lapan dekad lalu memang tepat dan relevan, masyarakat di Mesir ketika itu

<sup>45</sup> Ibid hal.72.

<sup>46</sup> Mohammad Amien Rais : *The Muslim Brotherhood in Egypt; Its Rise, Demise and Resurgence* (tesis Ph.D, The University of Chicago, Chicago, Illionis, 1981,), hal. 28

<sup>47</sup> Pauzi Hj. Awang : *Hasan al-Banna : Satu Pengenalan Ringkas dalam Tokoh-tokoh Pemikir Islam*, ed. Mohamad Kamil Hj. Abdul Majid (Ampang : Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd, 2010), hal. 210

<sup>48</sup> Abd. Aziz Mohd. Zin : *Pengantar Dakwah Islamiyah* (Kuala Lumpur : Universiti Malaya 1997), 164

<sup>49</sup> Shamsul Azhar bin Yahya : *Gerakan al-Ikhwan al-Muslimin dan Pembinaan Peradaban Moden Mesir* (disertasi Ijazah Sarjana Sastera, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2007), hal. 44, 116 & 127.

bagaikan hilang punca dari berpegang kepada ajaran Islam sebenar yang ditinggalkan oleh baginda Rasulullah s.a.w. Keadaan ini mula berlaku setelah Mesir dibuka oleh sahabat Rasulullah bernama ‘Amru bin al-‘As pada Disember 639M di era pemerintahan Saidina ‘Umar bin al-Khattab<sup>50</sup>. Namun, keadaan semakin berubah apabila Mesir diurus tadbir oleh para pemimpin selepas itu yang menjadikan Islam Sekularisme sebagai teras dalam pemerintahan negara. Oleh yang demikian, menurut Dr. Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, negara-negara Islam di Afrika Utara termasuk Mesir mengalami pengaruh fahaman Sekularisme<sup>51</sup> yang kuat atas nama tamadun moden dengan memisahkan agama dengan pentadbiran negara<sup>52</sup>. Fenomena ini telah menyebabkan berlakunya kemerosotan dan kemunduran peradaban pemikiran dan cara hidup Islam dalam kalangan muslim ketika itu.

Dengan tertubuhnya Gerakan al-Ikhwan al-Muslimun sebagai sebuah organisasi dakwah yang sistematik dengan elemen pembangunan insan yang disebut oleh Hasan al-Banna, ia menjadi pemangkin kepada masyarakat Mesir khususnya dalam melaksana ajaran Islam dengan lebih baik<sup>53</sup>. Dalam keadaan masyarakat terumbang-ambing, Hasan al-Banna telah menulis beberapa risalah yang hebat menjurus secara langsung kepada pembentukan jati diri muslim yang

---

<sup>50</sup>Al-Suyūti, Jalal al-Din, *Huṣn al-Muḥādarah fi Tarīkh Miṣr wa al-Qāherah*, (Qāherah : Maktabah al-Ḥalabi, 1967), : 106 .

<sup>51</sup>Sekularisme juga derti sebagai fahaman ‘tiada agama’ atau ‘cenderung kepada kehidupan dunia’ yang tiada kaitan langsung dengan kehidupan akhirat, atau dengan kata lain aliran fahaman yang tiada kaitan dengan agama, iaitu agama dipisahkan daripada kehidupan dunia. Yusuf al-Qaradawi, Dr., *Al-Islām wa al-‘Ilmāniyyah Wajhan li Wajhin* (Qāherah: Dār al-Sohwah, 1987), hal. 48.

<sup>52</sup> ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, *Rukn al-‘Amal aw Manhaj al-İslāh al-Islāmi li al-Fard wa al-Mujtama*’ (Qāherah: Dār al-Tawzi’ wa al-Nasyr al-Islamīyyah, 1994), hal. 186-187.

<sup>53</sup>Syeikh Yusuf al-Qaradawi, *Al-Ikhwān al-Muslimūn 70 ‘Āman fī al-Da’wah wa al-Tarbiyāh wa al-Jihād* (Qāherah: Maktabah Wahbah, 1999), hal. 27

digunakan oleh anggota-anggota al-Ikhwan al-Muslimun antaranya adalah yang terkandung dalam kitab Majmū'at al-Rasāil.

### 3.6.2 Pandangan Sarjana Islam Mengenai Hasan Al-Banna

Pepatah Melayu ada menyebut, “*Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama*”, mungkin ada kebenaran apa yang tersirat dalam pepatah berkenaan, ia sebagai mengenang jasa bakti dan kebaikan yang pernah dicurahkan oleh Hasan al-Banna, berikut disenaraikan pandangan sarjana Islam atau ‘alim ‘ulama’ Islam yang pernah hidup sezaman dengannya :

- i- Pandangan Syeikh Abu al-Hasan al-Nadwi : Sesungguhnya Allah SWT telah menghimpunkan dalam diri Hasan al-Banna minda yang mampu menyinari manusia, kefahaman luasnya mengenai Islam yang tiada sempadan, naluri imannya yang utuh tiada bandingan, hati nuraninya yang bercahaya, jiwa raganya yang hidup dengan hubungan ketuhanan, lidahnya yang petah menyampaikan, kezuhudan dalam hidup dan kesungguhannya dalam menegakkan Islam dan menyebarkan dakwah dan prinsip Islam.
- ii- Muhib al-Dīn al-Khaṭīb : Sesungguhnya Ustaz Hasan al-Banna menyamai satu ummah yang jitu, memiliki kekuatan dalaman sebagai seorang mukmin sejati yang belum pernah aku temui melainkan setelah aku mengenalinya lebih dekat, aku telah menyingkap dalam dirinya sebagai seorang dā'i yang serba boleh, yang bersifat penyabar, yang sentiasa memberikan apa yang terbaik dalam dakwahnya buat ummah, di samping ketegasan dalam berdakwah, terselit sifat

penyayang, lemah lembut, ketabahan, kecekalan dan kesabaran yang amat tinggi sehingga dijemput Allah di sisi-Nya.

iii- Syeikh Muhammad al-Hāmeed menegaskan, bahawa umat Islam tidak akan dapat menyaksikan manusia seumpama Hasan al-Banna walaupun masa berlalu ratusan tahun, seorang insan yang terhimpun dalam dirinya segenap sifat terpuji yang menjadi pakaian hidupnya, namanya yang menjulang di persada media, aku tidak terasa dalam hati ini bagaimana kehebatan beliau dalam memberi tunjuk ajar mengenai Islam kepada golongan cendekiawan Islam, ilmunya bagaikan menjangkaui ilmu para ulama' terbilang, makrifatnya tentang ketuhanan mengatasi golongan yang mengenali Allah, tutur bahasanya ketika menyampaikan motivasi mengatasi para khatib dan penulis terbilang, aku merasakan tiada tandingan ketokohan terdahulu dan terkemudian daripadanya, inilah kesempurnaan seorang insan yang ikhlas berjuang tiada pada yang lain, melainkan ada pada Hasan al-Banna.

iv- Syeikh Ahmad Hasan al-Zaiyāt ada pandangannya tersendiri mengenai Hasan al-Banna, beliau menegaskan bahawa aku dapati pada diri Hasan al-Banna yang tiada pada yang lain sebelumnya mahupun generasi seluruhnya, iaitu keimanannya yang amat tinggi terhadap Allah yang tidak mudah goyah kerana dihiasi dengan kebenaran Islam, beliau tidak mudah tersungkur di hadapan kebatilan lantaran ilmunya yang tinggi, tidak pula mendabik dada kerana hebat berpidato, ini kerana ilmu agama yang dimilikinya menjadi neraca pertimbangan, tidak mudah cair di hadapan pemikiran yang songsang daripada agama, kepetahan berhujah dengan wahyu kebenaran, melonjakannya sebagai seorang

insan yang cekal dan tabah, segenap kata-kata berlandaskan wahyu al-Quran dan al-Sunnah masuk dalam ruang hati pendengar atau golongan sasaran yang mampu menghidupkan hati dan roh mereka, tidak hairan bagaimana Allah membantunya menegakkan agama-Nya.

v- Al-Hāj Ameen al-Husaini – Mufti Palestin pula menyebut, walaupun kepalaku telah dipenuhi uban, walaupun aku mempunyai pengalaman luas dalam arena dakwah selama beberapa tahun, namun apabila aku temui Hasan al-Banna, aku merasa terlalu kerdil bila berhadapan dengannya<sup>54</sup>.

vi- Seorang ahli Tafsir dan ahli Falsafah Mesir terkemuka, Syeikh Ṭantawī Jawhari ada menyebut, bahawa Hasan al-Banna menurut pandanganku lebih hebat daripada Jamāl āl-Dīn al-Afghānī dan Syeikh Muhammad ‘Abduh, ini kerana beliau memiliki ketaqwaan yang tinggi terhadap Allah dan pemikiran yang cukup matang dalam berpolitik, juga memiliki minda serta hati nurani yang berhubungan dengan Allah, bagaikan seorang ahli sihir yang memukau pendengar daripada mendengar pidatonya hingga boleh berubah kepada satu keadaan yang cintakan agama, walaupun sebelum itu keadaan menyaksikan ia amat menentang kuat Islam dan ajarannya, namun akhirnya terbukti apabila kota Qaherah telah memperlihatkan satu fenomena baharu apabila masjid sudah mula dibanjiri golongan yang mahu kembali ke pangkal jalan<sup>55</sup>.

vii- Sayyid Quṭb yang merupakan rakan sekelas dengan Hasan al-Banna pernah berkata, Hasan al-Banna yang namanya memberi maksud yang baik (Hasan),

<sup>54</sup> Anwar al-Jundi, Dr. : *Hasan al-Banna al-Dā’iyah al-Imām wa al-Mujaddid al-Syahīd* (Damsyiq : Dār al-Qalam, 2000), hal. 5-6.

<sup>55</sup> Anwar al-Jundi, Dr. : *Tarikh al-Da’wah al-Islamiah fi Marhalah al-Hisor min Harakat al-Jaish ila Camp David* (Qāherah : Dār al-‘Itiṣom, 1987), hal. 25.

sesuai dengan batang tubuhnya yang mahukan kebaikan total terhadap ummah ini, aku mula memahami mengenai ‘Aqidah Islam’ yang aku dengar dari penyampaian ramai para dā’īe, tetapi tidak sama seperti apa yang disampaikan oleh Hasan al-Banna, yang aku anggapnya sebagai bapa segala dā’īe, kerana beliau memiliki magnet yang mampu menarik manusia, kerana beliau seorang pembina ummah, seorang genius dengan cara berfikir kurniaan Allah SWT<sup>56</sup>.

viii- Kesaksian Syeikh ‘Ābd al-Salām Yasīn pemimpin dan pengasas Jamāah al-‘Adl Wa al-Iḥsān di Maghribi menegaskan, bahawa Hasan al-Banna adalah seorang murabbi yang kental dan bijaksana ketika berdakwah, betapa beruntungnya ummah ini terutama anggota-anggota al-Ikhwān al-Muslimūn memiliki insan cemerlang ini kerana darinya terbit para da’ie yang hebat, penulis yang berwibawa dengan pengalaman yang luas dalam arena dakwah secara praktikal.<sup>57</sup>

### **3.6.3 Pandangan Murid-Murid Hasan Al-Banna Mengenai Ketokohannya**

Dalam tempoh 21 tahun berdakwah antara 1928 sejak tertubuhnya gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn hingga 1949 tahun kesyahidan Hasan al-Banna, namun usaha dakwahnya telah membawa hasil yang lumayan kerana sempat menjadi guru kepada tokoh ulama’, pemikir, dā’īe, khaṭīb, imām, penulis hebat dan sebagainya di seluruh pelusuk dunia, apapun dalam kesempatan ini pengkaji hanya mencatatkan beberapa pandangan daripada mereka yang sempat dikutip

---

<sup>56</sup> Op. cit al-Qaradawi, hal.53.

<sup>57</sup> Ibid hal. 58.

melalui beberapa buah hasil karya tertentu. Sorotan ini dibuat, bagi membuktikan bahawa Hasan al-Banna adalah seorang yang berjaya menampilkan unsur pembangunan insan secara praktikal.

i- Syeikh Muhammad al-Ghażālī seorang pemikir terkenal dan tokoh ilmuan al-Azhar pernah menyebut, cubalah tanya kepada ribuan hati manusia yang kamu temui, atau carilah mana-mana individu seorang lelaki yang terhimpun padanya segenap jiwa raga yang berhubungan dengan manusia lain yang amat meninggalkan kesan dan membekas dalam hati, itulah dia Hasan al-Banna guru dan mursyidku yang aku sanjung tinggi kerana ia amat berharga di dunia ini. Bila aku mendengar kepada syarahan atau pidatonya, aku cukup terkesan dengan isi kandungan penyampaiannya yang luar biasa, aku menganggapnya beliau adalah seorang ahli psikologi, pendidik yang memiliki kaedah dan teknik penyampaian yang mampu membuka hati-hati manusia untuk kembali kepada ajaran Islam<sup>58</sup>.

ii- Yusuf al-Qaradawi, Dr. ada pandangannya mengenai gurunya Hasan al-Banna, beliau adalah pengasas kepada gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn, bila bercakap atau berpidato sentiasa berpegang kepada prinsip yang telah digariskan kepada pendukung dalam tulisan dan ungkapannya, tiada seorang ahli akademik yang setanding dengannya dalam mengeluarkan hujah, ini kerana syiar yang dibawanya adalah Allah Tuhan kami, Rasul teladan kami dan al-Quran perlembagaan kami<sup>59</sup>.

---

<sup>58</sup> Muhammad Syalabi : *Al-Syeikh al-Ghazali wa Ma'rakat al-Mashaf fi al-'Alam al-Islami* (Qaherah : Dar al-Sohwah, 1987), hal. 107. ISBN 977-1431-14-5.

<sup>59</sup> Ibid \_\_\_\_\_ Syalabi, hal. 4.

iii- Al-Mursyid al-'Ām kedua selepas kesyahidan Hasan al-Banna adalah Hasan al-Huḍaibi, beliau menegaskan bahawa pertama kali mengenali gerakan al-Ikhwān melalui papan tanda – papan tanda mengenainya yang menyeru semua manusia kepada kebenaran, kekuatan dan kebebasan, aku sangkakan ia adalah iklan mengenai sebuah maahad tafsīr al-Quran atau satu pertubuhan kebajikan, atau badan khairat kematian yang mengajak orang ramai supaya beribadat seperti solat dan puasa. Satu hari aku terjumpa beberapa remaja desa dan salah seorang daripada mereka adalah seorang pak cik tua, aku tanyakan ke mana mereka mahu pergi, mereka kata mahu ke sebuah markaz Ikhwān untuk mendengar ceramah yang akan disampaikan oleh Hasan al-Banna, aku dipelawa dan tidak melepaskan peluang, aku mendengar ceramahnya yang keluar dari hati yang jernih dan masuk ke dalam hati-hati manusia. Betapa ikhlasnya ceramah yang disampaikan dengan penuh isi yang disedut dari al-Quran dan hadīth Nabi s.a.w. Aku berpeluang menemuinya secara langsung, seorang insan yang penuh dengan sifat keikhlasan dan kesabaran, inilah orang yang dibunuh oleh manusia durjana yang dianggap da'ie berbahaya di muka bumi ini. Apapun Hasan al-Banna telah menyampaikan dakwahnya, telah jalankan risalah Tuhanya, dan menemui Allah dalam keadaan reda dan diredayai<sup>60</sup>.

iv- Syeikh 'Umar al-Tilimsānī adalah al-Mursyid al-'Ām ketiga al-Ikhwān al-Muslimūn pula ada menyebut, bahawa cemburu kepada agama kerana kehebatannya adalah naluri hati yang akan membawa seseorang itu kepada pembangunan dalam dirinya, inilah yang aku dapat dalam diri Hasan al-Banna,

---

<sup>60</sup> Jaber Rizq : *Al-Imam Hasan al-Banna bi Aqlām Talāmidhatihi wa Mu'āṣirīhi* (Mansoūrah – Mesir, Dār al-Wafā', 1990), hal. 35-36.

segenap tindakan, usaha yang dicurahkan untuk membangun manusia adalah satu anugerah daripada Allah SWT, beliau adalah seorang insan yang tahu bersyukur kepada Tuhan-Nya, justeru mengambil inisiatif semaksima mungkin mengabdikan diri kepada Allah melalui dakwah kepada kebenaran Islam, tetapi sayangnya beliau telah ditembak mati dengan tujuh das tembakan yang mengakibatkan jasadnya hingga menemui ajal, apapun ia satu penghormatan dari Allah untuk memberikannya kesyahidan yang mulia di sisi-Nya<sup>61</sup>.

v- Peguam yang digantung sampai mati oleh Jamāl ‘Abd al-Nāṣer, iaitu ‘Abd al-Qāder ‘Awdaḥ pernah menyebut, bahawa Hasan al-Banna menemui syahidnya setelah bergelumang dalam arena dakwah yang dicurahkan untuk agama Islam separuh dari usianya, beliau telah melaksanakan tugas penting mengajak manusia ke jalan kebenaran dengan bentuk yang sohih, malah meyakinkan mereka bahawa hidup tidak akan berakhir di dunia, malah akan berlanjutan di alam akhirat, beruntunglah mereka yang menerima dakwah untuk tujuan itu<sup>62</sup>.

vi- Ustadh Ṣoleḥ al-‘Isymāwī merupakan antara anak didik Hasan al-Banna yang diamanahkan untuk menjadi Ketua Pengarang Pertama akhbar “Al-Ikhwān”. Aku yang pernah hidup bersama Hasan al-Banna merasakan satu kehilangan besar dengan kesyahidannya, namun beliau adalah seorang murabbi, kawan rapat yang telah meninggalkan seribu bentuk kenangan suka dan duka,

---

<sup>61</sup> Ibid\_\_\_\_hal. 39-40.

<sup>62</sup> Ibid\_\_\_\_hal. 45

beliau telah membuka minda orang-orang sekeliling erti hidup dengan Islam yang menjadi tanggungjawab untuk diluaskan di persada alam ini<sup>63</sup>.

vii- ‘Abd al-Rahmān al-Banna adik kandung Hasan al-Banna juga ada kenangan yang disampaikan terbit dari hati nuraninya, beliau mengatakan, kami waktu kecil sering bersama-sama bila ada peluang untuk berbuat demikian, kami amat rapat antara satu sama lain, ketika aku tujuh tahun dan abangku Hasan sembilan tahun, kami sama-sama menghafal al-Quran yang tertulis di atas kepingan papan, kami juga sering ke perpustakaan ayah kami semasa kecil dan pada masa itu tidak mengerti apa yang tersurat dalam kitab-kitab yang banyak itu, abangku mempunyai keistimewaan anugerah dari Allah hingga dapat menyatukan hati-hati manusia menerusi jamaah al-Ikhwān al-Muslimūn, kewujudan jamaah amat dinanti kerana manusia semakin jauh daripada Allah, tetapi apa yang mendukacitakan aku, apabila abangku ditembak mati hingga syahid, itu adalah rezekinya setelah menghabiskan separuh umur untuk jalan Allah<sup>64</sup>.

viii- Al-Bahi al-Khaulī merupakan individu terawal dalam al-Ikhwān al-Muslimūn, beliau adalah seorang pendidik di Maahad al-Azhar dan penulis prolifik, sesungguhnya dunia yang pada asalnya terang benderang sekelip mata menjadi gelap lantaran kesyahidan Hasan al-Banna, walaupun beliau pernah ditawarkan jawatan dan gaji yang lumayan di pejabat kerajaan, namun beliau menolak kerana tahu jawatan itu tidak boleh pergi ke mana dalam arena dakwah, beliau sanggup memilih jalan dakwah bukan sahaja tidak bergaji, namun penuh

---

<sup>63</sup> Ibid\_\_\_\_hal. 61

<sup>64</sup> Ibid\_\_\_\_hal. 67

dengan risiko dan tribulasi, semuanya itu dianggap kecil kerana baginya Allah Maha Besar dalam segala hal<sup>65</sup>.

ix- Seorang pujangga dan sasterawan Syria terbilang pada masa kehidupan Hasan al-Banna, iaitu Baha' al-Dīn al-Amīrī dengan ringkas menyatakan, bahawa aku pernah mendengar nama Hasan al-Banna, malah pernah melihat sendiri dengan kedua mataku, aku dapati beliau adalah bintang yang gemerlap yang menyebabkan akalku tersentak, dek petunjuk yang datang mencurah-curah, kerana dalam diri insan ini penuh dengan hikmah<sup>66</sup>.

x- Ustadh 'Abd al-Hakīm 'Ābidīn yang berkahwin dengan adik perempuan Hasan al-Banna, adalah antara individu terawal menyertai al-Ikhwān, beliau adalah seorang peguam yang ditangkap dua kali iaitu pada era Raja Fāruq dan Jamāl 'Abd al-Nāṣer, beliau ada menyatakan, bahawa Hasan al-Banna adalah harta bernilai buat ummah yang sayangkan agamanya, ini kerana beliau memiliki cara berfikir yang tajam dengan manhaj Islam, meletakkan kepentingan agama lebih penting dan utama daripada dirinya sendiri, justeru tidak hairan hingga ke akhir hayatnya diwakafkan segala-galanya untuk agama ini<sup>67</sup>.

xi- Bagi Ketua (Muraqib) al-Ikhwān al-Muslimūn Syria, Dr Muṣṭafā al-Sibā'i pernah menyebut, bahawa Hasan al-Banna adalah tokoh ilmuan Islam terulung abad keempat belas hijrah yang tiada tolok bandingnya, kerana beliau adalah seorang pemikir, khaṭīb, dā'i, penceramah, motivator yang di dadanya penuh

---

<sup>65</sup> Ibid \_\_\_\_ hal. 74

<sup>66</sup> Ibid \_\_\_\_ hal. 87

<sup>67</sup> Ibid \_\_\_\_ hal. 95

dengan segenap ilmu pengetahuan, yang mampu memukau pendengar dengan hujah dan dalil yang bernas berpaksikan kebenaran Islam<sup>68</sup>.

xii- Muhammad ‘Abd al-Ḥākim Khayyāl ada menyebut, saya pernah bersama dengan guruku Hasan al-Banna yang amat saya kagumi dan sanjungi kerana dia adalah murabbi yang memperkasakan sifat ketuhanan dalam diriku, pernah satu ketika beliau melakukan kunjungan di kawasan Rasyed, beliau melihat gambarnya terpampang bergantungan di sebuah sudut dinding, dan meminta kami menurunkan gambarnya seberapa segera (bimbang seolah-olah orang akan memujanya), beliau sifatkannya sebagai seorang murabbi yang sering mengingatkan ku agar sentiasa bertawakal dalam jalan dakwah ini kepada Allah SWT, kerana ia adalah satu jihad untuk membina manusia, saya juga secara peribadi melihat secara langsung bagaimana beliau membangunkan manusia terutama anggota-anggota al-Ikhwān al-Muslimūn dengan aspek aqidah yang betul diambil dari sumber yang benar iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Beliau pernah menyeru anak-anak didiknya agar berusaha membina sebuah universiti Islam, mendaulatkan hukum Islam, mengajak untuk menghidupkan Sunnah Rasulullah seperti golongan salafus soleh, membuat hubungan baik dengan mana-mana pertubuhan Islam, memperkasa aspek media agar selari dengan piawaian Islam dan tidak lupa mengingatkan agar sentiasa mendekati golongan remaja<sup>69</sup>.

---

<sup>68</sup> Ibid\_\_\_\_hal. 104

<sup>69</sup> ‘Abbas as-Sisi : *Hasan al-Banna – Mawaqif di al-Da’wah wa al-Tarbiyah* (Qaherah : Dar al-Tawzi’ Wa al-Nasyr al-Islamiyyah, 2001), hal. 13.

xiii- Syeikh Muhammad al-Ḥameed al-Ḥamawī (seorang tokoh ulama' Hamā-Aleppo, Syria) ada menyebut, bahawa Hasan al-Banna merupakan lautan segala ilmu, pernah dikatakan kepadanya, bahawa Hasan al-Banna tidak perlu untuk mengikuti pengajian selanjutnya di al-Azhar kerana dia seorang alim yang lebih alim daripada mereka yang belajar di situ. Malah rakan-rakan sekelasnya ketika di Dār al-‘Ulūm dahulu memang teruja dengannya sebab banyak maklumat yang dia tahu, sama ada yang berkaitan dengan agama atau isu-isu semasa. Dalam bab ilmu agama, dia menguasai ilmu Fiqh dalam pelbagai mazhab, sehingga ada yang bertanya kepadanya, dari mana dia belajar semua tentang ilmu-ilmu agama<sup>70</sup>.

xiv- Seorang lagi tokoh yang pernah berguru dengan Hasan al-Banna ialah Syeikh Muhammad Mahmud al-Ṣowāf (dari Iraq) yang pernah menuntut di Universiti al-Azhar dan berkesempatan mengikuti kelas-kelas anjuran al-Ikhwān al-Muslimūn terutama yang disampaikan oleh Hasan al-Banna sendiri, beliau ada mengatakan bahawa sejak berada di bumi Mesir, beliau tidak akan melepaskan peluang mengikuti pengajian yang disampaikan oleh Hasan al-Banna, beliau mendapati bahawa Hasan al-Banna seorang yang aktif cergas dengan pidato dan ceramahnya, beliau (Hasan) amat pintar menggunakan bahasa dengan uslub yang sesuai dengan golongan sasaran, beliau adalah seorang pembangun ummah yang mampu memimpin masyarakat dengan kebaikan Islam, melainkan yang enggan kerana rasa sudah keterlanjuran yang tidak boleh diubah, sejak dari itu hubungan

---

<sup>70</sup> Ibid \_\_\_\_\_ hal. 254.

intim terjalin antara Hasan al-Banna dan Syeikh Mahmud yang bercita-cita untuk melebarkan sayap Ikhwān di bumi Iraq<sup>71</sup>.

xv- Jāber Rizq pula mengatakan, Hasan al-Banna adalah mujaddid/reformis kurun keempat belas hijrah, beliau merupakan pemimpin ummah yang tidak ada tolok bandingnya yang hidup pada zamannya. Kekuatan yang dimilikinya ialah mampu mengasaskan sebuah jamaah atau gerakan Islam yang tersebar luas hingga ke seluruh pelusuk dunia, yang tidak dapat sejarah nak bukukan kesemua apa yang berlaku padanya. Keberadaan beliau di muka bumi ini adalah kehendak Allah yang mahukan hamba-hambaNya beramal dengan agama-Nya, beliau adalah seorang pemimpin yang memiliki segala-galanya dari sudut persediaan rohani, fizikal dan mental, inilah rahsia bagaimana Ikhwan masih utuh walaupun beliau sudah lama dijemput Allah SWT<sup>72</sup>.

xvi- Salah seorang murid Hasan al-Banna yang tersohor dengan kezuhudan dan kewarakannya, iaitu Syeikh Sa'id Hawwa yang meminjam kata-kata seorang mujahid terkenal pada waktu itu, ‘Abd al-Karīm al-Khaṭṭābī yang menyifatkan Hasan al-Banna setanding dengan para Auliya’ (para wali Allah) kerana beliau memiliki ciri-ciri tersebut<sup>73</sup>.

xvii- Seorang lagi tokoh ulama’ buta tersohor Mesir yang digeruni oleh pemerintah ialah Syeikh ‘Abd al-Hamīd Kisyk mempunyai pandangan peribadi mengenai Hasan al-Banna, di mana beliau menyifatkannya sebagai ‘Mujaddid’ kurun ke-20 masehi, kerana beliau (Hasan) telah menghidupkan hati-hati

<sup>71</sup> Ibid\_\_\_\_\_hal. 259.

<sup>72</sup> Op. cit\_\_\_\_\_Jaber Rizq, hal. 6.

<sup>73</sup> Op. cit\_\_\_\_\_Hussain bin Muhammad bin ‘Ali Jaber, hal. 321.

manusia yang telah mati dengan dunia, namun penampilannya di persada dunia moden ini adalah untuk membawa manusia mengenali Tuhan mereka, ini terserlah dalam slogan yang sering beliau ungkapkan kepada para anggota al-Ikhwān al-Muslimūn, iaitu Allah matlamat kita, Rasul pemimpin dan suri teladan kita, al-Quran perlembagaan hidup kita, jihad adalah cara kita dan mati pada jalan Allah adalah cita-cita tertinggi kita. Sesungguhnya beliau telah mencapai cita-citanya dengan mati syahid pada jalan Allah. Seruan Hasan al-Banna dengan menyeru segenap manusia dengan pelbagai kedudukan mereka ke jalan Allah masih segar dalam jiwa dan sanubari rakyat Mesir khususnya dan umumnya kepada segenap ummah di seluruh dunia, maka tidak hairan beliau dinobatkan sebagai ‘Mujaddid’ ummah ini yang akan terus dikenang sampai bila-bila<sup>74</sup>.

xviii- Menurut Mahmud ‘Assaf, beliau sempat mencatat beberapa senarai tokoh ilmuan dan sarjana Islam yang termasuk dalam himpunan murid-murid Hasan al-Banna dan mereka yang memperakui aktiviti positif Ikhwān sebagai benar walaupun mereka menyertainya kerana kepentingan tertentu, segelintir yang kecundang dan berkonfrantasi dengan Ikhwān, mereka terdiri daripada :

xix- Syeikh Ahmad Hasan al-Bāqūrī – Menteri Wakaf Mesir dan Hal Ehwal al-Azhar dan mantan Presiden al-Azhar yang sempat bersama Hasan al-Banna walaupun akhirnya beliau keluar dari jamaah al-Ikhwān al-Muslimūn kerana perselisihan faham dalam beberapa isu yang tidak disebutkan.

---

<sup>74</sup> Syeikh ‘Abd al-Hamid Kisyk : *Hasan al-Banna Mujaddid al-Islam fi al-Qarn al-'Isyrin* dalam majalah *Liwa' al-Islam (Panji Islam)* (Qāherah : Bilangan 11 tahun 44, 28 Januari 1990), hal. 16.

xx- ‘Abd al-‘Azīz Kāmil, Dr – Timbalan Perdana Menteri, Menteri Wakaf Mesir dan Hal Ehwal al-Azhar, yang sempat bersama Hasan al-Banna dan berjuang bersamanya dan mati pada jalan dakwah.

xxi- ‘Abd al-Mun’im al-Namr, Dr – Mantan Menteri Wakaf Mesir yang pernah menyifatkan Hasan al-Banna sebagai berani menegakkan kebenaran dalam aspek pemikiran dan ijtihad terutama menyentuh persoalan agama yang menepati tuntutan semasa dan telah meninggalkan khazanah ilmu di perpustakaan Islam dalam pelbagai bidang ilmu dunia dan agama.

xxii- Ahmad Kamal Abu al-Majd, Dr – Mantan Menteri Penerangan, pemikir Islam tersohor, yang banyak mengenangkan pemikiran Islam mengenai kebangkitan Islam melalui hasil karyanya berupa buku dan kertas kerja.

xxiii- Taufiq asy-Syawi, Dr – Seorang pemikir Islam yang mahir dalam selok belok Syari’ah Islam, di mana pemikirannya banyak dibincangkan dalam program-program remaja.

xxiv- Fathi Othman, Dr – Salah seorang pimpinan Gerakan Islam berketurunan Mesir di Amerika bersama rakan-rakannya di sana menyediakan modul mengenai Konsep Fiqh Minoriti Muslim di Amerika.

xxv- Muṣṭafa al-Siba’ie, Dr (lulusan al-Azhar dan pernah berguru dengan Hasan al-Banna) – Wakil Ketua al-Ikhwān al-Muslimūn pertama di Syria, yang melaksanakan sepenuhnya manhaj Hasan al-Banna.

xxvi- Kamil al-Syarif – Mantan Menteri Kesihatan Jordan, yang mengasaskan Gerakan Islam bersama rakan-rakannya di sana.

Sebenarnya ramai lagi yang tidak dapat disebut, hanya dapat mencatat mereka yang dikira sebagai figur penting yang mati dalam perjuangan Islam di zaman Hasan al-Banna atau selepasnya<sup>75</sup>.

xxvii- Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Presiden PAS) berpandangan bahawa hasan al-Banna walaupun perjuangan Islam adalah untuk memartabatkan agama Allah SWT Tuhan pemilik sekelian alam, dan pendokongnya juga digelar sebagai golongan Allah (*Hizbullah*), namun Allah tidak menjadikan perjuangan Islam ini sentiasa menang dan di atas. Sebaliknya perjuangan ini sentiasa menghadapi pasang surut dan jatuh bangun. Sesuai sabda Rasulullah s.a.w. :

أَلَا إِنْ رَحِيْلَ الْإِسْلَامِ دَائِرَةٌ فَدُورُوا مَعَ الْكِتَابِ حِيثُ دَارَ

Terjemahannya : “Ketahuilah bahawa peredaran Islam ibarat roda yang berputar, maka sentiasa berpegang kepada al-Kitab walau bagaimana sekalipun putaran Islam.” (HR Tabrānī).

Dia abad ini setelah kita mengalami kejatuhan Uthmaniah dan umat Islam berada dalam keadaan yang begitu lemah, telah tiba masanya Islam untuk kembali bangkit. Sarjana Islam dan juga Barat sendiri mengakui bahawa kini telah bermula zaman kebangkitan bagi umat Islam. Pengkaji Barat mengatakan bahawa kemenangan Islam tidak mampu lagi disekat. Hanya mampu mereka lakukan adalah melambatkan kemenangan itu sahaja. Beliau secara konsisten menyebut dari tahun 70-an lagi, bahawa ini adalah zaman kebangkitan Islam. Penghayatan di Malaysia semakin baik. Kita boleh membandingkan bagaimana keadaan islam 30 tahun lepas dan sekarang. Semakin ramai muslimah menutup

---

<sup>75</sup> Mahmud ‘Assaf : *Ma’ā al-Imām al-Syahīd Hasan al-Banna* (Qāherah : Maktabah ‘Ain Syams, 1993), hal. 339-340.

aurat dengan sempurna di khalayak. Tidak ada lagi orang berani mengaku sekular. Malahan pengusaha perniagaan, media, hiburan, pendidikan semuanya perlu memasukkan unsur Islam dalam perusahaan mereka untuk kekal relevan. Fikrah Gerakan Islam yang tulen adalah menghindari polemic kekhilafan. Kewujudan Gerakan Islam antara lain adalah untuk menyedarkan ummah mengenai agenda musuh dalam mengapikan sesama Islam dan mengajak kepada kesatuan ummah tanpa mengira aliran. Perkara ini boleh dilihat jelas melalui Usul 20 (Pembangunan Insan) yang diasaskan oleh imam Hasan al-Banna. Di Malaysia secara khusus, PAS muncul dengan pegangan moderat (baca : wasatiy) menggabungkan antara Kaum Muda dan Kaum Tua. Kaum Muda adalah mereka yang menerima pengajian daripada Timur Tengah dan Institut Pengajian Islam Moden, manakala Kaum Tua adalah mereka yang mengikut pengajian di peringkat pondok tradisional<sup>76</sup>.

xxviii- Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) berpandangan, walaupun Hasan al-Banna telah lama meninggalkan kita, legasinya tetap ada. Jasanya dalam merevolusi sistem pendidikan dan mengajak manusia ke arah kebaikan akan tetap diteruskan. Legasi tersebut adalah usrah, iaitu sebuah unit paling mikro dalam sistem diskusi ilmu-ilmu Islam dan isu kontemporari. Apa kaitan usrah dengan merdeka? Keterkaitan utamanya adalah misi pembebasan manusia dari kejahilan dan kegelapan. Bukan sekadar merdeka dari jajahan militari, namun merdeka juga dari jajahan dan konkongan minda yang terus membodohkan manusia. Dengan usrah inilah tercetusnya kebangkitan yang menjadi kegerunan

---

<sup>76</sup> <http://www.harakahdaily.net/index.php/73-pimpinan/fikrah/3353-cabaran-di-kemuncak-kebangkitan-islam>, dicapai pada 15 Februari 2018.

musuh-musuh Islam dari hagemoni yang mencengkam di awal penubuhan al-Ikhwan al-Muslimun. Pengalaman yang pernah melibatkan diri dengan ABIM dan mungkin rakan-rakan yang pernah bersama gerakan-gerakan Islam yang lain juga amat mengenali usrah sebagai unit asas gerakan dan motivasi dalam mendidik umat. Menghayati usrah dalam erti kata sebenar, terselit 5 prinsip asas yang disemai oleh Hasan al-Banna yang praktikal untuk mencetuskan kebangkitan jiwa dan kemerdekaan jiwa yang tiada tanding. Lima asas prinsip itu ialah muroqabah, musyāwarah, muḥāsabah, munāqasyah dan mujāhadah<sup>77</sup>.

### **3.6.4 Kesyahidan Hasan Al-Banna**

Setiap yang bernyawa itu pasti akan mati, sama ada manusia mahupun haiwan bila tiba masanya yang telah ditentukan Allah SWT. Ada yang mati kerana beramal soleh dan tidak menghadapi masalah ketika bertemu Tuhan, ada juga yang mati kerana banyak melakukan kerosakan di muka bumi dengan menghadap Tuhan dalam keadaan tidak disukai-Nya. Islam mengajar penganutnya bahawa tiada siapa yang dapat meloloskan diri daripada kematian, namun dalam kajian ini pengkaji ingin membuktikan bahawa Hasan al-Banna menemui syahid dalam keadaan mulia setelah mengabdikan diri semasa hidup dengan amalan yang amat berfaedah seperti yang disaksi dan disahkan oleh para sarjana dan murid-murid yang rapat dengannya.

Tarikh 12 Februari 1949, adalah satu tarikh yang menyelubungi kesedihan segenap rakyat Mesir dengan kematian Hasan al-Banna di hadapan

---

<sup>77</sup><http://penangisnstitute.org/v3/resources/articles/serambi-penang-institute/338-merdeka-jiwa-prinsip-hasan-al-banna>. Dicapai pada 15 Februari 2018.

Dār al-Syubbān al-Muslimīn selepas menziarahi tempat tersebut<sup>78</sup>. Terdahulu Hasan al-Banna ada menyatakan kepada amggota-anggota Ikhwan, bahawa pihak pemerintah memang berhasrat untuk membendung segenap aktivitinya dan mahu membunuh aku, kerana Perdana Menteri, Mahmoūd Fahmi el-Noukrāshi yang dianggap banyak pihak ketika itu sebagai manusia paling kejam yang tidak berhati perut mahu menggagalkan segenap kebaikan terutama yang dibawa oleh al-Ikhwān al-Muslimūn, pertembungan antara aku dan beliau jelas terpancar kerana tidak dapat bersepakat dalam banyak perkara melibatkan cara pemerintahan yang ditadbir oleh Raja Fāroūq. Justeru, tindakan pihak pemerintah mahu membunuhku adalah untuk menutup pintu rundingan dan atas nasihat kedutaan British yang menganggapku berbahaya, inilah punca kepada tindakan negatif pihak pemerintah yang takutkan bayang-bayangnya sendiri<sup>79</sup>.

Namun umur el-Noukrāshi tidak panjang, apabila beliau mati dibunuh pada 28 Disember 1948 iaitu dua bulan sebelum kesyahidan Hasan al-Banna, kematianya tidak diketahui siapa pembunuhnya, namun pihak kerajaan Fāroūq menuding jari terhadap Ikhwān, bertambah lagi meluap-luap kemarahannya terutama kepada Hasan al-Banna, tempat el-Noukrashi diganti oleh timbalannya iaitu Ibrahim ‘Abd al-Hadi Pasha yang sama hasrat dengan sebelumnya, benci terhadap al-Ikhwān al-Muslimūn dan Hasan al-Banna, beliau mendapat mandat

<sup>78</sup> Ahmad Rabi’ ‘Abd al-Hamid Khalf Allah : *Al-Fikr al-Tarbawi lada Jamā’at al-Ikhwān al-Muslimīn* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1984, hal. 72. Ia merupakan tesis Sarjana dengan kepujian kelas pertama di Fakulti Pendidikan Universiti al-Azhar yang diselia oleh Prof. Dr. Muhammad Saif al-Din Fahmi, Dekan Fakulti Pendidikan.

<sup>79</sup> Ahmad ‘Adel Kamal : *Al-Nuqaṭ Fauq al-Ḥurūf – Al-Ikhwān al-Muslimūn wa al-Niẓām al-khāṣ* (Qāherah : Az-Zahraa Li al-‘Ilam al-‘Arabi, 1987), hal 239.

untuk bertindak ke atas al-Ikhwān al-Muslimūn dan membawa kepada kesyahidan Hasan al-Banna<sup>80</sup>.

Selepas pertengahan malam 12 Februari 1949 yang hening sepi, sebuah kereta polis menuju ke satu jalan di bandar Hilmiyyah, Qāherah. Kereta-kereta berhenti, sekumpulan tentera yang bersenjata bergegas mengepung kesemua jalan dan kawalan diketatkan di sekitar sebuah rumah yang tidak seberapa di tengah-tengah jalan, tiba-tiba datang sebuah kereta ke arah rumah ini. Para tentera pun berbaris memindahkan sekujur badan yang kaku yang diambil daripada kereta itu lalu cepat-cepat dibawa ke dalam rumah. Mereka pun mengetuk pintu, lalu seorang tua yang melewati usia 90-an membuka pintu. Beberapa orang pegawai memasuki rumah tersebut sebelum jasad dibawa masuk bagi memastikan tidak ada orang lain di situ. Arahan tanpa kompromi diberikan kepada si tua. Tidak boleh ada suara, tidak boleh ada ucapan takziah, dan tidak seorang pun yang berkepakaran untuk menguruskan jenazah, hanya engkau dan ahli rumah sahaja! Pengebumian mesti dibereskan tepat pada jam sembilan pagi<sup>81</sup>.

Orang tua itu ialah bapa orang yang meninggal itu, sekalipun begitu sedih lantaran tua, beliau bangun menguruskan pengebumian anaknya. Lalu si tua itu pun menyapu darah anaknya kesan daripada peluru-peluru yang mengakukkan tubuhnya. Pagi pun menjelma, para pegawai datang sebagaimana janji mereka, marilah bersama anakmu kebumikannya, maka si bapa yang

<sup>80</sup> Ṣolāh asy-Shādi : *Sofḥāt min al-Tārīkh – Haṣod al-‘Umur* (Qāherah : Az-Zahraa Li al-‘Ilam al-‘Arabi, 1987), hal. 99-100.

<sup>81</sup> Riduan Mohamad Nor : *Memperingati 100 Tahun Hasan Al-Banna* (Kuala Lumpur : Jundi Resources, 2006), hal. 65.

berusia 90-an itu bertempik, bagaimana aku boleh membawanya? Tenteralah kena bawa! Jawapannya adalah ahli keluargalah yang mesti membawanya! Pada hal yang tinggal hanyalah perempuan-perempuan dan seorang budak lelaki yang masih kecil. Namun sekujur badan dibawa ke jalan yang dipikul oleh isteri dan anak perempuannya. Di belakangnya hanyalah ayahnya. Sesiapa yang berani mengiringi jenazah itu, maka penjaralah kesudahannya. Sesampainya jenazah itu ke sebuah masjid untuk disembahyangkan, tiba-tiba masjid itu kosong daripada seorang manusia hatta orang yang berkhidmat di situ (pegawai-pegawai masjid)<sup>82</sup>.

Si bapa pun bersolat jenazah dan diikuti oleh ahli keluarga yang terdiri daripada perempuan. Kemudian mereka pun menurunkannya ke dalam kuburnya. Kesemuanya pulang ke rumah dengan kawalan yang begitu ketat. Inilah jenazah asy-Syahid Hasan al-Banna. Dan penangkapan selesai dilakukan terhadap jiran-jiran, bukan kerana apapun tetapi kerana mengucapkan takziah kepada keluarga ini. Kepungan dilakukan bukan sahaja terhadap rumah kerana bimbangkan revolusi yang akan dilakukan oleh mereka yang datang memberi ucapan takziah, bahkan kepungan juga turut dilakukan terhadap kubur kerana bimbangkan akan ada orang yang datang mengeluarkan jasad dan mendedahkan jenayah. Dan pegawai-pegawai polis pun berkeliaran di masjid-masjid bagi mengarahkan masjid ditutup selepas setiap kali solat kerana takut akan ada orang yang berani memprotes terhadap kezaliman al-marhum<sup>83</sup>.

---

<sup>82</sup> Ibid\_\_\_\_Riduan, hal. 65

<sup>83</sup> Ibid\_\_\_\_hal. 66

Dalam aspek yang lain, seorang raja negara (Farouq) telah menangguhkan hari jadinya daripada 11 Februari kepada 12 Februari untuk sama berpesta meraikan dengan mereka yang meraikan kematian lelaki ini termasuk di salah sebuah hotel di Amerika, ketika mana disiasat sebab diadakan pesta ini, maka ketahuilah bahawa ia adalah kegembiraan terhadap kematian lelaki ini<sup>84</sup>.

Pada tarikh 26 Februari 1949, iaitu selapas dua minggu kesyahidan Imam Hasan al-Banna, Duta Besar Britain ke Qāherah, Sir Ronald Campbell menziarahi Raja Fāroūq yang dikatakan terlalu gembira dengan kematian Hasan al-Banna, Sir Ronald bertanya ; Adakah kematian Hasan al-Banna disebabkan perancangan antara anggota al-Ikhwān al-Muslimūn sendiri yang tidak bersetuju dengannya? Tidak tegas Fāroūq, ia memang dirancang oleh pihaknya kerana takut pengaruh Hasan al-Banna mengatasi pengaruhnya. Sementara diplomat Amerika di Qāherah, Jefryson Patterson ada menulis dengan mengatakan bahawa rakyat Mesir menyambut gembira kematian Hasan al-Banna dari pentas politik Mesir, apa yang membimbangkan ialah tindakan balas dendam atau tindakan melampau akan dilakukan oleh anggota-anggota Ikhwān sebagai menyatakan sokongan terhadap Hasan al-Banna. Jadi satu mekanisme perlu diwujudkan bagi membendung aktiviti melampau yang akan dilakukan oleh pengikutnya<sup>85</sup>.

---

<sup>84</sup> Ibid

<sup>85</sup> Mohsen Muhammad : *Man Qatala Hasan al-Banna?* (Qaherah : Dar al-Syuruq, 1987), hal. 550-552. ISBN 977-148-087-1.

### **3.7. Pembangunan Insan Dalam Pembentukan Individu, Rumah Tangga, Masyarakat (Umat) Dan Negara Menurut Hasan Al-Banna**

Kemampuan serta kebolehan Hasan al-Banna memang cukup terserlah serta diperakui banyak pihak, beliau dikenali sebagai ikon pembangunan insan dan dakwah kontemporari hampir lapan dekad, hasilnya beliau berjaya membentuk satu kumpulan manusia (Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn) yang sedia untuk merealisasikan segenap ajaran dan pendekatan Islam dalam pelbagai dimensi yang selari dengan ajaran Islam. Ia bukan sekadar retorik kejayaan dalam dakwah, akan tetapi kebolehannya mempersempit teknik serta pendekatan praktikal dalam membangun manusiawi. Berbekalkan modal al-Quran, al-Sunnah (hadīth) Nabi, Sirah serta elemen-elemen ilmu farḍu ain, Hasan al-Banna berhasrat mahu melihat ummah ini menjadi pemangkin kepada Khaira Ummah seperti yang termeterai dalam al-Quran sekali gus menjadi ‘role model’ dalam segenap dimensi realiti kehidupan ini. Perkara ini jelas disebut dalam ungkapan beliau seperti dalam ‘Risālah Ila al-Syabāb’ yang merupakan salah satu risalah yang terhimpun dalam kitab Majmū’ah al-Rasāil, di mana beliau mengingatkan golongan remaja Islam khususnya agar dapat melengkapkan diri dengan iman, ikhlas, semangat juang yang tinggi dan beramal sesuai dengan keilmuan Islam yang ada dalam diri mereka. Pun begitu, ummah terutama golongan remaja tidak terkecuali dalam berhadapan situasi mencabar apabila wujudnya kepelbagai teknik dakwah, hala tuju serta suara-suara sumbang yang secara tidak langsung boleh menggugat usaha ke arah pembangunan insan.

Apa yang menarik dalam peringatan yang disampaikan oleh beliau kepada golongan remaja, beliau mahu agar mereka menjadi individu-individu muslim yang jelas dari sudut kefahaman Islam dalam aspek aqidah, cara berfikir, tutur kata, hubungan sesama manusia hingga mampu menjadi ketua keluarga yang dapat memimpin pasangan serta zuriat dengan elemen-elemen yang disebutkan, juga mampu menzahirkan sebuah masyarakat berkualiti dengan memiliki ciri-ciri khusus Ummah Islam yang disebut dalam al-Quran.

Melalui ummah ini, setiap individu di dalamnya berperanan dalam memperkenalkan kefahaman Islam berpaksikan kepada kekuatan elemen al-Quran, al-Sunnah, Sirah dan sebagainya yang jauh dari sebarang tokok tambah atau pengurangan daripada ajaran Islam sebenar. Semua itu dapat direalisasikan jika terbentuknya sebuah kerajaan atau pemerintahan Islam yang memandu masyarakat untuk ke masjid, memimpin mereka untuk mendapatkan petunjuk Islam yang hanya memfokuskan dasar Islam dalam pentadbiran negara tanpa disadur daripada acuan Barat yang anti Islam<sup>86</sup>.

Ungkapan di atas pertama kali dilontarkan pada tahun 1938 di Dār al-Ikhwān al-Muslimūn yang terletak di Medan Ratu Faridah yang sekarang dikenali sebagai Medan ‘Atabah, kemudian dihimpun menjadi sebuah risalah. Risalah ini amat menepati aspirasi roh golongan Syabab (remaja), kerana ia bersifat membangkitkan kesedaran, kebangkitan dan tanggungjawab terhadap elemen agama dengan uslub (pendekatan) yang cukup mudah dan berkesan yang sebenarnya tidak perlu kepada penjelasan yang terperinci. Ia diinspirasikan untuk

---

<sup>86</sup> Hasan al-Banna : *Majmu'ah Rasā'il al-Imam al-Syahīd Hasan al-Banna* (Qaherah : Dar al-Syihāb, t.t), hal. 85.

menyelesaikan permasalahan remaja dengan kepelbagaian teknik untuk menyelamatkan mereka yang dikaburi dengan sistem hidup yang bercelaru kepada satu cara hidup Islam yang bersifat komprehensif dalam segenap aspek. Apa yang menarik, risalah ini ibarat satu lembaran yang termaktub di dalamnya beberapa persoalan rutin yang dihadapi oleh setiap muslim dan muslimah seperti “Adakah anda telah mendirikan solat farḍu lima waktu? Adakah anda membudayakan pembacaan al-Quran dalam kehidupan harian? Adakah anda telah melakukan sedekah kepada golongan miskin? Adakah anda telah mendirikan solat Subuh pada awal waktu? Adakah anda telah menziarahi saudaramu yang sakit dan pelbagai soalan yang lain. Jika ini dapat dilakukan dengan baik, jujur dan amanah, maka para remaja boleh memimpin usrah sebagai seorang naqib yang berkesan<sup>87</sup>.

### **3.7.1. Faktor Kehancuran Negara-Negara Arab Mendorong Hasan Al-Banna Lakukan Pengislahan**

Sehubungan itu, pengkaji yakin perlu untuk memberi sedikit penjelasan berkaitan keadaan negara-negara Arab di Afrika Utara dan kesannya kepada kehancuran beragama dalam kalangan rakyatnya yang amat perlu untuk dibangun semula, inilah yang menjadi matlamat kajian dilakukan. Jelas Kitab Majmu’ah al-Rasāil sarat dengan pemikiran Hasan al-Banna dalam pembangunan insan untuk membangun manusia yang telah hilang jati diri mereka akibat penjajahan pemikiran dan permusuhan.

---

<sup>87</sup> Abbas as-Sisi : *Fi Qāfilah al-Ikhwān al-Muslimīn* (Qāherah : Iqra’ Dār al-Tibā’ah wa al-Nasyr wa al-Šoūtiyyat, 1987), 40-41.

Menurut ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, negara-negara Islam terutama di Afrika Utara seperti Mesir, Libya, Tunisia, Algeria dan Maghribi pada zaman kehidupan Hasan al-Banna telah menerima kemasukan Islam melalui sejarah yang amat panjang, di mana negara-negara berkenaan telah menerima kemasukan Islam pada kurun pertama hijrah, akan tetapi ia dilihat oleh penajah sebagai negara-negara yang mengamalkan undang-undang Islam dan cara hidup Islam, justeru mereka menyelinap masuk dengan membawa sekali gus virus fahaman Sekularisme<sup>88</sup> atas nama tamadun moden bertujuan untuk merosakkan pemikiran rakyat yang sanggup memisahkan antara agama dengan pentadbiran negara. Ia diketuai oleh British yang memasuki Mesir sejak 1882H dan menunggu masa 22 tahun untuk menjadikan Mesir negara yang berdaulat dengan aliran fahaman Sekularisme<sup>89</sup>.

Aliran Sekularisme ini semakin mendapat tempat dalam negara-negara umat Islam dan Arab, ia dapat diterima dengan senang hati di negara-negara yang telah disebutkan. Ini bermula dengan kejatuhan Negara Islam ‘Uthmānīyyah di Turki pada 1924 melalui tangan pengkhianat iaitu Mustafa Kamal Attaturk. Menyedari hakikat bahaya aliran fahaman ini, Hasan al-Banna telah menujuhkan Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn pada 1928, pada peringkat awal, beliau menyalurkan segenap kata-kata hikmah seperti Sepuluh Wasiat Hasan al-Banna, Rukun Bai’ah yang sepuluh dan beberapa yang lain, yang

<sup>88</sup> Sekularisme juga derti sebagai fahaman ‘tiada agama’ atau ‘cenderung kepada kehidupan dunia’ yang tiada kaitan langsung dengan kehidupan akhirat, atau dengan kata lain aliran fahaman yang tiada kaitan dengan agama, iaitu agama dipisahkan daripada kehidupan dunia. - Yusuf al-Qaradawi, Dr : *Al-Islām wa al-‘Ilmānīyyah Wajhān li Wajhīn* (Qāherah : Dār al-Sohwah, 1987), hal. 48.

<sup>89</sup> ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud Dr., : *Rukn al-‘Amal aw Manhaj al- Islāh al-Islāmī li al-Fard wa al-Mujtama*’ (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islāmīyyah, 1994), hal. 186-187.

kesemuanya dihimpunkan dalam kitab Majmu'ah al-Rasā'il. Setelah al-Ikhwān al-Muslimūn menjadi semakin utuh, beliau menggunakan segala pendekatan media massa sebagai forum dan medium untuk menyampaikan pemikiran dan hasrat kepada umat untuk membangun mereka dengan Islam<sup>90</sup>.

Sesungguhnya Hasan al-Banna sempat menyaksikan kehancuran dan kemusnahan segenap elemen Islam seusai tamat pengajian di Dār al-‘Ulūm, bagaimana penjajah British mengharamkan penggunaan bahasa Arab semaksimum dalam ibadat-ibadat khusus umat Islam setelah berjaya menjatuhkan Negara Islam terakhir di Turki, akibatnya azan dikumandangkan dalam bahasa Turki, bahasa Latin menjadi alternatif dalam pembelajaran harian di semua sektor kerajaan dan swasta. Inilah yang telah membangkitkan rasa keprihatinan buat Hasan al-Banna untuk melakukan sesuatu bagi menyelamatkan keadaan yang semakin meruncing<sup>91</sup>.

Apa yang ketara, penjajah British bertindak memulakan langkah kanannya dengan menghapuskan nilai-nilai agama Islam dengan menukar kepada fahaman sekularisme, menyebar-luaskan gerakan memerangi apa sahaja yang bersifat agama, mengaktifkan gerakan Kristianisasi dengan melabelkan Islam sebagai agama sesat, mereka melakukan usaha pembaratan dalam segenap tindak-tanduk umat Islam agar sentiasa tunduk dan mengharap kepada negara-negara Eropah, merosakkan akhlak penganut Islam, memecah belahkan parti-parti politik, mencampur-adukkan konsep amalan Islam dengan roh sekularisme

---

<sup>90</sup> Muhammad Fathi ‘Ali Sya’ier : *Wasā'il ‘Ilām al-Maṭbū’ah fi Da’wah al-Ikhwān al-Muslimīn* (Riyadh : Al-Ma’had al-‘Āliy al-Da’wah al-Islamiyyah, 1985), hal. 107. Ijazah Sarjana dengan Kepujian Kelas Pertama yang diselia oleh Prof. Dr. Ahmad Muhammad al-‘Assāl.

<sup>91</sup> Ibid hal. 9

dan yang paling penting mereka berjaya menjatuhkan Negara Islam ‘Uthmaniyyah seratus peratus<sup>92</sup>.

### **3.7.2. Parlimen Pusat Pembangunan Insan Menurut Hasan Al-Banna**

Keperluan kepada pengislahan melalui program atau projek pembangunan insan, Hasan al-Banna mempunyai pandangan peribadi mengenai penglibatan anggota-anggota al-Ikhwān al-Muslimūn dalam parlimen. Dalam Muktamar keenam yang diadakan pada bulan Zulhijjah 1361H, keputusan sebulat suara telah dibuat melalui Jabatan al-Mursyid al-‘Ām yang diketuai oleh beliau sendiri, iaitu dengan menetapkan bahawa al-Ikhwān al-Muslimūn akan menyertai pilihan raya parlimen secara sah, namun masyarakat awam terpinga-pinga dengan keputusan itu kerana mereka beranggapan bahawa al-Ikhwān al-Muslimūn adalah sebuah gerakan dakwah yang hanya tertumpu kepada usaha pengislahan melalui program pembangunan insan dan bukannya sebuah parti politik. Keputusan itu dibuat memandangkan masyarakat umat Islam terutama di Mesir perlu mengetahui apa yang dilakukan oleh pemerintah buat kepentingan mereka, bagi memudahkan perkara itu sampai ke pengetahuan mereka, maka tidak boleh tidak anggota-anggota al-Ikhwān al-Muslimūn perlu memenangi kerusi parlimen dengan menyertai pilihan raya, (sekurang-kurangnya dapat mengetahui apa yang dilakarkan oleh pemerintah buat rakyat jelata, atau paling tidak dapat menghalang mana-mana keputusan parlimen yang tidak selari dengan hukum Syariat Islam). Maka pendirian ini bukanlah sesuatu yang asing, kerana

---

<sup>92</sup> Ibid\_\_\_\_\_hal. 17

dengan memenangi beberapa kerusi parlimen, maka program iṣlāḥ dan pembangunan insan dalam pelbagai unsur dan pendekatannya dapat disalurkan<sup>93</sup>.

Bagi merealisasikan unsur pembangunan insan terlaksana di parlimen, Hasan al-Banna telah menulis surat rasmi selaku al-Mursyidul al-‘Ām kepada pihak pemerintah agar sebuah masjid di parlimen dapat dibangunkan, ia bertujuan selain membahaskan isu-isu berkaitan negara, rakyat serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya ditangani dengan mendapat keberkatan dari Allah SWT dengan mendirikan solat secara berjamaah<sup>94</sup>.

Ia menunjukkan keperihatinan dan kesungguhan Hasan al-Banna dalam isu yang bersangkutan dengan nilai-nilai agama yang mampu membentuk individu muslim menjadi hamba Allah yang terbaik di muka bumi yang dipijak ini, ini kerana parlimen mampu menggubal sesuatu dasar, jika ia berlandaskan perkara Islamik maka semuanya akan turut menjadi Islamik seperti cara mentadbir negara, cara hidup rakyat merangkumi pertuturan, cara berfikir, gaya hidup yang berteraskan unsur-unsur pembangunan insan yang dicanang oleh Hasan al-Banna.

Justeru, bagi memenangi hati masyarakat umum dan juga pemerintah, Hasan al-Banna telah memulakan usaha pembangunan insan dan dakwah peringkat awal dalam kalangan anggota-anggota al-Ikhwān al-Muslimūn dengan elemen berkasih sayang, persaudaraan dan perkenalan, jauh dari sebarang unsur

<sup>93</sup> Muhsin Rodhi : *Al-Ikhwān al-Muslimūn Tahta Qubbat al-Barlimān* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiyyah, 1990), hal. 20-21. ISBN 977-265-014-2.

<sup>94</sup> Hasan al-Banna : *Mudhakkirāt al-Da’wah wa al-Dā’iyah* (Qaherah : Dar al-Syihab, t.t.), teks penuh surat daripada Hasan al-Banna kepada Ketua Negara dan surat balasan termaktub dalam halaman 178-179 mengenai pembinaan masjid di bangunan parlimen yang mendapat respons positif dari pihak pemerintah.

kekerasan dan keganasan yang bukan dari ajaran Islam, inilah yang telah termaktub dalam akhbar al-Ikhwān al-Muslimūn yang diterbitkan pada 5 Syaaban 1352H<sup>95</sup>. Ini cuba direalisasikan ketika mengarahkan anggota-anggotanya dalam berpolitik, kerana dengan memahami aspek politik yang sihat mampu memacu ummah kepada satu kefahaman Islam yang syumul.

Namun apa yang dihadapi oleh anggota-anggota al-Ikhwān al-Muslimūn ketika berpolitik dengan memasuki pilihan raya, mereka dikecam hebat oleh golongan Sekularisme terutama pihak pemerintah yang menuding jari ke arah Hasan al-Banna dan al-Ikhwān al-Muslimūn dengan menyifatkan mereka hanya layak dalam kancang dakwah dan bukannya politik, lebih-lebih lagi menyertai pilihan raya, mereka hanya layak berada di masjid, bukannya parliment jika benar mereka mahu menyampaikan mesej Islam melalui projek pembangunan insan dan dakwah kepada kebenaran. Para pengamal Sekularisme dalam kalangan pemerintah telah mula meniupkan semangat kebangsaan dan Sekularisme dengan menegaskan bahawa ‘Tiada agama dalam politik dan tiada politik dalam agama’. Namun Ikhwān tetap dengan pendirian bahawa menyertai pilihan raya adalah salah satu cara untuk menguasai negara, dengannya banyak nilai agama dapat diterapkan dalam kalangan individu, masyarakat dan pemerintah, walau bagaimanapun Ikhwān tidak hanya memfokuskan aspek politik hingga mengabaikan aspek tarbiyah dalam kalangan anggota jamaah<sup>96</sup>.

<sup>95</sup> ‘Abd al-‘Azīm Muhammad Ibrahim Ramaḍan : *Al-Ikhwān al-Muslimūn wa al-Tanzīm al-Sirrī* (Qāherah : Maktabah Rozelyousef, 1982), hal. 25.

<sup>96</sup> Muṣṭafa Masyhūr : *Tasāulāt ‘Alā al-Torīq* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islāmiyah, t.t.), hal 99-100.

Hasan al-Banna dalam kenyataannya menerusi risalah ‘Muktamar Kelima’ di bawah tajuk ‘Pemikiran al-Ikhwān al-Muslimūn merangkumi semua makna *iṣlāḥ*’, memperlihatkan sikap Hasan al-Banna dan al-Ikhwān al-Muslimūn yang memacu ummah dengan konsep faham secara menyeluruh mengenai Islam, pada ketika semua pihak dalam kalangan ummah ini bergelumang dengan dosa dari peringkat akar umbi hingga kepada penguasa atau pemerintah yang bagaikan hilang jati diri dengan Islam, semua bergantung kepada bantuan Amerika daripada sekecil-kecil perkara hingga kepada aspek pemerintahan<sup>97</sup>.

Maka sudah tiba masanya al-Ikhwān al-Muslimūn berpolitik dengan bergerak untuk menyertai pilihan raya agar dapat menyuarakan pandangan dalam aspek pembangunan insan dan paling tidakpun dapat menghalang sekali gus menyanggah pemerintah dari terus dengan program meruntuh nilai-nilai agama.

Berkata Ma’mun al-Hudaibi, ‘Ikhwān tidak melibatkan diri dalam parlimen untuk membuat produk hukum yang tidak Islamik. Namun paling tidak, sedapat mungkin mencegah keluarnya hukum-hukum Jahiliyah. Ikhwān menggolongkan pekerjaan itu sebagai bahagian dari amar ma’ruf nahi munkar. Meskipun demikian, nahi munkar tidak akan berhasil hanya dengan slogan dan pernyataan bahawa hal ini atau hal itu haram. Namun, sebuah alternatif lain mesti diperkenalkan untuk menghindari kesalahan fatal<sup>98</sup>.

---

<sup>97</sup> Hamzah Mansūr : *Hākadhbā ‘Allamatni Da’wah al-Ikhwān al-Muslimīn* (‘Ammān : Dār al-Furqān, 1999), hal 20.

<sup>98</sup> Farid Nu’mān : *Al-Ikhwān al-Muslimūn- Anugerah Allah yang terzalimi* (Depok Indonesia : Pustaka Nauka, 2003), hal 47-48.

### **3.7.3. Media Massa Medium Membangun Insan**

Kehebatan dan kepakaran Hasan al-Banna dalam mengambil kesempatan menggunakan media massa<sup>99</sup> seperti penulisan-penulisan beliau yang bersifat mentarbiyah dan memberi kesedaran kepada umat Islam termasuk pidatonya yang dihimpunkan dalam kitab *Majmu'ah al-Rasā'il* agar menjadi rujukan bagi membangun semula insan yang telah musnah akibat penjajahan untuk kembali berpegang kepada ajaran Islam sebenar, sekali gus mengembalikan mereka untuk meraih kemuliaan daripada Allah SWT.

Kalau sebelum ini majalah al-'Urwah al-Wuthqā' yang diusahakan oleh Syeikh Jamaluddin al-Afghani<sup>100</sup> dan Syeikh Muhammad 'Abduh<sup>101</sup>, disusuli

---

<sup>99</sup> Menurut 'Abd Latif Hamzah, Prof. : Media massa adalah satu pendekatan bagi menyalur dan membekalkan kepada masyarakat awam maklumat-maklumat yang benar lagi jelas, sejauhmana kebenaran maklumat yang disalurkan bergantung kepada ketelusan pelapor sesuatu maklumat. Bagi Dr Ibrahim Imam, media massa adalah satu ilmu komunikasi, iaitu ilmu kemasyarakatan moden yang dapat menyalurkan maklumat atau berita terkini yang mempunyai kuasa bagi memberi kesan kepada pihak yang menerima maklumat. Sementara Prof. Faisal Hassun pula mendefinisikan media massa sebagai bahan untuk mengetahui sesuatu perkara, berita, pendapat melalui penggunaan alat yang boleh menyalurkan maklumat kepada umum. Ia boleh diperolehi melalui rangkaian siaran radio, kaca televisyen, video, alat perakam, cakera padat, panggung wayang, teater, buku, majalah, surat khabar dan penyampaian khutbah. Marwan Kajek : *Al-Usrāh al-Muslimah Amām al-Video wa al-Televiziyūn* (Qāherah : Dār al-Kalimah al-Taiyibah, 1986), hal. 40.

Sesungguhnya media massa seperti kaca televisyen benar-benar memberi impak besar dalam kehidupan masyarakat masa kini dalam mendidik akhlak dan jati diri mereka ke arah kebaikan, namun pada masa yang sama ia juga mempunyai kuasa untuk meruntuh sesuatu bangsa jika mereka gagal dalam mengawal penggunaan media massa tersebut. Muhammad Kamel 'Abd as-Somad : *Al-Televiziyūn Bainā al-Hadm wa al-Binā'* (Iskandariah : Dār al-Da'wah, 1985), hal.7.

<sup>100</sup> Jamaluddin al-Afghani (1838-1897) merupakan seorang ahli falsafah Islam, dilahirkan di As'adabad (Afghanistan). Beliau terkenal dalam dunia Islam kerana kepetahannya berpidato untuk menyatukan barisan umat Islam menentang penjajah, antara bukunya yang tersohor 'Abtōl Madhhāb al-Dahriyyin wa Bayān Mafāsidihim" yang menjelaskan tentang golongan oppurtunis yang sesat, buku tersebut dialih bahasa kepada bahasa Arab oleh Syeikh Muhammad 'Abduh. – *Al-Munjid fi al-Lughah* (Beirut : Dar al-Masriq, 1973), hal. 55 bahagian Tokoh dan Kesenian.

<sup>101</sup> Syeikh Muhammad 'Abduh (1849-1905) dilahirkan di perkampungan al-Gharbiah dan meninggal di Iskandariah. Beliau merupakan tokoh ilmuan Islam terkemuka berbangsa Mesir yang mengajak umat kepada Islāh dan Tajdīd, lepasan lulusan al-Azhar, pernah bersama Jamaluddin al-Afghani menyatakan penentangan mereka terhadap penjajahan, kedua-dua mereka diusir dari Mesir dan melarikan diri ke Perancis, di sana menghasilkan surat khabar 'Al-'Urwah al-Wuthqā', kemudian ke Lubnan untuk tujuan mengajar, kembali ke Mesir pada 1899 dan dilantik sebagai Mufti Negara Mesir, antara kitabnya yang tersohor ialah Risālah al-Tauhīd,

dengan majalah al-Manar oleh Syeikh Muhammad Rasyid Ridā<sup>102</sup>, sementara Syeikh Muṣṭafa Ṣobri<sup>103</sup> dengan bukunya ‘Al-Nakīr ‘Ala Munkīr al-Ni’mah min al-Dīn wa al-Khalīfah wa al-Ummah’ bertujuan untuk menyedarkan umat, usaha mereka sedikit sebanyak berbekas dalam sanubari umat yang masih ada lagi iman dalam diri mereka, maka giliran Hasan al-Banna pula menerbitkan majalah<sup>104</sup>, makalah, akhbar-akhbar dengan pelbagai nama dan pendekatan, dengan tujuan yang sama untuk memandu umat supaya berpegang dengan ajaran Islam<sup>105</sup>.

Dengan penggunaan media massa, ia dianggap satu-satunya alat bagi menjelaskan kebenaran Islam, mempertahankannya dalam segenap aspek ajarannya, memerangi aliran pemikiran songsang, mempertahan semula bahasa Arab sebagai bahasa rasmi umat Islam, menghidupkan warisan khazanah-khazanah ilmu Islam, memperbetulkan kefahaman terhadap Syariah Islam,

---

Syarḥ Maqāmāt al-Bādī’ al-Hamdāni, Syarḥ Nahj al-Balāghah dan beberapa yang lain. Ibid \_\_\_\_ hal. 454.

<sup>102</sup> Syeikh Muhammad Rasyid Redha dilahirkan di al-Qalmūn, Lubnan pada 1865 dan meninggal pada 1935, merupakan seorang tokoh ilmuan Islam, pernah berguru dengan Syeikh Muhammad ‘Abduh, antara tulisannya yang tersohor ialah majalah dan tafsir ‘Al-Manār’. Ibid \_\_\_\_ hal. 308.

<sup>103</sup> Beliau seorang ulama’ madhab Hanafi berasal dari Turki, pada masa yang sama merupakan seorang faqih, pengkaji serta penulis terkemuka, pernah dilantik sebagai penasihat kerajaan Islam ‘Uthmaniyyah yang amat keras menentang golongan Kamaliyyun (penyokong Mustafa Kamal Attaturk), sempat meninggalkan Turki seusai pencerobohan British untuk ke Mesir pada 1924. – Muhammad Fathi Ali Sya’ier : *Wasā'il al-‘Ilām al-Maṭbū‘ah fi Da’wah al-Ikhwān al-Muslimīn* (Riyadh : Al-Ma’had al-‘Āli li al-Da’wah al-Islamiyah, 1985), hal. 92.

<sup>104</sup> Jum’ah Amin ‘Abd al-‘Aziz : *Silsilah Mīn Turāth al-Imām al-Bannā – Al-Munasabāt al-Islamiyyāh* (Qāherah : Dār al-Da’wah, t.t.), 253. Penulis ada menyebut bahawa Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn ada menerbitkan majalah bersifat mingguan yang tidak diberi nama yang diterbitkan buat pertama kali pada 15 Jun 1933, di mana Hasan al-Banna menulis dalam majalah ini dalam dua bentuk penulisan, pertama bersifat keagamaan merangkumi persoalan fiqh, tafsir, aqidah, fatwa, tasauf, nasihat dari khutbah dan al-Ma’thūrāt yang dianggap makalah terpenting dalam majalah berkenaan, kedua bersifat penjelasan mengenai konsep politik, dakwah, kemasyarakatan, akhlak berpaksikan kepada hari-hari kebesaran Islam, beliau sempat menulis selama lima tahun. Kemudian disusuli dengan majalah al-Nadīr, al-Manār dan al-Ta’āruf. Kemudian majalah yang diterbitkan dua minggu sekali dan majalah harian seperti majalah al-Siyāh, al-Faṭḥ, al-Niḍāl dan al-‘Itiṣom.

<sup>105</sup> Ibid \_\_\_\_ hal. 87-91.

memperjelaskan hak-hak keistimewaan umat Islam dalam negara sendiri serta mengislamisasikan semula segenap pendekatan kebaratan dalam aspek pendidikan, cara berfikir, penampilan diri dan lain-lain<sup>106</sup>.

### **3.7.4. Pembangunan Insan Dalam Pembentukan Individu Muslim**

Sehubungan dengan sandaran 10 unsur pembangunan insan<sup>107</sup> yang menjadi teras kepada pembentukan individu muslim yang tidak boleh tidak sebagai satu keperluan asasi yang menjamin keutuhan individu yang disasar menjadi agen perubahan masyarakat. Iaitu individu yang berkualiti, efektif, efisyen dan berketerampilan meyakinkan. Perkara ini ada ditegaskan oleh Hasan al-Banna dalam Risalah Ila al-Syabab dan Risalah Da'watunā Fi Ṭāūr Jadiđ, ia memperlihatkan betapa mempersiap diri dengan pembentukan dan pembangunan insan dalam diri individu adalah tersangat penting. Sesungguhnya 10 unsur pembangunan insan yang dilontarkan oleh Hasan al-Banna merupakan asas kepada pembentukan dan pembangunan insan itu sendiri. Tanpa 10 unsur tersebut, seseorang individu muslim itu tidak boleh dianggap sebagai individu muslim yang menepati piawaian seorang ahli gerakan Islam atau muslim hakiki<sup>108</sup>.

Hasan al-Banna menegaskan berkaitan pembentukan individu muslim :

“Islam telah meletakkan mekanisme bagi membentuk dan membangun individu muslim

---

<sup>106</sup> Ibid hal. 85.

<sup>107</sup> 10 unsur pembangunan insan iaitu akidah yang jitu, konsep Ibadat yang menepati piawaian Islam, memelihara tubuh badan agar sentiasa sihat, sentiasa memelihara akhlak terpuji dan berusaha menggarap ilmu, memelihara waktu, bermanfaat buat orang lain, mampu berdikari, bersistematis dalam segenap urusan hidup dan berupaya dalam mencari rezeki, kemudian disusuli pula rukun bai'ah berjihad, berkorban, taat, cekal, bersaudara dan saling percaya mempercayai. Hasan al-Banna : *Majmu'at al-Rasail* (Qaherah : Dar al-Syihab, t.t), hal. 271.

<sup>108</sup> Ali 'Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Rukn al-'Amal* (Qāherah : Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr al-Islamiyah, 1994), hal. 209

sebagai role model yang dituntut Islam, Islam amat memerlukan kepada individu yang memiliki perasaan yang cintakan kedamaian, tahu menilai sesuatu yang baik dan buruk, memiliki sikap tegas dan berlembut dalam menyatakan yang benar, memiliki tubuh badan yang sihat hingga mampu melaksanakan kewajipan kemanusiaan hingga tercapai matlamat memenangkan kebenaran.<sup>109</sup>”

Dalam perkembangan berkaitan, al-Qarađawi berpandangan bahawa antara perkara yang mesti diberi keutamaan dalam konteks pembangunan insan ialah membangun individu terlebih dahulu daripada pembangunan masyarakat, keutamaan itu juga mengatasi sebarang pertubuhan atau persatuan, ia bertepatan dengan firman Allah :

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Surah al-Ra'ad : 13 : 11

Terjemahannya : “Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.”

Pembangunan dan pembentukan individu muslim merupakan asas kepada segenap bentuk pembangunan hingga kepada pembangunan masyarakat. Ini kerana jika pembangunan individu tidak dilakukan dengan pendekatan yang terbaik, maka akan rosaklah segenap institusi rumah tangga, masyarakat dan negara. Individu itu adalah benteng masyarakat, jika ia rapuh tanpa sebarang pendekatan tarbiyah Islam, maka akan runtuhlah sesebuah masyarakat.

Justeru, tugas utama para Anbiya' ialah membangun individu terlebih dahulu hingga ada yang bersedia menjadi pengganti selepas ketiadaan mereka.

---

<sup>109</sup> Hasan al-Banna : *Majmū'āh al-Rasā'il*, hal. 118.

Para individu yang ditarbiyah itu dibangun dengan aqidah yang sejahtera hingga memahami matlamat hidup di dunia dan kehidupan di akhirat, di samping memahami tugas serta peranan dalam menyampaikan risalah Islam ke seluruh pelusuk dunia<sup>110</sup>.

Apa yang penting individu berkenaan mestilah digerakkan akal dan jiwa mereka hingga mampu menguasai segenap ajaran Islam, dengannya dia mampu membawa obor untuk jadi penyebab kepada manusia lain agar diberi petunjuk, inilah yang pernah terjadi ke atas para sahabat Rasulullah s.a.w. yang akhirnya menjadi insan-insan cemerlang dalam usaha membangun insan sejagat<sup>111</sup>.

Dalam kesempatan lain, Hasan al-Banna menegaskan :

“Apa yang kami mahu dengan pembentukan individu muslim itu ialah sifat membangun yang ada pada dirinya dari sudut cara berfikir, aqidah dan pegangannya terhadap agama, akhlak, usaha serta tindak-tanduknya yang positif, itulah cara untuk membangun serta membentuk individu muslim<sup>112</sup>.”

Jelas menunjukkan bahawa individu merupakan batu-bata sesebuah keluarga, Hasan al-Banna mahu agar individu itu perlu dibangunkan terlebih dahulu, kerana jika baik individu, maka akan baik pula institusi kekeluargaan, masyarakat dan negara. Individu yang baik mampu menjadikan ahli keluarganya serta orang sekeliling menjadi baik. Selain membentuk dengan 10 unsur pembangunan insan, individu muslim itu juga perlu melengkapkan diri dengan aktor berikut, hidup dengan Islam yang syumul, berpengetahuan yang benar,

<sup>110</sup>Yusūf al-Qaraḍawī, Syeikh Dr : *Fi Fiqh al-Awlawiyyat Dirāsah Jadīdah fi Ḏaw' al-Qurān wa al-Sunnah* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 2012), hal. 179.

<sup>111</sup> Ibid\_\_\_\_\_hal. 180.

<sup>112</sup> Hasan al-Banna : *Majmu'ah al-Rasā'il* (Qaherah : Dar al-Syihab, t.t.), hal. 85.

kehendak yang jitu untuk membangun, tubuh yang sihat dan hala tuju hidup yang jelas untuk merealisasikan tujuan tersebut<sup>113</sup>.

Al-Qarađawi ada menyebut, bahawa pembentukan dan pembangunan individu muslim dengan segala tuntutan ajaran Islam ke atasnya merupakan matlamat utama dan pertama yang dikehendaki Islam. Iaitu pembangunan insan solih yang merupakan khalifah Allah di muka bumi ini, iaitu makhluk yang dimuliakan Allah mengatasi yang lain, yang dicipta pada sebaik-sebaik bentuk kejadian, malah semua yang ada di langit dan di bumi dipermudahkan untuknya (untuk kemudahan urus tadbir bumi dengan petunjuk Allah), yang tidak dapat dilakukan oleh makhluk haiwan dan sebagainya, insan yang mampu dibangun dengan gerakan Islah bersifat solih yang disebutkan itu menjadi tunjang dan asas kepada keutuhan institusi rumah tangga, masyarakat dan umat Islam yang melengkapkan diri dengan unsur-unsur pembangunan insan yang disaran oleh Hasan al-Banna dalam Majmu'ah al-Rasā'il<sup>114</sup>.

Hasan al-Banna begitu yakin dan optimis bahawa peraturan Allah dalam usaha membangun masyarakat dan memperbaikinya bermula dengan usaha membangun individu. Beliau dan yang lain juga dalam kalangan perintis usaha ke arah tajdid (pembaharuan) dan gerakan İslâh ke arah Islam yang syumul bersepakat mengatakan bahawa segala bentuk perubahan dan penambah-baikan

<sup>113</sup> Muhammad 'Abd al-Rahman : *Manhaj al-İslâh wa al-Taghyîr 'Inda Jamaat al-Ikhwân al-Muslimîn* (Qâherah : Dâr al-Tawzî' wa al-Nasyr al-Islamiyah, 2006), hal. 188.

<sup>114</sup> Yusûf al-Qarađawi, Syeikh Dr : *Madkhâl Ilâ Ma'rîfat al-Islâm* (Qâherah : Maktabah Wahbah, 1996), hal. 193.

bermula dengan membangun individu, kerana usaha itu adalah langkah pertama menuju kesempurnaan perubahan dan Islāḥ secara total<sup>115</sup>.

Ahmad ‘Isa ‘Asyur ada menyebut, bahawa Hasan al-Banna pernah menegaskan, bahawa sesuatu yang paling bernilai pada diri seseorang individu itu adalah dirinya sendiri, malah diri individu terikat dengan beberapa faktor (pembangunan) yang memerlukan pendekatan yang perlu dibaik pulih, iaitu selain dibangun dengan unsur-unsur pembangunan insan yang sepuluh itu, maka dia perlu berhubung dengan perawat-perawat hati dan sentiasa bergaul dengan rakan-rakan yang solih, kerana jika tersalah pilih, ia akan membawa kepada kejahanan yang boleh membantutkan usaha membangun, membentuk dan membaik pulih diri individu itu<sup>116</sup>.

Mendidik individu dengan tarbiyah Islam adalah termasuk salah satu kewajipan yang asasi dan menjadi kemestian untuk dilakukan, kerana terdapat di situ aspek tanggungjawab yang mesti ditunaikan, jika tidak individu berkenaan akan menghadapi situasi yang tidak selesa dalam menjalani hidup sehariannya.

Inilah yang ditegaskan Allah dalam firman-Nya :

يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ إِمَّا مُنْتَهُوا قُوًّا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ

Surah at-Tahrim : 66 : 6

Terjemahan : “Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya adalah terdiri daripada manusia dan batu (berhala).”

<sup>115</sup> Fathi Yakan : *Manhajīyyah al-Syahīd Hasan al-Banna wa Madāris al-Ikhwān al-Muslimīn* (Beirut : Al-Risālah Li al-Ṭibā’ah wa al-Nasr wa al-Tawzī’, 1998), hal. 43.

<sup>116</sup> Ahmad ‘Isa ‘Asyur : *Hadīth al-Thulathā’ Li al-Imām Hasan al-Banna* ( Qāherah : Maktabah al-Qurān, 1985), hal. 425. Buku tersebut merupakan koleksi ceramah Hasan al-Banna di Dār al-Ikhwān al-Muslimīn, Qāherah lebih kepada ceramah mengenai renungan terhadap al-Quran, renungan terhadap pengislahan diri dan masyarakat, renungan terhadap Sirah Nabi dan renungan terhadap Islam yang dirakam dan disunting semula oleh penyusun.

Menurut Sa'id Hawwa, yang dimaksudkan dengan pelihara diri kamu itu ialah memelihara diri dari melakukan perkara maksiat, sebaliknya berusaha melakukan perkara kebaikan dan ketaatan, dalam erti kata membimbing ahli keluarga dengan segala kebaikan agar tidak disentuh api neraka pada akhirat kelak<sup>117</sup>.

Dalam sebuah hadith, Rasulullah ada bersabda :

"اعملوا بطاعة الله واتقوا معاichi الله، ومرروا أولادكم بامثال الأوامر،  
واجتناب النواهي، فذلك وقاية لهم ولهم من النار".

Terjemahan : "Beramallah kamu kerana mentaati Allah, takutlah untuk terlibat dalam maksiat kepada-Nya, suruhlah anak-anak kamu untuk melaksanakan segenap perintah dan meninggalkan segenap larangan-Nya, dengan demikian ia menjadi pelindung buat mereka dan kamu dari siksaan api neraka"<sup>118</sup>."

Hadīth di atas menunjukkan bahawa menjadi tanggunjawab para ibu bapa dalam menyediakan satu mekanisme tarbiyah berpaksikan keimanan kepada Allah serta membuat pengawasan terhadap individu dalam kalangan anak-anak agar berakhlik mulia, sama ada di dalam mahupun di luar rumah, ia bertujuan untuk mewujudkan satu persekitaran dalam rumah tangga yang benar-benar memberi manfaat kepada segenap ahli di dalamnya dan berusaha menjauhkan sebarang bentuk kemudaratian zahir dan batin<sup>119</sup>.

Kejayaan usaha membangun insan dilihat kepada kejelasan hala tuju dalam perjuangan, perkara ini pernah disebut oleh Hasan al-Banna :

"Sesungguhnya matlamat kewujudan dan pembentukan al-Ikhwān al-Muslimīn

<sup>117</sup> Sa'id Hawwa : *Al-Asās Fī al-Tafsīr* (Qāherah : Dār al-Salām, 1985), 10 : 6003.

<sup>118</sup> Ali Mahfuz : *Hidāyah al-Mursyidīn Ila Turuq al-Wa'az wa al-Khiṭobah* (Qāherah : Dār al-'Itiṣām : 1979), hal. 337. Hadith direkodkan oleh Ibn Jarir dan Ibn al-Mundhir daripada 'Abd Allah bin Abbas r.a.

<sup>119</sup> Ibid.

mencakupi usaha membentuk generasi baharu dalam kalangan umat Islam dengan segenap ajaran Islam yang betul, berpaksikan acuannya yang lengkap, sempurna dan sejagat seperti dalam firman Allah :

صِبَغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنْ اللَّهِ صِبَغَةً وَخَنْ لَهُ عَنِيدُونَ

Surah al-Baqarah : 2 : 138

Terjemahan : “(Katakanlah Wahai orang-orang yang beriman: "Agama Islam, yang Kami telah sebatи dengannya ialah): celupan Allah yang mencorakkan seluruh kehidupan kamu dengan corak Islam); dan siapakah yang lebih baik celupannya daripada Allah? (Kami tetap percayakan Allah) dan kepadaNyalah Kami beribadat”.

Menurut Ibnu Kathir, yang dimaksudkan dengan celupan Allah itu ialah agama Islam, sepertimana dalam satu riwayat ad-Dohhak daripada Ibn ‘Abbas dengan sanad yang *shohih*<sup>120</sup>. Justeru, bagi merealisasikan matlamat pembangunan insan itu, perlu kepada pembangunan individu, rumah tangga, masyarakat umat Islam dengan celupan agama Islam, inilah rahsia yang perlu dibongkar oleh umat ini<sup>121</sup>.

Individu adalah ibarat batu-bata yang merupakan sebahagian daripada komponen masyarakat seluruhnya, oleh itu Islam amat mengambil berat pembangunan individu muslim kerana ia benteng institusi keluarga dan masyarakat. Jika baik individu, maka akan baik jugalah keluarga dan masyarakat, malah jamaah dan umat. Individu menurut pandangan Islam tidak akan sempurna kebaikannya melainkan menepati empat syarat yang ditentukan oleh al-Quran, seseorang individu itu tidak akan meraih kejayaan malah

<sup>120</sup> Muhammad ‘Ali as-Şobūni : *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr* (Beirūt : Dār al-Qurān al-Karīm, 1396H), 1 : 133.

<sup>121</sup> ‘Ali Muhammad Jarisyah, Dr : *Al-Iḥtisāb fī Da’wah al-Imām Ḥasan al-Banna*, sebuah kertas kerja yang belum dicetak menjadi sebuah buku, t.t., hal.71.

berhadapan dengan kehancuran, kebinasaan dan kerugian di dunia dan akhirat, iaitulah apa yang ditegaskan Allah dalam surah wa al-'Aṣr :

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَنَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُواْ

أَلَّا يَلْهَمَنْتَ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبَرِ ﴿٣﴾

Surah wa al-Aṣr : 103 : 1-3

Terjemahan : 1. Demi Masa! 2. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian - 3. kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran.”

Dalam kitab tafsir al-Jalalain menegaskan, bahawa semua jenis manusia akan menghadapi kerugian dalam percaturan hidup mereka, yang tidak mengalami kerugian adalah mereka yang benar-benar beriman kepada Allah SWT, yang beramal solih, mereka yang berpesan-pesan pada perkara kebenaran iaitu iman, dan mereka yang sering berpesan-pesan pada kesabaran untuk sentiasa mentaati Allah dan menjauhkan larangan-Nya<sup>122</sup>.

Justeru, syarat bagi melakukan pembangunan terhadap individu dalam ayat di atas jelas menunjukkan bahawa iman adalah syarat pertama, kemudian amal solih, pesanan atau nasihat untuk melakukan kebenaran dan kesabaran<sup>123</sup>.

Bagi memperkasa hujah supaya usaha membangun individu muslim itu tercapai dengan jayanya, Hasan al-Banna menegaskan lagi dalam satu kenyataannya yang lain dengan memelihara 10 wasiat agar individu yang dibangunkan itu benar-benar individu yang berkualiti dalam segenap perjuangan hidupnya, 10 Wasiat Hasan al-Banna itu sebagai berikut:

<sup>122</sup> Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Muḥalla dan Jalal al-Din ăş-Şūyūtī : *Tafsîr al-Jalâlîn* (Pulau Pinang : Maktabah wa Maṭba'ah Dâr al-Ma'ārif, t.t.), 2 : 270.

<sup>123</sup> Yusuf al-Qaraḍawī, Syeikh Dr : *Al-Khoṣo'iṣ al-Āmah li al-Islām* (Qâherah : Maktabah Wahbah, 1986), hal. 179.

- i- Bangunlah segera untuk mendirikan solat apabila mendengar adhzan walau bagaimanapun keadaannya.
- ii- Baca, telaah dan dengarkan al-Quran atau dhikirlah kepada Allah dan janganlah engkau menghambur-hamburkan waktumu dalam masalah yang tidak ada manfaatnya.
- iii- Bersungguh-sungguhlah untuk mampu berbicara dalam bahasa Arab dengan fasih.
- iv- Jangan memperbanyak perdebatan dalam berbagai bidang pembicaraan sebab hal ini semata-mata tidak akan mendatangkan kebaikan.
- v- Jangan banyak tertawa sebab hati yang selalu berkomunikasi dengan Allah (dhikir) adalah tenang dan tenteram.
- vi- Jangan banyak bergurau kerana umat yang berjihad tidak berbuat demikian kecuali dengan bersungguh-sungguh terus-menerus.
- vii- Jangan mengeraskan suara di atas suara yang diperlukan pendengar, kerana hal ini akan mengganggu dan menyakiti.
- viii- Jauhilah dari membicarakan kejelekan orang lain atau melukainya dalam bentuk apapun dan jangan berbicara kecuali yang baik.
- ix- Berta'aruflah dengan saudaramu yang kamu temui walaupun dia tidak meminta, sebab prinsip dakwah kita adalah cinta dan ta'awun (kerjasama).
- x- Sesungguhnya tanggungjawab terhadap agama lebih banyak dari masa yang ada, maka manfaatkanlah waktu dan apabila kamu mempunyai sesuatu keperluan maka sederhanakanlah dan percepatlah untuk diselesaikan<sup>124</sup>.

---

<sup>124</sup> Markaz al-Kalimat Li al-Dirāsāt wa al-Buhūth : *Fiqh al-Wāqi'* , t.t., hal 153. Ia merupakan himpunan rencana mengenai Hasan al-Banna.

Antara manhaj Islam yang diperkenalkan ke persada alam ini ialah menggariskan satu mekanisme untuk membangun insan atau individu muslim hingga memiliki jati diri, keperibadian, jiwa nurani, minda, pemikiran, serta tindak-tanduk yang mampu melonjakannya menjadi insan yang memiliki tubuh badan, akal dan jiwa yang sihat, hingga akhirnya membawa hasil sebagai bata pengukuh kepada institusi masyarakat yang diwakilinya, malah bersiap siaga sebagai prajurit tanpa mengenal erti takut membela agama, kehormatan diri dan tanah air walaupun terpaksa terjun dalam satu perang menentang musuh<sup>125</sup>.

Apa yang dimaksudkan oleh Hasan al-Banna dalam membangun individu muslim, ia adalah matlamat pertama dalam konteks tarbiyah Islam agar menjadi pemungkin kepada kejayaan membentuk keluarga atau rumah tangga Islam. Kejayaan itu dilihat mampu menggapai matlamat tarbiyah Islam yang Allah anugerahkan kepada manusia melalui dua nikmat, iaitu dengan turunnya para rasul dan kitab untuk mengeluarkan manusia dari kegelapan kepada cahaya iman, dan kedua ialah faktor akal, hingga individu muslim itu mampu untuk berfikir dalam mengurus tadbir dan memilih untuk dirinya dengan usaha proses membangun kehidupan dan kematiannya. Dengan tujuh pancaindera yang dianugerahkan Allah kepada insan seperti lidah, penglihatan, pendengaran, sepasang tangan, kaki, perut dan alat sulit adalah menjadi kewajipan bagi insan muslim khususnya untuk membentuk diri dengan tarbiyah Islam setelah berpisah dari alam persekolahan dan keluarga, ia bertujuan untuk melahirkan insan

---

<sup>125</sup> Brigedier Jeneral Muhammad Jamal al-Dīn ‘Ali Maḥfūz : *Al-Madkhāl Ila al-‘Aqīdah wa al-Iṣrāṭījiyyah al-‘Askāriyyah al-Islamiyyah* (Qāherah : Dār al-‘Itiṣom, 1976), hal. 232.

muslim solih yang berperanan sebagai khalifah, da'i untuk menyeru umat sejagat kepada kesyumulan Islam<sup>126</sup>.

Hasan al-Banna bukan sekadar menegaskan pembangunan serta pembentukan individu muslim itu dalam Risālah Ila al-Sybāb, malah seolah-olah ada pengulangan dalam Risālah Bainā al-Ams wa al-Yāūm dan Risālah al-Ta'ālim khusus mengenai pembangunan insan menerusi rukun beramal yang menjadi keperluan kepada pembentukan individu, disusuli rumah tangga, masyarakat, serta membetulkan kesalahan pemerintah, semua itu tidak dapat dijayakan melainkan individu berkenaan memiliki dan menguasai yang menjadi darah daging dengan 10 unsur pembangunan insan di samping memiliki iman yang mendalam serta faktor pembentukan dan pembangunan yang jitu serta amalan yang berterusan<sup>127</sup>.

Setelah mendatangkan hujah dari sumber primer dan sekunder mengenai keperluan kepada pembentukan dan pembangunan individu muslim, pengkaji begitu optimis bahawa kesemua hujah yang dilontarkan itu tetap dan masih terikat dengan 10 unsur pembangunan insan hasil cetusan ide dan inspirasi Hasan al-Banna menerusi kitabnya ‘Majmu’āh al-Rasāil’ dan dari penjelasan para sarjana Islam mengenainya di atas, malah ditambah pula dengan 10 wasiat yang jelas menunjukkan kejituan cara berfikir Hasan al-Banna dalam merealisasikan pembangunan insan yang dianggap pemungkin kepada pembangunan rumah tangga, masyarakat, umat dan negara tercapai dengan jayanya. Inilah yang telah diterapkan oleh Hasan al-Banna terhadap seluruh anggota al-Ikhwān al-Muslimīn

<sup>126</sup> Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Rukn al-Tajarrud* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiyah, 1998), hal. 203.

<sup>127</sup> Husein bin Muhammad bin ‘Ali Jaber : *Toriq Ilā Jamā’at al-Muslimīn* (Mansoūrah : Dār al-Wafā’ li al-Ṭibā’āh wa al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1987), hal. 332-333.

yang boleh disifatkan sebagai generasi awalan seperti pada era baginda Rasulullah s.a.w., pada masa yang sama menjadi ‘Role Model’ serta ikutan kepada sekelian umat Islam di seluruh dunia, lebih-lebih lagi dalam kalangan pendukung Gerakan Islam yang bersedia untuk mendaulatkan Islam secara praktikal.

Pengkaji yakin bahawa individu yang dimaksudkan oleh Hasan al-Banna agar diberi keutamaan dalam membentuk dan membangun diri dengan 10 unsur pembangunan insan adalah terdiri daripada golongan syabab (remaja/belia) seperti yang ditegaskannya dalam Risālah Ila al-Syabāb dan risalah-risalah yang lain iaitu Bainā al-Ams wa al-Yāūm dan Fi Ṭaur Jadīd. Ia tidak lain adalah kerana golongan syabab merupakan generasi yang memiliki kekuatan rohani dan maknawi. Mereka lah generasi yang mampu melonjakkan obor-obor Islam pada masa akan datang. Namun ia bukan bermaksud menyisihkan golongan yang lain dalam kalangan umat Islam.

‘Umar al-Tilmasāni dalam satu kenyataannya di hadapan golongan ini pernah menegaskan; kamu merupakan aset terpenting yang dimiliki oleh Islam yang memiliki daya tenaga yang kuat untuk membentengi negara. Sesungguhnya mereka yang melingkungi Rasulullah s.a.w. majoriti terdiri daripada golongan syabab. Lihat sahajalah ‘Umar bin al-Khāṭṭāb yang ketika itu berusia 26 tahun, begitu juga dengan Ṭalhah bin ‘Ubaidillah, Al-Zubair bin al-‘Awwām, ‘Ali bin Abi Ṭalib, mereka semua adalah syabab, sama seperti kamu semua. Malah Rasulullah s.a.w. pernah menghantar seorang sahabat ke Najran sebagai duta baginda di sana yang dikenali sebagai ‘Abd Allah bin Hazm al-Anṣorī untuk

mengajar penduduk Najran ilmu teras agama, mengajar al-Quran serta mengumpul zakat-zakat mereka, tahukah kamu agak-agaknya berapa umurnya ketika itu? Beliau hanya berusia 17 tahun sudah mampu mengajar agama Islam, menghafaz al-Quran dan mengumpul zakat. Maka saya berpesan kepada kamu, agar berpegang teguhlah dengan jalan Islam ini hingga titisan darah terakhir kamu, berpeganglah dengan janji dan simpulan tali agama Allah hingga kamu dapat melakukan perubahan dalam negara kamu sendiri bukan dengan kekerasan, tetapi dengan jalan menuju kepada Allah<sup>128</sup>.

Justeru, golongan individu syabab adalah harapan umat Islam yang akan membentuk masa depan dengan segenap daya dan kekuatan yang ada. Kita perlu mengulangi kehebatan Tamadun Islam melalui pembentukan dan pembangunan golongan syabab yang menjayakan cita-cita Islam sejak pada era kepimpinan Rasulullah s.a.w. dan selepasnya. Syabab adalah unsur kekuatan umat Islam di sepanjang sejarah tamadun insan yang dibangun sekali dengan faktor-faktor pembangunan insan<sup>129</sup>.

Sirah telah membuktikan bahawa individu yang berada dalam lingkungan baginda Rasulullah s.a.w. yang berjaya mengangkat martabat umat dengan panji-panji Islam serta merangkul kejayaan demi kajayaan, adalah mereka yang terdiri daripada golongan syabab, kerana mereka adalah tentera Islam di barisan hadapan, merekalah yang bertanggungjawab membina umat

<sup>128</sup> ‘Umar al-Tilmasāni ... *Widā ’ān*, hal. 192, sebuah buku catatan yang diusahakan oleh beberapa anggota al-Ikhwān al-Muslimūn seusai kematian ‘Umar al-Tilmasāni pada 1986, yang merupakan al-Mursyidul ‘Am ketiga al-Ikhwān al-Muslimūn, catatan memoir yang menghimpunkan rencana mengenai al-marhum hasil tulisan individu yang dekat dengannya dan juga mereka yang di luar keanggotaan al-Ikhwān al-Muslimūn.

<sup>129</sup> ‘Abd al-Wahhab Ridwan : *Al-Islām wa al-Syabāb* (Qāherah : Majlis al-‘Alā Li al-Syūūn al-Islamiyah, 1987), hal. 15.

dengan gemilang dari sebarang pencerobohan puak penentang Islam. Merekalah yang telah memberi taat setia yang tidak berbelah bahagi untuk membela Rasulullah walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai bentuk siksaan yang mendarat dari puak musuh yang bencikan Islam. Malah Rasulullah s.a.w. sendiri adalah seorang syabab yang mencecah usia 40 tahun, iaitu umur remaja yang mula matang untuk menerima wahyu dengan tugasan sebagai Nabi dan Rasul menyampaikan Islam ke seluruh alam. Apa yang menarik dalam peristiwa perang Badr terdapat dua syabab yang menyertai pasukan Islam yang berjaya membunuh Abu Jahl yang ketika itu berusia sebelas dan empat belas tahun<sup>130</sup>.

Jelas dari apa yang dibahaskan, harapan Hasan al-Banna untuk melihat golongan syabab dengan segenap bentuk pembangunan dapat dilahirkan adalah kerana mereka merupakan generasi yang mewarisi tugas dan peranan menjadi khalifah di muka bumi, syabab yang kental dengan unsur-unsur pembangunan insan, merealisasi sepuluh wasiat, menjiwai syarat-syarat yang termaktub dalam al-Quran dan yang lebih penting menjadikan syabab dalam kalangan para sahabat Nabi sebagai role model untuk dijejaki, impian Hasan al-Banna ini sudahpun menjadi kenyataan yang umum mengetahui bahawa majoriti anggota al-Ikhwān al-Muslimūn yang ada pada hari ini adalah hasil didikan secara langsung dan tidak langsung beliau yang benar-benar memiliki ciri yang dimaksudkan. Apa yang penting juga, golongan ini akan sentiasa merasakan kemuliaan dan keagungan yang ada pada jati diri mereka dengan Islam iaitu

---

<sup>130</sup> Muhammad al-Saiyid al-Wakil, Dr : *Al-Qiyādah wa al-Jundīyyah fi al-Islām* (Mansoūrah : Dār al-Wafā' li al-Tiba'āh wa al-Nasyr, 1986), 2 : 23.

kemuliaan yang dianugerahkan Allah menerusi penghayatan mereka dengan Islam dan amal solih, inilah yang ditegaskan Allah dalam al-Quran :

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعِزَّةَ فَلَلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلْمُ الْطَّيِّبُ  
وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ يَرْفَعُهُ

Surah Fātir : 35 : 10

Terjemahan : “Sesiapa yang mahukan kemuliaan (maka hendaklah ia berusaha mencarinya dengan jalan mematuhi perintah Allah), kerana bagi Allah jualah segala kemuliaan. Kepada Allah lah naiknya segala perkataan yang baik (yang menegaskan iman dan Tauhid, untuk dimasukkan ke dalam kira-kira balasan), dan amal yang soleh pula di angkatnya naik (sebagai amal yang makbul - yang memberi kemuliaan kepada yang melakukannya).”

Dalam kitab al-Muntakhab *Fi Tafsīr al-Qurān al-Karīm* ada menegaskan, bahawa ayat di atas menunjukkan bagi sesiapa yang inginkan kemuliaan dan kekuatan diri, maka dia boleh mendapatkannya dengan mentaati segenap perintah Allah, kerana dalam ketaatan ada kekuatan yang diperlukan oleh insan, pada masa yang sama akan meraih perkataan yang baik-baik sekali gus untuk meraih amal solih<sup>131</sup>.

Bagi ‘Abd Allah Nasiḥ ‘Ulwān, seseorang syabab itu boleh memiliki pemikiran yang matang, pemahaman yang jitu, penggarapan keilmuan yang mantap dan akhlak yang sebatи dalam diri dengan cara menguasai ilmu-ilmu alat Islam seperti Tafsir, Tauhid, Hadith, Sirah Nabawiyah, Fiqh, Sistem Perundangan, Ilmu Pembersihan hati nurani dan lain-lain. Paling tidak dapat menguasai *Tafsīr Fi Zilāl al-Qurān* oleh Saiyid Qutb, Hadith 40 Imam an-

---

<sup>131</sup> Dr. Muhammad al-Ahmadi Abu an-Nūr : *Al-Muntakhab Fi Tafsīr al-Qurān al-Karīm* (Qāherah : Wazarah al-Awqāf, 1985), hal. 645.

Nawawi, Fiqh mengikut mazhab, Fiqh al-Sīrah oleh al-Būṭī, ringkasan Ihya' ‘Ulum al-Din, bahan bacaan semasa tulisan Hasan al-Banna, Saiyid Qutb, Abu ‘Ala al-Maududi, Muhammad al-Ghazali, Muhammad Qutb, Dr Yusuf al-Qaraḍawi, Fathi Yakan, Anwar al-Jundi, Sa’id Hawwa dan ramai lagi dalam kalangan ilmuan dan sarjana Islam yang haraki, inilah cara terbaik memproduk generasi gemilang dengan kefahaman ilmu, ketinggian akhlak, aspek peribadatan yang kental, yang semestinya mampu memimpin dunia pada masa akan datang<sup>132</sup>.

Kenyataan Hasan al-Banna yang sudah mencecah puluhan tahun bagi merealisasikan kewujudan individu, rumah tangga, masyarakat dan Negara Islam yang baik bukan sekadar ungkapan beliau semata-mata, malah telah menjadi impian yang tercapai dengan pembangunan keempat-empat elemen di atas. Pengkaji melihat dari sumber sekunder yang dicetuskan oleh para ilmuan Islam, jelas menyokong dengan padu dan jitu apa yang diinspirasikan oleh Hasan al-Banna.

Umum mengetahui tanpa berselindung dan bukan menjadi rahsia lagi bahawa segenap anggota al-Ikhwān al-Muslimūn adalah pengamal kepada keempat-empat elemen berkenaan, bagaimana individu-individu yang berada di dalamnya berjaya dibangunkan, mereka memimpin rumah tangga dengan pacuan Islam, memproduk generasi masyarakat yang bertanggungjawab untuk membawa negara layak digelar ‘Baladatun Toiyibatun wa Rabbun Ghafūr’ walaupun menghadapi saingan sengit di pihak yang tidak sehaluan, lebih-lebih

---

<sup>132</sup> Abd Allah Nasīḥ ‘Ulwān : *Qissah al-Hidāyah* (Qāherah : Dār al-Salām, 1985), 2 : 486-487.

lagi dalam kalangan oppurtunis, kapitalis, sekularis dan tribulasi berpanjangan dalam perjalanan dakwah mereka, mereka benar-benar merealisasikan kesabaran seperti yang dituntut oleh al-Quran.

Tribulasi berpanjangan itu juga telah mematangkan mereka menjadi insan yang sentiasa memanfaatkan ilmu buat orang lain, mematangkan pemikiran melalui penggarapan ilmu dan maklumat, lebih-lebih lagi mengenai gerakan Islam, malah memenuhi syarat kriteria anggota gerakan Islam, mereka segera memfungsikan akal dan minda, menjawai segenap ajaran Islam dalam bentuk yang lebih praktikal, kerana mereka sedar, bahawa dengan cara membangun individu muslim dengan Islam sahaja yang dapat menyelesaikan masalah rumah tangga, masyarakat, umat dan negara.

Apa yang penting dalam proses membangun dan membentuk keperibadian individu, mereka sering diingatkan agar sentiasa mendampingi dan bergaul dengan mereka yang memiliki ciri-ciri solih bagi mengekal dan memelihara sepuluh unsur pembangunan insan. Ini kerana pergaulan dengan mereka yang solih itu akan sentiasa mendorong kepada cara hidup dengan Islam secara menyeluruh yang berpengetahuan benar dengan Islam bahkan hala tuju hidup pun jelas dan mantap. Pembangunan individu berkait rapat dengan rumah tangga dan masyarakat, ia menjadi tapak kepada lahirnya individu yang solih dan bertaqwah, individu pula adalah tonggak kepada kekentalan rumah tangga dan masyarakat.

Tidak cukup dengan sepuluh unsur pembangunan insan, Hasan al-Banna mencetuskan lagi mekanisme selanjutnya dengan memperkenalkan

sepuluh wasiat seperti dinukilkan di atas, ia semakin jelas bagaimana ia bagaikan satu silibus tarbiyah yang diintegerasikan dengan unsur pembangunan insan. Dengannya, individu dapat merealisasikan tuntutan dari empat syarat kejayaan muslim seperti yang dijelmakan dalam surah al-‘Aṣr, iaitu iman, amal solih, berpesan-pesan pada kebenaran dan kesabaran, jelas elemen-elemen tersebut memantapkan lagi jati diri individu muslim, minda dan cara berfikir mereka, akal dan hati nurani tertumpu kepada memelihara Islam dan sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

### **3.7.5. Pembangunan Insan Dalam Pembentukan Rumah Tangga Muslim**

Hasan al-Banna berpandangan dalam menjelaskan maksud pembangunan sebuah rumah tangga atau keluarga Muslim :

“Pembentukan sebuah rumah tangga Muslim bermaksud, setiap individu dalam sesebuah rumah tangga mestilah menghormati fikrah atau pemikiran yang dipacu oleh ketua keluarga, di samping memelihara adab-adab Islam dalam kehidupan berumah tangga, bagi memelihara kelangsungan adab-adab serta fikrah Islam, pemilihan pasangan yang baik adalah menjadi keutamaan, kerana dengan pasangan yang baik, segenap hak dan kewajipan akan terpelihara, ini termasuk dalam usaha mendidik anak-anak dengan prinsip ajaran Islam, ia menjadi tanggungjawab setiap individu yang terlibat dengan perjuangan Islam<sup>133</sup>.”

Apa yang dimaksudkan oleh Hasan al-Banna dalam kenyataannya membangun rumah tangga ialah institusi kekeluargaan yang amat dituntut oleh al-Quran dan hadīth Nabi Muhammad s.a.w., ia merupakan proses kedua selepas

---

<sup>133</sup> Hasan al-Banna : *Majmū’at al-Rasā'il* (Qāherah : Dār al-Syihāb, t.t.), hal. 272.

berjaya membangun individu muslim dengan acuan Islam, ia bermula dengan pemilihan pasangan suami isteri yang sekufu' dalam segenap serba-serbi, sama ada dari sudut pendidikan, cara berfikir, hala tuju perjuangan hidup dan sebagainya. Rumah tangga Islam atau institusi keluarga yang menjelaki tuntutan acuan Islam merupakan anak tangga untuk sampai kepada sebuah masyarakat atau umat yang dikehendaki Allah sebagai umat yang terbaik, iaitu sebuah rumah tangga atau keluarga muslim yang diimpikan oleh Hasan al-Banna dengan ciri-ciri yang terdapat pada rumah tangga dan keluarga Rasulullah s.a.w., iaitu wujudnya kerukunan dan keharmonian rumah tangga, sesuai dengan ketegasan Allah dalam al-Quran :

وَمِنْ أَيَّتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ

بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَا يَتِيمٌ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣٠﴾

Surah ar-Ruum : 30 : 21

Terjemahan : “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmatNya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan, sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang mau berfikir.”

Berdasarkan ayat di atas, Saiyid Quṭb menjelaskan, ia adalah antara ungkapan al-Quran yang menggunakan uslub yang cukup romantis menggambarkan hubungan yang amat intim antara pasangan suami isteri yang

menzahirkan hubungan hati ke hati dengan penuh kasih sayang yang diperlukan oleh kedua-dua insan berkenaan<sup>134</sup>.

Sesebuah rumah tangga muslim dikira berjaya dibina atas platform dan acuan Islam, apabila pasangan suami isteri berjaya membentuk anak-anak (individu muslim) dengan tarbiyah Islam seperti yang dijelaskan sebelum ini menerusi 10 unsur pembangunan insan, ia bermula dengan pendidikan ke atas bayi yang baru dilahirkan, si ayah berperanan mengazan dan mengiqamahkan di kedua-dua telinga kanan dan kiri anak, mengajarnya dengan aspek pendidikan kerohanian dan tauhid bagi mengenal Maha Pencipta. Ayah dan ibu yang merupakan individu muslim/muslimah sentiasa memahami tuntutan ajaran Islam dengan menjadi penyebab anak-anaknya memiliki ciri-ciri solih dalam diri. Ini kerana pasangan yang memahami awlawiyat rumah tangga muslim dan institusi keluarga tahu manhaj tarbiyah yang akan disalurkan kepada anak-anak yang dilahirkan. Mereka tahu apa yang sepatutnya diutama dan diberikan kepada anak-anak bagi meraih hasil positif pada masa-masa akan datang. Ia amat bertepatan dengan firman Allah :

وَالْبَلْدُ الْطَّيِّبُ تَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبُثَ لَا تَخْرُجُ إِلَّا نَكَدًا

Surah al-‘Arāf : 7 : 58

Terjemahan : “Dan negeri yang baik (tanahnya), tanaman-tanamannya tumbuh (subur) dengan izin Allah; dan negeri yang tidak baik (tanahnya) tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan bantut.”<sup>135</sup>,

<sup>134</sup> Saiyid Quṭb : *Fī Zilāl al-Qurān* (Qāherah : Dār as-Syurūq, 1982), 5 : 2783.

<sup>135</sup> Muhammad ‘Ali Muhammad al-Marṣāfi, Dr : *Fi al-Tarbiyah al-Islamiyyah – Buhūth wa Dirāsāt* (Qāherah : Maktabah Wahbah : 1987), hal. 165.

Rasyid Ređa dalam tafsirnya menyebut, sesungguhnya Allah SWT telah membuat satu perumpamaan yang cukup ideal menyentuh persoalan hidupnya sesebuah negara dengan turunnya hujan dari langit yang terdapat padanya manfaat kepada manusia, dengan hujan juga ia akan menumbuhkan produktiviti buat negara, selanjutnya beliau mendatangkan perbandingan perumpamaan itu dengan riwayat daripada Ibn ‘Abbas yang menegaskan bahawa Allah telah membuat perumpamaan negara yang baik seperti seorang mukmin dengan kafir, atau orang baik dengan orang jahat, negara atau tanah yang baik akan menghasilkan produk tanaman yang baik dengan mudah dan segera mendapat hasilnya, malah buah-buahan akan menjadi lebat dan banyak, begitulah sebaliknya jika negara atau tanah yang tidak baik akan membantutkan dapatan hasil produk tanaman melalui proses yang amat sukar mendapat keberhasilannya<sup>136</sup>.

Al-Qarađawi<sup>137</sup> ada berpandangan, bahawa rumah tangga dan keluarga muslim yang baik adalah yang sentiasa perkukuh memperkuuhkan antara satu sama lain dalam kalangan suami isteri, mereka meletakkan segenap tuntutan

---

<sup>136</sup> Muhammad Rasyid Redha : *Tafsīr al-Manār* (Qāherah : Al-Haiah al-‘Āmah al-Miṣriyyah li al-Kitāb, 1973), 4 : 427.

<sup>137</sup> Yusuf al-Qarađawi merupakan seorang anggota al-Ikhwān al-Muslimūn sepertimana yang beliau sendiri tegaskan ketika bersama dengan Hasan al-Banna, pada masa itu beliau masih bergelar mahasiswa, beliau menceritakan bagaimana pernah mendengar ucapan Hasan al-Banna sendiri ketika berkunjung ke Tanṭa, dalam satu ceramahnya beliau mengingatkan mereka dengan tiga perkara, iaitu bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu, istiqamah dalam melaksanakan Islam dan menyuburkan kasih sayang sesama saudara Islam, pada kesempatan yang lain beliau juga berpesan agar para mahasiswa memiliki wawasan pemikiran Islam yang tinggi dan membebaskan tanah air milik umat Islam yang masih dijajah. - Yusuf al-Qaradawi, Syeikh Dr : *Aku dan al-Ikhwān al-Muslimūn* – terj. Qurratul Aien bt. Abdul Fattah (Kuala Lumpur : Mutiara ilmu Seleka Sdn. Bhd, 2010), hal. 23-24. Pengkaji berpendapat, sebagai seorang haraki, al-Qarađawi banyak terkesan dengan pendekatan Hasan al-Banna, justeru setiap dari apa yang diketengahkannya lebih bersifat mentarbiyah terutama dalam segenap tulisan dan karyanya.

agama sebagai keutamaan dalam melayari bahtera secara bersama, bagi menjayakan hasrat tersebut, mereka mesti memelihara perkara-perkara berikut :

- i- Perkahwinan mestilah didasarkan atas sifat ređa antara satu sama lain, tanpa ada unsur tekanan dan paksaan.
- ii- Masing-masing menjalankan tanggungjawab yang dituntut Islam.
- iii- Sentiasa mewujudkan pergauluan mesra dan harmoni dengan menyisihkan pra sangka tidak baik ketika timbul keadaan tegang selama mana melayari bahtera bersama.
- iv- Suami sentiasa menzahirkan konsep kepimpinan Islam yang jitu agar dihormati serta bertanggungjawab memastikan agar ahli dalam rumah tangga dan keluarganya dibimbing dengan agama.
- v- Isteri pula memiliki ciri solihah agar dapat merealisasikan tanggungjawab membina rumah tangga gemilang dengan Islam.
- vi- Pasangan suami isteri yang telah bergelar ayah dan ibu mesti memberi perhatian wajar terhadap anak-anak mereka dengan memastikan anak-anak memberi penghormatan sewajarnya kepada mereka, kerana Allah SWT merahmati ayah dan ibu yang mengajar anak-anak untuk menghormati mereka, dan memastikan agar penghormatan terhadap ibu didahulu dan diutamakan<sup>138</sup>.

Keharmonian dan kerukunan rumah tangga muslim yang dibina atas dasar kefahaman yang mendalam terhadap Islam, sentiasa meletakkan batu asas tarbiyah Islam sebagai satu usaha anjakan paradigma bagi melahirkan generasi

---

<sup>138</sup> Yusuf al-Qaradawi, Syeikh Dr : *Al-Khoṣoīṣ al-‘Āmah li al-Islām* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1986), hal. 182-183.

Islam yang berwawasan jauh, terutama dalam memilih pasangan yang menjadi gagasan bahtera rumah tangga seperti yang ditegaskan oleh al-Quran :

الْخَيْثَتُ لِلْخَيْثِينَ وَالْخَيْثُونَ لِلْخَيْثَتِ وَالطَّيْبَتُ لِلطَّيْبِينَ  
وَالطَّيْبُونَ لِلطَّيْبَتِ

Surah an-Nūr : 24 : 26

Terjemahan : “(lazimnya) perempuan-perempuan yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat, dan lelaki-lelaki yang jahat untuk perempuan-perempuan yang jahat; dan (sebaliknya) perempuan-perempuan yang baik untuk lelaki-lelaki yang baik, dan lelaki-lelaki yang baik untuk perempuan-perempuan yang baik.”<sup>139</sup>,

Menurut Ibn ‘Abbas, ayat di atas turun disebabkan kata-kata nista golongan yang jahat yang memfitnah Saidatina ‘Aishah r.anha dalam peristiwa al-Ifki, mereka yang membuat fitnah itu adalah golongan lelaki yang jahat yang sesuai dijodohkan dengan golongan wanita jahat seperti mereka, maka golongan yang baik seperti Saidatina ‘Aishah amat sesuai menjadi teman hidup Rasulullah s.a.w. yang amat baik dalam kalangan manusia<sup>140</sup>. Ini adalah contoh terbaik bagaimana mencari pasangan yang sama-sama baik dan sekufu’ dalam melayari bahtera rumah tangga.

Malahan elemen memilih bakal isteri atau suami yang baik telah disebut oleh Rasulullah s.a.w. :

إِذَا جَاءَكُم مِّنْ تَرْضُونَ دِينَهُ فِرْجُوْهُ، إِلَّا تَفْعِلُوا تَكْنُ فَتْنَةً فِي  
الْأَرْضِ وَفَسَادَ عَرْبِيْضَ. (رواه الترمذى).

<sup>139</sup> ‘Afīf ‘Abd al-Fattāḥ Ṭabbārah : *Rūh al-Dīn al-Islāmī* (Beīrūt : Dār al-‘Ilm Lī al-Malāyīn, 1983), hal. 362.

<sup>140</sup> Muhammad ‘Ali as-Ṣobūni : *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr* (Beīrūt : Dār al-Qurān al-Karīm, 1396H), 2 : 595.

Terjemahan : “Jika datang kepada kamu seseorang yang kamu setuju dengan pegangan agamanya, maka kahwinkanlah dia, jika kamu tidak berbuat demikian, maka akan berlaku fitnah di muka bumi dan kerosakan yang besar.”

Begitu juga memilih bakal calon isteri, baginda telah mengkhabarkan menerusi sabdanya :

**تنكح المرأة لاربع، لمالها ولحسبيها ولجمالها ولدينها، فاظفر**

بذات الدين تربت يداك. (رواه البخاري ومسلم) .<sup>141</sup>

Terjemahan : “Seseorang wanita itu dikahwini kerana empat perkara, kerana harta, keturunan, kecantikan dan agamanya, maka kahwinlah yang beragama kerana dia akan membahagiakan kamu.”<sup>142</sup>

Bagi merealisasikan sebuah rumah tangga yang berperanan sebagai agen perubahan masyarakat, ia dikendalikan oleh pasangan solih dan solihah yang memahami tugasan dan lapangan masing-masing untuk mewujudkan sebuah rumah tangga yang didambakan oleh Islam, justeru pasangan ini telah melalui proses pemilihan jodoh masing-masing di peringkat awal yang sekufu’ dalam segenap tuntutan yang diperlukan, dalam mengendalikan bahtera perkahwinan pula mereka saling mencurahkan kasih sayang untuk meraih hasil yang baik pada hari akhirat kelak, sehubungan itu, Rasulullah s.a.w. ada menegaskan dalam sebuah hadith :

<sup>141</sup> أخرجه البخاري (3/417) ومسلم (4/175) وكذا أبو داود (2047) والنسائي (2/133 . 134) والدارمي (82) وابن ماجه (1858) . كليهم عن سعيد بن يحيى بن عبيد الله: أخبرني سعيد ابن أبي سعيد عن أبي هريرة به . والبيهقي (2/428) وأحمد (79) . maktabah shamela 3.61/bin

<sup>142</sup> Ahmad Faez : *Dustūr al-Usrah Fi Ẓilal al-Qurān* (Beirut : Muassasat al-Risālah, 1987), hal. 115

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ

: الْدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرٌ مَتَاعُ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ . رواه مسلم

(1467) وابن ماجه (1855)

Terjemahan : “Daripada ‘Abd Allah bin Amru, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda : Dunia itu adalah perhiasan, dan sebaik-baik perhiasan itu adalah wanita yang solihah.”

Inilah asas kebahagian rumah tangga muslim yang telah digariskan oleh Islam iaitu pilihan calon suami dan isteri dengan kriteria yang disebut oleh Rasulullah s.a.w., bilamana pasangan yang melaksanakannya, pasti rumah tangga mereka mengecapi aman dan damai walaupun menghadapi kesukaran dalam mengemudi bahtera perkahwinan.

Apa yang boleh disebut di sini, bahawa rumah tangga yang mengecapi kebahagiaan ialah rumah tangga mithali iaitu sebuah rumah tangga dan keluarga yang dibangunkan atas dasar taqwa kepada Allah dengan meletakkan batu asasnya mengikut al-Quran dan al-Sunnah sejak mula ia didirikan. Sebuah rumah tangga yang serba sederhana dalam segenap keperluannya, sama ada dari sudut kebendaan atau maknawi tanpa sebarang pemborosan dalam makan minum, pakaian, peralatan, perabot dan sebagainya dari sudut kebendaan, adapun dari sudut maknawi pula bersederhana dalam tindakan, iaitu tidak berlebihan dalam bergurau senda, cara berfikir yang realistik, di mana ahli rumah tangganya sentiasa mengutamakan ikutan terhadap manhaj Rasulullah s.a.w. dalam berumah tangga, dan sentiasa memelihara sunnah baginda dengan sebaik-

baiknya bagi meraih rahmat Allah<sup>143</sup>. Inilah rumah tangga yang merupakan batu-bata kepada pembangunan masyarakat mithali, iaitu yang mementingkan ajaran al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad s.a.w. yang berlegar dalam kalangan ahli keluarga berkenaan, suami menjadi pelindung kepada isteri dan anak-anak dalam menyediakan keperluan asas termasuk pendidikan yang mampu melahirkan generasi seperti para sahabat Rasulullah, pada masa yang sama seorang ayah yang bertanggungjawab memimpin ahli keluarganya ke jalan syurga, isteri pula menjadi pengokoh kekuatan keluarga yang juga bertindak sebagai seorang ibu yang mendidik anak-anak dengan cara hidup Islam, ini tidak lain kerana rumah tangga seumpama ini dibina atas ikatan iman, taqwa dan hubungan dengan Pencipta<sup>144</sup>.

Sesungguhnya mereka yang telah mendapat didikan secara langsung dari Nabi Muhammad s.a.w. adalah terdiri daripada individu yang telah melihat sendiri kewibawaan Rasulullah dalam mengendali rumah tangga yang cukup ideal, Abu Bakar merupakan pengislah yang hebat, ‘Umar bin al-Khaṭṭāb seorang pemimpin yang berkarisma, ‘Uthmān bin ‘Affān bangsawan yang dermawan, ‘Ali bin Abi Talib genius yang unggul, Khalid bin al-Walid panglima yang tegas, Salman al-Farisi ahli Falsafah yang berpotensi, Abu Dhar ahli zuhud yang jujur dan lain-lain, semua mereka bukan dari graduan universiti di Barat atau Timur, akan tetapi menjadi graduan Universiti Muhammad yang bertindak menjadi rektor dan dekan, hingga melahirkan graduan yang mampu membina

<sup>143</sup> Muhammad ‘Uthman al-Khasyat ; *Al-Masyākil al-Zawjiyyah wa Ḥulūluha* (Qāherah : Maktabah al-Qurān, 1984), hal. 30-31.

<sup>144</sup> ‘Abd al-Rahmān as-Ṣobūni, Dr : *Niẓām al-Usrah wa ḥalli Musykilatuha Fi Dāw’ al-Islām* (Qāherah : Maktabah Wahbah : 1983), hal. 31

rumah tangga cemerlang dengan ajaran Islam secara praktikal, ia dapat dilihat dari tarbiyah yang diberikan kepada anak-anak mereka masing-masing yang cemerlang dalam catatan sejarah<sup>145</sup>.

Matlamat utama dari pembinaan sebuah rumah tangga dan keluarga Islam tidak lain adalah untuk menjadi pusat pembangunan insan untuk melahirkan individu-individu dalam kalangan anak-anak yang ditarbiyah dengan acuan Islam, iaitu rumah tangga yang memahami tuntutan pelaksanaan hukum-hukum Allah pada ketika ramai dalam kalangan umat Islam sendiri jahil mengenainya, inilah yang telah menimpa dunia Islam akibat dari meletakkan sistem perundangan Barat lebih tinggi daripada apa yang ada dalam Islam<sup>146</sup>.

Sesungguhnya ajaran Islam telah meletakkan asas yang praktikal dalam sesebuah rumah tangga dan institusi kekeluargaan dan institusi masyarakat yang saling berhubung antara satu individu dengan yang lain melalui ikatan yang utuh, khususnya peranan dan tugas antara suami dan isteri yang berorientasikan matlamat Islam yang amat jauh berbeza dari apa yang dialami oleh sebuah institusi rumah tangga di Barat dan masyarakat dunia.

Ini kerana hubungan perkahwinan yang sah menjadikan hubungan antara individu lelaki (suami) dan wanita (isteri) diikat dengan satu hubungan ampuh melalui akad nikah, inilah peringkat permulaan yang menyempurnakan matlamat pembangunan insani yang bertanggungjawab memproduksi generasi

---

<sup>145</sup> ‘Abd al-Hamid Kisyk : *Binā’ al-Usrah al-Muslimah* (Qāherah : Dār al-Mukhtār al-Islāmī, 1988), hal. 85.

<sup>146</sup> Muhammad al-Ghazali : *Al-Haq al-Mur* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 1989), 2 : 123.

yang mewarisi tugas yang ditinggalkan oleh baginda Rasulullah s.a.w. sebagai khalifah untuk membimbing dunia.

Sebagai lelaki atau suami mempunyai peranan dan tanggungjawab membina rumah tangga dengan Islam, sementara wanita yang bergelar isteri pula memainkan peranan merealisasikan impian melahirkan kader pada masa akan datang. Masing-masing menjalankan peranan untuk membina sebuah rumah tangga yang diidamkan oleh Islam<sup>147</sup>.

Apa yang penting yang dikehendaki oleh Syariat Islam dari seorang wanita bergelar isteri, ialah dia menjadi sumber kebahagiaan yang memberi ketenangan kepada sang suami ketika melihatnya, kerana ketaatan serta sifat amanahnya yang amat ditagih, begitu juga sebaliknya Islam menghendaki kepada sang suami agar berprinsip tegas dalam urusan agama, selain dari menjadi pengawal ahli keluarganya, dia menjalankan tanggungjawab dengan memberi nafkah zahir dan batin, menjaga perasaan pasangannya agar sentiasa ceria, inilah cara bagaimana kedua-dua individu ini boleh sepakat dalam membangun keluarga dengan nilai-nilai agama di samping mendaulatkan Syariat Islam dengan akhlak terpuji<sup>148</sup>.

Ini kerana asas kejayaan dalam berumah tangga yang telah dijelmakan oleh Rasulullah s.a.w. ialah akhlak terpuji yang telah melonjakkan keperibadian baginda mengatasi kepimpinan manusia lain di dunia. Sehubungan itu, ‘Abd Allah bin Jandab r.a. pernah berkata:

<sup>147</sup> Muhammad bin Sa’ad al-Syuway’ir, Dr : *Himāyah al-Islām li al-Mar’ah* (Qāherah : Dār al-Sohwah li al-Nasyr, 1985), hal. 85.

<sup>148</sup> ‘Abd al-Qoder Ahmad ‘Atā’ : *Al-Liqā’ Bainā al-Zaujān Fi Dāw’ al-Kitāb wa al-Sunnah* (Qāherah : Dār al-Turāth al-‘Arabi, 1980), hal. 42.

أُوتينا الإيمان قبل أن نعلم القرآن، ثم تعلمنا القرآن فازدنا  
إيماناً. فالإيمان بالله عز وجل هو أساس البناء حتى يتحرر  
الفرد كل مؤثر خارجي ويكون خضوعه للحق وحده.

Maksudnya : Sesungguhnya kami telah diajarkan dengan iman terlebih dahulu sebelum mempelajari al-Quran, setelah mempelajari al-Quran, maka bertambahlah iman kami. Kerana iman kepada Allah adalah asas pembangunan, hingga mampu membebaskan seseorang individu dari terpengaruh dengan anasir luar (yang meruntuhkan) hingga mampu untuk tunduk hanya kepada Allah sahaja<sup>149</sup>.

Setelah mengalami proses pembangunan rumah tangga dengan segenap unsur pembangunan yang diperlukan, maka ketika itu bolehlah dikatakan ia sebuah rumah tangga yang matang, setelah itu membawa hasil melalui anak-anak yang ditarbiyah dengan segenap ajaran Islam, iaitu generasi yang berkesanggupan untuk memikul tanggungjawab dalam diri mereka sendiri, keluarga dan masyarakat. Tetapi apa yang lebih penting tanggungjawab terhadap Khilafah yang memakmurkan bumi Allah dengan manhaj yang digariskan oleh Allah SWT<sup>150</sup>.

Hasan al-Banna menurut pengkaji, seorang insan yang mempunyai wawasan yang cukup jauh dan rasional dalam membangun manusiawi, bermula dengan pembangunan individu, rumah tangga dan seterusnya masyarakat dan negara. Apa yang dilontarkan mengenai aspek berkenaan, beliau telah memulakan dalam kalangan anggota al-Ikhwān al-Muslimūn hingga umum mengetahui bahawa segenap anggota berkenaan menguasai sebahagian besar pertubuhan bukan kerajaan di Mesir khususnya seperti persatuan peguam,

<sup>149</sup> Mahmud Muhammad Muhammad ‘Imārah : *Tarbiyah al-Awlād Fi Zilli al-Islām* (Qāherah : Dār al-Turāth al-‘Arabi, 1984), hāl. 401.

<sup>150</sup> Muhammad Qutb : *Manhaj al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 1981), 2 : 328.

perubatan, nelayan, kehakiman dan lain-lain, ia tidak lain kerana mereka sentiasa diberi kepercayaan jitu dalam kalangan ahli-ahli pertubuhan masing-masing, tetapi apa yang lebih penting, kerana setiap daripada mereka mempunyai keupayaan memimpin di samping kemampuan menonjolkan ide-ide berasal dalam memajukan pertubuhan yang mereka wakili.

Secara praktikalnya menurut pengamatan pengkaji dalam aspek pembangunan rumah tangga dan institusi kekeluargaan yang diinspirasikan oleh Hasan al-Banna dan apa yang dihurai oleh para sarjana selepasnya dalam tulisan masing-masing, mereka tidak menafikan bahawa sekufu' dalam serba-serbi pada pasangan suami isteri adalah antara elemen terpenting dalam menjana keharmonian berumah tangga, sekali gus menjamin keselesaan yang menjadi faktor pembantu untuk melahirkan generasi yang dinamik dengan unsur pembangunan insan seperti yang ditegas oleh Hasan al-Banna.

Juga untuk mengekalkan kesinambungan bangsa manusia melalui proses tarbiyah, justeru Rasulullah s.a.w. melarang dalam hadīth di atas, yang menolak pinangan calon pasangan lelaki yang mempunyai asas agama boleh mengundang kebinasaan dan kerosakan di muka bumi, kerana lelaki yang baik adalah untuk pasangan wanitanya yang baik juga, inilah faktor yang menjana kefahaman terhadap tanggungjawab dalam rumah tangga dan berusaha untuk melahirkan kader-kader yang meletakkan kepentingan Islam lebih tinggi dari segala-galanya, iaitu bermula dengan individu kemudian pembentukan rumah tangga dan keluarga mithālī.

### **3.7.6. Pembangunan Insan Dalam Pembentukan Masyarakat**

Elemen ketiga yang diberi penekanan oleh Hasan al-Banna yang tidak kurang pentingnya dalam pembentukan insan adalah masyarakat, ini kerana masyarakat adalah komponen terpenting dalam menjana umat yang terbaik seperti yang ditegaskan Allah dalam al-Quran. Sehubungan itu, Hasan al-Banna ada menegaskan :

“Masyarakat perlu berperanan sebagai satu organisasi yang sistematik, iaitu menyebarluaskan misi dakwah ke arah kebaikan, dengan bangkit menolak sebarang bentuk perkara keji dan mungkar, bertindak menggalakkan orang ramai supaya menyuruh kepada segala bentuk kebaikan, malah segera melakukannya, berusaha meraih pandangan umum kepada menerima fikrah Islam secara menyeluruh, agar ia menjadi acuan dalam kehidupan umum, ia adalah satu kewajipan dan tanggungjawab terhadap setiap individu yang terlibat dalam jamaah sebagai agen yang mampu bertindak melakukan perubahan, suaranya didengari hingga ke pelusuk kampung, bandar, pusat-pusat kegiatan masyarakat malah masuk ke dalam setiap rumah yang ada penghuni.”<sup>151</sup>,

Pembentukan masyarakat termasuk dalam perkara yang mesti dilaksanakan dengan program Islam, sama pentingnya membentuk individu, rumah tangga atau keluarga Islam, ia termasuk asas yang kukuh dalam memperbaiki masyarakat yang didambakan oleh Islam. Masyarakat yang baik adalah yang mengikat hubungan individu dan kekeluargaan dengan nilai-nilai serta prinsip yang tinggi menurut Islam yang menjadi teras dalam mesej kehidupan setiap muslim, di samping penekanan terhadap amal solih seperti

---

<sup>151</sup> Hasan al-Banna : *Majmū 'āt al-Rasā'il*, hal 119.

yang terdapat dalam rukun-rukun Islam yang lima, membaca al-Quran, berdoa, berzikir malah mencari sumber rezeki dalam bidang pertanian, kemahiran dan pembuatan juga merupakan matlamat untuk membangun masyarakat yang produktif<sup>152</sup>.

Nilai serta prinsip yang tinggi yang dimaksudkan oleh al-Qarađāwi ialah disandarkan kepada aspek aqidah yang jitu walau apapun bangsa, keturunan, kewarganegaraan serta kedudukan sesebuah masyarakat itu, namun ia tetap sama dalam mengungkap dua kalimah syahadah, malah ia menjadi sebab kepada berlangsungnya keutuhan persaudaraan<sup>153</sup>.

Ia bukan diikat dengan aspek kebendaan, kalau itu yang menjadi matlamat, maka para sahabat Rasulullah s.a.w. tidak akan dapat dibangun dengan Islam, ini kerana sejarah telah menunjukkan bahawa baginda Rasulullah s.a.w. bukanlah seorang hartawan, akan tetapi rahsia kejayaan baginda dalam membangun insan dalam kalangan sahabat adalah diikat dengan aqidah di peringkat awal pendekatan baginda di kota Mekkah selama 13 tahun.

Inilah yang dikatakan masyarakat yang ideal kerana ikatan aqidah adalah segala-galanya dalam menentukan mereka dapat dibangun dengan segenap keperluan amal solih hingga kepada ikatan kerohanian yang tidak membezakan antara satu sama lain, semuanya sama bagaikan sebatang sikat. Inilah sistem yang terdapat dalam ajaran Islam berasaskan al-Quran dan Sunnah

---

<sup>152</sup> Yusuf al-Qaradawi, Dr. : *Madkhal Ilā Ma'rīfah al-Islām* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1996), hal. 234-235.

<sup>153</sup> Ibid\_\_\_\_\_234.

Nabawiyah, kerana kedua-dua sumber itu merupakan asas agama yang mampu menghidupkan hati-hati manusia yang terdapat dalam institusi masyarakat<sup>154</sup>.

Namun dalam al-Quran hanya disebut perkataan ‘Umat’ bukan ‘Mujtama’ (masyarakat) menerusi ayat-ayat yang banyak, setiap daripada perkataan umat itu mengandungi makna yang berbeza antara satu sama lain, sebagai contoh dalam firman Allah :



إِنَّا وَجَدْنَا إِلَيْهِ أَبَاءَنَا عَلَىٰ أُمَّةً وَإِنَّا عَلَىٰ إِثْرِهِمْ مُقْتَدُونَ

Az-Zukhruf : 43 : 23

Terjemahan : "Sesungguhnya kami dapati datuk nenek kami menurut satu jalan agama, dan sesungguhnya Kami hanya mengikut jejak mereka sahaja".

Apa yang dimaksudkan umat dalam ayat di atas adalah kaum terdahulu yang dipegang oleh golongan musyrikin Mekkah yang sesat sejak sekian lama<sup>155</sup>.

Sementara dalam firman Allah yang lain :

إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةٌ وَاحِدَةٌ

Al-Anbiya' : 21 : 92

Terjemahan : Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya.

Perkataan umat dalam ayat di atas pula bermaksud agama, iaitu agama Islam yang merupakan satu-satunya agama yang benar yang wajib umat Islam pelihara kesuciannya dari sebarang najis syirik dan ikhlas untuk beribadat

<sup>154</sup> Syeikh Muhammad Abu Zuhrah : *Al-Mujtama' al-Insāni fī Zilāl-Islām* (Qāherah : tanpa penerbit, 1986), hal. 88.

<sup>155</sup> Dr. Muhammad al-Ahmadi Abu an-Nūr : *Al-Muntakhab Fī Tafsīr al-Qurān al-Karīm* (Qāherah : Wazarah al-Awqāf, 1985), hal. 725.

dengannya serta jauh dari sebarang unsur perpecahan, kerana ia adalah agama ciptaan Allah SWT<sup>156</sup>.

Agama yang satu bermaksud ia menyalahi segenap agama yang ada di muka bumi ini, adapun umat yang berpegang kepada agama yang satu itu pula adalah mereka yang perlu didakwah dan berdakwah sebagai menuruti tugas para Nabi, mereka inilah yang dimaksudkan sebagai Umat Islam yang menjadi ikutan kepada segenap umat manusia<sup>157</sup>.

Al-Qaradawi ketika menukilkan perkataan ‘Umat’ dari pandangan ar-Rāghib al-Asfahānī dalam kitab Al-Mufradāt al-Qurān menyebut, bahawa perkataan umat bermaksud apa sahaja yang boleh diertikan, sama ada ia bermaksud satu agama, satu zaman dan tempat walaupun menggunakan perkataan jama’ (banyak) iaitu umam<sup>158</sup> seperti yang ditegaskan dalam firman Allah :

وَمَا مِنْ دَآبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَيْرٌ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أَمْمٌ أَمْثَالُكُمْ

Al-An'am : 6 : 38

Terjemahan : “Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu.”

Perkataan umat dalam al-Quran juga boleh diertikan dengan sebuah jamaah, kaum dan bangsa tertentu, seperti yang ditegaskan oleh Imam al-Fakhr

<sup>156</sup> Ibid hal. 484.

<sup>157</sup> Dr. Ishāq bin ‘Abd Allah as-Sa’dī : *Tamaiyuz al-Ummah al-Islamiyyah* (KSA : Jāmi’ah al-Imām Muhammad bin Sa’ūd al-Islamiah, 1426H), hal. 73.

<sup>158</sup> Yusuf al-Qaradawi, Dr. : *Al-Ummah al-Islamiyyah Haqiqatun La Waham* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1995), hal. 7.

al-Rāzi bahawa asal perkataan umat menunjukkan satu kumpulan masyarakat yang berhimpun dalam satu perkara. Sementara Saiyid Qutb dalam *Zilāl al-Qurān* menyebut, bahawa umat adalah sebuah jamaah yang berhimpun dalam satu aqidah yang menjadi penghubung yang padu dalam kalangan individu jamaah<sup>159</sup>.

Pengkaji cuba untuk membuat sedikit penerangan mengenai perbezaan perkataan umat dan masyarakat, mungkin sekali imbas ia bagaikan satu persamaan, tetapi sebenarnya terdapat sedikit perbezaan yang tidak ketara, agar dengan penjelasan ini diharap dapat memberi pencerahan, kerana di dalam al-Quran perkataan umat acap kali digunakan berbanding dengan perkataan masyarakat.

Justeru, Hasan al-Banna sendiri menggunakan kedua-dua perkataan tersebut seolah-olah ada persamaan dalam Kitab Majmū'ah al-Rasā'il, dalam Risālah Ilā as-Syabāb, ketika beliau menyebut mengenai pendekatan atau manhaj al-Ikhwān al-Muslimūn terdapat beberapa wasilah yang mesti menjadi keutamaan dalam mencapai matlamat manhaj, iaitu pembentukan individu muslim, rumah tangga muslim, **masyarakat** dan pemerintah Islam. Tetapi dalam Risālah Da'watunā fī Taur Jadīd, beliau menggunakan perkataan **umat** menggantikan masyarakat. Apabila dilihat secara teliti, apa yang dimaksudkan oleh Hasan al-Banna adalah perkara sama yang tidak membezakan antara satu sama lain.

---

<sup>159</sup> Muhammad as-Saiyid Muhammad Yusuf : *At-Tamkīn li al-Ummah al-Islamiyyah fī Daw' al-Qurān al-Karīm* (Qāherah : Dār as-Salām, cet. Kedua, 2003), hal. 12.

Al-Qarađāwi dalam tulisannya ada mengenangkan kedua-dua perkataan tersebut dalam huraian tajuk yang berbeza tanpa menzahirkan perbezaan ketara, ketika menjelaskan perkataan masyarakat dalam tajuk pembangunan masyarakat yang solih, beliau menjelaskan bahawa masyarakat Islam yang solih adalah yang diikat dengan elemen nilai ajaran Islam yang tinggi, individu-individu di dalamnya berhimpun dalam kesatuan aqidah yang menjadi teras dan asas kesatuan berfikir walaupun berlainan bangsa dan asal keturunan. Mereka juga diikat dengan aspek persaudaraan, kasih sayang, saling bantu membantu, rasa simpati bila ditimpa musibah, bekerjasama, nasihat menasihati, berlaku adil yang menjadi syarat untuk mencapai kemajuan dalam kehidupan<sup>160</sup>.

Dalam kitab yang sama, beliau menyebut menerusi tajuk pembinaan umat Islam yang solih, bahawa antara matlamat asas Islam adalah untuk membentuk umat Islam yang solih yang memiliki keistimewaan tersendiri dalam merealisasikan risalah atau mesej Islam yang diturunkan ke dunia ini. Iaitu umat yang terbentuk dengan aqidah dan syariat, malah terdidik dengan petunjuk Islam bagi meneruskan kelangsungan generasi pada masa akan datang. Iaitu umat yang berteraskan aspek Rabbaniyah, kesederhanaan, menyampaikan dakwah Islam, bersatu dan yang paling penting adalah keimanan yang kental kepada Allah SWT<sup>161</sup>.

<sup>160</sup> Yusuf al-Qaradawi, Dr. : *Madkhāl li Ma'rīfah al-Islām* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1996), hal. 234.

<sup>161</sup> Ibid\_\_\_\_hal. 246-248. Perkara yang sama juga beliau sebut dalam kitabnya *Syūmul al-Islām* pada halaman 84, terbitan Maktabah Wahbah, 1995.

Dengan kata lain, masyarakat umat Islam yang beriman dengan Tuhan Yang Esa iaitu Allah SWT, Rasul yang satu iaitu Muhammad s.a.w., kitab yang satu iaitu al-Quran al-Karim, kiblat yang satu setiap hari menghala wajah ke arahnya iaitu Kaabah Baitullah al-Haram<sup>162</sup>.

Begitu juga ia adalah msayarakat yang kekal dengan mesej terakhir yang dibawa oleh Nabi terakhir iaitu Muhammad s.a.w. menerusi al-Quran yang dipelihara Allah sampai hari akhirat<sup>163</sup>.

Apa yang pengkaji ingin simpulkan di sini, setelah meneliti pendekatan Hasan al-Banna dalam kedua-dua Risalah dalam *Majmū'ah al-Rasā'il* yang disebutkan, bahawa masyarakat itu adalah umat dan umat itu pula adalah masyarakat yang ada di dalamnya pelbagai jenis manusia yang berpotensi untuk dibangunkan.

Walau bagaimanapun masyarakat itu sering dinisbahkan kepada kelompok manusia di sesebuah negara, seperti masyarakat Malaysia dan bukannya umat Malaysia, kerana perkataan umat lebih luas penggunaannya berbanding masyarakat seperti umat Islam seluruh dunia menghadapi krisis keyakinan, bukan masyarakat Islam.

Dalam kajian ini, pengkaji tidak fokus untuk buat penjelasan mengenai perbezaan antara kedua-dua perkataan berkaitan, kerana apa yang lebih penting maksud pembangunan insan menurut Hasan al-Banna itu tercapai dengan

---

<sup>162</sup> Yusuf al-Qaradawi : *Min Ajl Ṣohwah Rosyidah – Tajaddud al-Dīn wa Tanhad bi al-Dunya* (Dār al-Wafā' li at-Tibā'ah wa al-Nasyr, 1995), hal. 115.

<sup>163</sup> Ibid\_\_\_\_hal. 117.

pembentukan individu, rumah tangga, masyarakat/umat dan pemerintah atau Negara Islam.

Masyarakat atau umat yang berpotensi untuk dibangun adalah masyarakat yang diikat dengan keimanan dan aqidah kepada Allah dan amal solih, inilah yang ditegaskan oleh Hasan al-Banna dalam perkara unsur-unsur pembangunan insan yang sepuluh, ia tidak sama sekali diikat dengan hubungan darah dan kerabat, sebagaimana Allah menolak permohonan Nabi Nuh a.s. agar menyelamatkan anaknya dari ditenggelamkan kerana tidak beriman dengannya<sup>164</sup>.

Pengkaji begitu optimis apa yang menjadi sasaran Hasan al-Banna dalam pembentukan masyarakat dan umat menerusi projek pembangunan insan agar mereka menjadi kelompok individu dalam masyarakat yang bertamadun, dalam erti kata mereka bangkit beramal dengan segenap unsur pembangunan insan, bukan sahaja dalam aspek aqidah, malah mereka melaksanakan tuntutan dalam beramal diniatkan sebagai cabang ibadat khusus dan umum menerusi penggarapan ilmu yang mematangkan cara berfikir mereka dalam bertindak, memiliki keluhuran akhlak yang jitu yang menjadi pemangkin kejayaan Hasan al-Banna ketika menjalankan usaha dakwah, pada masa yang sama mereka memelihara tubuh badan supaya sentiasa sihat agar dengannya dapat menjalankan tugas dakwah terhadap umat tanpa bergantung kepada makhluk, berusaha sedaya mungkin untuk mengecapi kejayaan dalam menjalankan tugas sebagai muslim, dengan tidak menghabiskan waktu pada perkara-perkara yang

---

<sup>164</sup> Muhammad al-Bahi, Dr : *Al-Qurān wa al-Mujtama'* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1986), hal. 68.

tidak memberi manfaat kepada agama, negara serta masyarakat dan apa yang lebih penting mereka melakukan usaha memperbaiki masyarakat dan umat dengan cara yang paling berkesan dan bermanfaat untuk kebaikan Islam dan umat Islam. Unsur-unsur pembangunan insan yang menjadi teras itulah yang melonjakkan umat Islam sebagai sebaik-baik umat yang menjadi ikon dan teladan kepada segenap bangsa manusia di dunia.

Apa yang perlu disedari oleh anggota masyarakat ketika membangun diri dengan unsur pembangunan insan, malah memperkuuh asas pembinaan masyarakat selain aqidah dan amalan beribadat, perlu juga diberi perhatian ialah aspek akhlak yang bagaikan sudah hilang dari diri umat Islam, hingga Islam sudah terhijab akibat perbuatan segelintir masyarakat umat Islam yang tidak lagi mementingkan akhlak dalam kehidupan harian mereka.

Ini menyebabkan hilang integriti sesama kelompok dan negara umat Islam. Keutuhan akhlak yang dianggap sebagai alat untuk membangun diri mereka rapuh lantaran kecenderungan kepada dunia dan isinya, apa yang ketara bahawa mereka tidak lagi berpegang kepada satu kaedah atau sistem yang mampu menjadikan mereka umat terbaik, iaitu tidak ada pendekatan tarbiyah yang cukup hingga mengakibatkan individu dalam sesebuah rumah tangga yang lahir selepas itu sebuah masyarakat yang beriman kepada Allah SWT dengan pelaksanaan amal ibadat dan amal-amal solih yang lain menjadi musnah dan hilangnya jati diri mereka dengan Islam<sup>165</sup>.

---

<sup>165</sup> Al-Imam Muhammad Abdu Zuhrah : *Tanzim al-Islām li al-Mujtama'* (Qaherah : Dar al-Fikr al-Arabi, 1999), hal. 20

Masyarakat umat Islam adalah mereka yang didambakan oleh Islam melalui al-Quran dan hadīth-hadīth baginda Rasulullah s.a.w., terdapat satu persoalan di sini, apakah masih wujud individu-individu yang disebutkan di atas dalam masyarakat umat Islam itu sendiri?. Siapakah mereka yang sebenarnya?.

Al-Qarađāwī dalam tulisannya ada menegaskan, mereka yang disebutkan di atas boleh sahaja untuk dipanggil dengan Umat Islam, Umat Muhammad dan yang sesuai dengannya. Mereka adalah terdiri daripada yang reda kepada Allah sebagai Tuhan mereka, Islam sebagai agama mereka, al-Quran sebagai kitab pegangan dan perlumbagaan serta Nabi Muhammad s.a.w. sebagai nabi dan rasul terakhir mereka. Inilah pegangan, kepercayaan dan sandaran umat terdahulu dalam kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w. yang menghimpunkan di dalamnya kepelbagaiannya latar belakang keturunan, darjah dan pangkat, semata-mata untuk mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT, mereka adalah umat yang satu yang dibangunkan dengan unsur pembangunan insan tanpa sebarang khilaf dalam kalangan umat Islam hingga ke hari ini<sup>166</sup>.

Mereka adalah umat yang akan kekal abadi yang tidak akan mati, umat yang realistik bukan fantasi, umat yang dikehendaki oleh Islam melepas sempadan geografi, umat yang telah menempa dan mencipta sejarah gemilang yang hidup dalam dunia realiti, ia akan berkesinambungan sampai berakhirnya dunia ini<sup>167</sup>.

---

<sup>166</sup> Yusuf al-Qarađāwī : *Al-Ummah al-Islamiyyah – Haqīqatun La Wahm* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1995), hal. 9.

<sup>167</sup> Ibid\_\_\_\_hal. 10.

Kenyataan al-Qarađāwī selaras dengan kenyataan Hasan al-Banna ketika menyebutnya dalam Risalah al-Muktamar al-Khomis, iaitu dalam kalangan anggota al-Ikhwān al-Muslimūn mereka yang memiliki fikrah yang syumul dalam melakukan pengislahan dalam masyarakat dan umat, setiap daripada mereka adalah ‘Muṣlih’ yang melakukan penambah-baikan yang menjadi impian lahirnya sebuah masyarakat umat yang dibangun dengan Islam<sup>168</sup>.

Pembangunan insan tidak bermula dengan umat atau masyarakat, akan tetapi ia bermula dengan pembentukan individu yang kemudiannya disusuli dengan institusi kekeluargaan atau rumah tangga muslim yang dipahat dengan nilai unsur yang positif.

Dengan lain perkataan, masyarakat yang baik tidak akan wujud melainkan dengan adanya sebuah institusi keluarga dan individu yang terbentuk dengan unsur pembangunan insan, maka akan jadilah sebuah masyarakat dan umat yang layak menerima kemuliaan dari Allah SWT, akan tetapi masyarakat muslim yang baik itu mempunyai asas dalam membangun jati dirinya sendiri<sup>169</sup>.

Adapun asas-asas yang membangun masyarakat muslim itu boleh disimpulkan seperti di bawah ini :

- i- Aqidah yang sohih dalam mengenali ketuhanan Allah, persoalan alam semesta, mengenali erti kehidupan, mengenali rukun-rukun iman dan manusia.

---

<sup>168</sup> Hasan al-Banna : *Majmū'āh al-Rasā'il*, hal 155.

<sup>169</sup> Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr. : *Tarbiyah al-Nāsyi’ al-Muslim* (Manṣoūrah : Dār al-Wafā’ Li al-Ṭibā’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1994), hāl. 17.

- ii- Ibadat yang menepati tuntutan syariat Islam, bukan sahaja tertakluk dalam aspek rukun Islam yang lima, akan tetapi tahu cara mengendalikan pensucian tubuh badan dan hati.
- iii- Merealisasikan segenap tuntutan prinsip dan nilai-nilai agama yang disanjung tinggi oleh undang-undang Syariat Islam melalui pengamalan peradaban seperti menunaikan janji sesama manusia.
- iv- Sentiasa menitik-beratkan aspek keadilan dan ihsan, amar makruf nahi munkar, berjuang pada jalan Allah agar Islam berada di tempat yang paling tinggi.
- v- Melaksanakan prinsip hak-hak serta tanggungjawab dalam kalangan anggota keluarga sebenar atau dalam majlis usrah yang dijalankan.
- vi- Teguh dalam menjalankan tugasan dakwah terhadap individu-individu dalam masyarakat agar berpegang kepada ajaran Islam sebenar dengan penuh kebijaksanaan dengan cara yang terbaik.
- vii- Sentiasa beriltizam dalam mendidik anggota masyarakat bertepatan dengan manhaj tarbiyah yang terdapat di dalam al-Quran, Sunnah serta Sirah Nabi Muhammad s.a.w.<sup>170</sup>

Adapun batu-bata kepada terbentuknya pembangunan insan secara praktikal, terdapat pada setiap keluarga, di mana setiap anggotanya adalah mereka yang telah terbentuk dengan akhlak yang terpuji, sebagai contoh : Pasangan suami isteri yang diikat dengan ikatan pernikahan, mereka sebelum ini

---

<sup>170</sup> Ibid \_\_\_\_\_ 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud, hal.18

adalah individu yang amat memahami tuntutan tarbiyah Islam, maka daripada mereka akan lahir anak-anak yang juga memahami Islam dengan baik, maka jika keadaan ini dapat dilestarikan, maka akan berkembang anak-anak yang akan menjadi individu muslim yang baik, seterusnya menjadi ketua keluarga pada satu hari nanti, malah mereka akan bersedia mencari serta menyertai sebuah jamaah yang benar-benar peka kepada amalan Islam secara praktikal dan menyeluruh, dengan jamaah yang disertai mereka akan rasa kuat dalam menghadapi sebarang tribulasi, maka pasti tujuan pembangunan insan akan tercapai maksud dan impiannya<sup>171</sup>.

Saiyid Qutb ketika mengemukakan hujah mengenai aspek masyarakat dan umat Islam, beliau menegaskan, bahawa masyarakat umat Islam perlu dibentuk dengan satu sistem tarbiyah atau acuan yang berpaksikan atas prinsip syariat Islam, iaitu sistem yang dijelmakan oleh Allah SWT, ia telah terbukti pada era kepimpinan Rasulullah s.a.w. yang berjaya mewujudkan sebuah masyarakat yang tunduk kepada perintah Ilahi, memiliki peradaban yang unggul pada setiap individu yang ada di sisinya, masyarakat yang berpegang kepada prinsip akhlak yang tinggi dan luhur, sehingga menjadi masyarakat mithāli yang mempunyai kekuatan jati diri yang melonjakkan mereka maju dan cemerlang dalam segenap aspek kehidupan<sup>172</sup>.

Pengkaji begitu optimis bahawa dengan tarbiyah Islam yang diinspirasikan dari syariat Islam, ia menjadi sebab dan punca kepada tercetusnya akhlak yang mulia, peradaban yang tinggi nilainya, pengamalan yang jitu dan

---

<sup>171</sup> Ibid \_\_\_\_\_ 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud, hal.18

<sup>172</sup> Saiyid Qutb : *Nahwa Mujtama' Islāmi* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 2008), hal. 54.

padu, aqidah yang mantap kerana ia adalah hak mutlak Allah SWT, dengan kejayaan baginda Rasulullah s.a.w. mentarbiyah para sahabat, maka mereka menjadi sebaik-baik umat seperti yang ditegaskan Allah dalam al-Quran, malah merekalah yang menjadi tulang belakang Rasulullah untuk menundukkan dua kuasa besar Rom dan Parsi pada ketika itu. Ini tidak lain adalah kerana keikhlasan mereka dalam membentuk diri dengan unsur-unsur pembangunan insan yang mendapat keberkatan dari Allah SWT yang tidak teragak-agak untuk memenangkan mereka.

Pengkaji juga yakin, kejayaan para sahabat dalam aspek pembangunan insan menjadi inspirasi kepada para sarjana Islam selepas itu untuk mencatat dalam karya mereka unsur-unsur pembangunan insan dalam kepelbagai teknik dan pendekatan, muslim hari ini boleh berbangga dengan tulisan-tulisan seperti al-‘Ubūdiyyah, al-‘Aqīdah al-Wāṣitiyyah, al-Siyārah al-Syar’iyyah fī Islāḥ al-Rā’ie wa al-Ra’iyyah oleh Ibn Taimiyyah, Madārik al-Sālikīn, ‘Ilām al-Mūqi’īn ‘An Rab al-‘Ālamīn, Raudah al-Muhibbīn wa Nuzhah al-Musytaqqīn dan lain-lain oleh Ibn Qaiyim al-Jawziyyah, al-Imam al-Ghazali dengan Iḥyā’ Ulūm al-Dīn, al-Iqtisod fī al-‘Itiqād, Kaimiyā’ Sa’ādah dan lain-lain, sementara karya agung Imam al-Šuyūṭī seperti al-Asybah wa al-Nazāir, ‘Ain al-Iṣobah fi Ma’rifah al-Šohabah hinggalah kepada para sarjana dalam kalangan ulama’ al-Azhar seperti Syeikh Mahmud Syaltut, Syeikh Muhammad ‘Abduh, Syeikh Muhammad Rasyid Redha dan sampai kepada Hasan al-Banna, sesungguhnya mereka telah menghasilkan bahan-bahan ilmiah yang berteraskan kepada pembangunan insan yang bertujuan untuk membangun manusia dari leka pada

keduniaan kepada mengingati diri dengan bekalan untuk menghadapi alam akhirat yang kekal abadi. Para sarjana Islam yang tercatat dalam sejarah Tamadun Islam inilah yang telah menyerahkan masyarakat dan umat Islam dengan pemikiran yang dinamik berpaksikan kebenaran wahyu al-Qurān, Sunnah dan Sirah Rasulullah s.a.w. yang merupakan rujukan umat Islam yang tidak akan terpesong buat selama-lamanya.

Sesungguhnya matlamat dari membangun masyarakat dan umat Islam ini adalah untuk menjalani kehidupan yang saksama dan seimbang dari sudut zahir dan batin, akal dan hati serta perasaan, bertujuan untuk melahirkan sebuah masyarakat yang berdiri di atas acuan agama Islam hingga menjadi masyarakat yang boleh diteladani, keistimewaan yang ada padanya menyerahkan kelainannya di tengah-tengah masyarakat, iaitu masyarakat yang mampu mentadbir alam ini dengan kebenaran Islam yang tidak tunduk kepada hawa nafsu, sudah sampai masanya umat Islam perlu berbangga kerana mereka adalah sebuah masyarakat yang kuat, padu dan berkarisma<sup>173</sup>.

Pada hakikatnya, Islam dengan segenap pengajaran dan pendekatannya yang menjana pembangunan Islam yang terserlah pada generasi yang terdahulu secara realiti, bukan kerana seorang individu atau pencapaian masyarakat dan umat tertentu, akan tetapi kepimpinan dan kebijaksanaan baginda Rasulullah s.a.w. dengan pendekatan tarbiyah yang lengkap dan komprehensif bermula dengan aspek aqidah selama tiga belas tahun dengan fokus yang mendalam, walaupun al-Qurān pada ketika itu hanya diturunkan dengan surah-surah aqidah

---

<sup>173</sup> Dr. Muṣṭafā ‘Abd al-Wāḥid : *Al-Mujtama’ al-Islāmī* (Jeddah : Dār al-Bayān al-‘Arab , 1984), hal. 24

di Mekkah yang masih belum sempurna sifatnya, kemudian beralih pula kepada aspek pelaksanaan syariat secara praktikal di peringkat Madinah, ia merangkumi aspek akhlak, muamalat, pengisian ilmu, penekanan terhadap pemakanan, pemakaian dan lain-lain, yang disimpulkan dalam unsur-unsur pembangunan insan, inilah rahsia kejayaan Rasulullah s.a.w. memartabatkan Islam dalam bentuknya yang syumul.

Dengan terbentuknya masyarakat dan umat menerusi unsur-unsur pembangunan insan yang telah disenaraikan, ia mampu untuk menjadikan individu-individu yang berada dalam kelompok sesebuah masyarakat yang serasi dengan kesatuan secara berfikir dalam konteks berjamaah, yang menyerlahkan lagi kejelasan mengenai kefahaman terhadap penciptaan alam semesta, mengenai kehidupan dan kemanusiaan, semua elemen tersebut membuktikan terjalannya hubungan yang intim antara manusia dan agama, yang tidak boleh terpisah antara satu sama lain. Ini kerana Islam sebagai satu cara hidup yang membebaskan insan muslim dari penyembahan berhala kepada menyembah Allah SWT Yang Maha Mencipta<sup>174</sup>.

Pada ketika umat Islam leka dengan keduniaan yang serba melalaikan mereka dari berpegang dengan ajaran Islam yang syumul, Allah SWT dengan segala rahmat dan kasih sayang-Nya menzahirkan manusia yang bangun untuk memperbaharui urusan agamanya setelah ia bagaikan berada di bawah, dengan lahirnya insan seperti Hasan al-Banna, Abu al-'Alaa al-Maududi serta yang lain, berjaya mengasaskan sebuah gerakan dan jamaah Islam di tengah-tengah

---

<sup>174</sup> 'Abd al-Azīz al-Khayyāt, Dr. : *Al-Mujtama al-Mutakāfil Fi al-Islām* (Qāherah : Dār al-Salām, 1986), hal. 11.

kemunduran umat Islam dari berpegang dengan ajaran Islam sebenar, di mana dengan terbangunnya gerakan dan jamaah Islam ini ia menjadi perintis kepada kehidupan beragama, sehingga mampu melahirkan pula individu-individu yang terdiri daripada golongan Muslimin, Muslimat, golongan remaja lelaki dan perempuan yang ditarbiyah dengan Islam hingga bersedia untuk memikul tanggungjawab memelihara kesucian agama dari sebarang bentuk penyelewengan serta bersedia untuk memacu umat menuju al-‘Izzah (kemuliaan) dan yang paling penting bersedia dan berusaha untuk mendaulatkan sebuah negara atau pemerintahan (Khilafah Islamiyah).

Umat Islam walau di manapun mereka berada sentiasa menjadi hina akibat menerima-pakai sistem pemerintahan yang tidak bersifat Islamik hingga menjauhkan mereka daripada ajaran Islam sebenar dari sekecil-kecil perkara hingga terpalit dengan amalan bid’ah, khurafat, adat budaya yang tiada kena mengena dengan Islam hingga halah kepada perkara yang besar iaitu sebuah negara, pemerintahan atau Khilafah Islam<sup>175</sup>.

Perkara yang sering dilupai oleh kebanyakan masyarakat dunia, ketika memfokuskan isu masyarakat dalam sesebuah kajian ilmiah, iaitu apakah kaedah berkesan yang boleh digerakkan untuk membangun sesebuah masyarakat, ia merupakan asas utama yang terbentuk dalam perkara aqidah yang memang menjadi keutamaan dalam kalangan masyarakat Mekkah di zaman Rasulullah s.a.w. yang dapat dibangun dengan aqidah yang telah diberi penekanan selama tiga belas tahun, di samping perkara yang membabitkan penyucian jiwa yang

---

<sup>175</sup> Muṣṭafa Masyhūr : *Al-Qudwah ‘Alā Torīq al-Da’wah* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiyah, 1988), hal. 29-30.

berterusan, di mana asas yang ditanam ke dalam jiwa dan sanubari para sahabat, menular dengan pesat hingga mempertautkan hati sesama mereka yang sanggup mendahuluikan orang lain daripada diri sendiri, dengan asas yang dibangun itu juga menzahirkan dalam diri mereka sifat saling simpati, berkasih sayang, mengambil peduli dan menjauhi sengketa yang merugikan<sup>176</sup>.

Pengkaji juga begitu optimis jika apa yang dicatatkan di atas, masyarakat umat Islam akan bangkit dengan megah di tengah-tengah masyarakat dunia yang tidak bertamadun dengan nilai-nilai akhlak yang positif, kerana Islam adalah cara hidup yang menyerlahkan penganut dan pengamalnya ke mercu kejayaan hakiki.

Al-Amir Syakib Arsalan dalam menyatakan pandangannya mengenai isu berkenaan, apabila masyarakat umat Islam tidak menghubungkan diri dengan unsur-unsur pembangunan insan seperti yang ditegaskan di atas, maka mereka terdedah kepada aspek kemunduran yang mengakibatkan mereka jadi hina, mereka dikuasai oleh hawa nafsu disebabkan tidak berilmu pengetahuan yang selayaknya buat mereka, mengakibatkan mereka tidak dapat membezakan antara kaca dan permata, hak dan batil, yang baik dan yang buruk, hingga terlibat dalam kancalah kemunduran total kerana mengambil arak yang merosakkan pemikiran mereka. Menduka-citakan lagi apabila mereka hilang perhitungan dengan Islam hingga menggadai prinsip agama, tiada dalam diri mereka nilai akhlak positif yang diketengahkan oleh Islam sebagai cara hidup mereka, merasakan apa yang

---

<sup>176</sup> Dr. Muhammad Sa'id Ramaḍan al-Būti : 'Alā Torīq al-'Audah Ila al-Islām (Beirut : Muassasah al-Risālah, 1985), hal. 208.

dilakukan itu adalah terbaik buat diri mereka walaupun ia tidak selari dengan norma-norma ajaran Islam<sup>177</sup>.

Jelas dari apa yang disebut oleh Al-Amir Syakib Arsalan di atas, menggambarkan bahawa, masyarakat umat Islam tidak akan menuju kejayaan hakiki dengan unsur pembangunan insan apabila tidak berusaha untuk membabitkan diri dengan aspek ilmu pengetahuan yang menjurus kepada lahirnya aqidah serta pegangan yang betul terhadap ketuhanan Allah SWT, sekali gus merencatkan usaha menjadi masyarakat yang terbilang dengan segenap sifat serta kriteria umat yang baik seperti yang ditegaskan Allah dalam al-Quran.

Hari ini, tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan kumpulan-kumpulan militan yang dikaitkan dengan jamaah Islam seperti ISIS, tindakan yang dilakukan secara kejam dengan menyembelih individu yang bukan dari kumpulan mereka dan pelbagai tindakan negatif lain tidak menggambarkan langsung ada pada diri mereka unsur-unsur pembangunan insan, apa yang dilakukannya sedikit sebanyak merosakkan gambaran Islam di mata masyarakat dunia, pastinya umum rasa benci terhadap Islam yang terbit dari kumpulan seperti ISIS ini, walaupun mungkin ia satu tindakan yang dirancang musuh menggunakan individu muslim bagi merosakkan Islam dari dalam. Apapun Islam telah diperlihatkan sebagai ancaman kepada keamanan sejagat yang sukar untuk dibendung kerana terdapat di belakang mereka penaja, pendukung yang memang mahu melihat Islam sebagai agama yang menjana keganasan.

---

<sup>177</sup> Al-Amir Syakib Arsalan : *Limādha Taakhar al-Muslimūn wa Taqaddam Ghoiruhum* (Qāherah : Dār al-Basyīr, 1985), hal. 75.

### **3.7.7. Pembangunan Insan Dalam Pembentukan Negara (Pemerintahan)**

Pembentukan sesebuah negara yang berjalan di dalamnya tugasan dakwah, pelaksanaan undang-undang Syariat Islam, adalah menjadi keutamaan untuk membangun manusia dalam pelbagai agenda pembangunan insan, ia adalah titik tolak daripada projek pembangunan insan dalam pembentukan individu, rumah tangga (keluarga), masyarakat / umat yang telah dibahaskan sebelum ini. Kesemua projek pembangunan insan itu tidak akan berjaya secara tuntas jika tidak wujud sebuah negara yang berperanan untuk melindungi projek tersebut, malah menjadi sia-sia di sisi Allah SWT. Justeru perbahasan ini menjurus secara langsung aspek pembentukan sesuah negara seperti yang pernah ditegaskan oleh Hasan al-Banna.

Dalam kitab *Majmū'ah al-Rasā'il*, Hasan al-Banna ada menyebut tahap-tahap insan yang perlu untuk dibangun hingga kepada pembentukan sebuah negara. Beliau menegaskan dalam *Risalah Niżam al-Hukum* :

“Sesebuah Negara Islam tidak akan dapat dibangunkan, melainkan adanya prinsip dakwah hingga terbentuk sebuah negara yang bersifat menyampaikan mesej Islam, bukan hanya semata-mata membentuk sebuah kerajaan yang memiliki pentadbiran, atau kerajaan yang jumud, pekak, bisu daripada roh Islam. Begitu juga dakwah tidak akan dapat berdiri kukuh sebagai salah satu instrumen agenda tarbiyah Islam, melainkan adanya usaha melindungi dakwah serta menyebar luaskan risalahnya kepada umum<sup>178</sup>.”

Justeru tegas Hasan al-Banna lagi, Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn yang merupakan pengamal etika unsur pembangunan insan telah meletakkan

---

<sup>178</sup> Hasan al-Banna : *Majmuā'ah al-Rasā'il* (Qāherah : Dār al-Syihāb, t.t.), hal. 210

aspek pemerintahan sebagai perkara utama dalam manhaj perjuangannya, malah ia menjadi keutamaan untuk mengembalikan sistem pemerintahan sesebuah negara secara Islam yang ada kaitan dengan aspek aqidah<sup>179</sup>.

Syeikh Muhammad ‘Abduh dalam satu kenyataannya menegaskan, bahawa amat perlu kepada satu mekanisme politik Islam yang bukan sahaja mendepani aspek pembaikan (*İslâh*) dengan nilai-nilai Islam, akan tetapi perlu wujud satu sistem Khilafah (pemerintahan) Islam yang tertegak atas dasar ruh Islam. Dengan keberadaannya maka segenap aktiviti syariah yang boleh membantu pemerintah dapat dijalankan, ia juga bertujuan untuk memajukan bidang keilmuan. Sesungguhnya Khilafah ‘Uthmaniyyah yang menerajui kepimpinan Islam selama lebih 200 tahun tidak pernah menggunakan kekerasan dengan mata pedang untuk memaksa manusia untuk menerima kepimpinannya, akan tetapi kerana bakti khidmat cemerlang yang ditunjukkannya mendapat sokongan daripada banyak pihak, namun terdapat pihak yang memandang serong dalam kalangan musuh Islam yang mencari jalan untuk menumbangkannya lantaran kejayaan yang telah diraih dengan cemerlang<sup>180</sup>.

Ini kerana Islam telah menjadikan sesebuah negara atau pemerintahan Islam salah satu rukun daripada rukun-rukun Islam, kerana ia ada menyentuh aspek aqidah dan prinsip agama, ia bukan masalah *furū’* atau *fiqhīyyah*, ia telah ditunjukkan oleh baginda Rasulullah s.a.w., sesiapa yang menolaknya dikira sebagai kafir murtad yang terkeluar daripada agama Islam. Ia bukan

---

<sup>179</sup> Ibid\_\_\_\_\_178.

<sup>180</sup> Syeikh Muhammad ‘Abduh : *Al-‘Amāl al-Kāmilah* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 2006), 1 : 849. Kitab ini ditahqiq oleh Dr. Muhammad ‘Imarah.

tanggungjawab seorang muslim atau ulama' tertentu, malah seluruh individu muslim terpalit dalam isu pembentukan sebuah Negara Islam setelah ia tumbang di Turki pada 1924<sup>181</sup>.

Dengan adanya negara, umat Islam tidak lagi hanya dapat fokus dalam mengamalkan aspek ibadat dan menuntut ilmu sahaja, malah lebih daripada itu, dengan terbentuknya negara, maka banyak perkara yang baik dapat dilaksanakan, benarlah ada kenyataan menyebut; sesuatu yang wajib itu tidak akan menjadi sempurna, melainkan dengan adanya sesuatu yang lain, maka sesuatu itu menjadi wajib bagi menyempurnakan kewajipan yang lebih utama<sup>182</sup>.

Agama Islam yang mulia lagi sempurna, telah mewajibkan pembentukan sebuah negara yang menjadi teras kepada institusi kemasyarakatan yang mana ia diperuntukkan untuk manusia sejagat, bertujuan untuk mengelak sebarang ketidak-stabilan dan keharmonian individu-individu dalam masyarakat, oleh itu masyarakat umat Islam tidak akan terbentuk dengan jayanya melainkan dengan adanya seorang pemimpin seperti yang telah ditunjukkan oleh baginda

---

<sup>181</sup> Dr. Faruq 'Abd al-'Alim Mursi : *Al-Syari'i'ah al-Islamiyyah Asl Aḥkām al-Qadā'* (Jīza – Mesir : Dār al-Aqsa li al-Kitāb, 1987), hal. 55, ada melontarkan persoalan; jika hukum Allah dalam pentadbiran sebuah negara tidak dilaksana, maka hukum siapa lagi yang akan dilaksanakan? Justeru, beliau membuat bandingan antara iman dan kufur walaupun kedua-duanya seiring dalam kehidupan manusia, tetapi yang muslim akan melaksanakan segenap ketaatan kepada suruhan Allah SWT dan meninggalkan segenap tegahan dan larangan-Nya. Begitulah sebaliknya bagi golongan yang kufr berlawanan dengan apa yang dilakukan oleh muslim yang sejati dan hakiki. Ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan bahawa hukum Allah diturunkan ke atas mereka, wajib dilaksanakan tanpa sebarang bantahan.

<sup>182</sup> Mustafa Masyhur : *Tasābulāt 'Ala al-Torīq* (Qāherah : Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr al-Islamiyah, t.t.), hal 22-23.

Rasulullah s.a.w., kegagalan untuk mengadakannya menurut Hasan al-Banna sebagai satu jenayah yang tidak boleh dimaafkan<sup>183</sup>.

Bagi membuktikan bahawa pembentukan negara tidak terpisah daripada aspek agama Islam, di bawah ini dipaparkan kenyataan sarjana Barat berkaitan isu yang diperkatakan.

Strausmann menyebut : Islam adalah agama dan siyasah (politik), kerana pengasasnya adalah seorang Nabi, seorang politikus yang bijaksana dan seorang negarawan, pada masa yang sama seorang pemerintah mithali yang pakar dengan pendekatan cara memerintah. Sementara Thomas Arnold pula mengatakan : Adapun Muhammad selain seorang ketua agama, beliau juga adalah seorang ketua negara yang berjaya. Adapun Profesor MacDonald berkata : Di Madinah, terbentuk sebuah Negara Islam pertama, yang telah meletakkan asas prinsip undang-undang Islam yang realistik. Sementara Profesor R. Gibb berpendapat : Semakin jelas dengan pemerintahan sebuah negara yang dibentuk oleh Muhammad, Islam tidak hanya terbatas pada aspek aqidah dan keagamaan semata-mata, akan tetapi bertolak dengan pembentukan negara, lahirnya sebuah masyarakat yang menyokong segenap peraturan dan undang-undang. Profesor Shant pula ada mengatakan : Islam bukan hanya aspek agama yang diamalkan oleh pengikutnya, malah ia lebih daripada itu, ia juga adalah undang-undang dan peraturan, siyasah juga sebuah sistem yang sempurna mencakupi ilmu pengetahuan yang merangkumi agama dan negara. Bagi C.A. Nlino : Sesungguhnya Muhammad telah berjaya dalam satu masa mengasaskan agama

---

<sup>183</sup> Jaber Rizq : *Al-Daulah wa al-Siyāsah fi Fikr Hasan al-Banna* (Manṣoūrah : Dār al-Wafā' li al-Tibā'ah wa al-Nasyr, 1985), hal. 85.

dan negara, di mana kedua-duanya dilaksanakan sepanjang kehidupannya. Fetezgerald pula menyebut : Islam bukan sahaja menitik-beratkan persoalan agama, akan tetapi ia juga adalah sebuah sistem politik yang berkesan<sup>184</sup>.

Sebuah negara yang berdiri atas kebenaran Islam tidak terpisah daripada program dan agenda pembangunan insan melalui aspek dakwah dan pelaksanaan Syariat Islam.

Perkara ini jelas ditegaskan oleh Imam al-Ghazali menerusi kenyataannya yang tersohor : “Ketahuilah bahawa Syariat Islam adalah prinsip pokok kepada sebuah negara, pemerintah pula adalah penjaga / pelindungnya, sesuatu yang tiada prinsip akan musnah dan sesuatu yang tidak ada pelindung akan lupus<sup>185</sup>.

Pengkaji cuba integrasikan kenyataan kedua-dua tokoh di atas, di mana Hasan al-Banna menekankan keperluan kepada sebuah negara dan kenyataan Imam al-Ghazali yang menekankan keperluan sebuah negara kepada prinsip Syariat yang mesti dilindungi oleh sebuah pemerintahan, apapun namanya, sama ada ketua kerajaan, presiden negara, sultan, raja dan sebagainya.

Dalam perbahasan ini, pengkaji sedaya upaya menampilkan kajian berkaitan aspek negara yang berkait rapat dengan Syariat Islam atau lebih dikenali dengan istilah Siyāsah Syar’iyyah bagi membuktikan keperluan serta keserasian kedua-duanya yang saling menyempurnakan antara satu sama lain, ia

---

<sup>184</sup> Jāber Qamīḥah, Dr. : *Al-Imām al-Syahīd Hasan al-Banna Bainā al-Sihām al-Sawdā' wa 'Atā' al-Rasā'il* (Qāherah : Dār al-Tawzī' wa al-Nasr al-Islamiyah, 1998), hal. 54.

<sup>185</sup> Taufiq al-Wa’ie, Dr. : *Al-Imām Hasan al-Banna Mujaddid al-Qarn* (Kuwait : Maktabah al-Manar, 2008), hal. 413.

merupakan agenda yang dilakarkan oleh Hasan al-Banna sebagai acuan penting dalam usaha memperkasa unsur pembangunan insan, kerana jika baik negara, maka baik pula insan-insan yang berada di bawah pentadbirannya.

Dalam menghuraikan isu ini, Ibn Qaiyim al-Jawziyyah ada menyebut, bahawa sesebuah kerajaan (pemerintah), melaksanakan siyāsah yang baik akan menjurus kepada penambah-baikan (*ṣolāḥ*) dalam segenap program dan agenda yang membangun, pada masa yang sama menolak sebarang usaha yang membawa kepada kerosakan (yang merugikan semua pihak), kerana itu ia perlu digantikan dengan siyāsah yang sejahtera yang menepati hukum Syariat Islam untuk kebaikan sejagat<sup>186</sup>.

Syari'ah tidak akan tertegak melainkan adanya agama, agama pula tidak akan dapat dilaksana segenap prinsip serta undang-undang melainkan dengan adanya sebuah negara, ini kerana ketika di Mekkah tertegaknya agama yang disampaikan oleh Rasulullah walaupun secara rahsia, manakala di Madinah pula tertegaknya negara ia menunjukkan bahawa agama dan negara saling lengkap melengkapi antara satu sama lain dalam menjana kesempurnaan Siyāsah Syar'iyyah<sup>187</sup>.

Apa yang penting dalam merealisasikan tuntutan pembentukan Negara Islam adalah untuk memastikan segenap aktiviti kehidupan manusia bertepatan

<sup>186</sup> Al-Imam Ibn Qaiyim al-Jawziyyah : *Al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyāsah al-Syar'iyyah* (Jeddah : Dār al-Madani, 1985), hal. 14.

<sup>187</sup> Ali Muhammad Jarisyah, Dr. : *Arkān al-Syari'ah al-Islamiyyah Hudūduha wa Āthāruha* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1979), hal. 17.

dengan matlamat Islam dalam usahanya membentuk sistem Siyāsah dan Negara Islam<sup>188</sup>.

Tetapi apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan perkataan “Siyāsah” atau politik, walaupun ia tidak disebut secara jelas di dalam ungkapan-ungkapan al-Quran seperti perkataan-perkataan lain.

Dalam menjelaskan isu yang berbangkit di atas, al-Qaraḍāwī ada menyebut, sesiapa yang memperdalami ilmu ‘Ulūm al-Qurān pasti tidak akan menemui perkataan Siyāsah, sama ada dalam surah-surah Makkiyyah atau Madaniyyah, atau berusaha mencari dalam ensklopedia al-Qurān seperti kitab ‘Mu’jam al-Mufahras li Alfaż al-Qurān oleh Muhammad Fuad Baqi atau Mufradāt al-Qurān oleh Raghīb al-Asfahānī, namun tidak akan menemui istilah yang diperkatakan. Walaupun dalam al-Qurān tidak menyebut secara langsung perkataan Siyāsah (politik), akan tetapi mengungkap perkataan lain yang menunjukkan maksud siyāsah, sebagai contoh, Allah sebut dalam al-Qurān perkataan al-Mulk yang bermaksud pemerintahan atau kerajaan, ia bermaksudkan pemerintahan manusia yang bersangkutan dengan urusan hidup mereka dari sudut kepimpinan, antaranya ayat yang menyebut seperti dalam al-Quran :

رَبِّ قَدْ ءَاتَيَنِي مِنَ الْمُلْكِ وَعَلَمْتَنِي مِنْ تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ

Surah Yusuf : 12 : 101

---

<sup>188</sup> ‘Abd al-Rahmān bin Zaid al-Zanidi, Prof. Dr. : *Tadbiq al-Syari’ah al-Islamiyyah fi Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa’udiyyah wa Āthāruha fi al-Hayah* (KSA : Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah, 1999), hal. 46.

Terjemahan : "Wahai Tuhanaku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan daku sebahagian dari kekuasaan (pemerintahan) dan mengajarku sebahagian dari ilmu tafsiran mimpi<sup>189</sup>."

Dalam menghuraikan ayat di atas, Ibn Kathīr menafsirkan, bahawa ayat di atas merupakan satu doa dari Nabi Yusuf a.s. yang bermunajat kepada Tuhanya sebagai tanda syukur di atas nikmat pemberian Allah yang mempertemukannya semula dengan kedua ibu bapa dan saudara-saudaranya, dan yang lebih penting anugerah Allah ke atas baginda (Nabi Yusuf a.s.) dengan pangkat kenabian dan pemerintahan, di samping itu baginda juga bermunajat untuk dimatikan sebagai Muslim dan dalam golongan orang-orang yang solih<sup>190</sup>.

Sehubungan itu, pengkaji berusaha untuk memberi sedikit pencerahan berhubung istilah-istilah yang diguna pakai bagi menunjukkan Siyāsah Syar'iyyah sebagai pemangkin kepada pembentukan Negara Islam (Al-Daulah al-Islamiyyah), begitu juga dengan istilah lain yang juga digunakan dalam melaksanakan konsep siyāsah (politik) dalam Islam seperti Khilāfah dan Niżam al-Hukm.

### 3.7.7.1 Daulah (Negara)

Terdapat dalam al-Qurān ayat-ayat yang menyokong matlamat pembentukan negara dan kerajaan, antaranya yang menunjukkan ketaatan kepada pemimpin (Ulul Amri), firman Allah SWT :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا رَسُولَ وَأُولَئِكَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ

<sup>189</sup> Yusuf al-Qaradawi, Syeikh Prof. Dr. : *Al-Dīn wa al-Daulah Ta'sīl wa Rad Syubhāt* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 2007), hal. 28-29.

<sup>190</sup> Muhammad Ali as-Sobuni : *Mukhtasar Tafsīr Ibn Kathīr* (Beirut : Dār al-Qurān al-Karīm, 1396H), 2 : 263.

Terjemahan : “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.”

Ayat di atas memberi penjelasan, bahawa Allah SWT menunjukkan ayat tersebut kepada golongan orang-orang beriman, yang benar-benar percaya kepada apa yang didatangkan oleh Muhammad s.a.w. dengan mengajar mereka agar mentaati Allah, Rasul dan para pemimpin yang menguruskan urusan pentadbiran negara dengan penuh adil dan benar, jika berlaku perselisihan dalam sesuatu perkara, maka hendaklah dirujuk kepada kitab Allah (al-Qurān) dan Sunnah Rasulullah (hadīth) bagi mengetahui status sesuatu hukum dan undang-undang<sup>191</sup>.

Terdapat juga ayat-ayat yang menunjukkan arahan al-Qurān kepada Nabi Muhammad s.a.w. supaya melibatkan diri dalam aspek kehakiman, peperangan dan pentadbiran yang termasuk dalam urusan pentadbiran sebuah negara, seperti firman Allah :

فِيمَا رَحْمَةٌ مِّنَ اللَّهِ لِنَتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيلًا  
لَا نَفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ

Surah Ali 'Imran : 3 : 159

Terjemahan : “Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu Wahai Muhammad), Engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaularah Engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu, oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu.”

---

<sup>191</sup> Muhammad al-Ahmadi Abou el-Nour, Dr. : *Al-Muntakhab fi Tafsir al-Qurān al-Karīm* (Qāherah : al-Majlis al-'Alā li al-Syuūn al-Islamiah, 1985), hal. 119.

Menurut Syeikh Sa'id Hawwa, ayat di atas ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. sifatnya seorang pemimpin yang mesti menunjukkan sikap lemah lembut, sedia memaafkan orang lain, memohon keampunan untuk mereka dari golongan bawahannya serta sentiasa bersikap terbuka untuk bermesyuarat dengan mereka, lebih-lebih lagi dalam urusan pentadbiran negara dan perang<sup>192</sup>. Juga dalam firman Allah :

وَأَنِ احْكُمْ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ

Surah al-Maidah : 5 : 49

Terjemahan : “Dan hendaklah Engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah<sup>193</sup>.”

Dalam menjelaskan ayat di atas, Syeikh Muhammad Rashid Redha berpendapat, bahawa apa yang diturunkan ke atas Nabi Muhammad s.a.w dalam kitab suci-Nya mengandungi hukum, undang-undang dan peraturan, agar dia menjalankannya terhadap manusia tanpa sekali-kali cenderung kepada pemikiran (hawa nafsu) mereka, kerana hukum Allah tidak diturunkan mengikut nafsu atau berdasarkan kepentingan manusia, tetapi apa yang penting dengan menjalankan hukum tersebut dapat menjinakkan hati-hati manusia kepada menerima ajaran Islam<sup>194</sup>.

<sup>192</sup> Syeikh Sa'id Hawwa : *Al-Asās fī al-Tafsīr* (Qāherah : Dār al-Salām, 1985), 2 : 913.

<sup>193</sup> 'Abd al-Karīm Othmān, Dr. : *Al-Nizām al-Siyāsi fī al-Islām* (Beirut : Dār al-Irsyād, 1968), hal. 8.

<sup>194</sup> Syeikh Muhammad Rashid Redha : *Tafsīr al-Manār* (Qāherah : Al-Haiah al-Miṣriyyah al-Āmah li al-Kitāb, 1973), 3 : 349.

### **3.7.7.2. Negara Dalam Rangkaian Sunnah Dan Sirah Nabawiyah**

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah memupuk semangat beramal dengan kepentingan negara dan kerajaan dalam pelbagai projek pembangunan kewangan, kekeluargaan, undang-undang jenayah seperti melaksanakan hukum hudud, melantik para gabenor, panglima perang, pendakwah ke jalan Islam, pengutip zakat, pasukan untuk melawan pihak musuh, pengagih zakat dan lain-lain yang ada kaitan dengan sistem pemerintahan yang diketuainya sebagai cara untuk melaksanakan ajaran al-Qurān.

Malah terdapat pandangan yang mengatakan bahawa segenap tindakan Rasulullah s.a.w. yang dilakukannya ada kaitan secara langsung dengan siyāsah (politik) negara, lebih khusus lagi ia berkaitan dengan urusan agama dan dakwah<sup>195</sup>.

Ia membuktikan bahawa Rasulullah s.a.w. telah menjalankan tugasan sebagai seorang pemerintah negara yang membabitkan urusan kenegaraan dalam segenap tuntutan dan pendekatannya. Baginda s.a.w. sedar bahawa kesemua aspek yang dilaksanakannya bertujuan untuk menghubungkan rakyatnya (para sahabat serta mereka yang bukan Islam yang berada di Madinah) dengan keunikan undang-undang yang termaktub dalam al-Qurān, atau dengan kata lain membentuk mereka dengan unsur-unsur pembangunan insan. Pada masa yang sama terdedah kepada cabaran serta halangan dari pihak musuh untuk menggagalkan pembentukan konsep Negara Islam yang dicanangkannya.

---

<sup>195</sup> Ibid\_\_\_\_\_ Syeikh Muhammad Rashid Redha, hal 9.

Justeru, pembentukan sebuah negara bagi menggandakan persiapan jihad di jalan Allah menghadapi pelbagai bentuk permusuhan adalah termasuk dalam konteks aqidah dan strategi ketenteraan seperti yang dilakukan oleh negara-negara moden pada hari ini. Sesungguhnya Allah SWT telah mewajibkan perang atau jihad di jalan-Nya sebagai satu tugas mulia buat umat Islam sama seperti aspek-aspek lain seperti ekonomi, politik dan pembentukan akhlak, justeru setiap jihad di jalan Allah termasuk pelaksanaan hukum syariat Islam sering dihubungkan dengan pengorbanan jiwa dan harta, perkara ini ditegaskan Allah dalam al-Quran :

أَنفِرُوا خِفَافاً وَثِقَالاً وَجَهْدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ  
ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Surah at-Taubah : 9 : 41

Terjemahan : “Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), sama ada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggungjawab); dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui”<sup>196</sup>.”

Dalam ayat di atas, Saiyid Qutb berpendapat, bahawa yang ikhlas berjuang pada jalan Allah mengetahui kebaikan yang dijanjikan jiwa dan harta benda mereka tanpa sebarang alasan dan keuzuran, pasti akan diganjari dengan kebaikan yang banyak, dengan jihad itu maka Allah bukakan hati-hati mereka serta segenap pintu rezeki yang berada dalam bumi, Allah muliakan mereka dengan agama Islam dan Islam yang menjadikan mereka perolehi kemuliaan

<sup>196</sup> Brigedier Jeneral Muhammad Jamal al-Din ‘Ali Mahfuz : *Al-Madkhāl Ila al-‘Aqīdah wa al-Istirātīyyah al-‘Askariyyah al-Islamiyyah* (Qāherah : Dār al-‘Itiṣom, 1976), hal. 421.

hingga mencapai kejayaan luar biasa dengan membuka negara-negara dunia yang tercatat dalam sejarah tamadun manusia<sup>197</sup>.

Jelas dari apa yang diutarakan bahawa pembentukan sesebuah negara mempunyai pelbagai tujuan, matlamat dan pendekatan, yang paling penting aspek keadilan akan dapat terus dipaparkan, ia bukan sahaja dalam keadaan aman, malah dalam keadaan berperang sekalipun, keadilan akan tetap terpelihara kerana ia merupakan aspek yang diberi penekanan sewajarnya kerana negara yang mengamalkan segenap peraturan dan undang-undang Islam akan menjamin keselamatan rakyat di bawah pemerintahannya, sama ada yang beragama Islam dan bukan Islam.

### **3.7.7.3. Khilafah**

Konsep khilafah juga sinonim dengan sebuah Negara Islam iaitu bagaikan anggota yang satu pada jasad manusia. Sesungguhnya sistem khilafah pernah mengalami pasang surutnya dalam institusi masyarakat umat Islam di muka bumi ini, namun ia pernah melonjakkan umat Islam ke persada dunia ini dengan segala bentuk tamadun, dengan keberadaannya maka segenap arahan kepada pelaksanaan undang-undang Islam amat terserlah begitulah sebaliknya dengan perintah meninggalkan larangan yang terdapat dalam hukum Syariat Islam. Tanpa khilafah, jasad manusia bagaikan mengalami kecacatan total, tiada rasa deria, tiada pergerakan mantap pada fizikal insan yang cacat. Umum mengetahui, bahawa khilafah Islam memartabatkan aspek aqidah tauhid dalam pentadbiran, dengan terhakisnya sistem khilafah, bererti ia membuka ruang bagi

---

<sup>197</sup> Saiyid Quṭb : *Fi Zilāl al-Qurān* (Qaherah : Dar al-Syuruq, 1982), 3 : 1657.

manusia untuk sentiasa berbalah pada perkara yang tidak menguntungkan. Ini kerana khilafah adalah intipati pokok kepada penjagaan aqidah tauhid, jelas selepas kejatuhan khilafah Islam terakhir di Turki, maka pada masa yang sama runtuhlah negara Palestin, Selatan Filipina, wilayah Islam di Rusia, China, Eritrea, Lubnan, Kashmir dan lain-lain<sup>198</sup>.

Dalam memperkasa maksud khilafah yang dikehendaki Allah SWT dalam al-Quran, al-Maududi berpendapat, bentuk yang betul bagi sebuah pemerintahan yang dikendalikan oleh manusia menurut kacamata al-Qurān adalah sesebuah negara itu meyakini kedaulatan Allah dan Rasul-Nya dalam perundangan, dengan melucutkan segenap perundangan dan peraturan ciptaan manusia dengan menjadikan sistem khilafah sebagai alternatif dalam aspek hukum dan perintah Allah, sama ada ia bersifat kekuasaan pemerintahan, kehakiman dan pelaksanaan secara eksklusif. Ini kerana sistem khilafah itu adalah apa yang dicapai oleh manusia di dunia ini dengan bantuan kudrat serta keupayaan yang dianugerahkan Allah agar menggunakan segenap kuasa dan upaya itu untuk mendaulatkan hukum, peraturan serta undang-undang bagi mencapai keredaan-Nya juga. Manusia adalah khalifah yang mengurus tadbir khilafah seperti yang ditegaskan Allah dalam al-Quran :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَاتِيْكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Surah al-Baqarah : 2 : 30

---

<sup>198</sup> Fahmi as-Syanāwi, Dr.: *Al-Muāmarah ‘Alā Isqāt al-Khilāfah al-‘Uthmāniyyah* (Qāherah : Kitāb al-Mukhtār, t.t.), hal. 17-18.

Terjemahan : “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”<sup>199</sup>.

Sesungguhnya khilafah tidak dikira sebagai sah melainkan ia tunduk kepada hukum Allah yang sebenar. Dengan pelaksanaan itu maka sesebuah negara yang menjalankan sistem khilafah itu mestilah diberi ketaatan oleh rakyat dalam perkara yang berkaitan dengan makruf, dan mereka tidak diperintah untuk memberi sebarang ketaatan jika terdapat perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam, ia bukan sahaja menyalahi perintah Allah malah juga menyalahi undang-undang manusia<sup>200</sup>.

Al-Maududi selanjutnya menjelaskan, bagi memberi impak yang besar terhadap sistem khilafah, satu mekanisme yang padu perlu diwujudkan melalui sistem Syura dan diperintah oleh ‘Ulul Amri yang dilantik dan dipilih dalam satu pemilihan seumpama pilihan raya bagi melicinkan pengurusan tadbir negara, Ulul Amri adalah individu yang benar-benar beriman dengan segenap prinsip Islam serta sanggup memikul tanggungjawab kepimpinan khilafah dan berani bersemuka dengan mana-mana isme yang tidak selari dengan konsep khilafah yang diamalkan. Kepimpinan Ulul Amri juga bukanlah individu yang terpalit dengan amalan fasiq, terlibat dalam melakukan kezaliman, golongan jahat serta lalai daripada mengingati Allah SWT, malah sifat taqwa menjadi keutamaan dalam menerajui kepimpinan khilafah, kerana ia adalah pra syarat sahnya

---

<sup>199</sup> Abu al’Ala al-Maududi : *Al-Khilafah wa al-Mulk* (Kuwait : Dār al-Qalam, 1978), hal. 19.

<sup>200</sup> Ibid\_\_\_\_\_ Abu al’Ala al-Maududi, hal. 21

khilafah yang dijunjungnya, apabila ketaqwaan tidak wujud dalam kepimpinan Ulul Amri, maka khilafah yang diterajui terbatas dengan sendirinya<sup>201</sup>.

#### **3.7.7.4. Nizām Al-Hukum (Sistem Pemerintahan)**

Pemerintahan Islam menaja istilah yang diertikan juga sebagai negara dan khilafah, ia diterajui oleh para pemimpin dan ahli-ahli eksekutifnya (legislatif dan eksekutif) yang benar-benar beriltizam dengan Islam dalam diri mereka. Manhaj yang diguna-pakai adalah Islam sepenuhnya, ia berusaha untuk merealisasikan pencapaian peraturan dan undang-undang Islam di dalam dan di luar kotak pemerintahannya. Dasar dalam dan luar pentadbiran semuanya bersifat Islam. Konsep Negara Islam merupakan tunjang kepada syiar dalam sistem pentadbiran, ia berusaha menyatu-padukan saf umat Islam, menghidupkan sunnah Rasulullah s.a.w., menegakkan hukum syariat Islam, berjihad menentang musuh pada jalan Allah agar Islam terus berada di tempat paling tinggi di muka bumi, mendidik rakyat dengan sistem tarbiyah Islam agar masing-masing bersedia menjadi tentera-tentera Allah, kerana ia dipimpin oleh insan-insan yang meletakkan kepentingan Islam mengatasinya yang lain<sup>202</sup>.

Apapun namanya, sama ada Daulah, Khilāfah, Imāmah<sup>203</sup>, Imārah, kerajaan atau Nīzām al-Hukum, ia adalah satu kewajipan dalam agama untuk

---

<sup>201</sup> Ibid Abu al'Ala al-Maududi , hal 22-23.

<sup>202</sup> Sa'id Hawwa : *Jundullah Thaqāfatan wa Akhlāqan* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1980), hal. 241-242.

<sup>203</sup> Al-Imamah, al-Khilafah, al-Sultan, al-Mulk, al-Imarah walau berbeza sebutan dan asal usul perkataan, tetapi ia memberi maksud yang sama dalam istilah agama iaitu kepimpinan terhadap umat dan yang berkaitan dengannya. – Dr. Yahya Ismail : *Manhaj al-Sunnah fi al-'Ilāqah baina al-Hākim wa al-Māhūm* (Mansoūrah : Dār al-Wafā', 1986), hal. 235. Ia merupakan tesis doktor falsafah di Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar yang meraih pangkat kepujian kelas pertama yang diselia oleh Prof. Dr. Musa Syahin Lasyin dan Prof. Dr. Ahmad 'Umar Hashim.

ditegakkan oleh setiap individu Muslim<sup>204</sup>. Sehubungan itu, sebagai insan yang beragama Islam, kita dituntut untuk melaksanakan hukum Syariat Islam dalam apa jua bentuknya, kerana ia adalah perintah Allah, kita akan berdosa jika gagal melakukannya dan akan ditanya oleh Allah SWT, apatah lagi kita berada dalam negara yang diperintah oleh individu yang bernama Islam, dalam melaksanakan konsep pemerintahan Islam, kita tiada halangan untuk meniru cara orang lain jika ia lebih memberi manfaat, kerana Islam membenarkan tindakan itu. Hukum Syariat Islam salah satu pemungkin kepada keutuhan perjalanan dakwah yang menjurus seruan khusus kepada pembangunan Islam, kita amat yakin dengan pelaksanaan Syariat Islam yang merupakan induk dan sumber utama segala bentuk peraturan dan undang-undang manusia, ia cukup relevan dan sesuai pelaksanaannya di setiap masa dan tempat. Pemerintah yang berjaya melakukannya, sesungguhnya dia telah berjaya melonjakkan nama Islam di persada dunia serta menyatu-padukan umat dan menjadikan Islam terus dihormati<sup>205</sup>.

Umat Islam perlu sedar secara tuntas, bahawa keberadaan sesebuah pemerintahan sama ada namanya Daulah, Khilafah, Niżām al-Hukm dan lain-lain, adalah untuk memastikan program dan agenda pembangunan insan menjadi keutamaan dalam membangun manusawi terutama yang menyentuh aspek aqidah, akhlak, malah yang lebih penting membabitkan segenap aktiviti harian kaum Muslimin, ia bukan sahaja terbatas pada era baginda Rasulullah s.a.w.,

<sup>204</sup> Muṣṭafa al-Ṭahḥān, Dr. : *Taḥaddiyāt Siyāsah Tuwājih al-Harakah al-Islamiyyah* (Qāherah : Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr al-Islamiyyah, 1997), hal. 7.

<sup>205</sup> Al-Mustasyār Toreq al-Basyari, "Qirāah fi al-Fikr al-Siyāsi li al-Harakah al-Islamiyyah," dalam *Al-Masyrū' al-Islāhi li al-Imām al-Banna – Tasāulāt li Qarn Jadid*, ed. Jum'ah Amin dan Dr. Muhsin Muhammad Solih (Qāherah : Markaz al-'Ilām al-'Arabi, 2007), hal. 47.

tetapi ia menjadi pegangan kepada setiap individu yang memegang tumpuk pemerintahan hingga ke hari ini.

Apa yang menarik untuk diketengahkan dalam aspek Siyāsah Syar'īyyah ini adalah matlamat utama pelaksanaannya adalah untuk menegakkan agama Allah serta merealisasikan perhambaan mutlak kepada Allah, Tuhan semesta alam, di samping menegakkan keadilan dan memperbaiki keadaan manusia. Di mana hukum Islam tidak hanya terbatas kepada hudud sahaja atau semata-mata adanya kepimpinan yang membawa kepada penyatuan orang Islam sahaja, tetapi ia bertanggungjawab dalam memperbaiki keadaan manusia sama ada dalam bidang sosio ekonomi, kemasyarakatan, kebudayaan, penerangan, pendidikan, pertahanan dan reka bentuk. Semuanya ini dilakukan seiringan dengan reformasi politik, inilah yang dimaksudkan dengan risalah reformasi Islam<sup>206</sup>.

Siyāsah Syar'īyyah ini jadi lebih baik kerana ia bersifat sistem berpaksikan Rabbani, sistem akhlak, sistem aqidah, sistem yang lengkap dan menyeluruh, sistem keadilan dan persamaan yang bersifat global<sup>207</sup>.

Sesungguhnya pelaksanaan Siyāsah Syar'īyyah dalam segenap program dan agenda Islam adalah untuk mencapai matlamat maksima dalam bidang ilmu pengetahuan, pembangunan modal insan dalam erti kata sebenar, ia dapat dilihat dengan tertegak sebuah negara yang diusahakan oleh baginda Rasulullah s.a.w dengan dibantu oleh para sahabat r.a, yang paling penting kejayaan yang dicapai

<sup>206</sup> Khalid bin Ali bin Muhammad al-Anbary, Dr. : *Fiqh al-Siyāsah fī Daw' al-Qurān wa al-Sunnah wa Aqwāl Salaf al-Soleh*, terj. Ustaz Mat Taib Pa, Dr. Puzhi Usop et al (Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd, 2008), hal. 57-61.

<sup>207</sup> Ibid\_\_\_\_54.

itu diraih dalam program dakwah dan penyebaran Islam. Kejayaan itu kemudian ditiru dan direalisasikan oleh para Khulafa' Rasyidun yang berjaya melonjakkan kemajuan dalam segenap aspek kehidupan yang berterusan dengan melakukan pelbagai reformasi yang bertepatan dengan naluri ajaran Islam<sup>208</sup>.

Justeru, musuh Islam terutama golongan Sekularis Barat atau Sekularis jadian dalam kalangan umat Islam amat takut dengan elemen agama dijadikan sandaran dalam urusan tadbir negara, mereka sanggup memisahkan antara agama dan negara, bagi mereka agamalah yang mengongkong kebebasan untuk mentadbir secara tidak telus, maka berlakulah pengasingan dalam kedua-dua aspek berkenaan, golongan agama hanya boleh memimpin di masjid sementara negara ditadbir oleh mereka. Tindakan serta falsafah mereka itu ditentang hebat oleh kebanyakan sarjana Islam.

Antara yang menentang kuat fahaman Sekular ini adalah Syeikh Dr. Yusuf al-Qarađāwi, beliau menegaskan bahawa golongan Sekularis dalam pelbagai kedudukan dan jawatan sejak dahulu lagi tidak mahu Islam mempunyai sebuah negara, kerana dengan ada sebuah negara yang berpaksikan atas nama Islam, maka akan ada usaha untuk mengimplementasi segenap undang-undang dan hukum Islam. Dengan kekuatan sebuah negara yang berorientasikan pelaksanaan undang-undang Islam atau Siyāsah Syar'iyyah, maka usaha untuk menyampaikan mesej Islam ke seluruh pelusuk dunia akan tercetus, inilah yang membimbangkan mereka, umat Islam akan mempertahan kedaulatan negara dan diri mereka dari serangan anasir-anasir luar seperti aliran Sekularisme yang

---

<sup>208</sup> Sa'id Hawwa : *Fuṣūl fī al-Imrah wa al-Amīr* (Qāherah : Dār al-Salām, 1983), hal. 167.

sentiasa meneropong mereka untuk tujuan pemerkosaan aqidah dan pegangan mereka yang kental terhadap Islam<sup>209</sup>.

Oleh itu, golongan Sekularis tetap dengan pendirian bahawa agama perlu diasingkan daripada aspek Siyāsah (politik) dan begitulah sebaliknya, kerana ia dilihat sangat merbahaya jika dalam urusan politik dikaitkan dengan agama.

Sesungguhnya menurut kacamata Islam, tiada pemisahan antara agama dan politik (pentadbiran negara), Islam menolak slogan yang mengatakan bahawa tiada siyāsah/politik dalam agama dan tiada agama dalam berpolitik. Jika benar slogan itu dapat dilaksana, maka usaha untuk memartabat dan memantapkan segenap ajaran-ajaran yang ada dalam agama tidak akan tercapai dengan jayanya.

Dalam kesempatan lain, al-Qaraḍāwi ada menyebut, bahawa menegakkan sebuah Negara Islam adalah menjadi tuntutan aqidah. Ia disandarkan kepada dalil-dalil yang terdapat dalam al-Quran dan disokong oleh kenyataan para sarjana dahulu dan kontemporari dalam karya-karya mereka, bahawa Negara Islam adalah negara yang mendaulatkan hukum Islam, atau dengan lain perkataan, negara yang ditegakkan adalah dengan kebenaran Allah SWT, berpaksi di atas kejituhan aqidah, inilah yang pernah ditegaskan oleh Syeikh Abu al-‘Ala al-Maududi di Pakistan dan Saiyid Qutb di Mesir, namun tidak dinafikan terdapat suara-suara sumbang yang menidakkan Negara Islam

---

<sup>209</sup> Yusuf al-Qaraḍāwi, Syeikh Dr. : *Al-Dīn wa al-Daulah – Ta’ṣīl wa Rad Syubhāt* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 2007), hal. 135.

tersebut dengan memberi huraian-huraian yang samar bertujuan untuk menyatakan bahawa Negara Islam tidak pernah wujud dan tertegak di muka bumi ini<sup>210</sup>.

Pengkaji berpendapat, apa yang cuba diketengahkan oleh pandangan-pandangan sarjana Islam dalam isu negara (pemerintahan), ia memperlihatkan bahawa Negara Islam adalah pengamal kepada sistem Siyāsah Syar'īyyah (politik Islam), bertujuan untuk membawa manusia seluruhnya kepada menerima ketetapan Khilafah Islam yang berfungsi memelihara agama dan mengatur urusan-urusan keduniaan. Di samping menolak undang-undang yang bersifat konvensional yang tidak membabitkan pengurusan pentadbiran negara dengan agama yang tersasar daripada matlamat konsep sebuah negara Islam.

Inilah juga hasrat yang didambakan oleh Hasan al-Banna untuk melihat pembangunan insan tercapai dan terlaksana dalam pembentukan individu, rumah tangga (keluarga), masyarakat serta umat dan negara (pemerintahan Islam). Dengan adanya pemerintahan ini, peluang untuk menjadi umat terbaik seperti yang ditegaskan Allah SWT dalam al-Quran amat cerah, sekali gus ia bukan satu laungan retorik, tetapi satu kenyataan al-Quran yang menunjukkan bahawa umat yang terbaik itu mampu dihasilkan melalui program dan agenda pembangunan insan. Justeru, keempat-empat elemen di atas iaitu individu, keluarga, masyarakat dan negara tersangat penting untuk dipupuk dengan jitu dan padu, inilah yang ditegaskan oleh Hasan al-Banna dalam Risālah Ila al-Syabāb, Risālah al-Mu'tamar al-Khomis dan diulang dalam Risālah al-Ta'līm.

---

<sup>210</sup> Ibid\_\_\_\_al-Qaradawi, hal 165.

“Hasan al-Banna ada menegaskan, bahawa pemerintahan Islam adalah pemerintah yang terdiri daripada pegawai-pegawai pemerintah yang beragama Islam, melaksanakan kewajipan-kewajipan agama Islam dan tidak melakukan maksiat secara terang-terangan, melaksanakan hukum-hukum dan ajaran agama Islam. Pemerintahan itu juga menjadi Islam kerana agama pengamalnya, kerana komitmen mereka terhadap akhlak-akhlak agama Islam dan melaksanakan hukum-hukum Syariat Islam. Oleh kerana itu pemerintah yang tidak menjalankan hukum Syariat Islam tidak boleh disebut sebagai pemerintah Islam”<sup>211</sup>.

Kenyataan Hasan al-Banna di atas membuktikan rasa sensitif beliau jika pemerintah atau Negara Islam itu tidak diperintah mengikut acuan Syariat Islam yang sebenar, kerana ia akan membantutkan usaha membangun insan sama ada dalam kalangan individu-individu Muslim, individu dalam sesebuah keluarga, individu dalam masyarakat Islam dan individu dalam sesebuah negara.

Ini kerana Pemerintah Islam atau Negara Islam memainkan peranan yang amat efektif dalam menjana kesinambungan pembangunan insan khususnya dalam aspek aqidah, akhlak dan lain-lain yang amat ditekankan oleh sebuah pemerintah Islam, Negara Islam, Nizām al-Hukum, Khilāfah atau Imamah dan lain-lain istilah yang menunjukkan kuasa eksekutif yang dimiliki oleh Muslim yang komited kepada agamanya.

Pengkaji berpendapat bahawa bagi memenuhi kriteria pemerintah yang boleh menjamin terlaksananya unsur-unsur pembangunan insan dengan jayanya, perlu kepada pegawai-pegawai pemerintah yang benar-benar beriman, bertaqwa,

---

<sup>211</sup> M. Abdul Qodir Abu Faris, Dr. : *Fiqh Politik Hasan al-Banna* (Kuala Lumpur : Mutiara Ilmu Sdn. Bhd, 2011), hal. 29.

jujur, amanah dan beramal dengan hukum-hukum Syariat Islam, inilah harapan yang dicanang oleh Hasan al-Banna dalam pelbagai kenyataan beliau menerusi risālah-risālah dalam kitab Majmū'ah al-Rasā'il yang telah disebutkan sebelum ini, keprihatinan beliau inilah yang menyebabkan pihak berkuasa Mesir yang mentadbir negara dengan sistem sekular amat bimbang dan mencari jalan untuk menghapuskannya sekali gus terhapusnya pemikiran untuk mendaulatkan sebuah pemerintah secara Islam.

Terdahulu pengkaji ada nyatakan bahawa tujuan utama pelaksanaan sistem Siyāsah Islam adalah untuk menegakkan agama dan merealisasikan konsep perhambaan hanya kepada Allah SWT, iaitu Tuhan semesta alam, menegakkan keadilan secara tuntas dan menyeluruh di semua peringkat dan memperbaiki keadaan manusia dari kurang baik kepada yang lebih baik di bawah naungan pemerintah Islam.

Bagi merealisasikan tujuan dan matlamat tersebut di atas, setiap pemerintah serta pegawai-pegawaiannya perlu melaksanakan segenap tanggungjawab dan kewajipan terhadap orang-orang di bawah mereka. Kerana ia merupakan kaedah yang diguna-pakai serta diperakui oleh Syariat Islam dan agama-agama Samawi. Dengan itu rakyat wajib menyerahkan urusan pemerintahan kepada pemerintah tanpa sebarang rasa ragu-ragu, mereka perlu menasihatinya jika mendapat tidak menepati Syariat Islam, perlu memberi bantuan jika diminta untuk berbuat demikian, bertujuan untuk menzahirkan konsep maslahat umum dan yang terpenting sekali mengurus tadbir negara

bertepatan dengan tuntutan dan urusan umat Islam dan bersedia menjadi kuli mereka<sup>212</sup>.

Secara umumnya, para pemerintah serta pegawai-pegawainya adalah dituntut melaksanakan tuntutan-tuntutan berikut bagi menjamin kelangsungan projek dan agenda pembangunan insan.

i-Memelihara agama Islam pada aspek pokok ajarannya, ia bertujuan agar Islam terpelihara daripada sebarang usaha mencacatkan segenap sistem dan umat Islam daripada terjerumus.

ii-Meleraikan perbalahan dengan adil antara dua orang yang bertelagah, agar tiada kezaliman tertimpa ke atas salah seorang daripada yang berbalah.

iii-Menjaga kedaulatan negara agar setiap warganegara merasa aman dan harmoni, hingga nyawa dan harta benda mereka dijamin selamat.

iv-Melaksanakan hukum Hudud, bertujuan untuk mendaulatkan undang-undang Allah dengan jaminan kesejahteraan dikecapi segenap warganegara.

v-Memperkasa dan mempertingkat aspek keselamatan dan keamanan negara daripada anasir-anasir musuh yang mencari ruang untuk mencabulinya.

vi-Memperkenal konsep jihad bagi persiapan menghadapi musuh dalaman dan luaran negara dengan tidak mengganggu hak asasi golongan Zimmi, bertujuan agar hak-hak Allah terserlah dalam pelaksanaan hukum-hukum Syariat Islam yang menjadi teras pentadbiran negara.

---

<sup>212</sup> Muhammad Yusuf Musa, Dr. : *Nizām al-Hukm fī al-Islām* (Qāherah : Dār al-Ma’rifah, 1964), hal. 86.

vii-Jika terdapat harta-harta yang dirampas (dalam sesuatu perperangan) daripada golongan penentang dalam kalangan orang-orang kafir, menjadi tanggungjawab negara menjaganya untuk kepentingan semua pihak.

viii-Golongan penderma yang banyak bersedekah dan berzakat, layak mendapat penghargaan daripada pemerintah kerana sumbangan mereka yang boleh dimanfaatkan untuk kebaikan Islam.

ix-Mengeluar dan menyerahkan bantuan kepada golongan pentazkirah, pendakwah, motivator dan lain-lain melalui sumbangan Baitulmal yang menjalankan tugas dakwah untuk menyeru manusia berpegang kepada ajaran Islam secara syumul dan komprehensif.

x-Pemerintah sentiasa melakukan program pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti rakyat terutama aspek tarbiyah, agar selaras dan selari dengan pendekatan pemerintah Islam yang mengangkat agama sebagai dasar pemerintahan negara, bertujuan agar umat Islam khususnya sibuk dengan tuntutan ibadat khusus dan umum, pada masa yang sama meraih kelazatan beribadat yang berkualiti<sup>213</sup>.

Kesyumulan dan kerasionalan pemerintahan Islam terserlah dengan agenda, projek serta program-program pembangunan insan. Justeru model Negara Islam Madinah yang diterajui pemimpin agung Nabi Muhammad s.a.w. menjadi ikutan dan ikon penting sepanjang zaman, kejayaan sesebuah pemerintahan/Negara Islam diyakini berteraskan kebenaran Islam termasuk Sirah Nabawiyyah, selain ia menjadi rujukan model dalam pemerintahan Islam, pada masa yang sama boleh dikemas kini dengan elemen-elemen lain yang disepakati para ilmuan Islam kontemporari dalam ijma' dan kias seperti keberkesanan

---

<sup>213</sup> Ibid\_\_\_\_ Muhammad Yusuf Musa, hal. 88-89.

Majlis Syura sebagai tempat rujukan dalam pentadbiran sesebuah pemerintahan Islam.

Justeru Majlis Syura adalah mereka yang terdiri daripada individu-individu yang didengari nasihat, pendapat dan motivasi mereka, mereka merupakan golongan yang paling layak dengan kedudukan keilmuan yang ada pada diri mereka, keperibadian yang baik serta memiliki ciri-ciri kepimpinan yang amat positif. Merekalah tempat untuk dirujuk dan diambil pandangan oleh pemerintah, kedudukan mereka tidak kurang penting di samping seorang Ketua Negara. Sistem Majlis Syura ini dikenali dalam warisan tamadun umat Islam pada era Negara Islam Madinah sebagai Ahl al-Hilli wa al-'Iqdi<sup>214</sup>, yang menganggotai Majlis Syura ini bukan sahaja dalam kalangan para ulama' dalam pelbagai disiplin kepakaran bidang mereka, tetapi juga dalam kalangan para mustasyar (penasihat) undang-undang dan hukum Islam<sup>215</sup>.

Anggota-anggota Majlis Syura yang memantapkan perjalanan pentadbiran mestilah mereka yang berkemampuan dalam segenap bidang dan memiliki kriteria positif seperti pintar, akal yang cerdas yang mampu menghasilkan perkara-perkara di bawah ini :

---

<sup>214</sup> Mereka merupakan kumpulan individu yang terdiri daripada lima orang yang memberi bai'ah dan taat setia kepada pemerintah (khalifah), iaitu pemerintah yang memeliki tujuh syarat, pertama berlaku adil, kedua memiliki ilmu yang mampu untuk melakukan ijтиhad dalam perkara hukum, ketiga memiliki pancaindera yang sejahtera daripada kecacatan, keempat merupakan seorang yang tidak cacat anggota yang menghalangnya dari bergerak dan mendaki puncak, kelima menjalankan urus tadbir negara mendahulukan kepentingan rakyat dan maslahat mereka, keenam berani dan ketujuh dari keturunan nasab Quraisy (tetapi ia bukan menjadi kemestian dari nasab Quraisy). Kesetiaan yang diberikan oleh Ahl al-Hilli wa al-'Iqdi terhadap pemerintah menjadi ikutan orang ramai dalam memberi taat setia kepada pemerintah. – Abu al-Hasan Ali bin Muhammad bin Habib al-Baṣrī al-Baghdadi al-Mawardi : *Al-Aḥkām al-Šūlṭāniyyah wa Wilāyat al-Dīniyyah* (Qāherah : Syarikah Muṣṭafa al-Babīy al-Ḥalabī, 1966), hal. 6-7.

<sup>215</sup> Ahmad al-Risūnī, Dr. : *Al-Syūra fi Ma'rakah al-Binā'* (Amman : Dār al-Rāzī, 2007), hal. 66.

- i- Memiliki ketajaman cara berfikir melalui pengalaman-pengalaman yang banyak.
- ii-Kuat berpegang kepada ajaran Islam lagi bertaqwa.
- iii-Bersikap lapang dada sama ada dengan memberi nasihat dan menerima teguran.
- iv-Cara berfikir mereka jernih dari ciri-ciri / perkara-perkara negatif. Tidak mudah tunduk kepada hawa nafsu.
- v-Memberi nasihat serta teguran berpaksikan elemen ilmu dan amalan yang dilakukan dalam kehidupan harian sebagai muslim yang komited kepada agama.
- vi-Tidak merasa tinggi diri dengan kedudukan selaku penasihat pemerintah dan memandang sama terhadap orang ramai.
- vii-Kuat berpegang kepada janji serta tidak sekali-kali membocor rahsia pemerintah dalam apa jua keadaan.
- viii-Tidak mudah ikut perasaan yang membabitkan sikap negatif hasad dengki.
- ix-Sentiasa merasa bahagia dan senang hati dengan tugas yang diamanahkan.
- i-Tidak mudah tersinggung walau ditegur secara tegas oleh pemerintah.
- xi-Tidak mudah lentur dan cair terima nasihat daripada orang lain terutama pemerintah<sup>216</sup>.

Jelas dari apa yang diketengahkan oleh pandangan para ilmuan Islam dalam konteks negara seperti yang menjadi hasrat Hasan al-Banna, pengkaji berpendapat, jika benar pemerintah dan anggota Majlis Syura memiliki kriteria yang disebutkan, ia membuktikan bahawa mereka adalah para pemimpin yang berkarisma tinggi dalam mentadbir negara, pastinya kepimpinan mereka itu

---

<sup>216</sup> Ibid\_\_\_\_\_ Ahmad al-Risūnī, hāl. 67.

menjadi ikon dan role model kepada rakyat yang melihat betapa tingginya keadilan, kebenaran, keagungan serta kemuliaan Islam, maka ia telah memberi kredit kepada Islam itu sendiri, kepimpinan yang terserlah itu menjadi pemungkin kepada pelaksanaan Syariat Islam, ini termasuk kejayaan dalam membentuk manusia melalui agenda pembangunan insan yang realistik.

Maka kesimpulannya, apa yang diketengahkan oleh Hasan al-Banna dalam isu pembentukan sebuah pemerintah yang bersifat Islamik, membuktikan bahawa keberadaannya di persada alam ini mampu untuk membawa individu-individu insan dalam pelbagai kedudukan pangkat dan jawatan mereka agar tunduk kepada kemuliaan Islam. Sekali gus meninggikan martabat kedaulatan Islam yang mampu menerajui dan menjuarai isu-isu yang tidak mampu dilakukan oleh kepimpinan manusia yang tidak disandarkan kepada kebenaran.

### **3.8. Kitab Majmū’āh Al-Rasāil**

Kitab Majmū’āt al-Rasāil adalah rujukan primer pengkaji dalam menjalankan kajian ini, di mana secara umumnya ia adalah himpunan risalah-risalah Hasan al-Banna yang mengandungi aspek pembangunan insan secara keseluruhan isi kandungannya, ia juga bersifat tarbiyah yang menjurus kepada membangunkan diri manusia sama ada dalam cara berfikir seseorang individu muslim, berpolitik, pembinaan rumah tangga, masyarakat, pentadbiran negara dan lain-lain, justeru dari mana pun dikutip kandungan di dalamnya, ia tetap memberi input dalam aspek pembangunan insan, ia pula dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu ;

- a- Himpunan risalah dakwahnya secara bertulis
- b- Himpunan risalah yang ditujukan kepada masyarakat umum
- c- Himpunan risalah pembentukan peribadi secara khusus<sup>217</sup>.

Kitab Majmū’āt al-Rasāil jelas memperlihatkan Hasan al-Banna tampil dengan pendekatan berkesan melalui unsur-unsur pembangunan insan dalam pelbagai disiplin ilmu merangkumi aqidah, ibadat, akhlak, sikap membantu orang lain dan sebagainya yang diperlukan oleh individu muslim bagi memperlengkap agenda ‘khalifah Allah’ berpaksikan ayat-ayat al-Quran dan hadith Nabi. Justeru, unsur-unsur pembangunan insan yang terdapat dalam kitab tersebut terutama rukun amal seperti yang telah disebutkan sebelum ini menjadi pemangkin kepada kejayaan sebenar anggota al-Ikhwan al-Muslimun dalam meraih kejayaan, sama ada di dunia atau akhirat.

Pengkaji boleh menyifatkan kejayaan Hasan al-Banna dalam bidang tarbiyah umat Islam bukanlah satu omongan kosong, malah beliau telah menjayakan projek dan agenda membangun insan melalui program-program tarbiyah tidak hanya terhenti dalam kalangan pengikutnya iaitu anggota Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn, malah ia juga ditujukan kepada umat Islam secara menyeluruh, ini dapat dibuktikan melalui kenyataannya :

“Kami mahu berterus terang kepada semua manusia, bahawa kami mahu persembahkan kepada mereka manhaj (tarbiyah) yang tersedia, bertujuan untuk memberi pendekatan dakwah kami, yang bersifat jelas tanpa ada sebarang keraguan, ia bagaikan sinaran pancaran matahari, lebih jelas dari kala Subuh, lebih terang dari waktu siang.” Kami

---

<sup>217</sup> Dr. Jaber Qamihah : *Al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna – Al-Siham al-Sauda' wa 'Ato al-Rasail* (Qaherah : Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah, 1998), hal. 110.

mahu agar masyarakat perlu tahu bahawa mereka adalah manusia yang paling kami sayang lebih dari diri kami sendiri. Mereka adalah intan payung kami yang tersirat dalam hati sanubari kami, kami sanggup berkorban demi mereka, mereka amat bernilai buat kami untuk mengembalikan semula kemuliaan yang telah hilang, inilah sikap kami yang terbit dari perasaan simpati untuk fungsikan semula peranan hati yang telah lama mati dijajah oleh kuasa dunia yang menyanggah ketentuan Ilahi, ketahuilah bahawa keberadaan kami adalah untuk kamu dan bukan yang lain dari itu, kerana kamu adalah kekasih kami yang perlu kami bangunkan. Tidak ada dalam diri kami kelebihan, apa yang kami mahu agar hati-hati kamu dapat melihat dan mendengar terhadap apa yang kami dengar dan lihat dari kebenaran Islam<sup>218</sup>.”

Namun dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan pendekatan wasāil tarbiyah Hasan al-Banna yang dijayakan oleh anggota-anggota al-Ikhwān al-Muslimūn, ia merangkumi usrah, rehlah, katibah, mukhayyam dan lain-lain. Ia bagi membuktikan bagaimana wasāil yang disebutkan benar-benar menampakkan impak yang besar dalam diri setiap anggota al-Ikhwān al-Muslimūn.

Secara umumnya kitab Majmū’ah al-Rasāil yang menjadi sumber primer dalam kajian ini adalah himpunan risalah-risalah Hasan al-Banna yang bersifat tarbiyah yang menjurus kepada membangunkan diri manusia sama ada dalam cara berfikir seseorang individu muslim, berpolitik, pembinaan rumah tangga, masyarakat, pentadbiran negara dan lain-lain . Dalam kitab ini juga terdapat enam belas (16) bab yang masing-masing mempunyai nilai unsur pembangunan insan yang dibincangkan, walau bagaimanapun bukan kesemuanya dibincangkan dalam kajian

---

<sup>218</sup> Hasan al-Banna : *Majmu ’āh al-Rasāil* (Qāherah : Dār al-Syihāb, t.t.), hal. 11 – 12.

ini, hanya sepuluh unsur sahaja seperti yang dijelaskan di atas. Risalah-risalah tersebut adalah seperti berikut :

- i- Risalah **دعوتنا** : Imam Hasan al-Banna membezakan manusia kepada 4 jenis; Mukmin, yang ragu-ragu, yang orputunist dan berkecuali. Dakwah Islam menjadi keutamaan dalam risalah ini<sup>219</sup>.
- ii- Risalah **إلى أي شيء ندعو الناس** : Imam Hasan al-Banna mengajak ummah untuk memerhatikan matlamat hidup dalam al-Quran, iaitu membebaskan diri daripada menjadi hamba kebendaan, membersihkan diri dari keseronokan hawa nafsu, menghalakan wajah mereka hanya kepada Allah SWT. Dengan menjadi bagi Rahib di malam hari dan tentera berkuda di siang hari<sup>220</sup>.
- iii- Risalah **نحو النور** : Menyeru para pemerintah agar memacu urus tadbir negara dengan sistem politik Islam untuk memandu masyarakat dengan kehidupan secara Islam, terutama melaksana akhlak Islam yang membezakan seorang Muslim dengan yang lain<sup>221</sup>.
- iv- Risalah **رسالة إلى الشباب** : Seruan kepada golongan remaja agar boleh menjadi Insan Muslim yang komited kepada ajaran agama meliputi aqidah, akhlak, perasaan, di samping boleh mewujudkan rumah tangga, institusi masyarakat serta Negara Islam yang mendaulatkan segenap ajaran Islam<sup>222</sup>.
- v- Risalah **الإخوان المسلمون تحت راية القرآن** : Imam Hasan dalam risalah ini menyeru ummah untuk melihat diri terbangun dengan ajaran Islam, terutama yang membabitkan perundangan Islam, sistem kehakiman, hubungan antarabangsa, sistem

---

<sup>219</sup> Ibid\_\_\_\_\_hal. 12.

<sup>220</sup> Ibid\_\_\_\_\_hal. 29.

<sup>221</sup> Ibid\_\_\_\_\_hal. 55.

<sup>222</sup> Ibid\_\_\_\_\_hal. 79.

kewangan dan ekonomi, aspek pertahanan dan ketenteraan, aspek pendidikan, rumahtangga dan lain-lain mestilah dihubungkan dengan ajaran Islam yang syumul<sup>223</sup>.

vi- Risalah دعوتنا في طور جديد : Seruan kepada membangun aspek kerohanian terutama Iman, Kemuliaan dan Cita-cita untuk membangun Islam. Ia sebagai pengulangan apa yang diperkatakan dalam Risalah Ila al-Syabab, iaitu membangun individu muslim, rumahtangga Islam, masyarakat Islam dan Negara Islam<sup>224</sup>.

vii- Risalah بين الأمس واليوم : Seruan kepada mendirikan sebuah negara bagi mengatur sistem institusi masyarakat membabitkan urusan pengeluaran zakat, sedekah dan infaq pada jalan Allah, mewujudkan satu rangkaian jaminan daripada pemerintah kepada rakyat serta memelihara sentimen deria dengan akhlak terpuji<sup>225</sup>.

viii- Risalah المؤتمر الخامس : Penjelasan terhadap matlamat dakwah serta keistimewaan al-Ikhwan al-Muslimun, perancangan serta langkah-langkah merealisasikan manhaj sebenar ajaran Islam serta sikap al-Ikhwan terhadap pertubuhan atau jamaah lain yang mahukan Islam untuk didaulat<sup>226</sup>.

ix- Risalah مشكلتنا في ضوء النظام الإسلامي : Ia merupakan risalah yang ditujukan kepada pembesar-pembesar negara, ahli-ahli perlimen atau pertubuhan tertentu agar menjalankan amanah kepimpinan dengan Islam serta menjalankan tanggungjawab terhadap tugas dakwah ke jalan Islam<sup>227</sup>.

---

<sup>223</sup> Ibid\_\_\_\_91.

<sup>224</sup> Ibid\_\_\_\_107.

<sup>225</sup> Ibid\_\_\_\_125.

<sup>226</sup> Ibid\_\_\_\_147.

<sup>227</sup> Ibid\_\_\_\_189.

- x- Risalah **نظام الحكم** : Memperjelaskan konsep pentadbiran negara serta tanggungjawab pemerintah menyatu-padukan ummah serta menghormati haknya terutama dalam menjalankan pilihan raya tanpa sebarang penipuan, di samping mendatangkan penyelesaian terbaik untuk melakukan penambah-baikan dalam sistem pilihan raya<sup>228</sup>.
- xi- Risalah **النظام الاقتصادي** : Mendatangkan sistem ekonomi Islam yang lebih mampan dan baik kerana harta yang diusahakan rakyat adalah sumber keutuhan hidup dengan tidak melibatkan sumber pendapatan haram dari pihak pemerintah terhadap rakyat jelata, iaitu dengan mengurus tadbir sistem perekonomian menurut hukum syariat Islam<sup>229</sup>.
- xii- Risalah **الجهاد** : Menjelaskan konsep jihad menurut al-Quran, Hadith Rasulullah s.a.w. dan pandangan fuqaha' mengenainya, si samping melontarkan persoalan mengenai mengapa seorang Muslim itu perlu berjihad?. Ia tidak lain adalah untuk mempertahankan maruah Islam apabila diceroboh oleh pihak musuh bukan dengan tanpa tujuan yang dibenarkan Syarak<sup>230</sup>.
- xiii- Risalah **ال تعاليم** : Menerangkan dalam risalah ini Usul 20 yang terdiri daripada rukun Bai'ah dalam perkara Al-Fahmu, di samping menjelaskan lagi perkara-perkara dalam rukun Bai'ah seperti sifat Ikhlas, Beramal, Berjihad, Berkorban, Ketaatan, Kecekalan, Tajarrud, Thiqah dan Ukuwwah<sup>231</sup>.

---

<sup>228</sup> Ibid\_\_\_\_209

<sup>229</sup> Ibid\_\_\_\_228.

<sup>230</sup> Ibid\_\_\_\_246.

<sup>231</sup> Ibid\_\_\_\_266.

xiv- Risalah *نظام الأسر* : Memperjelaskan rukun Usrah yang terdiri daripada elemen Ta’āruf, Tafāhūm dan Takāful. Usrah merupakan pemangkin kepada aspek kekuatan dalaman jati diri anggota-anggota al-Ikhwan al-Muslimun<sup>232</sup>.

xv- Risalah *العقائد* : Apa yang dimahukan oleh Hasan al-Banna dalam risalah ini, ialah agar setiap anggota al-Ikhwan al-Muslimun memahami sedalam-dalamnya aspek aqidah yang betul mencakupi ketuhanan Allah dalam Uluhyyiah, Rububiyyah, Asma’ dan Sifat-Nya<sup>233</sup>.

xvi- Risalah *المأثرات* : Dalam risalah ini Hasan al-Banna menyeru setiap Muslim di semua peringkat agar menjadikan wirid dan zikir al-Quran dan doa-doa Rasulullah s.a.w. sebagai amalan harian pada waktu pagi, petang dan malam, ini kerana dengan berzikir yang menepati piawaian Islam akan menjadikan seseorang muslim itu mempunyai hubungan yang mantap dengan Allah SWT<sup>234</sup>.

Apabila disimpulkan kesemua kandungan dalam kitab Majmū’ah al-Rasāil, pengkaji dapati pendekatan Hasan al-Banna menjurus kepada membangun insan dengan segenap keperluan tarbiyah dalam pelbagai dimensi, ia bukan sahaja berbentuk tarbiyah, malah meliputi aspek ekonomi, politik, sistem pemerintahan, jihad pada jalan Allah, pembelajaran dan lain-lain, semuanya dikaitkan dengan persoalan tarbiyah dan unsur pembangunan insan.

### 3.9. Unsur Pembangunan Insan Dalam Majmū’ah Al-Rasāil

Umum menyedari bahawa Hasan al-Banna adalah tokoh perubahan dan pembangunan insan yang efektif dan diterima oleh banyak pihak terutama

<sup>232</sup> Ibid \_\_\_\_ 284.

<sup>233</sup> Ibid \_\_\_\_ 290.

<sup>234</sup> Ibid \_\_\_\_ 333.

pada abad ke sembilan belas, khususnya bagi mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan keagamaan sama ada secara berjamaah mahupun secara sendirian. Dalam tulisannya, seluruh isi kandungan dalam kitab *Majmū'ah al-Rasā'il* memuatkan unsur-unsur pembangunan insan dalam pelbagai dimensi mengikut kesesuaian, namun ia tidak terpisah antara satu sama lain dalam menghubungkan kaitan untuk membangun insan, namun dalam kajian ini pengkaji menjurus kepada fakta yang beliau telah kemukakan mengenai unsur-unsur pembangunan insan yang digariskan melalui sepuluh unsur, iaitu aqidah yang jitu (sejahtera), ibadat yang betul, memelihara tubuh badan, memiliki akhlak terpuji, berusaha menggarap ilmu, mampu berdikari, mampu mengawal dan memelihara diri, bijak mengurus waktu, memiliki disiplin yang tinggi dalam menjalankan tugas dan boleh menyumbang bakti untuk masyarakat, oleh yang demikian setiap individu khususnya muslim yang komited dengan agamanya dan yang menjalani proses pembangunan insan perlu memiliki kesemua unsur pembangunan tersebut<sup>235</sup>.

Sebenarnya apa yang diketengahkan oleh Hasan al-Banna merupakan kesinambungan dari idea yang dicetuskan dalam oleh al-Quran, hadīth-hadīth baginda Rasulullah s.a.w. dan para ilmuan Islam sebelumnya yang juga melihat unsur pembangunan insan teramat penting dalam menjana manusia-manusia yang bergelumang dengan noda dan dosa akibat penjajahan yang melanda dunia Islam dan agenda untuk memesongkan umat Islam dari agama Islam.

Hasan al-Banna terkesan dengan pendekatan ilmu tasauf yang disifatkan sebagai satu pendekatan ilmu tarbiyah dan pendidikan jiwa naluri manusia,

---

<sup>235</sup> Hasan al-Banna : *Majmu'ah al-Rasail* (Qaherah : Dar al-Syihab, t.t), hal. 271

terutama ketika beliau berada di peringkat pengajian di Madrasah al-Rasyād al-Islamiah yang diketuai oleh Syeikh Muhammad Zahran yang mengajarnya kitab ‘Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn’ karya agung Imām al-Ghazālī. Beliau menyifatkan kitab tersebut adalah inspirasi kepada aspek pembangunan insan kerana pengisian isi kandungannya menepati piawaian untuk membangunkan insan dengan aspek keagamaan yang mencakupi segenap keperluan yang diperlukan bagi tujuan tersebut<sup>236</sup>.

### 3.9.1. Aspek Aqidah

Aqidah adalah tersangat penting dalam kehidupan seorang muslim, ia membicarakan tentang ketuhanan Allah SWT, tanpanya seseorang individu muslim itu tidak dikira sebagai seorang muslim yang sebenar kerana terlerai ikatannya dengan Maha Pencipta. Susunan ayat dalam surah al-Fatiyah sebenarnya dimulai dengan ayat-ayat ketuhanan Allah dalam aspek aqidah, malah Sirah Nabawiyah juga mengajar umat Islam di semua peringkat masa dan tempat kepentingan aqidah yang memacu masyarakat Mekkah selama 13 tahun yang terpaksa menghadapi pelbagai bentuk tribulasi yang ditimbulkan oleh Musyrikin Mekkah agar tidak mengikuti jejak langkah Rasullah s.a.w. membesarkan Allah SWT selaku Tuhan segala manusia.

Hasan al-Banna menegaskan dalam perkara aqidah :

“Ma’rifat atau mengenal Allah SWT serta mentauhidkan-Nya adalah setinggi-tinggi aqidah

---

<sup>236</sup> Imam Hasan al-Banna : *Mudhakkirat al-Da’wah wa al-Da’iyah* (Qaherah : Dar al-Syihab, t.t.), hal.27

dalam Islam kerana membahaskan sifat-sifat yang layak bagi Allah, setiap orang yang beriman wajib mengambil aqidah yang tiada di dalamnya ta’wil yang berlebihan dan penyimpangan dari kebenaran, serta aqidah yang tidak terdedah kepada perselisihan para ulama’, yang lebih diutamakan ialah aqidah yang ditunjukkan oleh baginda s.a.w. dan para sahabat. Aqidah merupakan asas kepada sesuatu amalan dalam Islam, sementara amalan hati lebih penting daripada amalan pancaindera, hasil kesempurnaan dalam pelaksanaan kedua-duanya amat dituntut dalam syariat, walau berbeza dari sudut tuntutan dan pendekatan<sup>237”</sup>.

Imam al-Ghazālī ada menyebut mengenai aqidah, bahawa pengetahuan terhadap makrifat dengan wujudnya Allah SWT adalah perkara pertama yang wajib diimani oleh setiap individu muslim seperti yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam banyak ayat al-Quran. Justeru Dia mengutus para Anbiya’ untuk menyeru segenap manusia untuk mentauhidkan hanya kepada-Nya dengan mengungkapkan lafaz Lā Ilāha Illa Allah Muhammad Rasulullah<sup>238</sup>.

Sementara Ibn Qaiyim al-Jawziyyah pula menegaskan, bahawa setiap Rasul menyeru manusia untuk mentauhidkan Allah SWT dan ikhlas beribadat kepada-Nya, bermula dari Nabi Adam a.s. hingga kepada Nabi Muhammad s.a.w. sepetimana yang ditegaskan Allah menerusi firman-Nya :

يَأَيُّهَا أَرْرُسُلُ كُلُّوْ مِنَ الْطَّيِّبَتِ وَأَعْمَلُوا صَلِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلَيْمٌ  
 وَإِنَّ هَذِهِ أَمْتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاتَّقُونِ

Al-Mu’mínūn : 23 : 51-52

<sup>237</sup> Hasan al-Banna : *Majmu’ah al-Rasail*, hal 269-270.

<sup>238</sup> Imam al-Ghazali : *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Beirut : Dār al-Qalam, t.t.), 1 : 99.

Terjemahan ayat : “Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha mengetahui akan apa yang kamu kerjakan. (51) dan Sesungguhnya agama Islam ini ialah agama kamu - agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka bertaqwalah kamu kepadaKu. (52)<sup>239</sup>.

Syeikh Muhammad ‘Abduh pula pula menyebut, asas dalam agama Islam ialah mengenali Allah SWT, kerana Dia adalah Pencipta alam ini, tanpa melakukan pensucian terhadap-Nya, maka makrifat kepada-Nya terdapat kelemahan dan kekurangan. Ini kerana kesempurnaan makrifat adalah dengan meyakini dan membenarkan kewujudan zat-Nya yang agung, iaitu tidak dikongsi oleh mana-mana makhluk, kerana itu tauhid dengan makrifat kepada-Nya menjadi wajib al-wujub, tidak sempurna kebenaran (tasdiq) atau makrifat melainkan disertai sekali tauhid kepada-Nya<sup>240</sup>.

Iman atau aqidah yang sejahtera dari sebarang perlakuan syirik kepada Allah adalah alat untuk mencapai kemajuan dan pembangunan dalam diri insan dalam menghadapi segenap kejahatan dan penindasan golongan yang jahat, jika ia dapat dibangun dan dipelihara dengan baik, dalam hati muslim, maka akan terbangun juga masyarakat yang ada di sekelilingnya. Sesungguhnya orang yang benar-benar beriman akan memperakui bahawa Allah sahajalah yang layak untuk disembah kerana Dia adalah Tuhan Yang Mencipta langit dan bumi, dengan kefahaman ini akan memantapkan lagi hubungan antara hamba dengan Tuhannya<sup>241</sup>.

<sup>239</sup> Ibn Qaiyim al-Jawziyyah : *Madārik al-Sālikin* (Qāherah : Dār al-Hadīth, 1984), 1 : 114.

<sup>240</sup> Syeikh Muhammad ‘Abduh : *Al-‘Amāl al-Kāmilah* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 2006), 2 : 446.

<sup>241</sup> Yusuf al-‘Adzam : *Al-Imān wa Āthāruhu fi Nahdah al-Syu’ūb* (Riyadh : Al-Dar al-Sa’udiyyah Li al-Nasyr wa al-Tawzi’, 1984), hal. 21

Menurut Ishak Mohd Rejab; Aqidah Islamiah merupakan asas yang amat penting ke arah pembentukan pemikiran yang luhur dan sikap yang murni. Dengan aqidah yang kuat, seseorang tidak mudah berputus asa ketika dilanda malang dan begitu juga tidak akan mudah lupa daratan ketika beroleh kemakmuran. Justeru itu perlu ‘Aqidah Islamiah’ didedahkan dengan cara yang mudah dan sesuai dengan berbagai-bagai tahap pemikiran manusia<sup>242</sup>.

Syeikh Saiyid Sabiq ada menegaskan, bahawa dasar didikan Rasulullah s.a.w. pada tahap pertama adalah penanaman aqidah ketuhanan dalam jiwa kaum Muslimin yang akhirnya dapat dirasakan buahnya di seluruh Semenanjung Tanah Arab, bahkan di seluruh penjuru dunia<sup>243</sup>. Beliau juga menyamakan ilmu tauhid itu dengan aqidah, iaitu dengannya terbentuklah hukum syariat Islam dengan segala bentuk dan pendekatannya. Begitulah juga ibarat amalan dalam syariat Islam yang diumpakan seperti iman dan aqidah yang tidak boleh terpisah antara satu sama lain. Ini kerana iman (aqidah) serta amalan sama seperti aqidah dan syariat yang saling terikat antara satu sama lain bagaikan buah yang terlekat di dahan-dahan pokok<sup>244</sup>.

Sementara Dr. Haron Din pula menjelaskan, bahawa iman adalah berasal daripada perkataan Arab أَمْنٌ yang bermaksud aman dan tenteram. Di dalam ilmu tauhid, iman membawa makna membenarkan dengan hati dan berikrar dengan lisan dan beramal dengan ajaran-ajaran Allah SWT yang dibawa

<sup>242</sup> Ishak Mohd Rejab, Prof. Madya Dr. : *Asas-Asas Aqidah Islamiah* (Kuala Lumpur : Menara Ilmu Sdn. Bhd, 1992), hal. ii

<sup>243</sup> Syeikh Saiyid Sabiq : *Unsur-Unsur Kekuatan Dalam Islam – terj.* Muhammad Abdai Rathomy (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd, 1978), hal. 106.

<sup>244</sup> Syeikh Saiyid Sabiq : *Al-'Aqaid al-Islamiyyah* (Qaherah : Dar al-Kutub al-Hadithah, 1976), hal. 11

oleh Nabi Muhammad s.a.w. Untuk memenuhi pengertian beriman kepada Islam itu, mestilah ada ketiga-tiga perkara tersebut, iaitu mengakui di dalam hati bahawa Islam itu benar, menyatakan dengan lidahnya bahawa Islam itu agama yang benar serta mengamalkan ajaran-ajaran yang terkandung di dalam agama Islam itu. Kalau ketiga-tiga perkara ini tidak ada, maka tidaklah sempurna keimanan seseorang itu terhadap agama Islam<sup>245</sup>.

Ilmu tauhid, iman atau aqidah mempunyai pelbagai nama lain seperti Usul al-din, Ilmu Fiqh al-Akbar, Ilmu al-Kalam yang semuanya bermaksud ilmu mengenai ketuhanan Allah SWT, iaitu ilmu mengesakan Allah yang merangkumi hujjah mengenai aqidah iman berdasarkan dalil al-Quran, hadīth dan akal yang mampu menolak sebarang keraguan yang ditimbulkan oleh golongan yang menyeleweng daripada Islam<sup>246</sup>.

Ada kalangan sarjana Islam telah meletakkan perkara pertama yang mesti diketahui oleh setiap muslim ialah ‘Ma’rifat Allah’ (mengenal Allah) yang disebut sebagai ‘Awwal al-Wājibāt’ dengan perbahasan yang panjang lebar, ia adalah mazhab Imam Abu al-Hasan al-Asy’ari<sup>247</sup>.

Mengenal Allah adalah perkata pertama yang wajib ke atas setiap hamba-Nya yang diperintahkan dengan mentauhidkan-Nya (mengesakan) dari

---

<sup>245</sup> Haron Din et al, *Manusia Dan Islam* (Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd, cet. Ke-3, 1988), hal. 35

<sup>246</sup> Abu al-Yazid Abu Zaid al-‘Ajmi, Dr. : *Al-Fuqahā wa Buhūth al-‘Aqīdah al-Islamiyyah* (Qāherah : Dār al-Hidāyah, 1985), hal. 67

<sup>247</sup> Al-Imam Fakhr al-Din Muhammad bin Umar al-Khatīb al-Rāzī : *Mahṣal Afkār al-Mutaqaddimīn wa a-Mutaakhirīn min al-‘Ulamā wa al-Hukamā wa al-Mutakallimīn* (Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabi, 1984), hal. 65

segala sifat kekurangan dengan menyakini bahawa Dialah yang telah mencipta segala-galanya<sup>248</sup>.

Hasan al-Banna ada menjelaskan bahawa ilmu aqidah itu adalah perkara-perkara yang wajib bagi hati mempercayainya, diri dan jiwa seorang muslim akan sentiasa tenang dan lebih yakin kepada Allah SWT tanpa sebarang keraguan dan syak<sup>249</sup>.

Syeikh al-Qaradawi ada mejelaskan, bahawa beriman dengan wujudnya Allah SWT adalah satu perkara yang wajib secara fitrah, tanpanya seseorang itu akan sesat sejauh-jauhnya, justeru ilmu tauhid adalah intipati daripada ‘Aqidah Islam’, ia adalah roh kepada wujudnya agama Islam ini, iaitu beriman dengan Tuhan Yang Satu yang mencipta alam ini, Allah adalah Tuhan yang telah mencipta segala-galanya, mengurus tadbir alam ini, Dialah tempat kembalinya manusia kelak, Dia Tuhan segala-galanya, Dia sahaja yang layak untuk disembah, disyukuri segala nikmat-nikmat yang telah dianugerahkan kepada hamba-hambaNya, Tuhan yang mesti dituruti segala perintah-Nya dan tidak boleh disanggah dan tidak boleh menentang-nya.<sup>250</sup> Pendapat ini disokong oleh Umar Sulaiman al-Asykar dalam bukunya *العقيدة في الله*<sup>251</sup>, dan disokong oleh barisan ulama’ al-Azhar<sup>252</sup>.

<sup>248</sup> Syeikh ‘Allamah Hafiz bin Ahmad al-Hakami : *Ma’ārij al-Qabūl bi Syarh Sullam al-Wuṣūl ilā ‘Ilmi al-Usūl fī al-Tauhīd* (Qāherah : Dār al-Maṭba’ah al-Salafiyyah, 1983), hal. 57

<sup>249</sup> Hasan al-Banna : *Al- ‘Aqāid* (Qāherah : Dār al-Siyhāb, 1979), hal. 7

<sup>250</sup> Yusuf al-Qaradawi : *Haqīqah al-Tauhīd* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1979), hal. 5.

<sup>251</sup> Umar Sulaiman al-Asykar, Dr. : *Al- ‘Aqīdah fī Allāh* (Kuwait : Maktabah al-Falāḥ, 1989), hal. 9.

<sup>252</sup> Al-Azhar al-Syarif : *Bayān li al-Nās min al-Azhar al-Syarīf* (Qāherah : Maṭba’ah al-Azhar : 1984), hal. 118.

Syeikh an-Nadwi berpendapat, sesungguhnya bagi alam ini Pencipta yang bersifat Qadim (lama), yang masih wujud dan tidak akan lenyap, Dia adalah Allah yang Maha Tinggi ilmu dan kuasa-nya, yang memiliki segala sifat kesempurnaan, jauh dari segala sifat kekurangan, Dialah yang telah mencipta segala makhluk yang ada di muka bumi ini, Maha Mengetahui segala maklumat, Maha Berkuasa atas segala sesuatu, Maha Berkehendak atas apa yang dikehendaki-nya, Maha Melihat, Mendengar, tiada yang serupa dengan-Nya, tiada sekutu bagi-nya, Dia Tuhan yang disembah, Pemberi rezeki, Penyembuh segala penyakit, tidak berhadapan dengan sebarang kemudaratian, jika Dia mahukan sesuatu itu jadi, maka akan jadilah sesuatu itu, tiada sesuatu yang baru pada zat atau sifat-sifatNya, tidak berjisim, Dia menetap di singgah sana-sanya orang-orang beriman akan dapat melihat (zat) Allah pada hari kiamat jika dikehendaki-Nya, Dia tidak memerlukan kepada lain dalam mengurus tadbir bumi dan tiada hakim pada hari itu melainkan Dia sahaja<sup>253</sup>.

Adapun Muhammad Na'im Yasin berpendapat, bahawa iman kepada Allah SWT adalah satu ‘itikad jazam (ikatan) yang jitu kepada Allah yang Maha Pencipta dan memiliki sagala-galanya, Dialah sahaja yang berhak untuk disembah dalam segenap bentuk ibadat, yang bersifat segala sifat kesempurnaan dan suci dari segala sifat kekurangan. Beriman kepada Allah merangkumi tiga bentuk tauhid, iaitu ‘Tauhīd Rubūbiyyah’ iaitu Allah bersifat dengan sifat memberi kesan ke atas segala makhluk-Nya seperti memberi rezeki, kesihatan, kesakitan, mentadbir bumi, menjaga langit dan sebagainya. Adapun ‘Tauhīd

---

<sup>253</sup>Syeikh Abu al-Hasan ‘Ali an-Nadwi : *Minhāj al-Šolihīn ‘Aqīdah wa Sulūk’* (Qāherah : Dār al-Basyīr, 1983), hal. 48

Uluhiyyah’ ialah Allah Allah sahaja yang berhak untuk disembah dan ‘Tauhīd al-Asmā’ wa as-Šifāt’ iaitu beriman kepada Allah dengan meyakini bahawa Dia bersifat dengan segala sifat kesempurnaan da suci dari sifat-sifat kekurangan dan kelemahan<sup>254</sup>.

Sementara Syeikh as-Sya’rawi pula berpandangan, bahawa iman itu diambil daripada perkataan أمن yang membawa maksud aman dan tenteram, iaitu ketenteram hati yang tunduk beribadat kepada Allah SWT yang memiliki segala kekuasaan, keupayaan, manfaat dan kemudarat, Maha Mendengar, Melihat, Mengetahui segala-galanya apa yang anda ungkapkan ketika menyembah-Nya<sup>255</sup>.

Abdul Basit pula berpendapat, bahawa Rasulullah s.a.w. telah menetapkan Rukun Iman enam perkara iaitu : Beriman kepada Allah, malaikatnya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, Hari Akhirat dan Qada’ dan Qadar (penjelasan ini telah diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam Hadīth Jibril yang panjang, hadith no. 8). Rukun iman yang enam ini merupakan asas aqidah Islam yang dibina atasnya semua jenis ibadat sama ada perkataan dan perbuatan serta semua akhlak mulia dan kebaikan. Keindahan rukun iman ini merupakan asas kesempurnaan agama Islam, melaluinya terserlah kepentingan aqidah Islam dan keperluannya bagi hidup manusia<sup>256</sup>.

---

<sup>254</sup> Muhammad Na’im Yasin, Dr. : *Kitāb al-Īmān – Arkānuhu – Haqīqatuhu - Nawāqiḍuhu* (Qāherah : Maktabah al-Turāth al-Islāmi, 1987), hal 9-11.

<sup>255</sup> Syeikh Imam Muhammad Mutawalli al-Sya’rāwi : ‘Aqīdah al-Muslim’ (Qāherah : Maktabah al-Turāth al-Islāmi, 1984), hal. 66.

<sup>256</sup> Abdul Bāsiṭ Abdul Rahman, Dr. : *Keindahan Islam – Hikmah-hikmah di sebalik Pensyariatan* (Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd. 2012), hal 29.

Bagi Muhammad Ibrahim Salim berpendapat, persoalan aqidah merupakan prinsip bagaimana seseorang muslim itu dapat menghubungkan dirinya kepada Allah SWT, ia dapat dijelmakan melalui prinsip-prinsip di bawah ini :

- i – Hendaklah anda sentiasa perbaharui iman, mengadulah kepada Allah apabila anda menghadapi kesulitan.
- ii – Janganlah anda menghalakan doa selain Allah, kerana sesungguhnya Dia yang telah mencipta tujuh petala langit dan bumi.
- iii – Ketahuilah, bahawa apabila anda bersama Allah, yakinlah bahawa Dia juga sentiasa bersama anda yang akan memelihara dan menjaga anda dalam apa jua keadaan.
- iv – Apabila anda ingat akan Allah, sudah pasti Dia juga ingat kepada anda.
- v – Mohonlah keampunan Allah, pasti Dia akan Mengampunkannya.
- vi – Bertaubatlah kepada Allah, pasti Dia Menerima taubat anda.
- vii – Bersyukurlah kepada Allah pada segala nikmat-Nya yang zahir dan batin melalui perbuatan, ungkapan dan tindakan, pasti Dia akan menambahkannya.
- viii – Berdoalah hanya kepada Allah, pasti Dia perkenankan doa anda.
- ix – Lakukan ibadat hanya untuk-Nya, kerana Dia sahaja yang layak untuk disembah, berbuat baiklah terhadap kedua orang tuamu, kerana mereka berdua hanya mengharap belas ihsan daripadamu.

x – Ketahuilah, bahawa Allah SWT adalah sebaik-baik pembantu, maka mohonlah bantuan-Nya agar anda diberi kekuatan untuk beribadat kepada-Nya.

xi – Mohonlah petunjuk Allah, nescaya anda sentiasa diberi taufiq dan petunjuk daripada-Nya.

xii – Mohonlah kepada Allah agar Dia menganugerahkan kepada anda cinta kepada iman dan menghiasinya dalam diri anda.

xiii – Bertawakkal (berserah diri) kepada Allah, nescaya Dia akan mencukupkan keperluan anda.

xiv – Ketahuilah, bahawa Allah SWT tidak sekali-kali alpa dan lalai, justeru ingatilah Dia di waktu pagi dan petang.

xv – Bertaqwalah kepada Allah dengan melaksanakan segala arahan dan perintah-Nya serta menjauhkan diri daripada segala tegahan dan larangan-Nya.

xvi – Ketahuilah, bahawa sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya dia akan dibebaskan dari sebarang belenggu kesulitan hidup dan diperluaskan rezekinya.

xvii – Pujilah Allah pada setiap keadaan, kerana Dia sahaja yang berhak untuk dipuji, lakukan pujian itu setiap masa dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh.

xviii – Janganlah anda sekali-kali mentaati, menyokong dan cenderung kepada orang yang menderhaka kepada Allah.

xix – Ketahuilah bahawa kehidupan anda, masa dan tempat adalah di bawah kuasa Allah, oleh itu mohonlah restu-Nya (dengan melakukan amal-amal yang baik).

xx – Sesungguhnya tidak ada selain Allah yang mampu menghilangkan bala dan kemudaran, justeru tetapkanlah hala tuju hidup anda kepada-Nya.

xxi - Jadikan hidup anda sentiasa berada dalam keadaan takut dan mengharap serta bersegera melakukan kebaikan walau tanpa diminta untuk berbuat demikian.

xxii – Ketahuilah, bahawa amal soleh adalah jalan untuk mendapatkan rahmat daripada Allah.

xxiii – Setiap kebaikan yang anda lakukan, pasti akan mendapat pahala di sisi Allah, dan setiap sedekah yang anda hulurkan akan dibayar berlipat ganda oleh Allah SWT.

xxiv – Jadikan rumah kediaman anda makmur dengan berzikir kepada Allah serta didirikan solat, orang ramai merasa aman ketika berada di rumah anda lantaran banyak berzikir (termasuk membaca al-Quran).

xxv – Usahlah anda terpedaya dengan ilmu yang sedikit ada pada diri anda, kerana sesungguhnya Allah lah yang mengajar anda ketika anda tidak mengetahui sesuatu pun yang ada di muka bumi ini.

xxvi – Mohonlah kepada Allah agar anda diberikan ilmu yang berguna untuk meniti jalan bertaqwa kepada-Nya.

xxvii – Ilmu Allah itu adalah cahaya, iman juga adalah cahaya, mohonlah kepada-Nya agar anda dianugerahkan kedua-dua cahaya itu.

xxviii – Jika anda tersilap atau melakukan kesalahan dengan sengaja, bersegeralah memohon keampunan Allah agar hidup dibayangi rahmat-Nya.

xxix – Syukur kepada Allah itu adalah roh ibadat, maka sentiasa bersyukur kepada Allah yang layak disembah.

xxx – Jadikanlah apa yang ada di sekeliling anda berbicara tentang nikmat Allah, kerana sesungguhnya Allah SWT amat menyukai kesan nikmat-Nya dirasai oleh hamba-Nya.

xxxi – Sesungguhnya Allah SWT tidak serupa dengan segala sesuatu, maka layak bagi-Nya menerima segala pujian dan kepatuhan.

xxxii – Menjadi tanggungjawab setiap daripada kita untuk menghargai dan berterima kasih kepada Allah yang telah Mencipta segalanya, manusia adalah tidak digalakkan untuk banyak melakukan sumpahan melainkan untuk Allah semata-mata.

xxxiii – Menjadi kewajiban kita bersama, agar memelihara lidah kita dari memaki hamun peribadatan lain (yang mensyirikkan Allah), kerana kelak penganut agama lain akan memaki hamun Allah.

xxxiv – Allah yang telah mencipta siang dan malam, bersyukurlah kepada-Nya kerana mencipta kedua-dua masa itu serta ambillah pengajaran dari penciptaan-Nya.

xxxv – Ketahuilah, bahawa agama Islam mempunyai petunjuk dan batasannya, janganlah anda mencabulinya dengan kata-kata, tindakan dan perbuatan anda yang boleh merosakkan gambaran Islam sebenar.

xxxvi – Melakukan apa yang diarah oleh baginda Rasulullah s.a.w adalah juga taat kepada Allah SWT.

xxxvii – Hidup dan mati adalah di bawah pengawasan Allah, usahlah anda takut melainkan kepada-Nya, beramallah untuk hari kemudian agar anda mencukupi bekalan untuk menemui Allah.

xxxviii – Sesungguhnya Allah adalah Penyembuh segala penyakit, berubatlah ketika anda sakit dan mohonlah kepada-Nya penyembuh dan penawar.

xxxix – Jika anda hilang keupayaan ketika dianiayai oleh manusia, ingatlah bahawa Allah Maha Perkasa lagi Maha Kuat dalam tindakan-Nya.

xl – Apabila anda berada dalam kenikmatan, peliharalah ia dengan sungguh-sungguh, kerana orang yang bermaksiat tidak menghargai sebarang nikmat Allah.

xli – Jadilah orang yang pandai menyesuaikan diri dengan alam sekitar, kerana alam sentiasa bertasbih kepada Allah dalam setiap keadaan dan musim tertentu.

xlii – Renung dan mendongak ke langit untuk melihat keindahan ciptaannya, sekali gus anda akan kenal Pencipta dan Penyerinya betapa agung dan hebat Allah SWT.

xliii – Ingatlah Allah yang telah mempermudahkan segala apa yang ada di muka bumi ini untuk anda gunakannya ke jalan kebaikan, iaitu memakmurkan bumi dan bukan untuk merosakkannya.

xliv – Rasailah kebesaran nikmat Allah dalam diri anda, hingga membolehkan anda menikmati makanan dan minuman tanpa sebarang halangan.

xlv – Ketahuilah, bahawa Allah telah mencipta bumi, lautan, sungai, udara, binatang ternakan adalah untuk kemudahan manusia agar mudah pula untuk melakukan ibadat kepada-Nya.

xlvi – Jika anda merasai keajaiban sesuatu nikmat Allah, maka janganlah anda tertipu dan terfitnah, malah katakanlah : Masya Allah dan La Haula Wala Quwwata Illa Billah.

xlvii – Kenalilah Allah dengan sesungguhnya, agar akan menjadi sempurna iman anda kepada-Nya.

xlviii – Apabila iman anda berada dalam kesempurnaannya, serta mengenal Allah dengan sebaik-baiknya, maka pada ketika itu anda akan merasai kesempurnaan sifat-sifat Allah yang jauh dari sebarang sifat kekurangan.

xlix – Islam adalah satu nikmat yang paling besar anugerah daripada Allah, maka selayaknya Allah patut disyukuri kerana menjadikan kita sebagai orang Islam.

l – Semua nikmat yang kita kecapi seperti kesihatan, harta, ilmu, keluarga serta anak-anak patut menjadikan kita orang-orang yang sentiasa bersyukur kepada Allah.

li – Sesiapa yang bertindak sombong terhadap kebenaran Allah tanpa sebarang hujah dan bukti, maka baginya kehinaan di dunia dan azab yang membakar di akhirat.

lii – Sesiapa yang menuruti golongan yang sesat dalam keadaan sedar, maka kesudahannya adalah azab neraka yang amat pedih.

liii – Sesiapa yang tidak beriman serta menolaknya dengan penuh keyakinan, malah menjual agama kerana dunia, maka dia akan rugi di dunia dan di akhirat.

liv - Yakinlah, bahawa tiada pelindung kepada manusia melainkan Allah SWT<sup>257</sup>.

Menurut Mohd Nakhaie Ahmad, keimanan yang mendalam mampu memberi kesan yang mendalam juga kepada pembentukan jiwa dan kerohanian. Keimanan kepada Allah SWT dan Rasul-Nya serta kepada ajaran-ajaran Islam yang membentuk pandangannya terhadap hidup, menimbulkan dalam diri muslim perasaan optimis dalam menghadapi kehidupan ini. Ia optimis kerana keyakinannya bahawa alam ini berjalan mengikut hukum dan peraturan yang adil yang ditadbir oleh Allah SWT yang bersifat Pemurah dan Penyayang<sup>258</sup>.

Dari apa yang disebutkan di atas mengenai aqidah, iman dan tauhid yang betul menurut Hasan al-Banna ialah kepercayaan yang jitu terhadap Allah di dalam hati, dibenarkan oleh lisan dan diamalkan oleh segenap anggota tubuh, bahawa Allah memiliki segala sifat sempurna dan jauh serta suci dari sifat lemah

<sup>257</sup> Syeikh Muhammad Ibrahim Salim : *Minhāj al-Tifl al-Muslim Min Taujīḥāt al-Qurān al-Karīm* (Qāherah : Maktabah al-Qurān, 1984), hal. 45-49.

<sup>258</sup> Mohd Nakhaie Ahmad : *Di Bawah Naungan Islam* (Kuala Lumpur : Institut Muamalat Islam Malaysia, 1998), hal. 146.

dan kurang, Dialah sahaja yang berhak untuk disembah. Dengan kefahaman inilah seseorang itu mampu akan melonjakkan dirinya dalam membangun sifat insan yang dikehendaki Allah.

### 3.9.2. Ibadah

Dalam perkara ibadat, Hasan al-Banna ada menegaskan :

“Perlu kepada satu mekanisme bagi membimbing masyarakat dalam perkara ibadat serta penyebaran dakwah kepada segala bentuk kebaikan, memerangi segala perkara yang keji dan mungkar, menggalakkan mereka melakukan fađilat dalam amalan, menyeru kepada yang makruf, bersegera dalam beramal ibadat<sup>259</sup>. ”

Imam al-Ghazālī tidak menyebut secara langsung mengenai pengertian ibadat secara khusus, akan tetapi beliau menyimpulkan ibadat itu terdiri daripada perkara ṭahārah meliputi istinja’, wuđūk dan lain-lain. Begitu juga beliau menyebut ibadat itu merangkumi bab solat dan yang berkaitan dengannya. Namun dalam setiap bab itu beliau mempertegaskan perlakuan dalam beribadat itu ada falsafah mengenai segenap pelaksanaannya. Sebagai contoh, dalam bab solat, beliau menegaskan bahawa ia adalah tiang agama, pasak kepada keyakinan diri, penghulu jalan mendekatkan diri dan ketaatan kepada Allah, inilah yang dibincangkan secara terperinci dalam bab fiqh<sup>260</sup>.

<sup>259</sup> Hasan al-Banna :*Majmū’ah al-Rasāil*, hal 270.

<sup>260</sup> Op.cit \_\_\_\_\_ Imam al-Ghazali, 1 : 133.

Ibn Qaiyim pula menyebut, ibadat itu wajib dilakukan oleh hamba Allah sama ada di langit mahupun di bumi semata-mata kerana Allah SWT, sama ada yang baik, jahat, yang beriman dan kafir, kerana ibadat akan dianjari bagi yang melakukannya dan akan disiksa bagi yang meningalkannya, ia juga bermaksud, bahawa hanya ibadat yang disertai dengan penuh rasa ketaatan, kecintaan dan mengikuti segenap perintah hanya untuk Allah SWT yang akan dianjari pahala<sup>261</sup>.

Bagi Muhammad ‘Abduh pula, ketika bercakap mengenai ibadat, beliau menghimpunkan maslahat dunia dan akhirat sebagai satu tuntutan kehidupan dalam Islam, di mana maslahat kehidupan lebih didahulukan bila bertembung dengan agama. Rasulullah s.a.w. sebagai pembawa kebenaran Islam tidak pernah mengatakan juallah semua apa yang kamu miliki dan ikutlah aku, akan tetapi baginda berkata kepada yang minta nasihat agar bersedekah dengan satu pertiga dari hartanya, kerana angka itu dikira banyak, jika kamu tinggalkan pusakamu kepada golongan kaya, adalah lebih baik jika kamu tinggalkan mereka dalam keadaan susah kerana ia akan menyusahkan orang ramai. Begitu juga dalam pelaksanaan ibadat puasa yang difardukan Allah ke atas orang-orang yang beriman, tetapi jika takut penyakit akan bawa kepada kemudaratan, maka harus untuk tidak berpuasa<sup>262</sup>.

Menurut Muhammad Abu al-Futūḥ al-Bayānūnī, menukilkan pandangan beberapa pandangan ulama’ mengenai maksud ibadat dalam Islam,

---

<sup>261</sup> Op.cit \_\_\_\_ Ibn Qaiyim, 1 : 118.

<sup>262</sup> Op.cit \_\_\_\_ Muhammad ‘Abduh, 3 : 316.

antaranya dalam kamus al-Muhiṭ; ibadat diertikan sebagai ketaatan kepada Allah, sementara pandangan Ībn āl-Mānzūr dalam Lisan al-‘Arab, menyebut bahawa ibadat itu adalah ketundukan dan rasa hina hamba terhadap Allah, adapun pandangan al-Raghib al-Asfahani pula, ibadat itu menzahirkan kehinaan dan rendah diri seorang hamba. Namun secara kesimpulannya, ibadat adalah amalan hamba yang menepati kehendak yang disembah<sup>263</sup>.

Yusuf al-Qaradāwī telah memulakan tulisannya mengenai ibadat dengan melontarkan persoalan, antaranya mengapa manusia dicipta di muka bumi ini?, Ke mana kesudahannya selepas meninggalkan alam yang wujud ini? Justeru ibadat menurutnya adalah tersangat penting dalam kehidupan manusia yang bernama muslim, manusia semuanya sama, sama ada yang muslim atau tidak adalah diseru oleh Allah SWT untuk mengabdikan diri hanya kepada-Nya, kerana ibadat itu adalah ketundukan hamba yang serba kerdil di hadapan Penciptanya, dengan ibadat yang dilakukan maka dia telah melakukan ketaatan maksimum kepada Allah dan bukan yang lain selain-nya, dalam erti kata bahawa ibadat adalah ketundukan seorang hamba yang hina terhadap ketinggian kedudukan Allah SWT yang menguasai segala-galanya<sup>264</sup>.

Menurutnya lagi, golongan Sekularisme sama sekali tidak menolak Islam dalam bentuk syiar-syiar dan amalan ibadat yang boleh mendekatkan diri kepada Allah, kerana ia adalah sebahagian daripada kebebasan beragama, cuma mereka tidak menjadikan ibadat suatu perkara penting dalam hidup dan matlamat

<sup>263</sup> Muhammad Abu al-Futuḥ al-Bayānūnī, Dr. : *Al-‘Ibadah* (Qāherah : Dār al-Salām, 1984), hal. 15-16.

<sup>264</sup> Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi : *Al-‘Ibādah fi al-Islām* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1985), hal. 27.

dalam kehidupan di dunia, mereka tidak menghalang pelaksanaan segenap bentuk ibadat seperti solat, puasa zakat dan haji, akan tetapi ia tidak termasuk dalam agenda hidup mereka<sup>265</sup>.

Ibadat adalah antara nilai Islam yang amat penting sekali kerana ia memainkan peranan yang berkesan untuk membina keperibadian dan memajukan masyarakat. Ia merupakan pelan induk yang mengikat antara hamba dengan Tuhan yang mengawal manusia agar tidak terlepas daripada aqidahnya. Aqidah pula merupakan ikatan hati dan perasaan manusia kepada Allah, manakala ibadat pula mengambil berat tentang gerak langkah manusia bagi ikatan tersebut supaya pertaliannya selalu rapat serta teguh dengan Allah. Ibadat dalam Islam ialah merupakan pertalian terus menerus antara hamba dengan Allah tanpa perantaraan sama ada orang biasa dan golongan ulama', dalam hubungan ini seseorang manusia pada masa menyembah Allah bebas daripada sebarang perantara atau wāsiṭah dan tempat kerana semua tempat yang suci di bumi boleh digunakan untuk melakukan ibadat kepada Allah SWT<sup>266</sup>.

Ibadat ibarat pelaksanaan semaksimum ketaatan kepada Allah SWT dengan segenap panca indera yang mampu membentuk keperibadian muslim yang tenang dalam menjalani hidup dalam apa jua keadaan, sama ada susah, senang, getir tetap melakukan dengan sepenuh pendengaran dan ketaatan dalam erti kata lain melaksanakan segenap perintah Allah dan meninggalkan segenap

---

<sup>265</sup> Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi : *Al-Islām wa al-‘Ilmāniyyah Wajhan li Wajhin* (Qāherah : Dār al-Šohwah, 1987), hal. 112.

<sup>266</sup> Prof. Dr. Haron Din : *Manusia Dan Islam* (Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd., 1988), hal. 107.

larangan dan tegahan Allah yang tersirat dalam surah al-Fātiḥah ; kepada Engkau kami sembah dan kepada Engkau kami minta pertolongan<sup>267</sup>.

Di antara manhaj Islam yang terunggul sekali adalah ‘Ibadat’ yang bukan hanya terbatas kepada ibadat solat, puasa, zakat dan haji semata-mata, malah merangkumi segenap kehidupan seorang individu muslim adalah dengan menjalani urusan kehidupan dunia dengan menghubungkan diri kepada Allah SWT Tuhan yang selayaknya untuk disembah. Ini kerana rangkaian ibadat yang terdiri daripada rukun-rukun Islam yang lima seperti mengucap dua kalimah syahadah, solat, puasa, zakat dan haji hanya merupakan kunci segala ibadat yang lain seperti bekerja dalam segenap bentuknya begitu juga dengan berfikir pada perkara-perkara yang secara langsung berkaitan dengan ketuhanan Allah, ia juga dikira sebagai ibadat apabila Allah menjadi matlamat dalam sesuatu usaha atau pekerjaan itu<sup>268</sup>.

Ibadat bermaksud patuh dan taat kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya serta menjauhi/meninggalkan segala larangan dan tegahan-Nya, atau dengan kata lain menjalankan segenap perkara yang ditaklifkan Allah kepada manusia yang disertai dengan niat tertentu, ibadat yang terpenting dalam Islam adalah solat, puasa, zakat dan haji, di mana muslim tidak dibebankan untuk memahami segenap rahsia dan tujuan pelaksanaan ibadat-

---

<sup>267</sup> Dr. Muhammad Sa’id Ramadan al-Būṭī : ‘Ala Ṭorīq al-‘Audah Ila al-Islām (Beirut : Muassasat al-Risālah, 1985), hal. 70-71.

<sup>268</sup> Muhammad Qutb : *Manhaj al-Tarbiyah al-Islāmiyyah* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 1981), 1 : 34

ibadat tersebut, dia hanya perlu melakukannya atas perintah Allah dengan ikhlas dan yakin sepenuhnya<sup>269</sup>.

Seorang muslim meyakini dengan sepenuh kepercayaan kepada ketuhanan Allah iaitu Tuhan yang menjadikan segenap alam yang tiada tuhan selain-Nya menyertai dalam misi penciptaan segala makhluk yang ada, namun Allah sebagai Tuhan kepada segala yang ada ini telah mengkhususkan kepada hamba-hambaNya keperluan untuk beribadat kepada-Nya, maka Dia lah tempat untuk hamba meminta, mengadu, minta pertolongan yang pasti Dia akan menolong dan tidak akan menghampakannya. Dia lah juga tempat hamba-nya meluahkan rasa hati dari dengan sepenuh sifat takut, mengharap, mencintai, mengagungkan-Nya serta bertawakal kepada-Nya, di samping pelaksanaan amal-amal zahir dalam bentuk solat, puasa, zakat, haji, berjihad dan lain-lain yang merupakan intipati ibadat terpenting dalam ajaran Islam<sup>270</sup>.

Bagi ‘Afif ‘Abd al-Fattāḥ al-Tobbārah menjelaskan, bahawa ibadat adalah suatu bentuk hubungan antara roh (manusia) dengan kuasa yang tersembunyi (Allah) yang tunduk kepada-Nya. Umpama dalam solat, ia adalah bentuk amalan agama yang sebenarnya, di mana masyarakat manusia amat berhajat kepada kekuatan rohaninya yang berterusan bagi menjelmakan hubungan dengan kuasa tersembunyi itu iaitu Allah SWT. Jika gagal meneruskan

<sup>269</sup> Al-Azhar : *Bayān li al-Nās Min al-Azhar al-Syarīf* (Qāherah : Maṭba’ah al-Azhar, 1988) 2 : 182.

<sup>270</sup> Abu Bakr al-Jazāīri, Syeikh : *Minhāj al-Muslim* (Qāherah : Dār al-Kutub al-Salafiah, 1986), hal. 53.

hubungan itu, maka manusia akan menjadi liar, sering berputus asa dalam hidup kerana tersisihnya kekuatan rohani<sup>271</sup>.

Sesungguhnya pelaksanaan ibadat mempunyai kesan yang intim dalam mendidik ummah, dengannya ummah akan menjadi pelindung kepada aqidah, amanah dalam menjalankan tugas Islam, sekali gus akan menjadikannya kuat, merendah diri dan saling kasih mengasihi antara sesama mereka. Gambaran yang jelas terpancar pada pelaksanaan ibadat solat seorang muslim, ketika dia mendirikan solat dengan membaca intipati surah al-Fatihah ; ‘*kepada Engkau kami sembah dan kepada Engkau kami minta pertolongan*’, jelas di hadapan Allah hamba-Nya yang muslim itu menyatakan rasa rendah diri kepada Allah, semakin mengharap dengan pertolongan-Nya agar menjadikannya kuat dengan kekuatan Allah SWT. Begitulah juga dengan pelaksanaan ibadat-ibadat utama yang lain seperti puasa, zakat, haji yang sememangnya meninggalkan kesan positif dalam diri muslim yang tunduk kepada Allah SWT<sup>272</sup>.

Dengan kekuatan yang lahir dari pelaksanaan ibadat itu, akan menjadikan muslim itu sebagai teladan (role model) dalam hidupnya sebagai muslim yang terbaik, ia berdasarkan kepada satu riwayat yang sohibh daripada al-Bukhari dan Muslim daripada al-Mughirah bin Syu’bah r.a. berkata : Bahawa Rasulullah s.a.w. melakukan solat malam hingga bengkak kedua tumitnya, apabila baginda ditanya, tidakkah Allah telah mengampunkan dosa kamu yang

---

<sup>271</sup> Syeikh ‘Afīf ‘Abd al-Fattāḥ at-Ṭobbārah : *Rūh al-Dīn al-Islāmi* (Beirut : Dār al-‘Ilm Li al-Malāyīn, 1983), hal. 241.

<sup>272</sup> Muṣṭafa al-Sibā’ie, Dr. : *Aḥkām al-Ṣiyām wa Falsafatuhu fī Daw’ al-Qurān wa al-Sunnah* (Beirut : Al-Maktab al-Islāmi, 1983), hal. 67.

telah lalu dan yang akan datang? Baginda menjawab : “Tidakkah boleh Aku menjadi hamba yang bersyukur<sup>273</sup>. ”

Ibadat yang ikhlas dilakukan oleh seorang hamba yang mengharapkan ehsan Allah, akan sentiasa mengelak dari menggarapkan balasan. Kerana tidak mustahil apabila kita melakukan sesuatu kemudian mengharapkan balasan, ini sememangnya biasa terjadi pada zaman sekarang memandangkan segala-galanya memerlukan wang, tetapi bagaimana jika dalam beribadat pun kita mengharapkan balasan?. Seseorang yang bertaqwa dan beriman tidak akan mengharapkan apa-apa balasan apabila melakukan ibadat kerana tahu setiap amalan yang baik akan tetap menerima ganjaran tanpa perlu kita meminta-minta. Berlainan dengan orang yang sompong dan bongkak, mereka tetap mengharapkan balasan atau ganjaran daripada pelaksanaan ibadatnya<sup>274</sup>.

Daripada penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa setiap insan yang ingin membangunkan dirinya sendiri, sentiasa perlu memastikan segala amal perbuatannya dalam rutin harian hidupnya adalah berpaksikan kepada aspek ibadat kepada Allah SWT, secara langsung atau tidak akan berusaha menjadikan pembangunan insan tercapai serta berada dalam kerangka ibadah yang betul agar diganjari pahala serta sentiasa berada di bawah naungan Maha Pencipta, ia memperlihatkan bahawa indah sungguh Syariat Islam terutama yang membabitkan aspek ibadat yang wajib dilaksanakan.

---

<sup>273</sup> Dr. ‘Abd Allah Nāṣīḥ ‘Ulwān : *Tarbiyah al-Aulād fi al-Islām* (Qāherah : Dār al-Salām, 1985), 2 : 610.

<sup>274</sup> Muhammad Nasruddin Dasuki : *100 Pesanan Terakhir Rasulullah* (Kuala Lumpur : Karya Bestari Sdn. Bhd (Grup Buku Karangkraf, 2013), hal. 309.

### **3.9.3. Memelihara Tubuh Badan**

Dalam perkara yang bersangkutan dengan kesihatan tubuh badan, Hasan al-Banna ada menegaskan :

“Hendaklah muslim bersegera dalam melakukan pemeriksaan kesihatan dan selalu merawatnya dari sebarang penyakit, ini kerana kesihatan menjadi penyebab kepada kekuatan jasmani dan cuba elakkan diri dari terjebak kepada faktor kelemahan<sup>275</sup>. ”

Islam mengajar umat agar peka dan sentiasa menjaga kesihatan tubuh badan, kerana dengan tubuh badan yang sihat, segenap aktiviti hidup harian insan dapat dilakukan dengan sebaik mungkin, ini adalah hakikat dalam kehidupan insan, jika terdapat seorang individu sakit seperti sakit jantung, menghidap kencing manis, gout, dialisis dan seumpamanya, kita akan dapat saksikan bagaimana aktiviti individu terbabit terbatas, ia agak menyukarkan proses pembangunan insan secara mutlak. Justeru, Hasan al-Banna telah meletakkan salah satu unsur pembangunan insan ialah memiliki tubuh badan yang sihat, kenyataan beliau itu benar-benar menepati masa dan keadaan ummah pada hari ini yang menghidap pelbagai penyakit akibat kegagalan menjaga kesihatan yang sepatutnya dilakukan.

Sehubungan itu, menurut Syeikh al-Islām Ahmad bin Taimiyah (Ibn Taimiyah), individu muslim adalah diarah agar sentiasa memelihara agama dan berpegang kepadanya serta mengamalkan segenap ajarannya, para ulama' dan mereka yang bertanggungjawab dalam urusan umat Islam mesti berperanan

---

<sup>275</sup> Hasan al-Banna : *Majmū’ah al-Rasā'il*, hal. 277.

menyampaikan kesedaran ini kepada ummah dengan bersungguh-sungguh dalam apa jua medium yang boleh menyampaikan matlamat itu, antaranya memberitahu segala jenis perkara yang memudaratkan kesihatan dan penyebab kepada hilangnya daya berfikir dan kemerosotan kesihatan tubuh badan, dengan mendidik ummah agar sentiasa peka terhadap kesihatan, kerana dengannya seseorang itu mampu melaksanakan kewajipan keagamaan terhadap Allah dengan sebaik-baiknya<sup>276</sup>.

Menurut Mohammad Āli Ṭoha, bagi meningkatkan kesihatan dan cuba mengelak dari ditimpa penyakit, kita perlu menjaga aspek pemakanan, iaitu makanan yang kita makan wajar halal, mencukupi dan beraneka ragam. Namun begitu untuk merawat penyakit, penyusunan semula pemakanan tidak mencukupi, ubat juga perlu diambil, maka berubatlah dengan menggunakan bahan dan cara yang halal<sup>277</sup>.

Miqdad Yaljan berpendapat, seseorang itu mampu mencapai atau mendapatkan kesihatan yang baik buat dirinya, apabila merasakan kebaikan dan positif dalam hidup, dengan cara ini dia akan mampu meraih kesihatan akal fikirannya, jiwanya, rohaninya dan segenap anggota tubuh badannya. Cara bagi menghindarkan penyakit yang boleh menjejas kesihatan adalah dengan menjauhkan segala bahan-bahan mudarat seperti arak, dadah dan segala jenisnya termasuk apa sahaja bahan yang tidak baik buat kesihatan, jika niat serta

---

<sup>276</sup> Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah ed. Abu al-Majd Ahmad Hark : *Fatāwā al-Khamr wa al-Mukhaddarāt* (Qāherah : Dār al-Basyīr, 1985), hal. 9-10.

<sup>277</sup> Mohammad Ali Toha, Dr. : *365 Tip Sihat Gaya Rasulullah* (Kuala Lumpur : PTS Millennia Sdn. Bhd, 2010), hal. 43.

matlamat hidup seseorang individu muslim itu baik, maka dia akan mengecapi kebaikan dan kesihatan yang dihajati dalam hidupnya<sup>278</sup>.

Dalam Islam, kesihatan seorang bayi bermula dari penyusuan susu ibu dalam tempoh dua tahun sejak dilahirkan. Perkara ini telah sabit dalam kajian mengenai kesihatan dan psikologi terhadap bayi yang disusu. Ia berdasarkan kepada firman Allah:

وَالْوَالِدَاتُ يُرِضِّعْنَ أُولَادَهُنَّ حَوَّاينَ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّمَ  
الرَّضَاعَةُ وَعَلَى الْمُوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَفَّفُ  
نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَلِدَةٌ بِوْلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوْلَدِهِ  
وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضِ مِنْهُمَا وَتَشَاءُرٍ  
فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرِضُوا أُولَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ  
عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا أَتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا  
تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Al-Baqarah : 2 : 233

Terjemahannya : “Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap Iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada). kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya), dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut,

<sup>278</sup> Miqdad Yaljan, Dr. : *Toriq al-Sa'adah* (Qaherah : Dar al-Sofwah, 1987), hal. 23.

dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan<sup>279</sup>.”

‘Abd Allah Naṣīḥ ‘Ulwān berpendapat, bahawa menjadi tanggungjawab ke atas segenap ibu bapa dan mereka yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat, memberi penekanan mengenai penjagaan kesihatan, agar anak-anak atau masyarakat mendapat kesihatan yang baik, dengannya mereka akan dapat menjalankan segala aktiviti harian dengan cergas, dengan cara mengikut kaedah pemakanan yang betul termasuk aspek ke tempat tidur, ia berdasarkan ajaran Nabi Muhammad s.a.w. yang menekankan aspek pemakanan yang betul dengan tidak memakan makanan yang tidak sihat atau berlebihan, makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang, ini kerana kaedah pemakanan yang dianjurkan nabi itu mestilah satu pertiga untuk makanan, satu pertiga untuk minuman dan satu pertiga untuk pernafasan, malah cara minum pun telah ditunjukkan oleh baginda Nabi dengan dua atau tiga kali teguk dan bukan sekali teguk air seperti cara untuk minum, ini termasuklah cara tidur dengan meletakkan lambung kanan terlebih dahulu, sebab tidur dengan lambung kiri akan memudaratkan hati insan<sup>280</sup>.

Menurut Ann Wan Seng, terdapat banyak penjelasan al-Quran dan hadīth Rasulullah s.a.w. mengenai seruan hidup untuk sihat meliputi tiga perkara:

- i- Melakukan perkara-perkara yang berguna untuk kesihatan.

<sup>279</sup> Mahmoud Muhammad ‘Ammarah, Dr. : *Tarbiyah al-Aulad fi Zil al-Islam* (Qaherah : Dar al-Turath al-‘Arabi, 1984), hal. 105.

<sup>280</sup> ‘Abd Allah Nasīḥ ‘Ulwān, Dr. : *Tarbiyah al-Aulād fi al-Islām* (Qāherah : Dār al-Salām, 1985) 1 : 213.

- ii- Menghindari perkara-perkara yang membahayakan kesihatan.
- iii- Melakukan perkara-perkara yang dapat menghilangkan penyakit yang dideritai.

Dengan tubuh badan yang sihat dan ketahanan fizikal yang mantap, seseorang dapat menunaikan hak Tuhannya dengan fokus beribadat, hal keluarganya dengan bekerja untuk memberi nafkah keluarga serta jiwa raganya iaitu menghindari tubuh daripada dijangkiti. Ini kerana orang yang sihat dapat fokus untuk beribadat, giat berjihad, berdakwah dan dapat melibatkan diri menyebarkan syiar serta kemajuan umat Islam. Oleh itu, syariat Islam sangat prihatin dalam hal menjaga kesihatan kerana kesihatan fizikal merupakan salah satu elemen asas yang menentukan tegaknya kebenaran dan wujudnya kebaikan insan dalam kehidupan ini<sup>281</sup>.

Kebanyakan daripada penyakit biasa yang dihidapi manusia adalah disebabkan oleh cara hidup yang tidak sihat. Sebahagian daripada penyakit ini ialah serangan jantung, angin ahmar atau tekanan darah tinggi, kencing manis dan beberapa jenis barah yang merbahaya. Dari itu, manusia perlu belajar dengan cara hidup sihat untuk mengurangkan risiko dari menghadapi penyakit-penyakit tersebut, ia boleh dilakukan dengan tidak lagi merokok, mengurangkan berat badan dan tekanan jiwa, rajin bersenam serta membiasakan kaedah pemakanan yang betul<sup>282</sup>.

---

<sup>281</sup> Ann Wan Seng : *Kamu, Apa Yang Kamu Makan – Islam Mengajar Hidup Sihat* (Sg. Buloh, Selangor : Kemilau Publika Sdn. Bhd, November 2012), hal. 2-5.

<sup>282</sup> Risalah yang diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Singapura : *Kesihatan Di Masa Tua* (Singapura : t.t.), hal.10.

Mahmūd Syaltūt menjelaskan, bahawa Islam sentiasa menitik-beratkan aspek kesihatan yang sama penting dengan aspek-aspek yang lain, kerana Islam berdiri teguh atas dasar hukum-hakam yang ada, justeru Islam melihat bahawa secara realiti ilmu pengetahuan tidak akan dapat digarap dengan baik melainkan adanya aspek kesihatan, begitu juga seseorang itu tidak mungkin dapat meraih harta jika tidak sihat kerana tidak mampu untuk bekerja, jihad dalam Islam juga tidak akan dapat direalisasikan melainkan dengannya adanya tubuh badan mujahid yang sihat, maka kesihatan dalam Islam dianggap sebagai modal buat insan, yang menjadi teras kebaikan seseorang itu, inilah yang telah disebutkan banyak kali dalam al-Quran menerusi ayat-ayat yang banyak. Oleh itu, dasar ilmu perubatan yang sampai kepada manusia adalah melalui eksperimen mengenai penjagaan kesihatan dengan menolak sebarang faktor yang melemahkannya dan memelihara insan daripada sebarang perkara yang membahayakan diri dan kesihatannya<sup>283</sup>.

Menurutnya lagi, menjaga kesihatan adalah antara ciri penjagaan dalam Islam yang sentiasa mahu agar insan sihat pada tubuh badannya, pakaian, tempat tinggal malah pada bekas makanan dan minuman pun diambil kira kebersihannya oleh Islam. Ini kerana tanpa kebersihan yang mantap, ia akan meninggalkan kesan buruk kepada kesihatan insan, malah akan merencatkan segenap aktiviti dan rutin hariannya bahkan akan mengganggu kehidupannya<sup>284</sup>.

---

<sup>283</sup> Mahmud Syaltut, Syeikh : *Min Taujīhāt al-Islām* (Qaherah : Dār al-Syurūq, 1987), hal. 176.

<sup>284</sup> Mahmud Syaltut, Syeikh : *Al-Fatawa* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 1983), hal. 86.

Dalam kitab الطُّبُّ التَّبَرِي ada menyebut, bahawa empat perkara yang telah dikenal pasti akan menyebabkan badan manusia menjadi sakit :

- i- Terlalu banyak bercakap kerana ia akan melemah dan melembabkan otak dan menyebabkan uban segera terbit di atas kepala seseorang.
- ii- Terlalu banyak tidur yang akan menyebabkan wajah seseorang akan menjadi kekuning-kuningan, membutakan hati, merabunkan mata menjadikan seseorang itu malas bekerja dan akan menyebabkan badan selalu berpeluh.
- iii- Terlalu banyak makan akan menjadi punca seseorang itu rosaknya gusi, melemahkan badan, mengandungi banyak angin dalam badan yang mengakibatkan kentut secara tidak terkawal dan mengundang pelbagai penyakit kronik.
- iv- Terlalu banyak bersetubuh akan melemahkan saraf dalam badan, menghilangkan tenaga, mengeringkan saluran peluh, menjadikan sendi-sendi tidak kuat<sup>285</sup>.

Daripada penerangan di atas, dapat disimpulkan bahawa aspek tubuh yang sihat merupakan antara langkah positif ke arah merealisasikan pembangunan insan pada diri seseorang, ini kerana dengan memiliki badan yang sihat, seseorang itu akan mampu untuk melaksanakan segenap tanggungjawabnya terhadap Allah, Rasul dan agama dengan sempurna. Justeru, Islam berpendapat bahawa bagi individu yang bermasalah dengan kesihatannya tidak mungkin akan dapat melakukan tanggungjawab tersebut, ini menunjukkan

---

<sup>285</sup> Ibn Qaiyim al-Jawziyyah : *Al-Tib al-Nabawi* (tanpa penerbit dan tarikh).

bahawa tubuh badan yang sihat merupakan keperluan utama untuk melaksanakan aktiviti pembangunan insan.

### **3.9.4. Sentiasa Memelihara Akhlak Terpuji**

Hasan al-Banna sering mengingatkan umat Islam agar sentiasa berakhhlak mulia, bukan sahaja terhadap sesama manusia, juga terhadap haiwan dengan kata-katanya :

“Hendaklah anda menjadi seorang yang berakhhlak tinggi dan mulia dengan memilik hati yang penyayang yang suka memaaafkan orang lain, ia tidak hanya kepada manusia, malah terhadap haiwan, memiliki budi bahasa yang mulia ketika bersama masyarakat, sentiasa memelihara adab-adab Islam, menyayangi yang lebih muda dan menghormati yang lebih tua, elak diri dari terlibat dalam perkara mengumpat dan mengadu domba, meminta izin dalam sesuatu majlis untuk masuk dan beredar.<sup>286,,</sup>

Imam al-Ghazali dalam menyentuh mengenai akhlak beliau menyatakan, bahawa Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang paling banyak merendahkan diri dan banyak memohon kepada Allah SWT agar Dia memperhiaskan dirinya dengan kebaikan budi pekerti dan akhlak yang mulia, ini jelas dalam satu doa baginda menyebut :

اللَّهُمَّ حَسْنُ خَلْقِي وَخُلُقِي

---

<sup>286</sup> Hasan al-Banna : *Majmū'ah al-Rasā'il*, hal. 278.

Terjemahan : Ya Allah, perbaikkanlah ciptaanku dan perilakuku. (HR Ahmad dan Ibn Hibban dari Ibn Mas'ud r.a. dengan darjat hadīth yang sohibh.

Kesan daripada doa-doa baginda, maka Allah SWT menjadikannya seorang insan yang terangkum di dalam hatinya sifat-sifat dan akhlak terpuji seperti berikut :

- i- Sentiasa berlaku adil, ihsan, berlaku baik terhadap kaum kerabat serta menyanggah yang keji dan mungkar.
- ii- Sentiasa bersikap sabar.
- iii- Tidak menyombong diri terhadap orang lain seperti terdapat dalam ayat 18 surah Luqmān.
- iv- Menyembunyikan perasaan marah dan memaafkan orang lain seperti dalam ayat 134 surah Āli 'Imrān.
- v- Menjauhi sanggaan buruk seperti dalam ayat 12 surah al-Hujurāt.

Sesungguhnya contoh-contoh kebaikan yang ada pada diri Rasulullah s.a.w. tidak terhenti hanya yang terdapat pada ayat-ayat tersebut di atas, akan tetapi baginda adalah insan istimewa pilihan Allah yang mendapat didikan tarbiyah secara langsung. Akhlaknya itu menyinari segenap makhluk kerana baginda ditarbiyah dengan al-Quran yang menjadi pedoman sepanjang zaman<sup>287</sup>.

Dalam kesempatan yang lain beliau menegaskan bahawa akhlak yang baik merupakan ciri-ciri sifat khusus umat Nabi Muhammad s.a.w. dalam kalangan Siddīqīn, ia juga merupakan pencapaian terhadap sebahagian urusan agama ini yang menjadi amalan mujahadah golongan muttaqin dan merupakan

---

<sup>287</sup> Op.cit \_\_\_\_al-Ghazali, hal. 2 : 229-230.

latihan harian golongan ahli ibadah, adapun akhlak yang buruk itu pula adalah racun pembunuhan kepada diri seseorang dan pemusnah segala kebaikan yang mengakibatkan seseorang itu jauh dari Tuhannya<sup>288</sup>.

Ibn Qaiyim pula menjelaskan bahawa jalan menuju akhlak yang baik sentiasa berlaku terhadap orang ramai. Tetapi ia masih mampu diterjah oleh individu yang menjadikan akhlak Rasulullah s.a.w. Di mana akhlak yang terbit dari Rasulullah s.a.w. berpaksikan dua sumber kebenaran iaitu al-Quran dan hadīth (sunnah). Justeru mana-mana individu yang tidak memelihara adab-adab serta intipati al-Quran dan mempelajari hadīth, maka ia tidak dikatakan menurut jalan yang sebenar, kerana jalan menuju akhlak itu terikat pada perjanjian al-Quran dan hadīth. Ia juga tidak akan menemui akhlak yang jitu melainkan dengan ilmu yang sebenar dan amal yang istiqamah<sup>289</sup>.

Sementara Syeikh Muhammad ‘Abduh pula berpendapat, sesungguhnya manusia itu tidak akan sempurna kemanusiaannya melainkan wujudnya proses tarbiyah diri dengan akhlak. Ini kerana jika manusia itu tidak ditarbiyah, maka hilanglah segala-gala daripada dirinya, oleh itu berlakulah tindakan curang pada diri dan tidak berlaku adil pada sesiapa, justeru tarbiyah melalui akhlak terpuji menjamin kesempurnaan diri manusia<sup>290</sup>.

Islam melihat aspek akhlak adalah antara instrumen penting dalam menjana pembangunan insan, malah ia dianggap penting seiring dengan

---

<sup>288</sup> Ibid \_\_\_\_\_ Imam al-Ghazali, 3 : 350.

<sup>289</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Ibn Qaiyim, 2 : 104-105.

<sup>290</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Syeikh Muhammad ‘Abduh, 1 : 154.

kepentingan aqidah dalam diri seseorang muslim. Sehubungan itu, Rasulullah s.a.w. ada menegaskan dalam sebuah hadith :

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَخْسَنُهُمْ خُلُقًا.

Terjemahannya : “Paling sempurna iman seseorang mu’min itu adalah yang paling baik akhlaknya”<sup>291</sup>.

Menurut Syeikh al-Munāwī dalam menghuraikan maksud hadīth di atas, bahawa agama Islam terbina atas aspek akhlak mulia dan tidak sempurna Islam melainkan dengan adanya dua prinsip berkenaan, iaitu iman dan akhlak. Ia juga menunjukkan bahawa akhlak yang mulia adalah cabang daripada iman, justeru akhlaklah yang memperkasakan keimanan yang ada dalam diri seseorang muslim<sup>292</sup>.

Akhlak merupakan cabang daripada disiplin ilmu dalam Islam yang memberi fokus kepada segenap perkara yang baik-baik atau sebaliknya, yang dikatakan perkara yang baik-baik ialah sifat terpuji lagi mulia yang semestinya menjadi pakaian harian kepada individu muslim seperti jujur, amanah, saksama dan lain-lain, sementara perkara yang tidak baik ialah sifat keji yang dicemuh agama dan manusia seperti berbuat zalim, suka menabur fitnah, merendahkan kedudukan orang dan seumpamanya<sup>293</sup>.

<sup>291</sup> Hadis riwayat Imam Ahmad, Abu Daud, Ibn Hibban dan al-Hakim daripada Abu Hurairah dipetik dari kitab susunan al-‘Allamah al-Munawwi : *Faṣl al-Qadīr Syarḥ al-Jāmi’ al-Ṣoghrī* (Beirut : Dār al-Ma’rifah, 1972) 2 : 97.

<sup>292</sup> Ibid.

<sup>293</sup> ‘Ali Ma’bad Farghali, Dr. : *Al-Akhlaq al-Islamiyyah wa al-Insaniyyah* (Qāherah : Dār al-Kitāb al-Jāmi’ī, 1985), hal. 7.

Kamus Pelajar ada menjelaskan bahawa kedua-dua perkataan adab dan akhlak merupakan sinonim yang dertiakan sebagai budi pekerti yang halus, tingkah laku atau kelakuan yang baik, berbudi bahasa, bermoral atau tabiat yang baik<sup>294</sup>.

Abdul Basit Abd. Rahman berpendapat, antara keindahan agama Islam yang suci ini ialah ajarannya merangkumi semua seruan kepada akhlak yang mulia, sangat mengambil berat tentang adab-adab yang murni dan memberi amaran kepada pengikutnya daripada akhlak yang sebaliknya seperti melakukan perbuatan yang buruk dan kelakuan yang dicela. Ia adalah agama yang lengkap dengan semua perkara yang dipuji oleh syarak dan akal, merangkumi semua maslahat, kebaikan dan manfaat untuk individu dan masyarakat, serta mengambil kira semua perkara yang menjamin kehidupan yang baik kepada penganutnya yang beramal dan komited dengan hukum hakamnya<sup>295</sup>.

Yusuf al-Qaradāwī berpendapat, bahawa antara elemen terpenting dalam tarbiyah al-Ikhwan al-Muslimun ialah aspek kejiwaan dan akhlak, mereka amat menitik-beratkan elemen tersebut dan menganggapnya sebagai anak tangga pertama bagi merubah serta membangun masyarakat, inilah yang disebut sebagai ‘tongkat perubahan’ menurut Imam Hasan al-Banna sebagai alat yang mampu mengawal arah perjalanan sesebuah kenderaan dari menuju ke arah lain<sup>296</sup>.

---

<sup>294</sup> Kamus Pelajar Terbitan Khas KBSM (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 2006), hal. 3 & 8, entri adab & akhlak.

<sup>295</sup> Abdul Basit Abd. Rahman, Dr. : *Keindahan Islam Hikmah-Hikmah Di Sebalik Pensyariatan* (Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd, 2012), hal. 273.

<sup>296</sup> Yusuf al-Qaradawi : *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Madrasah Hasan al-Banna* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1982), hal. 30.

Menurut ‘Ali Jarisyah, elemen akhlak tidak menjadi agenda penting dan utama dalam masyarakat hari ini, melainkan ia boleh membawa keuntungan besar dengan pulangan kebendaan yang menakjubkan. Sedangkan kemunculan Islam sejak di zaman Rasulullah lagi yang menjadi pemimpin ummah telah membuktikan sebahagian besar pendekatan tarbiyah Islam berteraskan persoalan aqidah dan akhlak, benarlah kenyataan Allah dalam al-Quran :

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Surah al-Qalam 68 : 4

Terjemahan : “Dan bahawa sesungguhnya Engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia.”

Sesungguhnya akhlak Rasulullah s.a.w. merupakan terjemahan secara praktikal terhadap intipati al-Quran, inilah yang dikatakan oleh Aisyah bahawa akhlak Rasulullah itu adalah al-Quran, yang dipusakakan pula kepada umatnya, maka jadilah mereka generasi yang berakhhlak mulia hingga bersifat mulia walaupun ketika menghadapi musuh dalam perang, maka ada dalam kalangan musuh tertarik dengan sikap yang dimiliki para sahabat hinggakan ada yang memeluk Islam dan dijadikan sebagai pakaian harian termasuk dalam urusan perniagaan, akhlak mempunyai hubungan intim dengan aqidah, kerana aqidah adalah ilmu bersangkutan dengan hati sedangkan akhlak pula terjemahan dengan penuh yakin apa yang ada di dalam hati. Antara sifat akhlak utama yang ditik-beratkan Islam adalah tunai janji, amanah, benar dan seumpamanya<sup>297</sup>.

<sup>297</sup> ‘Ali Muhammad Jarisyah, Dr. : *Al-Masyrū’ah al-Islamiyyah al-‘Ulyā* (Qāherah : Dār al-Wafā’, 1986), hal. 59-61.

Nik Abdul Aziz Nik Mat berpendapat, akhlak ataupun moral sangat penting untuk diterapkan dalam diri anak-anak. Akhlak yang dimaksudkan di sini adalah akhlak yang berkait rapat dengan apa yang diajarkan oleh Islam, bukan semata-mata perbuatan baik yang lazimnya dilakukan oleh masyarakat. Maksudnya, setiap perbuatan baik yang dilakukan mesti selari dengan ajaran Islam itu sendiri. Ini penting demi mendapatkan keredaan Allah SWT. Sebagai contoh, seorang pedagang perlu bersikap jujur ketika berurus niaga. Dia perlu jujur kerana perbuatan ini adalah perintah Allah, tidak kira sama ada sikapnya diketahui oleh masyarakat ataupun tidak. Sekiranya dia jujur semata-mata mahukan supaya hasil dagangannya laris, dia hanya akan mendapat apa yang dia idamkan, iaitu supaya hasil dagangannya laris, tetapi di sisi Allah SWT dia tidak mendapat apa-apa<sup>298</sup>.

‘Afif ‘Abd al-Fattah menegaskan, bahawa akhlak adalah elemen terpenting bagi memelihara kesinambungan masyarakat bertamadun, perkara ini telah disepakati oleh kebanyakan penyelidik dan ahli falsafah yang mengatakan bahawa akhlak mampu menjadikan individu insan menjadi baik bahkan masyarakat juga turut berubah dengan kebaikan individu yang berakhhlak. Begitulah juga jika terdapat individu yang rosak akhlaknya, sedikit sebanyak ia akan merencatkan pembangunan insan dalam kelompok masyarakat yang dia hidup di dalamnya<sup>299</sup>.

---

<sup>298</sup> Nik Abdul Aziz Nik Mat, Tuan Guru Dato’ : *Bunga Kebahagiaan* (Sg. Buloh : Kemilau Publika Sdn. Bhd, 2012), hal. 68-69.

<sup>299</sup> ‘Afif ‘Abd al-Fattah Ṭobbārah : *Rūḥ al-Dīn al-Islāmi* (Beirut : Dār al-‘Ilm Li al-Malāyīn, 1983), hal. 203.

Muhammad ‘Abd Allah Darraz menegaskan dalam bukunya, bahawa aspek akhlak yang terdapat dalam al-Quran menerusi ayat yang banyak dan panjang lebar, tidak hanya memfokuskan akhlak secara terasing, malah ia dikaitkan dengan persoalan syariat, kemasyarakatan, keagamaan dalam segenap bentuknya, malah dalam aspek pemikiran pun dikaitkan dengan akhlak hingga ia disifatkan oleh al-Quran sebagai elemen yang mampu untuk menjadi benteng kekuatan Islam<sup>300</sup>.

Syeikh al-Azhar, Mahmud Syaltut mempunyai pandangannya mengenai akhlak, beliau menyebut bahawa sejarah ‘Risalah Islam’ yang dibawa oleh para Anbiya’ dalam segenap zaman yang ditempuh mereka, menunjukkan bahawa kejayaan yang dicapai tidak lain adalah elemen akhlak yang menjadi penentu kepada tugas dan peranan dalam menyampaikan risalah tersebut walaupun mereka terpaksa berhadapan dengan tribulasi yang menjadi salah satu ujian buat mereka. Ia dikuatkan lagi dengan faktor iman yang mentauhidkan Allah SWT serta ibadat yang membezakan antara golongan beriman dan kufur kepada Allah. Maka iman, akhlak dan ibadat menjadi tonggak kekuatan risalah yang dibawa oleh para anbiya’ hingga mampu membentuk jiwa ketahanan yang kuat untuk mengharungi kehidupan yang serba mencabar<sup>301</sup>.

Muhammad Ibrahim Salim dalam menghuraikan persoalan akhlak ini telah menggariskan beberapa contoh pendekatan al-Quran mengenai akhlak

<sup>300</sup> Muhammad ‘Abd Allah Darraz, Dr. : *Dustūr al-Akhlāq fī al-Qurān* (Beirut : Muassasah al-Risālah, 1985), hal. 686.

<sup>301</sup> Mahmud Syaltut, Syeikh : *Al-Islām ‘Aqīdah wa Syarī‘ah* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 1980), hal. 463.

terpuji yang mesti menjadi keutamaan dalam kehidupan umat Islam bagi menjana, menjaya dan melancarkan proses pembangunan insan.

i – Memberi makan anak yatim yang kelaparan dan kaum kerabat yang miskin, hal ini disebut oleh Allah SWT :

أَوْ إِطْعَمُ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْغَبَةٍ ١٤ يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ ١٥ أَوْ مِسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ ١٦

Al-Balad 90 : 14-16

Terjemahan : “Atau memberi makan pada hari kelaparan (14) Kepada anak yatim dari kaum kerabat (15) Atau kepada orang miskin Yang terlantar di atas tanah (16).

ii – Takut hanya kepada Allah SWT yang Mencipta alam semesta dan menjadikan-Nya sebagai Pengawas terhadap segala tindak-tanduk dalam kehidupan harian, sehubungan ini Allah menjelaskan :

إِنْ بَسَطَ إِلَيَّ يَدَكَ لِتَقْتُلَنِي مَا أَنَا بِبَاسِطٍ يَدِي إِلَيْكَ لَا قُتْلَكَ إِنِّي أَخَافُ  
اللهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ

Al-Māidah 5 : 28

Terjemahan : "Demi sesungguhnya! jika Engkau hulurkan tanganmu kepadaKu untuk membunuhku, Aku tidak sekali-kali akan menghulurkan tanganku kepadamu untuk membunuhmu. kerana Sesungguhnya Aku takut kepada Allah, Tuhan Yang mentadbirkan sekalian alam."

iii – Melaksanakan kewajiban dan tanggungjawab sebagai hamba Allah dalam keadaan penuh rasa rendah diri untuk mendapatkan keredaan Allah SWT, perkara ini disebut oleh Allah :

فَسَقَى لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّ إِلَى الظَّلِيلِ فَقَالَ رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ حَيْرٍ فَقِيرٌ ٢٤

Terjemahan : "Maka Musa pun memberi minum kepada binatang-binatang ternak mereka, kemudian ia pergi ke tempat teduh lalu berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, Sesungguhnya aku sangat berhajat kepada sebarang rezeki pemberian yang Engkau berikan."

iv – Menyeru manusia ke jalan Allah (berdakwah), beramal dengan apa yang diseru dan berserah diri hanya untuk Allah (sama ada berjaya atau sebaliknya), hal ini disebut dalam al-Quran

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٢٤﴾

Fuṣṣilat 41 : 33

Terjemahan : "Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!"

v – Menyembunyikan rasa marah dan sentiasa bersikap pemaaf terhadap kesalahan yang dilakukan orang lain, sehubungan ini Allah SWT menjelaskan :

وَالْكَاظِمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ تُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣﴾

Āli 'Imrān 3 : 134

Terjemahan : "Dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik."

vi – Menunaikan nazar serta takut kepada hari akhirat, perkara ini ditegaskan Allah dalam kitab suci-Nya :

يُوفُونَ بِالنَّذْرِ وَخَافُونَ يَوْمًا كَانَ شَرُهُ مُسْتَطِيرًا ﴿٧﴾

Al-Insān 76 : 7

Terjemahan : “(Mereka dikurniakan kesenangan itu kerana) mereka menyempurnakan nazarnya (apatah lagi yang Diwajibkan Tuhan kepadaNya), serta mereka takutkan hari (akhirat) yang azab seksaNya merebak di sana sini.”

vii – Suka bersedekah dengan harta yang disukainya kepada orang yang amat memerlukan bantuan, perkara ini dikhabarkan Allah :

وَإِنَّ الْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينَ

Al-Baqarah 2 : 177

Terjemahan : “Dan seseorang suka menderma hartanya yang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin.”

viii – Cenderung kepada perdamaian apabila diperlukan berbuat demikian, perkara ini dinyatakan oleh Allah :

وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلِيمِ فَاجْنَحْ هُنَّا

Al-Anfāl 8 : 61

Terjemahan : “Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka Engkau juga hendaklah cenderung kepadanya.”

ix – Suka merendah diri seperti orang yang tiada harta, pada hal dia adalah orang kaya yang menunjukkan sikap yang baik pada orang lain serta mengaharapkan kekayaan hanya daripada Allah semata-mata, perkara ini ditegaskan Allah :

بَخَسِبُهُمُ الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنْ أَلْتَعَفُ

Al-Baqarah 2 : 273

Terjemahan : “Mereka disangka sebagai orang kaya oleh orang yang tidak mengetahui halnya, kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta.”

x – Bersabar dalam menempuh dugaan, sama ada dalam keadaan senang atau susah, kerana hal ini dinyatakan oleh Allah :

وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ

Al-Baqarah 2 : 177

Terjemahan : “Dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil.”

xi – Menunaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, perkara ini ditegaskan Allah :

فَلَيُؤْدِي الدِّيْنُ أُوْتُمْنَ أَمْنَتَهُ وَلَيَنْقِذِ اللَّهَ رَبَّهُ

Al-Baqarah 2 : 283

Terjemahan : “Maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadaNya, dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah TuhanNya.”

xii – Dipelihara Allah dari sifat bakhil (kedekut) dan sanggup membelanjakan harta untuk diberikan kepada golongan yang memerlukan, Allah SWT menegaskan :

وَمَنْ يُوقَ شُحًّ نَفْسِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٦٤﴾

Al-Taghabun 64 : 16

Terjemahan : “Sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka mereka lah orang-orang yang berjaya.”

xiii – Bersederhana dalam semua perkara, ini bermakna seseorang itu mampu mengelakkan dirinya dari terlibat pada perkara yang membazir dan boros, ia menepati apa yang difirmankan Allah SWT :

وَالَّذِينَ إِذَا آتَوْا فَقْهُوا لَمْ يُشْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٣٧﴾

Al-Furqān 25 : 67

Terjemahan : “Dan juga mereka (yang direndah Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”

xiv – Membalas kejahatan orang lain dengan kebaikan, perkara ini dijelaskan Allah :

وَيَدْرُءُونَ بِالْحَسَنَةِ أُولَئِكَ هُمُ الْعَاقِبَى الَّذِينَ ﴿١٣﴾

Al-Ra’du 13 : 22

Terjemahan : “Dan mereka pula menolak kejahatan dengan cara yang baik; mereka itu semua disediakan balasan yang sebaik-baiknya pada hari akhirat.”

xv – Berlemah lembut terhadap saudara-saudara seagama dan bertindak tegas terhadap orang-orang Kafir, ia bersesuaian dengan apa yang difirmankan oleh Allah SWT :

أَذِلَّةٌ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ أَعِزَّةٌ عَلَى الْكُفَّارِينَ

Al-Māidah 5 : 54

Terjemahan : “Mereka (orang-orang Islam) bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir.”

xvi – Tidak cenderung atau suka melakukan kerosakan di bumi Allah seperti yang ditegaskan al-Quran :

لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِي الْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا

Al-Qoşaş 28 : 83

Terjemahan : “Orang-orang yang tidak bertujuan hendak mendapat pengaruh atau kelebihan di muka bumi dan tidak ingat hendak melakukan kerosakan<sup>302</sup>. ”

Namun terdapat beberapa persoalan mengenai Islam, aqidah, ibadat dan akhlak yang difahami oleh golongan Sekularisme, mereka berpendapat bahawa tiada sebab bagi mereka untuk membendung atau mengekang semua perkara berkenaan, kerana ia adalah baik buat masyarakat, tetapi apa yang menjadi masalah dalam aspek percampuran bebas atau perlakuan seks secara bebas tidak dilihat sebagai suatu perkara yang menyalahi akhlak itu sendiri, inilah yang membezakan antara tamadun Barat dan Islam yang lebih prihatin dan peka kepada persoalan hubungan kekeluargaan dalam sesebuah rumah tangga yang dibina atas dasar pernikahan yang sah bagi menjaga keturunan, ini tidak dipandang penting oleh Sekularisme, justeru dengan memelihara akhlak, ummah akan lebih meraih kehidupan yang harmonis bagi melancarkan segenap aktiviti dalam kehidupan harian mereka<sup>303</sup>.

Berdasarkan kepada elemen-elemen yang telah disebutkan di atas, pengkaji begitu optimis bahawa dengan kekuatan akhlak yang dipamerkan, ummah ini mampu berdaya saing berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan umat-umat lain di dunia ini dalam mencapai matlamat pembangunan insan yang menepati piawaian al-Quran yang mahukan mereka menjadi sebaik-baik ummah yang boleh memimpin umat lain dalam merealisasikan impian Islam dalam membangun jati diri insan itu sendiri.

---

<sup>302</sup> Syeikh Muhammad Ibrahim Salim : *Minhaj al-Tifl al-Muslim min Taujihat al-Quran al-Karim* (Qaherah : Maktabah al-Quran, 1984), hal. 64-66.

<sup>303</sup> Yusuf al-Qaradawi, Dr. : *Al-Islām wa ‘Ilmāniyyah Wajhan li Wajhin* (Qāherah : Dār al-Sohwah, 1987), hal. 114.

### **3.9.5. Berusaha Menggarap Ilmu**

Hasan al-Banna ketika menyatakan seruan dakwah kepada segenap umat Islam :

“Sesungguhnya dakwah al-Ikhwān al-Muslimūn adalah dakwah dengan prinsip yang kental, ia bukan sahaja dakwah buat umat Arab, akan tetapi kepada segenap manusia di Timur dan Barat, di mana dengan kepelbagaian pendekatan prinsip dan pegangan, akan melahirkan kepelbagaian dalam pemikiran manusia, maka para da’ie perlulah melengkapkan dirinya menjadi golongan ilmuan yang matang dan mantap, dengan ilmu yang ada di dada masing-masing, maka kelancaran dakwah dapat diatasi dan dikemas kini agar dapat menarik lebih ramai lagi di luar sana untuk menyertai<sup>304</sup>.”

Menurut Imam al-Ghazali, sesuatu yang baik tidak perlu dipersulitkan, untuk menzahirkannya tetapi dengan memfungsikan akal dalam menimba sesuatu ilmu. Ini kerana akal adalah sumber pancaran ilmu dan alat pengembangannya. Oleh itu ilmu diibaratkan sebahagian daripada pokok, begitu juga cahaya daripada matahari, pandangan daripada mata, bagaimana mungkin ia terpisah antara satu sama lain, kerana ia adalah sumber kebahagiaan dunia dan akhirat. Sesungguhnya akal itu adalah alat untuk mengesan, merakam dan memahami sesuatu ilmu teori, maka cahaya yang terpancar dalam jiwa manusia seolah-olah menjadi penyebab tersingkap pelbagai jenis ilmu yang membawa kepada kesempurnaan manusia<sup>305</sup>.

---

<sup>304</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Hasan al-Banna, hal. 15.

<sup>305</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Imam al-Ghazali, 2 : 79 dan 81.

Ibn Qaiyim pula ada menyebut, tidak ada sesuatu yang lebih bermanfaat bagi seseorang hamba buat kebahagian hidup dan matinya, melainkan dengan merenungi (tadabbur) intipati al-Quran yang menjurus kepada perhatian mendalam mengenainya. Hal ini sebenarnya terhimpun pada penggarapan ilmu yang menyerlahkan fungsi akal untuk memerhatikan makna setiap ayat yang dibaca. Dengan ayat-ayat itu pula ia memberi pencerahan kepada bacaan jalan petunjuk yang baik dan buruk, yang akhirnya membekas dalam diri kunci kebahagiaan hidup yang selama ini dicari, maka dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat dapat memperkuuh iman dalam hati, tetapi yang lebih penting mampu mengenali Pencipta yang tersedia jalan menuju-Nya<sup>306</sup>.

Syeikh Muhammad ‘Abduh pula menjelaskan bahawa adalah menjadi kewajipan bagi setiap muslim memerdekaan akal pemikiran daripada untaian taqlid buta, ia boleh dilakukan melalui proses penggarapan ilmu yang menjurus kepada pemahaman ilmu agama seperti yang diteladankan oleh golongan salaf daripada umat ini sebelum tercetus revolusi khilaf antara mereka, maka proses memantapkan akal pemikiran perlu dirujuk melalui usaha menggarap ilmu dan makrifat yang mencetuskan kematangan dan ketajaman cara berfikir bagi menyingkap sesuatu kebenaran<sup>307</sup>.

Sesungguhnya Islam amat mementingkan ilmu pengetahuan, ia merupakan asas kepada penerimaan sesuatu amalan yang dilakukan oleh muslim yang beramal ibadat kepada Allah SWT, dengannya juga dapat membezakan

---

<sup>306</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Ibn Qaiyim, 1 : 465-466.

<sup>307</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Syeikh Muhammad ‘Abduh, 1 : 179.

antara yang bijak dan yang dungu, antara kebenaran dan kebatilan. Justeru ayat pertama turun di dalam al-Quran ke atas Nabi Muhammad s.a.w. adalah arahan Allah agar baginda membaca dan yang berkaitan dengannya, kerana membaca adalah jambatan menimba ilmu pengetahuan, kerana tanpa membaca dengan menimba ilmu maka dakwah yang dijalankan oleh baginda s.a.w. pada peringkat awal akan menghadapi kebuntuan. Oleh itu, Rasulullah s.a.w. ada berdoa kepada Allah agar menambahkan ilmu pengetahuan kepadanya sebagai bekalan buat jalan dakwah, Rasulullah berdoa dalam al-Quran maksudnya : “Katakanlah wahai Muhammad! Wahai Tuhanmu tambahkanlah kepadaku ilmu.” Inspirasi daripada surah Toha 20 : 114. Apa yang menjadi masalah, sesetengah muslim beranggapan bahawa bila disebut ilmu hanya dibataskan kepada ilmu agama semata-mata, sedangkan Allah sebut dalam al-Quran ayat 27-28 surah Fathir bahwa yang disebut sebagai ulama’ adalah mereka yang berpengetahuan tinggi dalam bidang kaji bumi bukannya yang mendalami ilmu Syariah atau Usul al-Din, bahkan ulama’ tersebut mempunyai tahap ketakutan terhadap Allah yang sangat tinggi<sup>308</sup>.

Muhammad ‘Ajjāj berpendapat, bahawa ayat pertama turun dalam al-Quran ke atas Nabi Muhammad s.a.w. ialah ayat yang menjelaskan kepentingan menyampaikan risalah dan bertanggungjawab dalam tugas yang diamanahkan Allah, ini kerana ayat ‘Iqra’ adalah kunci untuk tujuan belajar dan menyampaikan apa yang telah dipelajari kepada manusia. Ilmu semakin berkembang dan para sahabat menggarap ilmu daripada Rasulullah, sehingga

---

<sup>308</sup> ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr. : *Al-Qurān fī Syahr al-Qūran* (Qāherah : Dār al-Ma’ārif, 1986), hal. 9-10.

kedudukan mereka semakin mulia di sisi Allah SWT kerana dapat beramal ibadat berdasarkan ilmu, malah mereka juga selepas kewafatan baginda menyampaikannya pula kepada generasi selepas mereka hingga sampai kepada kita pada hari ini dan selepas ini<sup>309</sup>.

Mohd Radhi Ibrahim berpendapat, bahawa setiap pelajar yang belajar, memahami dan menguasai (tafaqquh) ilmu agama perlu mengamalkan ilmu-ilmu tersebut. Ilmu yang tidak diamalkan diibaratkan sebagai pokok yang tiada buah. Iaitu hasil daripada ilmu yang sepatutnya diperolehi oleh pelajar tidak dapat hasilnya kerana tidak diamalkan. Demikian juga kebaikan dan kehebatan ajaran Islam tidak akan terserlah jika tidak diamalkan. Islam hanya tinggal sebagai teori dalam al-Quran dan hadīth serta buku-buku ilmiah. Manakala dari sudut praktikal ia begitu asing dalam kalangan umat Islam melainkan pada ritual ibadah semata-mata. Begitu juga jika penuntut ilmu agama tidak bersungguh-sungguh untuk mengamalkan ilmu yang dipelajari maka siapa lagi yang boleh diharapkan untuk mengamalkan ajaran Islam yang lengkap dan indah ini merangkumi aqidah, syariah dan akhlak. Apa yang penting, terdapat pelbagai cara Allah SWT mengajarkan ilmu kepada manusia, antaranya dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan, tidak lupa dengan ilmu yang diperolehi, juga Allah SWT mungkin membukakan baginya pintu ilmu yang banyak dan berkualiti<sup>310</sup>.

---

<sup>309</sup> Muhammad ‘Ajjāj al-Khatīb, Dr. : *Lamhāt fi al-Maktabah wa al-Buhūth wa al-Masodir* (Beirut : Muassasah al-Risālah, 1983), hal. 17.

<sup>310</sup> Mohd Radhi Ibrahim : *Pembangunan Insaniah Pelajar Muslim* (Nilai Negeri Sembilan : Universiti Sains Islam Malaysia, 2010), hal. 29.

Abdullah Siddik melontarkan pendapatnya mengenai ilmu pengetahuan yang sepatutnya menjadikan umat Islam lebih maju, tetapi apa yang dapat kita lihat adalah sebaliknya. Beliau menegaskan, bahawa kenyataan sejarah telah membuktikan bahawa kemajuan sesebuah bangsa terletak pada kemajuan bangsa itu dalam menggarap ilmu pengetahuan. Sebagai contoh kemajuan yang dicapai oleh negara China dan India di benua Asia, Iran di timur tengah, Perancis, England, Rusia, Jerman di Eropah dan Amerika Syarikat. Di mana ilmu pengetahuan itu timbul adalah atas dasar pengalaman manusia yang didasarkan kepada kecekapan panca indera yang menangkap segenap apa yang disampaikan dan rasio atau pemikiran dan akal manusia. Tegasnya, timbul ilmu pengetahuan itu adalah hasil pemikiran dan penyelidikan sesuatu perkara hingga dapat membongkar rahsia alam yang luas ini. Sejarah juga membuktikan betapa negara-negara yang kebanyakannya dihuni oleh umat Islam menghadapi kemunduran kerana terlalu lama dijajah oleh negara-negara Barat yang maju. Semua elemen sejarah itu diharap dapat membuka mata golongan cerdik pandai Islam agar bangkit mengkaji di mana letaknya kelemahan umat Islam yang sering dikaitkan dengan mundur dan tidak maju<sup>311</sup>.

Abu Bakr Jāber al-Jazāiri memberikan ta’rif ilmu sinonim dengan perkataan ma’rifat dan faham. Ketika menta’rifkan ilmu itu sebagai pencarian maklumat terhadap sesuatu benda atau sifat yang terbahagi kepada dua unsur, iaitu ilmu semula jadi yang tidak perlu kepada berfikir atau merenung perkara yang dikaji seperti benda-benda yang dapat dilihat oleh mata atau dapat dirasai

---

<sup>311</sup> Abdullah Siddik, Dr. : *Intidasar Islam* (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1969), hal. 224-225.

oleh deria daripada lima panca indera manusia seperti penglihatan, pendengaran, sentuhan, rasa dan hidu, sementara ilmu satu lagi dikenali sebagai teori yang tidak perlu kepada kajian dan renungan, ia boleh dicapai dengan hati yang menghendaknya mengkaji mengenai ketuhanan Allah, kerasulan para Anbiya', persoalan syurga dan neraka dan lain-lain. Sementara ma'rifat baginya bermaksud ilmu kerana diambil daripada kata asalnya dalam bahasa Arab 'Arafa bermaksud tahu, begitu juga dengan faham yang dita'rifkannya sebagai berilmu dan mengetahui. Sesungguhnya ilmu mempunyai kedudukan yang agung dalam Islam, kerana dengannya Allah akan meninggikan kedudukan seseorang, daripada seorang yang hina menjadi mulia dan agung, begitulah kedudukan Nabi Adam a.s. yang diangkat kedudukannya di sisi Allah melalui ilmu yang diajarkan Allah kepadanya<sup>312</sup>.

Menurut Zain bin Ibrahim bin Semaiṭ, sesungguhnya ilmu merupakan kebahagiaan manusia di dunia dan akhirat, ia merupakan perkara yang paling agung buat segenap manusia yang mencari Allah SWT, dengannya juga akan mendekatkan hamba kepada TuhanYa dan akan bersama-Nya dalam syurga, kerana sesuatu amalan itu tidak akan sampai kepada Allah melainkan dengan ilmu. Semua anak Adam di muka bumi ini mengetahui bahawa ilmu adalah setinggi-tinggi anugerah Allah kerana menjadi alat untuk mendekati-Nya. Demikian juga ilmu adalah asas utama penerimaan sesuatu amalan dalam ibadat,

---

<sup>312</sup> Abu Bakr Jaber al-Jazairi, Syeikh : *Al-'Ilm wa al-'Ulama'* (Qaherah : Dar al-Kutub al-Salafiah, 1983), hal. 11-13.

ia juga sumber kepada segenap bentuk kebaikan sepetimana jahil adalah sumber kepada segenap kejahanan dan punca turunnya bala dari Allah<sup>313</sup>.

‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan berpendapat, bahawa ilmu dalam agama-agama Samawi (langit) telah merintis jalan untuk manusia menuju tamadun dan kemajuan hingga dapat mengenali dan mengetahui kebenaran alam ciptaan Allah dan kehidupan di dunia ini. Justeru Allah SWT telah meninggikan kedudukan ilmu, memuliakan aspek pembacaan dan pena untuk tujuan pembelajaran yang kesemuanya terangkum dalam ayat pertama ‘Iqra’. Oleh sebab itu, ilmu menjadi mulia kerana Allah hubung kaitkan iman dengan ilmu hingga dengannya para ulama’ berada pada posisi yang tinggi dibandingkan dengan selain mereka, Allah berfirman :

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا  
تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Al-Mujādilah 58 : 11

Terjemahan : “Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) dengan beberapa darjat, dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.” Menurut Ibn Kathīr, ayat di atas bermaksud bahawa Allah SWT telah menjadikan waktu siang dengan terang benderang agar ia menjadi satu masa yang sesuai bagi manusia berusaha bagi memantapkan urusan hidup seperti melakukan perniagaan dan lain-lain<sup>314</sup>.

Rasulullah s.a.w. juga telah menjadikan kedudukan orang yang menuntut ilmu setanding dengan para mujahidin di medan jihad menegakkan

<sup>313</sup> Zain bin Ibrahim bin Semait Ba’lawi al-Husaini, Al-‘Allamah al-Habib : *Al-Manhaj al-Sāwi* Syarh Uṣūl Ṭorīqah al-Sādah Ali Ba’lawi (Hadramaut : Dār al-‘Ilm wa al-Da’wah, 2008), hal. 69- 70.

<sup>314</sup> Muhammad ‘Ali al-Sobuni : *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir* (Beirut : Dar al-Quran al-Karim, 1396H), 3 : 590.

agama Allah dengan diganjari pahala yang besar, ini dijelaskan oleh Rasulullah dalam sebuah hadith :

"مَنْ خَرَجَ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَتَّىٰ يَرْجِعَ.

Terjemahan : Sesiapa yang keluar pada urusan untuk menunut ilmu, maka baginya (pahala) orang yang berjihad pada jalan Allah sehingga dia kembali (ke rumahnya)<sup>315</sup>.

Ilmu di dalam ajaran Islam meliputi semua ilmu yang bermanfaat sama ada ilmu yang bersifat keagamaan, keduniaan, teori, atau eksperimen, Farḍu ‘Aīn mahupun Farḍu Kifāyah adalah sama di sisi Allah SWT<sup>316</sup>.

Ahmad Tarmizi Talib ada menyebut, bahawa ilmu atau pendidikan yang dikehendaki oleh Islam ialah satu proses latihan aqliah, jasmaniah, rohaniah dan ijtimā’iah (kemasyarakatan) serta akhlaqiah manusia, berdasarkan nilai-nilai Islam (aksiologi Islam) yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah bagi melahirkan manusia yang sempurna dan bertaqwa. Ia juga bermatlamat untuk melahirkan individu yang serba lengkap sama ada dari segi rohani dan jasmani mahupun dari segi material atau social bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan selepas mati. Ia bertujuan membentuk serta mengambangkan aspek-aspek kesempurnaan manusia yang mencakupi fizikal, rohani, mental dan sosial menurut pembentukan ‘Rabbani’ bagi melahirkan insan kamil dan individu yang bertaqwa<sup>317</sup>.

<sup>315</sup> Hadith sohih riwayat Imam at-Tirmidzi daripada Anas bin Malik dalam kitab *Faid al-Qodīr Syarḥ al-Jāmi’ al-Ṣoghīr* oleh ‘Allamah al-Munawwi : (Beirut : Dar al-Ma’rifah, 1972), 6 : 124.

<sup>316</sup> ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan, Dr. : *Ma’alim al-Hadarah fi al-Islam* (Qaherah : Dar al-Salam, 1984), hal. 13.

<sup>317</sup> Ahmad Tarmizi Talib, “Pendidikan” dalam *Tamadun Islam* (Serdang : Universiti Putra Malaysia, 1997), hal. 55-56.

Menurut Hasan Ayub, ilmu adalah alat terpenting bagi individu muslim untuk menjalankan kegiatan da'wah atau Amar Ma'ruf Nahi Munkar, dengan ilmulah dia mengetahui kedudukan maklumat yang disampaikan dan mahu menghindari dari khilaf sesama anggota ummah, malah ia mampu menjadikan seorang da'i memiliki sifat wara' dan akhlak yang terpuji yang mampu mencairkan golongan sasaran ketika berhadapan dengan mereka<sup>318</sup>.

Mahmud Syaltut ada pandangannya tersendiri mengenai ilmu, di mana belian menekankan bahawa generasi pertama di zaman Rasulullah s.a.w. adalah golongan yang tahu mengenai wahyu al-Quran dalam segenap pendekatannya, mereka juga tahu akan nilai ilmu dan kedudukannya dalam menjana kebahagiaan manusia, walaupun mereka pada awalnya golongan yang tidak tahu membaca dan menulis, namun mereka mampu melenyapkan sikap jahil dengan pelbagai wasilah, dengan ilmulah mengangkat potensi mereka menjadi individu yang semakin bertamadun hingga ada dalam kalangan mereka menjadi penulis wahyu, penyair yang mahir berpidato malah ada yang mampu menterjemah ilmu daripada bahasa Arab kepada bahsa-bahasa dunia setelah diantar oleh baginda menjadi duta ke beberapa buah negara, mereka menggarap ilmu daripada Rasulullah hingga menjadi usahawan dalam pelbagai bidang kemahiran hingga turun ayat al-Quran menyebut tentang mereka seperti dalam ayat 110 surah ~Ali 'Imran maksudnya : "Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan buat umat manusia sangat"<sup>319</sup>.

---

<sup>318</sup> Hasan Ayub, Syeikh : *Al-Sulūk al-Ijtimā'īe fī al-Islām* (Kuwait : Dār al-Buhūth al-'Ilmiyah, 1985), hal. 472.

<sup>319</sup> Mahmud Syaltut, Syeikh : *Min Taujihat al-Islam* (Qaherah : Dar al-Syuruq, 1987), hal. 149.

Maka jelaslah dari apa yang disebutkan di atas, bahawa ilmu adalah alat yang tersangat penting bagi manusia terutama umat Islam, bukan sekadar untuk mengetahui atau mengenali hakikat kehidupan ini dan apa yang ada dalam dunia ini, malah apa yang lebih penting dengan ilmu itu manusia akan dapat mendekatkan dirinya kepada Pencipta dalam usaha untuk membangun diri dengan nilai-nilai positif dengan elemen akhlak yang mulia pada saat ramai dalam kalangan manusia hari ini telah melacurkan diri mereka dalam perkara-perkara yang boleh menjerumuskan mereka hingga jatuh pada kedudukan binatang yang hilang segenap harga diri dan tidak mampu membangunkan diri kerana terperangkap dengan segala tipu daya syaitan yang tugasnya menyesatkan manusia.

### **3.9.6. Mampu Berdikari**

Hasan al-Banna ketika menyatakan tentang berdikari, beliau menegaskan bahawa al-Quran adalah sumber ke arah tersebut sambil mengajukan persoalan kepada umat ini dengan kata-katanya yang masyhur :

“Ramai orang berpendapat, bahawa kuasa Barat mengatasi dunia dengan kekuatan kebendaan yang mereka miliki, ini termasuk peralatan persenjataan hingga mendabik dada bahawa mereka adalah umat yang kuat, kita tidak menafikan ia adalah fakta yang benar, namun kita perlu berdikari hingga tidak berhajat kepada mereka. Berdikari bermaksud membebaskan diri daripada anasir luar yang tiada kena mengena dengan Islam. Kita mempunyai kekuatan roh yang terdiri daripada warisan akhlak yang mulia dan jiwa yang dihiasi dengan iman, justeru kita perlu untuk berkorban dalam segenap perkara wajib bagi menunaikan tanggungjawab terhadap agama. Inilah yang difahami oleh anggota

al-Ikhwān al-Muslimūn, bahawa tidak perlu kepada bantuan Barat, kerana kita boleh berdikari untuk membangunkan diri sendiri<sup>320</sup>.”

Ahmad ‘Iz al-Dīn al-Bayānūnī menjelaskan, bahawa insan di dunia ini adalah dituntut agar sentiasa berusaha dan berdikari tanpa bergantung kepada bantuan orang lain, ia selaras dengan arahan Allah dalam al-Quran :

وَأَنَّ لَيْسَ لِلْإِنْسَنِ إِلَّا مَا سَعَى ﴿٣﴾ وَأَنَّ سَعْيَهُ رَحْمَةٌ ۖ ثُمَّ  
بِحِزْنِهِ الْجَزَاءُ الْأَوَّلُ ﴿٤﴾

Al-Najm 53 : 39-41

Terjemahan : “Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya. Dan bahawa sesungguhnya usahanya itu akan diperlihatkan (kepadanya, pada hari kiamat kelak); Kemudian usahanya itu akan dibalas dengan balasan yang amat sempurna.”

Insan disaran al-Quran agar sentiasa bertindak dengan berusaha terutama dalam perkara kebaikan lebih-lebih lagi usaha yang ada kaitan dengan akhirat supaya diganjari dengan syurga Allah sepetimana yang ditegaskan oleh al-Quran:

وَمَنْ أَرَادَ آخِرَةً وَسَعَى لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَئِكَ كَانُوا  
سَعِيهِمْ مَشْكُورًا ﴿١٩﴾

Al-Isrā’ 17 : 19

Terjemahan : “Dan sesiapa yang menghendaki akhirat dan berusaha mengerjakan amal-amal yang baik untuk akhirat dengan usaha yang layak baginya, sedang ia

---

<sup>320</sup> Op. cit Hasan al-Banna, hal. 44.

beriman, maka mereka yang demikian keadaannya, diberi pahala akan amal usahanya.”

Al-Bayanuni selanjutnya menjelaskan, bahawa seseorang insan itu akan menikmati manfaat dari usaha berdikarinya yang dilakukan dan usaha orang lain ke atas dirinya<sup>321</sup>.

Adapun Zul Ramli pula berpendapat, bahawa kita diajar melihat sesuatu dengan suluhan iman. Mari lihat diri dalam suluhan iman terhadap Allah, Pencipta Yang Maha Agung. Allah Maha Hebat pasti menciptakan sesuatu yang hebat. Begitulah sifir yang mudah difahami. Kita adalah sebahagian ciptaan-Nya, satu hakikat yang perlu kita banggakan. Kita juga perlu menyedari bahawa setiap daripada kita diciptakan dengan segala potensi yang dibekalkan oleh Allah bagi menyandang jawatan khalifah Allah. Jika tidak, masakan para malaikat diarah sujud oleh Allah pada hari Nabi Adam a.s. dihidupkan. Kisah ini diceritakan berulang kali di dalam al-Quran sebagai menyuntik kesedaran betapa hebatnya manusia itu. Inilah kepercayaan asas dalam diri bagi memupuk kecemerlangan (dalam berdikari). Kesedaran ini akan menarik picu kemahuan untuk mengenali diri sendiri dengan lebih mendalam<sup>322</sup>.

Selanjutnya beliau menjelaskan dengan memaparkan sebuah cerita tentang ketidak-fahaman manusia mengenai konsep berdikari yang boleh menyampaikannya kepada kecemerlangan dalam hidup jika ia memahami secara mendalam erti berdikari yang sebenarnya. Suatu hari terdapat seorang pemecah

---

<sup>321</sup> Ahmad ‘Iz al-Din al-Bayānūnī, Prof : *Hādhā al-Insān* (Qāherah : Dār al-Salām, 1986), hal. 115.

<sup>322</sup> Zul Ramli M. Razali : *R & R Di Lebuh Raya Kehidupan* (Petaling Jaya : Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2011), hal. 55.

batu menghabiskan sepanjang siang di sebuah bukit, bermandi keringat mengerah seluruh kudrat memecahkan batu-batu pejal, dia sering mendengus dan mengomel tentang kenaifan diri sendiri.

Di bawah limpahan terik sinar matahari yang membakar, sambil memegang penukul besinya dia melihat kepada matahari dan berkata pada dirinya sendiri, “Malangnya diri ini.....Alangkah baik kalau aku dicipta sebagai matahari yang besar, hebat, tinggi penuh megah. Boleh melimpahkan cahaya dan membakar sesiapa yang aku suka.”

Hatinya terus berbisik sambil melihat kepada matahari dengan penuh kagum. Sedang dia asyik berfikir tiba-tiba dia merasa keadaan menjadi redup dan dingin. Apabila dia mendongakkan kepalanya, dia melihat ada gumpalan awan besar berwarna gelap sedang menutupi matahari.

“Wah, awan lebih hebat rupanya! Ia boleh memadam kekuatan cahaya matahari.” Dia mula berfikir tentang dirinya yang malang dan betapa bertuahnya menjadi awan.” Alangkah hebatnya awan dengan ukurannya seperti raksasa, boleh berarak ke mana-mana dan mengalahkan sang mentari.” Tingkahnya dalam diri.

Matanya leka mengekori awan yang berarak megah dengan tubuhnya yang besar meliputi segalanya. Tiba-tiba awan tersebut berselerak dan berpecah bila membelah bukit tinggi.

“Wah, bukit rupanya lebih hebat lagi! Ia berjaya memecahkan gumpalan awan.” Dia mula berfikir untuk jadi bukit yang gagah tersergam.” Malangnya diriku ini dan alangkah baik sekiranya aku menjadi bukit yang berjaya mengalahkan awan dan menumpaskan matahari,” gerutu hatinya sambil melihat kepada dirinya.

Tiba-tiba dia tersedar sesuatu yang dia tidak perasan selama ini, mukanya bercahaya, matanya berkaca-kaca : Rupa-rupanya bukit yang tersergam gagah ini, sebenarnya tewas kepada seorang pemecah batu. Dan pemecah batu itu adalah aku!.

Dengan penuh bertenaga dia melaungkan, “Aku sebenarnya lebih hebat daripada bukit, lebih gagah daripada awan, lebih kuat daripada matahari. Aku hanya perlu terus berdikari dan bersyukur atas apa yang telah diciptakan Allah untukku.”

Kemudian dia terus menghentak batu dengan penuh bangga dan meneruskan kerjanya dengan penuh rasa syukur . Dia tidak lagi mempedulikan terik matahari dan bebalnya kekerasan batu bukit tersebut.

Benar, manusia tidak akan melihat sebarang kebaikan pada dirinya, sekiranya tidak melihat dengan kaca mata syukur, ređa dan qanaah (terhadap apa yang diusahakan dengan berdikari). Sepanjang masa dihabiskan dengan mengagumi benda lain tetapi memandang rendah kepada diri sendiri. Manusia seperti itu tidak akan menemui kepuasan dan kedamaian hati selama-lamanya. Sebaliknya letih dan rasa terbeban kerana menelan rasa terkilan yang

berpanjangan. Justeru, untuk jadi manusia hebat, kita tidak perlu jadi orang lain tetapi jadilah diri sendiri<sup>323</sup>.

Ahmad Fadzli ketika menghuraikan makna berdikari dengan lontaran soalan kepada pembaca, “Jangan saudara terlalu bergantung pada orang lain.” Ini kerana manusia dalam dunia ini mempunyai kelebihan yang tersendiri. Saudara juga tidak terkecuali. Apa yang perlu dilakukan adalah mengenali terlebih dahulu potensi diri anda dan menggilapnya. Saudara dapat melakukannya sendiri tanpa bergantung pada orang lain. Adakah saudara mempunyai kekuatan yang tidak dimiliki oleh orang lain<sup>324</sup>.

Hilal Asyraf berpendapat, hidup ini penuh dengan cabaran. Ada cabaran berbentuk kesukaran dan ada yang berbentuk kesenangan. Semuanya adalah susah sebenarnya. Kerana cabaran itu datang dalam bentuk yang menipu daya. Apatah lagi kita hidup dalam kalangan manusia yang penuh dengan persepsi masing-masing. Mempunyai hati masing-masing. Kadangkala pandangan yang berbeza membuatkan mereka tidak bersama kita dalam membantu bagi mengeluarkan diri daripada cabaran-cabaran ini. Bahkan ada yang menolak kita untuk jatuh dan ramai yang mengharap bahawa orang lain akan berasa kasihan. Tetapi, sesungguhnya tiada yang berasa belas kepada diri

---

<sup>323</sup> Zul Ramli M. Razali : *U-Turn Ke Jalan Lurus* (Petaling Jaya : Galeri Ilmu Sdn. Bhd, 2009), hal. 7-8.

<sup>324</sup> Ahmad Fadzli Yusof dan A. Razak A. Muthalib : *Resipi Kejayaan Untuk Remaja* (Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn . Bhd, 2004), hal. 7.

kita, tiada yang benar-benar mampu membantu diri kita, melainkan Allah SWT dan diri sendiri sebenarnya<sup>325</sup>.

Muslim yang hebat adalah individu yang boleh berdikari menjadi diri sendiri tanpa mengharapkan campur tangan orang lain dan berusaha untuk menjadi muslim yang sentiasa meningkatkan kualiti modal insan, bekerja sebagai tanggungjawab mencari nafkah, menjadikan pekerjaan sebagai suatu proses pendidikan, keutuhan sosial, pembinaan akhlak, wasilah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT, membentuk budaya kerja Islami, tekun dan cekap dan mempunyai semangat bergotong royong<sup>326</sup>.

Daripada beberapa kenyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa, manusia itu mempunyai potensi yang sangat besar dalam membangun diri sendiri jika proses berdikari sering dilakukan tanpa bergantung harap pada manusia lain, kerana kebergantungan pada yang lain itu kadang-kadang akan menghalang proses pembangunan insan. Dengan memiliki unsur berdikari, ia bukan sahaja mampu membangunkan diri sendiri, malah masyarakat dan alam sekeliling turut meraih kebaikan yang terserlah dalam dirinya.

### **3.9.7. Mampu Mengawal Diri Dan Berusaha**

Dalam berdakwah banyak pasang surutnya dalam menerima tribulasi yang menghendaki seseorang itu terus cekal dan sabar, dan yang paling penting mampu mengawal diri hingga tidak menjelaskan pelan tindakan untuk berjaya

<sup>325</sup> Hilal Asyraf et. al, *Keimanan Adalah Paksi – Hidup Untuk Tuhan* (Batu Caves : PTS Millenia Sdn. Bhd, 2014), hal. 33.

<sup>326</sup> Mahmud Fathi Abdul Samad : *MUSLIM PROFESIONAL* (Kuala Lumpur : Penerbitan Ilham Baru, 2010), hal. xiii.

dalam berdakwah, melihat kepada situasi penting ini, Hasan al-Banna ada menegaskan :

“Ini adalah tugas kita (yang amat mencabar), maka janganlah kamu rasa kecil pada diri sendiri, kamu adalah individu-individu hebat dibandingkan selain kamu (dalam kalangan pihak musuh), perjuangan kamu adalah yang terbaik sebagai penyambung tugas Rasulullah s.a.w., yang dipancari dengan nur daripada Allah SWT, orang-orang yang beriman yang bekerja untuk Islam adalah golongan mujahidin yang ikhlas dalam memenangkan agama, mereka adalah golongan yang kuat yang sentiasa dapat mengawal diri dalam apa jua situasi<sup>327</sup>, ini termasuk dalam perkara furu’ terutama maslah fiqhiiyah, jangan jadikannya sebagai penyebab berlakunya perpecahan, kawal diri dalam keadaan seperti ini amat penting di samping berusaha menjalankan tugas untuk berdakwah<sup>328</sup>, hendaklah kita sentiasa bantu membantu dalam perkara yang boleh kita sepakat dan bertolak ansur pada perkara yang berlaku khilaf sesama kita (umat Islam).

Imam al-Ghazali berpendapat mengenai manusia yang perlu mengawal diri terutama dalam urusan agamanya, ia dilihat kepada satu peristiwa yang berlaku ke atas Rasulullah s.a.w. di mana baginda apabila ditanya mengenai persoalan roh, baginda diperintahkan Allah untuk tidak bercakap mengenainya, kerana persoalan roh itu adalah urusan Allah, baginda diingat dan diajar oleh Allah untuk mengawal diri agar tidak menjawabnya, perkara ini ditegaskan dalam ayat 85 surah al-Isra’ yang bermaksud : “dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja". Maka umat Islam juga

---

<sup>327</sup> Op. cit Hasan al-Banna, hal 106.

<sup>328</sup> Ibid hal, 269.

adalah disaran mencontohi baginda Rasulullah untuk mengawal diri kerana perlakuan yang baik itu adalah amalan Rasulullah s.a.w.<sup>329</sup>

Ibn Qaiyim pula menegaskan bahawa mengawal diri disebut dalam al-Quran dengan perkataan al-‘Itiṣom, yang bermaksud mengawal diri dengan perkara-perkara yang boleh menyelamatkan serta menegah diri dari terlibat dalam perkara yang terlarang dan menakutkan, ia merupakan inspirasi dari firman Allah SWT :

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Āli ‘Imrān : 3 : 103

Terjemahan : “dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai. Di mana ‘Itiṣom dalam ayat memberi maksud berpegang pada agama Allah untuk kejayaan dunia dan akhirat agar diberi petunjuk dan mengikut dalil menuju kebenaran<sup>330</sup>.

Bila disimpulkan pandangan Hasan al-Banna, Imam al-Ghazali dan Ibn Qaiyim serta pendangan ilmuan Islam berikutnya, membuktikan bahawa mengawal diri dengan agama adalah satu tuntutan yang bukan sahaja menjadikan seseorang itu kuat, sabar dan cekal, tetapi pada masa yang sama akan meraih petunjuk dari Allah SWT, dengan petunjuk itulah umat akan kuat menghadapi segala kemungkinan yang mendarat.

Baharudin Ali Masrom pula berpendapat, keupayaan menguasai dan mengawal diri sendiri adalah paksi dan teras kekuatan dan ketahanan dalaman seseorang. Kekuatan dan keupayaan ini lahir daripada latihan berpuasa yang

<sup>329</sup> Op cit\_\_\_\_al-Ghazali, 5 : 219.

<sup>330</sup> Op. cit\_\_\_\_Ibn Qaiyim, 1 : 495.

diamalkan oleh umat Islam. Latihan ini terserah keberkesanannya melalui tiga aspek zahir iaitu amalan berkomunikasi, sikap sabar dan perlakuan seseorang. Kawalan kendiri (self control) bukan sekadar keupayaan untuk mengawal emosi, tetapi juga kehendak (desire). Ia mempengaruhi pengurusan diri sendiri dan organisasi, bahkan pengurusan sesebuah negara. Akibat ketiadaan kawalan terhadap emosi dan kehendak (yang tiada batas), manusia akan melakukan apa sahaja termasuk merosakkan diri sendiri, orang lain dan alam sekitar. Oleh itu, kita memerlukan kawalan kendiri atau kawalan diri sendiri yang mantap. Dalam Islam, ibadah puasa adalah latihan yang sangat berkesan bagi mengukuhkan kawalan kendiri seseorang. Ia akan dizahirkan dalam bentuk komunikasi, sifat sabar dan perbuatan atau tingkah laku yang rasional<sup>331</sup>.

Mustafa al-Siba'ie menyebut, bahawa umat Islam dalam kehidupan ini amat perlu kepada pembangunan kualiti hidup melalui kesan tarbiyah bagi mengawal aqidah dan diri mereka sendiri yang akhirnya mereka akan memiliki kekuatan, kecintaan dan sifat tawaḍu' yang menjadikan matlamat daripada tarbiyah. Yang dimaksudkan dengan kekuatan ialah kekuatan tubuh badan, roh, akal dan diri. Sementara kecintaan ialah melihat sesama manusia dengan pandangan kasih, simpati, prihatin yang membawa kepada ingin saling mengenal antara satu sama lain dan membantu. Adapun sifat tawaḍu' pula menjadikan seseorang itu merasakan semua manusia adalah sama tanpa wujudnya sistem kasta. Tetapi yang paling penting daripada kesan ibadat seperti solat, puasa dan haji dapat mencapai matlamat tiga unsur daripada kesan tarbiyah di atas.

---

<sup>331</sup> Baharudin Ali Masrom & Mohamad Rizal Long : *Motivasi daripada Tuhan* (Sg. Buloh : Kemilau Publika Sdn. Bhd., 2013), hal. 53.

Mengapa tidak, solat yang mengajar kita agar lurus ketika menghadap Allah dengan memulakan ungkapan Allahu Akbar yang menjadi punca kekuatan rohani, kekuatan diri yang tiada yang lebih hebat daripadanya. Puasa pula menjadikan muslim yang lapar dan dahaga mengawal diri daripada derita itu namun mampu menghadapi segenap ujian di siang hari, ia benar-benar menundukkan orang yang berpuasa agar sabar. Begitu juga dengan haji yang menguji kekentalan dan kesabaran pelakunya mengharungi lautan dan udara selama beberapa jam untuk menyahut perintah Allah SWT supaya melakukan manasik haji di Baitullah walaupun berasak-asak dengan lautan manusia yang datang dari pelbagai pelusuk dunia, ia tidak lain adalah tarbiyah serta latihan yang mengajar untuk sentiasa dapat mengawal diri<sup>332</sup>.

Ibn Qaiyim al-Jauziyah menegaskan dalam karyanya, bahawa nafsu manusia dicipta cenderung kepada apa yang sesuai untuk diikuti, sepetimana kecenderungan manusia untuk makan, minum, berkahwin dan sebagainya. Nafsu juga terdorong untuk melakukan apa yang perlu dilakukan, sebagai contoh sifat marah berlaku kerana ada yang mengganggunya, akan tetapi manusia tidak boleh mengutuk sifat marah itu atau memujinya secara berlebih-lebihan, tetapi manusia hendaklah berlaku adil ketika berhadapan dengan gangguan itu dengan mengawal diri ketika berada dalam keadaan seumpama itu, ia hanya dapat dilakukan apabila diri tunduk kepada ajaran Islam seperti yang pernah ditegaskan oleh baginda Rasulullah s.a.w. dalam hadithnya yang bermaksud : “Salah seorang daripada kamu tidak beriman sehingga dia menjadikan hawa nafsunya

---

<sup>332</sup> Dr. Muṣṭafa al-Sibā’ie : *Aḥkām al-Ṣiyām wa Falsafatuhu fi Daw al-Qurān al-Sunnah* (Beirut : al-Maktab al-Islāmi, 1983), hal. 77-78.

tunduk kepada apa yang aku datangkan kepadanya (ajaran Islam)." Seseorang muslim itu akan dapat memboloskan dirinya daripada terjebak pada kejahatan diri dengan melihat kepada perkara berikut :

- i- Memiliki keazaman yang kental yang menjadi benteng pengawalan diri.
- ii- Bersifat sabar dalam mengahdapi segenap ujian yang manis adan pahit.
- iii- Memiliki kekuatan jiwa/rohani hingga menjadi pelengkap kepada sifat sabar.
- iv- Bersangka baik terhadap segenap ujian yang tertimpa ke atasnya.
- v- Merasa derita yang bertambah dengan kelazatan taat kepada perintah Allah.
- vi- Mengelakkan (maintance) hubungan dengan Allah agar dilihat dengan pandangan kasih dan sayang Allah.
- vii- Gembira kerana dapat menutup pintu-pintu godaan syaitan kerana banyak berangan.
- viii- Rasa bahagia apabila boleh menjadi individu yang suka memaafkan orang lain.
- ix- Sentiasa berfikiran positif sehingga tidak tunduk kepada bisikan nafsu yang akan menjatuhkannya pada lembah kehinaan seperti binatang buas yang suka mencari mangsa.
- x- Perlu ada dalam diri kefahaman bahawa setiap perkara yang berpaksikan ikutan nafsu akan terdedah kepada risiko yang negatif.

- xi- Akal selalu mengarahkan agar sentiasa membayangkan setiap kejahanan yang dibuat akan menerima padah yang berpanjangan, bukan setakan untuk diri sendiri, malah pada orang lain juga.
- xii- Sentiasa berfikir untuk kebaikan agama dan diri dengan mengawal diri dengan elemen-elemen agama.
- xiii- Tidak tunduk kepada kebuasan sifat nafsu serakah yang akan merugikan diri sendiri, masyarakat dan agama.
- xiv- Sentiasa membuat pertimbangan bagi keselamatan agama, kehormatan diri, harta, jawatan melalui pengawalan diri.
- xv- Mendidik diri agar tidak tunduk kepada kemahuhan musuh dalam dan luaran dengan keazaman yang kental.
- xvi- Perlu mengetahui bahawa jika diri memiliki sifat terpuji dan pada masa yang sama terdapat sifat terkeji, akhirnya akan memudaratkan diri sendiri.
- xvii- Perlu waspada dengan permainan syaitan yang sentiasa mencari ruang untuk memusnahkan manusia dengan banyak berpuasa.
- xviii- Perlu mengetahui bahawa Allah SWT telah samakan manusia yang bersifat negatif dengan binatang ternakan yang akan jadi bahan bakaran api neraka.
- xix- Pastikan jiwa, naluri dan hati tidak menjadi alat untuk menentang apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.
- xx- Individu yang tidak mampu mengawal diri hingga terjebak pada perkara yang menyanggah hukum Allah tidak alayk menjadi pemimpin dan tidak boleh diikuti.

- xxi- Individu yang tidak mampu mengawal diri dan nafsu disifatkan Allah sebagai penyembah berhala.
- xxii- Tunduk kepada nafsu dan tidak mampu mengawal diri hingga terjebak pada kancang penentangan Allah akan dicabut iman dari diri mereka.
- xxiii- Individu yang gagal mengawal diri dan nafsu akan binasa.
- xxiv- Individu yang berjaya mengawal diri dan nafsu akan terbentuk dalam dirinya kekuatan dalaman yang mampu menghadapi sebarang kemungkinan.
- xxv- Manusia yang dianggap paling mulia dan bermaruah adalah manusia yang mampu mengawal diri dan melawan nafsunya.
- xxvi- Manusia yang kalah terhadap nafsu dan gagal mengawal diri, hidupnya akan dibayangi dengan syaitan (qorin).
- xxvii- Melawan nafsu dan mengawal diri pahalanya lebih besar daripada melawan musuh di medan pertempuran.
- xxviii- Kegagalan mengawal diri dan nafsu terdedah kepada pelbagai penyakit diri dan masyarakat, penawarnya adalah yang bersalahannya dengannya iaitu mengawal dan mengekang nafsu<sup>333</sup>.

Menurut Mahmud Syaltut, al-Quran secara terang menjelaskan bahawa sabar dan solat mempunyai kesan yang amat besar dalam melentur jiwa, sanubari, hati serta diri muslim daripada terjebak dengan sifat-sifat terkeji seperti tamak, putus asa, dan tidak sanggup menghadapi ujian dan musibah, malah suka mencemuh diri sendiri. Justeru sabar dan solat adalah rahsia kekuatan yang ada dalam diri muslim untuk mencapai matlamat yang dihajati, dia akan sentiasa

---

<sup>333</sup> Ibn Qaiyim al-Jauziyah : *Raudah al-Muhibbin wa Nuzhah al-Musytaqqin* ( Beirut : Dār al - Kutub al-'Ilmiah, t.t.), hal. 467 – 470.

diawasi Allah serta diberikannya petunjuk ke jalan kebenaran, inilah kemuncak kebahagiaan yang diraih oleh muslim yang bersabar dengan mengawal diri agar tidak jatuh pada lembah kebinasaan<sup>334</sup>.

Ketika menyeru golongan remaja agar sentiasa dapat bersabar dan mengawal diri untuk tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT, Muhammad al-Bahi mengingatkan mereka agar memerhatikan alam kehidupan ini, kerana semalam tidak sama dengan hari ini, boleh jadi kehidupan hari ini senang, mewah dan tidak bermasalah, kemungkinan pula hari esok lebih payah, sukar dan mencabar. Kepayahan dalam hidup tidak pernah sama sekali mempelajari dengan menadah buku di hadapan guru di sekolah, akan tetapi ilmu dan makrifat yang digarap itu menjadi alat terpenting untuk menjadi individu yang sabar dan sanggup dan mampu mengawal diri sendiri<sup>335</sup>.

Pengkaji mendapati daripada penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa seseorang individu itu mampu mencapai matlamat pembangunan insan apabila aspek kawalan diri melalui pendekatan sifat sabar berjaya diterjemahkan dalam kehidupan harian, kerana ia adalah antara ciri pembangunan insan yang dijanjikan oleh Allah SWT dalam al-Quran, pasti pelakunya akan meraih kejayaan yang memberangsangkan.

### **3.9.8. Bijak Dalam Mengurus Waktu**

Dalam mengurus waktu dengan bijak, Hasan al-Banna ada menegaskan :

---

<sup>334</sup> Mahmud Syaltut, Syeikh : *Min Taujihāt al-Islām* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 1987), hal. 27.

<sup>335</sup> Muhammad al-Bahi, Dr. : *Al-Islām fī Ḥayah al-Muslim* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1973), hal. 435.

“Hendaklah anda dapat mengurus waktu dengan bijak dan saksama iaitu mengisinya dengan pembacaan dan penulisan serta memperbanyakkan mentalalah terutama risalah-risalah Ikhwan yang terdapat dalam majalah ataupun akhbar, semampunya anda memiliki sebuah perpustakaan peribadi khas walaupun bersaiz kecil, untuk memfokuskan bidang ilmu dan aktiviti bersesuaian dengan pengkhususan, terutama dalam isu yang berkaitan dengan keagamaan dan semasa, agar anda dapat mengasah minda dengan fikrah yang betul<sup>336</sup>. ”

Dalam hal ini, Imam al-Ghazali berpendapat bahawa memelihara waktu adalah mengisinya dengan perkara-perkara berfaedah dengan melakukan mujahadah diri tanpa menunjukkan sikap cinta pada dunia seperti pangkat, harta dan lain-lain, sebaliknya banyak duduk dalam majlis-majlis ilmu, motivasi, nasihat yang menjurus kepada pembangunan diri dan masyarakat<sup>337</sup>.

Sementara Ibn Qaiyim pula ketika menukilkan pandangan daripada Imam al-Syafie yang bertegas mengatakan bahawa masa itu ibarat sebilah pedang, jika anda tidak memotongnya, maka ia akan memotong anda, begitulah jika anda tidak manfaatkan diri dan waktu pada kebenaran, maka anda akan sibuk dengan kebatilan<sup>338</sup>.

Salah satu daripada kebijaksanaan dalam mengurus waktu ialah dengan menepati setiap janji pada waktu yang telah ditetapkan. Mahmud Fathi Abdul Samad ada jawapannya mengenai pengurusan waktu, di mana menyanggah sikap

---

<sup>336</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Hasan al-Banna, hal. 278.

<sup>337</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Imam al-Ghazali, 3 : 68.

<sup>338</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Ibn Qaiyim, 3 : 134.

orang Melayu yang sangat tersohor dengan amalan yang tidak menepati waktu. Sepatutnya ini tidak berlaku sama sekali kerana tidak menepati waktu adalah sangat terlarang dalam Islam. Ini kerana dalam ajaran Islam, menepati waktu dengan mengurusnya dengan baik sangat dititik-beratkan. Sebagai contoh dalam ibadat solat yang dilakukan oleh umat Islam setiap hari itu terkandung latihan supaya menepati waktu atau dengan kata lain mengurus waktu dengan baik. Solat Subuh mengajar kita agar bangun awal sebelum matahari terbit, begitu juga solat Zuhur, Asar, Maghrib dan Isya' mengajar kita bahawa waktu terus beredar dan kita wajib menepatinya. Dengan menepati waktu, kita akan memperoleh tanggapan baik daripada masyarakat yang akan menaikkan imej kita. Sesungguhnya Allah bersumpah dengan al-'Asr yang bermaksud masa dan ini menegaskan kemuliaan dan kepentingan masa kepada manusia<sup>339</sup>.

Sesungguhnya Allah SWT bersumpah dalam al-Quran mengenai masa/waktu dalam al-Quran, di mana ramai dalam kalangan manusia akan rugi disebabkan tidak mampu mengurus waktu secara baik dan dinamik dengan beriman kepada Allah, beramal soleh, berpesan-pesan kepada kebenaran dan berpesan-pesan kepada kesabaran. Inilah satu keajaiban yang ada pada sisi Allah yang hebat mencipta waktu buat manusia. Kebanyakan manusia yang gagal mengurus waktu dengan baik adalah disebabkan kerana tersungkur oleh pujukan

---

<sup>339</sup> Mahmud Fathi Abdul Samad : *MUSLIM PROFESIONAL* (Kuala Lumpur : Penerbitan Ilham Baru, 2010), hal. 55.

hawa nafsu dan syahwat, melainkan empat golongan tersebut di atas yang berjaya mengurus dan menepati waktu seperti yang dikehendaki Allah SWT<sup>340</sup>.

Dalam mengurai surah al-'Asr yang menunjukkan ia sebagai masa/waktu, Saiyid Qutb menjelaskan, bahawa sumpahan Allah mengenai waktu mencerminkan ia adalah manhaj hidup sempurna dalam kehidupan manusia yang dikehendaki oleh Islam. Kerana ia menggambarkan betapa penting nilai iman, amal soleh, pesanan terhadap kebenaran dan kesabaran yang menjadi petunjuk sepanjang jalan dalam hidup ini. Allah SWT telah meletakkan ‘dustur’ atau perlombagaan Islam secara universal dalam surah yang pendek tetapi padat dengan pengajaran dalam pengurusan waktu yang mengakibatkan ramai manusia akan menjadi rugi jika tidak mampu mengurus waktu dengan sebaik-baiknya<sup>341</sup>.

Di dalam al-Quran, banyak maksud ayat yang menyentuh tentang masa. Bahkan pemerhatian terhadap masa dijadikan salah satu tanda kebesaran Penciptanya Allah SWT. Walaupun masa tidak dapat dilihat rupanya dengan mata kasar, namun ia adalah suatu nikmat kurniaan Allah SWT kepada manusia. Justeru manusia wajib bersyukur dengan mengisi pelbagai aktiviti yang bermanfaat untuk menghadapi kehidupan di dunia dan sebagai persediaan untuk bekalan hidup di akhirat. Sesungguhnya masa sangat pantas peredarnya dan tidak akan kembali semula, masa juga sangat berharga dan tidak boleh dimiliki oleh manusia. Sesungguhnya masa adalah asset penting untuk setiap usaha yang

---

<sup>340</sup> Al-Ahmadi Abu al-Nur, Dr. : *Al-Muntakhab fi Tafsir al-Quran al-Karim* (Qaherah : Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam Kementerian Wakaf Mesir, t.t), hal. 926.

<sup>341</sup> Saiyid Qutb : *Fi Zilal al-Quran* (Qaherah : Dar al-Syuruq, 1982) 6 : 3964.

dibuat. Tanpa pengurusan masa yang cekap, sesuatu pekerjaan itu tidak akan berjaya, sama ada pekerjaan itu dilakukan secara individu atau berkumpulan<sup>342</sup>.

Hasan al-Banna mempunyai pandangannya mengenai pengurusan waktu yang semestinya dimanfaatkan pada perkara-perkara yang berfaedah, selanjutnya beliau menegaskan, bahawa bacalah al-Quran dan pelajarilah, atau dengar dan ingatlah kepada Allah dan janganlah engkau memalingkan sebahagian waktumu pada hal-hal yang tidak bermanfaat. Ini kerana tanggungjawab terhadap Islam lebih banyak dari waktu yang engkau ada, maka bantulah orang lain untuk memanfaatkan waktunya dan jika engkau memiliki tugas/kepentingan, maka segeralah untuk menyelesaiakannya<sup>343</sup>.

Penjagaan dan pengurusan waktu yang dinamik sama kedudukannya dengan menjaga iman dan ibadah, justeru Yusuf al-Qaradawi menekankan, bahawa perkara pertama yang wajib dijaga oleh seseorang muslim selain iman dan ibadat adalah waktunya. Sama seperti dia menjaga harta, malah lebih daripada itu dengan menggunakan dengan sebaik-baiknya pada perkara yang boleh memberi faedah kepada diri, keluarga dan masyarakat. Jika ini dapat dilakukan, maka dia telah memberi faedah kepada agamanya, dunia dan sebagainya untuk merealisasikan kebahagiaan dan kebaikan yang menjadi impian setiap insan<sup>344</sup>.

---

<sup>342</sup> Bahagian Dakwah dan Kepimpinan, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004), hal 1 & 10.

<sup>343</sup> Muhammad Ahmad ‘Abd al-Jawwad : *14 Langkah Cemerlang dalam Pengurusan Waktu*. Terj. Abdurrahman Siregar LC (Kuala Lumpur : Jasmin Enterprise, 2004), hal. 45.

<sup>344</sup> Yusuf al-Qaradawi : *Al-Waktu fi Ḥayāh al-Muslim* (Qāherah : Dār al-Ṣohwah, 1984), hal. 14.

Maka jelaslah dari apa yang diketengahkan oleh para sarjana di atas, pengkaji dapat membuat kesimpulan, bahawa kegagalan mengurus waktu dengan baik, maka sedikit sebanyak ia boleh merencatkan matlamat untuk membangun insan seperti yang disaran oleh Islam. Jika ia tidak dimanfaatkan dengan semaksimum mungkin, maka insan itu akan menjadi rugi dalam kehidupannya. Justeru setiap insan yang ingin membangunkan dirinya, perlu bijak mengurus waktu dengan sedaya upaya memanfaatkan seluruh waktu yang ada dengan melakukan perkara yang baik serta merancang segala aktiviti yang akan dilakukan dan sentiasa mengikut perancangan yang telah dirancang.

### **3.9.9. Memiliki Disiplin Yang Tinggi Dalam Melaksanakan Urusan**

Dalam menyatakan persoalan disiplin, Hasan al-Banna ada penjelasan mengenainya agar dapat membangkitkan kesedaran dalam kalangan umat seperti dalam satu kenyataannya :

“Mesir terdedah kepada penjajahan melalui pelbagai anasir luar yang cukup membimbangkan hingga boleh menjaskan hati nurani rakyatnya, ia berlaku akibat ketidak-wujudan satu mekanisme disiplin yang padu dan jitu, Komunis dan Sekularisme menjajah negara dengan membawa sistem pendidikan yang diwajibkan ke atas anak-anak bangsa, yang sebenarnya ia jauh dari ruh Islam, maka sudah sampai masa untuk bangkit dengan memiliki disiplin yang tinggi dengan Islam agar Allah memenangkan kita dengan agama-Nya seperti yang difirmankannya dalam ayat 21 surah Yusuf yang bermaksud : “dan Allah Maha Kuasa melakukan segala perkara yang telah

ditetapkanNya, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui<sup>345</sup>.“

Imam al-Ghazali menegaskan bahawa berusaha dengan penuh disiplin bermaksud mengikut segala peraturan yang telah digaris pandukan Allah dalam al-Quran dan apa yang ditegaskan oleh baginda Rasulullah s.a.w., justeru beliau berbicara mengenai usaha dengan penuh disiplin berdasarkan keterangan al-Quran melalui ayat 11 surah an-Naba' yang bermaksud : “dan Kami telah menjadikan siang (dengan cahaya terangnya) - masa untuk mencari rezeki?” iaitu berdisiplin dalam mencari rezeki pada waktu yang sesuai di siang hari. Beliau juga berpendapat bagi individu yang berusaha dengan disiplin yang tinggi tetap perlu kepada ilmu mengenai usaha yang berdisiplin, kerana sekiranya tidak memiliki ilmu berkenaan, maka ia terdedah kepada kemusnahan, mungkin juga akan terpalit kepada sesuatu yang haram jika tidak berdisiplin, sama ada uasaha yang diusahakan itu terlibat dalam perniagaan jual beli, syarikat sewa beli, pemberi hutang dan lain-lain, maka pastikan ia menepati piawaian agama Islam<sup>346</sup>.

Sementara Ibn Qaiyim pula berpendapat, disiplin dalam satu-satu usaha itu ialah untuk mencapai sesuatu sasaran atau tujuan, sama ada secara sukarela atau paksaan. Pencapaian itu pula tertakluk kepada ikhtiar dalam berusaha, jika

---

<sup>345</sup> Op. cit\_\_\_\_\_Hasan al-Banna, hal. 195.

<sup>346</sup> Op. cit\_\_\_\_\_al-Ghazali, 1 : 61.

ia dapat diutamakan dalam pelaksanaan, maka sasaran dan tujuan itu benar-benar tercapai dengan penuh jaya<sup>347</sup>.

Oleh sebab itu, kunci kepada sesuatu kejayaan adalah sebuah disiplin dalam usaha yang terletak pada sejauhmana ilmu yang digarap dan strategi untuk mencapai sasaran dan tujuan dari usaha yang dilakukan.

Mustafa Haji Daud mentakrifkan disiplin sebagai suatu usaha yang dilakukan dengan gigih, berdedikasi, bersungguh-sungguh dan tekun dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, dengan adanya disiplin tersebut akan memberi kesan baik terhadap kepatuhan jadual kerja, peraturan, masa dan sebagainya<sup>348</sup>.

Sesungguhnya Islam mempunyai matlamat tersendiri daripada penciptaan manusia di alam ini, iaitu mahu dari manusia agar menjadi insan yang soleh lagi baik yang sanggup memikul tanggungjawab melaksanakan segenap perintah dan hukum Allah yang ada dalam al-Quran dengan penuh disiplin dan bertanggungjawab. Untuk memenuhi keperluan itu, Yusuf al-Qaradawi ada menyebut, manusia yang berdisiplin layak untuk menjadi ‘Khalifah Allah’ di muka bumi ini, di mana makhluk bernama manusia sangat dipuji Allah dan memuliakannya mengatasi makhluk-makhluk yang lain di atas muka bumi ini. Kerana manusia dicipta dengan sebaik-baik rupa bentuk yang tiada pada makhluk lain, iaitu insan yang memiliki segenap ciri dan sifat terpuji, selagi

---

<sup>347</sup> Op. cit \_\_\_\_ Ibn Qaiyim, 2 : 275.

<sup>348</sup> Mustafa Haji Daud : *Pengurusan Islam* (Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1994), hal. 150.

mana insan ini berdisiplin dengan sungguh-sungguh, maka ia akan jadi rangkaian ummah terbilang dalam menjalankan perintah Allah<sup>349</sup>.

Disiplin adalah penentu kepada kejayaan sesebuah bangsa dan tamadun, ia berkait rapat dengan tuntutan ajaran agama, demikian menurut Ahmad Rabi' 'Abd al-Majeed Khalf Allah yang menyebut, bahawa dengan amalan disiplin akan melonjakkan sesebuah bangsa itu menguasai bumi ini, inilah yang menjadi amalan dan pegangan segenap bangsa manusia sejak dahulu lagi, atas dasar agamalah dengan disiplin yang baik, maka terbentuk kehidupan bermasyarakat, politik, ekonomi, pemikiran yang akhirnya menjadi amalan yang bersifat berterusan hingga ke hari ini<sup>350</sup>.

Bagi 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud menyebut, bahawa disiplin lahir dari tarbiyah yang sungguh-sungguh dalam bentuknya yang cukup dinamik sesuai dengan fitrah kejadian manusia itu sendiri, sepetimana disiplinnya para sahabat Rasulullah s.a.w. yang mendapat tarbiyah secara langsung daripada baginda yang menjadi sandaran kepada ummah sampai bila-bila, iaitu tindakan disiplin yang melahirkan bibit-bibit kebaikan dalam pelbagai bentuk, kasih sayang sesama manusia, takut dan berharap serta beriltizam secara positif<sup>351</sup>.

Aspek pembangunan insan akan lebih sistematik untuk dijayakan jika terdapat padanya disiplin yang berterusan, demikian menurut Hisyam Althalib

<sup>349</sup> Dr. Yusuf al-Qaradawi : *Al-Madkhali Ma'rifah al-Islam* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1996), hal. 193.

<sup>350</sup> Ahmad Rabi' 'Abd al-Majeed Khalf Allah : *Al-Fikr al-Tarbawi Lada Jama'ah al-Ikhwan al-Muslimin* (Qaherah " Maktabah Wahbah, 1984), hal.7. Ia merupakan Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti al-Azhar dengan pangkat kepujian kelas pertama.

<sup>351</sup> 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud, Dr. : *Wasail al-Tarbiyah 'Inda al-Ikhwan al-Muslimin* (Mansoorah Mesir : Dar al-Wafa', 1989), hal. 15.

yang menegaskan, bahawa fungsi latihan dalam tarbiyah memerlukan satu pendekatan yang berdisiplin dan bersistem untuk menerapkan kemahiran, sikap dan nilai yang terpilih kepada orang yang ditarbiyah. Ia membekalkan maklumat, peralatan dan kepakaran kepada ‘Murabbi’ yang sedia ada supaya mereka berjaya mentarbiyah orang lain. Tarbiyah dan pembangunan insan, secara umum perlu memanfaatkan seoptimum mungkin kesediaan yang terhad untuk tujuan ini. Perkara ini sangat ketara apabila latihan tarbiyah dan pembangunan insan merupakan sebahagian daripada strategi umum dan pelan organisasi yang terlibat dan bagaimana komitmen pada latihan tarbiyah ini ditonjolkan dengan jelas pada tahap yang tertinggi dalam membuat keputusan<sup>352</sup>.

Kesimpulannya, unsur disiplin amat diperlukan untuk memastikan setiap urusan, perancangan dan tindakan yang dirancang dapat dilaksanakan dan tercapai matlamatnya dengan baik dan sempurna. Ini kerana perjalanan sesuatu urusan yang dilaksanakan tanpa elemen disiplin, ia akan goyah dan mudah lentur, malah sukar untuk mencapai matlamat yang telah dirancang. Justeru, setiap individu yang ingin mencapai matlamat apa yang dirancang, perlu memiliki elemen disiplin bagi menjayakan segala-galanya.

### **3.9.10. Boleh Menyumbang Bakti Untuk Masyarakat**

Menyumbang bakti pada orang lain dalam kalangan masyarakat menurut Hasan al-Banna ialah boleh memberi manfaat kepada mereka, oleh itu beliau menjelaskan :

---

<sup>352</sup> Hisyam Althalib : *Panduan Latihan Bagi Petugas Islam* terj. Wan Izzuddin Wan Sulaiman (Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1992), hal. 290. Ia adalah buku rujukan bagi The International Institute Of Islamic Thought (IIIT) yang berpengkalan di Herndon, Virginia, Amerika Syarikat.

“Hendaklah anda terlibat dalam agenda ekonomi umat walaupun anda seorang yang kaya dan tidak memerlukan apa-apa dari mereka, begitu juga anda boleh lakukan kerja-kerja amal bebas walaupun ia dipandang kecil, apa yang ada pada anda dari bakat dan pemberian Tuhan, maka kongsikanlah dengan orang lain<sup>353</sup>. ”

Sehubungan itu, Imam al-Ghazali ada menekankan bahawa memberi manfaat kepada orang lain dalam kalangan masyarakat ialah mendahulukan faedah buat mereka sama ada dengan harta atau tulang empat kerat. Ia tidak akan mampu dilakukan melainkan melalui pergaulan atau percampuran dalam sebuah komuniti masyarakat, ia juga lebih kepada menunaikan hajat keperluan mereka<sup>354</sup>.

Sementara Ibn Qaiyim pula menyifatkan bahawa memberi manfaat adalah buah dari memberi peringatan kepada manusia. Iaitu memberi manfaat kepada masyarakat dengan motivasi, nasihat, kaunseling melalui pendekatan Amar Makruf Nahi Munkar agar manusia bersiap siaga dengan bekalan untuk menemui Allah SWT<sup>355</sup>.

Adapun bagi Syeikh Muhammad ‘Abduh pula, beliau mendatangkan pengisahan dalam satu babak menerusi tulisannya, ketika mengajar ilmu tafsir di Masjid al-Azhar dalam tempoh pada Mei 1899 hingga 1905M, di mana antara muridnya yang hadir ketika itu yang benar-benar dianggap banyak manfaatkan waktunya dengan menukil, menyalin atau mencatat segenap pembelajaran yang disampaikan ialah Muhammad Rasyid Reda yang menyalin seluruh penyampaian

---

<sup>353</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Hasan al-Banna, hal. 278.

<sup>354</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Imam al-Ghazali, 2 :219.

<sup>355</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Ibn Qaiyim, 1 : 477.

dengan diberi penambahan ilmiah hingga menjadi sebuah kitab tafsir yang berjudul Tafsir al-Manar<sup>356</sup>, di mana umum mengetahui bahawa tafsir yang disempurnakan oleh Muhammad Rasyid Reda adalah antara rujukan tafsir yang baik lagi bermanfaat.

Masyarakat (Mujtama') terdiri daripada kelompok manusia yang terbentuk dari dasar dan aspek pengukuhan yang terdiri daripada kesatuan aqidah yang menyatukan pemikiran individu dan anggota masyarakat. Di mana terbit dari semua itu kefahaman manusiawi tentang alam, penciptaan manusia dan persoalan kehidupan. Asas keutuhan masyarakat adalah melalui aqidah yang betul di mana dengan sendirinya menolak penyembahan berhala, ibadat songsang dan penyelewengan cara berfikir. Bertitik tolak dari aqidah yang betul itu akan melahirkan insan yang mengetahui tentang hakikat Allah sebagai Pencipta dan hakikat alam yang dijadikan Allah SWT untuk menjadi tempat tinggal sementara, digunakan untuk meneruskan kehidupan hingga boleh bermuamalah sesama anggota masyarakat yang saling perlu memerlukan<sup>357</sup>.

Menurut Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuni, dalam Islam terdapat konsep ibadat yang berpaksikan kepada anggota masyarakat seperti zakat, haji, berjihad dan menghormati kedua ibu bapa yang tidak boleh tidak, setiap anggota

---

<sup>356</sup> Op. cit \_\_\_\_\_ Syeikh Muhammad 'Abduh, 1 : 246.

<sup>357</sup> 'Abd al-'Aziz Khayyat, Dr. : *Al-Mujtamā' al-Mutakāfil fi al-Islām* (Qāherah : Dār al-Salām, 1986), hal. 11.

mesti melakukannya tanpa boleh mengasingkan diri kerana ia amat bertentangan dengan amalan dalam Islam<sup>358</sup>.

Sesungguhnya Islam agama yang menggalak dan menyarankan pengikutnya agar sentiasa menitik-beratkan persoalan masyarakat supaya boleh menjadi masyarakat yang soleh dengan konsep saling bantu membantu antara satu sama lain. Kebaikan yang ada pada sesebuah masyarakat adalah terbentuk dari individu-individunya yang baik juga dari segi akhlak, perangai, sikap dan berlaku positif dalam tindakan. Bermasyarakat adalah satu lumrah dalam kehidupan manusiawi. Sebagai contoh, jika seorang muslim itu meninggalkan berjemaah (bermasyarakat) dan mendirikan solat secara sendirian, akan tetapi sebenarnya roh jamaah tetap dalam sanubarinya ketika melafazkan dalam al-Fatehah; kepada Engkaulah kami sembah dan kepada Engkaulah kami minta pertolongan (bukan aku), ini menunjukkan konsep bermasyarakat adalah satu tanggungjawab ke atas setiap muslim, oleh itu, Rasulullah s.a.w. ada mengaskan bahawa pertolongan Allah akan diberikan kepada jamaah (masyarakat)<sup>359</sup>.

Justeru, menurut Yusuf al-Qaradawi lagi, para anggota al-Ikhwan al-Muslimun telah ditarbiyah bahawa bekerja untuk kepentingan masyarakat adalah satu perkara baik yang amat dituntut Islam, kerana ia adalah sebahagian daripada risalah Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Risalah tersebut merangkumi aspek hubungan hamba dengan Allah dalam tuntutan ibadat dan hubungan yang intim terhadap masyarakat dalam kerja-kerja kebajikan yang terkandung dalam

<sup>358</sup> Muhammad Abu al-Fath al-Bayānūnī, Dr. : *Al-‘Ibādah* (Qāherah : Dār al-Salām, 1984), hal. 50.

<sup>359</sup> Yusuf al-Qarādāwi : *Al-Hal al-Islāmī Fariḍatun wa Ḏorūrah* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1987), hal. 49.

elemen zakat yang diagihkan kepada anggota masyarakat yang amat memerlukan bantuan<sup>360</sup>.

Antara bantuan yang boleh disalurkan kepada masyarakat tegas Yusuf al-Qaradawi lagi, ialah melalui agihan zakat, ini kerana seseorang individu muslim itu tidak akan berhasil mendapatkan pendapatan melainkan dia berusaha bersama anggota masyarakat yang menjadi rakan sekerja yang saling bantu membantu antara satu sama lain. Itu adalah cara bagaimana seseorang itu boleh meraih pendapatan, tidak kira dia sebagai seorang petani atau yang lain, usaha yang dilakukan adalah untuk kepentingan sebahagian anggota masyarakat yang lain<sup>361</sup>.

Syeikh Mahmud Syaltut berpendapat, bahawa sistem agihan zakat yang diperkenalkan oleh Islam adalah bertujuan untuk menghubungkan antara golongan kaya dengan si miskin, ia bagi merealisasikan hubungan kebahagian dunia dengan akhirat, kerana kebahagiaan akhirat memerlukan kekuatan pada hak dalam pengagihan zakat yang merupakan intipati Islam bagi membangun masyarakat melalui amal soleh serta kerja-kerja kebajikan<sup>362</sup>.

Apa yang dapat dirumuskan sebagai kesimpulan, bahawa unsur menyumbang bakti kepada masyarakat merupakan antara elemen penting dalam pembangunan insan, hasil daripada wujudnya unsur ini, akan menjamin kebahagiaan dan kelangsungan sistem kemasyarakatan secara berterusan

---

<sup>360</sup> Yusuf al-Qaradāwi : *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Madrasah Hasan al-Banna* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1982), hal. 49.

<sup>361</sup> Yusuf al-Qaradāwi : *Al-'Ibadah fi al-Islam* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1985), hal. 270.

<sup>362</sup> Syeikh Mahmud Syaltut : *Min Taujihat al-Islam* (Qaherah : Dar al-Syuruq, 1987), hal. 105.

terhadap usaha pembangunan insan. Ini kerana usaha untuk menjayakan pembangunan insan tidak hanya dikecapi oleh individu dalam masyarakat semata-mata, bahkan semua anggota masyarakat juga akan menikmati kebaikan yang terdapat dalam pembangunan insan untuk menjadi ummah yang terbaik yang dikeluarkan buat umat manusia sejagat.

Ketika membuat kesimpulan terhadap kesemua unsur pembangunan insan yang telah disebutkan satu persatu di atas, Farid ‘Abd al-Khaliq ada menyebut, bahawa beliau menukilkan pemikiran Hasan al-Banna dan al-Ikhwan al-Muslimun mengenai unsur pembangunan insan yang disifatkan sebagai dasar ilmu tarbiyah dengan penegasan kepada beberapa elemen:

- i- Pembentukan aqidah yang sohih dalam diri setiap individu muslim berdasarkan kebenaran al-Quran dan sunnah (hadīth) merupakan batu asas dalam membina individu dan masyarakat, ia juga asas kepada sesuatu amalan yang diterima, iaitu amalan hati dan pancaindera.
- ii- Mendirikan ibadat serta memelihara pelaksanaannya merupakan kesan dari aqidah di mana kedua-duanya sama penting dalam membina masyarakat dan umat Islam, tidak kira ibadat itu terdiri daripada ibadat solat, zakat, puasa, haji dan sebagainya, kesemua ibadat tersebut adalah lidah penyambung hati manusia kepada Allah SWT yang mampu melentur dan mendidik keperibadian seseorang muslim agar hidup dengan bermatlamatkan Allah SWT.
- iii- Bermuamalah dengan unsur-unsur pembangunan insan dan memperelokkannya merupakan asas yang ada dalam agama Islam seperti yang ditegaskan baginda maksudnya : “Agama itu adalah muamalah”, kerana ia

mampu mencetuskan elemen tarbiyah dengan melaksanakan segenap adab-adab Islam yang berpaksikan dalil daripada al-Quran dan sunnah (hadith) Rasulullah s.a.w. serta amalan yang ditunjukkan oleh para Salaf al-Soleh yang akhirnya menjurus kepada pengukuhan persaudaraan yang dituntut dalam agama ini.

iv- Unsur pembangunan insan yang diperkenalkan itu mampu membentuk dan membina jiwa mukmin yang tenang, akal yang cemerlang dan tubuh badan yang kuat<sup>363</sup>.

Sepuluh unsur pembangunan insan yang menjadi fokus perbincangan kajian ini terutama dalam bab tiga, jelas menggariskan mekanisme yang cukup mantap dalam memberi pencerahan bahawa ianya adalah pendekatan Islam yang mampu menjana insan menjadi cemerlang dalam segenap tindak-tanduknya, cara berfikir, berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain, hingga boleh melahirkan individu Muslim, rumah tangga, masyarakat umat Islam dan sebuah Negara Islam yang menjadi pelindung kepada semua bangsa manusia yang berada di muka bumi ini melalui konsep ‘Rahmatan li al-‘Ālamīn’, baharulah akan jelma perasaan harmonis, bahagia, damai dan selamat kerana insan-insan di dalamnya dibangun dengan unsur-unsur pembangunan yang dinamik.

## KESIMPULAN

Jelas dalam bab tiga ini menunjukkan bahawa wawasan pemikiran Hasan al-Banna begitu ke hadapan, beliau meletakkan pengislahan (pembaikan) misi kemanusiaan bermula dengan berdakwah dan mentarbiyah individu,

---

<sup>363</sup> Farid ‘Abd al-Kholiq : *Al-Ikhwān al-Muslīmūn fī Mīzān al-Haq* (Qāherah : Dār al-Šohwah li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1987), hal. 190.

kemudian rumahtangga, masyarakat dan negara dengan Islam, sepuluh unsur pembangunan insan yang menyusul selepas perbincangan mengenai empat elemen tersebut menjadi pemangkin kepada membangun jati diri ke arah yang lebih baik, kerana semua itu berpaksikan kepada wahyu al-Quran, hadith Nabi Muhammad s.a.w. dan pandangan para ulama' mu'tabar yang mahir dalam bidang pembangunan insan.

## **BAB EMPAT : PENDEKATAN WASĀIL TARBIYAH DALAM KITAB MAJMŪ’AH AL- RASĀIL**

### **4.1. Pendahuluan**

Sesungguhnya Hasan al-Banna telah meletakkan wadah yang ampuh, padu dan jitu dalam mentarbiyah setiap individu yang menganggotai Jamaah al-Ikhwān al-Muslimūn dengan pelbagai teknik wasāil (wasilah) tarbiyah yang wujud dalam kitab Majmū’ah al-Rasāil yang merupakan dokumen rujukan terpenting dalam aspek tarbiyah itu sendiri, dalam bab dua terdahulu, pengkaji ada sebut bahawa para anggota al-Ikhwan al-Muslimun merupakan generasi pelaksana segenap arahan pendekatan wasilah tarbiyah yang diperkenalkan oleh pengasasnya iaitu Hasan al-Banna, ini membuktikan bahawa apa yang digariskan oleh beliau bukanlah satu retorik semata-mata, tetapi menjadi kenyataan di mana mereka melaksanakan segenap pendekatan wasāil tarbiyah berupa usrah, katibah, mukhayyam dan lain-lain.

Pengkaji sifatkan ia merupakan wasāil terbaik dari seorang murabbi yang belum ada seumpamanya dalam kalangan pimpinan di luar jamaah sama ada di Timur atau Barat. Di mana wasāil yang diguna-pakai oleh anggota Jamaah al-Ikhwān al-Muslimūn berbagai-bagai, ada yang umum dan khusus, berperingkat mengikut tahap penglibatan individu, ada yang bersifat tarbiyah ukhawi (persaudaraan), ada yang bersifat praktikal (amali), begitu juga yang bersifat jihadi, kepelbagaian keperluan tarbiyah bergantung kepada beberapa pencapaian dan keterlibatan seseorang individu jamaah. Perbincangan ini membahas wasāil dalam kalangan anggota al-Ikhwān al-Muslimūn terdiri daripada Niżam Usrah, Katibah, Rehlah, Mu’askar/Mukhayyam, Daurah dan

Mu'ktamar. Bab empat ini menjurus kepada penjelasan satu-persatu niżam yang telah disebutkan di atas sekali gus memperlihatkan keupayaannya dalam membangun insan terutama mereka yang berada dalam jamaah ini. Pengkaji sebutkan seperti di atas bahawa ia dilihat berjaya kerana diamalkan secara praktikal oleh sebuah jamaah yang bernama al-Ikhwān al-Muslimūn bagi membuktikan bahawa ia bukanlah retorik atau cakap kosong, tetapi menjadi kenyataan yang bersifat jitu dan padu.

Menurut Ali Abd' al-Halim Mahmud, wasāil tarbiyah yang menjadi pegangan dan amalan setiap anggota al-Ikhwān al-Muslimūn sejak diperkenalkan terangkum pada tiga perkara pokok, pertama manhaj yang şohîh, iaitu manhaj yang tersedia ada dalam al-Quran, Sunnah Rasulullah s.a.w. serta sirahnya, hukum-hukum Islam yang jauh dari sebarang penyelewengan, kedua wasāil tarbiyah yang menyeluruh yang terdapat pada enam sandaran wasilah yang disebutkan iaitu Niżam Usrah, Katibah, Rehlah, Mu'askar/Mukhayyam, Daurah dan Mu'ktamar dan ketiga kepimpinan yang mantap lagi dipercayai yang bermula dari seorang naqib usrah hingga ke al-Mursyid al-'Ām<sup>1</sup>.

Oleh itu, kejayaan sesuatu projek, agenda, dakwah, motivasi atau pembelajaran bergantung kepada sejauhmana pendekatan yang dirancang dengan teliti oleh pelaksana atau pengamal itu sendiri. Ia mengambil kira aspek persekitaran dan golongan sasaran terutama melibatkan agenda pembangunan insan, lebih-lebih lagi insan yang hidup pada hari ini yang terdedah kepada pelbagai unsur negatif dalam pelbagai bidang yang diceburi.

---

<sup>1</sup> Ali 'Abd al-Halim Mahmud : *Wasāil al-Tarbiyah 'Inda al-Ikhwān al-Muslimīn* (Manṣoūrah, Mesir : Dār al-Wafā' li al-Tibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī', 1989), hal. 111

Bidang hiburan atau hedonisme mendapat tempat dalam masyarakat manusia hari ini walau di mana mereka berada termasuk di negara-negara Arab dengan program-program realiti yang menjanjikan pelbagai tawaran hadiah yang lumayan, yang tidak berjaya dalam pelajaran tetapi mempunyai bakat seni pelbagai bidang tidak akan melepaskan peluang kerana kesudahan daripada penglibatan dalam program realiti menjadikannya tersohor dan kaya, tidak kurang juga dalam bidang kesukanan.

Usaha dakwah dalam menghadapi suasana ini sesuatu yang rumit, kalau tidak kena dengan cara atau pendekatan berdakwah, ia akan memberi satu impak dan implikasi yang besar, ia bagaikan menarik rambut dalam tepung yang perlu dilakukan dengan berhati-hati. Begitulah yang berlangsung pada setiap generasi terdahulu hingga ke hari ini, masing-masing menghadapi karenah yang tidak sama antara satu generasi ke satu generasi yang lain.

Hasan al-Banna menghadapi karenah masyarakat pada zamannya yang hidup dengan penyakit kebaratan akibat penjajahan Inggeris. Pemerintah Mesir pada zamannya tenggelam dalam kehidupan yang tidak selari dan sejajar dengan ajaran Islam, maka mereka mencipta satu bentuk persekitaran yang menjauhkan manusia daripada Islam. Justeru, Hasan al-Banna menyelar tindakan pemerintah yang terikut-ikut dengan gaya hidup ala Barat yang merosakkan nilai, harga diri dan maruah umat Islam yang mewarisi al-Quran<sup>2</sup>.

Dalam perkara berkaitan, Hasan al-Banna ada menyebut :

“Sesungguhnya matlamat pembangunan insan yang dilaksana oleh anggota al-Ikhwan al-Muslimun adalah terangkum dalam usaha membentuk generasi

---

<sup>2</sup> Hasan al-Banna : *Majmū 'āh al-Rasā'il*, hal 130.

baharu dalam kalangan orang-orang Islam dengan ajaran Islam yang padu dan benar bertunjangkan acuan yang sempurna. Pendekatan wasāil tarbiyah al-Ikhwān al-Muslimūn bertujuan untuk merubah ‘uruf secara kolektif di samping mentarbiyah para dai’nya agar mampu menjadi teladan kepada yang lain dalam berpegang sungguh-sungguh terhadap segenap ajaran Islam dan pendekatannya yang anjal<sup>3</sup>.

#### **4.2. Pendekatan Niżam Usrah Dalam Pembangunan Insan**

Hasan al-Banna ada menyebut secara langsung berkaitan dengan Nizam Usrah :

“Sesungguhnya Islam amat menitik-beratkan pembentukan sebuah Usrah dalam kalangan anggota al-Ikhwān al-Muslimūn (IM) dengan memacu mereka menuju ketinggian akhlak terpuji, pada masa yang sama mengikat mereka dengan ikatan ajaran Islam, menyerlahkan lagi tali silaturrahim yang selama ini hanya terpacul pada peringkat teori sahaja kepada amalan praktikal yang jitu dari sudut tindakan, maka peliharalah saudaraku batu bata bangunan ini (Islam) agar menjadi şolih pada setiap zaman<sup>4</sup>. ”

Sementara kekuatan usrah pula terletak pada tiga rukun bagi membangkitkan roh untuk mengurangkan bebanan setiap anggota IM, ia terdiri daripada ta’āruf, tafāhūm dan takāfūl.

Ta’āruf : Ialah satu bentuk mekanisme bagi mengikat hubungan sesama anggota dengan pendekatan roh Islam, hingga merasakan orang lain lebih mulia daripada diri sendiri. Ia satu konsep saling kenal mengenal antara satu sama lain lebih-

---

<sup>3</sup> Ibid hal. 168.

<sup>4</sup> Ibid hal. 286.

lebih lagi dalam kalangan anggota usrah<sup>5</sup>, ia berpaksikan kepada firman Allah SWT :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ

Surah al-Hujurat : 49 : 10

Terjemahan : “Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara”

Menurut Saiyid Qutb, bahawa persaudaraan yang dimaksudkan dalam ayat di atas setiap orang Islam hendaklah menjadikan aspek kasih sayang, keharmonian, pertolongan dan kesatuan sesama mereka adalah satu tuntutan dalam sebuah jamaah Islam<sup>6</sup>.

Dalam konteks Sirah Rasulullah s.a.w., ta’āruf diperkasakan melalui aspek al-Muākhāh (persaudaraan), bagaimana Rasulullah mempersaudarkan antara golongan Muhājirīn (ahli Mekkah) dengan golongan Anṣār (ahli Madinah), ia bertujuan agar perkenalan sesama mereka lebih intim, pada masa yang sama melalui persaudaraan itu menjadikan seseorang itu tidak merasa dirinya lebih daripada yang lain. Dalam erti kata Ahli Mekkah tidak boleh mendakwa mereka lebih mulia daripada Ahli Madinah dan begitulah sebaliknya, kerana Islam meletakkan individu yang lebih bertaqwa adalah termulia di sisi Allah SWT. Dengan persaudaraan ini para individu yang bersama Rasulullah dalam jamaah Islam telah membentuk sebuah masyarakat

---

<sup>5</sup> Ibid hal. 286.

<sup>6</sup> Saiyid Qutb : *Fi Zilal al-Qurān* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 1982), 6 : 3343.

baru di bumi Madinah bagaikan mempunyai hubungan pertalian darah dan keturunan<sup>7</sup>.

Tindakan Rasulullah s.a.w. dengan mempersaudarakan antara Muhajirin dan Anṣār adalah supaya mereka dapat dibangunkan dengan Islam secara langsung, pada masa yang sama menjadi batu-bata kepada kekuatan bangunan Islam.

Tafāhūm : Istiqamah (konsisten) terhadap manhaj kebenaran, iaitu melakukan apa yang diperintahkan Allah dan meninggalkan tegahan-Nya. Sentiasa melakukan muhasabah diri terhadap aspek ketaatan dan kemaksiatan. Oleh itu setiap individu perlu memberi dan menerima nasihat dengan sikap lapang dada dan rasa gembira<sup>8</sup>.

Pengkaji berpandangan, individu-individu yang telah dibangunkan dengan unsur-unsur pembangunan Islam sentiasa mampu untuk terus beristiqamah dalam beramal dengan segenap ajaran Islam, kerana unsur pembangunan insan adalah paksi kekuatan individu Muslim, apatah lagi yang terlibat secara langsung dalam Niżam Usrah.

Takāful : Ia bermaksud jaminan kesanggupan individu dalam jamaah untuk menanggung bebanan anggota lain dengan penuh tanggungjawab dan kesediaan yang mampan<sup>9</sup>, ia menggambarkan keperihatinan jamaah terhadap individu-

---

<sup>7</sup> Sofiyurrahman al-Mubarakfuri, Syeikh : *Al-Rahīq al-Makhtūm* (Mansoūrah : Dār al-Wafā', t.t), hal. 207.

<sup>8</sup> Op. cit\_\_\_\_\_ Hasan al-Banna, hal. 287

<sup>9</sup> Ibid\_\_\_\_\_ Hasan al-Banna, hal. 287.

individu yang dilanda kesusahan dan berada dalam kesempitan hidup, justeru takaful dianggap sebagai mekanisme terpenting dalam usrah.

Sesungguhnya pelaksanaan konsep takāful secara praktikal adalah mewujudkan rasa tanggungjawab dan kasih sayang sesama anggota, ia lebih kepada memberi bantuan yang diperlukan oleh anggota yang benar-benar memerlukan bantuan, ia bukan sahaja bantuan berupa kewangan atau kebendaan, tetapi mencakupi bantuan tenaga, kepakaran dan khidmat nasihat secara sukarela dan percuma, justeru pada tahap ini individu yang telah mengalami proses penghayatan dan pembentukan dengan unsur pembangunan insan sama ada melalui Niżam usrah dan seumpamanya mampu memberikan khidmat terbaik kepada yang lain.

#### **4.2.1. Pandangan Ilmuan Islam Mengenai Niżam Usrah**

Kepentingan Niżam Usrah ini diwujudkan adalah untuk menyelesai segenap masalah yang dihadapi oleh al-Ikhwān al-Muslimūn (IM), di samping membahaskan perbincangan mengenai hal ehwal Islam, juga mempelajari kitab-kitab yang bermanfaat, ia bertujuan untuk mengikat hubungan sesama mereka dengan menzahirkan semangat kesetiakawan (ukhuwwah Islam), agar masing-masing sanggup dan bersedia untuk membantu dalam kelompok usrah yang terdiri daripada tujuh orang bagi mudah meresap apa yang ditanam menerusi program usrah itu. Tumpuan khusus juga diberi penekanan dalam membaca dan menghafal al-Quran dengan baik. Justeru usrah disifatkan sebagai sebuah

madrasah yang mentarbiyah setiap individu di dalamnya agar menjadi Muslim baik seperti yang dituntut oleh Islam yang diteladankan oleh generasi pertama di zaman Rasulullah s.a.w.<sup>10</sup>.

Gerakan atau jamaah al-Ikhwān al-Muslimūn (IM) merupakan sebuah jamaah seperti yang lain juga yang mempunyai misi dan visi yang jelas. Setiap anggotanya dibekalkan dengan fikrah Islam untuk menyebar luaskan dakwah Islam ke seluruh pelusuk dunia (kerana ia bersifat global dan sejagat). Usrah adalah salah satu mekanisme untuk menyalurkan maklumat mengenai aktiviti dakwah, pada masa yang sama membentuk minda, akhlak dan ketahanan diri untuk menghadapi sebarang kemungkinan mendatang. Ia dipimpin oleh seorang naqib yang berpengetahuan tinggi dalam hal ehwal Islam dan semasa. Ia bukan satu nizam yang mandul, akan tetapi mampu melahirkan individu-individu yang terbuka minda dengan segenap informasi yang diperlukan. Justeru tidak ada sebab pihak musuh mampu untuk mengekang kekentalan semangat ukhuwwah yang terjalin sesama mereka, ia berkat dari hasil tafahum dan takaful serta tanggungjawab terhadap jamaah<sup>11</sup>.

Bagi Ahmad Rabi', Usrah mula diperkenalkan dalam kalangan anggota IM pada 1934 pada peringkat awal, ia merupakan antara nizam tarbiyah terpenting, ia diterajui oleh seorang ketua yang dikenali sebagai naqib yang memimpin usrah seramai tujuh orang, kemudian empat kumpulan usrah akan digabungkan pada satu-satu masa diperlukan yang dinamakan dengan 'Asyirah'.

---

<sup>10</sup> Farīd ‘Abd al-Khāliq : *Al-Ikhwān al-Muslimūn Fī Mīzān al-Haq* (Qāherah : Dār al-Šohwah Li al-Nasyr, 1987), hal. 191.

<sup>11</sup> Maḥmūd ‘Abd al-Halīm : *Al-Ikhwān al-Muslimūn – Ahdāth Sona’at al-Tārīkh* (Qāherah : Dār al-Da’wah, 2004), 1 : 284-285.

Usrah dijalankan di rumah anggota-anggotanya secara bergilir bagi mendiskusi hal-hal yang bersangkutan dengan urusan agama dan semasa, ini termasuk solat secara berjamaah, pembacaan al-Quran, membaca wirid-wirid di samping mempersesembahkan tugasan masing-masing yang telah diarahkan oleh naqib untuk berbuat demikian, setiap anggota usrah diikat dengan kewajipan individu, kemasyarakatan dan kewangan sebagai sebahagian daripada tugasan usrah, ia juga menjadi matlamat khusus usrah<sup>12</sup>.

Tarbiyah Islam melalui usrah menjadi keutamaan kepada Gerakan IM terutama membabitkan persoalan aqidah Islam, ia bersifat sejagat, syumul dan komprehensif dengan pendekatan yang positif menjurus kepada aspek pembangunan insan. Justeru nama Hasan al-Banna bererti membangun, beliau adalah seorang insan yang sentiasa membangun bukan meruntuh, seorang yang beramal dan mempraktikkan ilmu, bukan seorang yang banyak bercakap, tetapi pandai menyesuaikan diri dalam dunia realiti dan kurang berfantasi. Inilah yang telah melonjakkan namanya dan IM di persada dunia sebagai sebuah jamaah yang memacu umat ke arah pelbagai produktiviti dalam pembangunan insan<sup>13</sup>.

Sesungguhnya Hasan al-Banna menerusi dakwahnya melalui tarbiyah dalam usrah, bertujuan untuk mencapai matlamat khusus dan umum yang digariskannya. Di mana matlamat umum ialah untuk melihat anggota IM bangkit menjadi individu-individu dalam masyarakat yang Islamik dalam segenap aspek kehidupan mereka melalui tarbiyah dalam usrah. Pada masa yang sama orang awam pula hidup dalam kemiskinan kerana salah urus tadbir

<sup>12</sup> Ahmad Rabi' 'Abd al-Hamid Khalf Allah : *Al-Fikr al-Tarbawi wa Taṭbiqātuhu Lada Jama'ah al-Ikhwān al-Muslimīn* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1984), hal. 188.

<sup>13</sup> Yusuf al-Qaradawi : *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Madarasan Hasan al-Banna* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1982), hal. 67.

pemerintah yang banyak memberi peluang dan ruang buat syarikat-syarikat asing memonopoli sektor perdagangan, suasana ini mengancam pertumbuhan ekonomi warga tempatan, mengakibatkan mereka menjadi kuli kepada warga asing yang sibuk dengan urusan duniawi dan tidak tumpu kepada pembangunan diri sendiri. Adapun matlamat khusus pula rakyat perlu dibangkitkan dengan kesedaran memperbaiki sistem pembelajaran, meningkatkan sistem ekonomi bersepada agar dapat mengelak dari terjerebak dalam kancang kemiskinan melampau. Jadi wasilah terbaik bagi merawat isu di atas adalah melakukan usaha memperteguh iman, pembentukan jati diri yang unggul dalam usaha yang berterusan untuk berjaya melalui usrah<sup>14</sup>.

Nizam usrah bukanlah satu pendekatan jumud yang tidak membawa hasil yang boleh dimanfaatkan, akan tetapi ia merupakan satu bentuk pertemuan dalam kalangan anggota IM yang telah terbukti mempunyai pelbagai kemampuan dan kemahiran dalam menyampaikan dakwah, hingga setiap anggota usrah yang ditarbiyah menjadi insan yang cekal, istiqamah dalam menghadapi apa jua rintangan yang berusaha untuk memperkasa elemen dakwah yang dijalankan<sup>15</sup>.

#### **4.2.2. Nizam Usrah**

Nizam<sup>16</sup> usrah ini yang telah mula dilaksana dan diperkenalkan pada 1934 dianggap sebagai satu nizam atau sistem tarbiyah terpenting dalam

---

<sup>14</sup> Op. cit Hasan al-Banna, hal. 141-142.

<sup>15</sup> Ibid hal. 141-142.

<sup>16</sup> Ia diertikan sebagai satu sistem yang dirujuk kepada sebuah peraturan, undang-undang dan kepimpinan tertinggi, setiap ahli sama sekali tidak dibenarkan mengikut kepala masing-masing untuk bertindak dalam sesuatu perkara yang bukan bidang kuasanya, ia bertujuan untuk

kalangan anggota IM. Ia dijalankan dalam lingkungan tujuh hingga sepuluh orang di rumah anggota usrah secara bergilir-gilir, pendekatan yang dilakukan untuk menjayakan program usrah ialah dengan menggalakkan pembacaan dan hafalan surah-surah al-Quran beserta wirid dan zikir, setiap anggota diwajibkan untuk memperkasa diri dengan tiga elemen penting seperti di bawah :

- i- Tanggungjawab perkasa sahsiah
- ii- Tanggungjawab perkasa institusi kemasyarakatan
- iii- Tanggungjawab perkasa kewangan.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membahaskan wasāil tarbiyah menerusi Niżam Usrah. Ia merangkumi perbahasan mengenai :

- Ta’rif usrah
- Naqib Usrah
- Program Usrah
- Syarat Usrah
- Syarat, adab dan tanggungjawab dalam Usrah
- Wasilah Usrah<sup>17</sup>.

#### **4.2.2.1. Ta’rif Usrah**

Usrah menurut istilah bahasa ialah sebuah benteng yang kukuh yang diterajui seorang ketua keluarga, di bawah jagaannya terdapat ahli-ahli yang

---

memelihara kebaikan jamaah, justeru yang terbaik bagi mereka ialah mematuhi sistem atau niżam yang tersedia bagi menjamin ketidak-selarasan dalam tindakan. Al-Bahi al-Khaulī : *Tadhkirah al-Du’āh* (Qāherah : Dār al-Turāth, 1987), hal. 261. Dalam Gerakan Islam ia juga disebut sebagai satu ‘Tanzim’, dengannya sesebuah jamaah akan berjalan dengan lancar dan teratur dengan wujudnya tautan ikatan antara pimpinan dan anggota jamaah, maka setiap anggota merasa selesa untuk menerima sebarang tanggungjawab yang diamanahkan untuk mencapai matlamat utama jamaah iaitu mentarbiyah anggota dengan segenap ajaran Islam. - Syeikh Dr. Yusuf al-Qaraḍawī : *Al-Hal al-Islami Farīdatūn wa Ḏorūrah* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1987), hal. 184.

<sup>17</sup> Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Wasāil al-Tarbiyah ‘Inda al-Ikhwān al-Muslimīn* (Qāherah : Dār al-Wafā’ li al-Tibā’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1988), hal. 345.

terdiri daripada isteri dan anak-anak serta kaum kerabat, ia diikat dengan hak-hak dan tanggungjawab, sama ada bersifat kebendaan (kewangan) atau bukan kebendaan yang memperkuatkannya hubungan antara satu sama lain dalam kalangan setiap ahli keluarga.

#### **4.2.2.2. Ta’rif Dari Sudut Konsep Dalam Jamaah**

Hasan al-Banna menegaskan, bahawa Islam menitik-beratkan sebuah pembinaan institusi keluarga yang utuh melalui pembentukan ahli-ahlinya dengan akhlak yang terpuji, saling menguatkan hubungan silaturrahim sesama mereka, bukan sekadar ukhuwwah yang terjalin melalui ungkapan semata-mata secara retorik, malah direalisasikan dalam bentuk yang lebih praktikal dengan tindakan. Maka setiap ahli usrah perlu menjadi salah satu daripada batu bata bangunan Islam yang soleh<sup>18</sup>.

Sementara bagi al-Mursyid al-Am kedua Ustaz Hasan al-Huḍaibi pula menyebut, bahawa usrah bukan sekadar untuk mencapai makna Islam secara praktikal dalam kalangan anggota-anggota, tetapi lebih dari itu iaitu untuk mencapai kemenangan hakiki di sisi Allah SWT<sup>19</sup>.

Justeru, niżam usrah<sup>20</sup> berdasarkan ta’rif jamaah IM boleh disimpulkan kepada perkara berikut :

- i- Ia niżam Islamik yang menjana pembentukan akhlak luhur dalam kalangan anggotanya.

---

<sup>18</sup> Op.cit \_\_\_\_ Hasan al-Banna, hal. 286.

<sup>19</sup> Majalah al-Ikhwan al-Muslimin : *Risalah Niżam Usrah*, minit mesyuarat jamaah, bil. 1372.

<sup>20</sup> Op.cit \_\_\_\_ ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, hal 116.

- ii- Saling memperkuuh hubungan ukhuwwah dalam kalangan anggota berpaksikan konsep ta'āruf, tafāhūm dan takāful.
- iii- Mengangkat kedudukan ukhuwwah dari aspek teori kepada amalan secara praktikal.
- iv- Usrah juga dikenal pasti sebagai wasilah penghubung dalam kalangan anggota yang ikhlas menyertai IM untuk berdakwah.
- v- Ia juga sebagai wasilah untuk membentuk modal dalam kalangan anggota bagi memperkuuh ekonomi mereka.
- vi- Setiap anggota IM adalah diwajibkan menyertai usrah.
- vii- Usrah juga menjadi tonggak kekuatan dalam pembentukan individu, jamaah dan kewangan anggota biasa bagi mencapai cita-cita mendaulatkan Islam<sup>21</sup>.

Pengkaji berpandangan, kerasionalan usrah bukan sahaja terbatas kepada penghayatan dalam kalangan anggota IM, malah ia menjadi suatu perkara yang diterima pakai dalam kalangan gerakan-gerakan Islam seluruh dunia dan tidak terkecuali dalam negara Malaysia.

Gerakan-gerakan Islam di peringkat antarabangsa yang bernaung dibawah IM menggunakan jenama al-Ikhwān al-Muslimūn seperti di Jordan, Syria, Libya, Sudan kekal menjalankan aktiviti usrah seperti yang dirangka oleh IM induk di Mesir, begitu juga gerakan-gerakan Islam lain dengan menggunakan nama masing-masing seperti di Maghribi, Tunisia, Algeria,

---

<sup>21</sup> Ibid \_\_\_\_\_ 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud, hal. 116.

Pakistan dan lain-lain masih menggunakan modul yang dilakar oleh Hasan al-Banna<sup>22</sup>.

Apabila dilihat usrah amat berkesan kepada individu Muslim, maka beberapa pertubuhan atau badan-badan Islam bukan kerajaan seperti IKRAM, ABIM, HALUAN, ISMA dan Parti Islam SeMalaysia (PAS) di Malaysia turut menjadikan modul usrah IM sebagai pendekatan dalam pengisian anggota masing-masing, dalam jadual di bawah ini membuktikan usrah sebagai pendekatan terbaik, ia bertujuan untuk meningkatkan mutu ketajaman cara berfikir dalam kalangan anggota masing-masing, di samping membentuk akhlak, merealisasikan tuntutan ukhuwwah yang merupakan antara unsur pembangunan insan yang telah dicanang oleh Hasan al-Banna.

#### **4.2.2.3. Jadual Parti atau Pertubuhan Islam Yang Anjurkan Usrah**

<b>PARTI / PERTUBUHAN</b>	<b>PANDANGAN MENGENAI DASAR USRAH MASING-MASING</b>
<b>PAS (Parti Islam SeMalaysia)</b>	Usrah adalah proses untuk mengikat hubungan yang lebih mantap di kalangan ahli jamaah untuk melakukan gerak kerja Islam yang mencabar. Tegur menegur antara sesama ahli dan budaya saling nasihat-menasihati. Mewujudkan sifat tolong-menolong antara anggota jamaah. Kemanisan berjamaah akan terasa apabila perlaksanaannya

---

<sup>22</sup> Dr. Kamal Helbawy, “Industri Masa Depan Gerakan Islam,” Majalah Tarbawi, Oktober 2013, 24.

	<p>menepati dengan kehendak usrah<sup>23</sup>.</p> <p><b>PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA</b></p>
	<p>Amal tarbawi yang produktif ialah suatu manhaj yang tetap. Jika kita mempunyai individu-individu yang berkualiti dan keluarga-keluarga Islam yang diikat dengan hubungan kasih-sayang, maka apakah insititusi yang :</p> <p>Boleh mengikuti antara mereka?</p> <p>1. Boleh menjaga dan mengikuti perkembangan perjalanan hidup mereka?      2. Boleh mengenal pasti turun naik prestasi iltizam dan pencapaian objektif mereka?</p> <p>Jawapannya ialah <b>Tarbiyah Melalui Usrah</b>.</p> <p>Proses tarbiyah yang mengandungi unsur-unsur ilmu, fiqh dan kefahaman memerlukan murabbi dalam satu naungan atau semaian dan itulah '<i>usrah</i>'.</p> <p>Murabbi dalam usrah samalah seperti imam dalam solat di mana beliau akan ditaati dan dipatuhi<sup>24</sup>.</p>

<sup>23</sup><https://books.google.com.my/books?id=OcbCBQAAQBAJ&pg=PA7&lpg=PA7&dq=USRah MENURUT+PAS&source=bl&ots=YP3Vf3XoGG&sig=QcCJIwIVZl-0LQ18TAU8w2->

<sup>24</sup><https://www.facebook.com/notes/pertubuhan-ikram-malaysia/usrah-tonggak tarbiyah/196351373738519/>

<p><b>Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)</b></p>	<p><b>Mekanisme Pendidikan</b></p> <p>Dalam konteks tarbiyyah harakiyyah ABIM ada tiga mekanisma digunakan untuk meningkat ahli dalam pendidikan. Mekanism-mekanism itu ialah :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>(1) Usrah mingguan: usrah merupakan mekanisma asas untuk tarbiyyah ABIM</li> <li>(2) Pengisian ilmu : Dalam usrah ahli dilantik memahami perkara-perkara asas Islam terutamanya tentang bacaan dan memahami al-Qur'an dan Hadith, sirah, akidah, fiqh dan akhlak. Selain dari componen asas ini mereka juga diberi kefahaman tentang gerakan Islam dari sudut pemikiran dan lokasi operasi mereka di dunia Islam serta pemikiran-pemikiran semasa. Ini adalah aspek keilmuannya.</li> <li>(3) Kerohanian : Selain dari aspek keilmuan, aspek kerohanian juga ditekankan iaitu solat maghrib atau isya' berjemaah, berzikir selepas solat, beramal dengan zikir al-Ma'thurat dan bacaan al-Qur'an 30 juzu' pada bulan Ramadhan sebagai ganti dan usrah dan solat terawih bersama.</li> <li>(4) Ikatan ukhuwwah : Ikatan ukhuwwah cuba dibina melalui makan bersama yang disediakan oleh ahli di rumahnya dengan penglibatan keluarga, zikir</li> </ol>
--	--

	<p>bersama dan solat jamaah.</p> <p>(5) Membina potensi kepimpinan : Usrah merupakan satu bentuk pengajian halaqah, tetapi ia mempunyai struktur organisasi dari sudut gerak kerjanya. Ia ada naqib dan penolongnya, setiausaha dan penolongnya serta bendahari. Maka melalui kegiatan usrah ini secara tidak langsung kita mendidik ahli ciri-ciri kepimpinan; kepimpinan dalam kerohanian dalam solat, dan kepimpinan dalam menggerakkan kerja-kerja masyarakat. Setiap ahli perlu dilatih menjadi Imam solat, sekurang-kurangnya ketika usrah di rumah<sup>25</sup>.</p>
<b>Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA)</b>	<p>Usrah merupakan wasilah terpenting di dalam proses tarbiyah. Usrah menjadi batu bata pembinaan jamaah. Ia ibarat jantung kepada tanzim bagi menggerakkan segala amal jamaah bagi memastikan segala ahdaf jamaah tercapai.</p> <p>Para Syuyukh Ikhwan meletakkan usrah sebagai wahana induk di dalam wasilah tarbiyah. Syeikh Hasan al-Hudhaibi pernah menyatakan :</p> <p>“ Sistem usrah tidak lain merupakan realisasi hakikat Islam di kalangan Ikhwan.</p>

---

<sup>25</sup> <http://www.mindamadani.my/>, dicapai 7 Mac 2009, isu-semasa/item/161-sistem-tarbiyyah-abim-satu-pengenalan.html

	<p>Jika mereka telah merealisasikan hal ini pada diri mereka, maka benarlah mereka akan menanti datangnya pertolongan Allah kepada orang-orang yang beriman.”</p> <p>Pemikir dakwah Dr. Ali Abdul Halim Mahmud menjelaskan bahawa “ Tarbiyah melalui sistem usrah merupakan tarbiyah yang tidak boleh ditukar ganti dengan cara lain.” Manakala Ustaz Mustafa Mahsyur pernah menyatakan “Kewujudan usrah tidak ada titik akhirnya walaupun daulah Islamiyah ditegakkan.”</p> <p>Jelas sekali peranan dan kedudukan tarbiyah terutama operasi usrah tidak boleh diabaikan walau apa pun posisi gerakan Islam samada berada di mehwar ta’sis, mehwar infitah atau ketika di mehwar daulah<sup>26</sup>.</p>
<b>PERTUBUHAN HALUAN</b>	<p>Halaqah atau usrah menjadi nadi utama kepada tulang belakang HALUAN selama ini. Perjalanan halaqah menjadi kayu ukur kekuatan sebenar kita dalam memperjuangkan Islam. Pembinaan fikrah, proses menyemai ukhwah dan proses tarbiyah (pendidikan) ahli untuk menepati syarat-</p>

---

<sup>26</sup> <http://www.ismaweb.net/dicapai/2013/09/membina-usrah-produktif-siri-1/>

	syarat yang membolehkan kita untuk melaksanakan tugas-tugas dakwah <sup>27</sup> .
--	--

#### 4.2.3. Naqib Usrah

Setelah mengetahui bahawa wasāīl (wasilah) tarbiyah terpenting yang diperkenalkan oleh Hasan al-Banna terhadap anggota-anggota IM ialah usrah, maka jelas dalam memahami ta’rif usrah ia mempunyai ciri-ciri persamaan yang pernah dilaksanakan oleh baginda Rasulullah s.a.w. di peringkat awal permulaan Islam dalam satu perhimpunan di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam dengan tujuan serta matlamat yang sama dalam ta’rif yang dijelaskan oleh Hasan al-Banna, malah beliau meneladani tindakan Rasulullah s.a.w., ia juga bermakna beliau mereka cipta satu perkara baharu dalam Islam, tetapi hanya mengisyihar perhimpunan itu dengan perkataan usrah yang lebih dinamik menjurus kepada keakraban sesama anggota jamaah.

Namun kejayaan sesebuah usrah tidak hanya bergantung kepada pengisian bahan tarbiyah, tetapi juga pendekatan serta pengolahan penyampainya yang menguasai kepelbagaiannya ilmu-ilmu seperti yang telah ditetapkan ke atas penyampai yang dikenali sebagai naqib atau murabbi.

Naqib atau istilah lain yang diguna pakai ialah murabbi iaitu pendidik yang lebih besar peranannya daripada seorang guru, kerana setiap murabbi itu

---

<sup>27</sup><http://www.haluan.org.my/v5/kolumnis/bicara-presiden/2142-ucapan-dasar-mesyuarat-tahunan-perwakilan-haluan-ke-26>

guru dan tidak semestinya guru itu adalah murabbi. Sejarah telah membuktikan bahawa murabbi seperti Rasulullah s.a.w. telah berjaya melahirkan individu-individu hebat dalam sebuah jamaah Islam pimpinan baginda seperti Abu Bakr as-Šiddīq, ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, ‘Uthmān bin ‘Affān, ‘Ali bin Abi Ṭālib, ‘Abd Rahmān bin ‘Auf, Khālid bin al-Walīd, ‘Amr bin al-Āṣ dan lain-lain yang telah menguasai sebahagian pelusuk dunia dengan membawa obor-obor Islam. Begitu juga Hasan al-Banna yang meneladani Rasulullah dalam mendidik anak-anak buah dalam program usrah hingga melahirkan insan-insan hebat dalam berpidato, penulisan, penghujahan dan lain-lain seperti Syeikh Saiyid Sabiq, Syeikh Muhammad al-Ghazali, Ustaz ‘Umar Tilmasāni, Dr. Yusuf al-Qaradawi (Mesir), Dr. Muṣṭafa Zarqa, Dr. Muṣṭafa as-Sibā’ie, Syeikh Sa’id Hawwa, Dr. Abdullah Nasih ‘Ulwan (Syria), Syeikh Mahmud Mohammad as-Ṣowāf (Iraq) dan ramai lagi, mereka semua adalah bekas didikan Hasan al-Banna ketika mengaji di Universiti al-Azhar.

Menurut Ahmad Farid, seorang murabbi itu diangkat sebagai seorang pendidik kerana memiliki kelayakan seperti berikut :

- i- Memiliki cara berfikir yang benar, jelas dan tepat berdasarkan wahyu al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w.
- ii- Beraqidah dengan aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah sepermata yang diimani oleh kalangan salaf dari umat ini.
- iii- Seorang yang memiliki keluhuran budi pekerti an akhlak mulia, baik pergaularan dengan orang sekeliling serta lembut bahasa ketika berbicara.

- iv- Memiliki ciri-ciri ketokohan seorang murabbi yang sentiasa berpegang teguh kepada petunjuk agama.
- v- Seorang yang amat memelihara solat berjamaah dan sentiasa melazimi kelas-kelas pengajian.
- vi- Mempunyai hubungan intim dengan al-Quran.
- vii- Sentiasa melakukan amal-amal sunat serta melazimi duduk untuk berzikir seusai solat hingga terbit matahari, disambung pula dengan solat Duha, juga melazimi puasa-puasa sunat, berqiyamullail dan sentiasa melakukan amal ketaatan lain yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- viii- Mesra dengan semua pihak, tidak sibuk dengan urusan dunia yang melalaikan serta tidak terikat dengan urusan hutang piutang.
- ix- Mempunyai pengalaman luas dalam lapangan dakwah dan bijak memahami tuntutan orang ramai hingga mampu serlahkan kasih sayang terhadap mereka.
- x- Memberi wala' taat setia dalam berpegang teguh kepada manhaj Ahl as-Sunnah wa al-Jamaah tanpa fanatik kepada aliran yang bercanggah dengannya.
- xi- Mempunyai minat mendalam dalam mentelaah kitab-kitab ilmiah bagi menambah ilmu dan maklumat berkenaan agama serta hal ehwal semasa.
- xii- Sentiasa menekuni sesuatu usaha yang dilaksanakan hingga terkesan pada pihak lain menerusi nasihat, motivasi dan bimbingan sama ada ketika melazimi kehadiran ke masjid atau menjenguk ahli-ahli qaryah yang menjadi jiran tetangganya.

xiii- Mempunyai cita rasa yang tinggi terhadap keamanan, keselamatan dan keharmonian hingga membawa kepada sikap suka memberi salam antara satu sama lain dalam kalangan individu masyarakat setempat<sup>28</sup>.

Dari apa yang ditekankan di atas, kelayakan dan syarat seorang murabbi adalah sangat ketat, ia bagi menjamin kesinambungan tarbiyah yang berkualiti, dengannya akan mampu melahirkan individu-individu Muslim yang berketerampilan melalui segenap tindakan dalam rutin kehidupan harian.

Namun bagi Hasan al-Banna, beliau tidak menggunakan perkataan ‘murabbi’ ke atas penyampai dalam nizam usrah, tetapi lebih kepada penggunaan istilah ‘naqib’<sup>29</sup>, bagi pengkaji, istilah yang digunakan sebagai pemimpin atau penyampai dalam usrah adalah terlalu teknikal, kerana ia tidak langsung menyanggah hukum yang ada dalam ajaran Islam, apa yang lebih penting pengisian berdasarkan sukatan yang tersedia untuk disampaikan.

Bagi Hasan al-Banna, penggunaan perkataan ‘naqib’ adalah dianggap pimpinan tertinggi dalam jamaah, malah dialah juga murabbi kepada anggota Niżam Usrah, pada masa yang sama perancang dan penyelaras program bagi mencapai matlamat usrah itu sendiri.

Naqib bertanggungjawab mentarbiyah anak-anak buahnya bertepatan piawaian yang ditetapkan Allah dalam al-Quran dan Rasulullah s.a.w. dalam

---

<sup>28</sup> Ahmad Farid : *Al-Tarbiyah ‘Ala Manhaj ‘Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* (Iskandariah : Al-Dār al-Salafiyyah li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1999), hal. 288-289.

<sup>29</sup> Perkataan naqib diinspirasikan dari ayat 12 surah al-Māidah yang diterjemahkan sebagai pemimpin, maka naqib yang mengendalikan usrah adalah pemimpin yang menerajui usrah dengan segala ilmu dan kepakaran yang ada.

sunnahnya. Justeru beliau mestilah bersedia sepenuhnya dari sudut dalaman dan luaran sebagai seorang naqib/murabbi yang berkesan<sup>30</sup>.

Untuk memastikan kejayaan sesuatu Nizam Usrah tercapai segala matlamatnya, maka naqib juga perlu melengkapkan diri dengan ciri-ciri kejayaan yang tersurat dalam ayat 1 hingga 11 menerusi surah ‘al-Mu’minun’ yang disimpulkan melalui faktor-faktor berikut :

- i- Mu’min yang berjaya
- ii- Khusyu’ dalam solat.
- iii- Berpaling dari perkara-perkara yang sia-sia.
- iv- Mengeluarkan zakat.
- v- Memelihara kemaluan.
- vi- Menjaga serta melaksanakan amanah agama.
- vii- Memelihara solat dengan baik (pada awal waktu dan berjamaah).
- viii- Mereka adalah golongan pewaris.
- ix- Yang mewarisi syurga Firdaus dan kekal di dalamnya<sup>31</sup>.

Syarat dan ciri ketat yang dikenakan ke atas naqib/murabbi adalah bertepatan dengan apa yang pernah ditonjolkan oleh baginda Rasulullah s.a.w. dalam membangun insan-insan pada peringkat awal (di Mekkah) di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam. Rasulullah s.a.w. dengan segala ciri murabbi yang ada padanya berjaya membangun insan dengan mengajak mereka meletakkan

---

<sup>30</sup> Ali ‘Abd al-Halim Mahmud : *Wasāil al-Tarbiyah ‘Inda al-Ikhwān al-Muslimīn* (Manṣoūrah : Dār al-Wafā’ li al-Ṭibā’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1988), hal. 193-194.

<sup>31</sup> Ibid \_\_\_\_ 196-198

segala pengabdian diri hanya kepada Allah SWT yang menjadi matlamat dalam hidup mereka.

Justeru peristiwa di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam menjadi inspirasi kepada umat Islam terutama para pewaris Nabi dalam kalangan ilmuan, sarjana (ulama') yang menjadikan peristiwa berkenaan sebagai model bagi membangun insan, sejarah juga telah membuktikan bahawa kejayaan para ulama' dalam membangun insan adalah dengan mengaplikasikan peristiwa berkenaan hingga sampai kepada era Hasan al-Banna yang mengistilahkannya sebagai ‘Niżam Usrah’, malah kejayaan umat Islam hari ini di seluruh dunia seperti di Turki<sup>32</sup> sebagai contoh terdekat dalam membangun insan menerusi pelbagai aspek kehidupan mereka adalah bermula dengan usrah melalui murabbi dan naqib yang berkesan.

#### 4.2.4. Program Pengisian Usrah

Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn (IM) adalah di antara jamaah haraki tertua di dunia, keberadaannya di persada dunia ini telah menjangkau lebih lapan dekad lalu, ia telah mengalami beberapa siri tribulasi dari pihak musuh

---

<sup>32</sup> [http://www.buletinislami.com/\\_dicapai\\_2016/01/rahasia-kejayaan-turki-jamaah-shalat-subuh-seperti-jumatan-di-indonesia.html](http://www.buletinislami.com/_dicapai_2016/01/rahasia-kejayaan-turki-jamaah-shalat-subuh-seperti-jumatan-di-indonesia.html). Ia menggambarkan kejayaan Presiden Turki, Recep Taiyip Erdogan memacu negaranya dengan Islam. Beliau telah mencanang 3 program nasional, iaitu gerakan solat Subuh berjamaah di masjid, gerakan infaq dengan bersedekah dan gerakan ekonomi umat sejagat. Sementara dalam <http://ilhamfadli.blogspot.my/2012/04/recep-toyip-erdogan.html> ada disebutkan bahawa Dr. Necmettin Erbakan (mantan Perdana Menteri Turki pada 1996 yang diguling dari Parti Refah berhaluan Islam) adalah mentor kepada Erdogan, bukan sahaja dalam bidang politik, tetapi juga dalam persoalan agama. – Dr. Erbakan adalah seorang haraki yang banyak terlibat dengan program Gerakan Islam seluruh dunia, justeru pada hari kematiannya, ramai dalam kalangan pimpinan Gerakan Islam menghadiri upacara pengebumiannya termasuk al-Mursyidul ‘Am al-Ikhwan al-Muslimun ketika itu, Dr. Mehdi ‘Akef, Ketua Parti Nahdah Tunisia, Dr. Rasyid Ganushi, wakil-wakil pimpinan HAMAS dan lain-lain. – <https://ar.wikipedia.org/wiki/erbakan> & <http://www.aljazeera.net/specialfiles/pages/0e4ef397-38c1-4fa9-a2e8-1f4b2ac9bd9f>

dan bonekanya dalam dan luar Mesir khususnya. Namun ia masih utuh hingga kini, antara rahsianya adalah kerana anggota-anggota IM cukup kental dan tahan lasak dengan sikap berpegang teguh terhadap apa yang mereka garap dalam Niżam Usrah melalui program pengisian yang padat dengan peringatan, nasihat, teguran dan pandangan-pandangan yang mematangkan mereka dengan penghayatan Islam dalam segenap aspek kehidupan harian yang diperlukan.

Mereka telah melalui jatuh bangun, suka dan duka hingga ke peringkat mengharamkan IM habis-habisan hingga ke akar umbi oleh pihak pemerintah yang sanggup menjadi boneka sistem Barat. Sesungguhnya pengisian dalam program usrah telah menyedarkan anggota-anggota IM bahawa tribulasi dan ujian yang dihadapinya adalah terlalu kecil dibandingkan dengan apa yang dilalui oleh Rasulullah s.a.w. dan sejarah para Sahabat serta para Tabi'in. ini kerana salah satu pengisian yang disampaikan dalam program usrah adalah Sirah.

#### **4.2.5. Definisi Program Pengisian Usrah**

Bagi IM, ia mempunyai program pengisian usrah yang bersifat tarbiyah<sup>33</sup> mengikut manhaj Islam. Di mana manhaj Islam dalam tarbiyah adalah cukup jelas apa yang terkandung dalam al-Quran, sunnah (hadith) Rasulullah s.a.w., Sirah Nabawiyyah dan lain-lain. Manhaj Islam dalam pengisian tarbiyah bertujuan untuk menyediakan generasi individu yang hidup untuk Islam yang tidak terpisah antara kehidupan dunia dan akhirat. Pada masa yang sama ia amat memelihara aspek kerohanian, akal, badan, perasaan individu

---

<sup>33</sup> (rujuk dalam bab dua penjelasan terperinci mengenai tarbiyah)

dan masyarakat dengan berlitzam secara bersungguh-sungguh melalui perkataan dan perbuatan. Program pengisian usrah ini juga bertindak mengikat hubungan intim sesama anggota usrah, ahli keluarga, masyarakat dan umat, apa yang diketengahkan oleh IM melalui pengasasnya iaitu Hasan al-Banna dengan program pengisian usrah menepati roh dan ajaran Islam sebenar<sup>34</sup>.

Menurut Muhammad ‘Abd al-Rahman, Hasan al-Banna amat peka terhadap program pengisian usrah, beliau bukan sahaja menitik-beratkan kuantiti anggota IM yang ramai, tetapi yang paling penting kualiti kefahaman Islam dalam diri setiap anggota IM itu sendiri, justeru beliau menekankan unsur pembangunan insan yang sepuluh<sup>35</sup> dengan pembentukan individu melalui nizam usrah, antara lain penekanan yang dihalakan kepada anggota-anggota usrah adalah seperti berikut :

- i- Muzakarah mengenai hal ehwal Islam dalam segenap dimensi, di samping membaca kitab Majmu’ah al-Rasail, taujihat pimpinan terhadap anggota usrah.
- ii- Mendiskusi dengan menggunakan kitab-kitab ilmiah dan agama.
- iii- Peduli terhadap permasalahan yang timbul dalam kalangan anggota usrah dan sentiasa ada tindakan susulan untuk menanganinya.
- iv- Penekanan pengisian bukan sahaja dalam aspek teori semata-mata, tetapi disusuli dengan amalan praktikal seperti solat berjamaah, melaksanakan

<sup>34</sup> Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Manhaj al-Tarbiyah ‘Inda al-Ikhwān al-Muslimīn* (Manṣourah : Dār al-Wafā’, 1989), 1 : 547-548.

<sup>35</sup> 1- Insan yang berakhlak mulia, 2- Insan yang berilmu tinggi, 3- Insan yang sihat tubuh badan, 4- Insan yang berdikari, 5- Insan yang memiliki akidah yang sohih, 6- Insan yang melaksanakan ibadah menurut piawaian Islam, 7- Insan yang dapat mengawal dan menguasai diri, 8- Insan yang bijak mengurus waktu, 9- Insan yang berdisiplin melaksanakan urusan dan 10- Insan yang menyumbang bakti kepada masyarakat.

solat dan puasa sunat, tidur di rumah penganjur usrah bagi menzahirkan ukhuwwah yang kental sesama mereka<sup>36</sup>.

Tidak dinafikan bahawa aspek tarbiyah secara khusus dan dinamik terdapat dalam Niżam Usrah di mana Hasan al-Banna telah menyediakan modul pengisian yang mantap dan berkesan, ia bertujuan tidak lain adalah untuk memartabatkan ilmu-ilmu Islam dalam diri individu Muslim amnya dan anggota-anggota IM khasnya sebagai satu cara hidup yang syumul, apatah lagi ia dibincangkan dalam kelompok kecil usrah yang terdiri daripada lima hingga enam anggota, apa yang menarik dalam pengisian ini ialah;

- i- Mentashihkan bacaan al-Quran bersesuaian dan bertepatan dengan ilmu hukum tajwid.
- ii- Menghafal sebahagian surah al-Quran
- iii- Menghafal sebahagian hadith Nabi s.a.w.
- iv- Mentashih aspek aqidah, ibadat dan lain-lain ketika membincangkan tajuk-tajuk berkenaan.
- v- Mengenali secara dekat peradaban Islam.
- vi- Mengkaji dan mendiskusi Sirah Nabi, Sirah para Salaf dalam kalangan Sahabat, Tabi'in dan Sejarah Islam<sup>37</sup>.

Sehubungan dengan itu, Yusuf al-Qaradawi ada sebab mengapa beliau memuji gurunya Hasan al-Banna, beliau menegaskan bahawa gurunya itu bukan

<sup>36</sup> Muhammad 'Abd al-Rahman, Dr : *Manhaj al-İslâh wa al-Taghyîr 'Inda al-Ikhwân al-Muслиmîn – Dirâsaḥ Fi Rasâ'il al-Imâm Hasan al-Banna* (Qâherah : Dâr al-Tawzî' wa al-Nasyr al-Islamiyyah, 2006), hal. 120-121.

<sup>37</sup> 'Abd al-Rahman al-Naqib, "Al-Fîkr al-Tarbawi 'Inda al-Imâm Hasan al-Banna" dalam *Al-Masyrû' al-İslâhi li al-Imâm Hasan al-Banna li Qarîn Jadid*, ed. Al-Mustasyar Ṭorîq al-Basyari (Qâherah : Markaz al-'Ilâm al-‘Arabi, 2007), hal. 192.

sekadar seorang pemimpin atau ketua dalam sebuah jamaah atau gerakan Islam, akan tetapi hubungan intim yang dijalin terhadap anak-anak buah usrahnya hingga mereka sanggup untuk menjadi pembela kepada seruan dakwahnya, beliau mempunyai hubungan luar biasa sebagai seorang pendidik terhadap anak-anak didiknya dari sudut cara berfikir, hubungan hebat bagaikan seorang syeikh tarekat yang mesra terhadap murid-muridnya dari sudut penghayatan kerohanian, hubungan mesra bagaikan seorang ayah terhadap anak-anaknya dari sudut kasih sayang dan hubungan padu bagaikan seorang panglima tentera terhadap barisan tentera di bawah jagaannya, itu semua terserlah hasil pengisian yang disampaikan dalam program-program usrah<sup>38</sup>.

Sesungguhnya semua penggarapan terhadap pengisian usrah itu tidak akan tercapai dengan jayanya jika setiap anggota tidak sanggup untuk berkorban masa, harta, tenaga, jiwa raga, kesungguhan bahkan seluruh hidup untuk perjuangan Islam<sup>39</sup>.

Saiyid Qutb ada menyebut mengenai program pengisian usrah, sesungguhnya nama yang ada pada Hasan al-Banna (bermaksud pembangun, pembina, pembentuk), ia bukanlah satu kebetulan, akan tetapi al-Banna adalah nama sebenarnya, iaitu seorang yang benar-benar mampu membangun manusia dari terus alpa dengan kesenangan duniawi untuk memilih kehidupan sebenar di akhirat. Beliau telah merancang pelbagai program dengan pengisian-pengisian mantap, sama ada ceramah, kuliah, wacana ilmu yang bersifat berkala dan yang

<sup>38</sup> Yusuf al-Qaradawi, “Murabbi al-Rijal”, dalam *Al-Masyrū’ al-Islāhī li al-Imam Hasan al-Banna li Qarnin Jadid*, ed. Al-Mustasyar Ṭoriq al-Basyari (Qāherah : Markaz al-‘Ilām al-‘Arabi, 2007), hal. 475.

<sup>39</sup> Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Rukn al-Tadhiyah* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiyyah, t.t.), hal. 202.

bersifat tetap adalah usrah. Di mana kesan yang digarap oleh individu-individu dalam program usrah telah menyerlahkan IM di persada dunia, langkah-langkah yang diambil dan dirancang oleh Hasan al-Banna dalam membangun manusia dengan tanzim yang tersusun melalui usrah berjaya menjadikan mereka insan-insan yang memiliki unsur pembangunan insan yang dirangka oleh beliau<sup>40</sup>.

Walau bagaimanapun pengisian antara satu kelompok usrah dengan yang lain berbeza berdasarkan tahap penggarapan dan pencapaian anggota, ia terbahagi kepada tiga tahap :

Kelompok Pertama : Anggota usrah biasa, kelompok ini diminta untuk membincangkan perkara berikut :

- i- Mendiskusi manhaj yang sesuai dengan peringkat mereka.
  - ii- Mendiskusi intipati ceramah, bimbingan pimpinan dan teknik untuk berdakwah.
  - iii- Mendiskusi Risalah al-Jihad tulisan al-Mursyid al-'Am Hasan al-Banna. Mereka yang berada pada tahap ini tidak akan dinaikkan ke peringkat seterusnya melainkan setelah mereka menunjukkan iltizam yang bersungguh-sungguh secara praktikal seperti di bawah ini;
- \* Memberi sepenuh taat setia (wala') kepada jamaah tanpa terikat dengan parti atau pertubuhan lain melainkan mendapat keizinan untuk berbuat demikian.

---

<sup>40</sup> Yusuf al-Qaradawi : *Al-Ikhwān al-Muslimūn – 70 'Ām fī al-Da'wah wal-Tarbiyah wa al-Jihād* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1999), hal. 53.

- \* Berjanji untuk melaksanakan segenap kewajipan perintah Allah dan meninggalkan tegahan dan larangan-Nya.
- \* Berkesanggupan untuk menyumbang apa yang ada kepada jamaah walaupun sedikit.
- \* Membayar zakat kepada tabung zakat jamaah.
- \* Sanggup melakukan tugas-tugas dakwah dan mempertahankan kesucian Islam, pada masa yang sama berpegang teguh dengan prinsip utama jamaah dalam segenap isu yang mendaratang<sup>41</sup>.

Kelompok Kedua : Peringkat ‘Amil (pekerja jamaah), kelompok ini dituntut untuk membincang perkara-perkara berikut;

- i- Mendiskusi manhaj yang sesuai dengan peringkat mereka.
- ii- Mendiskusi Risālah al-Ta’ālim dan al-Jihad tulisan Hasan al-Banna.
- iii- Mendiskusi kitab Ma’ālim fī al-Torīq (Petunjuk Sepanjang Jalan) tulisan Saiyid Qutb.
- iv- Mendiskusi intipati dua surah al-Quran iaitu Surah al-Anfal dan Surah al-Taubah dari kitab Fī Zilāl al-Qurān hasil karya Saiyid Qutb. Dan ditambah dengan komitmen anggota untuk sentiasa;
- \* hadir dalam segenap himpunan jamaah yang bersifat ilmiah.
- \* membiasakan diri dan ahli keluarga dengan cara hidup beramal secara praktikal berpaksikan prinsip-prinsip al-Ikhwān al-Muslimūn.
- \* melibatkan diri dalam aktiviti bantuan tenaga dan kewangan terhadap anggota-anggota jamaah yang memerlukan.

---

<sup>41</sup> Ahmad Rabi’ ‘Abd al-Majid Khalfallah : *Al-Fikr al-Tarbawi Ladā Jamā’ah al-Ikhwān al-Muslimīn* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1984), hal. 193-194.

- \* melazimkan diri berbahasa Arab Fuṣḥa (iaitu bahasa al-Quran bukan bahasa dialek Arab kampung).
- \* berusaha untuk menjaga kesihatan dengan bersukan agar memiliki tubuh badan yang benar-benar sihat.
- \* berusaha mengelak diri dari terlibat dalam amal perbuatan yang tidak syara' dalam ibadat dan institusi mua'āmalāt.
- \* sentiasa patuh pada arahan pihak pimpinan selagi mana ia tidak bercanggah dengan ajaran Islam sebenar<sup>42</sup>.

Kelompok Ketiga: Peringkat pimpinan usrah (naqib), mereka adalah dituntut untuk megasai ilmu-ilmu Islam dengan baik\_dalam segenap disiplinnya. Mereka bukan sahaja dituntut sama seperti di peringkat bawahan dan pekerja jamaah, malah dituntut lebih daripada itu seperti perkara-perkara di bawah ini;

- i- Sentiasa membawa bersama mashaf al-Quran walau di manapun mereka berada, ia bertujuan agar dapat merujuk apa yang telah dihafal jika terlupa.
- ii- Sentiasa jujur dan amanah dalam menjaga kerahsiaan jamaah dan melebihkan keutamaan jamaah atas keutamaan diri sendiri.
- iii- Sentiasa menampilkan diri dengan pakaian Islam (tidak mesti berjubah), agar sentiasa kelihatan mempunyai haibah (kehebatan) sebagai Muslim yang komited.
- iv- Sentiasa menjaga qiyamullail dan solat fardū secara berjamaah pada awal waktu.
- v- Sentiasa menjayakan segenap aktiviti dakwah secara bersama.

---

<sup>42</sup> Ibid \_\_\_\_\_ Ahmad Rabi' , hal. 194-195.

- vi- Menyumbang tabung dakwah untuk menampung aktivitinya.
- vii- Melakukan tugas jamaah dalam berdakwah di kampung halaman masing-masing agar dikenali dalam kalangan mereka dengan menjaga akhlak jamaah.
- viii- Memberi bai'ah taat setia pada waktu senang dan susah.

Jika mereka mampu melakukan segenap tuntutan yang diarah, maka mereka telah memenuhi kriteria yang akan melayakkan mereka dinaik-taraf ke peringkat seterusnya yang semakin mencabar dengan pelbagai ujian dan tribulasi yang tidak terduga, walau bagaimanapun anggota usrah berada di tahap dan peringkat yang berbeza antara satu sama lain, namun mereka tetap sama dalam melakukan tuntutan amal rutin harian siang dan malam seperti berikut;

- \* Sentiasa beriltizam untuk membaca zikir yang terkandung dalam Risālah al-Ma'thūrāt susunan Hasan al-Banna, ia ringkasan dari Kitab al-Adhkar oleh Imam an-Nawawi.
- \* Solat berjamaah pada awal waktu.
- \* Membaca bersama wirid-wirid yang terdapat dalam al-Quran serta doa-doа yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w.
- \* Membaca dan membincangkan kitab-kitab mu'tabar serta melakukan ringkasan dari apa yang diperkatakan.
- \* Beriltizam dengan sukan-sukan yang berfaedah.
- \* Melakukan solat witir sebelum tidur.

\* Melakukan muhasabah diri setiap malam dengan memerhatikan apa yang telah dilakukan pada siang hari untuk berkhidmat kepada Islam<sup>43</sup>.

Menurut Sa'id Hawwa, yang paling penting penggarapan dalam program usrah di semua peringkat ialah kemampuan setiap anggota mencegah dan menghapuskan kemungkaran setelah banyak belajar hukum-hakam Islam yang didiskusikan, apatah lagi mungkar yang berleluasa secara meluas yang perlu dipelajari cara-cara mengatasinya, justeru amat penting bagi anggota usrah amnya dan anggota IM khasnya mempunyai hubungan baik dengan semua manusia, terutama yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat, agar dapat menjadikan mereka wasilah untuk mencegah kemungkaran, kerana menghilangkan kemungkaran menjadi sebab Allah membukakan pintu kebaikan yang luas kepada yang melakukannya dan menganugerahkan kefahaman yang kental<sup>44</sup>.

Usrah yang dicanang oleh Hasan al-Banna dalam kalangan anggota IM adalah menepati tindakan yang dilakukan oleh baginda Rasulullah s.a.w. dalam melakukan Islāḥ (pembaikan) agar setiap anggota yang terlibat dapat melakukan tambah nilai terhadap iman agar menjadi kental di samping kefahaman terhadap Islam secara komprehensif dan dinamik, kerana aqidah adalah antara perkara yang dibincangkan dalam usrah agar anggota dapat memahaminya dengan baik hubungan manusia dengan alam ini dan keberadaannya di dunia ini, aspek syariat juga dibahaskan secara ilmiah dalam usrah agar setiap anggota dapat memahami kepentingan syariat dalam

---

<sup>43</sup> Ibid\_\_\_\_\_ Ahmad Rabi', hal. 196.

<sup>44</sup> Sa'id Hawwa : *Al-Madkhāl Ila Da'wah l-Ikhwan al-Muslimin* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1984), hal.104.

kehidupan bermasyarakat, di samping ilmu akhlak turut menjadi bahan perbincangan, ia bagi melahirkan insan-insan yang tahu tanggungjawab terhadap diri dan masyarakat sekeliling, isu semasa juga menjadi topik yang dibincang, semua itu tidak lain adalah untuk membekalkan kepada setiap anggota usrah kefahaman yang syumul untuk penambah-baikan manusia sejagat yang terikat dengan institusi masyarakat, politik, sosio-ekonomi, pemikiran dan pembelajaran bagi mencapai maksud pendekatan dakwah kepada umat manusia<sup>45</sup>.

Pengkaji berpandangan, dari apa yang diketegahkan oleh para sarjana atau ulama' Islam sebagai penyaksian mengenai pandangan masing-masing tentang program pengisian usrah, cukup jelas dan terang lagi bersuluh, bahawa Hasan al-Banna dengan agenda untuk melakukan *Islāḥ* agar setiap anggota bukan sahaja mampu menggarap ilmu agama, isu semasa dan yang berkaitan dengan peradaban Islam, akan tetapi yang paling penting dapat membangun mereka ialah dengan unsur pembangunan insan, pendekatan pengisian dalam program usrah mencakupi pembentukan cara berfikir yang dinamik, pembentukan rohani dengan amalan wirid yang disusun, penghafalan al-Quran dan hadīth-hadīth Nabi, penguasaan terhadap sirah dan sejarah Islam, ia cukup membuktikan bahawa usrah sedemikian bagaikan sebuah institusi pengajian tinggi yang lengkap dengan sukanan pelajaran yang mampu melonjakkan graduannya bersedia untuk berkhidmat kepada masyarakat, negara dan umat seluruhnya pada bila-bila masa diperlukan, inilah realiti yang berlaku

<sup>45</sup> ‘Abd al-Mun’im Abu al-Futūh, “Al-*Islāḥ* Fi Fikr al-Imām al-Banna”, dalam *Al-Masyrū’ al-Islāhi li al-Imām Hasan al-Banna li Qarnin Jadid*, ed. Al-Mustasyar Ṭorīq al-Basyari (Qāherah : Markaz al-‘Ilām al-‘Arabi, 2007), hal. 125.

kepada bekas anak didik Hasan al-Banna di seluruh dunia melalui program usrah yang telah mencetuskan satu fenomena baharu di dunia Islam.

#### **4.2.6. Syarat Dan Adab Usrah**

Dalam segenap aktiviti kehidupan harian manusia, yang paling penting adalah mengikut peraturan yang ditetapkan, ia bertujuan untuk memastikan seseorang itu berada pada tahap yang terbaik dalam kerangka yang dirancang, contoh terdekat dalam merealisasikan kejayaan yang terancang itu ialah mencapai piawaian dan syarat yang dikenakan, individu yang berhasrat untuk menjadi seorang ‘programmer teknologi maklumat’, dia mestilah memenuhi syarat kelayakan agar diterima semasa sesi temuduga, antara syaratnya ialah memiliki sijil dalam bidang yang dipohon di samping pengalaman yang pernah ditemba dalam bidang ini. Tanpanya ia dianggap tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

Begitulah juga dalam Nizam Usrah, bukan semua individu layak untuk menyertai atau terlibat secara langsung di dalamnya, jika tidak memenuhi keperluan syarat yang telah ditentukan oleh pimpinan tertinggi dalam sesebuah jamaah seperti IM, maka pengkaji perlu beri sedikit penekanan terhadap aspek syarat menurut Fiqh Islam.

Apakah yang dimaksudkan dengan syarat dalam disiplin ilmu Fiqh Islam?. Syarat adalah satu keperluan yang mesti ada pada sesuatu hukum, tanpanya sesuatu hukum itu tidak akan wujud dan terbatal, seperti syarat sah

solat, hukum solat akan terbatal dengan sendirinya jika tidak ada wuḍū', maka wuḍū' adalah menjadi syarat sah kepada solat<sup>46</sup>.

Menurut al-Zuhaili pula, syarat adalah sesuatu yang mesti ada bagi menyempurnakan kewujudan sesuatu hukum. Ia berbeza dengan rukun, sesuatu hukum bergantung keabsahannya kepada kewujudan syarat, walaupun syarat bukan sebahagian daripada hukum, malah ia di luar kotak hukum bagi menyempurnakan status sah bagi hukum, seperti hukum solat yang wajib, bagi menyempurnakan kewajipan solat, maka ia perlu didahului dengan ‘ṭahārah merangkumi wuḍū’, sementara rukun pula adalah sebahagian daripada hukum seperti kewajipan solat, tanpa ruku’ yang merupakan sebahagian daripada hukum solat, maka solat akan terbatal dengan sendirinya<sup>47</sup>.

Jelas dari apa yang disebutkan di atas, pengkaji berpandangan, dalam memperkasa segenap program pengisian usrah seperti yang telah dibincangkan, yang menjadi syarat kesempurnaan sesebuah program usrah, adalah dengan adanya naqib yang berkelayakan dalam lapangan kepimpinan yang dikenakan ke atasnya, ia bagi menjamin keberkesanan penyampaian pengisian terhadap anak-anak didiknya, di samping adanya pengisian yang mantap dalam pelbagai dimensi dan disiplin ilmu-ilmu yang menjadi syarat kepada anggota-anggota usrah untuk diikutinya, syarat-syarat yang ditetapkan itulah yang menjadi pemangkin kejayaan sesebuah usrah seperti yang ditonjolkan oleh jamaah IM.

---

<sup>46</sup> Imam Muhammad Abu Zuhrah : *Ilmu Uṣūl Fiqh* (Qāherah : Dār al-Fikr al-‘Arabi, 1958), hal.

<sup>47</sup>.

<sup>47</sup> Wahbah al-Zulaili, Dr : *al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirūt : Dār al-Fikr al-Mu’āṣir, 1997), hal. 138.

Menurut al-Tilmasānī, walaupun individu-individu yang terlibat dalam usrah diarah dan ditarbiyah dengan membaca serta menghafal sebahagian surah atau surah-surah tertentu, di samping hadīth-hadīth Nabi s.a.w., merangkumi juga penguasaan terhadap disiplin ilmu-ilmu sirah, fiqh dan tafsir, maka bagi menyempurnakan usrah itu sendiri, setiap anggotanya disyaratkan untuk sentiasa berada dalam keadaan suci, bersih, penampilan diri yang menarik dan jujur serta menghayati dan menjiwai perasaan ukhuwwah yang mendalam terhadap sesama anggota usrah khasnya dan mereka yang di luar amnya. Inilah satu pendekatan terbaik yang dijiwai oleh segenap anggota usrah hingga tidak ada yang rasa dia lebih baik dari yang lain, tetapi yang menduka-citakan ialah mengapa usaha-usaha murni itu dipantau, disekat dan dipersulitkan oleh pihak keselamatan negara<sup>48</sup>.

Setelah mengetahui dengan jelas peranan syarat bagi mencapai maksud sebenar Niżam Usrah, namun ia pada asalnya tidak termaktub dan disebut secara jelas oleh Hasan al-Banna, akan tetapi diolah semula secara ilmiah oleh mereka yang datang selepasnya.

Justeru usrah dengan segala syarat dan adabnya mestilah bersifat berterusan tanpa terhenti, walaupun wujud sebuah kerajaan Islam yang berusaha mengimplementasikan hukum Syariat Islam, ini kerana pembentukan dan pembangunan insan Muslim yang sempurna adalah menjadi keutamaan dan

---

<sup>48</sup> Umar al-Tilmasānī : *Dhikrayāt Lā Mudhakkirāt* (Qāherah : Dār al-‘Itisom, 1985), hal. 192.

tuntutan dalam Islam, bagi melahirkan sebuah masyarakat yang berada di dalamnya ciri-ciri kebaikan<sup>49</sup>.

Namun bagi mencapai syarat yang disebutkan, maka para anggota usrah perlu memelihara adab-adab usrah.

Adab yang dimaksudkan ialah memperbaiki diri dengan ajaran Islam yang syumul, mestilah seseorang itu juga berusaha memiliki nilai adab yang tinggi dengan beristiqamah, iaitu adab dengan Allah, Rasul, al-Quran, Sunnah atau hadīth Nabi, adab terhadap kedua orang tua, diri sendiri dan orang lain dalam kalangan masyarakat<sup>50</sup>.

Bagi merealisasikan adab dalam berusrah, maka setiap anggota itu perlu melihat kepada perkara yang berkaitan dengannya :

- i- Setiap anggota ketika menghadiri program usrah, mestilah hadir dengan persediaan roh dengan bekalan iman, akal yang ikhlas hadir untuk menggarap sesuatu dari penyampaian dan jiwa yang tidak sibuk dengan urusan dunia.
- ii- Mengkhususkan waktu usrah dengan penuh ikhlas untuk menimba sesuatu dalam pengisian usrah.
- iii- Sentiasa memelihara ketepatan masa sewaktu hadir dan bersurai seusai tamat usrah, iaitu tidak terlalu awal dan lewat sampai.

---

<sup>49</sup> Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Rukn al-To’ah* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiyah, 1997), hal. 294.

<sup>50</sup> Ali Mahfuz, Syeikh : *Hidāyah al-Mursyidīn Ilā Turuq al-Wa’z wa al-Khiṭābah* (Qāherah : Dār al-‘Itisom, 1979), hal. 33.

- iv- Menekuni setiap yang disampaikan, jika ada permasalahan kerana kurang faham, perlulah minta izin untuk bercakap dengan memelihara suara agar tidak terlalu perlahan atau terlajak kuat.
- v- Memberi perhatian baik dalam mendengar setiap apa yang disampaikan oleh naqib di samping memelihara adab-adab berbahas jika ada.
- vi- Memerhati diri ada peningkatan dari sudut cara memahami sesuatu isu yang dibangkitkan, dari sudut amalan farḍū dan sunnat dan sebagainya<sup>51</sup>.

Setiap anggota perlu memberi sepenuh adab kepada naqib agar apa yang digarap selama berada dalam program usrah terkesan dan berbekas, maka anggota usrah mestilah menzahirkan perkara berikut;

- i- Rasa kasih yang mendalam kepada naqib.
- ii- Menghargai segala ilmu dan maklumat yang disampaikan.
- iii- Mentaati segala apa yang disampaikan dengan baik.
- iv- Menghormatinya lebih dari diri sendiri.
- v- Memberi sepenuh kepada kepadanya.
- vi- Menyusuli apa yang didengar dengan amalan praktikal.
- vii- Berusaha gigih untuk tidak terlibat dalam maksiat.
- viii- Hendaklah menjadikan ilmu yang digarap sebagai sebab untuk melakukan ketaatan kepada segenap ajaran Islam.
- ix- Hendaklah ilmu dan amal seiring dalam kehidupan harian<sup>52</sup>.

---

<sup>51</sup> Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Wasā'il al-Tarbiyah ‘Inda al-Ikhwān al-Muslimīn* (Qāherah : Dar al-Wafā’ li al-Ṭibā’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1988), hal. 168-169.

<sup>52</sup> Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Rukn al-To’ah* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiah, 1997), hal. 414.

Dalam kesempatan lain, Hasan al-Banna ada menegaskan mengenai adab-adab yang perlu dipelihara oleh anggota usrah untuk sentiasa percaya dan berjanji pada perkara berikut :

- i- Percaya bahawa seluruh perkara adalah milik Allah, Nabi Muhammad s.a.w. Nabi yang terakhir bagi seluruh umat manusia, percaya bahawa balasan (di akhirat) adalah sesuatu yang benar, al-Quran itu adalah kitab Allah, Islam adalah satu sistem kehidupan yang lengkap dan sempurna sesuai untuk urusan dunia dan akhirat.
- ii- Berjanji pada diri sendiri untuk membaca dan menghafal satu hizb dari al-Quran dan berpegang teguh kepada Sunnah yang mulia dan berjanji untuk mempelajari dan menguasai Sirah Nabi dan para Sahabat.
- iii- Percaya dan meyakini bahawa beristiqamah dengan mencari faqilat serta ilmu pengetahuan adalah antara daripada rukun Islam.
- iv- Berjanji untuk sentiasa istiqamah dalam beramal ibadat dan meninggalkan segala yang mungkar, berusaha untuk memiliki akhlak terpuji dengan mempraktikkan segala ajaran dan adab-adab Islam, mengelak diri dari mudah menghukum orang lain, berbangga dengan kemuliaan Islam dan berjanji untuk menyampaikan semampu mungkin ajaran Islam kepada orang lain.
- v- Meyakini dan percaya bahawa setiap Muslim itu dituntut untuk bekerja dan berusaha dan dalam ganjaran yang diperolehi dari bekerja itu ada hak bagi orang yang memerlukannya.
- vi- Berjanji untuk memperbaiki gaya hidup dengan bekerja bersungguh-sungguh dan menyimpan sebahagian wang yang diperolehi di samping

mengeluarkan zakat dan sedeqah pada perkara-perkara kebaikan dan kebajikan, sentiasa peka untuk menyokong usaha meningkatkan ekonomi yang bersifat Islamik, sentiasa menyokong pembelian produk umat Islam dan tidak terlibat dengan unsur riba dalam sistem muamalat.

- vii- Percaya dan yakin bahawa setiap Muslim itu bertanggungjawab terhadap ahli keluarganya dan menjadi tanggungjawab untuk menjaga kesihatan, aqidah dan akhlak mereka.
- viii- Berjanji untuk menyebar-luaskan ajaran Islam dalam kalangan ahli keluarga, sahabat handai dan jiran tetangga, mengelak untuk hantar anak-anak dari belajar di sekolah yang tidak menjaga aqidah dan akhlak, memboikot segala akhbar, buku dan media massa yang anti Islam.
- ix- Meyakini bahawa menjadi kewajipan atas setiap Muslim menghidupkan segala kemuliaan Islam pada diri, masyarakat dan negara dengan berusaha melaksana dan memperkasa hukum Syariat Islam dan mengembalikan persekitaran dengan cara hidup Islam.
- x- Berjanji untuk berjuang meningkatkan penyebaran agama Islam segala bernyawa dan berkorban pada jalan Allah untuk berbuat demikian.
- xi- Yakin bahawa seluruh kaum Muslimin adalah umat yang satu yang diikat dengan aqidah Islam dan Islam mengajar untuk sentiasa melakukan kebaikan kepada seluruh manusia sejagat.
- xii- Berjanji sedaya upaya untuk menjalin ikatan persaudaraan dalam kalangan kaum Muslimin dan cuba menjauhkan sengketa kerana wujudnya beberapa perbezaan.

xiii- Percaya dengan penuh yakin bahawa kemunduran kaum Muslimin adalah disebabkan jauhnya mereka dari ikatan agama Islam, cara terbaik untuk memperbaikinya adalah dengan melakukan pembaikan (*Iṣlāḥ*) untuk kembali kepada ajaran Islam sebenar dan mereka boleh melakukannya jika diberi kesedaran ke arah itu<sup>53</sup>.

Sebagai anggota yang berusrah dan telah diberi kefahaman mengenai keberadaan mereka dalam sebuah jamaah atau gerakan Islam, maka mereka disaran malah dituntut agar memahami syarat dan adab-adab sebagai anggota Gerakan Islam, kerana ini akan lebih membantu mereka untuk sedia berkhidmat untuk Islam dan kaum Muslimin walau di manapun mereka berada pada bila-bila masa.

Tiga perkara yang mesti mereka perlu tahu sedalam-dalamnya bagi memperkasa jati diri mereka sebagai golongan haraki;

i- Harakah (Gerakan), ia adalah satu istilah dalam arena amal Islami untuk memperkasa Islam yang tidak semua individu Muslim terlibat di dalamnya. Iaitu satu usaha untuk memahamkan manusia dengan Islam di semua peringkat dengan segala pengorbanan yang tidak berbayar, hanya mereka yang ditarbiyah dalam usrah dengan memahami segala syarat dan adab-adabnya yang sanggup melakukannya<sup>54</sup>.

ii- Tanzim, iaitu satu sistem gerak kerja yang dilakukan oleh mereka yang bekerja dalam amal Islami yang sentiasa meletakkan Awlawiyyat atau keutamaan terutama dalam mengajak manusia kepada Islam dengan lebih

---

<sup>53</sup> Markaz al-Kalimah Li al-Dirāsāt wa al-Buḥūth (Qāherah, t.t.), hal. 154-155.

<sup>54</sup> Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Rukn al-Ikhlas* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiah, 1994), hal. 112.

sistematik dan secara praktikal, seperti mengajak manusia untuk menunaikan solat tanpa sebarang prejedis terhadap mereka yang tidak tahu solat walaupun dalam keluarga Islam, ia lebih kepada menarik hati manusia dengan kemuliaan Islam yang indah<sup>55</sup>.

iii- Tarbiyah, di mana tarbiyah dalam amal Islami amat berbeza dengan yang lain, kerana ia menjurus kepada unsur-unsur didikan yang solih hingga sanggup memikul tanggungjawab dan bebanan tugas, malah dituntut untuk sanggup berkorban bagi meninggikan syiar Islam, tarbiyah dalam IM adalah berkomunikasi dengan manusia, mereka adalah sasaran dakwah kepada Islam hingga mampu dan sanggup akhirnya untuk menjadi Muslim yang mempraktikkan Islam dalam segenap aspek hidup mereka<sup>56</sup>.

Bagi pengkaji, apabila seorang yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan (tarbiyah) dan sempat mentelaah apa yang dipersembahkan dalam pengisian usrah dengan syarat dan adab-adabnya, dia akan mendapati bahawa apa yang ditonjolkan itu tidak lain adalah untuk membawa manusia seluruhnya menjadi sebaik-baik makhluk di muka bumi ini seperti yang ditegaskan Allah dalam al-Quran, dengan kebaikan yang ada pada manusia itu maka segala bentuk ancaman, keganasan, penindasan dan seumpamanya tidak akan wujud, maka mereka dapat menjalani hidup ini dengan penuh keamanan dan keharmonian yang diimpi dan didambakan oleh semua bangsa manusia di dunia ini.

---

<sup>55</sup> Ibid\_\_\_\_ Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, hal. 121.

<sup>56</sup> Ibid\_\_\_\_ Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, hal.129.

Nama-nama besar dalam bidang dakwah, motivasi, penulisan bahan ilmiah dan tarbiyah seperti Syeikh Muhammad al-Ghazali, Syeikh Dr. Yusuf al-Qarađawi, Syeikh Saiyid Sābiq, Syeikh Abbās as-Sīsī, Syeikh Muhammad al-Khaṭīb, Dr. Abdullah Nāṣih ‘Ulwān, Dr. Muṣṭafā Zarqā’, Dr. Muṣṭafā as-Sibā’īe, Syeikh Sa’īd Ḥawwā, Syeikh Maḥmūd as-Ṣowāf dan ramai lagi bukan sahaja dalam kalangan mereka yang berwarganegara Mesir, malah dari seluruh pelusuk dunia adalah mereka yang mendapat tarbiyah, bimbingan dan pengisian langsung dari Hasan al-Banna dan pimpinan tertinggi IM ketika menjadi mahasiswa di Universiti-Azhar<sup>57</sup>. Justeru mereka aplikasikan apa yang mereka perolehi dalam bentuk penulisan bahan-bahan ilmiah yang sangat bermanfaat buat umat seluruhnya.

Sesungguhnya mereka yang dapat tarbiyah langsung daripada Hasan al-Banna dan pimpinan selepasnya dianggap beruntung kerana bukan sahaja mereka dibentuk akhlak dan budi pekerti yang mulia, pada masa yang sama berkat kesabaran dalam menggarap bahan-bahan yang diperolehi dalam usrah dan sebagainya, telah menjadikan mereka sebagai insan yang bergelar **نافعاً لغيره**<sup>58</sup> iaitu insan yang dapat memberi manfaat kepada orang lain sama ada dalam kancang dakwah, motivasi atau penghasilan karya agung yang bersifat mendidik manusia menuju Allah SWT, pengkaji penuh yakin bahawa IM telah berjaya memproduk insan-insan solih yg tidak takut menerima sebarang tribulasi dalam perjuangan, malah hanya mengharapkan reğā Allah untuk kebaikan dunia dan akhirat mereka.

<sup>57</sup> Muhammad Mahmud al-Ṣowaf, Syeikh : *Min Sijilli Dhikrayātī* (Qāherah : Dār al-‘Itisom, 1987), 105.

<sup>58</sup> Ia adalah salah satu unsur pembangunan insan yang menjadi bahan perbincangan dalam tesis ini.

#### 4.2.7. Wasāil (Wasilah) Usrah

Setelah mengetahui dengan jelas mafhum usrah menurut IM serta yang berkaitan dengan naqib, program pengisian, syarat dan adab-adabnya, maka perbincangan kali ini menjurus kepada wasilah usrah, ia juga boleh disifatkan sebagai alat atau cara untuk menguasai pengisian yang disampaikan oleh naqib, terdapat satu kaedah Uṣūl Fiqh menyebut ‘ matlamat tidak menghalalkan cara’ (wasilah), di mana wasilah dalam konteks ini ialah cara untuk sampai kepada matlamat yang berkaitan dengan pengisian usrah, iaitu pengisian yang mantap tanpa tersasar daripada matlamat asal untuk membangun insan yang ditarbiyah melalui usrah.

Sehubungan itu, menurut Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, hakikat wasilah yang sebenar dalam usrah ialah memelihara segenap cara menuju Allah SWT dengan penguasaan ilmu, ibadat serta perkasa diri dengan dengan kemuliaan akhlak menurut Syariat Islam. Wasilah juga bermaksud memfokus golongan sasaran sebagai mad’ū (golongan sasaran) dakwah melalui penyampaian kata-kata, penonjolan amalan dan suri teladan yang baik, ia berpaksikan kepada firman Allah :

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ  
بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ  
أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ ﴿١٢٥﴾ وَإِنَّ عَاقِبَتُمْ فَعَاقِبُوا بِمِثْلِ مَا عُوْقَبْتُمْ  
بِهِ وَلَئِنْ صَرَبْتُمْ لَهُوَ خَيْرٌ لِلصَّابِرِينَ ﴿١٢٦﴾

Surah Al-Nahl : 16 : 125 - 126

Terjemahan : Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. (125) Dan jika kamu membalaas kejahatan (pihak lawan), maka hendaklah kamu membalaas dengan kejahatan yang sama seperti yang telah ditimpakan kepada kamu, dan jika kamu bersabar, (maka) sesungguhnya yang demikian itu adalah lebih baik bagi orang-orang yang sabar.<sup>59</sup>(126)

Berdasarkan ayat di atas menurut Ali lagi, sebahagian para ulama' Islam telah menjelaskan bahawa ayat berkenaan mengandungi sepuluh wasilah seperti berikut;

- i- Hikmah
- ii- Mau'izah (Nasihat) yang baik
- iii- Berbahas dengan cara yang baik
- iv- Berinteraksi dengan penuh sifat adil dan rendah diri
- v- Sabar terhadap mad'ū (golongan sasaran)
- vi- Beriltizam dengan penuh sabar
- vii- Mengharapkan sesuatu perubahan pada mad'ū tanpa berputus asa
- viii- Tidak beri tekanan pada mad'ū ketika menyampaikan sesuatu nasihat
- ix- Utamakan sifat taqwa terhadap mad'ū ketika berinteraksi dengannya
- x- Sentiasa bersikap ihsan dengan melakukan muraqabah terhadap Allah dalam setiap gerak kerja dalam tugasannya dakwah<sup>60</sup>.

Sesungguhnya keberkesanan pengisian usrah berkait rapat dengan cara penyampaian naqib terhadap pengisian yang diamanahkan untuk

<sup>59</sup> Ali 'Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Manhaj al-Tarbiyah 'Indā al-Ikhwān al-Muṣlimīn* (Mansourah : Dār al-Wafā' Li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī', 1989), 2 : 697-698.

<sup>60</sup> Ibid

disampaikan kepada anggota-anggota usrah. Berdasarkan ayat 125 – 126 surah al-Nahl yang telah disebutkan di atas, jelas menunjukkan penyusun mendatangkan beberapa wasilah yang terdapat pada ayat tersebut. Di mana wasilah-wasilah yang terdapat di dalamnya mampu menggilap minat mendalam dalam sanubari anggota-anggota usrah kerana ia merupakan wasilah terbaik yang disediakan khas oleh Allah SWT kepada hamba-Nya yang terlibat dalam usrah, pada masa yang sama mereka juga adalah golongan sasaran untuk diajak kepada Islam. Wasilah-wasilah yang disebutkan dalam dua ayat tersebut cukup lunak bagi melembutkan hati golongan mad'ū untuk cenderung kepada ciri-ciri ajaran Islam sebenar. Apabila diamat-amati secara halus dan ilmiah, mendapati bahawa elemen-elemen yang terdapat dalam wasilah-wasilah itu boleh disifatkan sebagai satu gagasan untuk mendaulatkan Islam secara praktikal, ini kerana kejayaan seseorang naqib mengaplikasikan wasilah-wasilah tersebut mampu serlahkan Islam dalam bentuknya yang indah dan harmoni.

Justeru IM amat menitik-beratkan wasāl yang betul dalam segenap institusi yang dilibatkannya seperti institusi pendidikan, pembelajaran, kehakiman, pengurusan, ketenteraan, perekonomian, kemasyarakatan, kesihatan, penyiaran dan pentadbiran sejajar dengan pendekatan Syariat Islam, ia bertujuan untuk meraih pertolongan, dokongan dan kemenangan dari Allah SWT<sup>61</sup>.

Wasāl dalam mencapai matlamat usrah dengan segala pendekatan dan pengisian adalah untuk mempersiap diri para anggotanya dengan minda dan

---

<sup>61</sup> Ibid \_\_\_\_\_ Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, 699.

akal yang mampu berfikir menuju kecemerlangan untuk kebangkitan ummah. Hasan al-Banna ada menegaskan bahawa sesuatu kebangkitan tidak mampu dibangunkan jika tiada generasi yang kuat untuk memikul tanggungjawab risalah kebangkitan itu sendiri, bagi menzahirkan generasi tersebut tidak lain adalah melalui tarbiyah dalam apa jua bentuknya sama ada usrah dan lain-lain<sup>62</sup>.

Menurut al-Qaradawi, keistimewaan yang ada pada Gerakan IM bukan sahaja mempunyai matlamat yang jelas, tetapi pada masa yang sama mempunyai wasilah-wasilah tarbiyah yang jelas juga, sesungguhnya wasilah yang telah ditetapkan oleh Hasan al-Banna untuk merealisasikan matlamat tidak sedikitpun mengandungi kekaburan dan keraguan, ini kerana ia tertumpu pada faktor-faktor berikut;

- i- Menyebar luaskan kesedaran dan kefahaman Islam kepada ummah dalam melaksanakan tuntutan Syariat Islam dalam segenap aspek kehidupan.
- ii- Menyampaikan amanah agama dengan menyeru sekalian manusia untuk wajib kembali kepada ajaran Islam melalui pemerksaan elemen aqidah agar dapat membangun jati diri dengan kemuliaan Islam.
- iii- Memperjelaskan kepada ummah peri pentingnya kembali kepada ajaran Islam dalam kehidupan, sama ada dalam aspek keilmuan, politik, ekonomi, kemasyarakatan dan lain-lain.
- iv- Mengadakan dialog bersama para pemerintah dengan hujah yang padu mengenai kepentingan sebuah pemerintahan dengan cara Islam melalui cadangan-cadangan praktikal dari sudut pembakaian dan perubahan ummah.

---

<sup>62</sup> Taufiq al-Wā'ie, Dr : *Al-Imām Hasan al-Banna – Mujaddid al-Qarn* (Kuwait : Maktabah al-Manār al-Islamiah, 2008), hal. 238.

- v- Melakukan anjakan paradigma untuk mentarbiyah segenap manusia dari semua peringkat walaupun terdapat kekangan, halangan dan tentangan yang hebat dari pihak tertentu.
- vi- Melakukan usaha tarbiyah secara berperingkat-peringkat dengan memperkenalkan mereka dengan konsep pengenalan terhadap Islam, disusuli program pembentukan jati diri dan diakhiri dengan konsep pelaksanaan secara serius<sup>63</sup>.

Sementara bagi ‘Abd al-Hamid al-Ghazali, beliau menegaskan bahawa Hasan al-Banna ada menyatakan dalam Risalah ‘Da’watuna’<sup>64</sup>, bahawa wasilah itu merangkumi tiga elemen penting, iaitu manhaj yang benar, para pekerja untuk Islam yang benar-benar beriman dan kepimpinan yang benar-benar boleh diberi kepercayaan sepenuhnya<sup>65</sup>. Adapun dalam Risalah ‘Da’watuna Fi Ṭāūr Jadīd’ beliau menegaskan, bahawa wasilah bukan satu-satunya cara yang mampu menarik perhatian orang ramai kepada Islam, tetapi teknik atau pendekatan yang sesuai dan berkesan mampu menarik jiwa-jiwa manusia tanpa perlu menggunakan tongkat, panah dan seumpamanya, akan tetapi wasilah yang terbaik dan paling berkesan menurut sejarah dakwah IM ialah iman dan amal yang jalan seiring dan pautan persaudaraan dalam kalangan umat Islam<sup>66</sup>.

---

<sup>63</sup> Yusuf al-Qaradawi : *Al-Ikhwān al-Muslīmūn – 70 ‘Āmān Fī al-Da’wah wa al-Tarbiyah wa al-Jihād* (Qāherah : Maktabah Wahbah : 1999), hal. 97.

<sup>64</sup> Hasan al-Banna : *Majmū’ah al-Rasā'il* (Qaherah : Dār al-Siyhāb, t.t.), hal. 28.

<sup>65</sup> ‘Abd al-Hamid al-Ghazali, Dr : *Haula Asasiyyāt al-Masyrū’ al-Islāmī li Nahḍah al-Ummah* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiyyah, 2000), hal. 120.

<sup>66</sup> Ibid hal. 123.

Sesungguhnya kepelbagaian wasilah dalam tarbiyah menurut Hasan al-Banna dan diperjelaskan lagi oleh para sarjana dalam kalangan Ulama' Islam bagi pengkaji, ia menunjukkan bahawa Islam mempunyai teknik atau cara yang bercambah bagi menarik lebih ramai lagi individu yang terpaut dengan Islam yang benar-benar indah dan harmoni. Jika inilah wasilah yang dapat diterap kepada segenap manusia sejagat sejak beberapa dekad lalu hingga ke hari ini, maka tidak akan ada dalam kalangan umat Islam yang mencemarkan gambaran kemuliaan Islam, maka tidak ada istilah atau label ditujukan kepada umat Islam sebagai pengganas oleh masyarakat Barat. Oleh yang demikian, umat Islam hari ini perlu dan mesti kembali kepada ikatan tali agama Islam, kerana ia adalah wasilah untuk meraih kemuliaan, pertolongan dan kemenangan dari Allah SWT, mereka juga perlu dibangunkan dengan unsur-unsur pembangunan insan jika mahu melihat Islam mentadbir alam dengan jayanya pada masa akan datang.

#### **4.3. Nizam Katībah**

Jika usrah disifatkan oleh IM dan anggotanya sebagai batu-bata utama dalam memperkasa anggota-anggota IM dalam bentuk yang kecil dari lima ke enam orang, maka katībah juga adalah salah satu wasilah tarbiyah IM yang bersifat lebih besar dengan anggota yang ramai, ia bagaikan satu perkumpulan anggota-anggota usrah bertemu dalam satu kumpulan yang besar dengan pendekatan manhaj yang lebih khusus.

Sesungguhnya Niżam Katībah begitu unik kerana ia persis menyerupai perhimpunan di Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam di mana Rasulullah s.a.w. menghimpunkan para sahabat di situ dengan menampilkan uslub tarbiyah yang

benar-benar menyentuh jiwa, perasaan dan minda mereka dengan obor-obor Islam. Ia satu permulaan langkah yang diambil oleh Rasulullah bertujuan untuk membangun para sahabat dengan tarbiyah secara langsung, mereka memberi sepenuh perhatian dengan jiwa raga, pemikiran dan perasaan terhadap penyampaian baginda bagaikan seorang jeneral yang sedang memberi arahan strategi peperangan<sup>67</sup>.

Katībah dalam IM di peringkat awal pernah terlibat dalam jihad menentang Israel pada 9 November 1951, ia terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu Katībah Universiti al-Azhar yang diselia oleh Ahmad al-‘Assāl, Dr. Yusuf al-Qaraḍawi dan Ustaz Abdullah al-‘Uqail, sementara Katībah Universiti ‘Ain Shams diselia oleh Dr. Sa’īd al-Najjār, Dr. Wāel Syahīn dan Mehdi ‘Ākef dan Katībah Universiti Qāherah pula diselia oleh Hasan Dūḥ dan Prof. Dr. ‘Abd al-Wahhab Moro Basha<sup>68</sup>.

Manhaj Katībah sebenar yang dilakar oleh Hasan al-Banna selaku Pengasas IM merangkap al-Mursyid al-‘Am pertama yang menegaskan, bahawa paling utama dalam melakukan perubahan diri manusia ialah melalui tarbiyah, kerana dengan tarbiyah beliau telah berjaya memulakan siri dakwah hingga tercetusnya jamaah al-Ikhwān al-Muslimūn pada 1928, perubahan yang dilakukan mencakupi kehidupan bermasyarakat dan amalan politik di Mesir

<sup>67</sup> Mahmud ‘Abd al-Halim : *Al-Ikhwān al-Muslimūn – Aḥdāth Ṣona’at al-Tārīkh Ru’yatun Min ad-Dākhil* (Qāherah : Dār al-Da’wah, 2004), 1 : 19.

<sup>68</sup> ‘Alī Ṣodiq : *Al-Ikhwān al-Muslimūn Baina Irhāb Fārūq wa’Abd al-Nāṣer* (Qāherah : Dar al-‘Itiṣom, 1987), hal. 59-60.

yang dilanda musibah penjajahan yang merencatkan segenap usaha ke arah pembangunan insan yang dinamik<sup>69</sup>.

Dengan terbentuknya IM sebagai sebuah jamaah yang sistematik dan dinamik, usaha tarbiyah melalui wasilah-wasilah tarbiyah adalah untuk membentuk jiwa, pemikiran dan tubuh badan hanya difokuskan untuk Islam. Ini jelas di mana Hasan al-Banna mengemukakan hasrat, cita-cita dan matlamat jamaah terhadap anggota-anggota IM dalam Niżam Katībah ialah untuk membebaskan Dunia Islam dari sebarang bentuk penjajahan asing dan membentuk sebuah Negara Islam yang melaksanakan hukum Syariat Islam<sup>70</sup>.

Dari sudut penelitian pengkaji, usaha yang dilakukan oleh IM melalui pengasasnya tidak hanya menggunakan satu medium seperti usrah untuk membangun manusia dari sudut jiwa, pemikiran dan sihat tubuh badan, akan tetapi menggunakan medium katībah dan wasilah-wasilah tarbiyah yang lain dan menggunakannya sebaik mungkin dalam memberi penjelasan mengenai Islam dan tuntutannya hingga ke peringkat untuk membebaskan manusia, malah masyarakat seluruhnya dan negara dari terus dijajah dengan aliran fahaman yang memisahkan manusia dari agama, ia merupakan satu bencana yang mesti disisihkan dari kehidupan orang Islam khususnya, ia bukan hanya terbatas di bumi Mesir, tetapi seluruh Dunia Islam hingga sanggup menjadi talibarut musuh-musuh Islam kerana dengan sedikit habuan dunia yang dijanjikan, maka dengan adanya medium seperti usrah dan katībah yang dijelmakan oleh Hasan

---

<sup>69</sup> Fathi Yakan, Dr : *Manhajīyyah as-Syahīd Ḥasan al-Banna wa Madāris al-Ikhwān al-Muṣlimīn* (Beirut : Muassasah al-Risālah, 1998), hal. 40.

<sup>70</sup> Muhammad ‘Abd al-Qader Abu Fares, Dr : *Manhaj al-Taghyīr ‘Indā as-Syahīdīn Ḥasan al-Banna wa Saiyid Qutb* (Ammān Jordan : Dār ‘Ammār, 1997), hal. 34.

al-Banna sekurang-kurangnya dapat mengembalikan semula kemuliaan, keagungan dan kehebatan mereka dengan Islam. Kerana pihak musuh sentiasa mencari ruang dan kesempatan untuk menjadikan mereka hina di dunia ini walaupun dalam negara mereka sendiri. Wasilah-wasilah yang disediakan oleh Hasan al-Banna melalui IM adalah untuk memandu mereka ke arah kehidupan yang lebih baik dan dipandang mulia di sisi Allah SWT.

Justeru katībah seperitimana usrah mempunyai konsep, matlamat, syarat dan adab-adab, pengisian dan ketua serta pembantu-pembantunya<sup>71</sup>.

#### **4.3.1. Konsep Katībah**

Katibah bermaksud satu pendekatan gaya tarbiyah khusus bagi anggota-anggota IM. Ia bertujuan untuk mentarbiyah roh, melunakkan hati, menyucikan jiwa, membiasakan tubuh badan dan segenap pancaindera untuk bersiap melakukan ibadat khusus, ia termasuk ibadat umum seperti zikir, tahajjud, berfikir pada perkara yang baik dan lain-lain<sup>72</sup>.

Konsep katibah yang difahami oleh anggota-anggota IM sejak diperkenalkan secara haraki ialah mencari punca kepada sebab yang boleh menjadi kuat, iaitu kuat roh dengan Pencipta, kuat cara berfikir, kuat tubuh badan, kuat kesabaran di atas segala tribulasi dan kuat dalam memikul tanggungjawab agama. Ia adalah satu cara yang amat unik di mana Hasan al-Banna telah mengambil inspirasi dari peristiwa di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam pada zaman Nabi s.a.w., walaupun bilangan mereka yang beriman ketika

<sup>71</sup> ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Wāṣā'il al-Tarbiyah ‘Indā al-Ikhwān al-Muṣlīmīn* (Mansoūrah : Dār al-Wafā’ Li al-Ṭiba’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1988), hal. 219.

<sup>72</sup> Ibid hal. 220.

itu adalah kecil, namun dengan tarbiyah yang disampaikan oleh baginda benar-benar meninggalkan kesan yang mendalam dalam jiwa dan sanubari segelintir para sahabat, hingga mereka keluar dari rumah tersebut dengan penuh keyakinan terhadap Islam dan berjanji untuk menyebar-luaskan nur Islam ke seluruh pelusuk dunia<sup>73</sup>.

Bagi mengekalkan kekuatan, para anggota IM perlu menjauhkan diri dari perkara-perkara yang boleh memudaratkan tubuh badan mereka, ia bertujuan bagi kelangsungan pemikiran yang sihat kesan dari dari tubuh badan yang sihat, di samping itu mereka juga perlu menjaga perkara-perkara berikut :

- i- Tidur awal seusai solat Isyak jika munasabah.
- ii- Bangun awal sebelum fajar menyingsing.
- iii- Mengurangkan pengambilan makanan dan makan jika terasa lapar.
- iv- Melakukan riadah setiap hari.
- v- Menjaga kebersihan pada pakaian dan tempat tinggal.
- vi- Beriltizam melakukan sunnah Nabi seperti berkhitan, bersugi, memotong kuku, membersihkan ketiak, mencukur bulu ari-ari, menipiskan misai, menggunting rambut, bercelak, menyisir rambut dan memulakan setiap pekerjaan dengan sebelah kanan<sup>74</sup>.

Pengkaji berpendapat bahawa pembentukan Niżam Katībah lebih kepada mewujudkan sumber kekuatan pada diri setiap anggota IM dari sudut fizikal, mental, spiritual kerana mereka adalah batu bata kepada kekuatan jamaah

---

<sup>73</sup> Ibid\_\_\_\_hal.221.

<sup>74</sup> ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud : *Rukn al-‘Amal Au Manhaj al-İslāḥ al-Islāmī li al-Fard wa al-Mujtama’* (Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiah, 1994), hal. 22.

untuk menjadi jurucakap mengenai Islam seperitimana yang ditonjolkan oleh generasi pertama di zaman Rasulullah s.a.w., bersedia untuk bercakap tentang Islam walaupun di mana sahaja mereka ditempatkan, justeru dengan bekalan kekuatan yang ada pada diri mereka, segala perkara menjadi mudah, mudah dalam bertindak, dalam berfikir, dalam menyampaikan dakwah, inilah hasrat yang diilhamkan oleh Hasan al-Banna dengan pembentukan Nizam Katibah. Tujuan utama adalah untuk memastikan agar tugas dakwah terus berjalan seiring dengan kehidupan harian setiap Muslim yang meyakini bahawa Islam adalah agama yang benar yang mesti sampai kepada pengetahuan manusia sejagat, ia terpikul di atas setiap pundak Muslim, bukan hanya mereka yang bernama ustaz, penceramah, pendakwah tetap, akan tetapi ia mesti dilaksanakan oleh semua pihak tanpa mengira latar belakang kedudukan mereka berbekalkan kekuatan yang diasah dalam sesi pengisian usrah dan katibah.

#### **4.3.2. Matlamat Nizam Katibah**

Sesungguhnya Hasan al-Banna telah memperkenalkan Nizam Katibah sebagai sebuah briged pemuda pada 1937, di mana setiap anggotanya diwajibkan tidur tiga malam dalam seminggu iaitu Ahad, Selasa dan Khamis, ia bertujuan untuk menyatukan saf dalam kalangan mereka yang dipilih untuk memikul tanggungjawab amanah bekerja untuk Islam. Dalam pertemuan mingguan itu mereka didedahkan dengan pengisian Risālah al-Ta’ālīm yang menjadi fokus perbincangan di samping yang lain-lain<sup>75</sup>.

---

<sup>75</sup> Op. cit \_\_\_\_ Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, hal. 234.

Nizam Katibah IM menurut penilaian pengkaji, ia merupakan salah satu wasilah tarbiyah bermatlamat untuk pembentukan sahsiah individu Muslim, terutama dalam menghubungkan diri kepada Allah SWT dengan mentaati segenap suruhan-Nya dan meninggalkan tegahan dan larangan-Nya, di samping berjihad melawan hawa nafsu, kerana hanya individu yang berhubungan dengan Allah sahaja mampu melaksanakan tugas besar memandu manusia ke jalan yang diređai Allah SWT.

Selain itu, matlamat utama dan pertama pelaksanaan Nizam Katibah berdasarkan piagam yang ada dalam IM mengandungi sepuluh perkara;

- i- Memelihara dan membentengi aspek roh dalam diri individu anggota IM dengan memperbanyak zikir, doa ibadat khusus dan umum, bertujuan agar diri tidak tersasar dari kebenaran Islam.
- ii- Memperkasa ikatan hubungan dengan Allah melalui jalan amalan-amalan Sunnah dan qiyamullail, ia adalah salah satu cara bagi mendapat kemenangan di dunia dan mendapat kemenangan Allah di akhirat.
- iii- Mempertaut hubungan intim dalam kalangan anggota-anggota IM.
- iv- Menghayati makna mujahadah dalam diri anggota IM, kerana tidak ada suatu kejayaan yang mudah dicapai melainkan dengan jalan mujahadah dan jihad.
- v- Setiap anggota mesti meyakini pada diri sendiri erti pengorbanan buat agama dengan mengorbankan sedikit masa, tenaga, harta, jiwa dan segala-segalanya untuk Islam.

- vi- Menyempurnakan aspek tarbiyah ke atas setiap anggota dengan mempraktikkan segenap apa yang telah disampaikan dalam siri program pengisian.
- vii- Mengenengah dan menggalakkan penggarapan ilmu melalui pembacaan dan mentelaah kitab-kitab rujukan yang bersangkutan dengan manhaj dakwah.
- viii- Setiap anggota dilatih untuk membiasakan dengan muhasabah diri<sup>76</sup> terhadap apa yang telah mereka persembahkan untuk agama ini.
- ix- Menekankan peri pentingnya membiasakan diri dengan aspek ketaatan dan penglibatan dalam segenap program jamaah dengan memelihara ketepatan masa dalam setiap tindakan, sama ada pada waktu hadir program, waktu makan, tidur, bangkit dari tidur di samping makan pada masa yang perlu, banyak bersabar untuk meningkatkan prestasi akhlak.
- x- Bersedia untuk sama-sama meningkatkan usaha pembentukan generasi dalam kalangan anggota-anggota IM dengan jati diri yang mantap dalam beragama, agar tidak menghadapi kesukaran dalam memikul tanggungjawab beramal dan bertindak bersama jamaah<sup>77</sup>.

Pengkaji mendapati apa yang diketengahkan di atas ada kebenarannya, kerana melazimkan diri dengan akhlak terpuji dan mengkhususkan masa dan ruang untuk Allah adalah amalan yang amat positif yang akan melahirkan insan

<sup>76</sup> Ibn Qaiyim al-Jawziyyah : *Ighāthah al-Lahfān Min Maṣāyid al-Syaiṭān* (Qāherah : Syarikah Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābiy al-Ḥalabiyy wa Awlāduhu, 1961), 1 : 104. Ibn Qaiyim menyatakan bahawa antara keperluan dan faedah bermuhasabah diri boleh menjadikan seseorang Muslim itu mengenali hak Allah ke atas dirinya, ini kerana apabila seseorang itu tidak mengetahui hak Allah atas dirinya, maka segala ibadatnya akan menjadi sia-sia, justeru sesiapa yang peka terhadap hak Allah ke atas dirinya, maka dia akan mengetahui dengan ‘Ilmu al-Yaqin’ terhadap apa yang dilakukan di samping meraih keampunan-Nya.

<sup>77</sup> Op. cit \_\_\_\_ Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, hal 236-237.

yang bertamadun, jauh dari sebarang sikap dan sifat yang dilarang oleh Islam, maka matlamat Niżam Katibah menepati apa yang dituntut dalam ajaran Islam dan mesti diteruskan sebagai agenda pembangunan insan.

Sa'id Hawwa ada menegaskan, seseorang Muslim itu mesti memelihara dan memiliki akhlak terpuji dalam diri seperti memelihara akalnya, ilmu, memiliki sifat keberanian, sifat suka memaafkan orang lain, dermawan, budiman, penyabar, tidak suka marah dan panas baran, berlembut dalam kesemua keadaan, cekal, menepati janji, benar, mampu menyimpan rahsia, rendah diri, tidak terlibat dalam perkara hasad dengki, sentiasa bersyukur, mampu mengawal hawa nafsu, benci pada sikap mengadu domba, tidak menyokong orang kafir menjadi pemimpin, melakukan muhasabah susulan pada setiap perkara yang melibatkan diri, memberi nasihat pada yang bersedia untuk mendengar, ambil berat orang sekeliling, membantu pada yang memerlukan dan sentiasa dalam penampilan diri yang segak sebagai daya tarikan positif kepada golongan sasaran<sup>78</sup>.

Sesungguhnya ketinggian akhlak dalam diri seseorang lebih-lebih lagi yang terlibat dalam sebuah jamaah yang bersifat gerakan Islam sangat penting bagi meneruskan kesinambungan dakwah menyeru manusia ke jalan Allah SWT dengan jayanya.

Sehubungan itu juga, Imam al-Ghazali ada membahaskan tajuk mendisiplinkan diri dengan akhlak serta cara merawat hati yang berpenyakit di bawah ‘Kitāb Riyāḍah al-Nafs (latihan jiwa), di mana beliau ada menegaskan

---

<sup>78</sup> Sa'id Hawwa, Syeikh : *Fusul fi al-Amrah wa al-Amir* (Qāherah : Dār al-Salām, 1983), hal. 222.

bahawa akhlak yang baik lagi terpuji merupakan sifat yang memang ada pada diri Nabi Muhammad s.a.w., ia merupakan jalan untuk mencapai sebahagian tuntutan agama dan hasil dari buah kesungguhan para hamba dalam melazimkan diri dengan mujahadah. Apabila Allah SWT mencipta manusia dengan sebaik-baik rupa bentuk kejadiannya, maka wajib ke atas hamba-hambaNya memperhiaskan diri dengan akhlak terpuji sesuai dengan kejadian penciptaan<sup>79</sup>.

#### **4.3.3. Rukun, Syaraṭ Dan Adab Niẓam Katībah**

Niẓam katībah merupakan cetusan rangkaian tarbiyah dari Niẓam Usrah yang berkongsi tiga rukun yang sama iaitu ta’āruf, tafāhum dan takāful, ia bukan sahaja menjadi rukun usrah, akan tetapi menjadi rukun kepada setiap program bersifat tarbiyah yang dicetuskan oleh pimpinan tertinggi IM.

Ta’aruf, dikenali pada era kepimpinan Rasulullah s.a.w. sebagai ‘Taākhi’ ia mempersaudara antara satu sama lain seperti yang termaktub dalam kitab-kitab Sirah. Iaitu mempersaudara antara golongan Muḥājirīn dan Anṣār, atau Muḥājirīn sesama mereka dan Anṣār sesama mereka sendiri.

Menurut al-Bahī al-Khaulī, sesebuah jamaah yang saling mempertaut hubungan persaudaraan yang intim wajib melaksanakan amalan ‘Taākhi’ atau ta’āruf bagi melahirkan rasa kasih kepada saudara sejamaah dan perasaan

---

<sup>79</sup> Imam Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali : *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Beirut : Dār al-Qalam, t.t.), 3 : 49.

kesamarataan sesama mereka, malah berjanji untuk sentiasa bersedia untuk membantu dalam keadaan senang dan susah<sup>80</sup>.

Sesungguhnya aspek ‘Tafahum’ bagi pengkaji yang dapat difahami dalam ajaran Islam ialah saling faham memahami dalam aspek persaudaraan yang terjalin antara dua individu atau lebih, sama ada dalam sesebuah jamaah atau tidak, namun persaudaraan yang terjalin itu mempunyai adab-adab dan tanggungjawab yang mesti dilaksana bagi memastikan kesinambungan tafahum yang terbina sesama mereka, dengan ada sikap tafahum ini, maka sesebuah jamaah, masyarakat, organisasi dan seumpamanya akan berjalan dengan lancar dan baik kerana tidak ada sifat dengki mendengki yang menghalang sesuatu kemajuan.

Justeru menurut Abu Bakr al-Jazāiri, tafahum yang terdapat dalam sebuah jamaah ialah saling kasih mengasihi dan benci membenci kerana Allah SWT. Ia tercapai dalam merealisasikannya apabila wujudnya individu yang berakal, memiliki akhlak yang baik, bertaqwa kepada Allah, melazimi kitab suci al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. dengan menjauhi segenap perkara yang tergolong dalam kategori khurafat dan bid’ah. Ia dapat diperkasakan lagi dengan hak-hak persaudaraan yang wajib ditunaikan sesama mereka seperti menghulurkan bantuan kewangan jika diperlukan, saling mendahulukan yang lain lebih daripada dirinya sendiri, menjaga lidah dengan tidak menyebut keburukan saudaranya melainkan semua yang baik-baik, memanggilnya dengan namanya dengan baik dan tidak memanggil dengan gelaran yang buruk, tidak

---

<sup>80</sup> Al-Bahi al-Khaulī : *Tadhkirah al-Du’āh* (Qāherah : Maktabah Dār al-Turāth, 1987), hal. 262.

mendedahkan keaiban saudaranya, di samping itu sama sekali tidak menimpa kesusahan dan sentiasa berdoa dengan kebaikan buat saudaranya itu termasuk ahli keluarganya sekali<sup>81</sup>.

Takaful pula menurut ‘Abd al-‘Aziz al-Khayyāt diertikan sebagai satu jaminan yang terdapat dalam individu terhadap jamaah, ini bermakna kepentingan individu-individu dalam sesebuah jamaah tidak boleh menjangkau lebih daripada kepentingan yang ada dalam jamaah tertentu, malah individu-individu tersebut berusaha untuk memperkasa segenap kepentingan jamaah dengan kepakaran, pengetahuan, harta dan ide yang ada pada mereka bagi memajukan maslahat jamaah yang didukunginya<sup>82</sup>.

Bagi Pengkaji, ketiga-tiga rukun yang terdapat dalam Niżam Usrah, Katībah dan lain-lain begitu unik hingga dapat membangkitkan rasa persaudaraan yang kental dan mantap persis apa yang telah ditonjolkan oleh ajaran Rasulullah terhadap para sahabat hingga tidak ada yang merasakan bahawa mereka lebih baik dari yang lain, malah masing-masing merasa bertanggungjawab untuk membela diri saudaranya yang lain kerana merasakan ia adalah kemuncak dari ajaran Islam berpaksikan Sirah Nabawiyyah.

Sementara syarat dalam Islam ialah perlakuan sesuatu tindakan yang berkaitan dengan berlakunya sesuatu tanda tertentu yang bukan sebahagian daripadanya, seperti persoalan ṭahārah yang dikaitkan dengan şolat, apabila tiada ṭahārah maka tiadalah şolat, maka tidak semestinya wujudnya ṭahārah

<sup>81</sup> Abu Bakr al-Jazāirī, Şyeikh : *Minhāj al-Muslim* (Qāherah : Dār al-Kutub al-Salafiyyah, 1986), h. 113-114.

<sup>82</sup> ‘Abd al-‘Aziz al-Kayyāt, Dr. : *Al-Mujtama’ al-Mutakāfil fī al-Islām* (Qāherah : Dār al-Salām, 1986), h. 61.

yang menjadi syarat wujudnya solat, kerana taharah juga boleh dikaitkan dengan amalan selain solat seperti membaca al-Quran, kerana ia bukan sebahagian daripada amalan solat itu sendiri berbanding dengan bacaan al-Fatihah yang merupakan persoalan rukun yang memang sebahagian daripada amalan solat, tanpanya solat tidak sah<sup>83</sup>.

Bagi menyempurnakan Niżam Katībah dan lain-lain, ia tertakluk kepada syarat dan adab-adabnya yang mesti dipatuhi oleh setiap anggota bagi memastikan agar setiap program berjalan mengikut disiplin dan peraturan yang ditetapkan, namun syarat bukanlah intipati daripada sesuatu niżam yang diperkenalkan, akan tetapi tanpanya sesuatu niżam itu tidak akan menjadi sempurna seperti yang dirancang walaupun memerlukan segala keringat untuk menjayakannya.

Walau bagaimanapun IM telah meletakkan beberapa syarat bertujuan untuk menyempurnakan segenap program katībah;

- i- Bagi yang cukup penglibatan kehadiran dalam usrah, maka secara otomatis layak untuk menyertai Niżam katībah.
- ii- Apabila menyertai katībah dan diarah untuk menghadirinya selama beberapa minggu, maka seorang anggota itu hadir bukan secara sukarela, tetapi kehadirannya adalah satu kewajipan tanpa sebarang alasan untuk tidak menghadirinya.

---

<sup>83</sup> Ismail Sālim ‘Abd al-‘Āl, Dr : *Al-Bahath al-Fiqhi* (Qāherah : Maktabah a-Zahra’, 1992), hal. 85.

iii- Bersedia untuk menduduki ujian terhadap tugasan yang telah diamanahkan dengan membuat kajian dan mesti lulus dalam proses ini, kemudian diarahkan untuk menyampaikan intipati dari apa yang diperolehi dalam setiap program katibah kepada individu yang terdekat dengannya pendekatan amalan-amalan Islam dengan pemantauan yang baik<sup>84</sup>.

Sementara adab-adab yang mesti diberi perhatian serius oleh setiap ahli dalam Niżam Katibah adalah seperti berikut;

- i- Mengikhlaskan niat ketika hadir dalam program, pada masa yang sama fokus pancaindera untuk menggarap setiap yang disampaikan bagi meraih reda Allah SWT.
- ii- Sepanjang berada dalam program katibah, setiap anggota diingatkan agar perasaan untuk bermuraqabah kepada Allah tidak terhenti, kerana para Malaikat berada di situ untuk mencatat setiap kebaikan yang dilakukan.
- iii- Minda hendaklah sentiasa fokus berfikir pada setiap doa yang dibacakan, sama ada pada diri individu mahupun jamaah dan beri perhatian yang baik terhadap setiap ayat al-Quran yang dibacakan oleh pentazkirah.
- iv- Bersungguh dalam memahami makna jihad dan mujahadah serta mempraktikkan setiap nasihat yang disampaikan dengan kesediaan jiwa, perasaan dan pancaindera.
- v- Tidak mengecualikan diri dari tidak terlibat dalam setiap program yang disusun, dari mula acara pembukaan hingga ke penghujung program.

---

<sup>84</sup> ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Wāṣīl al-Tarbiyah ‘Indā al-Ikhwān al-Muslimīn* (Mansoūrah : Dār al-Wafā’ Li al-Ṭiba’āh wa al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1988), hal. 238.

- vi- Elak diri sepanjang berada dalam katibah dengan banyak makan, minum dan tidur yang dikenal pasti punca seseorang itu menjadi malas dan tidak bersungguh-sungguh, ia juga bertujuan untuk melatih diri dalam mengekang hawa nafsu, mereka disaran agar memerhatikan bagaimana natijah katibah telah mendisiplinkan generasi terdahulu yang berjaya menjadi pembela agama Allah, mereka hanya tidur berbantalkan kasut mereka, bertilamkan lantai begitu dengan pengasas IM, Hasan al-Banna yang lebih mendahulukan kerja-kerja akhirat dari dunia.
- vii- Mereka disaran untuk kurangkan bergurau senda yang menyebabkan hati menjadi tidak serius terhadap tanggungjawab dan amanah agama<sup>85</sup>.

Setelah mengetahui beberapa pendekatan Hasan al-Banna mengenai pembentukan Nizam Usrah dan Katibah, pengkaji mendapati ia bertujuan untuk memastikan agar setiap anggota IM khususnya dan anggota-anggota kedua-dua niżam berkenaan dapat melakukan perubahan dalam pemberian jati diri dengan aspek keagamaan seperti yang disaran dalam pengisian program, selain memantapkan daya berfikir dan hubungan kental antara anggota dengan Allah SWT, kerana ia penting bagi kelangsungan dakwah menyeru manusia kepada berpegang dengan Islam, mana mungkin para dā'ie mampu untuk menyeru manusia kepada Islam jika diri mereka kosong dengan pengetahuan yang sepatutnya mereka tahu.

Ayat pertama turun dalam al-Quran iaitu ‘Iqra’ ialah konsep belajar ilmu dari Allah kepada Rasulullah s.a.w. melalui Jibril, ia bermaksud bahawa

---

<sup>85</sup> Ibid \_\_\_\_\_ Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, hal 239-240.

Allah SWT sendiri yang akan mendidik dan mengajar Rasulullah dengan ilmu-ilmu yang sepatutnya baginda perlu ketahuinya, ia bermula dengan arahan Allah ke atas Rasulullah untuk membaca, ia adalah satu keadaan di mana baginda berhubung dengan Allah untuk menerima ilmu, sebagai langkah permulaan penglibatan baginda dalam arena dakwah, justeru baginda diarah untuk membaca dengan nama Tuhannya seperti dalam ayat pertama surah al-‘Alaq<sup>86</sup>.

Al-Qaradawi berpendapat, bahawa program-program iṣlāh atau pemberian jati diri adalah antara perkara keutamaan (awlawiyyat) terutama dalam pembangunan individu terlebih dahulu yang perlu diberi penekanan sebelum membangun masyarakat, membangun organisasi atau jamaah tertentu, kerana ia merupakan dasar bagi setiap aspek pemberian, jika baik individu, maka baiklah masyarakat, organisasi dan jamaah, kerana individu manusia itu adalah batu-bata kepada tembok masyarakat, maka usaha pembangunan individu manusia adalah tersangat dituntut melalui tarbiyah Islam dengan apa cara sekalipun bentuknya, ia dimulai dengan menanam benih aqidah dan iman yang betul dalam jiwa sanubari individu anggota jamaah dengan mengemukakan persoalan dari mana manusia datang ke bumi ini?, siapa dirinya yang sebenar?, mengapa dia diciptakan?, ke mana pula kesudahan hidupnya?, bagaimana pula persiapan untuk menghadapi kematian? Dan apakah peranan manusia semasa hidup di dunia sebelum dijemput dengan kematian?<sup>87</sup>.

---

<sup>86</sup> Saiyid Qutb : *Fi Zilāl al-Qurān*, 6 : 3938.

<sup>87</sup> Yusuf al-Qaradawi : *Fi Fiqh al-Awlawiyyāt – Dirāsah Jadīdah Fi Daw’ al-Qurān wa al-Sunnah* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 2012), hal. 179.

Nizam Katībah juga diperkenalkan kepada anggota-anggota IM bukan sahaja mendedahkan kepada mereka keperluan ilmu, hubungan dengan Allah dan membentuk cara berfikir yang positif berdasarkan sepuluh unsur pembangunan insan yang telah disebutkan, akan tetapi pada masa yang sama membiasakan kepada mereka kemahiran dalam aspek kepemimpinan, kerana pada satu hari nanti setelah mereka benar-benar menguasai segala-segalanya dalam usrah, katībah dan yang lain-lain, mereka akan memimpin usrah, katībah dan ada yang akan dipilih untuk duduk dalam saf kepemimpinan tertinggi jamaah.

Kemahiran kepemimpinan (LS) melibatkan keupayaan untuk mengamalkan ciri kepemimpinan dalam pelbagai aktiviti. Kepemimpinan merupakan suatu seni kemahiran yang diidamkan oleh kebanyakan orang. Mereka mahu menjadi tokoh hebat sebagaimana yang wujud dalam sejarah tamadun manusia. Kemahiran itu pula ada yang bersifat sementara, kekal dan berubah-ubah mengikut suasana dan kesesuaianya. Kepemimpinan diri proses seseorang individu menggunakan kekuatan dan kemahiran akal fikiran serta potensinya secara menyeluruh. Kemahiran ini melibatkan aspek keupayaan, kebolehan dan kebijaksanaan seseorang mengawal dan menyesuaikan diri dalam apa-apa juga keadaan. Belajar memimpin diri sendiri dengan baik merupakan salah satu cara untuk memimpin orang lain dengan lebih berkesan. Pemimpin yang berkesan dan berjaya sudah pasti memiliki nilai mulia. Kejayaan pimpinan dipengaruhi oleh enam faktor penting, iaitu memenuhi

desakan, jujur dan berintegriti, bermotivasi, keyakinan dan kekuatan kognitif, pengetahuan kreatif dan kebolehubahan<sup>88</sup>.

Kemahiran kepemimpinan juga adalah untuk memberi pengetahuan tentang teori asas kepimpinan, kebolehan untuk memimpin sesuatu projek, kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua pasukan dan anggota pasukan serta kebolehan untuk menyelia anggota pasukan<sup>89</sup>.

Kepemimpinan yang terbaik adalah yang memperkasa diri mereka dalam Niżam katībah melalui hubungan yang mantap dan kental terhadap Allah SWT dengan ma'rifah kepada Allah dalam erti kata mengenali-Nya dengan baik, melakukan muraqabah, ikhlas, memantapkan iman, berfikir dan menepati janji pada setiap program yang dirancang<sup>90</sup>.

Jelas sekali apa yang diketengahkan oleh Hasan al-Banna bahawa sepuluh unsur pembangunan insan yang telah dibahaskan sebelum ini mempunyai kaitan secara langsung dengan Nizam Usrah dan Katibah dalam memastikan anggota-anggota IM mampu memiliki ciri-ciri kepemimpinan yang diperlukan oleh umat untuk membimbing mereka ke jalan Allah SWT dan mendapatkan keredaan-Nya.

---

<sup>88</sup> Jamaluddin Haji Badusah et al., *Pembangunan Pelajar – Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi* (Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2009), hal. 25.

<sup>89</sup> Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia* (Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2006), hal. 13.

<sup>90</sup> Mahmud ‘Abd al-Halim : *Al-Ikhwān al-Muslimūn – Ahdāth Sona’at al-Tārīkh* (Qāherah : Dār al-Da’wah, 2004), 1 : 557.

#### **4.4. Reḥlah / Jawwālah**

Reḥlah atau Jawwālah pada makna asal diterjemahkan sebagai kembara, mempunyai matlamat sepertimana Niżam Usrah dan Katībah merupakan pendekatan wasilah untuk mentarbiyah anggota-anggota IM dari sudut fizikal, mental dan spiritual, akan tetapi reḥlah lebih kepada mentarbiyah fizikal semata-mata dengan mengadakan kunjungan ke beberapa tempat bagi menjalin dan memeterai hubungan persaudaraan dan kemasyarakatan dalam kalangan anggota dan lainnya.

Reḥlah ini diperkenalkan oleh Hasan al-Banna dalam bentuk tarbiyah seperti Niżam Usrah dan Katībah, kepelbagaiannya reḥlah dicadangkan seperti reḥlah ilmiah ke tempat-tempat bersejarah seperti muzium dan kilang-kilang pembuatan, reḥlah untuk tujuan beraidah, reḥlah dengan berkunjung ke sungai atau pantai, reḥlah dengan mendaki gunung atau melawat sawah ladang, reḥlah dengan berbasikal secara berjamaah<sup>91</sup>, reḥlah itu pula terbahagi kepada beberapa kategori;

- i- Reḥlah tahap ‘Āmilin, iaitu boleh terlibat dalam mana-mana jenis reḥlah yang dirasakan perlu untuk berbuat demikian.
- ii- Reḥlah dengan berkunjung keluarga anggota IM, ia bertujuan bagi memperkasa aspek ta’āruf seperti dalam rukun usrah dan katībah, serta mempertaut hubungan silaturahim, dengan reḥlah atau program ziarah ini adalah diharap bukan sahaja dalam kalangan anggota dapat beramal dengan

---

<sup>91</sup> Hasan al-Banna :*Majmū’ah al-Rasā'il*, hal. 288.

amalan-amalan Islam, tetapi juga dalam kalangan ahli keluarga anggota tanpa mengira status kedudukan mereka.

iii- Reḥlah dengan mengunjungi anak-anak lelaki anggota yang diselia oleh anggota lelaki yang boleh menjadi rakan sebaya dengan mereka.

iv- Reḥlah dengan mengunjungi anak-anak perempuan anggota yang diselia oleh anggota perempuan yang boleh menjadi rakan sebaya dengan mereka.

v- Reḥlah dengan mengunjungi para alim ‘ulama’ dalam kalangan anggota IM khususnya dan dari kalangan para dā‘ī yang tersohor dalam kalangan masyarakat<sup>92</sup>.

Sesungguhnya matlamat utama dari Reḥlah / Jawwalah ini adalah untuk kesediaan setiap anggota dari sudut memperkasa kekuatan tubuh badan, minda dan jiwa mereka, di samping memperbaiki akhlak ketika dalam pengembalaan atau kunjungan, membangkitkan rasa suka membantu kepada yang lain, melaksanakan segenap perintah agama dengan penuh kesetiaan dan ketaatan, ia telah dilaksana dengan jayanya dalam kalangan anggota IM yang sentiasa patuh dan menghormati arahan ketua pasukan dan pimpinan<sup>93</sup>.

Sementara adab-adab yang termaktub dalam perkara Reḥlah ini juga adalah yang terpakai dalam kedua-dua Niżam Usrah dan Katībah, justeru pengkaji tidak berhasrat untuk menukilkan di sini bagi mengelak pengulangan berlaku. Apapun bila disingkap matlamat Reḥlah atau Jawwalah yang ditetapkan oleh Hasan al-Banna dan diteruskan oleh pimpinan tertinggi IM, ia

<sup>92</sup> ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Wāṣīl al-Tarbiyah ‘Indā al-Ikhwān al-Muslimīn*, hal. 245-246.

<sup>93</sup> Ibid hal. 248.

jelas membuktikan bahawa unsur-unsur pembangunan insan tetap wujud dalam kerangka program yang memang menjadi satu kewajipan dalam setiap aktiviti yang dirancang bagi melahirkan individu yang benar-benar beriman kepada Allah SWT.

Namun yang menjadi fokus dalam perbahasan ini cara memilih ketua yang menerajui Reḥlah atau Jawwalah ini, pimpinan telah menetapkan bahawa individu yang layak menjadi ketua perlulah memiliki ciri-ciri berikut;

- i- Dikenali dalam kalangan anggota sebagai individu yang telah lama menyertai dan menganggotai jamaah, malah kuat iltizam dengan segenap program tarbiyah, sama ada usrah, katibah dan lain-lain.
- ii- Mereka adalah individu yang amat taat setia kepada kepimpinan tertinggi IM, bertaqwah dan tidak sibuk dalam hal yang berkaitan dengan kemasyhuran.
- iii- Terdapat pada diri mereka teladan yang positif hasil dari amalan tarbiyah yang disertai, mampu untuk menjalankan tugas dakwah secara sistematis kerana memiliki ilmu yang jitu dan pengalaman yang luas.
- iv- Amat mengenali latar belakang setiap anggota IM yang telah dita'āruf.
- v- Memiliki sifat sabar yang tinggi dalam menghadapi segenap bentuk ujian tribulasi, sabar dalam menghadapi karenah anggota bawahan yang pelbagai.
- vi- Memiliki kemampuan menyingkap kelebihan dan kekurangan yang terdapat pada diri anggota yang dipimpinnya.

- vii- Berjaya dan mampu dalam penguasaan aspek kepemimpinan, justeru setiap arahannya didengari dan ditaati, bersikap lunak terhadap individu di bawah seliaannya, sentiasa bersikap positif dalam setiap tindakan yang dilakukan oleh individu anggota seliaannya.
- viii- Bijak dalam memilih individu yang dipertanggungjawabkan urusan kewangan, pengurusan program, pengisian dan sukan<sup>94</sup>.

Dari apa yang diketengahkan melalui pemilihan ketua yang bertanggungjawab dalam urusan Reḥlah / Jawwalah, pengkaji mendapati bahawa syarat atau ciri-ciri dalam pemilihan ketua yang dilantik boleh diumpamakan melantik seorang imam dalam melaksanakan ibadat solat dengan syarat-syarat yang cukup ketat bagi menjamin kualiti ibadat solat itu sendiri kerana ia ada hubungan secara langsung dengan Allah SWT. Ia jelas menunjukkan bahawa Hasan al-Banna dan peneraju IM selepasnya amat memelihara kualiti dalam segenap program tarbiyah bagi memastikan setiap anggota ada hubungan yang baik dan intim dengan Allah bagi meraih pertolongan-Nya dalam segenap tindakan dan usaha dalam menjalankan tugasan dakwah terhadap umat.

Justeru dalam ilmu ‘Fiqh Islam’, ia telah menggariskan syarat-syarat sebagai imam atau ketua yang layak untuk mengetuai sesebuah negara yang disebut sebagai Imam Kubra dan ketua bagi ibadat solat iaitu Imam Sughra seperti yang telah digariskan dalam kitab ‘Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu’, di mana Imam atau ketua didefinisikan sebagai seorang individu yang diikuti

---

<sup>94</sup> Ibid \_\_\_\_\_ Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, hal 258-259.

segala arahannya sama ada baik atau buruk, melantik imam atau ketua merupakan wajib syarie yang tergolong dalam perkara wajib yang sangat penting dan dituntut oleh Islam berdasarkan muafakat (*ittifāq*) para fuqaha' iaitu dia mestilah seorang Muslim yang merdeka, berakal, baligh dan berkemampuan dalam segenap tindak-tanduknya, pihak berkuasa (*Ahl al-Hilli wa al-'Iqdi*<sup>95</sup>) seperti di zaman Rasulullah s.a.w. berhak memilih menurut kesesuaian yang diperlukan<sup>96</sup>.

Faktor umur yang lebih dewasa juga diambil kira sebagai kelayakan untuk menjadi ketua, justeru IM meletakkan antara syarat bahawa yang layak menjadi ketua adalah mereka yang telah lama menganggotai jamaah di samping mempunyai penglibatan (komitmen) yang padu dalam segenap program tarbiyah yang diperkenalkan.

Menurut Muhammad Ibrahim al-Hifnāwī, seorang ketua atau imam itu hendaklah dari kalangan mereka yang lebih berusia kerana mereka telah lama

<sup>95</sup> Ciri-ciri *Ahl al-Hilli wa al-'Iqdi* dalam kalangan anggota Syura ialah memiliki kesempurnaan akal (cara berfikir yang matang berdasarkan pengalaman yang amat luas), berpegang kuat dengan agama serta bertaqwā, senang memberi nasihat bagi menyelesaikan masalah yang timbul, memiliki kejernihan cara berfikir, tidak tunduk kepada dorongan hawa nafsu, tidak mempunyai kepentingan ketika menasihati pihak tertentu, ilmu dan amal seja dan sekata, mempunyai kelayakan dalam bidang bimbingan, kaunseling, motivasi dan nasihat, menyimpan rahsia, jauh dari sebarang sifat hasad dan dengki, jauh dari sifat memudaratkan pihak lain, bersikap lapang dada terhadap kekurangan diri dan sederhana dalam segenap aspek kehidupan. – Ahmad al-Rasiūnī, Dr : *Al-Syūrā Fī ma'rakah al-Binā'* (Jordan : Dār al-Rāzī, 2007), hal. 67. Sementara Ahmad Mu'adh Haqqī, Prof. Dr. dan Marwan Waheed Sya'bān, dalam buku *Al-Thaqāfah al-Islamiyyah* (Lubnān : Dār al-'Ijāz, 2013), hal. 244 mendefinisikan *Ahl al-Hilli wa al-'Iqdi* sebagai para ulama' yang pakar (*Mujtahidūn*) dan para pemimpin yang berotoriti dalam memilih ketua sebagai mewakili ummah seluruhnya.

<sup>96</sup> Wahbah al-Zuhailī, Dr : *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Damsyiq : Dār al-Fikr, 1984), 2 : 173.

menjadi seorang Muslim dari yang lain, maka ia juga merupakan salah satu faktor kelayakan yang diperlukan<sup>97</sup>.

#### 4.5. Al-Mu'askar / Al-Mukhayyam

Al-Mu'askar adalah salah satu niżam tarbiyah yang diperkenalkan oleh Hasan al-Banna kemudian diteruskan kesinambungannya oleh pimpinan tertinggi IM selepasnya. Ia bermaksud satu perkhemahan yang bertujuan bukan sahaja untuk bersuka ria dan berseronok semata-mata, akan tetapi ia adalah untuk mentarbiyah para anggota IM, pada masa yang sama menghimpunkan mereka dalam satu wadah perkhemahan untuk merapatkan lagi hubungan silaturrahim secara lebih mendalam dan berkesan, juga untuk merealisasikan aspek ta'āruf, tafāhūm dan takāful dengan lebih praktikal.

Menurut Kamus Dewan, perkhemahan ialah kelompok (kumpulan) berkhemah dengan mendirikan atau memasang khemah (untuk berteduh atau bermalam)<sup>98</sup>. Sementara dalam Kamus Pelajar pula menyebut, bahawa perkhemahan ialah tempat bagi sebuah kumpulan dengan mendirikan atau memasang khemah<sup>99</sup>.

Menurut Mahmud ‘Abd al-Halim, al-Mu'askar/al-Mukhayyam dianjurkan ialah bertujuan untuk melatih dan membiasakan diri anggota untuk memiliki sifat sabar yang mendalam menghadapi apa sahaja bentuk suasana yang getir, ialah adalah penerusan aspek tarbiyah setelah melalui rehlah seperti

<sup>97</sup> Muhammad Ibrahim al-Ḥifnawī, Dr : *Fiqh al-Ṣolāh* (Qāherah : Dār al-Hadīth, 1986), hal. 84.

<sup>98</sup> Hajah Noresah bt. Baharom et, al. : *Kamus Dewan (Edisi ketiga)* (Kuala Lumpur : Dewan bahasa & Pustaka, 1994), hal. 673 entri khemah.

<sup>99</sup> Amdun Husain et, al. : *Kamus Pelajar (Terbitan Khas KBSM)* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 1993), hal. 345 pada entri khemah.

yang dilakukan dalam pasukan pengakap. Dalam setiap khemah dibahagikan kumpulan tertentu dengan pengisian program di mana program-program al-Mu'askar ini ada yang berbentuk latihan ala ketenteraan dan tarbiyah kerohanian / kejiwaan dengan arahan setiap anggota menghafal beberapa ayat daripada al-Quran. Ia disertai oleh IM yang datang dari seluruh pelusuk Mesir<sup>100</sup>.

Al-Mu'askar dilakukan di tempat terbuka agar masyarakat dapat menilai kesungguhan program-program yang diisi dengan harapan dapat melakukan sesuatu perubahan, matlamat akhir daripada penganjuran al-Mu'askar ini antara lain ialah sebagai latihan terhadap anggota-anggota IM cara penyebaran da'wah dalam kalangan masyarakat, berusaha menentang gejala munkar, menggalakkan peserta agar ada minat untuk melakukan kelebihan amalan dengan menyampaikan yang ma'ruf, membiasakan diri untuk mneyegerakan perkara-perkara yang baik, menarik minat masyarakat kepada fikrah Islam dan memulakan hidup baharu dengan amalan yang selari dengan acuan Islam<sup>101</sup>. Setiap khemah pula diberi nama dengan menggunakan nama-nama para sahabat Rasulullah s.a.w. seperti Abu Bakr as-Siddiq, 'Ubaidah, Khalid, Sa'ad dan lain-lain<sup>102</sup>.

Al-Mu'askar juga dianjurkan dengan pelbagai latihan ketenteraan bagi melakukan persiapan menghadapi jihad sebenar dan sebarang

<sup>100</sup> Mahmud 'Abd al-Halim : *Ahdāth Ṣona'at al-Tārīkh – Ru'yah Min al-Dākhil* (Qāherah : Dār al-Da'wah, 2004), 1 : 185

<sup>101</sup> Ali 'Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Manhaj al-Tarbiyah 'Inda al-Ikhwan al-Muslimin* (Mansourah : Dar al-Wafa' li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi', 1989), 2: 1205.

<sup>102</sup> Hasan al-Banna : *Mudhakkirāt al-Da'wah wa al-Dā'iyyah* (Qāherah : Dār al-Syihāb, t.t.), hal. 255.

kemungkinan pada masa akan datang, dengan program pengisian yang padat berserta motivasi kerohanian yang ditanam dalam diri setiap anggota adalah diharap agar ia dapat menjadi ‘Jundullah/tentera Allah’ yang bersiap siaga pada bila-bila masa<sup>103</sup>.

#### **4.5. 1. Kedudukan Al-Mu’askar Dalam Tarbiyah IM**

Hasan al-Banna tertarik dengan konsep ketenteraan dalam pelaksanaan al-Mu’askar yang mendidik anggota supaya mampu dan boleh berdikari seperti kumpulan pengakap, beliau mengarahkan pada peringkat awal anggota-anggota agar bersedia untuk menyertai perkhemahan pengakap peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan, ia bertujuan agar mereka dapat menggarap ilmu-ilmu yang terdapat di dalamnya untuk disalurkan pula ke dalam program al-Mu’askar dengan meminda teknik pendekatan dan persempahan pengisian program menurut acuan IM dengan matlamat yang jelas untuk membentuk, membangun dan membina jati diri anggota dengan roh Islam. Pada 1938 beliau menganjurkan al-Mu’askar buat kali pertama di daerah ‘Al-Dakhīlah’ sebelah barat bandar Iskandariah yang melibatkan anggota-anggota IM dari seluruh pelusuk Mesir dengan beliau sendiri mengetuai misi projek dengan penekanan-penekanan pengisian bermula dengan ta’aruf, disusuli latihan dan pembelajaran serta amal Islami yang disusunnya<sup>104</sup>.

---

<sup>103</sup> ‘Amru al-Syubki, Dr. “Unsur al-Ikhwān, Nasyāt wa Khibrāt Khāṣah”, dalam *Al-Masyrū’ al-Islāhi li al-Imām Hasan al-Banna*, e.d. Al-Mustasyār Ṭoreq al-Basyarī (Giza, Mesir : Dar al-‘Ilām al-‘Arabī), 2007), hal. 445.

<sup>104</sup> ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Wāṣīl al-Tarbiyah ‘Indā al-Ikhwān al-Muslimīn*, hal. 263.

#### **4.5.2. Matlamat Al-Mu'askar**

Setiap niżam yang dicetuskan oleh Hasan al-Banna adalah sama seperti yang tercatat dalam niżam usrah, katībah dan reḥlah, namun al-Mu'askar ditambah dengan tiga elemen yang lain iaitu al-Tajmi' (perkumpulan), al-Tarbiyah dan al-Tadrib (latihan).

Al- Tajmi' : Perhimpunan orang awam umumnya dan anggota-anggota IM khasnya menyertai perkhemahan sama ada yang bersifat mingguan atau bulanan pada hari-hari cuti terutama bagi yang berkelapangan dengan persedian diri peserta yang maksimum untuk menerima segala tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan, di samping mengenal pasti bakat-bakat terpendam yang ada pada mereka dan yang paling penting ialah menjalin ikatan ukhuwwah Islam dalam kalangan mereka berdasarkan konsep ta'āruf, tafāhūm dan takāful yang telah mereka ikuti dalam beberapa nizam sebelum ini. Kerana tidak syak lagi bahawa perhimpunan yang disertainya adalah sesuatu yang baik lagi diberkati, kerana sesungguhnya Allah bersama-sama dengan mereka.

Al-Tarbiyah : Matlamat utama dalam al-Mu'askar juga terdapat dalam niżam usrah, katībah dan reḥlah, namun al-Mu'askar memerlukan masa yang panjang dan kesungguhan yang mendalam berbanding dengan yang lain, kerana ia melibatkan tenaga fizikal yang lebih dengan latihan-latihan yang berkait dengannya. Ia bertujuan agar setiap anggota merasakan kepayahan seperti yang dihadapi oleh seorang anggota tentera seperti mengawal keselamatan di perbatasan negara, di samping membiasakan mereka untuk memiliki sifat sabar yang cukup tinggi menghadapi kepayahan dalam melaksanakan sesuatu

kebaikan, juga untuk menzahirkan perasaan suka menolong orang lain ketika proses perkhemahan berlangsung.

Al-Tadrib : Iaitu melatih anggota peserta dalam kalangan anggota IM khasnya supaya dapat berdisiplin dalam segenap gerak kerja, dilatih agar ikut perintah ketua seperti yang berlaku dalam sistem ketenteraan, yang akhirnya akan lahir sikap sam'an wa to'atan (dengar dan taat)<sup>105</sup>.

Apa yang dapat disimpulkan dari penjelasan dalam aspek yang berkaitan dengan ‘al-Mu’askar’, ia menunjukkan betapa jamaah atau gerakan IM amat menitik-beratkan tarbiyah kader-kader khusus untuk menjamin kesinambungan hayat jamaah yang didukung oleh individu-individu yang sanggup dan mampu menyebar-luaskan tugas dakwah dalam kalangan masyarakat berbekalkan penggarapan ilmu dan maklumat yang diperolehi dalam niżām-niżām yang telah disebutkan, di mana ilmu dan maklumat bukan sekadar digarap dan disimpan dalam diri individu anggota jamaah, akan tetapi dipraktikkan melalui penyampaian agar masyarakat terarah dan terpimpin dengan cara hidup Islam yang syumul, pada masa yang sama menjulang nama baik jamaah sekali gus dapat diperkenalkan buat pengetahuan masyarakat awam<sup>106</sup>.

Dengan pelaksanaan projek al-Mu’askar dan niżām-niżām yang lain, para kader yang menjadi graduannya adalah dituntut untuk sentiasa bersiap siaga dalam kerja-kerja amal dengan menjaga setiap prinsip agama, agar Islam

---

<sup>105</sup> Ibid\_\_\_\_\_ Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, hāl. 264-270.

<sup>106</sup> Ahmad Rabi’ ‘Abd al-Hamid Khalf Allah : *Al-Fikr al-Tarbawi Lada jamaah al-Ikhwan al-Muslimin* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1984), hal. 192-193.

terus berada di persada bumi ini dengan membawa mesej rahmatan li al'Ālamīn buat semua yang berada di dalamnya<sup>107</sup>.

Pengkaji mendapati bahawa apa yang dapat difahami dari elemen al-Tajmī', al-Tarbiyah dan al-Tadrib adalah untuk memastikan agar setiap anggota IM khasnya menjadikan ketiga-tiga rangkaian elemen di atas sebagai wadah bagi mengemas kini persiapan menghadapi golongan sasaran dalam kalangan IM dan masyarakat Mesir amnya dengan membawa misi dakwah ke arah kebaikan dan yang lebih penting membangun mereka dengan unsur-unsur pembangunan insan seperti yang dilakarkan oleh Hasan al-Banna. Justeru al-Mu'askar atau al-Mukhayyam juga adalah medium penting bagi memastikan setiap anggotanya memahami tuntutan dalam berjamaah.

Hasan al-Banna dalam satu kenyataannya ada menegaskan,

“Bahawa dengan pelaksanaan niżam-niżam yang dirangka adalah menjadi batu loncatan kepada setiap anggota memahami Islam dengan baik dalam bentuknya yang syumul, bukan sahaja mampu mengurus kehidupan sebagai seorang muslim, tetapi lebih penting dari itu menangani sebarang permasalahan bermatlamatkan pembangunan terhadap insan sekeliling. Kerana masih terdapat dalam kalangan mereka yang tidak memahami Islam dalam bentuknya yang sebenar, maka inilah tanggungjawab setiap anggota IM khasnya mendepani isu untuk memimpin insan kepada kehidupan yang lebih baik dengan Islam”<sup>108</sup>.

Bagi merealisasikan kehidupan yang baik dengan Islam menurut Hasan al-Banna seperti yang ditegaskan dalam ‘Risalah Mu’tamar al-Khomis’ :

<sup>107</sup> Ibid\_\_\_\_\_ Ahmad Rabi', 192-193.

<sup>108</sup> Hasan al-Banna : *Majmū'āh al-Rasā'il*, hal. 16.

“Sesungguhnya perjalanan dakwah dan tarbiyah al-Ikhwān al-Muslimūn berdasarkan prinsip dan matlamat perjuangannya berpaksikan kepada petunjuk ajaran Islam seperti yang semua ketahui sejak mereka menyertai jamaah ini, di mana prinsip menuntut sebuah negara atau kerajaan Islam adalah salah satu rukun yang diperjuangkan.<sup>109</sup>,”

Negara atau kerajaan Islam adalah matlamat, kerana dengan adanya ia, segenap aktiviti tarbiyah seperti usrah, katibah, rehlah, mu’askar dan lain-lain dapat diperkasakan dan terpelihara, dengan pemerkasaan medium tersebut, maka manusia akan dapat dibangunkan dengan jayanya melalui sebuah kepemimpinan yang bertunjangkan Islam sebenar hingga layak mendapat keampunan Allah SWT seperti yang ditegaskan-Nya :

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

Surah Saba' : 34 : 15.

Terjemahan : (Negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun!.

Pengkaji melihat bahawa inilah pemikiran positif yang difahami oleh generasi terawal di zaman Rasulullah s.a.w., yang mengikuti segenap program anjuran baginda, mereka melaluinya dengan penuh kepayahan melibatkan fizikal, tenaga dan minda untuk memastikan Islam sentiasa berada di puncak hingga berjaya membina sebuah negara dan kerajaan Islam setelah melalui tribulasi kepayahan, inilah yang sepatutnya diwarisi oleh generasi abad ini yang telah berjaya dibuktikan oleh IM, ia bukan sekadar teori yang retorik, akan tetapi diperaktikkan secara bersungguh-sungguh membayangkan bagaimana

---

<sup>109</sup> Ibid \_\_\_\_\_ Hasan al-Banna, hal. 170.

pendekatan Rasulullah s.a.w. menepati peredaran masa dan tempat, jika ini dapat dilaksanakan oleh generasi hari ini, maka sudah pasti Islam semakin terserlah di persada bumi ini dengan segala bentuk kebaikan yang dapat dimanfaat oleh semua. Maka proses untuk membangun manusia akan berjalan dengan lancar dan harmoni.

#### **4.6. Ad-Daurah**

Salah satu pendekatan tarbiyah lain yang ada dalam jamaah IM selain usrah, katibah, rehlah dan mu'askar, Hasan al-Banna memperkenalkan satu lagi aspek tarbiyah yang dikenali sebagai ad-Daurah, ia lebih tertumpu secara khusus kepada program pengisian. Daurah yang bermaksud pusingan, putaran atau kursus<sup>110</sup>. Ia juga memberi maksud bahawa program pengisian berkenaan menjadi pusingan setiap minggu bagaikan satu kursus intensif kepada peserta dalam kalangan anggota IM.

Penganjuran ‘Daurah’ dilakukan adalah sebagai persiapan untuk habiskan masa dengan pengisian tarbiyah khusus yang diadakan di pejabat al-Mursyid al’Am. Ia sebagai lanjutan dalam rangka memperkasa tarbiyah peringkat takwin/pembentukan individu dalam kalangan anggota, ia terbahagi kepada Daurah ‘Ilmiyyah’, Daurah ‘Rūhiyyah’ dan Daurah ‘Fikriyyah’. Apa yang jelas bahawa Daurah ‘Ilmiyyah dengan kupasan-kupasan lebih terperinci mengenai sesuatu isu seperti penjelasan mengenai konsep Islam yang terkandung dalam surah al-Baqarah. Daurah Rūhiyyah pula menyediakan

---

<sup>110</sup> Abd. Rauf Dato’ Hj. Hassan et.al. *Kamus al-Lughah al-Malayuwiyyah – Al-Lughah al-Arabiyyah* (Shah Alam : Dewan Pustaka Fajar, 2005), hal. 145 pada entri Dāra Yadūru.

bahan-bahan amalan harian untuk diamalkan oleh anggota, sementara Daurah Fikriyyah pula lebih menjurus kepada mematangkan cara berfikir anggota dalam menangani isu-isu setempat dan antarabangsa, kerana ia menjamin kebolehan anggota dalam membaca isu-isu yang berlaku<sup>111</sup>. Kerana setiap anggota akan menghadapi pelbagai jenis golongan manusia yang menguji kesabaran dan keilmuan mereka seperti Muslim Mujahid, Muslim yang hanya berpeluk tubuh, Muslim yang terlibat dengan dosa maksiat, golongan Kafir Zimmi yang menghormati Islam, golongan yang berkecuali dan penentang tegar terhadap Islam dan anggota biasa dalam kalangan umat Islam<sup>112</sup>.

Justeru dengan kekuatan Daurah, seseorang anggota itu dapat memperkasa diri dari sudut kematangan ilmu, jati diri, aspek rohani dan cara berfikir yang menjadi aset kepada kelangsungan hayat IM, di mana kesemua elemen berkenaan merupakan sebahagian daripada unsur pembangunan insan yang ditonjolkan oleh Hasan al-Banna.

Pelaksanaan Daurah dirangka penganjurannya selain yang telah disebutkan adalah untuk membincangkan topik-topik penting bukan sekadar disampaikan oleh al-Mursyid al'Am, tetapi juga dari para sarjana yang terpilih lagi mahir dan cukup terlatih mengendali dan berkemampuan dalam menangani setiap permasalahan<sup>113</sup>.

---

<sup>111</sup> Sa'īd Hawwa : *Fī Ḵaṭā' al-Ta'līm* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1980), hal. 197-199.

<sup>112</sup> Ali 'Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Rukn al-Tajarrud* (Qāherah : Dar al-Tawzī' wa al-Nasr al-Islamiyyah, 1998), hal. 220.

<sup>113</sup> Ali 'Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Rukn al-Toah* (Qāherah : Dār al-Tawzī' wa al-Nasr al-Islamiyyah, 1997), hal. 295.

Dalam pengamatan pengkaji, mendapati bahawa Daurah yang diperkenal dan dijalankan ke atas anggota-anggota IM boleh dianggap sebagai pelengkap kepada unsur-unsur pembangunan insan yang mahu melahirkan insan-insan yang cemerlang dari sudut rohani, jiwa, cara berfikir dan berilmu, di mana semua elemen tersebut terdapat pada diri para sahabat Rasulullah s.a.w. yang menjadi pemangkin generasi selepas mereka, ketokohan, kepahlawanan dan ketangkasaran dalam bertindak, berhujah dan berhadapan dengan pelbagai kemungkinan, menjadikan mereka layak untuk dicontohi sampai bila-bila.

#### **4.7. Al-Mu'tamar**

Al-mu'tamar atau sering disebut dalam kalangan masyarakat negara ini dengan muktamar sahaja seperti muktamar yang berlangsung dalam kalangan ahli-ahli PAS dan juga berlaku pada pertubuhan-pertubuhan Islam yang lain. Ia sinonim dengan perhimpunan tahunan parti atau pertubuhan-pertubuhan tertentu bagi membincangkan dasar perjuangan serta membuat keputusan pada perkara tertentu. Namun mu'tamar bagi IM juga diadakan sejak masa kehidupan pengasasnya yang juga al-Mursyid al'Am pertama, Hasan al-Banna seperti yang termuat dalam kitab Majmū'ah al-Rasā'il susunannya yang hanya termaktub di dalamnya 'Al-Mu'tamar al-Khomis', iaitu mu'tamar kelima dianjurkan tanpa menyebut yang pertama, kedua, ketiga dan keempat atau keenam selepasnya. Apa yang penting dalam perbahasan mengenai mu'tamar ini ialah intipati dari apa yang ditegaskan oleh Hasan al-Banna.

Namun demikian, tercatat dalam kitab 'Manhaj al-Tarbiyah 'Inda al-Ikhwān al-Muslimīn' menyebut, bahawa al-Mu'tamar al-Awwal (yang pertama)

telah diadakan pada 9 Julai 1931M bersamaan 22 Safar 1350H di bandar al-Ismailiyah yang dihadiri oleh al-Mursyid al-‘Ām dan pimpinan di semua peringkat dalam kalangan anggota al-Ikhwān al-Muslimūn. Keputusan yang dicapai ialah mewujudkan sebuah badan yang beroperasi di Jabatan al-Mursyid al-‘Am yang dikenali sebagai Maktab al-Irsyād dengan sebelas orang yang menganggotai badan ini, mereka berfungsi untuk menjalankan skop tugas yang ditentukan dalam mu’tamar<sup>114</sup>. Mereka yang terpilih menganggotai Maktab al-Irsyad sejak diperkenalkan adalah terdiri daripada ;

- i- Hasan al-Banna, al-Mursyid al-‘Ām.
- ii- Profesor Syeikh Muṣṭafa Muhammad at-Toir (Timbalan Pengarah Pengurusan dan Tenaga Pengajar Maahad al-Azhar, seorang pakar dalam agama).
- iii- Profesor Syeikh ‘Abd al-Hafeez Farghaly (Tenaga Pengajar Maahad al-Azhar dan seorang pakar dalam agama).
- iv- Profesor Syeikh Profesor Syeikh amed ‘Askariyyah (Penasihat Agama dan anggota Majlis Ulama’ al-Azhar).
- v- Profesor Syeikh Afifi al-Syafie ‘Atwah (Qadi dan Ulama’ al-Azhar).
- vi- Profesor Ahmad Afandi as-Sukkary (Seorang tenaga pengajar di al-Mahmudiyyah).
- vii- Profesor Khalid ‘Abd Lateef Afandi (Ahli Parlimen al-Jamaliyyah).
- viii- Ustaz Muhammad Afandi Fathullah Darwīsh (Pegawai di Jabatan Kewangan Qaherah).

---

<sup>114</sup> ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, Dr : *Manhaj al-Tarbiyah ‘Inda al-Ikhwān al-Muslimīn* (Manṣourah : Dār al-Wafā’ li al-Ṭibā’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1989), 1 : 303–304.

- ix- ‘Abd al-Rahman Afandi as-Sā’āti (Pegawai di Jabatan Kejuteraan, Qaherah).
- x- Muhammad As’ad al-Hakeem (Pegawai di Jabatan Kejuteraan, Qaherah).
- xi- Muhammad Afandi Helmy Nur al-Din (Pakar Pemeriksa Saliran di Giza)<sup>115</sup>. Ia merupakan gabungan mantap antara tokoh-tokoh ilmuan agama dan golongan professional yang menjadi sandaran kepada al-Ikhwān al-Muslimūn.

Al- Mu’tamar al-Thāni (kedua) telah berlangsung di bandar Port Sa’id pada 10 Februari 1932M bersamaan 2 Syawwal 1351H yang dipengerusikan sendiri oleh al-Mursyid al-‘Ām. Antara keputusan yang diambil dalam mu’tamar kali ini ialah mewujudkan sebuah percetakan bagi mencetak hasil-hasil tulisan al-Mursyid al-‘Ām khususnya dan para pemimpin lain umumnya untuk disebarluaskan dalam kalangan anggota al-Ikhwān al-Muslimūn dan masyarakat awam di samping menggiatkan lagi peranan Maktab al-Irsyad<sup>116</sup>.

Sementara al-Mu’tamar al-Thālith (ketiga) diadakan di bandar Qaherah pada 17 Mac 1835M bersamaan 11 Zulhijjah 1353H, keputusan yang disepakati dalam mu’tamar kali ini ialah memperkasa wasilah dakwah secara praktikal<sup>117</sup>.

Adapun pada al-Mu’tamar al-Robi’ (keempat) tetap diadakan seperti tahun-tahun sebelum itu, namun tidak terdapat catatan tarikh dan tempat

---

<sup>115</sup> Ibid \_\_\_\_\_ ‘Ali ‘Abd al-Halim, 1 : 305.

<sup>116</sup> Ibid \_\_\_\_\_ ‘Ali ‘Abd al-Halim, 1 : 305.

<sup>117</sup> Ibid \_\_\_\_\_ ‘Ali ‘Abd al-Halim, 1 : 307.

diadakan , cuma hanya tercatat tahun 1936M, perbincangan tertumpu kepada pendekatan untuk bertemu dengan pihak pemerintah Mesir pimpinan Raja Faruq bagi menyatakan pendirian al-Ikhwān al-Muslimūn dengan manhaj Islam dalam melakukan Islāḥ dan peranan al-Ikhwān al-Muslimūn dalam usaha tersebut<sup>118</sup>.

Dalam kitab Majmū'ah al-Rasā'il, Hasan al-Banna hanya mencatat al-Mu'tamar al-Khomis (kelima) sahaja. Di mana ia telah berlangsung di bandar Qāherah pada 2 Januari 1939M bersamaan 13 Zulhijjah 1357H. Keputusan yang diambil oleh para hadirin dan perwakilan dalam mu'tamar ini iaitu mereka bersetuju agar Maktab al-Irsyad dibantu supaya lebih konsisten dan berkarisma dalam mendepani segenap isu di samping merangka strategi dakwah al-Ikhwān al-Muslimūn kepada umum serta membentuk beberapa lajnah bagi melicinkan tugasan dakwah, antara lajnah yang diputuskan ialah Lajnah Perlembagaan Jamaah, Lajnah undang-undang, kesenian, Lajnah khas dan lajnah Keilmuan bagi menyediakan bahan-bahan ilmu berkaitan aqidah, ibadah, akhlak dan lain-lain. Mu'tamar ini juga menuntut para hadirin untuk bersiap siaga menghadapi jihad di Palestin, menuntut pihak berkuasa agar menggandakan usaha bagi memperkasa peradaban Islam dalam kalangan pemerintah dan rakyat serta mengekang segala akhlak yang songsang dalam negara<sup>119</sup>.

Dalam mu'tamar kelima ini Hasan al-Banna menegaskan :

“Kita amat meyakini bahawa undang-undang Islam serta segenap ajarannya adalah bersifat universal mencakupi segenap urusan dunia dan akhirat. Bagi mereka yang melihat ajaran-ajaran Islam hanya

---

<sup>118</sup> Ibid \_\_\_\_\_ ‘Ali ‘Abd al-Halim, 1 : 318.

<sup>119</sup> Ibid \_\_\_\_\_ ‘Ali ‘Abd al-Halim, 1 : 319-320.

terbatas kepada sudut ibadah atau kerohanian sahaja, maka mereka sebenarnya tersasar jauh daripada kebenaran, ini kerana Islam adalah aqidah dan ibadah, ia juga mencakupi pembelaan terhadap tanah air dan negara, membela agama dan kewarganegaraan, ia juga bersifat rohani dan amalan, kepercayaan kepada al-Quran dan jihad. Kerana al-Quran sendiri telah membahaskan semua yang disebutkan dan menyifatkannya sebagai intipati kepada ajaran Islam<sup>120</sup>.“

Sementara al-Mu’tamar as-Sādis (keenam) telah diadakan pada 9 Januari 1941M bersamaan 11 Zulhijjah 1359H tanpa menyebut tempat berlangsung mu’tamar. Dalam mu’tamar kali ini, Hasan al-Banna membuat kejutan dengan melontarkan soalan kepada para hadirin dan perwakilan, “Siapakah sebenarnya al-Ikhwān al-Muslimūn?”. Beliau selanjutnya memberi motivasi kepada mereka tentang tanggungjawab untuk memahami Islam dalam bentuknya yang menyeluruh, juga mengingatkan mereka supaya sentiasa cekal dalam perjuangan menyampaikan kebenaran, mempererat, mempertaut dan memperkasa ukhuwwah sesama mereka, sanggup berkorban apa sahaja demi membela Islam melalui jihad harta, masa, tenaga, ide dan lain-lain dengan penuh ikhlas kerana Allah serta menekankan matlamat sebenar kewujudan al-Ikhwān al-Muslimūn adalah untuk berkhidmat kepada masyarakat dan agama bagi melakukan Islāḥ melalui dakwah yang dijalankan<sup>121</sup>.

Pengkaji berpendapat, bahawa Hasan al-Banna mengambil kesempatan dalam penganjuran setiap mu’tamar tahunan yang berlangsung dalam kalangan anggota al-Ikhwān al-Muslimūn untuk menyatakan peri

<sup>120</sup> Hasan al-Banna : *Majmū’ah al-Rasāil*, hal. 153.

<sup>121</sup> Op. cit \_\_\_\_ ‘Ali ‘Abd al-Halim, 1 : 321-324.

pentingnya unsur pembangunan insan diserap dalam kalangan mereka, ia amat jelas lagi bersuluh apabila keputusan yang dicapai sejak dari mu'tamar pertama hingga yang keenam agar mewujudkan satu badan yang dikenali sebagai Maktab al-Irsyad yang dianggotai oleh mereka yang alim dalam bidang agama secara khusus terutama dalam kalangan para Masyāikh al-Azhar dan golongan professional, mereka menjadi indikator dalam mengenal pasti segenap pengisian program tidak tersasar daripada ruang lingkup agama, di samping menjadi rujukan kepada pihak-pihak tertentu terutama anggota al-Ikhwān al-Muslimūn di semua peringkat.

Begitu juga mewujudkan satu percetakan bagi mencetak dan menyebar bahan-bahan ilmiah adalah bertujuan untuk menajamkan cara berfikir dalam kalangan anggota, pada masa yang sama menjadi bahan untuk berhujah terutama ketika berhadapan dengan permasalahan yang dilontarkan oleh masyarakat dalam berdakwah, di mana dakwah yang sebelum dari itu hanya terpakai dalam kalangan anggota al-Ikhwān al-Muslimūn perlu disebar-luaskan ke peringkat masyarakat awam secara praktikal dengan wasilah-wasilah yang disusun oleh Maktab al-Irsyad. Paling penting pertemuan dengan pihak berkuasa untuk menyatakan secara berhadapan tugas dan peranan al-Ikhwān al-Muslimūn yang bukan hanya terbatas kepada anggota sahaja. Di samping membetulkan fahaman Islam yang bukan hanya terbatas dalam aspek aqidah dan ibadah semata-mata, tetapi skopnya yang luas mencakupi tuntutan bernegara dengan kaedah yang sihat berpaksikan al-Quran, as-Sunnah dan Sirah Nabawiyyah. Setiap anggota yang terbabit dalam tugasan dakwah diingatkan

agar sanggup berkorban apa sahaja, mempertaut ukhuwwah, cekal, fokus, ikhlas yang merupakan senjata kekuatan dan merupakan sebahagian daripada unsur pembangunan insan.

#### **4.7.1. Kepentingan Mu'tamar**

Terdapat sepuluh kepentingan penganjuran mu'tamar sejak diperkenalkan al-Mursyid al-'Ām pertama hingga ke hari ini seperti yang dijelaskan oleh 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud;

- i- Ia peluang menghimpunkan para peserta untuk berdiskusi dalam isu agama dan semasa.
- ii- Masa untuk memperdengarkan kepada para hadirin dan perwakilan amanat yang disampaikan oleh al-Mursyid al-'Ām serta pimpinan tertinggi di samping memberikan kesempatan kepada mereka untuk berdialog dan berbincang.
- iii- Membentangkan aktiviti dari setiap lajnah yang dibentuk.
- iv- Membincangkan topik ilmiah untuk dibahas terutama dalam aspek tarbiyah.
- v- Mu'tamar menjadi medan membahaskan aspek ilmu dalam pendidikan individu dan jamaah.
- vi- Mu'tamar menjadi medan mengaktifkan cara berfikir dalam kalangan anggota.
- vii- Mu'tamar memperbaharui ikatan ukhuwwah yang berkesempatan bertemu setahun sekali.

- viii- Mu'tamar mengingatkan anggota untuk memperbarui bai'ah kepada kepimpinan selagi mana tidak menyalahi tuntutan syara'.
- ix- Mu'tamar menjadi medium untuk bertukar-tukar pandangan antara pimpinan dan anggota begitulah sebaliknya.
- x- Para anggota dalam kalangan hadirin dan perwakilan diingatkan agar sentiasa bersedia menjadi saf pendukung yang patuh terhadap arahan kepimpinan dengan penuh rasa tanggungjawab dan keikhlasan terhadap perjuangan<sup>122</sup>.

Justeru, apa yang tersurat dalam pengajuran mu'tamar terdapat padanya unsur pembangunan insan yang berbagai-bagai seperti yang disebut dalam kepentingan pengajuran mu'tamar di atas, pengkaji optimis bahawa segenap apa yang dilontarkan dalam mu'tamar mengandungi unsur tarbiyah sama ada buat individu mahupun anggota jamaah, di mana dengan apa yang tercatat itu jelas bahawa anggota al-Ikhwān al-Muslimūn merupakan individu-individu jamaah yang disuntik dengan unsur pembangunan yang melonjakkan mereka sebagai sebuah jamaah yang layak mendaulatkan ajaran Islam.

#### **4.7.2. JADUAL PEMBANGUNAN INSAN DALAM ASPEK TARBIYAH IM**

<b>UNSUR PEMBANGUNAN INSAN MENURUT HASAN AL-BANNA DALAM MAJMŪ'AH AL- RASĀIL</b>		<b>ASPEK TARBIYAH DALAM KALANGAN IM</b>
1	Insan yang sihat tubuh badan	Katibah, Rehlah dan

<sup>122</sup> 'Ali 'Abd al-Halīm Maḥmūd, Dr : *Wasā'il al-Tarbiyah 'Indā al-Ikhwān al-Muslimīn* (Mansoūrah : Dār al-Wafā' li at-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī', 1988), hal. 313-314.

		Mu'askar
2	Insan yang berakhhlak mulia	Usrah dan Daurah
3	Insan yang berilmu tinggi	Usrah dan Mu'tama r
4	Insan yang berdikari	Katibah, Rehlah dan Mu'askar
5	Insan yang memiliki akidah yang sohih	Usrah, Daurah dan Mu'tama r
6	Insan yang melaksanakan ibadah menurut piawaian Islam	Usrah dan Mu'tama r
7	Insan yang dapat mengawal dan menguasai diri	Katibah dan Mu'askar
8	Insan yang bijak mengurus waktu	Usrah, Katibah, Rehlah, Daurah, Mu'askar dan Mu'tama r
9	Insan yang berdisiplin dalam melaksanakan urusan	Mu'askar
0	Insan yang bersedia	Katibah dan

	untuk menyumbang bakti	Rehlah
--	------------------------------	--------

#### 4.7.3. Kesimpulan

Jelas dari apa yang tercatat dalam jadual 4.7.2. di atas menunjukkan bahawa segenap unsur pembangunan insan yang dilontarkan oleh Hasan al-Banna dalam kitab Majmū'ah al-Rasā'il menepati aspek tarbiyah yang diperkenalkan oleh Maktab al-Irsyad, ia tidak lain adalah untuk memastikan agar setiap anggota al-Ikhwān al-Muslimūn mampu menjadi ‘role model’ atau ikon kepada masyarakat dalam melaksanakan segenap tuntutan ajaran Islam seperti yang dituntut oleh Allah dalam al-Quran dan Rasulullah s.a.w. dalam banyak hadīthnya yang menekankan perihal pentingnya unsur-unsur tersebut menjadi makanan rohani umat Islam, sekali gus menyerlahkan individu Muslim Rabbani yang meletakkan Allah sebagai matlamat perjuangan mereka, Rasul sebagai pemimpin dan suri teladan, al-Quran sebagai perlumbagaan hidup, jihad adalah cara hidup sebagai muslim sejati dan mati pada jalan Allah adalah cita-cita tertinggi mereka. Inilah slogan yang telah mengubah sejarah tamadun manusia yang menyaksikan Hasan al-Banna dan jamaah al-Ikhwān al-Muslimūn bukan sahaja mampu berdakwah, tetapi pada masa yang sama mentarbiyah anggota sebagai satu keutamaan dalam berjamaah yang sama sekali tidak takut melainkan hanya kepada Allah SWT, itulah rahsia kejayaan yang ada pada al-Ikhwān al-Muslimūn.

University Of Malaya

University of Malaya

## BAB 5 : KESIMPULAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

### 5.1. Pendahuluan

Penyelidikan ini berpaksikan kepada kajian kepustakaan terhadap unsur-unsur pembangunan insan yang terdapat dalam kitab *Majmū'ah al-Rasā'il* karya agung dan ulung Hasan al-Banna yang merupakan mujaddid kurun kesembilan belas Masehi sebagaimana yang disaksikan oleh sebahagian besar ilmuan dan sarjana Islam seperti Syeikh Muhammad al-Ghazali<sup>1</sup>, Dr. Yusuf al-Qaradawi<sup>2</sup>, Dr. Anwar al-Jundi<sup>3</sup>, Dr. Taufiq al-Wā'ie<sup>4</sup>, Farīd 'Abd al-Khāliq<sup>5</sup> dan lain-lain.

Kitab *Majmū'ah al-Rasā'il* merupakan manual kepada pembangunan insan dengan unsur-unsur yang terdapat dalam semua risalah yang terhimpun di dalamnya. Setiap bab yang termuat di dalamnya mengurai aspek pembangunan insan dalam kepelbagaian pendekatan dan dimensi yang menjurus kepada membangun insan dari pelbagai latar belakang, justeru ia adalah antara rujukan penting untuk diketengahkan mengenai pembangunan insan dari awal hingga ke akhir halaman.

Secara praktikalnya, tarbiyah kepada individu muslim merupakan satu keutamaan dalam minda kefahaman anggota al-Ikhwān al-Muslimūn yang diasaskan oleh Hasan al-Banna, ia bagi mengekalkan momentum keaslian keperibadian muslim yang terdapat dalam diri mereka.

<sup>1</sup> Dalam kitab karya Farīd 'Abd al-Khāliq : *Al-Ikhwān al-Muslimūn Fi Mīzān al-Haq* (Qāherah : Dār al-Šohwah li al-Nasyr, 1987), hal. Muqaddimah.

<sup>2</sup> Dr. Yusuf al-Qaradawi : *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Madrasah Hasan al-Banna* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1982), hal. 5.

<sup>3</sup> Anwar al-Jundi : *Hasan al-Banna – Al-Dāiyah al-Imām wa al-Mujaddid al-Syahīd* (Damsyiq : Dar al-Qalam, 2000), hal. 5.

<sup>4</sup> Dr. Taufiq al-Wā'ie : *Al-Imām Hasān al-Banna Mujaddid al-Qarn* (Kuwait : Maktabah al-Manār al-Islamiyyah, 2008), hal. Muqaddimah.

<sup>5</sup> Op. Cit\_\_\_\_\_Farīd 'Abd al-Khāliq, hal. 15.

Justeru, bab ini menyatakan kesimpulan dan rumusan bagi keseluruhan hasil kajian, seterusnya mencadangkan beberapa saranan berdasarkan hasil kajian kepada pihak-pihak tertentu terutama yang terlibat secara langsung dalam aspek pendidikan, motivasi ataupun kaunseling, ia bagi meningkatkan mutu unsur pembangunan insan yang dilakukan melalui penulisan.

## **5.2. Kesimpulan**

Berpandukan kepada hasil kajian ini, pengkaji merumuskan beberapa kesimpulan dan ia boleh dibahagikan kepada empat bahagian berikut :

- i- Pembangunan insan berdasarkan perspektif Islam. Ia dibahaskan secara terperinci dalam bab dua.
- ii- Kaitan antara dakwah dan tarbiyah dalam pembangunan insan. Perkara ini juga dibincangkan dalam bab dua.
- iii- Unsur-unsur pembangunan insan yang terdapat dalam kitab Majmū'ah al-Rasā'il Hasan al-Banna. Ia diperjelaskan secara terperinci dalam bab tiga.
- iv- Pendekatan Hasan al-Banna melalui Wasā'il Tarbiyah dalam Majmu'ah al-Rasail. Penjelasannya terdapat dalam bab empat.

### **5.2.1. Pembangunan Insan Berdasarkan Perspektif Islam**

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, maka boleh dirumuskan bahawa pembangunan insan berdasarkan perspektif Islam adalah suatu usaha bersepada untuk membangunkan diri manusia secara menyeluruh, merangkumi semua komponen kejadian manusia, fizikal dan bukan fizikal. Usaha pembangunan insan berdasarkan ajaran Islam mesti mengikuti garis panduan serta cara-cara yang ditunjukkan oleh Islam, ia dirujuk dan disandarkan kepada ayat-ayat al-Quran, hadīth-hadīth serta pandangan ulama' muktabar yang banyak menulis dan menghasilkan

karya dalam aspek pembangunan insan yang diterima oleh segenap ulama' di sepanjang zaman tanpa mempertikaikan kebolehan mereka apa yang telah mereka hasilkan, pada masa yang sama juga ia tidak boleh menyimpang jauh daripada ajaran Islam dan menuju kepada matlamat mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat.

Usaha pembangunan insan boleh dilakukan melalui beberapa bentuk, pertama ialah perubahan, dengan maksud perubahan tersebut dilakukan untuk menjadikan diri manusia yang kurang baik atau tidak baik kepada lebih baik, ataupun perubahan diri manusia daripada keadaan diri yang baik kepada keadaan yang lebih baik. Kedua adalah usaha berbentuk mengelakkan perkara yang tidak baik berlaku pada diri manusia, ketiga adalah usaha yang berbentuk menghapuskan perkara yang tidak baik yang telah berlaku pada diri manusia dan keempat adalah usaha mengekalkan keadaan yang baik daripada berubah kepada keadaan yang tidak baik ataupun kurang baik.

Pembangunan insan berdasarkan perspektif Islam merangkumi aspek fizikal yang membabitkan batang tubuh insan seperti yang telah diuraikan dalam bab-bab terdahulu dan aspek bukan fizikal, walau bagaimanapun aspek yang ditekankan adalah pembangunan aspek bukan fizikal. Penekanan terhadap aspek ini melibatkan pembangunan cara berfikir, tabiat dan tingkah laku seseorang, supaya selaras dengan kehendak dan tuntutan Allah SWT serta Rasul-Nya, inilah yang difokuskan oleh Hasan al-Banna dalam Majmū'ah al-Rasā'il.

Kesan yang sepatutnya terhasil daripada usaha pembangunan insan adalah untuk melahirkan seorang manusia yang baik pada aspek fizikal dan bukan fizikal, serta bercita-cita untuk mendapatkan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat seperti yang diajarkan dalam ajaran Islam. Malah manusia yang telah melalui proses

pembangunan insan, sepatutnya mampu menjadi ahli masyarakat yang baik dan memberi manfaat kepada orang lain.

Usaha pembangunan insan menjadi tanggungjawab besar setiap Muslim, ia perlu dilaksanakan mengikut kemampuan masing-masing. Usaha pembangunan insan menuntut usaha yang berterusan, dan tidak boleh dilaksanakan secara sementara atau sukarela, di mana usaha ini perlu dilaksanakan sepanjang hayat manusia. Usaha ini juga boleh dilaksanakan secara individu ataupun secara bersama dengan orang lain berdasarkan kesesuaian masa, keadaan dan tempat.

Oleh yang demikian, pembangunan insan daripada perspektif Islam menuntut usaha manusia yang disusun dan dilaksanakan dengan teliti, ia bertujuan bagi melahirkan manusia yang baik. Sememangnya sukar untuk mencapai kesempurnaan sebagai manusia yang baik telahan lagi musuh utamanya syaitan sentiasa mencari ruang dan kesempatan untuk menidakkannya ke arah penambah baikan dalam membangun diri, namun ia bukanlah suatu yang mustahil untuk dilakukan, kerana Islam telah menggariskan kaedah dan petunjuk untuk merealisasikan kesempurnaan. Selain itu, usaha gigih dan bersungguh-sungguh perlu dilaksanakan secara berkala supaya usaha untuk membangunkan manusia berdasarkan ajaran Islam tercapai dan berjaya dilakukan.

### **5.2.2. Unsur-unsur pembangunan insan yang terdapat dalam kitab Majmū’ah al- Rasāil Hasan al-Banna.**

Melalui kajian ini, pengkaji mendapati Hasan al-Banna ada membincangkan mengenai unsur-unsur pembangunan insan dalam kitabnya Majmū’ah al-Rasāil dalam semua risalah yang terhimpun di dalamnya yang saling berkait antara satu sama lain. Namun berdasarkan kajian ini, unsur pembangunan insan yang dinilai terfokus

kepada sepuluh unsur iaitu, akidah yang jitu, konsep Ibadat yang menepati piawaian Islam, memelihara tubuh badan agar sentiasa sihat, sentiasa memelihara akhlak terpuji dan berusaha menggarap ilmu, memelihara waktu, bermanfaat buat orang lain, mampu berdikari, bersistematik dalam segenap urusan hidup dan berupaya dalam mencari rezeki.

Setelah dibuat penelitian terhadap karya kitab Majmū'ah al-Rasā'il Hasan al-Banna, sememangnya beliau memberi tumpuan terhadap kesemua sepuluh unsur pembangunan insan di atas, ia merangkumi individu, rumah tangga atau institusi kekeluargaan, masyarakat, umat dan negara. Hasan al-Banna telah memberikan penekanan lebih terhadap unsur insan yang memiliki akidah yang sahih, kerana unsur ini menjadi penentu sama ada sesebuah usaha pembangunan insan itu, termasuk dalam pembangunan insan yang benar atau salah. Selain itu, Hasan al-Banna turut memberikan penekanan lebih terhadap unsur insan yang berakhhlak mulia, ini kerana akhlak mulia mempunyai kaitan dengan seluruh kehidupan manusia. Ia menjadi petunjuk seseorang itu berada dalam keadaan baik atau sebaliknya, sehinggakan ibadat juga berkait dengan akhlak mulia. Jika sekiranya akhlak mulia seperti ikhlas tidak wujud dalam ibadat seseorang Muslim, maka ibadat tersebut tidak akan jadi sempurna.

Selain itu boleh disimpulkan bahawa Hasan al-Banna telah menggunakan ruang dan medan penulisan untuk menghasilkan risalah-risalah bermutu tinggi dalam kitab Majmū'ah al-Rasā'il untuk menggambarkan dan menerangkan bentuk usaha pembangunan insan berdasarkan ajaran Islam. Sebagai penulis yang aktif dan kreatif, beliau bertanggungjawab terhadap segenap ajaran Islam, maka beliau memberi penekanan mengenai ajaran Islam dalam setiap unsur pembangunan insan yang menjadi keutamaan buat beliau untuk dibincangkan.

Justeru, kitab Majmū'ah al-Rasā'il boleh berperanan sebagai pembekal dan pemberi maklumat, pengetahuan, informasi dan ilmu berkaitan pembangunan insan, yang mampu membantu individu-individu untuk membangunkan diri sendiri. Kitab berkenaan juga relevan untuk diaplikasikan dalam mana-mana usaha pembangunan insan yang dilakukan pada hari ini, apatah lagi dalam program motivasi yang semakin mendapat tempat dalam masyarakat. Oleh yang demikian, telah terbukti bahawa karya Hasan al-Banna itu memberi sumbangan kepada usaha pembangunan insan.

### **5.3. Rumusan**

Dalam meniti kehidupan hari ini yang disifatkan oleh banyak pihak adalah sebagai zaman transformasi yang penuh dengan cabaran dan dugaan, Apatah lagi individu Muslim/Muslimah yang berpegang kepada keaslian dan ketulenan aqidah yang berpaksikan kebenaran yang sampai kepada Rasulullah s.a.w. yang tidak terlepas dari menerima pelbagai cabaran dan dugaan, walaupun itu bukanlah impian yang ingin dicapai, tetapi tidak boleh tidak ia tetap bertemu sama ada secara sedar atau tidak.

Dunia hari ini menyaksikan pelbagai bentuk hiburan yang mampu menghakis dan menggugat pegangan kental individu terhadap agama. Ini ditambah pula dengan gadget yang menyediakan pelbagai bentuk dan teknik hiburan yang secara tidak langsung mampu menjadikan individu Muslim khasnya leka dan alpa terhadap suruhan dan ajaran agama.

Kealpaan dan ketakjuban terhadap gadget dan seumpamanya yang menyediakan pelbagai program melalaikan sedikit sebanyak menjadikan manusia-manusia hari ini tidak berapa bersungguh untuk melakukan ibadat secara serius dan sistematik, solat-solat fardū secara berjamaah dilihat kurang menyerlah dari

pengunjung yang hadir, masjid dan surau lengang termasuk kelas-kelas pengajian agama juga yang dianjurkan secara percuma tidak mendapat sambutan positif.

Pengkaji melihat ini merupakan satu fenomena yang amat mencemaskan, kerana generasi muda hari inilah yang akan menerajui kepimpinan negara, pertubuhan-pertubuhan, jabatan atau majlis agama pada masa akan datang, jika keadaan ini berterusan, ia akan mengakibatkan jangkitan virus anti agama yang akan menular dalam masyarakat jika ia tidak dibendung dengan penuh berhemah.

Ia juga akan merencatkan pembangunan insan dalam kalangan individu muda, justeru satu mekanisme yang padu dan jitu perlu dirangka oleh pihak berwajib khasnya dan disokong oleh umat Islam tidak kira ia badan-badan bukan kerajaan atau pertubuhan yang sah dalam mengendali dan menganjurkan program-program ke arah pembangunan insan itu sendiri sepetimana yang pernah dilakukan oleh generasi silam dan dipelopori oleh Hasan al-Banna dalam melawan arus pemodenan dengan elemen-elemen pembangunan insan yang terbaik buat umat. Ini kerana program-program pembangunan insan tidak serancak seperti program-program realiti berbentuk hiburan, kerana Allah sebut dalam al-Quran bahawa hati manusia lebih cenderung kepada kejahatan daripada kebaikan.

Menurut ilmu Psikologi Islam, mana-mana individu yang sedang menghadapi cabaran dan dugaan dari Allah SWT, maka ia akan mempunyai tahap penghayatan iman yang tinggi, mempunyai komitmen yang bersungguh-sungguh, disiplin diri serta mempunyai dorongan yang kuat untuk membangun dan mengerakkan jiwa, hati, roh dan akal bagi mencapai impian untuk menjadi Muslim hakiki satu hari nanti.

Daripada data yang diperolehi, jelas menunjukkan bahawa tugasan dakwah, tarbiyah dengan wasilah-wasilah (wasāil) menerusi pendekatan pembangunan insan

seperti Nizam Usrah yang diinspirasikan oleh Hasan al-Banna benar-benar menggilap potensi, bakat, pegangan serta hala tuju hidup yang jelas dengan Islam.

Kesemua sepuluh elemen pembangunan insan yang dibahaskan dalam kajian ini menjadi pemangkin kepada membangun insan yang lena dari tidur di siang hari, bangkit dari alam fantasi kepada kehidupan realiti dengan agama.

Dari pelbagai bentuk wasilah yang diperkenalkan, Nizam Usrah menjadi pilihan kepada golongan-golongan agamawan dan mereka yang cenderung kepada elemen-elemen agama di Malaysia, kerana ia telah membuktikan kejayaan demi kejayaan dalam membentuk cara berfikir, cara berkeluarga, cara bertutur, cara/gaya hidup, cara berkomunikasi sesama insan, semuanya terarah dengan elemen agama melalui penggarapan ilmu dan maklumat yang diraih melalui usrah. Sekali gus membuktikan dan telah terbukti bahawa usrah khasnya dan rangkaian aspek tarbiyah yang lain menjadikan individu yang berada di dalamnya insan-insan yang cemerlang dalam segenap aspek pembangunan insan.

Justeru dalam kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa untuk kembali kepada kecemerlangan individu Muslim adalah dengan Islam, kerana Islam tidak ketandusan ide-ide untuk membangun insan dari tidak beramal kepada beramal tengganya hingga melahirkan insan yang mampu berfikir secara Islam dalam segenap dimensi, hingga individu-individu dalam kalangan umat Islam mewarnai rumah tangga Islam yang cemerlang, pada masa yang sama meletakkan masyarakat umat Islam sebagai agen perubahan yang disegani oleh kawan dan lawan. Kalauolah ini yang dapat direalisasikan, maka sudah pasti umat Islam akan menjadi umat terbaik buat semua bangsa manusia di muka bumi ini, yang akhirnya layak untuk menerima keamanan dan keselamatan daripada Allah SWT.

## **5.4. Saranan / Cadangan**

Berdasarkan beberapa penemuan dalam kajian ini, maka boleh diusulkan beberapa saranan ataupun cadangan kepada pihak tertentu untuk dipertimbang, diterima atau dilaksanakan, dengan tujuan dilakukan penambah-baikan usaha pembangunan insan melalui penulisan dan mempertingkatkan lagi keberkesanannya.

### **5.4.1. Pengkaji Yang akan Datang**

Kajian ini dilakukan hanya terbatas kepada penulisan karya Hasan al-Banna, oleh itu hasil kajian hanya merujuk kepada idea pemikiran Hasan al-Banna semata-mata. Bagi tujuan memperkaya khazanah ilmu, terutama dalam bidang pembangunan insan, adalah dicadangkan supaya kajian yang serupa dapat dilakukan terhadap tokoh-tokoh ilmuan dan sarjana lain, ia untuk mengetahui perbezaan atau persamaan natijah cara berfikir dan pendekatan masing-masing daripada hasil kajian yang diperolehi.

Memandangkan kajian ini hanya dilakukan terbatas kepada karya kitab Majmū'ah al-Rasā'il Hasan al-Banna, sedangkan beliau juga menulis dalam bidang-bidang yang lain seperti dakwah, mengenai persoalan Muslimat, merancang keluarga, politik, memahami ilmu 'Ulūm Hadīth, mengenai isu-isu semasa dan fiqh serta yang lain. Justeru untuk memperkaya hasil kajian dan penyelidikan pemikiran Hasan al-Banna dalam bidang pembangunan insan, adalah dicadangkan supaya kajian lain berkaitan pembangunan insan dapat dilakukan terhadap karya-karya Hasan al-Banna selain daripada kitab Majmū'ah al-Rasā'il.

Memandangkan kajian ini berbentuk dan bersifat mengenal pasti dan analisis unsur-unsur pembangunan insan dalam kitab Majmū'ah al-Rasā'il, justeru adalah dicadangkan juga kajian dalam bentuk yang berbeza, seperti kajian tentang

pendekatan penulisan, perbandingan, gunaan dan lain-lain dapat dilakukan sebagai lanjutan daripada kajian ini.

#### **5.4.2. Penulis Buku**

Berdasarkan hasil kajian, didapati Hasan al-Banna dalam penulisan kitab Majmū'ah al-Rasā'il mampu berperanan sebagai penyampai mesej pembangunan insan kepada sasaran pembaca. Justeru, dengan matlamat untuk membangunkan insan, usaha penulisan buku dalam kalangan penulis buku, perlu lebih digiatkan dan diperkasa dari masa ke semasa.

#### **5.4.3. Pendakwah/ Penceramah**

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa karya penulisan Majmū'ah al-Rasā'il mampu berperanan membimbing pembaca, pada masa yang sama membantu pembaca membangunkan dirinya sendiri. Justeru adalah dicadangkan kepada para pendakwah/penceramah supaya meningkatkan usaha untuk merujuk karya-karya penulisan seperti kitab Majmū'ah al-Rasā'il sebagai salah satu saluran dakwah, dengan demikian mampu memberi sumbangan kepada usaha pembangunan insan, lebih-lebih lagi pada zaman di mana kita berada di dalamnya, keadaan semakin meruncing dari sudut ketirisan akhlak dengan laporan di dada-dada akhbar penglibatan pegawai tertentu dalam rasuah dan lain-lain yang menjadi cerminan kepada yang lain, maka ia bukan sahaja membabitkan golongan karyawan, malah dalam kalangan remaja pun sudah mula terjebak dalam perkara yang meruntuh usaha pembangunan insan. Namun ia masih belum terlambat untuk diselamatkan, jika semua pihak termasuk para pendakwah/penceramah memainkan peranan yang padu dan jitu menggembeleng tenaga dengan pihak lain bagi melakukan sesuatu usaha ke

arah membangun insan, justeru merujuk kepada bahan-bahan pembangunan insan adalah sangat perlu dan wajib dilakukan.

#### **5.4.4. Motivator**

Pengamatan pengkaji juga sepanjang menjalankan kajian pembangunan insan mendapati bahawa masyarakat di luar sana semakin terarah dengan satu pendekatan program motivasi yang semakin diterima umum dalam kalangan masyarakat, sama ada di peringkat sekolah, universiti, jabatan kerajaan mahupun swasta yang mengundang para motivator yang mewakili konsultan masing-masing, agar dicadangkan kepada mereka supaya dapat menggunakan bahan-bahan motivasi untuk segenap peringkat dalam membangun insan seperti Majmū'ah al-Rasā'il dijadikan rujukan di samping karya-karya lain, ini kerana pengkaji amat yakin sepenuhnya ia mampu mengemas-kinikan informasi motivator dalam aspek pembangunan insan yang telah terbukti Hasan al-Banna telah menjayakannya terhadap anggota-anggota Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn yang masih lagi relevan sebagai sebuah gerakan global dalam membangun insan.

## BIBLIOGRAFI

- Al-Allāmah Al-Munāwi : *Faid al-Qodīr Syarh al-Jāmi' as-Soghīr*, (Beirūt : Dār al- Ma'rīfah 1972).
- Ab. Aziz Mohd Zin, Prof. Dr. et al. : *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya, 2006).
- \_\_\_\_\_*Pengantar Dakwah Islamiyyah* (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1997).
- 'Abd al-'Azīz Muhammad Ibrahim Ramaḍān : *Al-Ikhwān al-Muslimūn wa al-Tanzīm al-Sirrīm* (Qāherah : Maktabah Rozelyousef, 1982).
- 'Abd al-Aziz al-Khayyat : *Al-Mujtama al-Mutakāfil Fī al-Islām* (Qāherah : Dār al-Salām, 1986).
- Abdul Bāsiṭ Abdul Rahman, Dr. : *Keindahan Islam – Hikmah-hikmah di sebalik Pensyariatan* (Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd. 2012).
- 'Abd al-Halim Mahmud : *Al-Qurān fī Syahr al-Qurān* (Qāherah : Dār al-Ma'ārif, 1986).
- 'Abd al-Halim 'Uwais : *Al-Islām Kamā Yanbaghī An Nu'min bihi* (Qāherah : Dār as-Şohwah, 1985).
- 'Abd al-Hamīd Kisyk : *Binā' al-Usrah al-Muslimah* (Qāherah : Dār al-Mukhtār al-Islāmī, 1988).
- Abbās as-Sīsī : *Hasan al-Banna – Mawāqif fī al-Dakwah wa al-Tarbiyah* (Mesir : Dār at-Tawzī', 2001).
- \_\_\_\_\_*Biografi Dakwah Hasan al-Banna'* Terjemahan oleh Nandang Burhanuddin & Dedi Hariadi. Jakarta terbitan Harakatuna Publishing, 2006.
- \_\_\_\_\_*Fi Qāfilah al-Ikhwān al-Muslimīn* (Qāherah : Iqra' Dār al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Şoūtiyyat, 1987).
- 'Abd al-Ghani Syamah, Dr. dalam bukunya : *Al-Islām kamā Yanbaghī 'An Na'rifahu*, (Mesir : Maktabah Wahbah, 1983).
- 'Abd al-Hamid al-Ghazali, Dr : *Haula Asasiyyāt al-Masyrū' al-Islāmī li Nahdah al-Ummah* (Qāherah : Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr al-Islamiyyah, 2000).
- 'Abd al-Karīm Othmān : *Al-Niżām al-Siyāsi fī al-Islām* (Beirut : Dār al-Irsyād, 1968).

‘Abd al-Karim Zaydan : *Usūl āl-Dakwāh* (Beirut - Muassasat al-Risālah, 1987).

‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan : *Ma’alim al-Hadarah fi al-Islam* (Qāherah : Dar al-Salam, 1984).

\_\_\_\_\_ *Qissah al-Hidāyah* (Qāherah : Dār al-Salām, 1985).

\_\_\_\_\_ *Tarbiyah al-Aulād fi al-Islām* (Qāherah : Dār al-Salām, 1985).

‘Abd al-Mun’im Abu al-Futūḥ, “Al-İslāḥ Fī Fikr al-Imām al-Banna”, dalam *Al-Masyrū’ al-İslāhi li al-Imam Hasan al-Banna li Qarnin Jadid*, ed. Al-Mustasyar Ṭoriq al-Basyari (Qāherah : Markaz al-‘Ilām al-‘Arabi, 2007).

‘Abd al-Qoder Ahmad ‘Atā’ : *Al-Liqā’ Bainā al-Zaujāñ Fi Dāw’ al-Kitāb wa al-Sunnah* (Qāherah : Dār al-Turāth al-‘Arabi, 1980).

‘Abd al-Rahman al-Naqib, “Al-Fikr al-Tarbawi ‘Inda al-Imam Hasan al-Banna” dalam *Al-Masyrū’ al-İslāhi li al-Imam Hasan al-Banna li Qarnin Jadid*, ed. Al-Mustasyar Ṭoriq al-Basyari (Qāherah : Markaz al-‘Ilām al-‘Arabi, 2007).

‘Abd al-Rahmān Nahlāwī : *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa al-Musykilāt al-Mu’āṣirah* (Beirūt : Al-Maktab al-Islāmi, 1988).

‘Abd al-Rahmān as-Ṣobūni, Dr : *Nizām al-Usrah wa Ḥalli Musykilatuha Fi Dāw’ al-Islām* (Qāherah : Maktabah Wahbah : 1983).

‘Abd al-Rahmān bin Zaid al-Zanidi : *Tadbiq al-Syaria’ah al-Islamiyyah fi Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa’udiyah wa Āthāruha fi al-Hayah* (KSA : Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah, 1999).

‘Abd al-Wahhab Ridwan : *Al-Islām wa al-Syabāb* (Qāherah : Majlis al-‘Alā Li al-Syūūn al-Islamiyah, 1987).

Abdullah Siddik : *Intidasar Islam* (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1969).

‘Ābid Taufiq al-Hāshimi, Prof. Dr. : *Toroiq Tadrīs Mahārāt al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Beirut : Muassasah al-Risālah, 2006).

Abu al’Ala al-Maududi : *Al-Khilafah wa al-Mulk* (Kuwait : Dar al-Qalam, 1978).

Abu Bakr Jaber al-Jazāiri : *Al-‘Ilm wa al-‘Ulamā’* (Qāherah : Dār al-Kutub al-Salafiah, 1983).

\_\_\_\_\_ *Minhāj al-Muslim* (Qāherah : Dār al-Kutub al-Salafiah, 1986).

Abu al-Hasan ‘Ali an-Nadwi : *Al-Imam al-Syahid al-Syeikh Hasan al-Banna*, terbitan al-Majma’ al-Islami al-‘Ilmi, Nadwah al-‘Ulama’ (-Lucknow, India, 1998).

\_\_\_\_\_ *Mādhā Khosir al-‘Ālam bi Inhītāt al-Muslimin* (Qāherah : Maktabah al-Īman, 2012),

\_\_\_\_\_ *Minhāj al-Šolihīn ‘Aqīdah wa Sulūk’* (Qāherah : Dār al-Basyīr, 1983).

Abu al-Hasan Ali bin Muhammad bin Habib al-Baṣri al-Baghdadi al-Mawardi : *Al-Aḥkām al-Šūlṭāniyyah wa Wilāyat al-Dīniyyah* (Qāherah : Syarikah Muṣṭafa al-Babīy al-Halabī, 1966).

Abu Sufian Ab. Ghani : “*Pembinaan Peradaban Ummah – Pemikiran dan Pendekatan Hasan al-Banna*” (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya – cet. Pertama 2004).

Abu al-Yazid Abu Zaid al-‘Ajmi : *Al-Fuqaha wa Buhūth al-‘Aqīdah al-Islamiyyah* (Qāherah : Dār al-Hidāyah, 1985).

‘Afīf ‘Abd al-Fattāḥ Ṭabbārah : *Rūh al-Dīn al-Islāmī* (Beīrūt : Dār al-‘Ilm Li al-Malāyīn, 1983).

Ahmad ‘Abd al-Aziz Abu Samak : *Al-Tarbiyah al-Tarwīhiyyah Fi al-Islām* (Ammān : Dār al-Nafāis, 2008).

Ahmad ‘Abd al-Ghofūr ‘Atṭār : *Al-Tarbiyah* (Jeddah : Kementerian Penerangan Arab Saudi, 1992).

Ahmad ‘Adel Kamal : *Al-Nuqaṭ Fauq al-Hurūf – Al-Ikhwān al-Muslimūn wa al-Niẓām al-khāṣ* (Qāherah : Az-Zahraa Li al-‘Ilam al-‘Arabi, 1987).

Ahmad Ali al-Fanīsh, Dr : *Uṣūl al-Tarbiyah* (Libya : Al-Dār al-‘Arabiyyah li al-Kitāb, 1982).

Ahmad Amin ‘Abd al-Ghaffar : *Al-Jahiliyah Qodīman wa Hadīthan* (Kuwait : Syārikah al-Sya’ab Li al-Nasyr, 1401H).

Ahmad ‘Arafāt al-Qādī, Dr : *Al-Fikr al-Tarbawi ‘Inda al-Mutakallimīn al-Muslimīn wa Dauruhu fi Binā’ al-Fard wa al-Mujtamā’* (Qāherah : Al-Haiah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah li al-Kitāb, 1996).

Ahmad al-Rīsūnī : *Al-Syūra fi Ma’rakah al-Binā’* (Amman : Dār al-Rāzi, 2007).

Ahmad Fadzli Yusof dan A. Razak A. Muthalib : *Resipi Kejayaan Untuk Remaja* (Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn . Bhd, 2004).

Ahmad Farid : *Al-Tarbiyah ‘Ala Manhaj ‘Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah* (Iskandariah : Al-Dār al-Salafiyyah li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1999).

Ahmad Faez : *Dustūr al-Usrah fi Ţilāl al-Qurān* (Beirūt : Muassasah ar-Risālah, Cetakan ke-5 1985).

Ahmad ‘Isa ‘Asyur : *Hadiṭh al-Thulathā’ Li al-Imām Hasan al-Banna* ( Qāherah : Maktabah al-Qurān, 1985).

Ahmad ‘Iz al-Dīn al-Bayānūnī : *Hādhā al-Insān* (Qāherah : Dār al-Salām, 1986).

Ahmad Mohammad Gamal : *Muḥādarāt fi al-Thaqāfah al-Islamiyyah* (Beirūt : Dār al-Kitāb al-‘Arabi 1983).

Ahmad Mu’adh Haqqi, Prof. Dr. dan Marwan Waheed Sya’ban : *Al-Thaqāfah al-Islamiyyah* (Lubnān : Dār al-‘Ijāz, 2013).

Ahmad Rabi’ ‘Abd el-Hameed Khalfullah : *Al-Fikr al-Tarbawi wa Taṭbiqātuhu Ladā Jamā’ah al-Ikhwān al-Muslimīn* (Qāherah Maktabah Wahbah, 1984).  
Kajian peringkat Sarjana di Fakulti Pendidikan, Universiti āl-Āz̄hār, 1984 dengan pangkat kepujian kelas atas.

Ahmad Rajab al-Asmar, Dr : *Falsafah al-Tarbiyah Fi al-Islām – Intimāan wa Irtiqāan* (Ammān : Dār al-Furqān, 1997).

Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, (Bangi : Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005).

Ahmad Tarmizi Talib, “*Pendidikan*” dalam *Tamadun Islam* (Serdang : Universiti Putra Malaysia, 1997).

A.Hasjmy : *Dustur Da’wah Menurut al-Quran* (Jakarta : PT Bulan Bintang, 1994).

Akram Ḏiyā’ al-‘Umari, Dr : *Al-Tarbiyah al-Rūhiyyah wa la-Ijtima’iyyah Fi al-Islām* (Riyādh : Markaz al-Dirāsāt wa al-‘Ilām, 1997).

‘Allāmah al-Habīb Zain bin Ibrahim bin Semaiṭ Ba’lawi al-Husaini : *Al-Manhaj al-Sāwi Syarh Uṣūl Torīqah al-Sādah Ali Ba’lawi* (Hadramaut : Dār al-‘Ilm wa al-Da’wah, 2008).

‘Allāmah Hafiz bin Ahmad al-Hakami : *Ma’ārij al-Qabūl bi Syarh Sullam al-Wuṣūl ila ‘Ilmi al-Uṣūl fi al-Tauhiḍ* (Qāherah : Dār al-Maṭba’ah al-Salafiyyah, 1983).

Al-Amir Syakib Arsalan : *Limādha Taakhar al-Muslimūn wa Taqaddam Ghoiruhum* (Qāherah : Dār al-Basyīr, 1985).

Al-Bahi al-Khauli : *Tadhkīrah al-Du’āh* (Qāherah : Dār al-Turāth, 1987).

Al-Imam Fakhr al-Din Muhammad bin Umar al-Khatīb al-Rāzi : *Mahṣal Afkār al-Mutaqaddimīn wa a-Mutaakhirīn min al-‘Ulamā wa al-Hukamā wa al-Mutakallimīn* (Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabi, 1984).

Al-Imām Zaid bin ‘Ali bin al-Hussain Ibn ‘Ali bin Abi Talib : *Musnad Imām Zaid* (Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1981).

‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud : *Rukn al-‘Amal aw Manhaj al-Islāḥ al-Islāmī li al-Fard wa al-Mujtama’* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiyyah, 1994).

\_\_\_\_\_ *Manhaj al-Tarbiyah ‘Inda al-Ikhwān al-Muslimīn* (Manṣourah : Dār al-Wafā’, 1989).

\_\_\_\_\_ *Rukn al-‘Amal Au Manhaj al-Islāḥ al-Islāmī li al-Fard wa al-Mujtama’* (Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiah, 1994).

\_\_\_\_\_ *Rukn al-Ikhlāṣ* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiah, 1994).

\_\_\_\_\_ *Rukn al-Tajarrud* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiah, 1998).

\_\_\_\_\_ *Rukn al-Taḍhiyah* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiyyah, t.t.).

\_\_\_\_\_ *Rukn al-To’ah* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiah, 1997).

\_\_\_\_\_ *Tarbiyah al-Nāsyi’ al-Muslim* (Manṣoūrah : Dār al-Wafā’ Li al-Ṭibā’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1994).

\_\_\_\_\_ *Wasāil al-Tarbiyah ‘Indā al-Ikhwān al-Muslimīn* (Manṣourah Mesir : Dār al-Wafā’, 1989).

Ali Mahfuz, Syeikh : *Hidāyah al-Mursyidīn Ilā Ṭuruq al-Wa'z wa al-Khiṭābah* (Qāherah : Dār al-‘Itisom, 1979).

Ali Muhammad Jarisyah, Dr. : *Manāhij al-Da'wah wa Asālibuha* (Mansoūrah – Mesir, Dār al-Wafā', 1986).

\_\_\_\_\_ *Al-Iḥtisāb fi Da'wah al-Imām Ḥasan al-Banna*, sebuah kertas kerja yang belum dicetak menjadi sebuah buku, t.t.

\_\_\_\_\_ *Arkān al-Syari'ah al-Islamiyyah ḥudūduha wa Āthāruha* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1979).

\_\_\_\_\_ *Al-Masyrū'iah al-Islamiyyah al-'Ulyā* (Qāherah : Dār al-Wafā', 1986).

Ali Mahfūz : *Hidāyah al-Mursyidīn Ila Ṭuruq al-Wa'az wa al-Khiṭābah* (Qāherah : Dār al-‘Itiṣom : 1979).

‘Ali Ma’bad Farghali : *Al-Akhlāq al-Islamiyyah wa al-Insāniyyah* (Qāherah : Dār al-Kitāb al-Jāmi’ī, 1985).

‘Alī Ṣodiq : *Al-Ikhwān al-Muslimūn Bain Irhāb Fārūq wa 'Abd al-Nāṣer* (Qāherah : Dar al-‘Itiṣom, 1987).

Al-Imam Abu Hamid bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali : *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (Beirut : Dār al-Qalam, t.t.).

Al-Mustasyār Toreq al-Basyari, “Qirāah fi al-Fikr al-Siyāsi li al-Harakah al-Islamiyyah,” dalam *Al-Masyrū' al- Islāhi li al-Imām al-Banna – Tasāulāt li Qarn Jadid*, ed. Jum’ah Amin dan Dr. Muhsin Muhammad Solih (Qāherah : Markaz al-‘Ilām al-‘Arabi, 2007).

Al-Suyūti, Jalal al-Din 1967. *Ḥuṣn al-Muḥādarah fi Tārīkh Miṣr wa al-Qāherah*, (Qāherah : Maktabah al-Ḥalabī, 1967).

Amin al-Husaini, Syeikh (mantan Mufti besar Palestin), “*Hasan al-Banna Qudwah Ṣolihah li al-Āmilīn*,” dalam *Al-Masyrū' al- Islāhi li al-Imām Hasan al-Banna – Tasaulat li Qarn Jadid* , ed. Al-Mustasyar Toreq al-Basyari (Qaherah : Dar al-‘Ilām al-‘Arabi, 2007).

‘Amru al-Sybki, Dr. “Unṣur al-Ikhwān, Nasyāṭ wa Khibrāh Khāṣah”, dalam *Al-Masyrū' al- Islāhi li al-Imām Hasan al-Banna*, e.d. Al-Mustasyar Toreq al-Basyari (Giza, Mesir : Dar al-‘Ilām al-‘Arabi), 2007).

Ann Wan Seng : *Kamu, Apa Yang Kamu Makan – Islam Mengajar Hidup Sihat* (Sg. Buloh, Selangor : Kemilau Publika Sdn. Bhd, November 2012).

Anwar al-Jundi : *Al-Dā'iah al-Imām wa al-Mujaddid al-Syahīd* (Beirut : Dār al-Qalam, 2000).

\_\_\_\_\_ *Al-Tarbiyah wa Binā' al-Ajyāl Fi Ḏaw al-Islām* (Beirut : Dār al-Kitāb al-Lubnāni, 1982).

\_\_\_\_\_ *Tarikh al-Da'wah al-Islamiah fi Marhalah al-Hisor min Harakat al-Jaish ila Camp David* (Qāherah : Dār al-'Itiṣom, 1987).

Asyraf Hj. Abdul Rahman et al. : Pembangunan Insan baik : *Pengurusan Skema Martabat Ilmu Dalam Islam, Ahmad Bazli Shafie dalam buku Modal Insan Dan Pembangunan Masa Kini.* (Kuala Terengganu : Fakulti Pengurusan & Ekonomi, Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia (KUSTEM - 2006).

At-Toher Ahmad ar-Rāwī (Mantan Mufti Republik Arab Libya) dalam kitabnya : *Tartīb al-Qomūs al-Muhiṭ 'ala Toriqah al-Miṣbāh al-Munīr wa Asās al-Balāghah* (Qāherah : 'Isa al-Bābiy al-Ḥalabī Wa Syurakāhu. t.t).

Auni Haji Abdullah : *Teras Utama Sistem Pengurusan Islam* – (Kuala Lumpur : Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd, 2010).

Aziz Deraman : *Pengenalan Pemprosesan Data* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 1991).

Baharudin Ali Masrom & Mohamad Rizal Long : *Motivasi daripada Tuhan* (Sg. Buloh : Kemilau Publika Sdn. Bhd., 2013).

Bhasah Abu Bakar : *Kaedah Analisis Data Penyelidikan Ilmiah* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2007).

Brigadier Jeneral Muhammad Jamal al-Dīn 'Ali Maḥfūz : *Al-Madkhal Ila al-'Aqīdah wa al-Istrātiyyah al-'Askāriyyah al-Islamiyyah* (Qāherah : Dār al-'Itiṣom, 1976).

Daniel Zainal Abidin, Dr. : *Minda Muslim Super*, (Kuala Lumpur : PTS Millennia Sdn. Bhd. 2008).

Fahmi as-Syanāwi : *Al-Muāmarah 'Alā Isqāt al-Khilāfah al-'Uthmāniyyah* (Qāherah : Kitāb al-Mukhtār, t.t.).

Farid 'Abd al-Kholiq : *Al-Ikhwān al-Muslimūn fī Mizān al-Haq* (Qāherah : Dār al-Šohwah li al-Nasyr wa al-Tawzī', 1987).

Farid Nu'man : *Al-Ikhwān al-Muslimūn- Anugerah Allah yang terzalimi* (Depok Indonesia : Pustaka Nauka, 2003).

Faruq ‘Abd al-‘Alim Mursi : *Al-Syari‘ah al-Islamiyyah Aṣl Aḥkām al-Qadā’* (Jīza – Mesir : Dār al-Aqsa li al-Kitāb, 1987).

Fathi Yakan : *Manhajiah al-Syahid Hasan al-Banna wā Madāris al-Ikhwān al-Muslimin* (Beirut - Muassasah ar-Risālah, 1998).

\_\_\_\_\_ *Al-Syabāb wa al-Taghyīr* (Beirut : Muassasah al-Risālah, 1987)

\_\_\_\_\_ *Mādhā Ya’ni Intimāie li al-Islām* (Beirūt : Muassasah ar-Risālah, 1986).

\_\_\_\_\_ *Manhajīyyah al-Syahid Hasan al-Banna wa Madāris al-Ikhwān al-Muslimin* (Beirut : Al-Risālah Li al-Ṭibā’āh wa al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1998).

Fawziah al-Haj ‘Ali al-Badrī, Dr : *Al-Tarbiyah Baina al-Asolah wa al-Mu’āṣirah – Mafāhiμuha-Ahdāfuha-Falsafatuha* (Amman : Dār al-Thaqāfah li al-Nasyar wa al-Ṭibā’ah, 2009).

Hamzah Mansūr : *Hākadhbā ‘Allamatni Da’wah al-Ikhwān al-Muslimin* (‘Ammān : Dār al-Furqān, 1999).

Haron Din et al *Manusia Dan Islam* (Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd, cet. Ke-3, 1988).

Hasan al-Banna : *Majmū‘ah al-Rasāil* (Qaherah : Dar al-Siyahab, t.t.).

\_\_\_\_\_ *Mudhakkirāt al-Da’wah wa al-Dā’iyah* (Qāherah : Dār al-Siyahab, t.t.).

\_\_\_\_\_ *Al-‘Aqāid* (Qāherah : Dār al-Siyahab, 1979).

Hasan Ayub : *Al-Sulūk al-Ijtīmā’ī fī al-Islām* (Kuwait : Dār al-Buhūth al-‘Ilmiyah, 1985).

Hilal Asyraf et. al, *Keimanan Adalah Paksi – Hidup Untuk Tuhan* (Batu Caves : PTS Millenia Sdn. Bhd, 2014).

Hisyam Althalib : *Panduan Latihan Bagi Petugas Islam* terj. Wan Izzuddin Wan Sulaiman (Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1992).

Hussein bin Muhammad bin Ali Jaber : *Al-Torīq Ilā Jamā’ah al-Muslimin* (Manṣoūrah : Dār al-Wafā’, 1987). Kajian sarjana dengan mendapat kepujian kelas pertama.

Ibn Qaiyim al-Jauziyyah : *Al-Tib al-Nabawi* (tanpa penerbit dan tarikh).

- \_\_\_\_\_ *Al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyāsah al-Syar'iyyah* (Jeddah : Dār al-Madani, 1985).
- \_\_\_\_\_ *Ighāthah al-Lahfān Min Maṣāyid al-Syaiṭān* (Qāherah : Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābiy al-Ḥalabiyy wa Awlāduhu, 1961).
- \_\_\_\_\_ *Madārik al-Sālikīn* (Qāherah : Dār al-Hadīth, t.t.).
- \_\_\_\_\_ *Raudah al-Muhibbin wa Nuzhah al-Musytaqqin* (Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t.).
- Ibn Taimiyyah : *Al-Furqan Bain Auliya' al-Rahman wa Awliya' al-Syaitan* (Iskandariah : Maktabah 'Abd al-'Aziz as-Salafiah -1981).
- \_\_\_\_\_ *Fatāwā al-Khamr wa al-Mukhaddarāt* (Qāherah : Dār al-Basyīr, 1985).
- Idris Awang : *Penyelidikan Ilmiyah Amalan Dalam Pengajian Islam.* (Shah Alam : Ainil & Shakir Sdn. Bhd., 2009).
- Imam Abu al-Farj Jamāl al-Dīn bin Ali bin Muhammad al-Jawzi (Ibn al-Jawzi) : *Zād al-Masīr* (Beirut : Al-Maktab Al-Islāmī, 1984).
- Imam Barnadib : *Erti dan Metod Sejarah Penyelidikan* (Jakarta : Yayasan Penerbitan FIP – KIP, 1982).
- Imam Jalāl al-Dīn Muhammad bin Ahmad al-Muhallā & Jalāl al-Dīn 'Abd Rahman al-Şuyuṭī : *Tafsir al-Jalalain* (Penang : Maktabah Dār al-Ma'ārif, t.t.).
- Imam Muhammad Abu Zuhrah : *Al-Da'wah fi al-Islām* (Qāherah : Dār al-Fikr al-Islāmi, t.t.).
- \_\_\_\_\_ *Al-Mujtama' al-Insāni fi Zilāl-Islām* (Qāherah : tanpa penerbit, 1986).
- \_\_\_\_\_ *'Ilm Uṣūl Fiqh* (Qāherah : Dār al-Fikr al-'Arabī, 1958).
- \_\_\_\_\_ *Tanzim al-Islām li al-Mujtama'* (Qaherah : Dar al-Fikr al-Arabi, 1999).
- \_\_\_\_\_ *Tarikh al-Madhāhib al-Islamiyyah Fi al-Siyasah wa al-'Aqoid wa Tārīkh al-Madhāhib al-Fiqhīyyah* (Qāherah : Dār al-Fikr al'Arabi, t.t.).

Imam Muhammad Mutawalli al-Sya'rāwi : *'Aqīdah al-Muslim* (Qāherah : Maktabah al-Turāth al-Islāmi, 1984).

Ishak Mohd Rejab : *Asas-Asas Aqidah Islamiah* (Kuala Lumpur : Menara Ilmu Sdn. Bhd, 1992).

Ishāq bin 'Abd Allah as-Sa'dī : *Tamaiyuz al-Ummah al-Islamiyyah* (KSA : Jāmi'ah al-Imām Muhammad bin Sa'ūd al-Islamiah, 1426H).

Ismail Salim 'Abd al-'Al : *Al-Bahath al-'Ilmi – Tobi'ātuhu wa Khoṣāisuhu wa Uṣūluhu wa Maṣodiruhu*”, (Qāherah : Maktabah az-Zahrā', 1992).

\_\_\_\_\_ *Al-Bahath al-Fiqhī* (Qāherah : Maktabah a-Zahra', 1992).

Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia* (Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2006).

Jāber Qamīḥah : *Al-Imām al-Syahīd Hasan al-Banna Baina al-Sihām al-Sawdā'* wa 'Aṭā' al-Rasā'il (Qāherah : Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr al-Islamiyah, 1998).

Jāber Rizq : *Al-Imām al-Syahīd Hasan al-Banna bi Aqlām Talāmidhatihi wa Mu'āṣirihī*<sup>1</sup> (Manṣoūrah – Mesir - Dār al-Wafā', 1986).

\_\_\_\_\_ *Al-Daulah wa al-Siyāsah fī Fikr Hasan al-Banna* (Manṣoūrah : Dār al-Wafā' li al-Tibā'ah wa al-Nasyr, 1985).

Jamaluddin Haji Badusah et al., *Pembangunan Pelajar – Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi* (Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2009).

Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, *Penguasaan Kemahiran Menulis* (Kuala Lumpur : Penerbit Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 1997).

Khalid bin Ali bin Muhammad al-Anbary : *Fiqh al-Siyāsah fī Daw' al-Qurān wa al-Sunnah wa Aqwāl Salaf al-Soleh*, terj. Ustaz Mat Taib Pa, Dr. Puzhi Usop et al (Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd, 2008).

Mahmoud 'Assaf : *Ma'a al-Imām al-Syahīd Hasan al-Banna* (Qāherah : Maktabah 'Ain Syams, 1983).

Mahmoud 'Abd al-Halim : *Al-Ikhwān al-Muslimūn - Aḥdāth Ṣona'at al-Tārīkh* (Qāherah : Dār al-Da'wah, 2004).

Mahmud Fathi Abdul Samad : *Muslim Profesional*. (Kuala Lumpur - Penerbitan Ilham Baru, 2010).

Mahmoud Muhammad Muhammad ‘Imārah : *Tarbiyah al-Awlād Fi Zilli al-Islām* (Qāherah : Dār al-Turāth al-‘Arabi, 1984).

Mahmoud Syaltut, Syeikh : *Mīn Tawjīhāt al-Islām*, (Meşir, Dār al-Syurūq, 1987).

\_\_\_\_\_ : *Al-Fatāwā* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 1983).

\_\_\_\_\_ *Al-Islām ‘Aqīdah wa Syari’ah* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 1980).

\_\_\_\_\_ *Min Taujīhāt al-Islām* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 1987).

Mājed ‘Arsān al-Kīlāni, Dr : *Ahdāf al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Beirut : Muassasah Rayyān, 1998).

\_\_\_\_\_ *Falsafah al-Tarbiyah al-Islamiyyah – Dirāsah Muqāranah bi al-Falsafāt al-Tarbawiyah al-Mu’āṣirah* (Ammān : Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nasyar, 2009).

Malek Bennabi (terjemahan Dr. ‘Abd as-Şobūr Syahīn) : *Syurūt al-Nahḍah* (Damsyīq : Dār al-Fikr, 1985).

Markaz al-Kalimat Li al-Dirāsāt wa al-Buhūth : *Fiqh al-Wāqi’i*, t.t.

Marwan Kajek : *Al-Usrah al-Muslimah Amām al-Video wa al-Televizīyyūn* (Qāherah : Dār al-Kalimah al-Taiyibah, 1986).

Miqdad Yaljan, Dr : *Daur al-Tarbiyah al-Akhlāqiyyah al-Islāmiyyah fī Binā’ al-Fard wa al-Mujtama’ wa al-Hadārah al-Insāniyyah* (Riyādh : Dār ‘Ālam al-Kutub, 1996).

\_\_\_\_\_ *Toriq al-Sa’ādah* (Qāherah : Dār al-Şofwah, 1987).

\_\_\_\_\_ *Ahdāf al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Ghoyatuhā* (Riyādh KSA : Jāmi’ah al-Imām Muhammad bin Sa’ūd al-Islamiyyah, 1986).

Mohammad Ali Toha : *365 Tip Sihat Gaya Rasulullah* (Kuala Lumpur : PTS Millennia Sdn. Bhd, 2010).

Mohammad Amien Rais : *The Muslim Brotherhood in Egypt : Its Rise, Demise and Resurgence* (thesis Ph. D, The University of Chicago, Chicago, Illinois, 1981).

Mohammad Majid Konting : *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Jakarta : Dewan Bahasa & Pustaka, 1990).

Mohd Nakhaie Ahmad : *Di Bawah Naungan Islam* (Kuala Lumpur : Institut Muamalat Islam Malaysia, 1998).

Mohd Radhi Ibrahim : *Pembangunan Insaniah Pelajar Muslim* (Nilai Negeri Sembilan : Universiti Sains Islam Malaysia, 2010).

Mohd. Sidin Ahmad Ishak : *Ketrampilan Menulis* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 1992).

Muhammad ‘Abd Allah Darraz : *Dustūr al-Akhlāq fī al-Qurān* (Beirut : Muassasah al-Risālah, 1985).

Muhammad ‘Abd al-Rahman, Dr : *Manhaj al-Īslāḥ wa al-Taghyīr ‘Inda al-Ikhwān al-Muslimīn – Dirāsah Fi Rasāil al-Imām Ḥasan al-Banna* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiyyah, 2006).

Muhammad ‘Abduh : *Al-‘Amāl al-Kāmilah li al-Imām al-Syeikh Muhammad ‘Abduh* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 2006).

Muhammad Abdul Qodir Abu Faris : *Fiqh Politik Hasan al-Banna* (Kuala Lumpur : Mutiara Ilmu Seleka Sdn. Bhd, 2011).

\_\_\_\_\_ *Manhaj al-Taghyīr ‘Inda al-Syahīdān Ḥasan al-Banna wa Sayyid Quṭb* (Jordan, Dār ‘Āmmar, 1418H/1997).

Muhammad ‘Abd al-Rahman : *Manhaj al-Īslāḥ wa al-Taghyīr ‘Inda Jamaat al-Ikhwān al-Muslimīn* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiyyah, 2006).

Muhammad Abu al-Futuḥ al-Bayānūnī : *Al-‘Ibadah* (Qāherah : Dār al-Salām, 1984).

Muhammad Ahmad ‘Abd al-Jawwad : *14 Langkah Cemerlang dalam Pengurusan Waktu*. Terj. Abdurrahman Siregar LC (Kuala Lumpur : Jasmin Enterprise, 2004).

Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib : “*Lamhāt fī al-Maktabāh wa al-Bahath wa al-Maṣodir*” (Beirūt : Muassasat al-Risālah, 1983).

Muhammad Akhmal Hakim : *8 Kecerdasan Membentuk Muslim Superior.* (Kuala Lumpur : Terbitan PTS Millennia Sdn. Bhd. Cetakan Pertama 2014).

Muhammad al-Ghazali : *Al-Haq al-Mur* (Qaherah : Dar al-Syuruq, 1989).

Muhammad ‘Ali al-Šobūnī : *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr* (Beirut : Dār al-Qurān al-Karīm, 1396H).

Muhammad ‘Ali Muhammad al-Marṣāfi, Dr : *Fi al-Tarbiyah al-Islamiyyah – Buhūth wa Dirāsāt* (Qāherah : Maktabah Wahbah : 1987).

Muhammad Mahmud al-Ṣowaf, Syeikh : *Min Sijilli Dhikrayāti* (Qāherah : Dār al-‘Itisom, 1987).

Muhammad al-Mukhtār, Dr : *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah Bainā al-Qadīm wa al-Hadīth* (Isesco, 1993).

Muhammad Munir Morsi, Dr. : *Uṣūl al-Tarbiyah* (Qāherah : ‘Ālam al-Kitab, 2001).

Muhammad al-Saiyid al-Wakil, Dr : *Al-Qiyādah wa al-Jundīyyah fi al-Islām* (Mansoūrah : Dār al-Wafā’ li al-Ṭiba’ah wa al-Nasyr, 1986).

Muhammad Amin Hasan (Tesis Sarjana), *Khoṣāṣ āl-Dakwah al-Islamiah*, (Jordan : Maktabah al-Manār, 1983).

Muhammad al-Ahmadi Abu al-Nur : *Al-Muntakhab Fi Tafsir al-Qurān al-Karīm* (Qāherah : Wizārah al-Awqāf, 1985).

Muhammad al-Bahi –*Al-Qurān wa al-Mujtama’* (Qāherah : Maktabah Wahbah 1986).

\_\_\_\_\_ *Nahwa al-Qurān* ( Qāherah : Maktabah Wahbah 1986).

\_\_\_\_\_ *Al-Islām fī Ḥayah al-Muslim* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1973).

Muhammad al-Mukhtār Walad Abbah, Dr : *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah Bainā al-Qadīm wa al-Hadīth* (Isesco, 1993).

Muhammad Fathi ‘Ali Sya’ier : *Wasā'il Ilām al-Maṭbū'ah fi Da'wah al-Ikhwān al-Muslimīn* (Riyadh : Al-Ma’had al-‘Āliy al-Da’wah al-Islamiyyah, 1985).

Muhammad Hashim Rayyan, Ahmad Muhammad Balqis & Prof. Yahya Salim al-Aqtash : *Al-Isyrāf al-Tarbawi Fī Majāl al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Ammān : Dār al-Masīrah Li al-Nasyr wa al-Tawzī’ wa al-Ṭibā’ah, 2010).

Muhammad Hasan al-‘Umāyirah, Dr : *Uṣūl al-Tarbiyah al-Tarīkhiyyah wa al-Ijtīmā'iyyah wa al-Nafsiyyah wa al-Falsafīyyah* (Ammān : Dār-Masīrah li al-Nasyar wa al-Tawzī’ wa al-Ṭibā’ah, 2008).

Muhammad Ibrahim al-Ḥifnāwī, Dr : *Fiqh al-Ṣolāh* (Qāherah : Dār al-Hadīth, 1986).

Muhammad Ibrahim Salim : *Minhāj al-Tifl al-Muslim Min Taujīhāt al-Qurān al-Karīm* (Qāherah : Maktabah al-Qurān, 1984).

Muhammad Kamel ‘Abd as-Şomad : *Al-Televiziyyūn Bainā al-Hadm wa al-Binā*’ (Iskandariah : Dār al-Da’wah, 1985).

Muhammad Lili Nur Aulia : *Persembahan Cinta Isteri Hasan Al-Banna.* (Kuala Lumpur : Alam Raya Enterprise, 2010).

Muhammad Mohsen : *Man Qatala Hasan al-Banna?* (Qāherah : Dār as-Syurūq, 1987).

Muhammad Na’im Yasin : *Kitāb al-Īmān – Arkānuhu – Haqīqatuhu – Nawāqiduhu* (Qāherah : Maktabah al-Turāth al-Islāmi, 1987).

Muhammad Nasruddin Dasuki : *100 Pesanan Terakhir Rasulullah* (Kuala Lumpur : Karya Bestari Sdn. Bhd (Grup Buku Karangkraf, 2013).

Muhammad Quṭb : *Dirāsāt fī al-Nafs al-Insāniyyah* (Qāherah : Dār as-Syurūq, 1987).

\_\_\_\_\_ *Manhaj al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 1981).

\_\_\_\_\_ *Jahiliyah al-Qarn al-‘Isyrīn* (Qāherah, Dār as-Syurūq, 1988).

Muhammad Rasyid Redha : *Tafsīr al-Manār* (Qāherah : Al-Haiyah al-Miṣriyyah al-‘Āmah Li al-Kitāb, 1972).

Muhammad bin Şomel al-Silmi : *Manhaj Kitābah al-Tārīkh al-Islāmī wa Tadrīsihi*, (Manşoūrah : Dār al-Wafā’, 1988).

Muhammad Sa’id Ramadaṇ al-Būṭi : ‘Alā Torīq al-‘Audah Ila al-Islām (Beirut : Muassasah al-Risālah, 1985).

Muhammad bin Sa’ad al-Syuway’ir, Dr : *Himāyah al-Islām li al-Mar’ah* (Qāherah : Dār al-Şohwah li al-Nasyr, 1985).

Muhammad as-Saiyid Muhammad Yusuf : *At-Tamkīn li al-Ummah al-Islamiyyah fi Daw’ al-Qurān al-Karīm* (Qāherah : Dār as-Salām, cet. Kedua, 2003).

Muhammad Syalabi : *Al-Syeikh al-Ghazali wa Ma’rakat al-Mashaffi al-‘Alam al-Islami* (Qaherah : Dar al-Sohwah, 1987).

Muhammad ‘Uthman al-Khasyat ; *Al-Masyakil al-Zawjiyyah wa Hululuha* (Qaherah : Maktabah al-Quran, 1984).

Muhammad Yusuf Musa, Dr – *Al-Islām Wa Ḥājat āl-Īnsāniyah Īlaih*, (Kuwait : Maktabah al-Falāḥ, 1978).

\_\_\_\_\_ *Niẓām al-Hukm fī al-Islām* (Qāherah : Dār al-Ma’rifah, 1964).

Muhsin Rodhi : *Al-Ikhwān al-Muslimūn Tahta Qubbat al-Barlimān* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiyyah, 1990).

Mumtazah Othman dan Husna Sulaiman, Dr – *Penyelesaian Masalah : Teknik & Aplikasi*, (Serdang, Penerbitan Universiti Putra Malaysia (UPM), 2008).

Murtaḍā Muṭṭahiri : *Al-Tarbiyah wa al-Ta'līm Fī al-Islām* (Beirūt : Dār al-Hādi, 2000).

Mus Chairil Samani, *Penulisan Rencana Berkesan*. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 1997).

Muṣṭafā ‘Abd al-Wāhid : *Al-Mujtama’ al-Islāmi* (Jeddah : Dār al-Bayān al-‘Arab , 1984).

Muṣṭafā Rajab, Dr : *Fī Hawiyyah al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Manhajiyatuha* (Dasūq, Mesir) : Dār al-‘Ilm wa al-Īmān li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 2009).

Muṣṭafa al-Sibā’īe : *Aḥkām al-Šiyām wa Falsafatuhu fī Daw’ al-Qurān wa al-Sunnah* (Beirut : Al-Maktab al-Islāmi, 1983).

Muṣṭafa al-Ṭahhān : *Taḥaddiyāt Siyāsah Tuwājih al-Harakah al-Islamiyyah* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiyyah, 1997).

\_\_\_\_\_ *Al-Tarbiyah wa Dauruhā Fī Tasykīl al-Sulūk* (Mansoūrah : Dār al-Wafā’, 2009).

Mustafa Haji Daud : *Pengurusan Islam* (Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1994).

Muṣṭafa Ismail Musa, Dr : *Tadrīs al-Tarbiyah al-Islamiyyah li al-Mubtadiīn* (UAE : Dār al-Kitāb al-Jāmi’īe, 2004).

Muṣṭafa Masyhūr : *Tasāulāt ‘Alā al-Torīq* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islāmiyah, t.t.).

\_\_\_\_\_ *Al-Qudwah ‘Alā Torīq al-Da’wah* (Qāherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiyah, 1988).

Mutawalli al-Sya'rāwī, Syeikh : *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah* (Qāherah : Maktabah al-Turāth al-Islāmī, 1984).

Nik Abdul Aziz Nik Mat : *Bunga Kebahagiaan* (Sg. Buloh : Kemilau Publika Sdn. Bhd, 2012).

Noor Chozin Sufri : *Hasan al-Banna – Tokoh Dakwah di Mesir* (Tesis Ph. D kepada Program Pasca Sarjana, Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah (Jakarta) 1999, yang diselia oleh Prof. Dr. H. Moh. Ardani dan Dr. A. Wahid Mu'thi.

Othman Lebar, Penyelidikan Kualitatif : *Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, (Tanjong Malim : Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007).

Othman Mohamed, *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*, (Serdang ; Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2001).

Pauzi Hj. Awang : *Hasan al-Banna : Satu Pengenalan Ringkas,*” dalam *Tokoh-tokoh Pemikir Islam*, ed. Mohamad Kamil Hj. Abdul Majid (Ampang : Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd, 2010).

Raf'at as-Saiyid : *Hasan al-Banna – Muassis Harakah al-Ikhwān al-Muslimīn. Matā. Kaifa wa Limādhā?*, (Qāherah, Maktabah Matbuly, 1977).

Raja' Mahmud Abu 'Allam : *Kitābah al-Bahath al- 'Ilmi* (Qāherah : Dār al-Nasyr Li al-Jāmi'āt, 2007).

Razzaq, Abdur., Universiti Malaya. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam dengan judul : *Pengaruh pemikiran Hasan al-Banna dan Mohammad Natsir terhadap politik Islam di Indonesia : Kajian perbandingan*. Local LC Call No.: BP42 A2 UMP 2009 Raz Publication: 2009. Dissertation Note : Thesis (Ph.D) -- Jabatan Akidah dan Pemikiran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009.

Riduan Mohamad Nor & Zainudin Hashim : *Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Modern* (Kuala Lumpur : Jundi Resources, 2010).

\_\_\_\_\_ *Memperingati 100 Tahun Hasan Al-Banna* (Kuala Lumpur : Jundi Resources, 2006).

Rifqī Zāhir, Dr : *Falsafah al-Tarbiyah Fi al-Islām* (Qāherah : Dār al-Mātbū'āt al-Dauliyyah, 1981).

Sa'id Hawwa : *Al-Asās fi al-Tafsīr* (Qāherah : Dār al-Salām, 1985)

- \_\_\_\_\_ *Al-Islām*, (Qāherah, Maktabah Wahbah, 1987).
- \_\_\_\_\_ *Al-Madkhal Ila Da’wah l-Ikhwan al-Muslimin* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1984).
- \_\_\_\_\_ *Fī Ḥafāq al-Ta’līm* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1980).
- \_\_\_\_\_ *Fuṣūl fi al-Imrah wa al-Amīr* (Qāherah : Dār al-Salām, 1983).
- \_\_\_\_\_ *Jundullah Thaqāfatan wa Akhlāqan* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1980).
- \_\_\_\_\_ *Munṭolaqāt Islamiyyah li Ḥadārah ‘Ālamiyah Jadīdah* (Qāherah : Dār as-Salām, 1984).
- Sa’id Ismail ‘Ali, Prof. Dr. : *Uṣūl al-Tarbiyah al-‘Āmah* (Ammān : Dār al-Masīrah, 2007).
- Saīf al-Islām Ali Maṭar : *Al-Taghayyur al-Ijtīmā’ie* (Mansoūrah-Mesir : Dār al-Wafā’, 1986).
- Saiyid Qutb : *Fi Zilāl al-Qurān* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 1982).
- \_\_\_\_\_ *Nahwa Mujitama’ Islāmi* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 2008).
- Saiyid Sabiq : *Al-‘Aqāid al-Islamiyyah* (Qāherah : Dār al-Kutub al-Hadīthah, 1976).
- \_\_\_\_\_ *Unsur-Unsur Kekuatan Dalam Islam – terj. Muhammad Abdai Rathomy* (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd, 1978).
- Shahnon Ahmad : *Sastera ; Pengalaman, Ilmu, Imiginasi dan kitarannya*. (Kuala Lumpur – Dewan Bahasa & Pustaka, 1994).
- Shamsul Azhar Bin Yahya : *Gerakan al-Ikhwan al-Musimin dan Pembinaan Peradaban Mesir Moden*, disertasi Ijazah Sarjana Sastera, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2007).
- Sofiyurrahmān al-Mubarakfuri, Syeikh : *Al-Rahiq al-Makhtūm* (Mansoūrah : Dār al-Wafā’, t.t).
- Şolāh asy-Shādi : *Şoħħat min al-Tārīkh – Haṣod al-‘Umur* (Qāherah : Az-Zahraa Li al-‘Ilam al-‘Arabi, 1987).
- Syabal Badran, Dr & Ahmad Faruq Mahfuz, Dr : *Usus al-Tarbiyah* (Qāherah : Dār al-Ma’rifah al-Jami’iyah, 1993).

Taufiq al-Wā'ie, Dr : *Al-Imām Hasan al-Banna – Mujaddid al-Qarn* (Kuwait : Maktabah al-Manār al-Islamiah, 2008).

‘Umar al-Tilmasānī : *Mudhakkirāt Lā Dhikrayāt*’ (Qāherah : Dār al-‘Itiṣom, 1985).

Wahbah al-Zulaili, Dr : *al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirūt : Dār al-Fikr al-Mu’āşir, 1997).

\_\_\_\_\_ *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Damsyiq : Dār al-Fikr, 1984).

Wan Jaffree Wan Sulaiman – *Detik-detik hidupku....Hasan al-Banna*, (Kuala Lumpur - Pustaka Salam, 1990).

Yahya Ismail : *Manhaj al-Sunnah fi al-Ilaqah baina al-Hakim wa al-Mahkum* (Mansourah : Dar al-Wafa’, 1986).

Yusuf al-‘Adzam : *Al-Iman wa Āthāruhu fī Nahdah al-Syu’ūb* (Riyadh : Al-Dar al-Sa’udiyyah Li al-Nasyr wa al-Tawzi’, 1984).

Yusuf al-Qaradawī : *Mudhakkirāt al-Qaradawī* telah dialih bahasa dalam versi Indonesia dengan judul : Aku dan al-Ikhwān al-Muslimūn terjemahan Qurratul Eain Fatah Yasin. (Kuala Lumpur : Mutiara Seleka Sdn. Bhd, 2012).

\_\_\_\_\_ *Aku dan al-Ikhwān al-Muslimūn* – terj. Qurratul Aien bt. Abdul Fattah (Kuala Lumpur : Mutiara ilmu Seleka Sdn. Bhd, 2010).

\_\_\_\_\_ *Al-‘Ibādah fī al-Islām* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1985).

\_\_\_\_\_ *Al-Dīn wa al-Daulah Ta’sīl wa Rad Syubhāt* (Qāherah : Dār al-Syurūq, 2007).

\_\_\_\_\_ *Al-Hal al-Islāmī Farīdatun wa Dorūrah* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1987).

\_\_\_\_\_ *Al-Ikhwān al-Muslimūn – 70 ‘Ām Fī al-Da’wah wa al-Tarbiyah wa al-Jihād* (Mesir : Maktabah Wahbah, 1999M/1420H).

\_\_\_\_\_ *Al-Islām wa al-‘Ilmāniyyah Wajhan li Wajhin* (Qāherah : Dār al-Sohwah, 1987).

\_\_\_\_\_ *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Madrasah Hasan al-Banna* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1982).

\_\_\_\_\_ *Al-Ummah al-Islamiyyah Haqiqatun La Waham* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1995).

- \_\_\_\_\_ *Al-Waktu fi Ḥayāh al-Muslim* (Qāherah : Dār al-Ṣohwah, 1984).
- \_\_\_\_\_ *Al-Khoṣois al-Āmah li al-Islām* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1986).
- \_\_\_\_\_ *Fi Fiqh al-Awlāiyyāt Dirāsaḥ Jadiḥah fi Ḏaw’ al-Qurān wa al-Sunnah* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 2012).
- \_\_\_\_\_ *Haqīqah al-Tauhīd* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1979).
- \_\_\_\_\_ *Madkhal Ilā Ma’rifah al-Islām* (Qāherah : Maktabah Wahbah, 1996).
- \_\_\_\_\_ *Min Ajl Ṣohwah Rosyidah – Tajaddud al-Dīn wa Tanhaḍ bi al-Dunya* (Dār al-Wafā’ li at-Ṭibā’ah wa al-Nasyr, 1995).
- \_\_\_\_\_ “Murabbi al-Rijal”, dalam *Al-Masyrū’ al- Islāhi li al-Imam Hasan al-Banna li Qarnin Jadid*, ed. Al-Mustasyar Ṭorīq al-Basyari (Qāherah : Markaz al-‘Ilām al-‘Arabi, 2007).
- \_\_\_\_\_ *Sanggahan Salah Tafsiran Islam*” terj. ‘Abdul Rahman Rukaini (Kuala Lumpur terbitan Synergymate Sdn. Bhd. 2004).
- \_\_\_\_\_ *Al-Ṣohwah al-Islamiyyah wa Humūm al-Waṭan al-‘Arabi wa al-Islāmi* (Qāherah : Dār as-Ṣohwah, 1988).
- Yusuf bñ ‘Abd ar-Rahmān al-Mar’aslı : *Maṣodir al-Dirāsāt al-Islamiyyāh wa Niżām al-Maktabāh wa al-Ma'lūmāt*, (Lubnan : Dār al-Basyā’ir al-Islāmiah, 2006).
- Ziyad Ahmad Salamah : *Al-Syeikh Hasan al-Banna – Sirah Fikriyyah* (Omān - Dār al-Biyārāq, 2001).
- Zul Ramli M. Razali : *R & R Di Lebuh Raya Kehidupan* (Petaling Jaya : Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2011).
- \_\_\_\_\_ *U-Turn Ke Jalan Lurus* (Petaling Jaya : Galeri Ilmu Sdn. Bhd, 2009).

## **CAKERA PADAT**

Maktabah Syamilah & Sultanera, Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam, Lidwa Pustaka, 2010 -2011.

## **JURNAL**

Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid, ‘*Membina Umat Berkualiti*’ rencana dalam Jurnal Al-Manar, Edisi Bulan Jun 1997), Akademi Pengajian Islam.

## **KAMUS**

Abd. Rauf Dato’ Hj. Hassan et.al. *Kamus al-Lughah al-Malayuwiyyah – Al-Lughah al-‘Arabiyyah* (Shah Alam : Dewan Pustaka Fajar, 2005).

*Kamus ‘Al-Munjid Fi al-Lughah’* (Beirut, Dar al-Masyriq 1984).

*Kamus Dewan Edisi Ketiga* : (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 1997).

*Kamus Pelajar Bahasa Malaysia* – cet. Ke-9 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka – Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993).

## **LAMAN SESAWANG**

<https://books.google.com.my/books?id=OcbCBQAAQBAJ&pg=PA7&lpg=PA7&dq=USRah+MENURUT+PAS&source>, dicapai pada 17 Disember 2000 =bl&ots=YP3Vf3XoGG&sig=QcCJIwIVZl-0LQ18TAU8w2-

<https://www.facebook.com/notes/pertubuhan-ikram-malaysia/usrah-tonggak-tarbiyah/dicapai pada 24 Oktober 2015 196351373738519/>

<http://www.mindamadani.my/>, dicapai 7 Mac 2009, isu-semasa/item/161-sistem-tarbiyyah-abim-satu-pengenalan.html

<http://www.ismaweb.net/dicapai 2013/09/membina-usrah-produktif-siri-1/>

<http://www.haluan.org.my/v5/kolumnis/bicara-presiden/2142-ucapan-dasar-mesyuarat-tahunan-perwakilan-haluan-ke-26>

<http://www.buletinislami.com/ dicapai 2016/01/rahasia-kejayaan-turki-jamaah-shalat-subuh-seperi-jumatan-di-indonesia.html>

<http://ilhamfadli.blogspot.my/2012/04/recep-toyip-erdogan.html>

## MAJALAH

‘Abd al-Hamid Kisyk : *Hasan al-Banna Mujaddid al-Islām fi al-Qarn al-‘Isyrīn* dalam *Majalah Liwa’ al-Islam (Panji Islam)* (Qāherah : Bilangan 11 tahun 44, 28 Januari 1990).

Al-Azhar al-Syarif : *Bayān li al-Nās min al-Azhar al-Syarīf* (Qāherah : Maṭba’ah al-Azhar : 1984), hal. 118.

Kamal Helbawy, “Industri Mas Depan Gerakan Islam”, *Majalah tarbawi – Edisi Khas Ijtima’ Tarbawi 3.0* (Kuala Lumpur – Jundi Resources, Oktober 2013).

Majalah al-Ikhwan al-Muslimin : *Risalah Niżam Usrah*, minit mesyuarat jamaah, bil. 1372.

Riduan Mohamad Nor, “Al-Ikhwānul Muslimin : Semalan Dan Hari ini,” *Majalah Memperingati Asy-Syahid Hasan Al-Banna - Edisi Khas Revolusi Mesir 2011*, (Kuala Lumpur – Jundi Resources, Cetakan Pertama, 2011).

Risalah yang diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Singapura : *Kesihatan Di Masa Tua* (Singapura : t.t.), hal.10.